[Sidang Dewan Pada 20 April 2025 – Hari Pertama Persidangan]

Selepas Loceng Dibunyikan

(Yang Berhormat Dato' Speaker masuk ke Dewan Mesyuarat)

JURUACARA

Ahli-Ahli Yang Berhormat serta hadirin sekalia, mengumumkan ketibaan Yang Berhormat Dato' Speaker Dewan Undangan Negeri masuk ke Dewan Mesyuarat. Semua dipohon berdiri.

YANG BERHORMAT TUAN SPEAKER

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan disambung semula. Dipersilakan Tuan Setiausaha untuk bacaan doa.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Bacaan Doa.

YANG BERHORMAT TUAN SPEAKER

Sukacita saya maklumkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah telah memberi perkenan untuk menyampaikan Titah Ucapan sempena Perasmian Pembukaan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Bagi Mesyuarat Pertama Penggal Pertama.

Sekarang saya pohon meninggalkan majlis untuk mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultanah serta Kerabat-Kerabat Diraja yang lain ke majlis ini".

(Yang Berhormat Dato' Speaker dan rombongan keluar menjemput KDYMM Tuanku Sultan Kedah dan KDYMM Tuanku Sultanah Kedah serta Kerabat-Kerabat DiRaja yang lain masuk ke dalam Dewan).

Ahli-Ahli Yang Berhormat dan hadirin sekalian dipohon berdiri. Mengumumkan keberangkatan masuk KDYMM Tuanku Sultan Kedah dan KDYMM Tuanku.

JURUACARA

Sultanah Kedah ke Dewan Mesyuarat diiringi bersama Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Kedah serta Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Kedah dan Duli Yang Amat Mulia Tunku Puan Mahkota Kedah.

(KDYMM Tuanku Sultan Kedah dan KDYMM Tuanku Sultanah Kedah dan Kerabat-Kerabat DiRaja bersemayam)

JURUACARA

Semua dipersilakan duduk. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik pohon diampun. Ahli-Ahli Yang Berhormat serta hadirin sekalian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah telah perkenan menyampaikan Titah Ucapan Perasmian. Dipersilakan YAB. Menteri Besar Kedah untuk mempersembahkan Titah DiRaja ke hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan.

(Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar akan persembahkan Naskah Titah Ucapan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah bertitah sambil bersemayam)

I. TITAH UCAPAN PERASMIAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH SEMPENA PERASMIAN PEMBUKAAN MESYUARAT PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDAH BAGI MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA PADA 20 APRIL 2025.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim.
Segala puji bagi Allah S.W.T. Tuhan sekalian alam.

Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W., penghulu segala Nabi dan Rasul. Semoga Allah S.W.T. memberi rahmat kepada ahli keluarga serta para sahabat Baginda sekalian.

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. dengan limpah kurnia-Nya, maka dapatlah Beta dan Tuanku Sultanah berangkat hadir ke Istiadat Perasmian Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedah, Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Kedah Ke-15 pada pagi ini.

Kesempatan ini amat besar ertinya kerana Beta dapat bertitah menyampaikan pesanan serta berkongsi pandangan secara terus dengan semua Ahli Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Peranan hakiki Ahli-ahli Yang Berhormat adalah penting untuk melaksanakan semak dan imbang kerajaan, menggubal dasar dan undang-undang negeri, dan mengawal belanjawan negeri.

Semua Ahli Yang Berhormat perlu faham tanggungjawab ini, agar setiap pandangan dan kritikan yang disuarakan adalah bersifat membina demi kepentingan negeri dan rakyat, bukannya saja dianggap sebagai kecaman yang mengundang perbalahan.
Dalam hal ini, Beta berhasrat agar kerajaan Beta sentiasa peka dan proaktif untuk meneliti dan menyemak semula dasar peraturan agar kekal relevan dengan keperluan semasa demi kepentingan negeri, terutamanya yang melibatkan hak sebagaimana yang termaktub di dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Kedah dan Perlembagaan Persekutuan.

Sebagai mewakili suara rakyat di peringkat akar umbi dan penghubung di antara kerajaan dan rakyat, adalah menjadi tanggungjawab semua Ahli Yang Berhormat untuk sentiasa menyelami masalah dan keperluan rakyat terutamanya apabila berlaku bencana yang tidak diduga, seperti bencana banjir yang telah berlaku di Negeri Kedah pada tahun 2024 yang melibatkan hampir 10,000 mangsa telah dipindahkan dan kerosakan pelbagai infrastruktur utama serta menjejaskan hampir 16,000 hektar kawasan sawah padi.

Di kesempatan ini, Beta ingin menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang telah membuktikan komitmen dan pengorbanan bekerja siang dan malam, tanpa mengira waktu menghulurkan khidmat, berusaha sedaya mungkin untuk meringankan tanggungan mangsa-mangsa banjir.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Beta telah disembah maklum bahawa untuk tahun 2024, Negeri Kedah telah berjaya mencatat kedudukan tempat keempat dalam negara, dengan jumlah keseluruhan pelaburan masuk sebanyak RM45.8 bilion, berbanding RM28.7 bilion bagi tahun 2023. Beta berharap prestasi baik ini dapat diteruskan di tahun-tahun yang akan datang agar ekonomi negeri terus kukuh dan berdaya mampan.

Syabas Beta ucapkan.

Selain itu, Beta amat menyarankan agar kawasan perindustrian yang sedia ada diperkasakan, dan pada masa yang sama meneroka kawasan-kawasan baharu yang berpotensi untuk dimajukan. Dalam hal ini, kerajaan Beta disarankan untuk merancang kawasan perindustrian baharu, khususnya di daerah Bandar Baharu dengan mengambil peluang dan manfaat daripada limpahan pembangunan kawasan industri baharu di negeri yang bersempadan dengan Negeri Kedah.

Dengan mengambil kira konsep supply and demand, Kerajaan Negeri dan Persekutuan hendaklah memberi tumpuan kepada penyediaan infrastruktur yang lengkap. Apabila ekosistem pelaburan dapat diwujudkan, barulah pelabur berminat untuk datang ke Negeri Kedah.

Kedudukan Negeri Kedah yang berjiran dengan Negara Thailand juga hendaklah dimanfaatkan melalui pembangunan bandar sempadan yang melibatkan pelbagai peluang ekonomi dan perniagaan rentas sempadan khususnya sebagai hub logistik dan industri. Beta berharap Kerajaan Negeri dan agensi yang berkaitan dapat mengambil tindakan proaktif dan lebih agresif untuk membawa masuk pelabur ke kawasan Bukit Kayu Hitam Special Border Economic Zone.
Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Di kesempatan ini, Beta mahu Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dapat memainkan peranan membantu Kerajaan Negeri merancang dengan melihat kepada kekuatan negeri yang boleh dioptimumkan. Ianya perlulah sejajar dengan Pelan Pembangunan Kedah 2035 dan Gagasan The Greater Kedah demi kelangsungan ekonomi negeri dan kesejahteraan rakyat di Negeri Kedah.

Selain merencana pembangunan negeri, kesejahteraan rakyat adalah nadi penting bagi sebuah kerajaan yang baik dan stabil. Dalam hal ini, Beta memuji keprihatinan kerajaan pimpinan mamanda Menteri Besar yang mementingkan rakyat yang kurang berkemampuan dengan mendirikan rumah kediaman melalui inisiatif Desa Sejahtera. Komitmen ini secara langsung dapat memberi nafas lega kepada rakyat yang berada di bawah paras garis kemiskinan.

Sehubungan itu, bagi merealisasikan pembangunan yang dirancang dan menjamin kesejahteraan rakyat, kerajaan Beta hendaklah meningkatkan hasil pendapatan negeri. Dalam masa yang sama, Beta ingin menegaskan kepada pihak yang terlibat untuk memastikan ketirisan hasil negeri dapat diminimumkan kerana ianya menyebabkan kerugian hasil kepada kerajaan Beta. Tindakan penguatkuasaan secara berterusan hendaklah dilaksanakan dan hukuman tegas haruslah dikenakan ke atas setiap kesalahan yang dilakukan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Dalam usaha untuk memastikan keterjaminan bekalan beras negara, Beta amat menyokong pelaksanaan inisiatif penanaman padi 5 kali dalam tempoh 2 tahun di kawasan jelapang padi. Namun begitu, kawasan luar jelapang padi juga perlu turut sama diberi perhatian yang serius oleh pihak yang terlibat agar jumlah pengeluaran padi dapat ditingkatkan.

Beta ingin menyarankan agar pihak MADA dan MARDI dapat meningkatkan usaha melaksanakan kajian berterusan dan menggunakan teknologi pertanian moden khususnya dalam penghasilan benih padi yang berkualiti serta penggunaan jentera moden yang cekap.

Penghasilan padi juga bergantung kepada sumber air dari kawasan hutan tadahan air yang turut menyokong keperluan domestik dan industri. Dalam hal ini, kerajaan Beta perlu tegas untuk melindungi kawasan tadahan air di Hutan Simpan Ulu Muda sebagai jaminan kelestarian sumber air yang mencukupi dan selamat di samping menjamin pengekalan pelbagai spesies flora dan fauna.

Beta amat menyambut baik Program Penanaman 2 Juta Pokok yang diterajui oleh Jemaah Dato' Negeri Kedah. Usaha ini perlu digembleng secara bersama oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam memupuk kesedaran di kalangan rakyat Beta mengenai kepentingan memelihara dan mengekalkan kelestarian alam sekitar.
Sepertimana Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud: "Sesungguhnya dunia ini hijau dan cantik, dan Allah telah melantik kamu sebagai pengurusnya. Dia melihat apa yang kamu lakukan."

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Tahun ini merupakan Tahun Melawat Kedah, di mana kita mengharapkan ia akan menjadi platform terbaik untuk meletakkan Negeri Kedah sebagai destinasi pelancongan utama negara. Beta berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dan pihak-pihak yang berkepentingan agar lebih proaktif dalam menjayakan kempen Tahun Melawat Kedah 2025 dan Tahun Melawat Malaysia pada tahun 2026 nanti.

Oleh itu, Beta menggesa agar produk pelancongan sama ada di Tanah Besar atau di Pulau Langkawi ditambah baik dan dinaik taraf di samping mengenal pasti produk-produk pelancongan baharu untuk diperkenalkan. Jaringan perhubungan dan pengangkutan juga haruslah diperkasakan terutamanya perkhidmatan feri ke Pulau Langkawi.

Tamadun Kedah Tua juga perlu ditonjolkan sebagai produk pelancongan yang mempunyai nilai peradaban yang tinggi terutamanya dari segi kemajuan teknologi, kebudayaan dan perdagangan antarabangsa sehingga membawa kepada kegemilangan warisan tamadun yang bertunjangkan agama Islam.

Islam adalah agama rasmi berlandaskan kepada Undang-Undang Tubuh Negeri Kedah dan Perlembagaan Persekutuan. Sebagai penaung dan pemelihara kesucian agama Islam, Beta menyeru supaya semua rakyat Beta mengamalkan ajaran agama Islam yang sebenar. Bagi maksud ini, Beta berharap institusi agama Islam di negeri ini dapat memastikan agenda syiar Islam dapat ditegakkan berdasarkan kepada fahaman yang benar tanpa mengorbankan perpaduan sesama umat Islam. Pada masa yang sama, agama- agama lain bebas untuk diamalkan.
Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Di kesempatan ini, Beta ingin menzahirkan penghargaan di atas taat setia, pengorbanan dan perkhidmatan anggota Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Anggota RELA, barisan petugas kesihatan serta seluruh Pegawai Tadbir Negeri Kedah serta penjawat awam negeri dan persekutuan di Negeri Kedah di atas komitmen yang diberikan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Berbahaslah di dalam Dewan ini secara ilmiah tanpa menepikan fakta dan tatasusila. Gunakanlah kesempatan ini untuk membincangkan kepentingan negeri dan rakyat. Sebagai pemimpin yang diberikan mandat oleh rakyat, Beta ingin berpesan agar semua Ahli Yang Berhormat perlu berjiwa besar, mempunyai keikhlasan tinggi untuk berkhidmat demi rakyat dan meletakkan kepentingan negeri melebihi kepentingan sendiri. Walaupun wujud perbezaan agenda dan ideologi, namun Beta yakin tentu ada persamaan terutama dalam mencorak pembangunan dan kebajikan rakyat bagi membentuk negeri yang lebih makmur.

Beta mendoakan agar Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Kedah Ke-15 berjalan dengan sempurna. Beta dan Tuanku Sultanah mendoakan agar Negeri Kedah akan terus dirahmati dan dipelihara oleh Allah S.W.T. jua hendak-Nya.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, Beta merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Kedah Ke-15. Sekian.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

(Selepas habis bertitah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar akan mengambil semula Titah Ucapan)

JURUACARA

Menjunjung Kasih Tuanku. Dipersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah untuk menyambut Kembali naskhah Titah DiRaja.

JURUACARA

Ampun Tuanku. Bacaan Doa Selamat oleh Sohibus Samahah Dato' Paduka Mufti Negeri Kedah Darul Aman.

SOHIBUS SAMAHAH DATO' PADUKA MUFTI

Bacaan Doa.

(Selepas Bacaan Doa)

YANG BERHORMAT TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan ditangguhkan sehingga jam 9.00 pagi esok.

(Yang Berhormat Dato' Speaker bangun mengangkat sembah memohon keizinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sutlan Kedah Kedah untuk menangguhkan Sidang Dewan)

JURUACARA

Ampun Tuanku, Ahli-Ahli Yang Berhormat serta Hadirin sekalian.

Mengumumkan KDYMM Tuanku Sultan Kedah dan KDYMM Tuanku Sultanah Kedah berangkat meninggalkan Dewan Mesyuarat.diikuti Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Kedah, Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Kedah dan Duli Yang Amat Mulia Tunku Puan Mahkota Kedah serta Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Kedah Darul Aman dan Yang Amat Berbahagia Tok Puan meninggalkan Dewan Mesyuarat. Semua dipohon berdiri.

[Sidang Dewan pada 21 April 2025 – Hari Kedua Persidangan]

YB. TUAN SPEAKER

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan disambung semula.

BACAAN DOA.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Bacaan Doa!

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Ketua-ketua Jabatan, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian, Alhamdulillah. Pertama dan selamanya, marilah kita sama-sama merafakkan rasa penuh kesyukuran terhadap Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan inayah-Nya, kita dapat berkumpul dalam Dewan Yang Mulia ini bagi menyempurnakan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kedah Yang Ke-15. Sebelum memulakan persidangan ini, saya mengucapkan takziah di atas pemergian mantan Perdana Menteri Malaysia yang Ke-5, Tun Abdullah Ahmad Badawi pada baru-baru ini. Allahyarham merupakan seorang tokoh yang banyak berjasa kepada negara. Pemergian beliau merupakan satu kehilangan besar kepada seluruh negara atas sumbangan baktinya sepanjang beliau menjawat jawatan sebagai Perdana Menteri. Marilah kita bersama-sama mendoakan semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama golongan yang beriman. (Bacaan Al-Fatihah).

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan persidangan ini, khususnya kepada barisan pegawai-pegawai kanan kerajaan negeri, kakitangan Pejabat Dewan, pasukan *technical* dan urus setia serta semua inidividu yang bekerja keras di sebalik tabir demi memastikan kelancaran istiadat pembukaan ini berjalan dengan lancar.

YAB. Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dalam suasana Syawal yang masih dirasai saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitiri Maaf Zahir Batin kepada semua Ahli Dewan dan seluruh rakyat Negeri Kedah.

Saya juga ingin memaklumkan ketidakhadiran YB. ADUN Bukit Kayu Hitam, merangkap EXCO Kerajaan Negeri Kedah pada 20 sehingga 23 April 2025 atas faktor kesihatan dan telah mendapat cuti sakit daripada hospital.

Pada pagi ini, Dewan Yang Mulia telah menerima pelawat daripada Kedah Future Leaders dan Sekretariat Belia Sejahtera Negeri Kedah. Selamat datang saya ucapkan. Akhir sekali, patik ingin merafak sembah junjung kasih kehadapan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah atas perkenan baginda mencemar duli merasmikan Pembukaan Perasmian Dewan pada kali ini. Sesungguhnya keberangkatan baginda adalah lambang keutuhan dan sokongan padu institusi diraja terhadap perjalanan demokrasi serta pembangunan negeri yang tercinta ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, suka saya ingatkan supaya menumpukan sepenuh perhatian kepada ucapan Titah Diraja yang menyentuh pelbagai aspek utama dalam dasar negeri serta pembangunan ekonomi, sosial dan kesejahteraan rakyat. Kajian yang dilakukan oleh Badan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Parlimen Malaysia dalam laporan pengukuhan badan perundangan negeri dan wilayah tahun 2022 menyarankan agar semua Titah Diraja diambil serius sebagai input kepada perancangan strategik Kerajaan Negeri Kedah. Maka saya menyeru kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat agar mengadaptasikan kandungan titah ini dalam ucapan perbahasan masing-masing.

Urusan seterusnya, Tuan Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Pembentangan Kertas-kertas Dewan oleh YAB. Dato' Seri Menteri Besar Kedah Darul Aman.

I. PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS DEWAN OLEH YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR KEDAH DARUL AMAN.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YAB. Dato' Seri Menteri Besar untuk membentangkannya.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB Tuan Speaker, dengan ini saya pohon membentangkan Kertas-Kertas Dewan yang berikut seperti di meja Ahli-ahli Yang Berhormat:-

Kertas Dewan Bil. 1 Tahun 2025	**Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023.**
Kertas Dewan Bil. 2 Tahun 2025	**Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023.**
Kertas Dewan Bil. 3 Tahun 2025	**Laporan Tahunan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah [PKNK] Bagi Tahun 2022.**
Kertas Dewan Bil. 4 Tahun 2025	**Penyata Kewangan Yayasan Islam Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023**
Kertas Dewan Bil. 5 Tahun 2025	**Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023.**
Kertas Dewan Bil. 6 Tahun 2025	**Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023.** **Majlis Bandaraya Alor Setar, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Majlis Perbandaran Langkawi, Majlis Perbandaran Kulim, Majlis Perbandaran Kubang Pasu, Majlis Daerah Baling, Majlis Daerah Pendang, Majlis Daerah Yan, Majlis Daerah Sik, Majlis Daerah Padang Terap dan Majlis Daerah Bandar Baharu**

Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Sesi pertanyaan-pertanyaan mulut.

II. SESI PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YB. Sidam.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Saya mohon jawapan kepada soalan nombor 1. Terima kasih.

1. YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK
[ADUN SIDAM]

Malaysia sedang menuju ke arah negara tua dimana persediaan perlu diambil bagi menjaga komuniti warga tua yang akan ramai kelak.

Pohon dinyatakan :-

a) Nyatakan statistik warga tua terkini berbanding penduduk dalam Negeri Kedah?

b) Apakah inisiatif dan langkah kerajaan untuk membuat persiapan ke arah itu?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Merbau Pulas.

YB. DATO' USTAZAH HAJAH SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Terima kasih YB. Tuan Speaker.

Bila malam takut hantu,
Jangan lupa bawa merton,
Saya jawab soalan nombor satu,
Bagi pihak dinda YB. Dato' Halimaton.

Saya jawab soalan nombor 1 bagi pihak dinda YB. Dato' Halimaton

Soalannya mengenai tanah negara tua. Malaysia dijangka mencapai status negara tua menjelang tahun 2030, di mana unjuran 15.3% daripada penduduknya berumur 60 tahun dan ke atas. Sehubungan itu, persediaan rapi diperlukan untuk memastikan kesejahteraan komuniti warga emas terutamanya di Negeri Kedah.

a) Statistik Terkini Warga Emas di Negeri Kedah Berbanding Jumlah Penduduk (sumber DOSM):

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi tahun 2024, jumlah penduduk di Negeri Kedah adalah seramai 2.2 juta orang. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 301,920, bersamaan dengan 13.6% adalah penduduk berumur 60 tahun ke atas. Jumlah ini menunjukkan peningkatan berbanding tahun-tahun sebelumnya berdasarkan maklumat di bawah:

TAHUN	PERATUSAN PENDUDUK BERUMUR 60 TAHUN KE ATAS
2020	11.8%
2021	12.5%
2022	12.8%
2023	13.2%

Di sini membuktikan warga tua makin sihat. Peningkatan itu berlaku.

b) **Inisiatif dan Langkah Kerajaan dalam Persediaan Menuju Negara Tua**:

Kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mempersiapkan negara menghadapi status negara tua, antaranya:

1. Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (DWEN)

DWEN dirangka untuk memastikan kesejahteraan warga emas melalui penyediaan perkhidmatan dan sokongan yang komprehensif, termasuk aspek kesihatan, sosial, dan ekonomi.

2. Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara

2.1 Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara diwujudkan sebagai suatu mekanisme pelaksanaan dasar berkaitan warga emas dan penuaan penduduk. Bahagian Warga Emas, Jabatan Kebajikan Masyarakat merupakan sekretariat kepada majlis ini yang dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

2.2 Peranan Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara:

i. Menyelia pelaksanaan Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara

ii. Membangunkan program dan strategi untuk mendidik masyarakat bagi meningkatkan kesedaran berhubung dengan warga emas

iii. Membuat syor kepada kerajaan mengenai penjagaan, perlindungan, pembangunan dan kesejahteraan warga emas

iv. Mengesyorkan kepada kerajaan perubahan kepada undang-undang sedia ada dan juga mencadangkan undang-undang baru bagi menjamin kesejahteraan warga emas

v. Menasihati kerajaan mengenai isu-isu warga emas termasuk perkembangan di peringkat antarabangsa, mengumpul data dan maklumat serta menggalakkan penyelidikan berkaitan warga emas.

3. Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas Negeri dan Daerah

3.1 Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas Negeri dan Daerah ditubuhkan untuk merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar serta program berkaitan warga emas di peringkat akar umbi.

3.2 Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas Negeri adalah Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri manakala Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri sebagai urus setia. Ahli dalam Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas Negeri terdiri daripada agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan Kerajaan.

3.3 Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas Daerah. Pihak Berkuasa Tempatan dipengerusikan oleh Ketua Penolong Pegawai Daerah dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah sebagai urus setia. Ahli dalam jawatankuasa ini terdiri daripada agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan, penghulu dan individu yang terlibat secara aktif dalam pembangunan warga emas setempat.

4. Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE):

Kerajaan memperkasakan fungsi PAWE sebagai hab aktiviti dan perkhidmatan mesra warga emas dalam komuniti, menyediakan platform untuk pembelajaran sepanjang hayat dan aktiviti sosial.

Terdapat 15 pusat aktiviti PAWE warga emas di Negeri Kedah. Semua daerah diadakan (PAWE) lah, semua daerah 15 aktiviti, Kubang Pasu, Tingkatan Urus Usia Emas Kubang Pasu, kalau Padang Terap, Pertubuhan Warga Emas Padang Terap, Kota Setar, Persatuan Bekas Kakitangan Pegawai Kerajaan. Di Yan, Pertubuhan Warga di Usia Emas Daerah Yan, Pendang, Kelab Warga Emas Pendang, Sik, Pertubuhan Jati Diri Daerah Sik, Baling, Pertubuhan Warga Emas Baling, Kuala Muda, Majlis Pusat Kebajikan Semalaysia, Kulim, Majlis Pusat Kebajikan Semalaysia, Kota Setar, Kelab War Muda. Ini lain sikitlah Kota Setar ni. Nama dia Kelab War Muda. Langkawi, Pusat Aktivit Warga Emas, Bandar Baharu, Majlis Pusat Kebajikan Semalaysia, Kuala Muda, Pertubuhan Wira Sejahtera Perwis Sungai Petani, Kota Setar, LKPI Perhubungan Negeri Kedah, Kota Setar lagi, Persatuan Warga Emas Kariah Masjid Aman.

5. Portal eWarga Emas (e-WE)

JKM memperkenalkan portal eWarga Emas (e-WE) sebagai salah satu inisiatif untuk memperkasakan perkhidmatan kepada warga emas, menyediakan maklumat dan perkhidmatan secara dalam talian.

6. Sambutan Hari Warga Emas

Sambutan Hari Warga Emas dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada setiap tahun untuk menghargai, meraikan dan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap peranan serta sumbangan warga emas dalam pembangunan negara. Ia juga menjadi platform penting untuk memperkukuh komitmen kerajaan dalam menyokong kesejahteraan golongan ini.

7. Inisiatif Bantuan Kewangan

Bantuan Warga Emas (BWE) sebanyak RM600 sebulan seorang, diberikan kepada warga emas yang layak. Bantuan ini diberi sebagai saraan hidup kepada warga emas yang memerlukan supaya terus tinggal dalam komuniti. Kelayakan Bantuan Warga Emas (BWE) adalah seperti berikut; berumur 60 tahun ke atas, tiada sumber pendapatan untuk menyara hidup dan tiada keluarga atau mempunyai keluarga yang tidak berkemampuan untuk memberi sumbangan. Laporan penerima bantuan warga emas bulan April 2025 berjumlah RM4,615,000 yang melibatkan 7,692 kes di Negeri Kedah.

Sekian. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumsalam Warahmatullahi Wabarakatuh… (YB. Sidam mencelah)

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Soalan tambahan sikit.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan tambahan ingat sebab YB. Bukit Kayu Hitam tidak hadir, kita pos ke soalan nombor 2. Nanti YB. boleh bangkit dalam perbahasan.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Baik. Baik. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Seterusnya, dipersilakan YB. Tanjung Dawai.

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Soalan nombor 1 tentang warga tua. Mohon jawapan soalan nombor 2.

2. YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI
[ADUN TANJUNG DAWAI]

Permohonan Kedah sebanyak RM200 juta kepada Kerajaan Persekutuan bagi mengekalkan kawasan sawah padi selaras dengan titah DYMM Tuanku Sultan Kedah tahun lalu.

Pohon dinyatakan apakah perkembangan permohonan tersebut dan pendirian Kerajaan Persekutuan?

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh YB. Tuan Speaker. Terima kasih YB. Tanjung Dawai. Soalan YB. Tanjung Dawai ni ada berkaitan dengan permohonan Kerajaan Kedah sebanyak RM200 juta kepada Kerajaan Persekutuan bagi mengekalkan kawasan padi selaras dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah pada tahun lalu. Apakah status ataupun kedudukan permohonan tersebut dan pendirian Persekutuan? Bagi pihak Kerajaan Persekutuan mungkin sukar untuk saya beri jawapan di sini, InsyaAllah penggal ke depan (sambil ketawa).

Pertama sekali saya ingin tegaskan di sini bahawa kita tidak pernah kendur untuk memperjuangkan pengorbanan yang telah kita lakukan untuk negara ini dan penghargaan setimpal yang patut diberikan kepada negeri dan rakyat Kedah Darul Aman di atas pengorbanan besar yang dibuat sebagai "Jelapang Padi Negara" yang telah mengorbankan begitu luas tanah-tanah sawah padi, pengekalan kawasan hutan untuk tadahan dan bekalan air.

Permohonan kerajaan negeri sebanyak RM200 juta itu masih dalam peringkat pertimbangan Kerajaan Persekutuan dan beberapa siri libat urus telah dilakukan terutamanya dalam Mesyuarat Majlis Fizikal Negara yang terakhir telah dibentangkan oleh Pelan Malaysia satu sistem yang dibangunkan dinamakan KAGUMN (Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara) K A G U M N. KAGUMN ini adalah satu sistem yang dibangunkan oleh Pelan Malaysia mengambil kira beberapa ciri yang dimasukkan sebagai nilai insentif kajian KAGUMN. Selepas mengambil kira semua insentif yang agak sukar difahami lah, orang Pelan Malaysia boleh faham, agak teknikal. Pelan Malaysia mencadangkan di atas keseluruhan kawasan Jelapang Padi dan Kawasan Luar Jelapang Padi di Kedah, Kedah patut diberi insentif khas RM41 juta.

Walaupun demikian, kerajaan negeri masih berpandangan bahawa nilai insentif yang dicadangkan oleh KAGUMN ini masih terlalu jauh daripada kehilangan yang telah kita korbankan. Bukan baru YB. Tuan Speaker, kita tanam padi ini ribu tahun dah. Kos untuk mengimport masuk padi daripada luar. Jadi, difahamkan sekitar RM2,800 hingga

RM3,000 untuk satu tan matrik. Tapi kita tanam di sini, walaupun kerajaan memberi alasan bahawa telah banyak bantuan diberi dalam bentuk subsidi untuk menghasilkan padi, subsidi baja, subsidi racun, subsidi harga padi. Kita berpandangan bahawa subsidi itu adalah bantuan yang diberikan kepada para pesawah. Tapi kehilangan kerajaan negeri terhadap hasil cukai, tanah-tanah yang dikekalkan untuk kawasan padi.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, tanah bersyarat padi adalah tanah yang paling rendah nilai cukai tanah. Daripada keseluruhan tanah 220 ribu hektar tanah bersyarat padi di Negeri Kedah Darul Aman ini, kutipan cukai tanah hanyalah RM2.6 juta. RM2.6 juta ini kalau kita kutip cukai untuk kawasan industri tak sampai 10 hektar boleh dapat RM2.6 juta. Tapi kita simpan 222 ribu hektar untuk dapat RM2.6 juta cukai tanah. Itulah kehilangan yang telah kita tanggung selama berpuluh-puluh tahun. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pengorbanan yang telah kita buat ini melibatkan kita menanggung kos melepas. Inilah kiraan ringkas yang saya huraikan untuk dipahami oleh rakan-rakan kita di peringkat Persekutuan, kenapa kita terus mengemukakan tuntutan ini tanpa henti.

Kita ada sekitar 5,000 hektar tanah yang telah termasuk dalam RTD (Rancangan Petempatan Daerah) yang siap dan boleh dibangunkan dengan projek lain. Sama ada perumahan, industri, komersial yang akan mengubah nilai cukai tanah itu, 5,000 hektar di seluruh Kedah. Kita mengambil kira jumlah tanah yang telah termasuk dalam RTD. Tak masuk lagi yang kita boleh pelan untuk dimasukkan dalam RTD.

Daripada keseluruhan kawasan yang telah termasuk dalam RTD itu, sekiranya kita ubah syarat tanah itu, buat aktiviti lain selain daripada padi. Kita boleh dapat cukai sewa tanah, caj ubah jenis kegunaan tanah, cukai taksiran, caj pemajuan, caj sumber air mentah. Di situ sahaja kita boleh dapat RM116 juta. Haa, RM116 juta. Jadi, tuntutan kita kepada Persekutuan untuk mempertimbangkan secara halus permohonan kita ini adalah permohonan yang munasabah, bukan keterlaluan. Ada orang suka cakap kita ni suka minta duit *free,* dia tak tahu kos melepas yang telah kita buat. Dia ingat kita saja-saja pi buat permohonan tanpa asas.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, jika mengambil kira kaedah ataupun nilai insentif yang dibangunkan dalam KAGUMN, KAGUMN ni diambil 1% sahaja dia punya pemboleh ubah daripada nilai isentif yang dikira setiap hektar tanah yang ditanam tadi, jika dibangunkan nilai-nilai yang digunakan oleh Pelan Malaysia itu, satu hektar tanah nilainya RM400 ribu. Jadi, diambil angkubah dia 1%. Kita tak mintalah 1%, kita minta 0.38%. Dengan angkubah 0.38% ini boleh dapat RM157 juta setahun, kalau pakai kaedah pengiraan yang sama. Tapi, angkubah dia tak bolehlah 0.1% kena 0.38%, lebih besar, lebih tinggi. Dan kaedah-kaedah yang telah dibangunkan ini masih boleh diambil kira untuk tuntutan ini diteruskan.

Saya harap Kerajaan Persekutuan terus mempertimbangkan permohonan kita ini, permohonan yang munasabah kalau kita terkeluar daripada tanggungjawab kita sebagai "Negeri Jelapang Padi" untuk negara ini, tentulah negara akan mengalami kesukaran. Hujah-hujah yang telah saya berikan sebelum pada ini jika di *convert* keseluruhan tanah padi ini kepada kawasan komersial, kita dapat RM1.7 bilion setahun cukai tanah. Kita nak kira bagi mudah, kita kata bagi 10% daripada keseluruhan kawasan itu RM170 juta, kiraan mudah. Dia mai jadi kira-kira payah macam ini, pun masih boleh dapat RM156 juta. Jadi, bukanlah luar biasa dan kita pun bukan menuntut duit *free,* kita tuntut atas kehilangan yang telah kita tanggung ratusan tahun lamanya. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan tambahan.

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

Terima kasih YB. Tuan Speaker dan juga YAB. Menteri Besar. Kita Kedah banyak korban. Air kita korban untuk negeri-negeri jiran kita, tanah pun kita korban untuk rakyat di Malaysia. Jadi, sawah padi lebih daripada 40%, bekal beras negara.

Apa yang dibangkitkan ini bukan sekadar apa yang disuarakan oleh kerajaan negeri, bahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Bahkan kita berusaha untuk menjamin makanan ruji negara. Kalaulah kita tidak menjadi jelapang padi dan menyebabkan negara bergantung kepada eksport beras, bayangkan banyak mana yang terpaksa Kerajaan Pusat tanggung. Kita masih lagi fikir tentang masyarakat, rakyat di Malaysia kita ni. Tapi sampai bila? Saya nak tanya YAB. Menteri Besar, kalau mereka tak layan, apa tindakan kerajaan negeri? Kot kot la ada. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YAB. Menteri Besar.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Tanjung Dawai ni kira nak suruh perang saja (sambil ketawa). Kita tak ada askar nak pergi perang dengan depa. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, YB. Speaker, dalam era moden ni kita masih berpegang kepada kaedah rundingan. Kaedah rundingan, memberi alasan-alasan yang munasabah. Saya rasa tak ada orang di dunia ni yang tidak gila, yang menolak alasan munasabah. Tiap-tiap permohonan tuntutan kita itu disertakan dengan alasan yang munasabah, masuk akal. Saya rasa kawan-kawan kita di peringkat

Persekutuan juga memahami keadaan ni, cuma mungkin kekangan fiskal negara yang mengakibatkan depa nak elak. Kalau mula bagi, tak boleh berhenti. Lebih kurang macam tu lah. Saya rasa, saya rasa, tapi perasaan ni saya bawa ke penggal hadapan untuk dibuktikan.

Mungkin kedudukan fiskal negara tidak mengizinkan negara memberi komitmen kewangan sebesar itu. Tapi saya nampak RM200 juta bagi negara ini dengan perbelanjaan tahunan RM430 bilion. RM430 bilion bajet tahunan negara untuk beri RM200 juta demi mengekalkan kawasan paling penting negara ini. Paling penting bukan kawasan industri, paling penting ialah kawasan pertanian untuk makanan. Apa guna industri besar-besar kalau benda makan tak dak. Mana ada orang makan 'cip' di dunia ni, orang makan nasi di Malaysia ni. Jadi, mahu tak mahu keutamaan atau *priority* mesti diberi kepada kawasan pengeluaran makanan. Dan kawasan pengeluaran makanan yang paling penting untuk diberi pertimbangan ialah padi. Dan saya rasa munasabah lah RM200 juta tu. Kita masih berpegang kepada kaedah rundingan dengan Kerajaan Persekutuan.

Selepas beberapa siri saya bangkitkan perkara ini di Mesyuarat Kewangan Negara, Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara, akhirnya keluar kaedah KAGUMN, keluar dah RM41 juta. Kita nak 'timbuk' lagi bagi jadi RM200 juta. Dia serupa buat baulu tulah, telur banyak tu juga, lagi lama 'timbuk' dia timbul bagi jadi RM200 juta (sambil ketawa). InsyaAllah, lama-lama orang faham lah YB. Tuan Speaker, kepentingan pengorbanan yang telah kita buat termasuklah kawasan tanah sawah tadi, termasuk juga kawasan tadahan. Kita simpan hutan, kita kekalkan aliran air untuk negeri ini, kawasan pertanian, air untuk minum negeri ini dan juga negeri jiran yang begitu pesat membangun. Depa kata kita ni tak pandai macam depa, depa tu dapat barang 'cemey', barang 'cemey' kos tak dak kan? Jadi, dah jadi hebatlah depa, tapi kosnya, pengorbanannya ada di sini. Saya 'habaq' dulu daripada awai-awai dulu kita ni macam abang sulung, nampak adik-adik senang kan noh kita bagi. Tapi sampai satu masa, nasib abang sulung tu kena pakat tengok juga lah. Terima kasih. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YAB. Jeneri. Seterusnya dipersilakan YB. Tokai.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Soalan saya YB. Tuan Speaker, nombor 3.

3. YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN
[ADUN TOKAI]

Tahun Melawat Kedah sudah bermula.
Pohon dinyatakan : -

a) Setakat ini berapakah anggaran pelancong asing dan tempatan yang datang melalui Langkawi dan tanah besar Kedah?

b) Bentuk program yang telah dilaksanakan dan di rancangan untuk menarik kehadiran pelancong?

c) Apakah bentuk program bertaraf Profesional yang dirancang untuk menarik pelancong profesional?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Kubang Rotan.

YB. DATO' HAJI MOHD SALLEH BIN SAIDIN

Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih YB. Tokai. YB. Tuan Speaker, soalan daripada YB. Tokai Tahun Melawat Kedah sudah bermula. Mohon dinyatakan setakat ini berapa anggaran pelancong asing dan tempatan yang datang melalui Langkawi dan Tanah Besar? Bentuk program yang telah dilaksanakan dan dirancang untuk menarik perhatian pelancong? Dan Apakah bentuk program bertaraf perfesional yang dirancang untuk menarik pelancong profesional?

YB. Tuan Speaker, tiada data khusus mengenai jumlah kehadiran pelancong asing dan tempatan yang datang ke negeri ini secara keseluruhan bagi tahun 2025 kerana setiap data akan diperoleh empat bulan selepas suku tahun pertama setiap tahun. Walau bagaimanapun, dianggarkan pada tahun 2025 ini, jumlah kehadiran pelancong dan juga pelawat ke Negeri Kedah ini meningkat 35% yang menjadikan 7 juta berbanding 5.2 juta pada tahun lepas. Tapi bagi Langkawi kita ada datanya. Bagi bulan Januari dan Februari, jumlah kemasukan pelancong dan juga pelawat ke Langkawi adalah sebanyak 554,416 orang di mana seramai 288,400 pada bulan Januari dan juga 266,016 orang pada Februari 2025. YB. Tuan Speaker, TMK 2025 (Tahun Melawat Kedah 2025) ini digerakkan dengan satu matlamat iaitu untuk merancakkanan sektor pelancongan dalam Negeri Kedah dan dengan dua langkah utama yang kita lakukan iaitu terus menggemilangkan Langkawi sebagai destinasi pelancongan tersohor di dunia dan juga mengangkat potensi pelancongan di Tanah Besar.

Bagi tujuan itu, pelbagai kaedah telah dirangka dan pelbagai program telah dirancang sebagai satu usaha mempromosi dan juga menyalurkan maklumat kepada khalayak pasaran. Kedah Tourism yang juga merupakan sekretariat Tahun Melawat Kedah telah pun melancarkan kalender acara Tahun Melawat Kedah 2025 yang dapat diakses oleh sesiapa sahaja. Suka juga saya nyatakan di sini, sebanyak 170 acara kecil dan besar yang akan dilaksanakan sepanjang tahun ini yang merangkumi 45 acara yang diberi tumpuan. Dan semua acara-acara ini tidak hanya tertumpu kepada satu kawasan sebaliknya meliputi 12 daerah dalam Negeri Kedah. Kita nak, impak TMK 2025 ini dapat disertai di seluruh dalam Negeri Kedah ini.

YB. Tuan Speaker, kita juga merancang beberapa program bertaraf profesional yang menggabungkan elemen rangkaian dan pengalaman ekslusif yang diyakini berupaya menarik minat pelancong profesional. Antara program yang dirancang adalah seperti, Kedah Professional Retreat and Leadership Camp yang menyasarkan eksekutif syarikat, pemimpin muda, pengurus syarikat, manakala kandungannya berupa bengkel pembangunan diri dan kepimpinan, *team building* di alam semula jadi, Business and Networking in Heritage Series yang disasarkan kepada usahawan

pelabur tempatan dan antarabangsa. Kandungannya berupa pameran produk usahawan Kedah, sesi B2B Matching, Heritage Tour sambil membina *networking*. Dan seterusnya Academic and Heritage Tourism Week. Program ini akan diadakan di tempat-tempat seperti Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Muzium Negeri Galeri Sultan Abdul Halim dengan sasarannya adalah golongan pensyarah, pelajar pascasiswazah dan penyelidik luar negara.

Kita meletakkan harapan yang tinggi agar pintu yang dibuka kepada segmen-segmen untuk menarik kehadiran pelancong-pelancong profesional ini akan menjadi laluan awal ke arah menjadikan Kedah sebagai destinasi pilihan golongan profesional dan seterusnya pemangkin kepada tumbuhnya pusat-pusat konvensyen dan dewan pameran bertaraf antarabangsa khususnya di Tanah Besar Kedah. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Ada soalan tambahan YB. Tokai?

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih YB. Kubang Rotan, EXCO Pelancongan. Saya nak menarik kepada yang ketiga tadi ni. Kita ada universiti tempatan, UUM misalnya. Kita mempunyai keilmuan yang tinggi kepada pentadbiran awam. Kita ada UniSHAMS, ilmu-ilmu agama. Kita ada AIMS di Bidong tentang ilmu-ilmu perubatan. Dan kita ada KMC mendapat taraf antarabangsa dari bidang perubatan.

Jadi, syor saya lah sebelum pergi ke soalan betoi-betoi ni, apakah ini tidak boleh kita gunakan sebagai hub untuk kita mengadakan ataupun menarik pelancong-pelancong professional, *medical professional*, profesional dalam pentadbiran, profesional dalam bidang agama untuk kita adakan bengkel ka, kursus atau seminar ka, untuk menarik mereka-mereka yang dalam bidang-bidang ini dari seluruh dunia untuk tumpu ke Kedah. Soalan saya adalah, apakah langkah-langkah terkini yang diambil oleh pihak Yang Berhormat untuk kita menarik pelancong-pelancong ke Negeri Kedah ni untuk menambahkan lagi jumlah daripada 7 juta mungkin pi 9 juta ka? Okay, terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. EXCO.

YB. DATO' HAJI MOHD SALLEH BIN SAIDIN

Baik, terima kasih YB. Tokai. YB. Tuan Speaker, 3 hari lepas, 18 haribulan April telah berlangsungnya pameran pelancongan MATTA Fair sesi April 2025 di MITEC (Malaysia International Trade And Exhibition Centre). Ini adalah satu pameran pelancongan bertaraf antarabangsa dan terbesar seumpamanya dalam negara kita yang dianjurkan. Dan pameran MATTA Fair pada kali ini juga dirasmikan oleh YAB. Jeneri sendiri. Pameran pelancongan ini melibatkan penyertaan seramai 600 lebih penyertaan daripada pemain industri pelancongan di dalam dan luar negara. Dan Kedah juga tidak terkecuali untuk mengambil bahagian dan kita bukan saya bercakap mengambil bahagian tetapi juga menjadi pemain utama pada penganjuran MATTA Fair pada kali ini dan Kedah terpilih sebagai pilihan Malaysia. Ini adalah satu kehormatan, satu pengiktirafan atas komitmen kerajaan negeri untuk menjadikan 2025 ini sebagai tahun pemula untuk kita mengangkat sektor pelancongan dalam Negeri Kedah.

Pada pameran MATTA Fair pada kali ini, di Kedah mengambil bahagian dengan 62 'reruai' (*booth*) yang melibatkan Negeri Kedah yang disertai oleh pemain-pemain industri dari Langkawi dan juga Tanah Besar dan ini juga kali pertama pemain industri

pelancongan di Tanah Besar mengambil bahagian selain daripada LADA (Lembaga Pembangunan Langkawi), daripada PKNK (Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah), daripada UPUK (Unit Pembangunan Usahawan Negeri Kedah), daripada Majlis Bandaraya Alor Setar juga yang mengambil bahagian, Majlis Daerah Baling dan juga Majlis Perbandaran Sungai Petani yang mengambil bahagian. Semua ini bertujuan untuk orang kata mempromosikan Negeri Kedah sebagai destinasi pelancongan. Itu yang pertama YB. Tokai.

Yang keduanya, pada penghujung bulan ini, Kedah Tourism akan menyertai deligasi Kedah dan juga Malaysia menyertai Expo Osaka 2025 di Jepun. Ini adalah satu acara antarabangsa yang melibatkan penyertaan 160 negara di seluruh dunia. Tujuan penyertaan kita tak lain dan tak bukan, yang pertamanya untuk mengangkat nama Kedah dan juga untuk menghebahkan dan untuk mengajak khalayak antarabangsa untuk datang ke Negeri Kedah bagi merasai pengalaman yang dimaksudkan dengan *Experience Kedah*. Seterusnya, pada bulan depan iaitu 2 hingga 4 haribulan Mei, Tasik Pedu akan menjadi tapak kepada penganjuran Festival Perkhemahan dan Kebudayaan DAMCAMP 2025 yang kita yakin akan mendapat permintaan ribuan orang, bukan sahaja daripada negara kita, daripada negara-negara jiran. Kita akan menggunakan medan ini sebagai untuk terus mempromosikan Negeri Kedah kita ini.

Dan seterusnya pada bulan hadapan bulan 5, satu acara yang ditunggu-tunggu iaitu penganjuran LIMA Langkawi. Selain itu juga, dalam masa yang sama akan berlangsungnya satu acara baru, iaitu Malaysia International Boat Show ataupun MYBOS 2025 yang julung-julung kalinya yang diadakan. Kedah tidak akan melepaskan dua acara besar ini berlalu pergi sahaja. Malah kita akan menjadikan satu medan untuk terus mempromosikan Negeri Kedah kita ini. Selain itu juga, pada malam tadi saya telah pun merasmikan satu kejohanan, Kejohnan Karom Terbuka 2025 yang dihanjurkan di Kuala Kedah. Ini adalah satu penganjuran karom terbesar dalam negara kita ini. Penyertaannya lebih daripada 1,000, yang mana 70% daripada itu adalah peserta-peserta daripada luar Negeri Kedah, seluruh Malaysia yang mai.

Jadi, kita juga mempromosikan Negeri Kedah kita ini. Jadi, itu adalah sebahagian daripada contoh dan langkah-langkah yang boleh kita jawab di sini atas komitmen kita untuk meledakkan lagi kehadiran pelancong ke Negeri Kedah Darul Aman. Saya yakin dengan sokongan semua sahabat-sahabat di Dewan Yang Mulia ini, Kedah di bawah Kerajaan Perikatan Nasional, di bawah itu YAB. Dato' Seri Jeneri akan menjadikan, orang kata menjadikan Kedah sebagai destinasi pelancongan yang tersohor di rantau ini. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Kubang Rotan. Dipersilakan YB. Lunas.

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

Tanam pinang rapat-rapat,
Biar puyuh senang berlari,
Ku pinang-pinang tak dapat,
Ku pujuk jawab soalan empat.

4. YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI
[ADUN LUNAS]

Kalau dirujuk peranan masjid di zaman Rasullah SAW ianya telah menjadi pusat pentadbiran dan aktiviti ekonomi. Justeru itu, apakah peranan yang dimainkan oleh MAIK melalui Pejabat-Pejabat Agama Daerah dalam memastikan ianya tidak hanya dijadikan tempat beribadah dan dapat dimanfaatkan dengan peranan yang lebih besar dalam meningkatkan Syiar Islam?

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih kepada YB. Lunas. Soalan 4 YB. Tuan Speaker, berkaitan dengan peranan masjid yang telah pun kita sedia maklum untuk pengimarahan di masjid-masjid, aktiviti-aktiviti agama dan sosial. Cuma soalan Lunas dari sudut penglibatan masjid dengan ekonomi setempat. Allah berfirman dalam Al-quran:

Firman Allah SWT:

أعوذُ بِٱللَّهِ مِنَ ٱلشَّيۡطَٰنِ ٱلرَّجِيمِ

إِنَّمَا يَعۡمُرُ مَسَٰجِدَ ٱللَّهِ مَنۡ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِ وَأَقَامَ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَى ٱلزَّكَوٰةَ وَلَمۡ يَخۡشَ إِلَّا ٱللَّهَۖ فَعَسَىٰٓ أُوْلَٰٓئِكَ أَن يَكُونُواْ مِنَ ٱلۡمُهۡتَدِينَ

"Sesungguhnya yang mengimarahkan masjid-masjid Allah, rumah-rumah Allah ini adalah di kalangan orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kiamat. Yang mendirikan solat, menunaikan zakat dan mereka tidak takut melainkan hanya kepada Allah dan mereka inilah orang-orang yang diberikan hidayah dan petunjuk oleh Allah SWT."

Maka dalam ayat ini pun antara ciri-ciri orang yang mengimarahkan masjid adalah yang menunaikan zakat. Zakat ini juga sebahagian daripada urusan ekonomi, urusan sosial umat Islam. Maka sudah pasti peranan masjid bukan hanya tertumpu kepada aktiviti ibadah khusus semata-mata, tetapi juga ia adalah tempat untuk diimarahkan dengan pelbagai aktiviti masyarakat. Dari aspek menggerakkan masjid-masjid di Negeri Kedah Darul Aman, sebagai pusat aktiviti ekonomi di mana yang telah dilaksanakan dan juga inisiatif yang telah dimainkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Kedah antaranya.

Pertama, pembangunan bazar wakaf di masjid-masjid terpilih di Negeri Kedah Darul Aman. Sehingga kini pihak MAIK (Majlis Agama Islam Negeri Kedah) telah membangunkan sebanyak 16 unit bazar wakaf dengan kerjasama pihak Yayasan Wakaf Malaysia. Bazar Wakaf bertujuan untuk disewakan kepada usahawan kecil tempatan termasuk golongan asnaf B40 dan hasil sewaan disalurkan kembali untuk kegunaan masjid.

Kedua, penubuhan koperasi di masjid-masjid Negeri Kedah. Sehingga kini terdapat 31 buah masjid yang telah berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan sudah pasti objektif utama penubuhan koperasi adalah untuk menjana pendapatan masjid melalui aktiviti perniagaan halal, menyediakan platform ekonomi setempat seperti kedai runcit, katering, pertanian, perkhidmatan dan sebagainya.

Yang ketiga, aktiviti pertanian. Pihak MAIK telah menggalakkan pihak masjid untuk menggunakan tanah-tanah wakaf milik MAIK yang berdekatan dengan kariah masjid tersebut sepertimana projek tanaman sawit di Masjid Tupai, Daerah Sik. Projek tanaman jagung di Masjid Beris, Sik dan juga Masjid Putat, Kubang Pasu. Projek tanaman getah di Masjid Hujung Keton, Padang Terap. Projek tanaman nanas di Masjid Pokok Tai, Pendang. Projek tanaman kontan di Masjid Kampung Charot Bunting, Siong, Baling dan juga masjid juga boleh membantu asnaf-asnaf dalam menggerakkan aktiviti pertanian di tanah wakaf masjid supaya kita boleh mengeluarkan mereka daripada kemiskinan.

Keempat, pemasangan solar. Pihak MAIK telah melaksanakan projek pemasangan solar di 300 masjid yang terpilih di seluruh Negeri Kedah. Pemasangan solar ini secara tidak langsung dapat mengurangkan perbelanjaan pembayaran elektrik dan pihak masjid dapat menggunakan lebihan perbelanjaan tersebut ke arah aktiviti pembangunan sosial yang lain.

Kelima, projek menara telekomunikasi. Pihak MAIK juga telah bekerjasama dengan memberi kebenaran kepada pihak Syarikat Telco untuk pemasangan menara telekomunikasi di kawasan-kawasan masjid dan surau melalui kaedah sewaan. Hasil kutipan sewaan tersebut akan disalurkan semula untuk pengurusan masjid bagi tujuan pengimarahan masjid dan juga aktiviti sosial. Seterusnya bantuan keperluan makanan asas kepada anak kariah melalui penyelarasan bantuan *foodbank* Lembaga Zakat Negeri Kedah dan juga hasil infak orang ramai. Wang tersebut juga dimanfaatkan untuk kebajikan anak-anak kariah. Seterusnya, keenam. Masjid menawarkan khidmat pengurusan jenazah dan juga van jenazah.

Ketujuh, masjid dengan kerjasama pelbagai agensi menganjurkan pelbagai program berbentuk latihan, kemahiran dan kemasyarakatan. Sebagai contoh, kerjasama strategik masjid dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kesihatan, Jabatan Belia dan Sukan, Jabatan Pertanian dan juga lain-lainnya untuk dimanfaatkan infra masjid untuk aktiviti-aktiviti komuniti.

Seterusnya, sebagai pusat tarbiah dan pendidikan dengan mewujudkan kelas pengajian Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), pusat tuisyen, tadika dan semuanya adalah untuk memperkukuhkan ilmu di kalangan umat Islam dan juga di samping ia juga mampu untuk menjadikan masjid sebagai pusat tumpuan masyarakat. Seterusnya menjadi pusat pentauliahan program TVET, pengurusan masjid dengan Taraf Sijil Kemahiran Malaysia, SKM tahap 4 dan juga masjid yang terpilih untuk menjadi pusat pentauliahan program TVET ini, Masjid Zahir dan juga Masjid Sungai Durian, Pokok Sena. Dan dalam usaha untuk kita juga memanfaatkan masjid ini, kita juga mengharapkan supaya jawatankuasa masjid dan juga masyarakat untuk turut serta dalam memakmurkan program-program masjid, bukan hanya program yang kita sebut sebagai aktiviti keagamaan tapi juga aktiviti-aktiviti yang lain.

Kalau kita lihat, banyak juga di Negeri Kedah ini masjid yang telah membina dewan. Dewan itu juga disewakan untuk pelbagai aktiviti, kenduri kahwin dan sebagainya. Ini juga sebagai limpahan ekonomi yang boleh masjid perolehi dan limpahannya kepada masyarakat dan anak-anak kariah. Jadi, moga-moga usaha yang berterusan dapat kita memperkasa dan memperkukuhkan masjid Negeri Kedah, InsyaAllah. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. EXCO. Soalan tambahan YB. Lunas.

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Terima kasih kepada YB. Sungai Limau atas penjelasan yang diberikan. Umum rakyat Negeri Kedah, khususnya umat Islam melihat dua contoh model masjid yang berjaya. Satunya MADAD (Murtadha Dakwah Centre), yang kedua adalah Al-Busyra. Ini maknanya dua masjid ini boleh dikatakan hampir setiap hari orang pergi ziarah dan pergi melawat.

Baik. Soalan saya, sebelum sesuatu kejayaan itu dapat dicapai oleh terutama dua masjid yang saya sebutkan tadi, sudah tentulah ianya melibatkan soal kecekapan di segi pengurusan. Banyak program-program YB. Sungai Limau sebutkan tadi. Tapi saya yakin tidak semua program-program itu telah dilaksanakan di masjid-masjid terutamanya di luar bandar, kerana mereka tidak dibekalkan dengan ilmu dalam soal pengurusan dan pentadbiran masjid yang cukup. Saya tak nafikan Majlis Agama Islam melalui pejabat-pejabat daerah ada sediakan kursus-kursus, tapi itu hanya berasaskan *basic* sahaja.

Maknanya tidak sampai kepada kaedah menyeluruh perkara-perkara melibatkan pengurusan ini tidak hanya tertumpu kepada pengurusan bajet tapi sejauh mana mereka dibekalkan dengan ilmu dalam soal pentadbiran untuk memakmurkan ekonomi masjid itu sendiri. Jadi, soalan saya adakah YB. Sungai Limau setuju supaya Majlis Agama Islam melalui pejabat-pejabat agama daerah ini perlu menambahkan lagi program-program ataupun kursus-kursus pemantapan pengurusan di peringkat masjid ini supaya hasrat kita untuk menjadikan masjid ini sebagai pusat ekonomi selaras dengan Titah Kebawah Duli Tuanku ini benar-benar dapat kita tingkatkan syariat Islam. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. EXCO.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Baik. Terima kasih kepada YB. Lunas. Di peringkat kerajaan negeri kita telah melancarkan pada bulan 12, 2023. Tujuh gagasan untuk hal ehwal agama dan pendidikan Negeri Kedah Darul Aman dan tujuh gagasan ini kita ambil selepas daripada beberapa siri perbincangan dan juga *town hall* yang kita adakan melibatkan agensi-agensi-agensi agama dan pendidikan Negeri Kedah. Dan kita meletakkan yang pertama yang kita nak laksanakan dalam tujuh gagasan ini iaitu memperkasa pengurusan institusi agama di Negeri Kedah diangkat supaya bertaraf dunia. Ini slogan yang kita letakkan, kita mengambil kira. Hari ini Alhamdulillah, antara yang boleh kita jadikan contoh Pengurusan Institusi Agama Bertaraf Dunia Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman.

Jadi, kita tak mahu letak bawah daripada itu. Dan melibatkan pengurusan ini, institusi agama ini, termasuklah masjid-masjid, jabatan-jabatan yang berkaitan dan juga sekolah-sekolah agama di Negeri Kedah Darul Aman. Maka, dalam usaha untuk strategi-strategi yang kita rancang adalah yang pertamanya latihan-latihan. Kalau masjid ni kita merujuk, kalau sebelum ni kita mengadakan latihan khusus hanya kepada imam-imam dan peringkat Jabatan Agama Islam Negeri Kedah, kita telah berbincang untuk kita meluaskan latihan ini kepada dua lagi jawatan yang perlu untuk diberikan latihan iaitu setiausaha dan juga bendahari kariah ataupun bendahari masjid. Kerana mereka inilah yang akan membantu imam dalam menggerakkan aktiviti anak-anak kariah dan juga aktiviti-aktiviti masjid. Dan kita percaya, apabila kita melaksanakan perkara ni, insyaAllah latihan-latihan yang dibekalkan itu mampu untuk menjadi pemangkin kepada menggerakkan masjid yang lebih baik yang ada di Negeri Kedah ni supaya perbezaan yang jauh macam Yang Berhormat sebut beberapa masjid itu, boleh untuk kita kurangkan perbezaan itu.

Di samping itu, perkongsian strategik telah pun laksanakan oleh pihak Jabatan Agama Islam Negeri Kedah dan masjid-masjid yang telah pun menjadi masjid terbaik. Bukan hanya di peringkat negeri malahan terpilih beberapa masjid Negeri Kedah ni di peringkat kebangsaan. Perkongsian-perkongsian itu dengan masjid-masjid lain di peringkat daerah-daerah juga telah pun dilaksanakan. Dan insyaAllah, kita juga meharapkan kalau ada pandangan-pandangan, saranan-saranan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga pihak lain untuk kita memberikan cadangan yang membina saya yakin, masjid-masjid, pengurusan masjid di Negeri Kedah ini kita sedia untuk menerima dan insyaAllah dan kita akan laksanakan terbaik demi memastikan bahawa Islam dan syiar Islam terus kukuh dalam masyarakat kita, insyaAllah. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. EXCO. Seterusnya, YB. Guar Chempedak.

YB. ENCIK ABDUL GHAFAR BIN SAAD

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Mohon jawapan untuk soalan nombor 5. Terima kasih.

5. YB. ENCIK ABDUL GHAFAR BIN SAAD
[ADUN GUAR CHEMPEDAK]

Melihat kepada peningkatan pelaburan setiap tahun.

Pohon dinyatakan adakah kita mempunyai kawasan yang mencukupi untuk dibuka sebagai kawasan industri yang baru dalam usaha untuk menarik sebanyak mungkin pelabur - pelabur luar masuk?

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YB. EXCO.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Kedah Sejahtera. Yang saya hormati, YAB. Menteri Besar juga sahabat kita, YB. Guar Chempedak, di atas soalan nombor 5 yang dipanjangkan kepada saya iaitu pohon dinyatakan adakah kita mempunyai kawasan yang mencukupi untuk dibuka sebagai kawasan industri yang baru dalam usaha untuk menarik sebanyak mungkin pelabur-pelabur luar masuk.

YB. Tuan Speaker, Alhamdulillah negeri kita terus menjadi tumpuan kepada pelabur-pelabur luar negara khususnya dalam usaha mereka untuk menempatkan syarikat-syarikat mereka di kawasan pelaburan yang paling strategik di rantau ini dan juga di masa yang sama dalam konteks geopolitik ia juga memberi satu kelebihan kepada kita atau kalau kita lihat *trade tension* ataupun pertembungan perdagangan di antara Amerika dan China jelas menunjukkan bahawa banyak syarikat-syarikat daripada China khususnya mula keluar daripada China kerana memang polisi negara mereka iaitu mereka harus keluar untuk terus mengekalkan daya saing mereka di pasaran antarabangsa.

Jadi, kembali kepada soalan yang ditanyakan oleh YB. Guar Chempedak tadi, apa yang boleh saya katakan negeri kita telah melakukan perancangan yang rapi akan pembangunan kawasan-kawasan perindustrian kita bukan semalam. Ia telah dirancang 10 tahun lebih awal. Malahan kalau kita lihat kembali dalam konteks perancangan pembangunan Kulim Hi-Tech Park yang telah ditubuhkan 26 tahun dahulu atau 29 tahun dahulu di mana tahun hadapan adalah *anniversary* 30 tahun Kulim Hi-Tech Park ini. Jelas menunjukkan kepimpinan negeri kita dahulu dan negara telah melihat bahawa akan datang satu masa dan era yang mana kita akan menjadi pilihan dunia. Jadi, saya menyatakan di sini, apa yang telah digerakkan oleh kepimpinan dahulu dalam konteks penubuhan Kulim Hi-Tech Park itu di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Ini harus diberi penekanan di sini.

Penubuhan Kulim Hi-Tech Park bukanlah inisiatif Kerajaan Pusat semata-mata, ia adalah satu kerjasama strategik di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri yang membolehkan Kulim Hi-Tech Park ini menjadi *crown jewel* ataupun mahkota kepada pembangunan ekonomi negara kita dengan kata lain, kita menjadi rumah kepada syarikat-syarikat *multinational corporation* seperti Intel, Infuneon, Osram dan banyak lagi. Jadi, atas usaha tersebut maka kita telah melihat perkembangan ekosistem *supply chain* yang semakin berkembang pesat telah membolehkan Kulim Hi-Tech Park ini pergi ke fasa berikutnya. Kita telah pun pada dasarnya hampir selesai dalam konteks penjualan ataupun *leasing,* pajakan tanah untuk fasa terkini 4A hampir habis. Kita pergi ke fasa 5, Alhamdulillah.

Setelah hampir setahun kita mengharapkan satu proses yang mudah, yang lancar, bersemangat kenegaraan daripada sahabat kita di Kementerian Ekonomi, tapi Alhamdulillah atas kebijaksanaan YAB. Menteri Besar kita telah berjumpa dengan PMX (Perdana Menteri Malaysia ke-10). Tahniah kepada YAB. Menteri Besar. Kita dah tak boleh jumpa jalan penyelesaian dengan Menteri Ekonomi, terus jumpa *Prime Minister.* Dalam kes ini kena bagi kredit kepada YAB. PMX tapi *make sure* YAB. PMX tunaikan apa yang telah dijanjikan supaya fasa 5 yang sekitar 500 ekar tanah perindustrian dapat kita bangunkan segera sebab proses mengambil masa untuk

membangunkan tanah ini untuk pembangunan infra. Jadi, kita telah buang masa selama 1 tahun atas perkara remeh yang mana kita tidak mahu mengulangi perkara-perkara ini. Di Dewan Yang Mulia ini, kita ingin terus bergerak ke hadapan. Jadi, kita merakamkan ucapan terima kasih kepada YAB. Dato' Seri kita, YAB. Dato' Seri Menteri Besar di atas kebijaksanaan dan juga keterbukaan dan jiwa besar YAB. Perana Menteri kita untuk menyelesaikan isu NOC *(No Objection Certificate*) yang hampir setahun lebih tidak dapat diselesaikan.

Jadi, dengan kata lain akan ada tanah baru di Kulim Hi-Tech Park sekitar 500 ekar. Pada masa yang sama, kita juga sedang mengusahakan dan sedang melakukan promosi habis-habisan lah kalau boleh saya katakan Yang Berhormat, iaitu untuk Delapan Special Border Economic Zone (SBEZ) yang mana kita ada keluasan tanah di sana 4,000 ekar. Kalau *in total* di Special Border Economic Zone ini ada lebih kurang iaitu 11,800 ekar tanah yang tersedia. Baru-baru ini kita telah dijemput oleh Shenzhen, syarikat-syarikat perdagangan yang berpangkalan di Shenzhen ini ada *association* mereka yang telah menjemput kita untuk memberi pembentangan di Shenzhen di mana telah dihadiri sekitar 250 buah syarikat MNC (Multi National Company) mereka yang bersedia untuk keluar dari China.

Dalam *presentation* itu, ada dua negeri sahaja yang telah dijemput untuk memberikan pembentangan, saya mewakili kerajaan negeri kita dan kita telah membentangkan *industrial park* kita, bukan hanya di Bukit Kayu Hitam tetapi juga di Kulim Hi-Tech Park, di Gurun, di Kulim Industria Coridor dan juga di Sungai Petani, telah kita bentangkan kepada mereka dan mereka merasa gembira dan yakin sebab ada lebih kurang 100 syarikat daripada China di Shenzhen sahaja. Shenzhen ini, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kalau boleh saya rumuskan YB. Tuan Speaker, GDP dia lebih besar Shenzhen City, GDP lebih besar daripada Hong Kong. Bayangkan sebuah perkampungan nelayan 40 tahun dahulu, hari ini menjadi sebuah metropolitan, menjadi rumah kepada Huawei, menjadi rumah kepada syarikat BYD. Jadi, jumlah pelaburan yang akan keluar daripada Shenzhen dianggarkan sekitar 20 bilion USD ataupun lebih kurang RM90 bilion. Jadi, inilah yang kita sedang usahakan dan saya katakan di sini kita telah membentangkan iaitu secara khususnya CEO NGX telah membentangkan sekitar Bukit Kayu Hitam iaitu Delapan Special Border Economic Zone ini yang kita panggil kawasan itu sebagai pentas *industrial park* untuk menarik pelabur-pelabur Shenzhen.

Tetapi satu yang menariknya, ketika mana kita membentangkan perkara tersebut YB. Tuan Speaker, mereka ini nak kawasan yang lebih luas daripada Bukit Kayu Hitam. Dia kata, “kalau setakat 4,000 ekar, sangat kecil untuk mereka”. Jadi, kita telah bentangkan seluruh *state* negeri kita iaitu daripada Bukit Kayu Hitam, *north* dan *central* dan juga di selatan iaitu di Kuala Kulim Hi-Tech Park dan Kulim Industrial

Coridor*. In total* Yang Berhormat, kita ada 40,000 ekar tanah perindustrian yang telah pun diwartakan dan *ready* untuk menerima pelabur-pelabur yang akan datang. Jadi, saya ingin mengucapkan, di kesempatan ini saya ingin menyatakan dan mengucapkan terima kasih kepada dua majlis pembandaran secara khususnya iaitu MPKK (Majlis Perbandaran Kulim Kedah) dan PBT Kulim Hi-Tech (Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim) yang mana telah memberikan sokongan luar biasa dan kerjasama dan juga *next in line* adalah MPKP, Majlis Pembandaran Kubang Pasu di mana DUN saya berada. Haaa… itudia.

Jadi, dengan kata lain dan juga pejabat daerah di kedua-dua daerah ini dan juga di Kuala Muda, saya mohon agar semua kita bersiap sedia untuk mengaplikasikan e-tank agar kita benar-benar boleh mengambil ruang. Ini masa dia, mereka sekarang untuk keluar daripada China dan kita harus memanfaatkan ini *speed*, kelajuan, kepantasan, efisiensi, transparansi adalah modal terbaik yang perlu kita persembahkan. Jadi, harus ambil peluang ini. Jadi, insyaAllah dengan tarif yang dikenakan oleh Amerika kepada syarikat China sebanyak 145% dan juga tarif dikenakan oleh China kepada Amerika sebanyak 125% dan kita di kalangan South Asia *country* ini yang YB. Tuan Speaker, iaitu dikenakan sebanyak 24%, tapi Singapura paling rendah 10%, adalah ruang terbaik untuk memposisikan diri kita sebagai satu destinasi pelaburan terbaik.

Jadi, YB. Tuan Speaker, saya dengan ini ingin menyatakan juga jutaan terima kasih, saya percaya YAB. Menteri Besar pun sama bukan hanya Majlis Perbandaran Kubang Pasu, Majlis Perbandaran Kulim ataupun PBT Hi-Tech dan Pejabat Daerah Kulim dan Pejabat Daerah Kubang Pasu, tetapi semua majlis perbandaran, pejabat daerah dan agensi-agensi pusat dan negeri termasuk Invest Kedah, yang mana hari ini telah bergerak sebagai sebuah entiti yang benar-benar agresif untuk memasarkan *industrial park* kita khusus juga kepada KTPC (Kulim Technology Park Corporation) yang memainkan peranan yang luar biasa. Saya juga ingin menyatakan di sini, MIDA (Malaysian Investment Development Authority) telah memberikan komitmen luar biasa hingga membolehkan kita menjadi Preferred Investment Destination di Malaysia. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan tambahan YB. Guar Chempedak.

YB. ENCIK ABDUL GHAFAR BIN SAAD

Ya, soalan tambahan. Untuk mengelak daripada tanah-tanah pertanian diubah menjadi kawasan industri yang baru, boleh tak kita tebus tanah-tanah yang terhakis di tepi pantai sebagai kawasan industri yang baru? Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. EXCO.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Terima kasih kepada YB. Guar Chempedak. Dalam isu berkaitan dengan menebus tanah kawasan pantai ini untuk tujuan perindustrian, pada masa ini kita tidak merancang untuk ke arah tersebut. Kerana apa? Kita melihat pantai ini adalah satu kawasan strategik yang boleh kita manfaatkan untuk industri yang berbeza daripada sektor *manufacturing.* Kita boleh fokus kepada industri dalam konteks *tourism* sebagai contoh, *education* mungkin, *health tourism* mungkin. Jadi, ini adalah kawasan-kawasan jajaran yang perlu kita terus pelihara bagi membolehkan ianya menjadi satu kawasan perindustrian yang bukan dalam konteks sektor perkilangan. Jadi, saya dengan ini menyatakan dengan 40,000 ekar yang telah pun tersedia, hari ini hanya memerlukan kita untuk menyusun langkah kita bagi memastikan setiap inci tanah yang ada di *industrial-industrial park* kita ini dapat kita komersialkan, dapat kita majukan dan akhirnya memberi pulangan besar kepada negeri kita.

Jadi YB. Tuan Speaker, berbalik kepada pertanyaan tambahan tadi, buat masa ini kita tidak memberi fokus kepada untuk menebus tanah-tanah di pantai dan juga kita dalam kes ini, kita hanya kalau kita nak bangunkan pun nanti, kita akan bangunkan *marine economic zone*, iaitu di kota Kuala Kedah, tetapi pembangunannya adalah YB. Guar Chempedak, adalah bersifat untuk *marine economy*. Jadi, bukan dalam konteks yang penebusan tetapi pembangunan kawasan tersebut untuk pembangunan *marine economy*. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. EXCO. Kita boleh pergi sikit lagi. Dipersilakan YB. Gurun.

YB. ENCIK BADDROL BIN BAKHTIAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya mohon jawapan soalan nombor 6. Sekian.

6. YB. ENCIK BADDROL BIN BAKHTIAR
[ADUN GURUN]

Kerajaan telah memperuntukan sejumlah peruntukan bagi memperkasakan belia di negeri ini melalui sekretariat Belia Sejahtera Negeri Kedah

Pohon dinyatakan :-

Apakah perancangan kerajaan bagi memperkasakan belia bagi tahun ini?

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YB. Alor Mengkudu.

YB. TUAN HAJI MUHAMMAD RADHI BIN HAJI MAT DIN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih YB. Tuan Speaker, terima kasih kepada YB. Gurun. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kedah (LA) kata pemain bola, hantaran lintang ni. InsyaAllah nanti kita nak jawab ni, InsyaAllah. Untuk soalan daripada YB. Gurun, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah peruntukan bagi memperkasakan belia di negeri ini melalui Sekretariat Belia Sejahtera Negeri Kedah. Mohon dinyatakan apakah perancangan kerajaan bagi memperkasakan belia bagi tahun ini?

Untuk makluman semua Ahli-ahli Mesyuarat dan juga peserta-peserta di atas sana, fokus ke-11 bajet negeri tahun 2025 yang dibentang oleh YAB. Menteri Besar Kedah di bawah skop Belia Sukan dan Pembangunan Insan iaitu pemerkasaan, peranan dan pembangunan belia di Negeri Kedah diperkukuhkan melalui sebuah sekretariat belia negeri yang diwujudkan atas nama Sekretariat Belia Sejahtera Negeri Kedah. Ia ditubuhkan pada tahun lepas dan sekretariat ini berfungsi tanpa apa-apa *allowance* yang tetap atau lebih tepat secara sukarela. Kerajaan negeri sentiasa cakna dan prihatin dalam usaha menambah baik usaha pembangunan belia di Negeri Kedah.

Oleh itu, untuk tahun 2025 kerajaan telah memperuntukkan baget di bawah Pejabat Pengurusi Jawatan Kuasa Kepenggunaan dan Kos Sara Hidup, Belia Dan Sukan khusus untuk melaksanakan program-program belia sebanyak RM100,000. Terima kasih kepada pihak kerajaan negeri terutama kepada YAB. Dato' Seri Menteri Besar dan juga Pegawai Kewangan Negeri Kedah (SFO) lah di sebelah sini, duk menjawab tak habis lagi ni, yang telah menjelaskan program-program. Hasil daripada peruntukan ini, kita telah menjelaskan program-program belia di bawah tiga teras utama iaitu teras pertama, Program Pembangunan 3K iaitu kemahiran, usahawanan, kompetensi atau inovasi. Di bawah teras pembangunan antara program-program yang dicadang akan dijalankan pada tahun ini bagi mencapai objektif pendedahan kemahiran *soft skill* dan *up skilling*. Antaranya adalah melalui kursus-kursus Keusahawanan dan Kemahiran Belia Sejahtera 2025. Kursus-kursus ini memfokuskan kepada pengasahan bakat atau kemahiran spesifik yang dilihat relevan untuk dikuasai pada masa ini. Sebagai contoh, pada tahun lepas kami sekretariat belia telah berjaya melaksanakan beberapa kursus kemahiran seperti kursus menggunting rambut, khusus pengaplikasian kecerdasan buatan AI, serta kursus pembuatan produk berasaskan coklat.

Teras kedua, Membina Kepimpinan dan Kesedaran Demokrasi. Untuk tahun 2025, pihak sekretariat belia sejahtera telah menyusun beberapa program kursus kepimpinan bagi tujuan mengetengahkan ketokohan kepimpinan anak muda. Sejak awal penubuhan sekretariat belia sejahtera telah bergerak tanpa peruntukan khas. Namun, beberapa program dan aktiviti belia telah berjaya disempurnakan melalui sumbangan Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri termasuk Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri.

Pada tahun 2025, pihak sekretariat telah merancang untuk melaksanakan Simposium Kepimpinan Belia Kedah yang merupakan inisiatif penting dalam memperkasakan peranan belia sebagai pimpin di masa hadapan. Konsep utama simposium ini adalah bagi menyediakan platform belia untuk berkongsi pandangan iaitu membina jaringan kerjasama dan meningkatkan kemahiran kepimpinan. Selain itu, di bawah teras ini juga turut dicadang untuk dikekalkan pelaksanaannya adalah Kayuhan Jelajah Jiwa Merdeka yang kita telah laksanakan pada tahun lepas di semua daerah sempena menyambut kemerdekaan. Ini juga bersempena dengan Experience Kedah 2025. Jadi, kita harap program ini akan berterusan dan insyaAllah Dato' Kuala Kedah minta maaf, Kubang Rotan dapat kita sambut sama-samalah sempena dengan Experience Kedah 2025.

Teras yang ketiga, Kesihatan dan Kesejahteraan. Sepanjang penubuhan Sekretariat Belia Sejahtera Negeri Kedah, terdapat beberapa program utama telah dianjurkan pihak sekretariat seperti Program Karnival Futsal Community Sejahtera 2.0, Piala YB. EXCO Belia Sukan, Kedah E-Sport Challenge dan Kejohanan Badminton Piala

Menteri Besar Kedah. Kesemua program belia negeri ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan terutama dalam kalangan anak-anak muda. Oleh sebab itu, sekretariat bercadang untuk terus melaksanakan program-program seperti yang disebutkan tadi, di samping sedang merangka beberapa lagi program sukan dan riadah yang bukan sahaja melibatkan golongan belia malah melibatkan semua golongan.

Oleh yang demikian, melalui peruntukan khas yang disalurkan oleh kerajaan, sekretariat belia negeri dilihat mampu bergerak lebih lancar dan mencapai inspirasi dalam usaha pembangunan belia. Justeru, kerajaan negeri di bawah yang Jawatankuasa Belia dan Sukan sentiasa cakna dan mengambil prihatin usaha melahirkan generasi pelapis sesuai dengan arus pembangunan pada masa kini. Sukacita juga saya maklumkan, pada 2025 juga, antara program-program yang dirancang untuk belia di Negeri Kedah ni adalah antaranya kelangsungan e-sport yang telah kita langsungkan pada tahun lepas. Tahun lepas mendapat sembutan yang hangat, kehadiran peserta melebihi hampir 700 peserta dan kita mengharapkan pada tahun ni E-Sport Challenge 2.0 akan dapat dilaksanakan semula. Dan yang kedua, Kejohanan Futsal Komuniti Sejahtera 3.0, yang ketiganya Simposium Pembangunan Belia seperti yang disebut tadi kursus kemahiran dan keusahanan belia dan yang ketiganya seperti dimaklum juga tadi, Jelajah Jiwa Mereka Experience Kedah 2025. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. EXCO. Soalan tambahan YB. Gurun. Kita ada 3 minit lagi.

YB. ENCIK BADDROL BIN BAKHTIAR

Terima kasih YB. Alor Mengkudu. Satu perancangan yang begitu baik. Jadi soalan tambahan saya, apakah usaha kerajaan dalam meningkatkan ekonomi dan kemahiran dalam kalangan belia Negeri Kedah ini yang mampu meletakkan belia negeri setanding dengan negeri-negeri lain? Sekian.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. EXCO. 3 minit.

YB. TUAN HAJI MUHAMMAD RADHI BIN HAJI MAT DIN

Terima kasih YB. Gurun. Daripada sudut ekonomi lah, tadi banyak fokus kepada program-program. Saya nak cerita terus daripada PKNK lah (Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah) telah memperkenalkan Program Skill Belia Sejahtera. Program latihan kemahiran merupakan sebuah program untuk membantu golongan belia dan lepasan SPM, bagi yang tidak berpeluang melanjutkan pengajian di mana-mana institusi pendidikan. Program ini dikendalikan sepenuhnya oleh Syarikat Kulim Advanced Teknologi Sdn. Bhd. ataupun K-Techno, iaitu anak syarikat milik penuh Kulim Technology Park Corporation. 2024 seramai 25 orang pelatih yang merupakan perintis kumpulan pertama di bawah Program Skill Sejahtera yang ditaja oleh kumpulan PKNK. Pada 2025, telah dinaikkan sebanyak 50 orang pelatih melibatkan hampir 500,000. Dan kita mengharapkan program ini adalah bukan sekadar membuka satu ruang baru untuk anak-anak muda, tapi juga menyediakan tenaga kerja mahir selaras dengan pembangunan industri seperti yang telah dimaklum oleh YB. Jitra tadi.

Inilah antara peluang-peluang pekerjaan yang kita mengharapkan hasil daripada kursus-kursus dan juga tumpuan kepada ekonomi ini, bukan sekadar hasil daripada program ini, 90% daripada pelatih ini ditawar untuk mengisi peluang pekerjaan di KHTP. Syarat utama seperti yang dimaklumkan tadi adalah lepasan SPM atau juga lepasan mereka-mereka yang tidak berpeluang untuk melajutkan pelajaran di peringkat tinggi lah. Sepanjang latihan untuk makluman, selama 3 bulan tajaan untuk seorang lebih kurang dalam 10,000 pelajar akan memperoleh kemudahan-kemudahan yang berikut, seperti makan dan minum 4 kali sehari termasuk cuti, 2 helai pakaian seragam dan kasut keselamatan, tempat kediaman dan kemudahan asas, pengangkutan pergi balik dari tempat latihan kemahiran teknikal dan tempat kediaman, insurans berkelompok dan elaun bulanan sebanyak RM200 sebulan. Jadi kita mengharapkanlah, ambillah keselamatan anak-anak muda kalau ada di sana, yang ada peluang sila dapatkan maklumat daripada PKNK dan InsyaAllah, inilah peluang terbuka untuk anak-anak, bukan sekadar mencari peluang-peluang pekerjaan yang baru dan juga antara orang kata inisiatif kerajaan bagi menyambut daripada apa yang telah kita sarankan dalam strategi dan objektif kita sempena dengan pelancaran 2035 hari tu. Wallahu a'lam. Assalamualaikum.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Alor Mengkudu. Urusan seterusnya, Tuan Setiausaha.

III. USUL UCAPAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Usul ucapan menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YAB. Dato' Seri Menteri Besar untuk mencadangkan usul tersebut.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya pohon mencadangkan satu usul yang berbunyi seperti berikut;

"Bahawa Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman mempersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Ucapan yang berbunyi, "patik-patik sekalian, Speaker dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman. Di dalam persidangan ini dengan penuh hormat dan ta'zimnya menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah di atas perkenannya Tuanku menyampaikan titah ucapan sempena perasmian pembukaan Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman bagi Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman yang Ke-15". Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YB. Merbau Pulas.

YB. DATO' USTAZAH HAJAH SITI ASHAH BINTI HAJI GHAZALI

YB. Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan tersebut.

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya, Tuan Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Perbahasan di atas usul menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah secara dasar.

IV. PERBAHASAN DI ATAS USUL MENJUNJUNG KASIH KEPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH SECARA DASAR.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, perbahasan di atas usul ucapan menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah saya mohon Kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat agar menumpukan ucapan-ucapan Yang Berhormat kepada perkara-perkara yang menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri Kedah sahaja. Saya juga berharap Ahli-ahli Yang Berhormat tidak mengulangi perkara-perkara yang telah pun di sentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Sekarang Dewan dibuka untuk perbahasan!

Dipersilakan YB. Sidam. Ada rehal? Diberi masa 30 minit untuk Ketua Pembangkang dan Ketua *Backbencher* dan ADUN 15 minit. Silakan.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Baik, terima kasih YB. Tuan Speaker. Salam sejahtera, Salam Malaysia Madani. YB. Tuan Speaker, YB. Timbalan Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, rakan-rakan media, tuan-tuan dan puan -puan sekalian. Bersyukur di atas rahmat Tuhan, kita masih diberi kesempatan dan kesihatan yang baik pada hari ini untuk kita sama-sama berada dalam Dewan yang mulia ini bagi membincangkan dan membahas dalam menyelesaikan isu-isu dan masalah-masalah demi kepentingan rakyat dan masyarakat di kawasan masing-masing. Saya ucapkan ribuan terima kasih atas peluang yang diberikan bagi memberi ucapan sempena Pembukaan Sidang DUN kali ini. Tidak terlewat rasanya bagi saya untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir Batin kepada semua Yang Berhormat, yang beragama Islam. Semoga Lebaran ini

menjadi permulaan yang baik, diberi umur yang panjang dan juga dikurniakan kekuatan untuk kita menangani dan juga berkhidmat untuk rakyat di kawasan masing-masing. Dalam Dewan Yang Mulia ini, ada beberapa perkara yang ingin saya bangkitkan dan akan saya ketengahkan yang boleh diambil perhatian sewajarnya oleh pihak kerjaan demi kesejahteraan penduduk Kedah. Antara isu-isu yang diangkat akan melibatkan perkembangan pembangunan di negeri yang kita sayangi ini. YB. Tuan Speaker, pertama adalah mengenai pertingkatkan infrastruktur. Semua maklum bahawa Kedah adalah negeri yang unik dengan kepelbagaian hasil berpotensi besar dalam bidang pertanian, pelancongan dan juga industri.

Penambahbaikan infrastruktur akan memberi impak positif kepada kesejahteraan penduduk Kedah sendiri seperti meningkatkan kualiti hidup masyarakat, menyokong pembangunan ekonomi, serta memperkukuhkan daya saing negeri dalam pelbagai sektor.

Antara tumpuan yang saya ingin ketengahkan ialah mengenai jalan raya di kawasan bandar dan luar bandar. Yang mana ianya mampu meningkatkan produktiviti ekonomi serta mengurangkan kesesakan lalu lintas. Dalam menuju ke negeri yang berstatus tinggi, Negeri Kedah boleh memperkukuhkan sistem jaringan pengangkutan awam untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas dan menyediakan alternatif pengangkutan yang lebih murah dan efisien kepada penduduk. Sistem bas atau sistem pengangkutan awam yang lebih moden lagi selesa dan senang diakses akan memudahkan pergerakan penduduk di luar bandar dan dalam bandar. Pembinaan, penambahbaikan infrastruktur di bandar seperti jalan raya, lampu jalan, sistem pengurusan lalu lintas dan kemudahan awam pula akan menjadikan bandar-bandar di Negeri Kedah lebih selesa dan mesra penghuni.

Dalam penggal yang lalu saya pernah membangkitkan mengenai jalan di kawasan daripada Kuala Ketil ke Jeniang. Kali ini saya nak naikkan lagi satu iaitu dari Sungai Petani ke Kulim. Jadi kalau YAB. Jeneri tahu, kawasan itu memang kawasan sangat-sangat sesak terutama sekali pagi dan petang lah, pergi dan balik dan menyebabkan selalu berlaku kemalangan YAB. Jeneri, di sana. Saya mengharapkan tumpuan di kawasan itu untuk kita teruskan kemajuan di Kulim Hi-Tech, memerlukan pekerja-pekerja dari Sungai Petani yang banyak ni, lalu ulang alik. Jadi, ini adalah sangat-sangat penting untuk kawasan jalan di sana dinaiktarafkan. Jadi, harap-harap lah (sambil ketawa) nanti kita buat kut-kut hadapan, kut penggal hadapan (sambil ketawa). Bodek sikit boleh kut noh?

YB. TUAN SPEAKER

Boleh! Boleh! (sambil ketawa)

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Seterusnya ialah mengenai infrastruktur yang sangat-sangat diperlukan iaitu mengenai bekalan air di kawasan yang sangat-sangat jadi isu lah sekarang Yang Berhormat. Di beberapa kawasan di Negeri Kedah bekalan air bersih masih menjadi isu utama. Penambahbaikan infrastruktur pembekalan air perlu diberi perhatian untuk memastikan air yang lebih bersih dapat disalurkan.

Untuk makluman YB. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya bersama Ahli Parlimen Merbok telah mengiringi YB. Akmal (Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air) pergi melawat di LRA Bukit Selambau. Jadi, apabila kita dah sampai ke sana, situasi di tapak pembinaan itu dan kelewatan itu menunjukkan satu proses pembinaan di sana perlu diberi perhatian sangat-sangat serius oleh kerajaan negeri. Saya bukanlah untuk menudingkan jari atau menyalahkan sesiapa, tetapi saya mengharapkan bantuan dan penyelesaian secara bersama boleh diambil untuk meningkatkan ataupun untuk menyelesaikan masalah di sana Yang Berhormat.

Jadi, dalam perbincangan semasa lawatan itu saya dapati kerajaan perlu memastikan agar kontraktor dapat menyiapkan pembinaan dalam tempoh yang ditetapkan, di mana ia merupakan lanjutan masa atau EOT yang ketiga, yang diberi tempoh sehingga 16 November tahun 2025. Jadi, dalam perbincangan tersebut saya dapati pihak kontraktor dan juga perunding tidak dapat memberi kata putus ataupun tidak berani menjanjikan tarikh tersebut boleh siap. Ini kerana ada beberapa perkara yang sangat-sangat kritikal iaitu 'jantung' dia belum beli, pam itu belum beli lagi yang saya difahamkan untuk membeli pam itu nak kena ambil masa lebih kurang 6 bulan, proses itu dan ini lah kita pun tak tahu lah.

Jadi, proses 6 bulan itu daripada EOT yang diberikan pada kali ini adalah sehingga 16 November. Jadi saya yakin, saya rasa lah, saya rasa mungkin tidak dapat disiapkan. Jadi, saya sarankan kerajaan perlu memberi khidmat nasihat dan memantau kerja-kerja pembinaan tersebut secara berkala supaya mereka dapat memperbaiki kelemahan sedia ada di tapak pembinaan. Loji rawatan air ini masih tidak dapat disiapkan, jika loji ini tidak dapat disiapkan seperti perancangan, kerajaan perlu menyediakan pelan alternatif bagi memastikan projek pembinaan loji ini dapat disiapkan demi kepentingan rakyat Negeri Kedah. YB. Tuan Speaker, ini merujuk kepada titah ucapan Tuanku … (YB. Tanjung Dawai mencelah)

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN GHAZALI

YB. Tuan Speaker…

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Ya! Ya! Ya boleh, boleh, sekejap.

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

Terima kasih YB. Tuan Spekaer, terima kasih YB. Sidam. Saya nak minta tolong berkaitan dengan air di Merbok. Jadi, antara yang telah pun dimaklumi, Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah meluluskan sekian lama Projek Naik Taraf Loji Air di Tupah dan sekarang ni musim hujan. Hujan menyebabkan loji air di Tupah ini bila dia hujan, air keruh loji pun tak boleh proses, dia kena *stop* 6 jam ke 7 jam. Kalau tak ditutup, air keruh tu akan sampai ke paip air rumah orang. Jadi, bila tunggu jernih balik baru boleh buka. Jadi hubungan pihak pembangkang, ketua pembangkang terutama kut-kut lah boleh tanya khabar projek tu. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Sambung YB. Sidam.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Terima kasih YB. Tanjung Dawai. Memang hal-hal air ni berlaku di kawasan itu lah, Tanjung Dawai, Merbok dan sebagainya. Tapi kita harapkanlah apa yang dibangkitkan tu kita harapkan dapat perhatian daripada Kerajaan Pusat. Begitu juga lah dengan kerajaan negeri boleh runding untuk mencari penyelesaian.

Saya sambung. Merujuk kepada Titah Ucapan Duli Yang Mulia Tuanku pada muka surat 2 yang menyarankan semua Ahli Yang Berhormat perlu mengambil maklum setiap pandangan dan kritikan yang disuarakan adalah bersifat membina demi kepentingan negeri dan rakyat, bukannya dianggap sebagai kecaman yang mengundang perbalahan. Saya berharap, kerajaan negeri dapat menerima dengan hati terbuka sebarang pendapat dan pandangan daripada pihak luar.

Jadi, ini adalah satu jika lah, jika benda ni dah siap Yang Berhormat, saya rasa ini kredit kepada kerajaan negeri. Boleh tutup banyak mulut YAB. Dato' Seri, boleh dapat selesaikan macam-macam isu. Jadi, nanti Yang Berhormat boleh buat ceramah ataupun naik atas pentas. Apa macam mana? "Tuan-tuan dan Puan-puan, penduduk Merbok dan juga Tanjung Dawai, kita walaupun dah lewat tapi kita dah siapkan Logi Rawatan Air di Bukit Selambau". Jadi, kita tak mau dah nak pakai apa, mesin gedegung tu tak payah dah. Kita tak payah lagi mesin gedegung, kita buka paip ada 'A', buka paip ada 'A'. Itu contoh saja Yang Berhormat. Mesin gedegung? Mesin gedegung kita kena tanya YAB. Jeneri, dia tau (sambil ketawa). Jadi, saya harapkan pandangan-pandangan kami dapat diberi perhatian untuk merealisasikan penduduk-penduduk di kawasan Merbok.

Bukan apa, orang di sana pun ada yang dipinggir-pinggir Sungai Petani pun duk telefon kita juga, telefon Sidam juga. Pasal apa? Bila? Bila lagi? Jadi masalah juga lah. Jadi, kita harap benda ini dapat selesaikan secepat mungkin.

Seterusnya mengenai rumah terbiar Yang Berhormat. Merujuk kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang memuji keprihatinan kerajaan negeri dengan mendirikan rumah kediaman melalui inisiatif Desa Sejahtera. Justeru itu, saya mengambil peluang memohon kerajaan untuk melihat semula, ada dua kawasan rumah terbakar di kawasan Sungai Petani dan sehingga kini tanpa ada sebarang tindakan. Yang pertama ialah enam buah rumah terbakar di Projek Perumahan Rakyat Negeri yang terbakar pada 22 November 2023 di Taman Seri Impian. Sehingga kini masih belum ada apa-apa tindakan ataupun bantuan yang mencukupi untuk membina sebuah rumah.

Bantuan-bantuan dari kecil-kecil ni ada, tapi tidak mampu untuk menyelesaikan masalah rumah yang terbakar sampai hangus. Yang kedua ialah kebakaran di tingkat 4 Blok A14 di Paya Nahu, tingkat 4 yang masih belum dibaiki. Saya rasa ketika baru-baru kebakaran saya rasa YAB. Jeneri pernah melawat, tetapi sampai sekarang belum ada apa-apa tindakan. Jadi, saya khuatirkan sekarang bila hujan air daripada tingkat 4 akan masuk ke tingkat 3 dan akan masuk ke tingkat 2. Dan yang kita bimbangkan ialah berlaku *trip power supply* itu terjejas menyebabkan kita khuatirkan berlaku renjatan elektrik kepada pengguna dekat sana. Selain itu, bumbung di tingkat 4 itu didapati masih tak sesuai ataupun selepas kebakaran itu dikhuatirkan kena angin, angin bertiup dan akan jatuh kepada orang di sekitarnya. Jadi, ini membahayakan penduduk-penduduk sekitar.

Selain daripada itu, mengenai rumah yang terbiar juga, saya ingin memohon kerajaan melalui PBT untuk melihat dan mengambil tindakan terhadap bangunan yang terbiar. Rumah- rumah yang terbiar di taman-tamanni banyak. Jadi, bangunan yang terbiar ini dah dipenuhi dengan pokok-pokok, semak-semak, rumput dan memberi kesan kepada jiran-jiran. Jiran-jiran pun tak teringin nak buat apa, benda ni berlaku banyak. Jadi, jiran-jiran pun nak masuk rumah sebelah pun ada kunci, tapi orang orang tak ada. Jadi, risau dengan keadaan keadaan nyamuk dan juga ular yang berada di sana. Jadi, di pekan ni kalau kita dengar kata ular patuk orang, susah sikit lah. Kampung tak apa Yang Berhormat kan? Kita di kampung, ular patuk tak apa tak ada masalah. Tapi di pekan ni ada masalah sikit. Jadi memang banyak, ada juga perumahan yang tuan dia tak tau rumah dia ada. Bapa dia dah beli dan tak bagitau kat anak, bapa dia mati tinggal rumah. Kita terpaksa cari siapa dia waris. Akhirnya jumpa di Sungai Petani. Ada satu rumah, anak dia tak tau. *Last-last* kita pergi bagitau, baru dia kata, “oh! Saya ada rumah ka?” Dia kata. Ini penting. Jadi, kalau boleh pihak PBT dan juga EXCO mainkan peranan ini.

Buatlah apa pun, menggubal undang-undang ka apa ka supaya boleh diambil tindakan untuk menyelesaikan masalah ini. Bukan apa, aduan daripada jiran-jiran tu kita pun tak boleh nak buat apa lah. Jadi, harap-harap perkara ni boleh selesai. Ada masa lagi?

Seterusnya ialah mengenai menaik taraf ekonomi peniaga-peniaga kecil. Umum kita tahu bahawa peniaga kecil memainkan peranan yang besar dalam ekonomi negara kita, serta menyumbang kepada sektor peniagaan mikro dan kecil. Namun, mereka juga menghadapi cabaran seperti ketidakstabilan pendapatan, persaingan yang sengit, dan kurangnya sokongan daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Oleh itu, untuk membantu menaikkan ekonomi peniaga-peniaga kecil ini, kerajaan boleh menyediakan tapak peniagaan yang lebih teratur dan selamat serta dilengkapi dengan kemudahan asas seperti bekalan air, bekalan elektrik, tandas dan juga tempat letak kereta. Untuk peniaga yang tidak mempunyai kedai tetap, kerajaan boleh menyediakan ruang untuk mereka berniaga. Contoh yang terbaik adalah peniaga-peniaga tepi jalan di Taman Puteri Jaya, Sungai Petani yang telah ditempatkan di kawasan berhampiran untuk mereka berniaga dengan lebih selesa, mengurangkan kesesakan lalu lintas, seterusnya menjamin keselamatan peniaga dan juga pengunjung. Konsep ini boleh digunakan dan diketengahkan di seluruh kawasan Negeri Kedah.

Kita nak bantu peniaga-peniaga kecil ini. Peniaga kecil ini kebanyakkannya Bumiputera. Jadi, kita nak bantu kalau boleh kerajaan nampak benda ini untuk terus bantu mereka. Contoh yang terbaik juga adalah menaik taraf dan mempromosi premis sedia ada seperti di Kompleks Pekan Rabu, Pekan Lama, Sungai Petani, SP Plaza di Sungai Petani dan jika kompleks begini dapat diberi perhatian saya percaya ianya bakal memberi impak yang baik dalam meningkatkan ekonomi masyarakat setempat menerusi peniaga-peniaga kecil ini. Satu lagi adalah kerajaan boleh menjadikan Lorong Siar Seni di Sungai Petani untuk dijadikan contoh di mana ianya sudah dinaik taraf dan inisiatif terkini, Yang Berhormat Ahli Parlimen Sungai Petani telah memberi dana tambahan daripada Kerajaan Pusat untuk menaik taraf beberapa lorong bagi menarik minat anak-anak muda berniaga di ruang yang lebih selesa dan mampu menarik ramai orang untuk berkunjung. Jadi, ini kita harapkan dapat memberi perubahan kepada anak-anak muda untuk terus berniaga.

Keempat ialah pada penggal yang lepas saya ada membangkitkan mengenai elaun imam dan elaun ketua-ketua sami, tapi saya rasa elaun imam telah dinaikkan kecuali elaun ketua-ketua sami ini. Jadi, seperti yang Yang Amat Berhormat kata tadi, saya juga buat permohonan yang munasabah. Sebab apa? 38 wat sahaja yang ada di Kedah. Jadi, kalau boleh diadakan sikit mungkin menerusi EXCO Masyarakat Siam.

Jadi, saya harapkan benda ini dapat direalisasikan. Selain daripada itu, berkenaan dengan RIBI (Rumah Ibadat Bukan Islam) saya dapati banyak RIBI yang tidak berdaftar terutamanya di luar bandar lah. Sebab apa, sebagai contoh wat Siam ni dia dah ada beratus tahun dah. Jadi, tuan tanah tu kita pun dah tak tahu, anak cucu pun kita dah tak tahu, tapi dalam geran masih nama orang tua tu. Jadi, kita nak cari balik pun susah. Jadi, saya harapkan kerajaan boleh melonggarkan apa-apa syarat ataupun memudahkan untuk menukar tanah tu kepada tanah wakaf atau apa, sekurang-kurangnya birokrasi tu dapat kita kurangkan untuk RIBI yang belum berdaftar ni, mendaftar dalam sistem supaya mudah untuk kita mohon peruntukan dan sebagainya.

Sekarang kalau mohon, dia nak cari pendaftaran. Jadi, pendaftaran tak adalah pasal status tanah belum belum siap. Jadi, kita harapkan kita permudahkan birokrasi ni untuk kita mudahkan daftar berbagai RIBI. Dan satu lagi adalah saya tertarik dengan apa yang YB. Sungai Limau katakan tadi iaitu mengadakan sistem solar di masjid. Jadi, saya cadangkan kepada YB. EXCO dan juga kerajaan negeri untuk tengok juga untuk mengurangkan perbelanjaan di kawasan rumah RIBI ini, Rumah Ibadat Bukan Islam ni supaya mereka dapat menggunakan kaedah-kaedah ini untuk mengurangkan perbelanjaan. Seterusnya ada belanja lebih-lebih ni, boleh buat benda lain. Jadi, ini saya harapkan ada perhatian daripada kerajaan negeri juga. Jadi, kalau masjid ada, kita harapkan di RIBI pun ada juga noh. Ada lagi…?

YB. TUAN SPEAKER

Ada lagi masa YB. Boleh lagi.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Boleh noh? Okay, terima kasih. Ada sikit masa lagi. Seterusnya ialah mengenai *trend* sekarang iaitu isu perbelanjaan beli dan bayar kemudian. Ini adalah satu sistem yang memudahkan pengguna dalam membuat pembelian barang dan perkhidmatan dan juga merancakkan perniagaan dan menjana ekonomi. Data yang dinyatakan Menteri Kawangan 2, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dalam jawapannya di Dewan Rakyat tahun lepas menunjukkan *trend* yang membimbangkan apabila jumlah transaksi beli dulu bayar kemudian meningkat ketara kepada RM7.1 bilion dan di Kedah juga tidak terkecuali. Majoriti adalah golongan muda berusia 21 hingga 45 tahun dan pendapatan mereka kurang daripada RM5,000 dan Jabatan Insolvensi Malaysia ada merekodkan lebih 31,000 kes muflis berlaku dalam kalangan belia di bawah 35 tahun.

Di Kedah terdapat 10,983 orang yang di kategorikan sebagai muflis berumur 35 hingga 40 tahun sehingga Januari tahun 2004. Jadi, di Kedah pun ada macam ni. Jadi kita harapkan kerajaan menangani masalah seperti ini dan mengadakan kampen-kampen pendidikan kawangan di kalangan masyarakat, cara untuk menguruskan kawangan mereka dengan bijak termasuk mengawal perbelanjaan dalam talian. Kerajaan juga boleh melaksanakan kempen kesedaran untuk orang ramai mengenai risiko ketagihan pembelian dalam talian dan cara untuk mengelak perbelanjaan berlebihan melalui media masa, program komuniti yang memfokuskan pengurusan kawangan. Kampen belanja bijak perlu diketengahkan kepada masyarakat untuk mengelakkan pemberian impulsif dengan fokus kepada keseimbangan yang dapat membezakan antara keinginan dan keperluan.

Kesimpulannya, program beli dulu bayar kemudian boleh menjadikan satu perangkap kawangan yang berisiko kepada pengguna dan kestabilan ekonomi dan menjadi tanggungjawab kita bersama untuk menangani masalah tersebut. Jadi, itu sahaja untuk hari ini. Baik, terima kasih. Saya menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan kelmarin. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Sidam, Ketua Pembangkang dan seterusnya dipersilakan Ketua *Backbencher* 30 minit.

YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahi Rabbil ‘Alamin Was Salatu Wassalamu Ala Asyrafil Anbiya’i Wal Mursalin Wa ‘Ala Alihi Wasohbihi Ajma’in. Rabbi Shrah Li Sadri Wa Yassir Li Amri Wahlul Uqdatan Mil Lisani Yafqahu Qawli. Subhanaka La Ilma Lana Illa Ma Allamtana Innaka Antal ‘Alimul Hakim. La Hawla Wa La Quwwata Illa Billahil ‘Aliyyil ‘Azim. Ammabaq.

Firman Allah SWT:

أعوذُ بِٱللَّهِ مِنَ ٱلشَّيۡطَٰنِ ٱلرَّجِيمِ

وَشَاوِرۡهُمۡ فِي ٱلۡأَمۡرِۖ فَإِذَا عَزَمۡتَ فَتَوَكَّلۡ عَلَى ٱللَّهِۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلۡمُتَوَكِّلِينَ

"Dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan peperangan dan soal-soal keduniaan itu. Kemudian apabila kamu atau engkau telah berazam setelah bermesyuarat untuk membuat sesuatu maka bertawakalah kepada Allah, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya." Ali-Imran ayat 159.

YB. Tuan Speaker, YAB. Dato' Seri Menteri Besar, YB. Ahli-ahli Majlis Masyuarat Kerajaan Negeri, YB. Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Setiausaha, Yang Berbahagia Ketua-ketua Jabatan Agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan, yang dihormati, pegawai-pegawai Dewan, seterusnya yang dikasihi para pemerhati, sama ada yang sedang mengikuti sidang ini dalam Dewan atas sana, ataupun yang sedang mengikuti secara atas talian di luar sana. Alhamdulillah, sama-sama kita panjatkan rasa syukur kita ke hadrat Allah SWT, dengan izinNya dapat kita berjumpa pada pagi dan hari ini untuk meneruskan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Yang Ke-15 pada hari yang ke-2 untuk kita meneruskan perbahasan ke atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam istiadat perasmian pada hari semalam.

Semalam Alhamdulillah, kita telah sama-sama dapat hadir dalam istiadat perasmian yang berlangsung di luar dan dalam Dewan yang disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Tuanku Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah Sutan Negeri Kedah yang kita kasihi. Dan kita berdoa supaya esok dan lusa, insyaAllah kita akan dapat sama-sama hadir juga untuk meneruskan, menunaikan tanggungjawab kita sebagai Ahli Yang Berhormat membawa isu dan juga masalah rakyat di bawah untuk kita selesaikan isu ini, insyaAllah.

YB. Tuan Speaker, saya berterima kasih kepada YB. Tuan Speaker atas laluan yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pada hari ini setelah tadi kita mendengar bahas daripada pihak ketua pembangkang yang umumnya satu persembahan yang baik yang menyokong khususnya banyak program ataupun dasar-dasar kerajaan semasa dan mencadangkan beberapa cadangan untuk penambahbaikan.

InsyaAllah, saya akan gunakan masa kurang lebih sejam ni yang berikan kepada saya sebagai Ketua *Backbencher* untuk mengulas dan membahas beberapa perkara yang menjadi inti pati kepada Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. InsyaAllah masa yang agak singkat, setengah jam bagi sesetengah orang lah, setengah orang dia rasa lama setengah jam tu, akan digunakan sebaiknya dan saya buka ruang juga kepada sahabat-sahabat Ahli Yang Berhormat untuk mencelah jika perlu bagi menambah ucapan saya ataupun memberi input-input baharu yang boleh diterima sebagai sebahagian daripada ucapan saya, insyaAllah.

Sebelum saya meneruskan dengan perbahasan saya nak mengalu-alukan, walaupun tak ada sekarang dalam Dewan, dia keluar untuk berehat. Pelantikan dan kehadiran pertama ke Sidang DUN kepada Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri yang baharu, YB. Tuan Saifulrijal bin Azhari. Yang Berhormat dilantik sebagai Penasihat Undang-Undang mulai 18 Desember 2024 menggantikan YB. Dato' Nik Azhan Hakim bin Nik Mahmood yang bertukar ke Jabatan Peguam Negara, Putrajaya. Saya berharap dan berdoa semoga Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Kerajaan yang baharu ini akan dapat memberikan perkhidmatan yang cemerlang seperti yang telah ditunjukkan oleh mantan Penasihat Undang-Undang yang lalu. Bahkan kita yakin dan percaya, Yang Berhormat yang merupakan anak Kedah dari Baling ini, yang telah lama berkecimpung dalam dunia undang-undang guaman, pelbagai jabatan dan juga kementerian akan memberi nilai lebih kepada atau kekuatan tambah kepada kita untuk mempertahankan dan menuntut hak-hak kita selaras dengan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri dan juga Perlembagaan Persekutuan dari semasa ke semasa, insyaAllah.

Kita juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengalu-alukan, walaupun tak nampak dalam Dewan pada hari ini. Belum nampak lagi dah ataupun tak nampak, lindung. Kepada Yang berusaha Tuan Haji Zepri Bin Saad. Ada dak? Tak perasan, minta maaf. Pengarah Pejabat Pembangunan Negeri Kedah, Pengarah Pejabat Persekutuan Negeri Kedah yang baharu mengantikan Yang Berusaha Puan Zaiton Binti Yahya, yang telah bertukar ke Kementerian Ekonomi sebagai Pengarah Bahagian Pembangunan Walayah Negeri mulai 10 Mac 2025 yang lalu. Saya berharap Yang Berbahagia, Yang Berusaha Tuan Haji Zepri yang juga kaya dengan pengalaman khususnya ketika berkhidmat agak lama di negeri Perlis, jiran kita, akan membuka ruang yang lebih memungkinkan semangat patriotisme, semangat persekutuan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri khususnya aspek pembangunan dapat tingkatkan dan kukuhkan dari semasa ke semasa.

Kita tidak mahu amalan patriotisme yang selama ini dilihat sebagai senget sebelah. Negeri-negeri yang telah ke hadapan atau yang maju terus dibantu dengan skala yang besar, manakala negeri-negeri yang terkebelakang, seperti Negeri Kelantan, Terengganu serta Kedah, negeri-negeri ini tidak dilayan dengan setara atau patutnya. Dan juga lain-lain pegawai kanan kita nampak ada perubahan, ada muka kita tak nampak. Negeri dan Persekutuan pun sama, masih orang yang lama, yang tahun lepas berada di Dewan ini dan tahun ini masih lagi di Dewan ini. Mungkin cuma tukar kerusi saja kut. Pegawai Daerah Kubang Pasu pun masih yang lama lagi di sebelah sana, dan saya berdoa serta berharap mudah-mudahan selepas ini dia berada di sebelah sini, di belakang barisan para EXCO walaupun kita sayang kepada dia di Kubang Pasu, tapi kita tak boleh sekat rezeki dan kemampuan dia untuk berkhidmat lebih lanjut atau lebih besar di peringkat negeri.

YB. Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan menjunjung kasih ke atas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, yang telah sudi mencemar duli untuk berangkat ke Dewan ini untuk merasmikan Pembukaan Sidang Dewan Undangan Negeri Mesyuarat Pertama Penggal Yang Ketiga pada hari semalam. Walaupun titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada kali ini agak pendek, agak singkat berbanding dengan titah Tuanku pada musim-musim ataupun persidangan lepas tetapi 22 minit titah Tuanku itu bagi saya lah dapat kita bahaskan dengan lebih luas pada hari ini dan esok, insyaAllah. Saya lihat, baginda Tuanku telah menyentuh secara langsung ketiga-tiga tema utama dalam Pelan Pembangunan Kedah 2035. Tema ekonomi, tema rakyat dan tema alam dan juga membincangkan secara langsung tak langsung keenam-enam teras yang berada di bawah ketiga-tiga tema utama hari ini. Hal ini menggambarkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sentiasa memberi perhatian yang berat kepada kemajuan Pelan Pembangunan Kedah 2035 yang kemudiannya diperkukuhkan dengan ketegasan agung, The Greater Kedah untuk perkukuhkan lagi Pelan Pembangunan Kedah 2035.

Hal ini juga memberi gambaran kepada kita semua baik penggubal dasar seperti kita ataupun ketua-ketua jabatan dan seluruh jentera pelaksana di bawah sana supaya harus sentiasa menggembeling fikiran, tenaga dan pengorbanan untuk sama-sama kita memastikan hasrat Pelan Pembangunan Kedah 2035 berjalan dengan baik dan insyaAllah akan mencapai matlamat dan hajatnya di akhir nanti, insyaAllah.

YB. Tuan Speaker, saya amat terkesan dengan titah Tuanku semalam yang berkait terus kepada batang tubuh Ahli-ahli Yang Berhormat. Pada muka surat 2, Ahli Yang Berhormat semak dan juga di muka surat terakhir Tuanku bertitah terus kepada batang tubuh Ahli-ahli Yang Berhormat. Baginda Tuanku menyimpulkan hal ini pada permulaan titah dan menutup titah seperti yang disebut dalam buku titah ucapan. Saya meringkaskan apa yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Amat Mulia Tuanku berkait dengan hal ini kepada dua peranan besar yang perlu dimainkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak kerajaan ataupun pambangkang, semuanya.

Pertama, wakil rakyat ataupun Ahli-ahli Yang Berhormat perlu menyedari peranan hakiki mereka, kita ni sebagai pelaksana semak dan imbang, penggubal dasar dan undang-undang negeri serta pengawal belanjawan negeri. Pada pandangan saya YB. Tuan Speaker, ketiga-tiga tugas hakiki ini sedang dan telah kita laksanakan dengan baik dari semua Ahli Yang Berhormat sepanjang sesi ini dan juga sesi lepas sejauh yang saya dapat bersama-sama dalam Dewan. Semua Ahli Yang Berhormat sama ada dari kerajaan atau pembangkang, diberi peluang yang sama rata untuk mengambil bahagian dalam Dewan ini, berbahas, berbincang sebagainya dalam membuat semak imbang dan juga penggubalan dasar-dasar atau undang-undang dari semasa ke semasa.

Ketua Pembangkang, Ketua *Backbencher* diberi masa yang sama untuk berbahas, sama panjang, tiada bezanya. Begitu juga dengan Ahli-ahli Dewan yang lain, masa yang sama untuk mengambil bahagian dan terbuka tidak ada teguran serta halangan daripada YB. Tuan Speaker pun untuk kita buat kritikan. Begitu juga dengan Belanjawan Kerajaan Negeri yang dibentangkan setiap hujung tahun juga terbuka kepada semua Ahli Yang Berhormat untuk membuat komen, memberi pandangan dan sebagainya untuk menyemak dan mengimbangkan Belanjawan Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa supaya ia berjalan dengan elok dan menurut ataupun menepati kehendak atau perancangan yang disediakan. Bermaksud, semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini telah dan sedang melaksanakan apa yang dititahkan oleh Tuanku Sultan dalam ucapan atau titah perasmian semalam. Saya dipahamkan dulu, dululah, dulu-dulu ni ada yang hadir ke Dewan ni tak bercakap, Yang Berhormat tak bercakap sebab bercakap ni bukanlah satu kemestian, kewajipan. Hadir tu wajib, bercakap tu tak wajib. Tapi kita sekarang sepanjang yang saya ikutilah perkembangan ataupun bersama-sama Dewan ni, selepas daripada ini semua Ahli Yang Berhormat mengambil bahagian walaupun pendek, walaupun sedikit masa. Bermaksud kita betul-betul beri perhatian setelah melaksanakan apa yang Tuanku Sultan sarankan pada hari semalam.

Selain daripada itu, kami di pihak Ahli Dewan Negeri Kerajaan khususnya lah YB. Sidam, kerap menganjurkan perjumpaan dan perbincangan dengan para EXCO, dengan ketua-ketua jabatan ataupun agensi kerajaan negeri khususnya dari semasa ke semasa sama ada dalam bentuk forum ataupun bengkel untuk memahami dan memberi maklum balas kepada dasar yang berada di bawah kawalan EXCO ataupun jabatan atau agensi kerajaan negeri. Saya masih ingat bagaimana kami semua diberi peluang turut serta untuk terlibat secara langsung dalam memahami aspirasi dan juga merangka pelan The Greater Kedah melalui bengkel yang diadakan di Bukit Tinggi selama 3 hari 2 malam kalau tak silap, di bawah portfolio YB. EXCO Negeri. Pengalaman yang cukup baik untuk kita sama-sama terlibat dengan mereka yang secara langsung berurusan dengan urusan ataupun dengan The Greater Kedah untuk kita beri pendapat, pandangan kita untuk merealisasikan ataupun meletakkan The Greater Kedah itu betul-betul di atas dasar yang patut ataupun yang boleh kita capai matlamat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan juga menyarankan agar kita Ahli-ahli Yang Berhormat ini sentiasa peka dan proaktif untuk meneliti dan menyemak semula dasar dan peraturan agar kekal relevan dengan keperluan semasa demi kepentingan negeri terutamanya yang melibatkan hak sebagaimana yang termaktub dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Kedah dan Perlembagaan Malaysia.

Saya menyanjung tinggi saranan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku ini, dan kita perlu dari semasa ke semasa menyemak dasar yang sedia ada untuk disesuaikan dengan keadaan semasa, dari semasa ke semasa.

Antara dasar pada saya yang perlu disemak semula ialah seperti yang sebut oleh YAB. Menteri Besar tadi, penetapan tanah kita oleh pihak Persekutuan iaitu kurang lebih 220 ribu hektar sebagai tanah bersyarat pertanian atau kata Kedah ni kena tanam padi untuk memberi satu jaminan makanan atau *food security* kepada rakyat Malaysia. Luas! 225,000 hektar ini luas, besar, hampir satu per empat dari keluasan Negeri Kedah dan nantijahnya, kesannya, impaknya ialah kita kekurangan dalam kita mengutip hasil cukai tanah sebab syarat tanah pertanian cukainya cukup rendah. Tadi YAB. Menteri Besar sebut, 220,000 hektar itu hanya boleh menjana RM2.6 juta setahun sahaja cukai tanah. Berbanding jika kita *convert* dia menjadi kawasan perindustrian boleh menjana RM1.7 bilion setahun. Dari jumlah itu 220,000, 100,000 ataupun lebih kurang 110,000 hektar telah pun digunakan sekarang ni sama ada untuk kawasan MADA ataupun di luar MADA untuk penanaman padi.

Dengan perkembangan yang semasa yang menjurus kepada penanaman padi 5 kali untuk 2 tahun yang berupaya mengeluarkan keluaran beras yang berkali ganda misalnya, ataupun dengan peningkatan jumlah pelaburan dalam bidang industri yang kian meningkat dan memerlukan tapak baharu yang luas. Saya rasa penempatan tanah bersyarat ini boleh disemak semula atau diberi nafas baharu sama ada kita Ahli-ahli Yang Berhormat kerajaan atau pembangkang, DUN atau Parlimen terus mendesak hingga berjaya dalam tempoh terdekat untuk mendapatkan pampasan yang setara, yang *releven* dengan pengorbanan bersyarat itu atau kita kemukakan cadangan kepada Persekutuan untuk kita bangunkan sebahagian daripada tanah tersebut untuk projek perindustrian. Kelangsungan untuk mendapatkan jumlah hasil yang meningkat bagi mencapai cita-cita kita pada tahun 2028 khususnya, mencapai kutipan hasil kepada RM1 billion setahun. YB. Tuan Speaker, ada masa lagi?

YB. TUAN SPEAKER

Bersedia, tak lama dah.

YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM

InsyaAllah, hari ni saya pakai baju Melayu. Bukan saya seorang rasanya tapi ditumpang oleh YB. Bukit Lada, dua orang. Kamilah lelaki Melayu terakhir dalam Dewan pada hari ini. Satu lagi perkara yang boleh kita kaitkan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam hal ini, hal berkaitan tugas hakiki Ahli-ahli Yang Berhormat ialah perlu kita terus menyemak dengan lebih serius akan status pajakan

Negeri Pulau Pinang oleh Sultan Abdullah kepada Inggeris pada tahun 1786 dahulu. Dalam konteks keberadaan negeri tersebut, Pulau Pinang itu, dalam Persekutuan Malaysia sekarang berdasarkan kepada Perlembagaan Malaysia semasa. Dan jangan kita lupa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga pernah bertitah dalam ucapan sempena hari Keputeraan Baginda Yang Ke-81 pada 18 Jun 2023 yang lalu, di Istana Negeri Anak Bukit telah menitahkan hal ini dengan jelas supaya hal pajakan Pulau Pinang ini diberi perhatian dan ditengok dengan lebih serius supaya kita boleh dapat manfaat yang besar daripadanya. Saya difahamkan dalam tempoh kurang lebih setahun yang lalu, sudah ada pihak yang telah mengambil inisiatif untuk mengkaji isu ini dengan lebih terperinci dan akademik, dari aspek akademik bagi memungkinkan satu tindakan yang sah dari segi undang-undang bagi menjelaskan kedudukan pajakan yang sebenarnya.

Walaupun mungkin agak sukar untuk kita mengembalikan Pulau Pinang dan Seberang Perai menjadi wilayah jajahan takluk Kedah sepenuhnya seperti dahulu. Tapi tak mustahil, tak mustahil, dia bukan mustahil benda tu boleh jadi, cuma agak sukar masa moden ni, itu berlaku. Namun, ketegasan dan kesahihan status pajakan tersebut memungkinkan kita untuk menuntut dan mendapat bayaran pajakan yang setimpal, yang *relevan* dengan suasana semasa sekarang. 1786 lama dah, 200 tahun dah kan? Ni lama dah, tapi masih lagi sewa dia, pajakan dia tu. Nak tanya YB. Pengkalan Kundor?

YB. PUAN MARDHIYYAH BINTI JOHARI

Mencelah sedikit. Jadi, adakah YB. Ayer Hitam bersetuju jika tuntutan ini tidak sepatutnya disalah tafsir sebagai melawan perlembagaan sebaliknya hanyalah menuntut hak negeri sebagaimana yang dibenarkan mengikut undang-undang?

YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM

Ya, saya setuju dengan YB. Pengkalan Kundor. Kita bukan nak lawan nak apa, tidak. Kita berhak kita yang ada dalam perlembagaan. Difahamkan ada dalam pelembagaan kita, perkara lima kalau tak silap. Peruntukan atau memohon tentang pajakan Pulau Pinang daripada Kedah ini. *So* kalau berlaku satu pengesahan ataupun mendapat pengesahan daripada pihak secara undang-undang bahawa berlaku ataupun yang benar pajakan Pulau Pinang itu sah dan Kedah kita ada ruang untuk mendapat, menuntut atau mendapat bayaran pajakan yang setimpal mengikut nilai semasa, dan bukanlah, yang saya pasti bukanlah RM10,000 ataupun RM10 juta bayaran khas yang kita terima sekarang, mungkin nilainya mungkin boleh sampai RM200 hingga RM300 juta setahun. Mungkin sampai bilion, itu kata YB. Kuala Ketil. YB. Tuan Speaker ... (YB. Bayu mencelah)

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Boleh mencelah sedikit?

YB. TUAN SPEAKER

Yaa…

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

YB. Tuan Speaker, terima kasih YB. Ayer Hitam. Adakah terdapat perjanjian pajakan di antara Kedah dan juga Pulau Pinang? Jikalau ada apa salah kita dedah kepada rakyat, supaya rakyat semua tahu. Terima kasih.

YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM

Terima kasih YB. Tuan Speaker, YB. Bayu. Saya pun tidak ada satu jawapan yang konkrit. Saya difahamkan memang ada satu penyelidikan yang dibuat oleh beberapa pihak. InsyaAllah, kita akan peroleh jawapan yang tepat. Biarlah pihak yang membuat kajian sebagainya ini mengemukakan kepada kita insyaAllah. Satu perkara lagi yang berkait dengan semakan dasar atau peraturan yang boleh kita ketengahkan ialah penyemakan semula amalan federalisme atau Persekutuan antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Sejarah mencatatkan kegagalan Malayan Union 1946 yang cuba dipaksakan oleh penjajah Inggeris ke atas raja-raja Melayu telah membuka jalan kepada pembentukan Persekutuan Tanah Melayu yang kemudiannya membuka jalan juga kepada wujudnya Malaysia.

Wujudnya kemerdekaan Tanah Melayu 1957 dan penyertaan Sabah, Sarawak dan Singapura ke Malaysia tahun 1963. Selama lebih kurang 60 tahun negara kita merdeka, kita mendapati pembangunan fizikal dan juga ekonomi negeri-negeri dalam Malaysia ini tidak seimbang. Negeri-negeri yang terkehadapan seperti Pulau Pinang, Lembah Klang, Johor terus diberi peruntukan yang besar. Negeri-negeri yang terkebelakang macam kita lah Kedah, Perlis, Terangganu, Kelantan, kurang peruntukan ataupun pemberian peruntukan tahunan ataupun dalam Malaysia RMK (Rancangan Malaysia Ke) ke berapa ka, menyebabkan negeri yang terkehadapan terus ke hadapan, negeri yang terkebelakang seperti kita ini tersekat dan terus tersekat.

Saya mencadangkan agar kita lah Kedah melalui aura YAB. MB kita yang semakin popular, yang semakin mendapat tempat, tahun lepas pun diberi peluang untuk merasmikan MATTA Fair (Malaysian Association Of Tour And Travel Agents). Jarang-jarang ada Menteri Besar yang boleh merasmikan MATTA Fair, tapi beliau diberi peluang untuk merasmikan MATTA Fair, termasuk ada tempat di peringkat yang lebih tinggi untuk beliau YAB. MB kita ni mengetuai negeri-negeri yang terkebelakang ini, yang kurang mendapat peruntukan ataupun pembangunan ekonomi dan fizikal ini untuk memulakan langkah penyegaran ataupun peremajaan semangat federalisme agar selari dengan perkembangan dan kedudukan semasa... (YB. Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Ayer Hitam boleh buat penggulungan.

YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM

Antara aspek yang boleh disemak semula dan dituntut agar lebih adil dan sama ialah pembangunan infrastruktur, peningkatan pemberian perkapita, pemulangan sebahagian hasil kutipan cukai jalan pengangkutan, cukai kastam, cukai industri, cukai perkilangan, cukai pendapatan atau seumpamanya dengan nilai yang munasabah. Dan sekarang ini semua cukai-cukai itu dipulang ataupun diambil ke Persekutuan, dipulang secara tak langsung. Kita minta kalau boleh diadakan usaha supaya *portion* tertentu ditetapkan kepada kutipan-kutipan cukai ini untuk dipulang dan diuruskan oleh pihak negeri.

YB. Tuan speaker, yang kedua peranan yang disebut oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku ialah Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai pemimpin di akar umbi dan penghubung antara kerajaan dan rakyat. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku meminta Ahli-ahli Yang Berhormat sentiasa menyelami masalah dan keperluan rakyat terutamanya apabila berlaku bencana. Walaupun ini bukanlah peranan hakiki seorang Ahli Yang Berhormat, tetapi inilah yang dipandang atau dinilai sebenarnya oleh masyarakat di bawah. Lebih-lebih lagi bila mana sekarang ni media baharu media massa baharu ini menjadi satu kemestian rujukan utama. Setiap apa yang kita lakukan, setiap apa yang kita buat dilapor, dilihat, dikritik dikomen tanpa belas kasihan dan media baharu ni tak pernah tidur. Siang, malam, pagi, petang dia jaga dan sentiasa lihat kita. Kita lah terlepas pandang kepada mereka. Alhamdulillah YB. Tuan Speaker, dalam pemerhatian saya selaku Ketua *Backbencher* lah terhadap Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri sebelah kerajaan melalui sebaran dalam media mereka, baik dalam Facebook, Whatsapp dalam Tiktok. Tiktok ni popular sekarang. Yang Berbahagia MIA kita, Datuk Bandar MBAS, laju dengan Tiktok ni hari-hari turun

padang, dia *post* dalam Tiktok dia, bagus. Terima kasih. Begitu juga dengan ketua kami di Kubang Pasu, DO kami pun dia hebat dengan Tiktok ni, cuma ada lah kena kritik. Bila dia sembang tang burung banyak komen dia, dia pun tutup *posting* tang burung tu. Tapi komen yang bagus ataupun satu faktor yang bagus untuk kita mendekati rakyat dengan Tiktok.

Saya dapati semua wakil rakyat Kerajaan, Alhamdulillah cukup cakna dengan apa yang disebut oleh Tuanku. Kita turun ke bawah dan selami masalah rakyat dan kita tangani, santuni mereka sebaik mungkin lah, lebih-lebih lagi pada musim bencana yang lepas. Penghujung tahun 2024, tak tahulah, saya nampak semua wakil rakyat kita ni Alhamdulillah, YB. Anak Bukit dia sampai kembang dalam air, hari-hari dia 'meranduk' air. Yang Berhormat yang lain lah, semua Ahli Yang Berhormat ni Alhamdulillah turun. Jitra baik, Ayer Hitam baik, Pedu ka Kuala Nerang ka Bukit Pinang ka Bukit Lada ka dan semua ni turun menyantuni rakyat dan yang tak terlibat dengan banjir pun turun datang ke sini untuk bantu rakyat. YB. Pantai Merdeka nu jauh mai turun ke Pokok Sena turun bersama-sama menangani atau menyantuni masyarakat yang terkesan dengan banjir. Ni contoh yang cukup baik yang kita telah sampaikan ataupun tunaikan hasrat yang disebut oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan…. (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Ayer Hitam boleh gulung, masa dah lebih.

YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM

Sikit lagi YB. Tuan Speaker. Sentuh sikit tentang apa nama… Tapi nanti mungkin akan disambung oleh YB. Kota Siputeh tentang padi ni. Semusim lima kali ka, lima kali kada dalam tempoh dua tahun. Nak sentuh sikit lah, baru-baru ni 27 Februari 2025, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah turun ke tempat saya di Pida 4 Tunjang untuk meluncurkan projek pembangunan infrastruktur bagi menyokong program penanaman padi lima kali dalam tempoh dua tahun di kawasan MADA. Tuanku pun sentuh perkara ini dalam ucapan Tuanku semalam. Tempat yang beliau pi luncur tu sebelah dengan pejabat saya lah, Pejabat Pusat Khidmat ADUN Ayer Hitam. Tapi saya tak dijemput semasa melakukan program tu. Bukan kecil hati, tapi terasa terkilan jugalah. Kereta pi mai, pi mai lalu, tak nampak pejabat saya tu. Bukan tak nampak, buat-buat tak nampak. Besar *signboard* saya tu, besar muka saya pun segak boh kat situ, tapi dia tak teringat nak jemput saya hadir pada majlis peluncuran……. (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Ouh! Depa pi tepi rumah, depa tak habaq noh?

YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM

Ya. Ya. Tak pa, tak pa, tak pa tu, tak dak masalah apa. Cuma selepas tu saya muatkan, esok saya muatkan dalam Facebook saya, ringkas saja tentang pengurangan bajet RM3 bilion seperti yang diluluskan dalam Bajet 2024 peringkat Persekutuan, menjadi RM1 bilion seperti yang diluluskan dalam Bajet 2025. Saya cuma, bukan pertikai apa, saya cuma rasa suatu yang tak serius oleh Kerajaan Persekutuan, satu bajet yang besar RM3 bilion diluluskan dalam Bajet 2024 di Parlimen untuk program ini, tapi satu sen pun tak dilaksanakan. Tak dapat apa-apa 2024. Bukan saya sembang bohong-bohong, bukan saya mereka-reka, tidak. Ahli-ahli Yang Berhormat tengok dalam soalan bertulis saya muka surat 3 di belakang sana. Saya tanya tentang perkembangan RM3 bilion yang diluluskan dalam Bajet 2024. Jawapan daripada pihak MADA, terima kasih MADA atas jawapan yang telus. Nampak jelas RM3 bilion tu tak jadi sekupang pun. RM1 bilion yang diperuntukkan untuk projek peluncuran itu ialah Bajet 2025. Ada alasan dia lah, tapi saya nak habaq di sini bahawa keseriusan itu tidak berlaku untuk nak menjayakan projek penanaman padi ini secara bersungguh-sungguh. Memang ada pelan, tapi tak bersungguh-sungguh berbanding dengan peruntukan RM10 bilion kepada Pulau Pinang untuk pembesaran lapangan terbang yang diberi secara terus. Saya yakin dan percaya MADA atau pihak berkenaan… (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Boleh dah?

YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM

Nak habis dah ni, sikit lagi. Tentu mempunyai perancangan dengan lengkap masa mereka mengemukakan *proposal* kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan ni, lengkap. Takkan buat main-main. Saya yakin sesi libat urus di antara pihak Kementerian Kewangan dengan pihak yang bertanggungjawab depa buat dan jelas tentang kemahuan dan kehendak untuk melaksanakan projek ni, tapi ketidakseriusan itulah yang menyebabkan pada pandangan saya, RM3 bilion tinggal RM1 bilion. Cuma dijawab oleh Pengerusi MADA dia tak tau lah, dia jawab dalam Tiktok dia tu dia *smash,* dia 'kondem' lah apa yang saya sebut tu, dia kata saya tak faham. Saya faham, memang peruntukan dia RM5 bilion untuk keseluruhan, tapi dah lulus RM3 bilion dah kenapa tak guna RM3 bilion tu kan.

Seolah-olah tolak RM3 bilion, tinggal RM1 bilion. Jika RM3 bilion tu digembelingkan, digunakan, sudah tentu projek ini akan lebih cepat, siap dilaksanakan. Saya merujuk juga jawapan yang diberikan pihak MADA dalam soalan bertulis saya untuk sesi ini lah. Saya tanya bila akan siap? Dia jawab, baca sikit lah fasa pertama ini, "9 blok daripada 15 blok pengairan yang dijangka dibina ini melibatkan blok pengairan di Negeri Kedah. Daerah yang terlibat, ni sistem 'parit gila' ni (tersier), untuk menyokong pada program lima kali dua tahun tu. Daerah yang terlibat dengan projek di Negeri Kedah ialah di Kota Setar, Kubang Pasu dan Pokok Sena sahaja.

Tempoh pelaksanaan projek ni ialah selama 10 tahun di mana jangkaan kerja-kerja pembinaan akan bermula pada Julai 2025 sehingga Julai 2029 iaitu selama 4 tahun dan disusuli dengan kerja-kerja penyelenggaraan selama 6 tahun iaitu sehingga Jun 2035. RM1 bilion tu. Kalau RM3 bilion digunakan, tentulah projek ni lebih besar, lebih segera, lebih luas kawasan yang dicadangkan, lebih 49,000 hektar. Kalau ikut jawapan yang pertama RM3 bilion untuk *cover* 49,000 hektar untuk yang ni cuma *cover* satu per empat lebih kurang 10,000 hektar sahaja kawasan-kawasan yang akan dibangunkan dengan projek menyokong penanaman padi lima musim dalam 2 tahun ini.

YB. Tuan Speaker, saya pun tak nak bercakap panjang, masa pun dah cukup. InsyaAllah saya yakin dan percaya, selepas ini akan disambung oleh sahabat YB. Kota Siputeh yang kita beri tanggungjawab untuk letakkan isu padi ini di tempatnya. Terima kasih lah YB. Kota Siputeh yang cukup proaktiflah membela nasib anak petani atau petani di kawasan-kawasan dalam Kedah ni khususnya di kawasan Ayer Hitam dan juga di Kota Siputeh. Bergaduh ataupun bertekak dengan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan juga pihak-pihak yang terlibat dengan hasrat keinginan untuk meletakkan petani ni insyaAllah mencapai petani yang boleh memberi pulangan kepada rakyat dan mendapat pulangan setimpal dengan usaha mereka, insyaAllah.

Jadi, YB. Tuan Speaker, saya akhiri dengan menyokong penuh Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dengan menyebut, "patik dengan penuh hormat dan takzimnya menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku di atas perkenannya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku menyampaikan Titah Ucapan Sempena Perasmian Pembukaan Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman, Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kedah yang ke-15. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Okay, terima kasih kepada YB. Ayer Hitam. Seterusnya saya menjemput YB. Kupang. Masa yang dibenarkan adalah sebanyak 15 minit.

YB. BRIDGEDIER JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, YB. Tuan Speaker, YAB. Dato' Seri Menteri Besar, YB. Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berusaha Ketua-ketua Jabatan, hadirin yang dihormati Allah sekalian. Alhamdulillah, marilah sama-sama kita rafakkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah izin-Nya kita dapat berada di Dewan Yang Mulia ini bagi melaksanakan tugas yang tergalas dalam rangka memacu ummah, memakmurkan watan, mensejahterakan rakyat, serta memelihara daulah yang berteraskan agama dan syariat Allah serta panduan nubuwwah.

YB. Tuan Speaker, dalam titah ucapan Tuanku, baginda telah menyatakan bahawa Islam adalah agama rasmi dengan tertera secara jelas di dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Kedah dan Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, peruntukan ini wajib, bukan sunat-sunat lagi, wajib diberi laluan seluas-luasnya untuk tumbuh subur berperanan mendaulatkan syariat tanpa diganggu gugat oleh mana-mana pihak. Namun, kebelakangan ini, kelihatan ada pihak yang cuba membaling batu di air tenang, di mana teras utama kedaulatan negeri dan negara sudah mula disentuh dan diusik-usik. Seolah-olah cuba mencabar ketenangan dan keharmonian yang terbina sejak berabad lamanya atas asas keluhuran Perlembagaan.

YB. Tuan Speaker, Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengingatkan bahawa apa pun langkah yang diambil, perkara utama yang harus berdasarkan kepada kefahaman yang sebenar, tanpa mengorbankan perpaduan. Dalam konteks ini, semua pihak harus faham tentang kedudukan Islam dalam Undang-Undang Tubuh Negeri dan Perlembagaan Persekutuan. Islam bagaikan pokok jati yang punya kejatiannya yang tersendiri, dan agama-agama lain berhak tumbuh di sisinya tetapi tidak boleh sama sekali mengatasi pokok jati. Ini hakikat yang perlu difahami. Inilah *spirit* Perlembagaan yang digubal sewaktu negara hendak mencapai kemerdekaan dahulu.

Ingatlah, sembilan buah negeri mempunyai raja-raja yang berdaulat, yang mempunyai sejarah dan peradaban yang jelas dan panjang, yang punya Undang-Undang Tubuh sebagai tonggak untuk mengawal syariat yang terbangun dengan kekuatan pengabdian diri kepada Tuhan Yang Maha Esa. Yang mana, undang-undang itu ialah sebagai tonggak untuk mempertahankan kedaulatan. Jadi, tak mungkin dibiarkan luluh, longlai, lemah, lembek, hanyut dalam arus kecamukan pemikiran songsang, sekularisme yang cuba merungkai dan memisahkan antara umat dengan agama. Seruan Tuanku supaya kita wakil-wakil rakyat berbahas secara ilmiah tanpa mengenepikan fakta dan susila, demi kepentingan negeri dan rakyat perlu disambut dengan berjiwa besar. Fahamilah sejarah, hormatilah institusi-institusi utama negeri dan negara yang menjadi tunggak kedaulatan serta teras keutuhan bangsa.

YB. Tuan Speaker, seperkara lagi yang saya ingin sebut di sini, tentang pengurusan agama seperti yang disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia semalam di mana dalam mengurus peruntukan-peruntukan dalam enakmen mengenai hal ehwal agama amat molek sekali jika pihak kerajaan mengimbangtarakan antara realiti di lapangan dengan tafsiran terhadap enakmen supaya tidak berlaku pertembungan pentafsiran yang boleh membawa kepada terencatnya usaha dakwah. Contohnya, ada setengah pemegang-pemegang tauliah dilarang mengadakan kuliah. Sebab itu saya sebut tadi bahawa proses pengimbangtaraan perlu direalisasikan antara pihak-pihak yang terlibat dalam pengurusan dan juga para dai' yang berada di lapangan yang mereka memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan pemikiran rakyat dan masyarakat.

YB. Tuan Speaker, ternyata sekarang ini kalau kita lihat, ternyata sekarang ini kesan, peranan daripada tiga sektor telah berjaya membawa perubahan besar kepada kemajuan fizikal dan spiritual rakyat. Mereka ialah sektor kerajaan itu sendiri, sektor swasta, dan sektor NGO. Oleh itu, langkah-langkah mengeratkan lagi kelompok ini perlu diperkasakan selari dengan acuan Pembangunan Kedah 2035. Justeru itu, pemikiran lapuk menyekat wakil-wakil rakyat membantu institusi pendidikan seperti yang berlaku di Kedah ini perlu dihentikan. Saya amat kecewa dengan satu peristiwa di mana permohonan penganjur ceramah perdana Ustaz Abdul Samad untuk pendaratan helikopter di padang sebuah sekolah di Kupang ditolak oleh KPM tanpa alasan yang munasabah. Susah betul untuk memahami penguasa seperti ini. Apakah keuntungan yang diperolehi daripada tindakan ini? Apakah pendaratan menimbulkan mudarat besar kepada kerajaan, khususnya kerajaan Madani? Tidak! Yang pasti ialah menampakkan ketidakcerdikan KPM itu sendiri dalam berhadapan dengan masalah ini, saya teringat kepada kata-kata Luqmanul Hakim, *Naqlus-sukhūri min mawādi'i-hā* … (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kupang, YB. Pengkalan Kundor minta laluan, boleh?

YB. BRIDGEDIER JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Yes, baik.

YB. PUAN MARDHIYYAH BINTI JOHARI

YB. Kupang, sebelum ini alasan yang diberikan jika tak dibenarkan untuk wakil rakyat terlibat dalam pendidikan adalah alasan tiada permohonan. Maksudnya, ada permohonan pun tak diberi kebenaran juga ya?

YB. BRIDGEDIER JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Ya, saya bersetuju. Jadi, dalam menghadapi masalah ini, berhadapan dengan masalah ini, saya teringat kepada kata-kata Luqmanul Hakim:

نقلُ الصُّخُورِ من مواضِعِها أيسرُ من إفهامِ من لا يفهمُ

Naqlus-sukhūri min mawādi'i-hā aysaru min ifhāmi man lā yafham.

"Nak memindahkan bongkah batu daripada tempat asalnya, lebih mudah daripada memahamkan mereka-mereka yang tidak mahu faham."

Dan saya rakamkan serangkap pantun,

Kalau Tuan pergi ke pekan,
Belikan saya sebuku roti,
Kalau budaya ini terus diamalkan,
Memang hidup ini tidak ada erti lagi.

YB. Tuan Speaker, selain daripada itu, apa yang saya sentuh dalam ucapan Tuanku maka izinkan pula saya menyentuh sedikit isu-isu yang berlaku di kawasan saya di Kupang. Sepertimana yang tuan-tuan semua mengetahui, satu kejadian aneh berlaku, kejadian membakar rumah dan motosikal penduduk. Dalam kejadian yang berlaku pada 20 Disember 2024 hingga 12 Januari 2025 itu, melibatkan kebakaran 10 buah rumah termasuklah 3 yang *total loss*. 18 motosikal, 2 buah kereta dan jumlah kerugian dianggarkan RM770,000. Kes disiasat di bawah Seksyen 435 Kanun Keseksaan. Ucapan terima kasih saya rakamkan kepada pihak PDRM, kepada Pegawai Daerah Baling. Pegawai daerah sila bangun! Yang telah dengan bersungguh-sungguh telah memberikan kerjasama dan telah mengambil tindakan-tindakan yang cepat sehingga perkara itu dapat diselesaikan termasuklah Majlis Ketua Kampung, penghulu dan penduduk yang turut sama mengawal kampung sepanjang kejadian. Kita dapat sempat mengaktifkan kumpulan keselamatan ini di kalangan orang kampung sendiri. Jadi, saya sekali lagi mengucapkan dan merakamkan terima kasih di atas usaha-usaha yang telah dilakukan.

YB. Tuan Speaker, saya tidak berhajat untuk bercakap panjang. Yang pentingnya apa yang saya nak sampai tu dah sampai dah, insyaAllah. Jadi, saya dengan ini menyokong dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku atas titah ucapan yang amat jelas, yang amat bermakna, malah boleh dianggap sebagai proses jajaran bagi menentukan perjalanan kerajaan sentiasa berada di atas trek. Wabillahi Taufiq Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Kupang. YB. Kupang ni saya tengok setiap kali perbahasan, dia menepati masa. Jadi, terima kasih sekali lagi. Seterusnya saya mejemput YB. Tokai. Masa yang dibenarkan 15 minit.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah, Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa Man Tabi'ahu, Wa Man Nasarahu, Wa Man Walah. Terima kasih, YB. Tuan Speaker, kepada sahabat-sahabat, terutama YAB. Menteri Besar, EXCO, sahabat-sahabat ADUN, serta kakitangan Kanan Kerajaan Negeri dan Pusat, serta pemerhati yang saya hormati sekalian. Terima kasih di atas peluang yang diberikan dalam ucapan menjunjung kasih atas titah baginda Tuanku Sultan Kedah pada hari semalam yang merasmikan persidangan kita. Saya ingin masuk kepada topik yang saya rasa cukup penting untuk kita beri perhatian, terutama sekali apabila saya menerima mesej pagi ini berhubung dengan pencerobohan paip gas tekanan tinggi di kawasan kami. Saya telah pun menghantar mesej tersebut kepada DO (Pegawai Daerah) kami.

Sebagaimana yang kita ketahui, peristiwa pada Syawal di Selangor memberikan satu kesan yang mendalam kepada kita, terutama sekali kami di Pendang dan juga daerah-daerah yang mempunyai saluran paip Petronas bertekanan tinggi. Kami tidak kisah kalau sekiranya paip tersebut melalui ladang sawit ataupun ladang getah, tetapi apa yang berlaku di Pendang ini adalah melalui sawah padi. Walaupun titah baginda tidak *direct* menyebut tentang isu ini, tetapi ia merupakan suatu isu yang cukup memberi satu kesan yang hebat kepada kita apabila berlaku kebocoran gas ataupun pencerobohan kawasan jajaran paip gas bertekanan tinggi ini.

Di Pendang terutama sekali di kawasan saya rasa antara sempadan antara kita lah Tokai dengan Sungai Tiang, iaitu di Kubang Pisang. Saluran paip melalui sawah, dan saya pergi tengok kemarin sendiri, saluran itu tidak mempunyai *buffer zone*, hanya dalam 10 kaki. Sepatutnya ia mempunyai *buffer zone* yang menghalang daripada orang masuk ke kawasan tersebut. Apabila ini berlaku, saya tengok peraturan-peraturan yang telah diletakkan di situ, ada yang telah *faded,* telah pudar, tidak dapat dibaca lagi. Saya tengok pun susah nak baca, jadi saya suruh orang terjemahkan balik lah. Dikatakan di situ, ditulis di situ, dilarang melintas ataupun menceroboh, dilarang meletak kenderaan ringan ataupun berat, dilarang membina apa-apa struktur bangunan, dilarang mengorek atau menambak tanah, dilarang bercucuk tanam dan menternak haiwan, dilarang merosak harta benda, dilarang buang sampah sisa bahan

kimia, dilarang melakukan pembakaran terbuka. Dan ada satu lagi, serupa juga, dah pudar dah kita tengok pun tak berapa nak kenai.

Jadi YB. Tuan Speaker, perkara ini mungkin ia melibatkan DUN YB. Tuan Speaker juga kerana di kawasan sawah padi ini dan tidak mempunyai *buffer zone*, kita sering melihat *harvester machine* ataupun mesin 'kerat' padi ini selalu terlekat di dalam sawah padi dan digunakan *backhoe* untuk mengeluarkan mesin tersebut daripada lekatan di dalam selut tersebut. Ini yang membimbangkan kita. Kalau sekiranya pihak-pihak yang mempunyai pemegang taruh dalam isu-isu ini tidak mengambil perhatian yang serius terhadap perkara ini, kemungkinan apa yang berlaku di Puchong itu akan… Kita mintalah nauzubillah min zalik daripada berlaku di tempat kita. Ini merupakan satu bukan amaran lah, tetapi kepada mereka-mereka yang bertanggungjawab supaya memberi perhatian yang betul sama ada Petronas, MADA ataupun LPP, kepada peladang-peladang kita yang terlibat di dalam kerja-kerja di sawah padi tersebut. Sekurang-kurangnya kita kena ada *buffer zone* untuk mengelakkan daripada jentera-jentera berat kerana dah ada peraturan di situ jentera berat tak boleh lalu, mesin tu berapa tan, boh padi lagi atas tu, lagi banyak lah.

Dan yang keduanya tentang apa yang disebut titah Tuanku Sultan adalah tentang pelaburan yang masuk ke dalam Negeri Kedah, kita berada di nombor 4. Dalam jawapan soalan yang saya kemukakan di sini berhubung dengan pelaburan di Kulim khususnya, dari 1996 hingga 2024 kita menerima RM179 bilion pelaburan yang masuk dan daripada rekod RM133.1 bilion bersamaan 74% adalah kemasukan dari tahun 2020 hingga 2024. Ahli-ahli Yang Berhormat, 2020 hingga 2024, 74% pelaburan masuk ketika YAB. Jeneri menjadi Menteri Besar. Tepuk la sikit. 74%! Ini bermakna usaha yang dilakukan oleh kepimpinan kita melalui EXCO, melalui ADUN dan juga Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan (KCS) dan juga pegawai-pegawai di peringkat Pusat yang telah bertungkus-lumus untuk membawa masuk pelabur ke negeri kita terutama seperti KHTP (Kulim Hi-Tech Park). Tahniah kepada mereka semua dan kita berharap dan baginda Tuanku Sultan juga berharap supaya *performance* ini akan dapat diteruskan.

Cuma dalam soalan seterusnya, saya minta apakah yang Kerajaan Kedah perolehi hasil daripada pelaburan yang banyak masuk ke Negeri Kedah ini? Cukai tanah yang kita terima hanya RM4.2 juta, manakala yuran pendaftaran pajakan adalah RM154,966. Yang lain tu banyak pi ke Pusat. Sebab itulah apabila isu berhubung dengan federalisme ni, kita harap *centralize* federalisme ni untuk tukar kepada kooperatif federalisme. Maknanya ada *give and take*. Bila kita bagi banyak harap banyak lah masuk ke kita juga. Jangan hanya kita yang bagi, depa tak mahu bagi kat kita. Bila perkara ini berlaku maka YAB. Menteri Besar kata, "aku nak perang lah".

Bila dah minta daripada jiran kita pun tak dapat, minta daripada Pusat pun hasilnya tidak sepertimana yang kita harap, maka kita harap jangan jadi perang sungguhlah hanya perang mulut, tak pa. YB. Kota Darul Aman, perang mulut sikit-sikit tu biasa lah kan, jangan jadi perang sungguh-sungguh lah.

Jadi, kita harap perkara ini diambil perhatian oleh pihak Pusat dan juga pihak kerajaan negeri jangan kita merasa jemu untuk meminta, memohon kepada kerajaan yang mengambil banyak hasil daripada hasil-hasil pelaburan yang masuk ke Negeri Kedah ini.

Seterusnya adalah baginda menyentuh tentang Desa Sejahtera. Desa Sejahtera saya mengucapkan tahniah kepada kepimpinan negeri dan juga apa yang telah dilaksanakan. Cuma persoalan yang saya timbulkan di sini dan saya harap mendapat jawapan daripada kepimpinan negeri adalah setakat ini berapa banyakkah Desa Sejahtera yang sudah dilaksanakan dan berapa banyakkah yang sedang kita rancang untuk dilaksanakan?

Kami di Pendang ada mengesyorkan satu tempat iaitu bekas kuari tanah merah untuk kita letakkan mereka-mereka yang tidak mempunyai tanah, tidak mempunyai kita kata hak di atas tanah-tanah yang sekarang ini mereka duduk di tempat orang lain supaya mereka ini diberi hak untuk mendirikan rumah, penempatan. Kawasan-kawasan ini insyaAllah saya harap kerajaan dapat menyegerakan Desa Sejahtera ini supaya kita berikan lot-lot ini kepada mereka-mereka yang tidak mempunyai tanah langsung untuk mereka meneruskan kehidupan. Takkanlah sampai mati pun mereka ini nak sewa. Sekurang-kurangnya bila ada tanah, mereka boleh melaksanakan pinjaman.

Saya juga ingin menyentuh tentang isu yang telah saya bawa sebelum ini, tentang hak mereka-mereka yang membeli lot-lot tanah ataupun disebut sebagai lot lidi. Buatlah apa cara sekalipun untuk kita memberi ruang kepada mereka ini supaya masukkan nama ke atas ataupun ke dalam geran. Walaupun susah macam mana pun, susah atas dunia ni kita boleh usaha untuk kita mendapatkan solusinya. Sebab, kebanyakan rumah yang dijual pada hari ni, pagi tadi saya tengok nak keluar Tol Pendang, rumah Taman Sejahtera, rumah teres satu tingkat harga dia RM365,000. Itu di Pendang, di Alor Setar saya tak tau. Di Pendang Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tuan-tuan yang saya hormati, RM365,000. Sebab itulah REHDA (Real Estate and Housing Developers' Association Malaysia) baru-baru ini, dia mengeluarkan kenyataan 77% rumah berharga RM300,000 hingga RM500,000 untuk bumiputera tidak terjual. Ya Ahli-ahli Yang Berhormat, 77% banyak itu tidak terjual.

Apabila tidak terjual maknanya apa? Orang kita tidak dapat membeli kerana harganya yang tinggi. Jadi, ramai yang memilih ataupun beli lot-lot tanah yang sesuai untuk buat rumah ni, dia buat rumah dengan duit simpanan lah, ada yang RM85,000, RM89,000, maknanya di bawah daripada RM150,000.

Itulah kesanggupan yang ada kepada kita untuk membina rumah tersebut. Nak beli hat RM500,000, RM300,000 ni REDHA dah bagitau dah. Jadi, kalau beginilah caranya kita membina rumah dan kita menjual rumah, maknanya sampai bila-bila pun peratus ini akan bertambah. Jadi, carilah ruang dan cara mana sekalipun, bincanglah berhubung dengan Akta Tanah Negara, berhubung dengan Akta 530 supaya kita membenarkan perletakan nama di atas geran-geran ataupun lot-lot yang kecil ni supaya apabila mereka ada hak di atas tanah ataupun lot tersebut, memudahkan kerja-kerja mereka di masa yang akan datang. Kerana, baru-baru ini ada dua tiga tempat yang kami bincang di dalam pejabat daerah, TNB tak mahu masuk elektrik di dalam rumah yang telah siap dibuat tersebut disebabkan oleh masalah inilah, tidak ada nama di dalam geran tersebut. Jadi, perkara ini rumah dah siap, elektrik tak masuk terpaksa tarik dari rumah orang lain. Jadi, masalah kebakaran ataupun masalah rendah *voltage* elektrik yang masuk ke rumah dia tu akan berlaku sekiranya ini terus digunakan alasan kerana tak ada nama di dalam geran oleh TNB.

Jadi YB. Tuan Speaker, ada perkara lagi yang saya rasa disentuh oleh Tuanku berhubung dengan penguatkuasaan. Ini rasa cukup penting lah, baginda pun memberi penegasan terhadap penguatkuasaan. Jadi, kita mutakhir ini dengan adanya isu yang berlaku kepada Jakel di di Kuala Lumpur berhubung dengan RIBI (Rumah Ibadat Bukan Islam). Saya ada soalan tentang RIBI sepertimana yang disentuh oleh YB. Sidam tadi. RIBI tidak ada pendaftaran tentang Rumah-rumah Ibadat Bukan Islam ini. Jadi, kita harap pihak penguatkuasaan perlu tegas dalam hal ini. Jangan tunggu sampai *claim* mengatakan bangunan tersebut berusia ratusan tahun, kita nak suruh roboh memang, kalau usia ratusan tahun dia dah masuk dalam binaan-binaan yang boleh dimasukkan dalam senarai UNESCO (United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization) lah, bangunan-bangunan lama. Tetapi hakikatnya kita tau lah bila ianya dibina. Jadi, di peringkat awal lagi hendaklah diambil tindakan penguatkuasaan supaya perkara-perkara ini tidak menyusahkan kita di masa yang akan datang.

Kalau sekiranya di peringkat awal kita tengok ada berlaku perkara-perkara yang sebegini, tindakan awal perlu diambil. Takkanlah nampak pokok besar mula-mula boh sikit binaan lepas itu naik sampai menjadi bangunan. Ataupun tanah kosong dibuat binaan lepas itu di *claim* kata ini ratusan tahun. Saya tidak menyentuh kepada mana-mana kaum ataupun pihak ataupun agama, tetapi inilah Perdana Menteri kata, “kita negara hukum”. Hukum ni maknanya kita ikut undang-undang.

Jadi, kalau ada undang-undang maknanya ambillah tindakan penguatkuasaan sepertimana yang dititah oleh Tuanku baginda hari semalam. Jadi, Dato' Speaker, eh YB. Tuan Speaker. Boleh Dato' kot noh?

YB. TUAN SPEAKER

On the way.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

YB. Tuan Speaker, perkara-perkara yang sebeginilah perlu kita ambil tindakan dengan segera ataupun dengan cepat. Ada saja maklumat, kita beritahu kepada pihak berkenaan supaya tindakan diambil. Kita tak maulah tanah individu, tanah kerajaan, tanah kosong dijadikan tempat ataupun binaan, selepas itu kita nak suruh roboh menjadi kesusahan kepada semua pihak.

Kemudian, pembangunan di sempadan. Walaupun baginda menyentuh di Bandar Baharu, saya rasa kita ada sempadan yang lain, Bukit Kayu Hitam salah satunya dan juga Kota Putra. Kota Putra, semasa saya duduk di tempat YB. Kuala Ketil hari itu, dah ada *proposal,* dah ada syor untuk kita membangunkan Kota Putera tetapi ding dong, ding dong, ding dong, sampai sekarang saya tak tahulah setakat mana syor tersebut kerana mereka dah bawa *proposal* yang mempunyai satu pembangunan yang agak besar dengan perumahannya, dengan sekolahnya, dengan industri kecilnya sebab di situ tidak boleh buat industri besar sebab di kawasan bukit. Industri kecilnya, kerana bila kita lihat kalau di sini Kota Putra, di sana adalah Ban Prakob, siap dengan lebuh raya dia. Setiap kali saya lalu, saya pergi ia ada perubahan yang lebih besar, lebih baik, lebih bagus. Maknanya, kita takkan lah setakat lebuh raya daripada Kota Putra ke Kulim, ke Alor Setar ataupun ke Kuala Nerang tetapi kita kena ada satu pembangunan yang lebih hebat dan lebih besar supaya kawasan Kota Putra itu kita majukan menjadikan kawasan sama ada penempatan ataupun kawasan industri ringan untuk kita menyambut apa yang telah dilaksanakan oleh pihak Thailand di Ban Prakob sana.

Jadi, ada masa lagi ka? Boleh lagi noh? Oleh kerana boleh lagi, jadi saya nak bagi peluang hat boleh lagi tu kepada sahabat-sahabat yang lain lah. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ucapan menjunjung kasih di atas Tuanku Sultan yang telah mencemar duli bersama-sama dengan kita hari semalam merasmikan mesyuarat kita persidangan pada kali ini. Semoga Allah Ta'ala memberkati usaha kita semua dan juga memberi kesihatan yang baik kepada Tuanku Sultan dan juga ahli keluarga baginda dan saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan oleh YB. Tuan Speaker pada kali ini. Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Tokai. Seterusnya saya menjemput YB. Bayu. Tadi dah cakap pasal sempadan, mungkin YB. Bayu nak cakap yang tu juga ka?

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih YB. Tuan Speaker, YAB. Menteri Besar, barisan EXCO Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan Negeri dan juga Persekutuan, Pegawai-pegawai Daerah, petugas-petugas media, dan juga sahabat saya daripada DUN Bayu, Pusat Khidmat. Terima kasih turut hadir. Jadi YB. Tuan Speaker, masa YB. Tokai tu masuk dekat sini boleh la kot, dia ada *balance* lagi kan? Boleh?

YB. TUAN SPEAKER

Dia ngam-ngam saja YB. Tokai tadi. 53.

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Alhamdulillah, kita panjatkan kesyukuran kehadrat SWT kerana dengan limpah kurnianya kita dapat berhimpun di Dewan Yang Mulia ini bagi Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kedah Ke-15 untuk menyuarakan hasrat serta memastikan kebajikan dan pembangunan ekonomi negeri dapat ditangani secara berkesan. Saya nak mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga wakil-wakil jabatan kerajaan yang hadir.

Sebelum saya meneruskan ucapan ini, saya ingin merakamkan ucapan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah sempena pembukaan mesyuarat penggal ini. Segala titah, pandangan, cadangan dan nasihat bernas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Itu sudah tentu akan dijadikan asas dan panduan bagi memajukan Negeri Kedah khasnya.

YB. Tuan Speaker, isu utama yang saya nak bangkitkan di sini adalah berkenaan dengan bencana alam. Bencana alam ini adalah terdiri daripada banjir, ribut, kebakaran dan juga lain-lain. Serta saya nak sentuh juga berkenaan dengan kebajikan dan ekonomi tambahan masyarakat di luar bandar. Saya ingin membawa isu penting yang sering melanda kawasan saya dan juga kawasan DUN-DUN lain iaitu bencana alam terutamanya banjir, ribut dan kebakaran.

Walaupun kita tidak mampu menolak takdir dan kuasa Allah SWT, namun sebagai manusia kita dituntut untuk berikhtiar serta mencari jalan penyelesaian bagi mengurangkan risiko dan kesan bencana ini kepada masyarakat. Oleh itu, di sini saya ingin berkongsi pendekatan yang telah kami laksanakan di DUN Bayu khususnya melibatkan pencegahan awal terhadap bencana ribut.

Untuk maklumat semua, sebelum kami menjalankan kerja-kerja pencegahan awal ini, pihak kami telah mengadakan pelbagai perbincangan bersama dengan agensi kerajaan termasuklah pejabat daerah, penghulu mukim, jabatan keselamatan, APM, MKK serta pemimpin masyarakat dan juga jabatan-jabatan yang terlibat terutamanya jabatan perhutanan. Terima kasih tuan, ada kat sini. Terima kasih yang tak terhingga kepada Jabatan Perhutanan yang telah permudahkan proses penebangan pokok-pokok berisiko. Saya nak ulang lagi YB. Tuan Speaker. Penebangan pokok-pokok yang berisiko, bukan pokok-pokok yang lain-lain, pokok-pokok yang berisiko di kawasan kampung. Penebangan ini melibatkan pokok-pokok besar yang berpontensi untuk tumbang ke atas rumah, jalan, masjid, sekolah dan kemudahan awam lain ketika ribut melanda. Objektifnya adalah untuk mengelak kerosakan harta serta ancaman keselamatan nyawa penduduk.

YB. Tuan Speaker, berkenaan isu banjir dan penyelesaian jangka panjang. Kelmarin titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia pun beri penekanan yang utama berkenaan banjir. Tapi banjir ini dalam situasi negeri kita ini ada dua tempat. Yang pertama, banjir di kawasan sawah, yang satu lagi banjir di kawasan kampung pedalaman. Salah satu bencana yang sering berlaku di kawasan kita ialah banjir. Ia bukan lagi satu perkara asing kerana hampir semua tempat menghadapinya. Di kawasan saya sendiri ada tempat yang mengalami banjir hingga tujuh ke lapan kali dalam setahun. Perkara ini banyak kali saya berulang daripada pegawai daerah dulu Yang Berbahagia Datuk Abdul Gafar Yahya ada kat depan ni dan sekarang ni pegawai daerah yang baru ada, banyak kali saya bawa. Perkara ni tak boleh diatasi lagi. Persoalannya, adakah kita tiada jalan penyelesaian? Sampai bila kita hanya mampu mengurus banjir tanpa mencari punca dan penyelesaian jangka Panjang? Kos pengurusan banjir sangat tinggi dan merugikan semua pihak. Mengapa kita tidak fikirkan pendekatan yang lebih proaktif?

Allah SWT telah mengurniakan kita akal untuk berfikir dan berusaha untuk mencari, berikhtiar. Kita tidak mampu menolak takdir tetapi kita mampu berikhtiar. Saya nak ambil peluang kesempatan di sini nak ucap berbanyak terima kasih kepada YAB. Dato' Seri MB dan juga Kerajaan Negeri Kedah yang mana baru-baru ini banjir melanda di banyak DUN, terutamanya di DUN Bayu. Terima kasih banyak di atas peruntukan kewangan untuk meringankan mangsa-mangsa banjir di DUN Bayu, Kupang dan juga Kuala Ketil.

Jadi, tahniah! Berikan satu tepukan dekat YAB. Dato' Seri MB. Masalah banjir ini berpunca daripada dua jenis sungai, ada sungai besar, ada sungai kecil. Sungai kecil ni dikenali sebagai carok. YAB. Dato' Seri MB dia tau carok, orang yang duk hulu macam kami tau carok. Saya ingat YB. Tuan Speaker tak tau carok. Tau carok?

YB. TUAN SPEAKER

Tak berapa, saya tak biasa kampung.

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Carok ni sungai kecil, sungai besar satu, sungai kecil satu. Jadi, Alhamdulillah di kawasan saya projek tebatan banjir bagi sungai besar telah pun dilaksanakan melibatkan kos ratusan juta ringgit. Di kawasan pekan Baling, projek ini sudah menunjukkan hasil yang positif dan ini fasa ketiga sedang dalam proses pelaksanaan. Itu pun tak sampai menyeluruh YB. Tuan Speaker. Kalau boleh saya minta JPS (Jabatan Pengairan dan

Saliran) kena menyeluruh satu sungai itu. Kalau boleh fasa keempat kena diadakan lah juga sampai ke Mukim Siung. Sebab yang ni memang melibatkan masyarakat yang memang tahun-tahun dilanda banjir, YB. Tuan Speaker. Jadi, saya amat yakin apabila projek ini siap, aliran sungai akan menjadi lebih lancar dan tidak melimpah ke kawasan perumahan. Minta JPS tambah lagi lah peruntukan untuk di Daerah Baling.

Namun, cabaran utama ini ialah banjir kecil yang berlaku di kawasan-kawasan kampung seperti yang saya cakapkan tadi, sungai-sungai kecil yang dikenali sebagai carok. Kampung saya pun carok putih. Carok ni banyak di kawasan-kawasan luar bandar ni sungai kecil-kecil ni banyak. Satu sungai besar, satu lagi sungai kecil. Jadi, alur air kecil yang sering wujud di kampung. Apabila hujan lebat, carok ini dipenuhi sampah, tanah, kayu, pasir yang menyebabkan melimpah air dan tersekat. Saya ingin mencadangkan satu penyelesaian praktikal. Apa salahnya jika kontraktor kecil dilantik oleh JPS dengan kerjasama pejabat daerah dan pejabat tanah untuk membersih sungai-sungai ini. Bukan bersih ambil pasir saja, bersih semua sekali. Kontraktor ini boleh dibenarkan mengambil pasir dan dikeluarkan semasa kerja pembersihan untuk dijual secara kecil-kecilan.

Ini bukan untuk tujuan perniagaan besar seperti kuari, tetapi semata-mata untuk menyokong kerja pembersihan sungai. Hasilnya semua pihak akan mendapat manfaat. Sungai bersih dan dalam kontraktor mendapat hasil dan kerajaan negeri dapat memungut cukai daripada penjualan hasil tersebut. Saya juga mencadangkan agar satu peraturan atau undang-undang dikuatkuasakan untuk menghalang

pembinaan rumah berhampiran sungai-sungai. Sama seperti peraturan membina rumah berhampiran jalan raya. Perlu ada jarak minimum yang ditetapkan supaya tidak berlaku pembangunan di kawasan yang berisiko tinggi. Ini penting bagi mengelak kerugian berbulan akibat banjir. Kita perlu bertindak segera dan tidak hanya bergantung kepada pengurusan selepas bencana. Kerjasama antara GPS, pejabat daerah dan pejabat tanah amat penting untuk memastikan solusi jangka panjang ini dapat dilaksanakan dengan lebih efektif demi kesejahteraan rakyat.

YB. Tuan Speaker, di sini saya juga nak mencadangkan agar inisiatif penebangan pokok berisiko dan cadangan pembersihan sungai ini dapat diperluaskan ke DUN-DUN lain. Untuk maklumat YB. Tuan Speaker, ada beberapa pegawai khas dan juga YB. dari DUN lain pun menghubungi saya untuk mendapatkan panduan dan saya bersedia untuk berkongsi pengalaman serta prosedur pelaksanaan dengan kerjasama pihak Jabatan Hutan dan agensi berkaitan berkenaan dengan penebangan pokok-pokok berisiko. Saya ulang lagi, penebangan pokok-pokok yang berisiko. Bukan tebang balak noh. Inisiatif ini bukan sahaja menyumbang kepada langkah pencegahan bencana … (YB. Bukit Selambau mencelah)

YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

Minta mencelah sat.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YB. Bukit Selambau.

YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

Terima kasih YB. Bayu. Saya tertarik berkaitan dengan penebangan pokok-pokok balak yang berisiko. Di sini saya atas nama DUN Bukit Selambau, banyak pokok yang sedemikian. Jadi, proses yang perlu dinyatakan supaya saya boleh bersama dalam menyelesaikan masalah tersebut. Jadi YB. Bayu, insyaAllah berilah kerjasama dengan saya. Setuju nah?

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

InsyaAllah. Setuju dengan mengikut prosedur-prosedur yang ditetapkan oleh jabatan-jabatan yang berkaitan. InsyaAllah, saya boleh memberi taklimat dan panduan yang kami dah laksana di DUN Bayu untuk memastikan rumah-rumah, jalan raya dan sebagainya ini tidak ditimpa oleh pokok. YB. Tuan Speaker ambil masa sikit, di DUN saya dan juga DUN-DUN lain, kita nak *repair* rumah yang kena ribut ini pun saya rasa

cukup banyak. Tahun lepas pun dah hampir RM400,000 hingga RM500,000 satu daerah. Sampai bila kita nak menghadapi benda-benda yang begini? Yang mana kita boleh ambil tindakan untuk menebang pokok yang berisiko, yang berhampiran dengan rumah. Dan saya nak ambil contoh, saya sendiri turun, saya kata, "pak long, pokok ini dah tumbang, kita *repair,* kita bagi bantuan". Saya pusing belakang, ada lagi satu pokok, pokok ini tunggu masa juga. Jadi, sampai bila? R*epair* kat depan, tiba-tiba selesai yang depan, angin mai, dia tumbang hat belakang, kita *repair* hat belakang juga. Sampai bila kita nak *repair*? Sampai bila kita nak *repair*? Jadi, sebab itu kalau boleh semua DUN, DUN yang berkawasan pedalaman. InsyaAllah, saya kalau memenuhi dan juga dibenarkan oleh jabatan-jabatan kerajaan, terutamanya jabatan perhutanan, saya akan turun bagi taklimat kepada DUN-DUN yang berminat, insyaAllah. Terima kasih YB. Bukit Selambau.

YB. Tuan Speaker, satu lagi saya ingin cadang, usulkan ialah berkenaan dengan pendekatan khusus yang boleh dirangka bagi membantu membaik pulih rumah-rumah usang. Tadilah, macam tadi ni rumah yang ditimpa pokok. Tapi kita kena sedar bahawanya di kampung-kampung ni banyak rumah yang usang, rumah yang lama. Angin

lalu macam tu tak ribut pun dia runtuh. Sebab apa? Dah dimakan anai-anai. Apakah tindakan daripada pihak kerajaan negeri kerana setiap kali fokus *group*, saya rasa semua YB-YB ni dah masuk dalam fokus *group*. Kami masuk dalam fokus *group.* Masuk bentang dah di dalam skrin tu, tapi bajet tak dak. Rumah makin bertambah. Sampai bila penyelesaian ni kita nak selesaikan? Makna kata piihak pembangkang pun kena membantu kerajaan negeri, ambil peruntukan daripada Pusat, bawa mari ke sini demi rakyat. Saya minta kalau boleh… (YB. Kota Darul Aman mencelah)

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Sat celah sat. YB. Tuan Speaker.

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Bagi laluan.

YB. TUAN SPEAKER

Ya.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Saya minta YB. Bayu untuk baca jawapan bertulis yang ditanya. Banyak peruntukan dah turun dari KPKT, Desa, Pembangunan semua dah turun.

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Ya ka? Kalau turun selesai masalah, tapi tak selesai juga saya tengok. Sebab di peringkat DUN… (YB. Kota Siputeh mencelah)

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

Pembangunan padi banyak tak turun-turun ni.

YB. TUAN SPEAKER

Ok, teruskan YB. Bayu.

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Ok. Dengan ini saya nak mencadangkan agar satu peruntukan khusus dapat disalurkan berdasar maklumat daripada MKK, JKN, Pusat Khidmat DUN, Penghulu Mukim, agensi-agensi kerajaan dan juga pejabat daerah. Pendekatan ini penting untuk memastikan proses baik pulih rumah dapat dijalankan dengan teratur, terancang dan segera. Kita perlu sedar bahawa jumlah rumah usang ini agak banyak dan keadaan ini amat membimbangkan. Sekiranya penghuni masih terus menetap di rumah yang sudah tidak selamat, dimakan anai-anai, reput dan hampir roboh ini, ia bukan sahaja boleh mencederakan mereka tetapi juga mengancam keselamatan nyawa penghuni rumah itu sendiri.

YB. Tuan Speaker, satu lagi berkenaan perkara yang saya ingin bangkitkan ialah berkenaan dengan makanan. Kami di luar bandar ni, zaman dulu di luar bandar ni, di kampung-kampung ni, tak payah nak fikir pun kerja. Bangun pagi jala ikan boleh bawak balik makan sampai kemalam. Tapi hari ni kita tengok dah pupus dah pun. Ikan dah pupus. Dan apa tindakan yang kita boleh buat? Jadi, berkenaan dengan makanan tambahan ini, perkara ini saya bangkitkan ialah mengenai kepupusan sumber makanan semula jadi di kampung-kampung, khususnya ikan sungai. Dahulu ikan sungai merupakan sumber utama protein kepada masyarakat luar bandar. Orang kampung boleh turun ke sungai menjala dan memancing dan hasilnya cukup untuk dimasak bagi keluarga. Namun hari ni, sungai-sungai kita sudah tidak ada lagi hidup. Hasil tangkapan semakin kurang, malah ada tempat yang langsung tiada ikan.

Puncanya adalah kerana kaedah penangkapan tidak terkawal. Termasuk penggunaan racun, kejutan elektrik, pukat haram yang memusnahkan benih-benih ikan. Akibatnya ekosistem sungai terganggu dan masyarakat kampung kehilangan satu lagi sumber makanan dan pendapatan.

Saya nak cerita lah YB. Tuan Speaker, saya pernah lalui, saya turun sungai. Dulu ni, turun sungai menjala tang mana pun ikan ada, tapi hari ni saya bawa jala yang besar tu tak dapat, bawa jala yang kecil pun tak dapat lagi. Ini merupakan satu makanan kepada masyarakat luar bandar. Sebab apa kita tak ambil tindakan untuk bawa masuk benih? Jadi justru itu, saya ingin mencadangkan agar Jabatan Perikanan Negeri dan agensi berkaitan melaksanakan program pelepasan benih ikan secara besar-besaran di semua sungai yang sesuai di seluruh Negeri Kedah. Ini adalah pelaburan jangka panjang yang sangat berbaloi. Jika benih ikan dilepas dalam kuantiti yang banyak dan dikawal dengan baik, dalam masa beberapa bulan kita akan dapat lihat hasilnya. Sungai akan kembali menjadi sumber makanan malah boleh menjana pendapatan kecil kepada penduduk setempat. Saya juga menyeru supaya ketua-ketua kampung, imam, penduduk setempat memainkan peranan untuk menjaga ikan daripada pupus. Satu lagi sektor pelancongan, Tok Leh, YB. Kubang Rotan, minta maaf. Pelancongan ini kalau… (YB. Pedu mencelah)

YB. TUAN HAJI MOHD RADZI BIN MD AMIN

YB. Bayu…

YB. TUAN SPEAKER

YB. Pedu minta laluan.

YB. TUAN HAJI MOHD RADZI BIN MD AMIN

Terima kasih YB. Tuan Speaker dan YB. Bayu. Pasal YB. Bayu sebut tadi apa nama ikan kena racun apa semua mati. Tiba-tiba YB. Bayu minta benih. Boh benih pun mati juga pasal pencegahan tu. Macam mana cara pencegahan untuk tak bagi mati tadi?

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Terima kasih! Terima kasih! Sebab tu tadi sebelum nak lepas tu saya minta semua ketua kampung, imam dan juga masyarakat situ menjadi mata, telinga kepada kita. Nak pastikan bahawasanya sungai tu dapat dikawal dan dah kawal baru kita lepas benih. Benih ni nak cerita, bukan mahal pun. Mana jabatan perikanan ada dak dekat sini? Bukan mahai mana pun. Janganlah pilih benih, janganlah pilih Sungai.

Kadang-kadang sungai yang nak menjadi keutamaan pelancong diberi. Nu orang kampung yang tak dak nak makan nu. Sungai, hasil sungai ni sedap, protein. Sebab tu saya minta kalau boleh, jabatan perikanan dan juga jabatan-jabatan lain main peranan sumbang, beri benih ikan kepada semua sungai-sungai di kawasan-kawasan kampung yang akan memberi pulangan yang cukup banyak hasil, kerana dia biak sat saja. Enam bulan biak dah dan akan dapat memberi makanan kepada masyarakat kampung tanpa membeli, tanpa perlu keluar duit.

Jadi, satu lagi sektor pelancongan YB. Kubang Rotan. Apabila sungai bersih dan tangkapan yang dikawal menggunakan 'lay candik'. Faham tak? 'Lay candik'. 'Lay' ni penangkapan tradisional orang dulu. 'Lay candik'. Kalau bina elok-elok di sungai yang dah dikawal yang banyak ikan, saya rasa berpontensi untuk menjadi satu lagi produk pelancongan yang akan dapat menggamit pelancong hadir ke Negeri Kedah kita ni.

YB. Tuan Speaker, berkenaan ekonomi tambahan. Masa ada lagi noh, saya ambil hat sana mai sini. Boleh? Cadangan projek pertanian di tanah terbiar. Saya ingin memaklumkan bahawa saya telah menyediakan satu kertas kerja lengkap yang memfokuskan kepada pembangunan sektor pertanian di kawasan luar bandar. Kertas kerja ini merupakan satu cadangan yang komprehensif untuk manfaat tanah-tanah terbiar di kampung-kampung. Setelah saya berbincang dengan rakan *consultant,* rakan saya, dan bersetuju untuk melabur dalam projek ini dengan syarat kita perlu mengenal pasti lokasi-lokasi tanah terbiar terlebih dahulu. Oleh itu, saya memohon kerjasama daripada sekutu pertanian, YB. Suka Menanti dan semua pihak berkaitan melalui pengurusi MKK, untuk turun padang dan membantu dalam mengenal pasti tanah-tanah terbiar yang berpotensi untuk diusahakan. Tanah-tanah terbiar ni bukan sahaja merugikan, malah merupakan satu aset yang besar jika diusahakan dengan betul. Kita boleh menjadikan tanah-tanah ini sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi luar bandar.

Misi dan visi projek menjadi pemimpin dalam pembangunan tanah terbiar dengan mengintegrasikan teknologi, keperluan masyarakat dan prinsip kelestarian. Misi, meningkatkan nilai tanah terbiar melalui projek pertanian yang berkesan dan berfaedah, menyediakan peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan penduduk serta menjana produk yang memberi pemulangan yang tinggi. Jadi, yang ni pun saya nak minta kerjasama daripada DUN-DUN dan seluruh rakan-rakan daripada jabatan kerajaan iaitu untuk memulihkan tanah terbiar yang secara optimum untuk pertanian. Menjadikan tanah terbiar ni sebagai tanah emas yang menyumbang kepada ekonomi negeri dan menyokong inisiatif Satu Kampung Satu Produk Sejahtera.

Kita akan bekerjasama dengan tuan tanah, agensi kerajaan serta wakil rakyat bagi menghasilkan produk yang boleh dipasarkan sehingga ke peringkat eksport, serta kita dapat membuka ruang pekerjaan kepada masyarakat kampung selepas selesai menjalankan kerja hakiki seperti menoreh getah dan sebagainya.

YB. Tuan Speaker saya baca cepat ni sebab saya takut masa, minta maaf.

YB. TUAN SPEAKER

Dak, masa memang habis dah!

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Tu kah?

YB. TUAN SPEAKER

Saya nak suruh berhenti dah ni.

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Ada sikit lagi, sikit lagi. Satu lagi YB. Tuan Speaker, saya langkau-langkau lah sebab, tadi saya rasa… banyak masa ni hat boleh ambik kat saya kot kan. Tadi yang Ketua Pembangkang tadi pun masa tak sampai lagi 10 minit, saya tengok lagi 10 minit. Ambil kat saya juga tu.

YB. Tuan Speaker, seterusnya saya ingin mencadangkan berkenaan penstrukturan semula MKK yang saya bincang tadi. Saya ingin menyentuh isu penstrukturan dan penyelarasan peranan serta elaun MKK. Pada masa ini terdapat ketidakseimbangan yang ketara. Ada MKK yang perlu menyelia 7 hingga 10 buah kampung dengan elaun yang RM500. Sedangkan ada MKK lain yang menyelia atau menyelia 2-3 buah kampung dengan elaun yang sama. Dan saya bincang, terima kasih pada YB. Merbau Pulas yang telah pun berbincang dengan saya. Dia minta saya kena bincang dengan pengawai daerah. Pengawai Daerah Baling ada kat sini, saya balik ni, ni depan-depan ni, saya nak minta satu perbincangan untuk menyusun semula MKK dengan nisbah yang lebih relevan. Kalau 10 kampung, tak boleh lah bagi 1 MKK, jenuh.

Kerana kita tengok dia macam-macam, kalau banjir ni, kalau banjir ribut dan sebagainya ni, dia nak kena kawal 10 kampung sedangkan 1 MKK dia kawal 3 kampung senang. Kita tahu kekangan dan juga ekonomi daripada pihak kerajaan negeri, tetapi biarlah kadar nisbah tu sesuai kerana kami di Bayu ni YB. Merbau Pulas,

di Bayu ni, di Baling ni kawasan luar bandar. Kami duk ada 268 kampung yang diwarta. Tapi kami dapat 115. Tak padan lah. Ada setengah kampung malas nak cerita daerah, saya tak mau nak cerita daerah. Setengah daerah tu, dia kampung ni dia campur dengan bandar sikit, kampung sikit tapi dia dapat sampai dekat-dekat 200 kuota MKK. Tak berapa nak logik. Bukan saya nak pertahan diri saya, kalau boleh perbincangan untuk ketua kampung tak tambah pun tak apa, tapi biar relevan mengikut nisbah kampung seliaan masing-masing. Janganlah beban, kadang-kadang saya ni 10 buah kampung ni haru, hari-hari, 3,000 duk jaga sorang di Kampung Bandar. Pegawai Daerah (DO) kena bincang dengan saya sebab ni adalah depan ni, sebab saya balik sana nak kena bincang ni… (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Yang tu kita balik bincang di Baling boleh kot noh?

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Boleh! Boleh! YB. Tuan Speaker, satu lagi berkenaan dengan industri YB. Jitra tadi. Saya juga ingin mencadangkan supaya penubuhan mini hub industri desa, industri getah SMR20. Zaman dulu ni orang motong getah ni dia buat getah keping sendiri di kampung, baru dia pasar, secara manual. Apa salah kalau YB. Jitra cadangkan, usulkan supaya mini hub industri yang berkaitan getah ni diwujud di setiap mukim kerana pengeluaran getah ni adalah utama. Rakyat menoreh getah, jual getah skrap tu, cuplum orang panggil. Cuplum tu tak berapa banyak, tak berapa tinggi pun, tapi apa salah kalau kita sediakan mini hub industri yang berkaitan getah. Kita keluarkan getah SMR20 di kawasan kampung. Dulu ni YB. Merbau Pulas, sebab dia jaga pembangunan luar bandar. Dulu ni tok nenek kita dulu, dia 'lecet' getah tu lepas tu dia mesin macam tu, tapi secara manual. Apa salah kalau YB. Jitra wujudkan secara mesin yang lebih baik dengan cara elektrik atau dengan cara bukan manual, dapat menghasilkan getah keping dan kita boleh bersaing dengan kilang-kilang yang ada.

Jadi, YB. Tuan Speaker, saya tak nak berucap panjang nak tutup ni. Dengan ini, saya menyokong menjunjung kasih di atas titah ucapan diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah Yang telah memberi penekanan kepada aspek keselamatan rakyat, pembangunan seimbang antara bandar dan luar bandar, pengurusan air serta peningkatan kecekapan tadbir urus. Sebagai wakil rakyat di kawasan luar bandar seperti DUN Bayu, saya menyambut baik titah Tuanku yang sangat bertetapan dengan realiti dan cabaran yang sedang kami hadapi di peringkat bawah atau masyarakat kampung khasnya.

Justeru, segala cadangan yang saya kemukakan ini daripada langkah pencegahan bencana, pemulihan rumah usang, pembangunan tanah terbiar hinggalah kepada pemerkasaan industri desa adalah selari dengan aspirasi Tuanku agar Negeri Kedah terus melangkah maju secara menyeluruh dan inklusif. Titah Tuanku bukan hanya simbolik tetapi menjadi panduan dalam membentuk dasar dan tindakan nyata demi kesejahteraan rakyat. Sebelum saya habis ni saya nak pantun lah.

YB. TUAN SPEAKER

Okay, boleh!

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Saya nak pantun berkenaan dengan tempat saya lah.

YB. TUAN SPEAKER

Lepas pantun terus berhenti nah?

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Betul YB. Tuan Spekaer.

Pokok petai, pokok tualang,
Bawahnya pula dipasang khemah,
Pokok bahaya kita tebang,
Agar tidak menimpa rumah.

Hantu raya dan juga langsuir,
Dua jenis pelbagai perangai,
Bukan saja nak korek pasir,
Untuk jaga aliran sungai.

Jari kanan naik ketuat,
Terus tak boleh nak tulis surat,
Kita cakap, kita buat,
Ini semua demi rakyat.

Dari Kedah ke pekan sehari,
Beli suasana di Kota Tinggi,
Selesai sudah ucapan diberi,
Di lain masa bersua lagi.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Bayu. Hebat hari ni dengan pantun apa semua. Seterusnya saya menjemput YB. Bukit Pinang. Dipersilakan.

YB. DATO' ROMANI BIN WAN SALIN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah wassalatu wassalamu 'ala rasulillah, wamanta bi'ahum bi ihsani ila yaumiddin. Qola rabbish rohli sodri wayassirli amri wahlul 'uqdatan min lisani yafqahu qawli. YB. Tuan Speaker, YAB. Dato' Seri Menteri Besar Kedah. YB. Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, YB. Ketua Pembangkang, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, Yang Berbahagia Ketua-ketua Jabatan, pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah sekalian. Pertama sekali saya bersyukur kehadrat Allah SWT atas ucapan tahniah serta syabas Titah Ucapan Tuanku Sultan yang mengambil masa 22 minit tetapi padat serta bermakna atas ucapan Tuanku Sultan yang merangkumi banyak pesanan-pesanan kepada semua YB.-YB. sekalian.

YB. Tuan Speaker,

Naik sampan bersama gagak,
Tumpang pula seorang nyonya,
YB. Speaker makin sehari makin segak,
Sudahlah sekarang manis pula orangnya.

YB. TUAN SPEAKER

Teruskan! Teruskan!

YB. DATO' ROMANI BIN WAN SALIN

YB. Tuan Speaker, Yang Berhormat perlu faham tanggungjawab setiap pandangan yang disuara demi kepentingan negeri dan rakyat yang sentiasa menyelami masalah dan keperluan rakyat. YB. Tuan Speaker, ada lima tajuk yang saya dapat petik daripada ucapan Tuanku Sultan. Yang pertama iaitu fokus kepada banjir, bencana banjir, yang kedua pelaburan, yang tiga, Pelan Pembangunan Kedah 2035, serta gagasan The Greater Kedah, yang keempat iaitu pelancongan, yang kelima, Islam adalah agama rasmi bagi Negeri Kedah yang dibahas panjang oleh YB. Kupang tadi. Masuk sebahagian daripada ucapan saya.

Bencana banjir penghujung 2024 yang melibatkan 10,000 mangsa yang dipindahkan serta pelbagai infrastruktur utama dan hampir 16,000 hektar kawasan sawah padi yang rosak. YB. Tuan Speaker, saya ucapkan jutaan terima kasih dan tahniah serta bertungkus-lumus memberi perkhidmatan tak kira siang dan malam kepada semua wakil rakyat. Tak kira dek hujan panas demi untuk membantu rakyat yang bermula daripada pegawai daerah serta kakitangan kerajaan sehingga Tuanku menzahirkan penghargaan di atas pengorbanan serta taat setia buat Tuanku iaitu muka surat 9, Tuanku sebut sendiri di kesempatan ni, Tuanku sebut, "menzahirkan penghargaan di atas taat setia, pengorbanan, dan perkhidmatan Anggota Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, anggota RELA, barisan petugas kesihatan serta seluruh Pegawai Tadbir Negeri Kedah serta penjawat awam negeri dan Persekutuan di Negeri Kedah atas komitmen yang diberikan". Tahniah. Sultan bagi penghargaan kepada semua yang disebutkan.

Iaitu pelaburan muka surat 3, Negeri Kedah berjaya mencatat kedudukan tempat dalam negara jumlah pelaburan masuk RM45.8 bilion bagi tahun 2024 berbanding RM28.7 bilion bagi tahun 2020. Dunia tidak boleh menafikan dasyat dan hebatnya kedudukan Negeri Kedah sekarang. InsyaAllah, Fasa 4E dan Fasa 5 bagi 2025 yang disebut oleh YAB. Menteri Besar lebih hebat lagi. Inilah menunjukkan pelaburan yakin kepada kepimpinan kerajaan negeri dengan tidak menafikan walaupun ada sabotaj-sabotaj di kalangan luar. Saya sebut di sini, saya ucap tahniah kepada YAB. PMX (Perdana Megeri Ke-10). Saya sentiasa membela YAB. PMX walaupun rakyat di bawah sana bercakap, "buka mulut mohong!" Saya kata, "tidak!" Saya kata, "itu Perdana Menteri saya". Saya amat yakin dengan YAB. Perdana Menteri PMX sentiasa memberi komitmen untuk meneruskan agenda kerajaan Negeri Kedah demi untuk rakyat masa akan datang.

Tuanku Sultan menyaran agar kawasan perindustrian yang sentiasa diperkasakan di semua daerah khasnya Daerah Kulim/Bandar Baharu. Peluang ekonomi Kedah sempadan Thailand, Bukit Kayu Hitam Special Border Economic Zone dan Pelan Pembangunan Kedah 2035, gagasan The Greater Kedah. Saya bercadanglah supaya kerajaan negeri memberi fokus kepada 582 masjid Negeri Kedah. Untuk jangka masa panjang pelan 2035 supaya memastikan setiap kariah kita tidak terpinggir dengan arus perdana iaitu kalau bolehlah kerjasama dengan jabatan agama memastikan semua masjid-masjid tadi ada internet ataupun ada wifi bagi memakmurkan anak kariah supaya mendekati masjid. Contohnya di masjid itu ada sebuah dewan untuk anak kita melayari internet-internet untuk membuat proses pekerjaan supaya anak muda kita dekat dengan masjid. Itu salah satu cara untuk memakmurkan serta memastikan anak kariah kita tidak terbiar.

Dalam memastikan serta menarik perhatian yang bermula pendekatan masjid yang saya sebut tadi, komitmen kerajaan untuk membina Desa Sejahtera memberi nafas baru kepada rakyat. Inilah komitmen kerajaan untuk meletakkan kepentingan rakyat lebih daripada yang lain. Dalam usaha memastikan keterjaminan makanan bekalan beras negara, muka surat 6 yang disebut oleh Tuanku Sultan tadi, saya tak mahu ulas panjang. Kita boleh lihat muka surat 6 dan juga kerajaan sentiasa tegas melindungi kawasan tadahan air di Hutan Simpanan Ulu Muda. Sebab kita, kerajaan negeri saya ucapkan tahniah dan syabas, di sudut itu kita memberi komitmen semua memastikan kita pertahankan kawasan tadahan air.

Firman Allah SWT:

لاَ تَمَنَّوْا لِقَاءَ العَدُوِّ، فَإِذَا لَقِيتُمُوهُمْ فَاصْبِرُوا

"*Jangan kita bercita-cita mencari musuh tetapi apabila kita berdepan dengan musuh maka tetaplah teguh dan bersabarlah. (Riwayat al-Bukhari, Hadith no. 3026)*

Sebab kita walaupun ada sabotaj-sabotaj daripada negeri-negeri lain, sepatutnya sebuah Kerajaan Persekutuan mestilah memberi keutamaan, apa yang kita pohon daripada Kerajaan Persekutuan, bukan kita pohon semata-mata untuk kepentingan kita tapi ini hak kita. Saya amat kesal sekarang terhadap kementerian-kementerian sudah tidak prihatin sungguh kepada kerajaan pembangkang, kerajaan kita. Kita kerajaan pembangkang bagi Kerajaan Persekutuan. Tetapi janganlah menafikan hak kita. Contohnya EXCO-EXCO, dulu kita ada juga program YB. dalam RTM, tetapi kenapa sekarang dinafikan hak? Apakah mereka itu bukan Menteri Kedah? Bukan menteri kita? Menteri kita lah. Walaupun rakyat di bawah sana yang saya sebut sentiasa menghantam menteri-menteri tetapi saya yakin dengan komitmen EXCO kita bolehlah jumpa kenapa dan mengapakan. Contohnya EXCO Penerangan, tak boleh turun di RTM, tak boleh kerjasama dengan RTM atau Penerangan. Dalam satu program sambut merdeka contohnya. Apakah rugi Kerajaan Persekutuan untuk memberi kemudahan? Apakah rakyat di negeri ini semuanya rakyat PN?! Bukan rakyat PN dari Negeri Kedah. Semua bangsa dan semua rakyat termasuk semua parti. Apabila mereka menafikan hak kita, seolah-olah kita meminggirkan rakyat parti lain. Sedangkan kita sebagai wakil rakyat bukan wakil rakyat PAS saja, tapi kita wakil rakyat dalam DUN Bukit Pinang. Tak kira parti apa pun. Walaupun dia sakit, dia mati, kenduri kendara, ribut dan banjir saya sebagai YB. Bukit Pinang turun melihat rakyat di bawah saya. Tak kira UMNO dan PAS, tak kira PH. Ini tanggungjawab saya sebagai wakil rakyat. Kalau rumah dia banjir, sepatutnya bukan parti saya, saya tak perlu pi. Tapi kita bagi katil, bagi kerusi, bagi duit demi rakyat di sebuah DUN saya. Saya sebagai wakil rakyat, kita tidak 'pilih bulu', kita takut kita akan dipersoalkan oleh Allah SWT di akhirat. Ini saya bimbang.

Firman Allah SWT:

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ

"Semua manusia akan mati". (Surah Ali 'Imran, ayat 185).

PMX pun akan mati. Hang toksah hebat mana lah! Saya sentiasa berdoa supaya umur panjang muslimin dan muslimat, beri kejayaan dunia dan juga akhirat. Tanggungjawab kita sebagai seorang muslim! Tapi janganlah bongkak kalau kita jadi Perdana Menteri, jadi Menteri, membelakangkan EXCO-EXCO apabila mereka turun ke Negeri Kedah. Inikah kerajaan! Madanon ka apa, la ni saya tak peduli. Sebab saya tau PMX tu kawan rapat saya, kawan baik saya. Masa dia dalam penjara, Kak Zah turun, Kak Wan turun mai sini, ceramah pada tahun 1998. Sebuah kenderaan saya, masa tu saya EXCO Dewan Pemuda PAS Negeri Kedah. Bila turun ceramah ni, Kak Wan, Nurul Izzah naik kereta saya lah, bawa turun ceramah merata seluruh Kedah. Kereta saya masa tu Fiat Mirafiori, PAD 4444**.** Kereta saya paling hebat dalam EXCO Pemuda Negeri Kedah. Kereta saya paling elok sekali lah. Saya pegawai kerajaan masa tu, kereta Fiat Mirafiori,PAD 4444. Beli RM4,000 saja…. Nak jaga! Masa semua PMX kata semua difitnah. Kita jaga, bawa Kak Wan mai ceramah seluruh Kedah. Kak Wan masa tu ceramah tak berapa pandai. Nurul Azizah pun tak biasa mai. Baik, segak pula dua orang tu. Ya Allah… Tuhan saja yang tahu. Masa tu saya ingat kawan saya baik… (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

La dia duk naik kereta sekali lagi dak?

YB. DATO' ROMANI BIN WAN SALIN

Aih! Dak! Dak! La jumpa pun kenal. Kak Wan tu masih kenal. Lama-lama rindu juga saya pun. Saya tau sebab masa tu, Ketua Dewan Pemuda PAS Negeri Kedah iaitu Pengerusi Peladang, kawan baik saya lah. Tapi nak buat macam mana, dah masing-masing jalan pi ke lain kan?

Firman Allah SWT:

ٱهْدِنَا ٱلصِّرَٰطَ ٱلْمُسْتَقِيمَ

"Kembalilah ke jalan yang baik" (Surah Al-Fatihah, ayat 6)

Program menanam 2 juta pokok setahun, tahniah lah kepada Jemaah Datuk yang sering prihatin untuk menghijaukan bumi. Saya pun demam sikit semalam, *pre council* pun saya tak hadir. Sedangkan suara sedap asalnya, sekarang tak berapa nak sedap. Minta maaf YB. Tuan Speaker.

Tuanku Sultan mengambil perkara serius agar pembangunan tanah besar Pulau Langkawi memperkenalkan jaringan perhubungan pengangkutan haruslah diperkasakan. dan juga tamadun Kedah Tua perlu ditonjol. Di Langkawi ni kita ada satu tempat, saya selalu saya sebutlah benda ni. Saya ucap tahniah dan syabaslah kepada EXCO Komunikasi baru turun tengok iaitu tempat *centralized* komunikasi yang ada di Malaysia ni, Langkawi sahaja iaitu CLOCC (Centralized Langkawi Operations Command Centre). Tempat *centralized* untuk melihat sebuah pulau yang akan menjadi pulau terhebat dalam dunia. Sepatutnya di mana EXCO Sungai Limau telah turun melihat suasana itu sebab kita nak laksanakan sorang-sorang tak boleh, pejabat daerah nak beli tak boleh. Tapi tempat itu, iaitu tempat komunikasi yang diusahakan oleh pihak satu syarikat yang mereka melabur kalau tak silap saya RM60 juta. Sediakan tempat itu tetapi tempat itu sekarang cuma pihak polis saja yang boleh lihat di IPD Langkawi. Boleh melihat sesuatu apabila berlakunya jenayah dan juga masuknya pihakLangkawi ada kamera itu boleh lihat berapa orang yang boleh masuk Langkawi, berapa perempuan, berapa lelaki. Sebab itulah statistik Langkawi, pelabur yang datang ke Langkawi boleh dilihat melalui sistem tersebut. Tetapi oleh karena pusat *centralized* itu memerlukan semua pihak termasuk termasuklah JPAM, Majlis Bandaraya, Polis, NADA, APM, Marine. Barulah boleh dapat dapat diselenggarakan dengan baik. Supaya kita dapat melihat semua, kalau pihak Marine, dia boleh lihat musuh di tengah laut sana dia boleh lihat dengan adanya tempat *centralized* kamera itu.

Tapi kalau dia tak *centralized*kan seluruh jabatan-jabatan ini, projek itu jadi “projek gajah putih”. Sebab dalam Malaysia ni hanya di Langkawi sahaja, di tempat lain tidak ada tempat, memang tak dak. Sebab masa saya jadi Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri memang di lain tak ada tempat. Mengikut SKMM (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia) makna kata hanya di Langkawi sahaja ada projek, di negeri-negeri lain tidak ada. Sebab itulah janganlah cemburu pihak Menteri Komunikasi bawa benda-benda itu keluar dari negeri ini. Sebab itulah saya sentiasa prihatin sungguhlah benda-benda itu walaupun pihak YB. Sungai Limau telah turun tetapi tidak dapat sokongan dengan semua agensi-agensi tersebut. Sebab dulu saya pernah turun ke Kuala Lumpur semasa saya pegang portfolio komunikasi, telah turun bersama dengan agensi-agensi untuk berusaha sedaya upaya semua agensi-agensi tersebut duk semeja, bagaimanakah untuk mengoperasikan, mengoptimumkan, *centralize* benda-benda itu dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Saya ingat itu saja, saya pun tak mau bercakap Panjang, saya pun tak berapa nak sihat. Saya sekali lagi nak menjunjung kasih ucapan Tuanku Sultan yang dititah pada 20 haribulan iaitu pada hari Ahad. Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Bukit Pinang yang penuh bersemangat tadi ni. Tahniah! Seterusnya saya menjemput YB. Tanjung Dawai. Silakan.

YB. TS. DR. MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF

Mohon saya berucap.

YB. TUAN SPEAKER

Oh! Kita ganti dengan YB. Bandar Baharu dulu. Ok, ok, silakan. Boleh.

YB. TS. DR. MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillahi rabbil alamin, wassolatu wassalamu ala ashrafil anbiya'i wal mursalin, wa 'ala alihi wa sahbihi ajma'in. Rabbish rahli sadri wa yassir li amri wahlul uqdatan min lisani yafqahu qawli. YB. Tuan Speaker, YAB. Dato' Seri Menteri Besar, rakan-rakan Yang Berhormat sekalian, Ketua-ketua Jabatan, dato'-dato', tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Alhamdulillah, saya diberi keizinan untuk berucap terlebih dahulu, mungkin YB. Tanjung Dawai nak berehat sat. Musim hujan ni musim hujan. YB. Bukit Pinang pun tak sihat. Saya sebenarnya pun tak sihat juga. Tapi saya nak rehat sekejap lagi, insyaAllah sebelum jam 1.00. Boleh kot noh? InsyaAllah.

Tuan-tuan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih, setinggi-tinggi kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan atas keprihatinan Tuanku untuk menyampaikan ucapan pembukaan persidangan Dewan semalam dan juga sangat-sangat prihatin kepada DUN Bandar Baharu untuk membangunkan kawasan perindustrian baru di Daerah Bandar Baharu. Patik bagi pihak rakyat jelata Daerah Bandar Baharu ingin menzahirkan rasa terharu atas kasih sayang yang telah dibuktikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Perkara yang sama juga sebenarnya telah dipertegaskan pada pembukaan sidang yang lepas.

Oleh itu, kali ini adalah kali yang kedua Tuanku Sultan menitahkan supaya Daerah Bandar Baharu ini diwujudkan satu kawasan perindustrian bagi mengukuh dan meningkatkan lagi ekonomi di Daerah Bandar Baharu. Rakan-rakan yang saya hormati sekalian, titah Tuanku ini menunjukkan keprihatinan yang sangat tinggi kepada Daerah Bandar Baharu dan juga rakyat Negeri Kedah seterusnya dalam membangunkan ekonomi kepada Negeri Kedah. Dan saya mengambil satu penekanan bahawa perkara ini perlu diberi perhatian yang serius dan juga perlu diletakkan dalam senarai keutamaan projek-projek di Negeri Kedah ini.

Untuk makluman semua, daerah ini yang telah diktiraf sebagai "Daerah Paling Bahagia Tahun 2025". Dan inilah satu-satu daerah yang di bawah pentadbiran pengurusan satu DUN. Kalau daerah yang lain dia mungkin ada 4, 5 DUN yang lain. Tapi Daerah Bandar Baharu ini istimewanya di bawah satu DUN Bandar Baharu. Inilah di antara istimewanya Daerah Bandar Baharu yang kita perlu beri perhatian. Di mana penduduknya hampir 50,000 dalam kawasan seluas 271 km persegi. Dan daripada sinilah kita lihat bagaimana kawasan ini terdiri daripada kawasan pertanian hanya 77% daripada kawasan Bandar Baharu ini terdiri daripada kawasan pertanian. Dan kawasan perindustrian ada pun kawasan perindustrian ini hanya kawasan perindustrian yang kecil sahaja. Kawasan perindustrian ringan, bukan perindustrian berat hanya dalam 0.6%. Itu betapa kecilnya sumbangan industri dalam Daerah Bandar Baharu.

Oleh sebab itu, perlu ada satu anjakan *turning point* atas titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan untuk kita bangkit, bangun bagi membina Derah Bandar Baharu ini. Kemudian kita lihat bagaimana kedudukan Daerah Bandar Baharu ini ataupun bandar yang paling selatan di Bandar Baharu dinamakan sebagai *Thousand Gate of Kedah*. Gerbang-gerbang Selatan Kedah. Kedudukannya kalau kita lihat bagaimana, Bandar Baharu ini berada di tengah-tengah segitiga kawasan perindustrian di utara ini. Kita lihat bagaimana Kawasan Perindustrian Kulim Hi-Tech Park, Kawasan Perindustrian Batu Kawan Industrial Park. Kemudian satu lagi kawasan perindustrian yang baru, yang telah disytiharkan iaitu KIGIP ataupun dinamakan sebagai Kerian Integrated Green Industrial Park yang berada di sebelah Kerian ataupun di Semanggul. Dan Bandar Baharu ini terletak di tengah-tengah segitiga ini yang dinamakan sebagai Segitiga Emas Industri. Ahli-hli Yang Berhormat, dengan keadaan yang ada ini saya yakin kita mampu untuk mengangkat Bandar Baharu ini sebagai satu kawasan baru perindustrian.

Oleh itu, saya menyarankan agar dibentuk satu jawatankuasa pelaksana ataupun sekretariat yang diterajui oleh BPEN (Bahagian Perancang Ekonomi Negeri) yang ada di sini untuk kita sama-sama merealisasikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan ini dan peranan serta tanggungjawab jawatankuasa ini perlu dinilai dan

disemak secara berfasa, berperingkat-peringkat mengikut *milestone* ataupun sasaran tertentu untuk projek ini. Berperingkat-peringkat. Jadi kita boleh nilai, kita boleh semak perkembangan projek ini. Tuan-tuan yang saya hormati sekalian, inisiatif awal boleh dimulakan dengan kita mengenal pasti dan mendapatkan kawasan-kawasan yang sesuai sama ada secara pembelian ataupun pengambilalihan tanah-tanah yang sedia ada. Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian… (YB. Tokai mencelah)

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

YB. Bandar Baharu.

YB. TS. DR. MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF

Ya, saya.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih YB. Tuan Speaker, YB. Bandar Baharu… (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Teruskan.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Boleh? Kita tahu Bandar Baharu adalah satu-satunya daerah yang tidak mempunyai hospital. Jadi, rakyat Bandar Baharu ini kebanyakannya bukan rakyat Kedah lah kot. IC (Kad Pengenalan) depa ni pun bukan dari Kedah sebab kelahiran berlaku di Perak ataupun di Pulau Pinang. Jadi, kebanyakan program-program yang melibatkan apa kita kata IC 02 ni mungkin mereka ni antara rakyat yang terpinggir untuk masa akan datang lah, kalau sekiranya perkara ini dititikberatkan di dalam permohonan-permohonan tu.

Jadi, sesuai dengan suasana lebuh raya yang nak dibina dan juga kawasan segitiga perindustrian yang terjadi di negeri jiran ni, saya rasa saranan Tuanku Sultan ni perlu diberi perhatian oleh pihak negeri lah untuk membangunkan Bandar Baharu sebagai kawasan yang kita kata hub sebelah selatan. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TS. DR. MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF

Terima kasih YB. Tokai. Saya menyokong penuh cadangan dan juga pandangan daripada YB. Tokai berkenaan. Untuk makluman semua….(YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Bandar Baharu, kita bagi laluan kepada Yang Amat Berhormat.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan di bawah Peraturan 12(1)(a), Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman, supaya Sidang Dewan pada pagi ini disambung semula pada jam 2:30 petang selepas ditangguhkan pada jam 1:00 tengah hari. Terima kasih.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

YB. Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya bersetuju dengan usul yang dibuat oleh YAB. Dato' Seri Menteri Besar tersebut. Sekian, terima kasih. YB. Bandar Baharu boleh teruskan.

YB. TS. DR. MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF

Terima kasih YB. Tuan Speaker, terima kasih YAB. Dato' Seri Menteri Besar. Sebagaimana yang telah disebut oleh YB. Tokai tadi ni, memang di antara kekurangan di Bandar Baharu ini rakyatnya ataupun pengundi, walaupun mereka ni pengundi di Bandar Baharu, mendaftar pengundi di Bandar Baharu tapi kod pendaftaran kelahiran mereka kod 07, 08 kerana kebanyakan mereka ni dilahirkan di Hospital Selama Perak, Hospital Sungai Bakap, Hospital Parit Buntar. Itu yang paling dekat dan saya pernah sebut di sini bahawa ada di kalangan rakyat, warga Bandar Baharu ni kerana nak dapatkan 02 tu dia pergi ke Kulim. Tak sempat sampai Kulim, bersalin tengah jalan. Itu masalahnya, ini di antara kekangan yang ada.

Oleh sebab itulah di antara perancangan, kita meningkatkan lagi kawasan industri ini, merancakkan lagi pembangunan domestik, rumah-rumah dan sebagainya. Dan ini boleh meningkatkan di antara kategori kriteria untuk kita membina ataupun membangunkan sebuah hospital. Kriteria yang mesti rakyat ataupun warga Bandar Baharu ni mesti 50,000 ke atas. Dengan peningkatan kawasan perumahan, saya yakin insyaAllah, hasrat warga Bandar Baharu untuk mendapatkan hospital ni akan dapat dilaksanakan. Walaupun kalau sekiranya ada inisiatif daripada Jabatan Kesihatan dan sebagainya, Pengarah Kesihatan ada di sini. Kita dapat menaik tarafkan klinik yang sedia ada tu sebagai klinik untuk bersalinan mungkin ada peluang untuk kita nak memastikan bahawa warga Bandar Baharu yang lahir, yang berada di Bandar Baharu ataupun di Negeri Kedah ini dapat menjadi warga ataupun dapat status 02.

YB. Tuan Speaker, warga Bandar Baharu, kerana kekurangan kawasan industri ni tak ada langsung kawasan industri ni mereka bekerja di mana? Mereka bekerja di Kulim, mereka bekerja di Parit Buntar, mereka bekerja di Pulau Pinang. Berulang-alik hanya Bandar Baharu ni dijadikan tempat untuk mendiami, tempat untuk balik selepas penat bekerja dan mereka juga berbelanja di mana? Mereka juga berbelanja bukan di kawasan Bandar Baharu. Mereka belanja di luar kawasan Bandar Baharu. Mereka belanja di Parit Buntar, mereka belanja di Kulim dan juga di Pulau Pinang dan ada juga yang berbelanja di Taiping. Jadi makna kata, pembangunan Bandar Baharu ni perlu dititikberatkan. Saya melihat idea ataupun titah daripada Tuanku ini sebagai satu usaha untuk menggalakkan lagi ekonomi Negeri Kedah ini di mana sasaran, rezab negeri ni kita sasarkan pada tahun-tahun yang akan datang. Tahun ni kita dapat RM600 juta dan sasaran kita RM1 billion ini, kita akan capai dengan lebih cepat kalau sekiranya Bandar Baharu ni diangkat sebagai satu bandar industri yang yang baharu.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang hormati sekalian, kawasan yang ada dan tersedia ada sekarang ni lebih kurang dalam 600 hektar dan mungkin boleh diusahakan supaya digezetkan ataupun diambil alih oleh kerajaan negeri supaya kita dapat membina. Saya mengajak dan mengalu-alukan YB. Jitra untuk melawat kawasan Bandar Baharu, melihat dan meninjau kawasan yang sesuai untuk kita bangunkan, insyaAllah. Sebelum pergi ke Shenzhen ka ke mana ka, insyaAllah mari Bandar Baharu dulu.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, saya yakin dengan inisiatif dan juga saranan titah daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku ini dapat kita memberi satu galakan ataupun tekanan kepada Kerajaan Pusat untuk membina Lebuhraya Koridor Utara (Northern Corridor Highway) yang dalam perancangan sekarang ni saya tak tahu di mana masalahnya yang masih belum dapat direalisasikan, dilaksanakan lagi. Dan saya yakin kalau sekiranya lebuh raya ni dilaksanakan dengan baik, insyaAllah tidak ada masalah untuk kita bangunkan

Bandar Baharu ini. Dengan infra-infra yang ada, dengan bekalan air yang ada, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak YB. Kuala Nerang khususnya yang bertungkus-lumus memastikan bahawa Logi Air Lubok Buntar ni dapat disiapkan. Alhamdulillah siap dah, cuma nak tunggu pelancaran saja, InsyaAllah. Terima kasih banyak kepada YB. Kuala Nerang yang sentiasa memantau perkembangan ni dan Alhamdulillah boleh dikatakan hampir 100% kawasan Bandar Baharu ni dilengkapi dengan bekalan-bekalan air, insyaAllah. Dan saya rasa bukan satu masalah kepada kawasan Bandar Baharu ni untuk kita dapatkan bekalan air untuk masyarakat dan juga untuk kawasan industri ini.

Tuan-tuan yang saya hormati sekalian dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mencadangkan dengan infrastruktur yang ada, dengan meningkatkan lagi jaringan jalan raya yang ada, suka saya nak menamakan ataupun mencadangkan sekali lagi di sini bahawa mengambil sempena nama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah, kawasan ini dinamakan sebagai Koridor Industri Sultan Sallehuddin (KISS). InsyaAllah, mudah-mudahan perkara ini dapat dilaksanakan dengan baik.

Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai akhir, minit-minit akhir ni, saya juga melihat dalam ucapan pembukaan semalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan menzahirkan penghargaan kepada pihak yang menghulurkan khidmat membantu mangsa banjir pada tahun lalu dan saya merakamkan jutaan terima kasih dan taniah kepada sukarelawan diantaranya seperti Jabatan Amal Malaysia dan juga Sukarelawan Khidmat Malaysia yang mereka ini tidak diundang, tapi saya melihat pengalaman saya bersama mereka ini, mereka merancang, menyusun, mengatur bagaimana untuk menyelamatkan mangsa-mangsa banjir ini sehingga mereka ini bukan hanya sekadar menghabiskan wang ringgit mereka juga masa mereka, waktu malam mereka, waktu subuh mereka, dengan persiapan makanan, dengan persiapan bantuan-bantuan pemindahan, dengan bantuan makanan dan sebagainya. Ini di antara pengorbanan yang dilakukan oleh sukarelawan ini dan bahkan mereka ini membantu, tak kira latar belakang ekonomi, tak kira latar belakang keluarga, kaum, bangsa, termasuk juga latar belakang politik, mereka turut membantu mangsa-mangsa banjir ni.

Oleh sebab itulah saya sarankan agar satu insentif dikeluarkan oleh kerajaan negeri sama ada melalui EXCO ataupun mana-mana portfolio yang sesuai untuk kita memberikan insentif kepada mereka ini agar mereka ini dapat berkhidmat dengan baik pada masa yang akan datang. Tuan-tuan, saya dapat maklumat daripada Sukarelawan Khidmat Malaysia ni, berapa jumlah yang mereka keluarkan, berapa jumlah wang ringgit yang mereka korbankan untuk membantu bangsa-bangsa banjir ini.

Sepanjang tahun lalu, hampir setengah juta mereka gunakan untuk membantu mangsa-mangsa banjir ni. Oleh sebab itulah, wajar bagi kita dari pihak kerajaan negeri ini membantu mereka ini untuk memperkemaskan organisasi dan juga melengkapkan kemudahan-kemudahan mereka ini bagi mereka membantu kalau sekiranya berlaku banjir yang akan datang ini. Tuan-tuan, sebagai akhirnya, saya mengambil kesempatan ini … (YB. Tokai mencelah)

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

YB. Bandar Baharu…

YB. TS. DR. MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF

Ya, saya.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Tunggu sampai pukul 1.00 la. Sebelum YB. Bandar Baharu mengundurkan diri, kita juga merakamkanlah ucapan terima kasih kepada YAB. Menteri Besar dan juga Kerajaan Negeri Kedah yang telah memberi bantuan RM500 kepada mangsa-mangsa banjir sebelum Aidilfitri baru-baru ni. Ramai di antara mangsa-mangsa banjir yang mendapat faedah hasil daripada pemberian ini dan ini meringankan sedikitlah bebanan mereka menyambut Aidilfitri yang lepas ini.

Jadi, ucapan terima kasih kepada YAB. Menteri Besar dan juga kerajaan negeri serta pegawai kewangan yang telah bermurah hati mengeluarkan dana untuk bantuan kepada mangsa-mangsa banjir ini. Dan syor yang dikemukakan oleh YB. Bandar Baharu ni, saya rasa perlu kita memberi sokongan juga lah kepada NGO yang telah menyumbang tenaga, wang ringgit dan juga masa serta mengabaikan kebajikan rumah mereka untuk memberi kebajikan kepada mangsa-mangsa banjir di penempatan PPS (Pusat Pemindahan Sementara) yang berlaku pada akhir tahun lepas ni. Tahniah kepada YB. Bandar Baharu atas syor tersebut. Terima kasih kepada YB. Tuan Speaker. InsyaAllah Dato'.

YB. TUAN SPEAKER

Boleh! Okay, teruskan. Ada 1 minit lagi.

YB. TS. DR. MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF

Ok. Terima kasih YB. Tuan Speaker. Saya dengan ini mengambil kesempatan dengan penuh takzim menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah yang telah menyampaikan ucapan sempena pembukaan rasmi Sidang Dewan Undangan Negeri Kedah semalam atas nasihat, saranan dan juga teguran kepada kita bersama. Mudah-mudahan semua saranan, teguran dan nasihat ini akan dapat diambil iktibar oleh kita sepanjang menjalani tugas sebagai wakil rakyat dan juga tanggungjawab di Negeri Kedah ni. Wallahu ‘alam.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih kepada YB. Bandar Baharu. Dewan ditangguhkan pada jam 1:00 tengahari dan akan disambung semula pada jam 2:30 petang.

[Sidang Dewan ditangguh pada jam 1:00 petang]

[Sidang Dewan disambung semula pada jam 2:30 petang]

YB. TUAN SPEAKER

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat petang. Dimaklumkan kepada semua oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, pada petang ini Dewan Undangan Negeri ada menerima pelawat daripada Universiti Utara Malaysia (UUM) seramai 44 orang. Selamat datang diucapkan kepada semua.

Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, Dewan disambung semula dan dihoskan dengan sambungan perbahasan Usul Titah Ucapan Menjunjung Kasih Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Dipersilakan, YB. Kota Darul Aman.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Selamat petang, Salam Malaysia Madani dan Salam Perpaduan. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Negeri dan Persekutuan, Hadirin yang dihormati sekalian. Selamat Hari Raya Aidilfitri diucapkan kepada rakan-rakan semua dan Maaf Zahir dan Batin. Terima kasih atas peluang yang diberikan untuk turut serta dalam Perbahasan Titah Ucapan Perasmian Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Al-Amirul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, izinkan saya mulakan dengan serangkap pantun.

Alor Setar Ibu Negeri Tercinta,
Warisan Sejarah Jadi Kebanggaan,
Budaya Hidup Tenang Sentiasa,
Perpaduan Rakyat Tegur Bertahan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, titah baginda jelas mencerminkan kebijaksanaan dan keprihatinan terhadap urus tadbir negeri dan kesejahteraan rakyat. Maka jadi tanggungjawab kita untuk menyambut titah ini dengan perbahasan yang membina. Saya merakam tahniah kepada Kerajaan Negeri Kedah atas kejayaan menarik pelaburan sebanyak RM45.8 billion pada tahun 2024, meletakkan Kedah Negeri Keempat di Malaysia. Ini tidak mungkin tercapai tanpa kerjasama erat dengan Kerajaan Persekutuan, khususnya Yang Amat Perdana Menteri yang giat menarik pelabur dari seluruh dunia MITI, MIDA dan agensi yang berkaitan. Namun begitu, peningkatan pelaburan ini hanya mencatatkan pertumbuhan 6% berbanding dengan tahun sebelumnya, masih belum mencapai sasaran 8% setahun seperti yang digariskan dalam gagasan *The Greater Kedah.*

Usaha yang lebih gigih perlu dilaksanakan bagi mencapai sasaran 8% dan kita nampak sebahagian besar pelaburan ini hanya tertumpu di Kulim Hi-Tech Park yang akan menyebabkan ketidakseimbangan pembangunan dari segi wilayah. Yang Berhormat Tuan Speaker, Alor Setar sebagai negeri, ibu negeri kian terpinggir dari segi pembangunan industri, peluang pekerjaan bernilai tinggi, berkurang anak muda berhijrah dan ekonomi tempatan menjadi semakin perlahan. Contohnya, Syarikat Continental kekal sebagai satu-satunya pemain industri besar sejak tahun 1979. Cadangan saya adalah Kerajaan negeri mewujudkan Dun industri baharu ini sekitar Alor Setar. Khususnya untuk teknologi hijau dan ekonomi digital. Kajian kaji semula plan strategik Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) 2024 hingga 2028 agar Alor Setar kembali menjadi hub ekonomi dan bukannya hanya sebagai pusat pentadbiran.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana kita tahu bahawa dari segi infrastruktur kita dan juga pengangkutan kita, kita bergantung kepada kenderaan sendiri dan melalui program Transformasi perkhidmatan bas berhenti-henti ataupun dipanggil *Stage Bus Service Transformation (SBST)* yang merupakan inisiatif Kerajaan Persekutuan untuk menambah baik perkhidmatan bas dari aspek kemampanan, keboleh harapan dan meningkatkan pembangunan pengangkutan awam dan pada tahun ini bulan 5, rangkaian Kota Setar akan meliputi 13 laluan yang akan pergi ke Jitra, Kuala Nerang, Kuala Kedah, Pendang dan Sungai Petani. Laluan ini akan menghubungkan kawasan pendalaman seperti kampung dan taman perumahan ke kawasan tumpuan penduduk seperti kemudahan awam, pusat membeli belah, Lapangan terbang Sultan Abdul Halim dan sebagainya dan akan ada 48 buah bas akan diadakan dan saya rasa ini merupakan satu inisiatif yang dapat meringankan beban rakyat kita. Jadi memang kita nampak usaha dari segi Kerajaan Persekutuan memang ada dan sangat prihatin terhadap Negeri Kedah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Pada tahun 2020…

YB. ENCIK ABDUL GHAFAR BIN SAAD

YB. Kota Darul Aman, boleh...?

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Tak bagi celah haha

YB. ENCIK ABDUL GHAFAR BIN SAAD

Ha?

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Tak bagi celah!

YB. ENCIK ABDUL GHAFAR BIN SAAD

Seminit pun tak bagi.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Tak bagi!

YB. TUAN SPEAKER

Dia tak bagi lah, Silakan YB. Kota Darul Aman.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Pada tahun…

YB. ENCIK ABDUL GHAFAR BIN SAAD

Sekejap ja, YB. Kota Darul Aman.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Tak bagi, tak bagi!

YB. ENCIK ABDUL GHAFAR BIN SAAD

Sebab tadi YB. Kota Darul Aman ada menyentuh tentang kerjasama erat antara persekutuan dan negeri.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Tak bagi YB. Tuan Speaker!

YB. ENCIK ABDUL GHAFAR BIN SAAD

Jadi saya mohon supaya persekutuan mempercepatkan segala proses yang dipohon oleh kerajaan negeri, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Ok, YB. Kota Darul Aman!

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Ok terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Pada tahun 2022, kerajaan negeri menetapkan dan mengumumkan sasaran untuk menurunkan kadar NRW daripada 49% kepada 25% dalam tempoh 15 tahun dengan kos RM670 juta melalui kerjasama swasta. 2 tahun dah berlalu dan data menunjukkan NRW tidak turun malah naik, Kedah nampak sekarang NRW tahun lepas 51.07% dan saya mohon penjelasan mengenai status pelaksanaan inisiatif ini sama ada sasaran masih realistik dan status penyertaan pelabur swasta. Masalah NRW memang memberi kesan besar kepada bekalan air dan kesejahteraan rakyat, maka pemantauan berterusan dan ketelusan pelaksanaan amat penting. Kita tidak mahu inisiatif ini sekadar diumumkan tanpa hasil ataupun lambat seperti projek naik taraf 5 Logi Rawatan Air yang masih belum membuahkan impak.

Pengumuman tanpa pelaksanaan berkesan hanya menafikan hak rakyat untuk mendapat bekalan air bersih dan berterusan. Yang Berhormat Tuan Speaker, bermula 1 September 2024, pencaruman di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) diwajibkan untuk semua penjaja dan perniaga berlesen. Saya menyokong penuh dasar ini, Namun saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri menjadikan pencaruman SKSPS sebagai syarat mandatori pembaharuan lesen di peringkat PBT dan laksanakan kempen kesedaran berskala besar agar golongan peniaga benar-benar memahami dan memanfaatkan skim ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Saya merakamkan penghargaan kepada Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) atas penswastaan ataupun meletakkan pengurusan pokok kelapa sawit di sekitar Alor Star Mall ataupun kawasan Perindustrian Tandop yang sekaligus menyelesaikan aduan tertunggak penyelenggaraan pokok-pokok tersebut hampir 3 tahun. Langkah ini wajar dipuji dan dicadangkan untuk diperluaskan dalam titah Sultan, kita nampak program penanaman 2 juta pokok, saya ingin mencadangkan agar tanah-tanah kosong PBT dimanfaatkan bersama sektor swasta untuk penanaman pokok bernilai tinggi dan kita bukan hanya nak terbang pokok seperti yang tadi YB. Bayu, kita nak tanam semula pokok dan PBT saya ingin cadangkan penanaman semula dan penyelenggaraan pokok dikendalikan oleh pihak swasta bagi menjana pendapatan…

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Bagi laluan sikit YB. Kota Darul Aman sebab dia sentuh Bayu tadi, saya nak sentuh balik lah.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Dan menyokong agenda hijau.

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Saya nak sentuh bolehkah, boleh?

YB. TUAN SPEAKER

YB. Bayu, YB. bagi laluan dak YB.?

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Boleh tambah masa sikit ka?

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Bagilah dah tadi you sentuh, YB. Kota Darul Aman sentuh.

YB. TUAN SPEAKER

Boleh. Silakan YB. Bayu.

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Sebenarnya cadangan daripada Bayu ni bukan untuk nak terbang pokok, yang berisiko, pokok yang berisiko. Jadi kami di kampung ni seloknya benih -benih ni kami dah buat, dah tanam di kampung-kampung banyak. Kita terbang pokok yang berisiko dan kita tanam untuk Menyahut Titah Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Dah tanam pun, dah tanam pun. Okey, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih, YB. Kota Darul Aman.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Terima kasih YB. Bayu. Boleh kita minta Bayu tanam lepas tu jual kepada MBAS, MBAS tanam banyak lagi. Tanpa pelan penanaman semula yang agresif, Alor Setar berisiko mengalami peningkatan suhu dan ketidakseimbangan ekologi bandar. Jadi pemulihan hijau wajar dijadikan sebagai dasar keutamaan. Kemudiannya YB. Tuan Speaker, bencana banjir kilat yang kini kerap berlaku di sekitar bandaraya Alor Setar khususnya apabila hujan lebat turun dalam tempoh yang singkat. Datuk Bandar sendiri telah turun tengok keadaan banjir di beberapa tempat sebaik saja dilantik bertugas. Yang ni merupakan satu yang sangat baik dan perlu dipuji.

Antara punca utama adalah sistem pemparitan yang tidak diselenggara secara bekala, terutamanya longkang dan parit yang bersambung dengan Sungai Kedah dan Sungai Anak Bukit. Keadaan ini diburukkan lagi dengan longkang yang usang, rosak dan tidak menepati spesifikasi semasa sekiranya kerja pembersihan dan pendalaman sungai tidak dilaksanakan secara bekala, risiko banjir kilat akan semakin meningkat. Lebih lagi dengan perubahan iklim yang semakin tidak menentu. Saya mencadangkan agar Pihak Kerajaan membuat kajian sediakan pelan naik taraf perparitan dan juga segerakan pembaikan dan naik taraf sistem perparitan di kawasan berisiko tinggi banjir kilat dan melaksanakan pembersihan dan pendalaman sungai secara bekala agar saliran utama berjalan lancar. Jika kita lihat di tepi sungai Anak Bukit iaitu bersebelahan dengan Muzium Negeri Kedah. Sungai itu semakin cetek dan saya percaya jika kita mendalamkannya maka banjir kilat boleh dikurangkan.

YB. TUAN SPEAKER

5 minit lagi.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Kerjasama antara PBT, JKR dan JPS perlu dikerapkan untuk menyemak semula jadual pembersihan longkang oleh Syarikat Konsesi seperti BDB dan juga THB. Tindakan ini amat penting untuk mengurangkan risiko banjir kilat dan memastikan keselamatan serta kesejahteraan penduduk Bandaraya Alor Setar. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya memohon agar bahagian perumahan negeri memberi perhatian terhadap isu lampu koridor dan lampu jalan yang tidak berfungsi, khususnya di flat-flat sekitar Kota Darul Aman.

Semalam saya menerima laporan bahawa lampu-lampu jalan ataupun koridor di Flat Simpang Kuala dan Flat Tongkang Yard tidak menyala menyebabkan kawasan gelap dan membimbangkan penduduk. Situasi ini telah menjejaskan keselamatan, terutamanya bagi warga emas dan lebih lagi aduan yang dikemukakan sejak sekian lama masih belum ambil tindakan. Jadi saya berharap Exco Kuala Ketil mengambil pendekatan untuk membaiki tersebut dan selain itu, saya juga ingin mencadangkan agar pasar malam Pekan Simbang Kuala diwujudkan semula sebagai langkah untuk merancakkan semula ekonomi tempatan pada waktu malam. Pasar malam bukan saja membantu meningkatkan pendapatan perniaga kecil lalah menghidupkan suasana komuniti dan menyumbang kepada aktiviti ekonomi setempat yang lebih aktif dan inklusif dan mohon Pihak Berkuasa Tempatan mempertimbangkan perkara ini dan menjalankan perbincangan bersama perniaga-peniaga kecil dan penduduk tempatan bagi memastikan perlaksananya berjalan lancar dan memberi manfaat kepada semua pihak dan satu lagi yang saya ingin menekankan.

Sejak kebelakangan ini saya menerima banyak aduan berkaitan penyewaan premis oleh tuan rumah kepada penyewa yang disyaki terlibat dalam kecurian elektrik. Kes ini melibatkan kerugian sehingga RM800 ribu hingga RM1 juta bagi satu rumah bukan banyak rumah, bagi satu rumah akibat gangguan dan pengubahsuaian berpasangan meter milik TNB dan ini dipercaya untuk aktiviti perlombongan *Bitcoin* secara haram dan apa yang lebih mengejutkan, sewa bulanan yang mereka berikan hanya RM500 hingga RM700 saja tapi apabila TNB menuntut kerugian itu ia mencecah jutaan ringgit bagi satu premis. Jadi Kedah dilaporkan antara negeri tertinggi merekodkan kes seumpama ini,

Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan Kerajaan Negeri apakah langkah penguasaan ataupun pemantauan yang sedang dan akan diambil oleh Pihak Kerajaan untuk mengekang Sindiket *Bitcoin* haram ini. Apakah kempen kesedaran yang dirancang oleh agar pemilik rumah lebih berhati-hati sebelum menyewakan premis kepada individu dan apakah mekanisme pemantauan oleh pihak TNB, memandangkan bil RM400 atau RM500 ataupun kita hutang RM100 pun TNB boleh bagi kita tindakan tetapi kerugian berjuta-juta tidak pula diberi pemakluman yang lebih awal.

YB. TUAN SPEAKER

1 minit lagi YB, 1 minit.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Saya, saya mengesah satu sistem amaran awal dan mekanisme audit pengurusan penggunaan elektrik yang lebih proaktif dilaksanakan bagi mencegah kerugian besar kepada negeri dan juga memastikan penyewa tidak menghadapi tuntutan mahkamah dan akhir sekali, saya dimaklumkan bahawa isyarat jawatankuasa khas tempatan keagamaan dan perkuburan bukan islam bilangan 1 telah diadakan baru-baru ini, maka saya ingin mengambil kesempatan Ini untuk memohon penjelasan tentang pemohonan pembinaan Kuil Sri Veeramakaliamman yang terletak di Tongkang yard Alor Setar, Kedah dan akhir sekali, segala isu yang dibangkitkan ini bukan hanya mencerminkan permasalahan setempat, tetapi turut mengambarkan kabaran besar yang akan kita hadapi bersama. Maka saya menyeru kerjasama semua pihak untuk sama-sama kita lihat teliti isu-isu ini dan juga kita sama-sama bergerak ke arah memajukan negeri tercinta ini. Akhir sekali, saya menjunjung kasih Titah Ucapan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Negeri Kedah. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat Kota Darul Aman. Dipersilakan Yang Berhormat Kota SiPuteh.

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

Auzubillah Minashaitan Nirajeem, Bismillahirrahmanirahim. Rabish Rahli Sadri Wa Yassirli Amri Wah Lul Uqdatan Min Lisaani, Yaf Kahu Kauli. Ammaba'.

Terima kasih Yang Berhormat Speaker, Yang dikasihi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah, Barisan EXCO dan Adun Kedah Sejahtera. Yang dirahmati Allah S.W.T sekalian. Sebegitu buat para Pendiri Kedah, pada Penjawat Awam Negeri Kedah, tak lupa juga para Penjawat Awam Persekutuan. Yang Dikasihi, Assalamualaikum dan Salam Sejahtera. Selamat Hari Raya, baik ini cerita dia Yang Berhormat Speaker, text sebenarnya tak sedia ni, ni kira pertama kali la ni nak ronggeng senang cerita la noh, kira asal boleh la noh, insyAllah.

Merafak sembah ke atas kemuliaan, merafak sembah ke atas kemuliaan Ke Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku Sultan Kedah Al-Amirul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah kerana perkenan Baginda selaku simbol Tunjang keagungan islam dan masyhur persada Negeri tercinta Kedah Darul Aman yang bertuah ini. Tuanku Sultan dengan ini telah bertitah pada Adat Istiadat Perasmian Pembukaan Sidang Dun Kedah bagi mesyuarat pertama penggal ketiga dengan mengetengahkan beberapa intipati anjuran buat segenap pendiri ranah keramat ini.

Antara yang dapat dianjurkan dari Titah Tuanku, antara apa yang dapat diunjurkan dari Titah Tuanku, Baginda telah menyentuh selain aspek kusyumulan Islam iaitu perihal kepentingan membela kesejahteraan rakyat, kelestarian alam, sebegitu agenda pembanggunan kemajuan ekonomi dan rakyat yang wajar diberi perhatian oleh segenap pendiri dalam Negeri Kedah. Namun begitu Yang Berhormat Speaker, saya nak terus sentuh bab yang penting kerana bab yang kita nak sentuh ni adalah bab padi.

Saya ni mungkin beberapa dini hari inilah orang duk tengok kita ni memang duk cakap pasal isu padi. Pasal isu padi ni begitu dekat dengan saya kerana apa, kalau dinilai dalam seluruh Negeri Kedah ni, kami ni di daerah Kubang Pasu, kalau kita ikut daripada segi keluasan. Anggaran keluasan sawah per hektar. Kubang Pasu ni adalah antara yang tertinggi keluasannya kerana apa, kita ni boleh dikatakan yang kedua terluas dalam seluruh Negeri Kedah dengan keluasan kira-kira 15 ribu hektar. Keluasan padi dalam di Kubang Pasu. Dan antara penyumbang pula yang paling luas dalam bab padi ni, selain daripada Ayer Hitam dalam Negeri Kedah ni adalah di Kota Siputeh juga. Maka sebagai jelapang antara yang terluas dalam negeri ni, ramai orang-orang susah kerana petani ni adalah orang susah. Tapi malangnya orang-orang susah yang dianggap sebagai pemalas. Sedangkan mereka mangkit tiap-tiap hari, mangkit pagi, pergi turun ke bendang, tak kira ada ular ka ada apakah.

Mereka sanggup turun membanting tulang demi nak cari kehidupan mereka sendiri. Tapi diperlekehkan. Kata malas. Kata meminta-minta. Kata mohon. Tapi Tuan Yang Berhormat Speaker, cerita dia bukan kita mohon. Cerita dia orang yang berjanji. Saya ambil contoh dekat sini. Bak kata orang lah, dulu ada satu ketika kita duk kata ke orang janji dicapati, janji dicapati. Tapi pepatah Melayu kata apa dia? "Melata Dulang Paku Serpih, Kata Orang Depa Hat Lebih".

Maka dijanjikanlah kepada pak tani. Ini nak ambil satu contoh, dijanjikan pak tani kononnya nak beri, nak beri satu insentif yang mana kita tanyakan kepada Menteri sendiri. Iaitu masuklah dalam satu pertemuan yang tak jemput YB. Ayer Hitam tu. Diumumkan bahawa hari ini kita nak bagi bantuan. 30 juta umumnya, umum 30 juta ni kerana nak ambik hati pak tani kerana kegagalan Pihak Kerajaan Persekutuan untuk naikkan harga belian padi yang dituntut oleh pak tani kepada sebanyak RM1800 ringgit per tan. Itu yang pak tani mahu. Tapi depa bagi RM1500. Maka nak redakan hati pak tani ni umumlah katanya apa dia ambik 30 juta nak bagi dekat pak tani, pesawah. Dan 30 juta ni janji nak bagi dekat nak bagi kepada pesawah, nak bagi kepada pak tani. Kemudiannya pada program sambutan di Ayer Hitam tu. Umum pulak kata daripada 30 juta tu tapi cara cakap tu macam tambah 15 juta.

Yang pak tani, pesawah ni duk rasa macam tambah 15 juta. Tapi sebenarnya ambik 15 juta daripada 30 juta tersebut. Nak bagi kepada pesawah kononnya sebelum Aidilfitri. Nak bagi sebelum Aidilfitri. Nak bagi pula kalau boleh kata kalau boleh dapat sebelum bulan Puasa Ramadhan. Tapi malangnya Yang Berhormat Speaker, janji dicapati. Apa yang dibuat tak dapat laksanakan. Kemudiannya maklum pulak sedangkan kita ada informasi, kita ada sumber-sumber yang mengatakan duit dah bagi. Tapi depa kata duit baru masuk 28 Ramadhan. Maka kemudian buat setelah kita tanya…

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Boleh mencelah sikit.

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

Setelah, setelah kita tanya izinkan saya jelaskan dulu sat ni saya bagi ruang. Setelah kita tanya bila nak bagi, bila nak bagi buatlah kenyataan kononnya akan bagi pada pertengahan bulan ni raya ni. Cerita dia hari ni Yang Berhormat Tuan Speaker. Dia bukan nak kata tengah, dah nak mai ke tepi dah ni. Pesawah duk maklum kat kita tak sampai ni. Contohnya dia cakap, kata nak bagi sekian-sekian tapi tak dapat. tak dapat dapat lagi. Sampai ke hari ni dah masuk 20 lebih hari bulan dah. Ya silakan…

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Sidam.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan juga terima kasih Kota Siputeh. Jadi saya nak nak tanya sikitlah kot-kot kita ada penjelasan. Di mana daripada RM1200 dah dinaikkan kepada RM1500 harga padi. Tapi memanglah kalau kita ingat memang tak cukup, tetapi persoalan saya ialah semasa 33 bulan itu tidak ada kenaikan langsung. Jadi ini rasanya …

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

Mai saya terang.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Perlu ada ada sikit jawapan.

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

Takpa mai saya terang, boleh terang.

YB. TUAN SPEAKER

Okey Kota Siputeh.

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

Cerita dia kat sini dengan mudahnya. Pada ketika itu diesel tak naik. Petani tak pernah ada isu hilang beras. Petani kita tak pernah ada, saya nak tanya kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Ada tak kita pernah dengar kisah hilang beras? Pernah dengar Ketua Pembangkang? Kita tak pernah dengar. Kita tak pernah dengar bahawa kesan yang mana bagi kenaikan harga diesel. Yang lawaknya ramai pula mai buat palatau, buat pandai. Depa kata apa dia? Bila kata bagi diesel ni tak pakai. Dekat pak tani, pesawah tak pakai awak dia curah diesel ke dekat bendang? “La Hawla Wa La Quwwata Illa Billah”.

Hari ini segala ekosistem sama ada proses yang mana terkait dengan padi itu menggunakan diesel sebagai faktor sumber utamanya dan perlu diingatkan bahawa agri budi madani dan sebagainya ni tak termaktub di bawah yang mana ekosistem pak tani ni. Pak tani tak dapat dan kalau kita nak cakap berapa banyak orang kata diumumkan bahawa ada banyak subsidi yang diberikan kepada pesawah. Hakikatnya kalau saya nak bacakan ini senarai dia.

Skim baja Kerajaan Pesekutuan dapat kepada vendor. Ha? Petani dapat baja tapi vendor sebenarnya skim itu subsidi bagi kepada vendor. Skim insentif pengeluaran padi iaitu racun-racun bagi kepada vendor. Skim benih padi sah bagi kepada vendor. Insentif pembajakan ini kepada vendor. Subsidi harga padi, ini adalah kepada petani hanya 5% per kilo. Alaun tunggu tuai, ini juga kepada Petani RM600 untuk 3 bulan sahaja. Maka kalau tengok nak cakap tentang subsidi yang pelbagai ni sebenarnya bukan sampai kat tangan pak tani pun yang sampai nak kata pak tani. Pak tani meminta sangat ni. Cerita dia dalam perkataan 30 juta ni orang dah anggap macam 30 juta ni banyak sangat. Pak tani ada 200 ribu orang. 30 juta bahagikan 200 ribu orang. Kalau nak bagi 15 juta, 70. 15 juta tu seorang RM75 ringgit saja kot. Itu pun tak boleh lagi bagi. Itu jangan kata tentang perihal tu saja. Saya bercakap ni sebenarnya, kita berasa keluh kesah kita ni jadi heran. Kita tulis surat. Saya tulis surat kepada Kementerian ni contoh surat saya kepada Yang Berhormat Datuk Seri Haji Muhammad Sabu.

YB. TUAN SPEAKER

5 minit.

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

10 Disember. Eh panjang lagi nak sembang ni.

YB. TUAN SPEAKER

5 minit lagi.

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

10 Disember saya tulis saya tanya berkenaan dengan nak batal musim. Tak ada respon. Tak ada respon berkenaan kita tanya nak mohon batal musim sebab pak tani Kedah ni 4 kali dah bila kena banjir hari itu 3 kali banjir maksudnya apa dia? 4 kali kita turun bendang. Subsidi baja kita hanya dapat sekali saja. Pak tani dah tak larat. Orang mai teriak. Orang teriak kata Acap tak boleh dah nak buat ni bendang, Maklong tak larat. Petani dalam negeri Kedah ni lebih pada 60% pak tani Kedah ni usia dari atas 60 tahun 60%. Apa inisiatif Kerajaan juga nak bawa tak bawa balik petani-petani muda? Kalau harga belian padi harga RM1500 dengan tak bemaruah ni mana ada petani muda nak balik buat kerja padi? Mana ada petani muda nak balik buat kerja bendang? Maka dekat sini kita tanya pula dekat sini. Kita tanya hantar surat. Hantar surat kepada YB. Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu baru-baru ni bertarikh 6 April 2025.

Saya bagi tempoh 10 hari. Saya bagi tempoh 10 hari untuk nak respon ada janji yang nak dilaksanakan. Kita tulis surat. Tapi bila tulis surat tak respon apa nak kena turun setiap kali nak kena cakap kat Media, nak kena buat TikTok. Apa punya level *professionalism* lah sebuah Kerajaan macam ni. Tak profesional langsung. Maka kita tulis surat, kita tanya janji. Janji apa dia? Ni janji pekeliling keluar daripada 11 Jun. 11 Jun tahun 2024. 11 Jun 2024 mengumumkan kepada masyarakat umum kepada pak tani ni umumlah kata 11 Jun bahawa kita buat satu insentif baru kepada pesawah. Kita buat insentif baru iaitu memperkenalkan insentif menuai yang sebanyak kita bagi RM50 ringgit per hektar. Kemudiannya dalam insentif sedia ada RM100 ringgit per hektar iaitu untuk insentif membajak kita tambah pula RM60 ringgit lagi menjadikan keseruhan total iaitu RM210 ringgit untuk setiap per hektar. Bayangkan segala apa yang dijanjikan ni satu patah haram pun tak laksana. Dah mai masuk dah 2 musim daripada 11 Jun lagi 2 bulan lagi kita dah nak masuk setahun diumumkan dalam belanjawan bajet 2025 tapi satu apa pun tak terlaksana. Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

YB. sila landing YB, 3 minit lagi.

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

Ya! Yang Berhormat Tuan Speaker. Kita nak maklum dekat sini. Kita banyak ni dengan syor-syor semua ada ni. Kan? Sebab kita syor dekat Menteri, Menteri pun tak tahu baca ke tak?

YB. TUAN SPEAKER

Rumus, rumus sekali.

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

Baik. Maka dekat sini Yang Berhormat Speaker. Bila macam itu banyak lagi isu berkenaan dengan pak tani ni. Tadi yang tak diberikan yang katanya nak bagi kepada pesawah tak sampai. Kemudiannya kita ada satu lagi masalah. Tadi depa umumkan Yang Berhormat Ayer Hitam. Cerita berkenaan dengan pertanyaan soalan daripada Yang Berhormat Ayer Hitam.

Yang masuk juga dalam pertanyaan bertulis iaitu berkenaan dengan 3 bilion yang diumumkan pada belanjawan 2024 dari Kerajaan Pesekutuan. Kemudiannya daripada 3 bilion itu dah jadi 1 bilion pula masuk belanjawan 2025 depa duk canang. Padahal yang 2024 belanjawan itu satu haram pun macam saya kata minta maaf dengan izin satu apa pun tak dilaksanakan. Maka dekat sini, kemudiannya yang tu pun tak boleh terlaksana.

Yang lebih menyedihkan bab kebajikan pesawah ni contohnya nak cuci cuci tali air ni. Sembang kita nak buat penanaman padi 5 musim untuk 2 tahun. Sembang kita cakap kepentingan untuk nak meningkatkan *yield*. Sembang cakap ni pak tani hat tua-tua ni pun pilah turun buat bendang. Anak muda ni pun usaha la, kerah nak turun. Tapi hakikatnya macam mana nak telaksana. Cuci-cuci tali air ni pun janji kata nak buat daripada berapa tahun tak selesai-selesai. Tulis surat. Tak buat. Apa tak buat. Macam mana nak buat?

Kemudiannya, diumumkan pula kata yang sepatutnya dicuci 4 kali setahun yang Berhormat Speaker. 4 kali dalam tempoh setahun hari ni yang dah kembali kepada 2 kali 1 tahun seperti zaman Covid-19. Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

1 minit

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

Sikit lagi.

YB. TUAN SPEAKER

Seminit ja.

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

Yang Berhormat Tuan Speaker. Dari 4 kali dah jadi 2 kali. Tapi kita sembang teroka keluar duit Kerajaan sampai berjuta-juta keluar duit kononnya cari pelaburan. Sembang balik dapat untung kononnya berbilion-bilion kita dapat untung. Tapi mana bilion ni yang dapat manfaat kepada masyarakat? Kemana pun akhirnya yang ditarik subsidi, yang ditariknya petrol, yang ditariknya akhirnya apa dia? Tarif elektrik akan naik. Yang Berhormat Tuan Speaker nanti bila petrol ni nanti...

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Yang Berhormat Tuan Speaker...

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

Masa dah tak ada boleh duduk. Kan?

YB. TUAN SPEAKER

Tak bagi YB.

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

Bila nanti kita petrol ni kalau kita cakap, subsidi ditarik apa ekosistem petani ni tak terkacau lagikah? Bila tarif elektrik naik, karan naik bulan 7 ni. Apa akan jadi kepada pak tani? Beras adakah akan hilang kembali? Apa kita ingat pak tani ni buat padi ni kisar macam tu sahajakah? Pakai manding tulang.

YB. TUAN SPEAKER

Okey masa sudah cukup YB.

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

Maka kerana itulah kita harap Kerajaan Persekutan tolonglah nilai kita ada banyak lagi sebenarnya kalau boleh nak cakap tentang syor-syor ni. Tak apa kita akan teruskan bersuara demi nasib pak tani, demi maslahat kawasan dan inilah Kerajaan Negeri Kedah kita akan terus membela nasib orang susah. Insyaallah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih, Kota Siputeh.

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

Menyokong Titah Tuanku.

YB. TUAN SPEAKER

Ya, terima kasih Yang Berhormat Kota Siputeh dan selanjutnya Yang Berhormat Kuah. Dipersilakan YB.

YB. ENCIK AMAR PARED BIN MAHAMUD

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum dan salam Adilfitri, Maaf Zahir dan Batin. Memandangkan YB. Kota Siputeh dah mula dengan panas, saya kena saya YB. Kuah kena menyejukkan balik suasana Dewan. InsyaAllah. Masa yang diberikan adalah 15 minit. Saya cuba untuk ringkaskan dengan intipati yang penting saja.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Barisan YB. EXCO Gandingan Kedah, Ahli-ahli Yang Berhormat serta Ketua-ketua Jabatan, Ahli- ahli sekalian. Dengan penuh takzim, saya ingin saya menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mula Tuanku Sultan Kedah Darul Aman atas Titah Perasmian Tuanku yang penuh kebijaksanaan, yang penuh kebijaksanaan dan keprihatinan Tuanku terhadap kepentingan rakyat dan kemakmuran negeri.

Titah Tuanku menyentuh pelbagai aspek strategi daripada kesejahteraan rakyat, pasca bencana, pembangunan ekonomi yang mampan sehinggalah kepada pemuliharaan alam sekitar serta martabat agama.

Sebagai Wakil Rakyat Dun Kuah, saya menyambut baik Titah Tuanku Sultan, khususnya dalam menjayakan Tahun Melawat Kedah 2025. Membaiki sistem pengangkutan ke Langkawi dan memastikan kelestarian Langkawi sebagai pemata pelancongan Negara. Yang Berhormat Tuan Speaker, Langkawi dan Tahun Melawat Kedah 2025 serta Tahun Melawat Malaysia 2026. Tahun Melawat Kedah 2025 adalah platform yang penting untuk mengangkat imej negeri. Langkawi sebagai ikon pelancongan mestilah dipersiapkan dengan kemudahan bertaraf antarabangsa. Saya mencadangkan agar diwujudkan satu jawatankuasa pelaksanaan Tahun Melawat Kedah dan persiapan Tahun Melawat Malaysia 2026 peringkat Langkawi yang melibatkan semua pihak termasuklah Kerajaan Negeri, Lembaga Pembangunan Lada, Pemain Industri dan Wakil Rakyat jangan lupa Wakil Rakyat dan pemimpin masyarakat.

Dalam masa yang sama sebagai satu langkah persediaan Negeri Kedah untuk menyambut Tahun Melawat Malaysia 2026 kelak. Tuanku Sultan juga ada menyentuh berkaitan dengan pengangkutan Feri di Langkawi. Ianya mencerminkan wibawa negeri sebagaimana dititahkan oleh Tuanku Sultan. Jaringan pengangkutan khususnya ke Pulau Langkawi perlu diperkasakan. Feri merupakan nadi utama perhubungan antara Tanah Besar dan Pulau. Namun kebergantungan kepada satu *operator* Feri sahaja telah menimbulkan pelbagai masalah.

Yang Berhormat Tuan Speaker pun balik Langkawi setiap minggu. Yang Berhormat Tuan Speaker pun tahu bagaimana masalah di Langkawi. Termasuklah ketidaktentuan jadual Feri, tambang serta gangguan logistik semasa musim puncak iaitu musim cuti. Sudah tiba masanya Kerajaan negeri mengambil langkah tegas dan berani untuk mewujudkan syarikat Feri milik Kerajaan negeri yang boleh dikenali secara usaha sama dengan GS negeri dengan mandat untuk menawarkan perkhidmatan yang berdaya saing, selamat dan mampu milik.

Langkah ini bukan sahaja dapat memecah monopoli yang sedia ada malah meningkatkan mutu perkhidmatan serta membuka peluang pekerjaan yang baru. Di samping itu juga usaha serta perbincangan perlu dimulakan untuk mewujudkan laluan penerbangan Alor Setar ke Langkawi perlu dimulakan sebagai alternatif sebagai jaringan penghutang baru serta digitalisasi sistem tambahan perlu diutamakan agar selaras dengan imej pulau Langkawi sebagai pulau Antarabangsa bertaraf dunia. Tambahan juga, bagi menghargai jasa dan menjaga kebajikan Penjawat Awam dan swasta yang bertugas di Langkawi yang tidak memiliki IC dan alamat di Langkawi.

Saya juga ingin mencadangkan agar mereka diberikan keistimewaan harga tiket sama seperti penduduk Langkawi yang sedang di terima ketika ini. Yang Berhormat Tuan Speaker, masalah haiwan liar dan ternakan di Langkawi telah menjadi satu barah di dalam masyarakat Langkawi.

Tindakan tegas dan sistematik hendaklah diselaraskan. Isu haiwan liar seperti anjing terbiar, lembu, kerbau dan juga burung gagak yang kini semakin menjadi barah di Langkawi perlu dilihat. Perlu dilihat sebagai krisis kesejahteraan dan keselamatan awam. Haiwan-haiwan ini telah menyebabkan pelbagai kemalangan maut serta mencemarkan kawasan tumpuan pelancong. Saya mencadangkan agar dilaksanakan program pendaftaran haiwan ternakan dan maaf, program pendaftaran haiwan ternakan dan peliharaan yang wajib bagi semua pemilik haiwan. Setiap haiwan perlu didaftarkan dan diberi tanda pengenalan kekal. Mana-mana haiwan yang tidak berdaftar selepas tempoh yang ditetapkan, hendaklah dilupuskan secara berperingkat mengikut undang-undang. Operasi tangkapan bekala serta pemantauan ketat harus dilaksanakan. Saya juga ingin menyarankan agar Jabatan Veterinar dan juga Majlis Pembandaran Langkawi sebagai Pihak Berkuasa Tempatan diperkasakan.

Penegakkan undang-undang kecil PBT perlu diperkasakan sejajar dengan peruntukan dan kuasa yang lebih menyeluruh untuk menanggani isu ini dengan berkesan sebelum ada. Ada pelancong dan juga pelawat VVIP, Pak Menteri atau kerabat diraja yang akan menjadi mangsa haiwan liar ini terutama semasa pameran LIMA yang akan diadakan pada bulan hadapan. Yang Berhormat Tuan Speaker, kelestarian alam menyahut seruan Tuanku. Sebagaimana perintah Tuanku, saya mencadangkan Langkawi menjadikan prentis kepada projek agro-pelancongan lestari. Penanaman semula pokok endemik dan juga pembangunan taman eko-edukasi boleh dilakukan dengan penglibatan pelajar, pelancong dan juga komuniti.

Yang Berhormat Tuan Speaker, menyambut semangat Titah Tuanku, wakil rakyat mestilah berjiwa besar. Tuanku menzahirkan harapan agar wakil rakyat sama ada di Pihak Kerajaan atau juga Pembangkang mestilah berjiwa besar. Saya menyahut seruan ini dan menyeru agar ahli Dewan berpadu tanpa mengira latar politik demi memelihara rakyat dan negeri yang tercinta. Selain itu, isu sosial dan keharmonian komuniti Langkawi. Langkawi bukan hanya cantik pada lanskapnya tetapi harus harmoni dari segi segala sosial. Masalah sosial seperti masalah sosial dalam kelangan warga asing, belia, vandalisme yang memimbangkan. Saya mencadangkan agar pemerkasaan semula rukun tetangga, program Langkawi Harmoni dan penempatan pegawai, kaunselor komuniti bagi memupuk semangat muhibah dan kesedaran bersama. Sebagai contoh, di kawasan saya, Jawatankuasa Masjid Al-Ehsan Temonyong Langkawi bersama ahli kariah telah mewujudkan skim rondaan sukarela kariah Majid Temonyong di Langkawi.

Rondaan ini dia akan membuat rondaan di sekitar kariah mereka lah untuk mencegah daripada segala masalah sosial.

Yang Berhormat Tuan Speaker, isu sampah di Langkawi kini sedang berhadapan dengan ancaman nyata. Pengurusan sisa pepejal yang amat lemah. Isu insinerator yang sepatutnya berfungsi, masih gagal berfungsi telah setelah beberapa kali menerima lawatan Menteri dan juga Pegawai Tinggi. Jadi fahamkan hari ini insinerator itu telah berusia 10 tahun lebih, 10 tahun lah.

YB. TUAN SPEAKER

5 minit lagi habis.

YB. ENCIK AMAR PARED BIN MAHAMUD

Baik. Sudah tiba masanya Kerajaan negeri menesak secara tegas. Kerajaan Persekutuan khususnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk mempercepatkan fungsi penuh insinerator ini. Saya juga ingin mencadangkan agar audit bebas terhadap status insinerator, insentif penghasilan sisa dan juga kampen Langkawi Bersih, rakyat sejahtera secara berterusan. Kita tidak mahu mewarisi Pulau Langkawi kepada cucu-cucu kita, sebuah pulau yang dibelenggu oleh sampah dan kegagalan sistematik. Langkawi mesti diselamatkan bermula hari ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebagai penutup izinkan saya ingin menzahirkan iltizam untuk menjadi jabatan antara rakyat Dun Kuah Langkawi dengan Kerajaan Pusat dan juga negeri. Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua agensi dan jabatan Pertubuhan Bukan Kerajaan, Badan Sukarela dan juga para penggiat pelancongan di Langkawi yang sentiasa memberi kerjasama dan sokongan terbaik dalam memastikan kualiti sistem penyampaian serta pembangunan sosial ekonomi di Negeri Langkawi sentiasa meningkat dan maju. Saya menjunjung kasih atas Titah Tuanku yang sarat dengan panduan dan penuh kasih kepada negeri. Izinkan saya berpantun sikit. Pulau Langkawi, maaf.

Pulau Legenda Anugerah Ilahi,
Diwarnai Nyata Alam, Sejarah Dan Budaya,
Dengan Semangat Dan Tekad Hakiki,
Langkawi Sejahtera Menjadi Nyata.

Sebelum saya melaburkan tirai, inginkan juga saya untuk mengajak kepada semua yang ada di dalam Dewan untuk menghadiri Pameran LIMA 2025 yang dijangka berlangsung pada 20 hingga 24 Mei di Pusat Pameran Antarabangsa Dewan Mahsuri. Pameran ini merupakan Edisi ke-17. Memandangkan nombor *favourite* saya 17, tahun ini saya akan hadir.

Oleh itu, saya menyokong penuh usul menjunjung Kasih Tuanku Sultan Negeri Kedah Darul Aman. Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumsalam Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Kuah jadi cucu-cucu, tak ada anak lagi, anak dan cucu. Untuk seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Pedu.

YB. TUAN HAJI MOHD RADZI BIN MD AMIN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker yang beri peluang kepada Pedu untuk turut serta membahas ucapan perasmian oleh Tuanku Sultan. Yang dihormati Yang Amat Berhormat Menteri Besar, yang dimuliakan sahabat-sahabat EXCO dan kepada semua Adun-adun dan tak dilupakan kepada semua Ketua-ketua Jabatan dan pemerhati yang ada di atas sana. Tahniah kepada anda semua yang sanggup hadir untuk melihat apa persembahan anak-anak buah negeri pada petang ini.

Alhamdulillah, jadi semua pakat berbelas orang dah berbahas pasal dalam negeri Kedah. Cuma Bandar Baru sahaja, dia duduk dalam Bandar Baru pasal Bandar Baru duduk di hujung, anak buah dia pun IC luar negeri. Alhamdulillah dengan kesempatan petang ini

saya nak masuklah sedikit apa nama ucapan yang telah dititahkan oleh Tuanku mengenai apa nama bekalan beras negara. Jadi beras negara ni sampai bila-bila pun macam tadi ada adun mana sebut dia akan makan sampai bila-bila. Tak macam orang sebelah makan roti. Kita makan beras. Jadinya penduduk kita semakin bertambah. Bendang kita ni, bendang lah ni? Bendang. Bendang kita semakin sempit. Ada yang buat rumah, ada yang jerelus. Macam-macam ada, ada yang tinggal tak ada apa waris untuk membuat. Jadi peratus la ni hanya tinggal 40% lebih sikit-sikit beras negara. Tak termasuk yang seludup.

Jadi semakin kecil makanan kita, semakin ramai rakyat kita. Jadi maknanya kita nak kena berdaya fikir untuk macam mana nak tambah beras dalam negeri Kedah ka termasuk dalam negara kita. Jadi pandangan, bagi saya supaya kita mengambil berat apa yang telah dititahkan oleh Tuanku supaya dapat kita menterjemahkan apa yang telah dititahkan. Jadi tadi YB. Kota SiPuteh pasal beras juga tapi dia beras cerita lain. Dia cerita beras pasal orang nak buat macam-macam, macam-macam lah tadi kan. Tapi Pedu nak menceritakan supaya sebelah luar jelapang. Kalau dalam jelapang ni ada banyak agensi yang telah menyusun dengan segala peruntukan yang banyak. Tapi disebelah luar jelapang. Luar jelapang ni kalau nak boleh 1 tan per relung pun, merah apa tapak tangan duk tajak batas.

Pasal dengan keadaan struktur tanah dan sebagainya. Dengan pengairan dengan macam-macam lah sebelah luar jelapang. Jadi disini saya nak, kira nak bagi jadi belah sana pula lah kan.

Jadi, sebelah MADA hirut relung ni, Kuala Ketil jangan tengok satgi lupa yang nak sebut satgi ni. Jadi sebelah luar jelapang ni banyak dengan pengairannya tak ada, dengan macam-macam benda yang tak mencukupi untuk menjadikan padi disebelah luar jelapang ni meningkat pengeluaran dia. Daripada dulu sampai hari ni ni kalau ikut purata dia, 700 tu pun banyak tu orang sana kalau boleh 700 per relung, 700 kilo. Duk boleh 600 kilo, 500 kilo. Tolak mesin, tolak minyak diesel naik pula. *Kingkaliouu*… tak ada apa. Jadi kalau ada 1 tan, 1 tan 200 sebelah apa luar jelapang ni, dia rasa dia boleh hidup dah. Pasal dengan keadaan dia. Cumanya saya nak sebut disini supaya kita dalam Kerajaan negeri Kedah ni carilah satu inisiatif untuk kita macam mana sebelah luar jelapang ni untuk mendapatkan peningkatan hasil. Contoh kita carilah apa nama petani-petani yang rajin disana. Bawa kursus ke tempat-tempat mana supaya jika tanah berbentuk macam ni, kita nak bubuh baja apa. Kimia kah? Organik kah? Apakah? Supaya tanah disebelah sana mendapat mengeluarkan hasil yang banyak. Ada juga, bukan kata keseluruhan.

Dia kawasan luar jelapang ni tanah, apa hasil dia kurang, ada yang banyak. Tapi sedikit sangat yang mendapatkan hasil banyak. Jadi itulah, pandangan supaya kita Kerajaan negeri Kedah mengeluarkan sedikit belanja untuk, orang panggil buat kajian disana. Buat

kajian disebelah luar jelapang ni. Macam mana cara dia untuk apa menambah hasil padi di luar jelapang. Itu bab hasil padi, penigkatan hasil padi. Keduanya, kursusnya lah sebelah Padang Terap ni. Cuma ada di pengairan Kuala Janing. Pasai Kuala Janing ni dia ada. Apa nama? air terjun, Puncak Janing. Jadi dia menggunakan saliran daripada Puncak Janing tu untuk terus ke sawah-sawah, ke bendang-bendang. Jadi ada lah pengairan disitu. Dia boleh buat setahun 2 kali yang tak memerlukan benda-benda lain. Kalau hujan pun tak apa, tak hujan pun tak apa. Tapi kalau sebelah, di jalan Pedu, Jalan Naka. Bendang banyak, ratus-ratus hektar jugak.

Kalau ikut dalam seluruh negeri Kedah ni. Luar jelapang duk ada 26 ribu hektar, 1000 relung lebih kurang macam tu lah noh? 26 ribu. 100 ribu. 26 ribu 100 ribu gelung di luar jelapang. Jadi 100 ribu relung di luar jelapang. Kalau peningkatan daripada 900, 700 tadi, boleh jadi 1 tan setengah. Mungkin dia boleh naik 30% daripada apa yang ada sekarang ni. Mungkin boleh menambah peratus bersama dengan padi di dalam jelapang. Hat tak ada jelapang pun boleh tambah. Hat ada jelapang pun boleh tambah. Bertimbun sikit. Maknanya peratus kita boleh naik 60% pun kira okay dah daripada 42, 43, naik ke 60. Jadi, keterjaminan makanan beras di negeri Kedah ni insyaAllah akan dapat diatasi.

Cumanya, apabila sebut beras tadi ni, teringatlah sikit kawan-kawan duk sebut kisah beras RM26 ringgit beras tempatan, RM38 ringgit, RM40 ringgit beras import. Masak hat ni sekepoi, hat ni sekepoi. Makan-makan rasa sama. Yang orang duk bunyilah ni pasal apa sama. Beli beras ni mahal, import. Beli beras ni murah, tempatan. RM46 ringgit. Ya ada berbaru-baru ni lah. Masak-masak makan rasa sama dan kalau beras import dia kata, dia ada jernih-jernih sikit apa cereal. Kalau nampak jernih-jernih sikit, dia lembut sikit, apa nama biji dia tu panjang sikit. Butir dia, butir-butir beras tu dia panjang sikit. Dia ada perbezaan di antara beras tempatan dengan beras import. Tapi Pak Long tu dia kata dia masak yang ni, dia masak yang ni, sama ja. Rasa pun sama, naik pun sama. Buh secawan jadi 3, yang ni pun buh secawan jadi 3 juga. Jadi hat tu nak kena tengok jugalah supaya kita ni jangan ditipu 5 kali. Bukan setakat 3 kali, kita ditipu 3 kali.

Bersama juga apabila sebut beras kena ditipu. Kita la petani-petani sedang terasa kena tipu ni banyak jenis. 2 tahun, 3 tahun yang lepas. Semua pakat buang pokok getah pasal sawit mahal. Tebang pokok getah kerana sawit 1 tan, RM1300, RM1500. Pendapatan duduk di rumah pasal orang lain buat kerja. Mulai hari ni, hari ni, tarikh hari ni, se tan RM660. Turun separuh. Tu pula dia ambil kira. Kalau dulu, kalau dia ada hitam sikit- sikit tu dia tak reject. La tu kalau grade A, buah tu grade A. Tapi hitam tu di hujung sikit-sikit, reject. Kalau reject, 10 tandan. 1 tandan 15kg. Kalau 10 tandan,150kg. Dah rugi berapa dah kos dia. Tu pula satu lagi, sawit yang orang panggil kalau kami sana panggil sisik apa sawit pasir. Tasik yang, sawit yang baru, yang muda. Dulu laku. 1 tan RM500, RM450, RM600. La tak terima langsung. Jadi nasib petani ni jadi macam tu lah. Sepanjang masa. Buat hat ni tak kena, buat hat ni tak kena. Jadi promosi. Promosi ni hebat. Apabila promosi ni hebat, dia macam *scammer* lah jugak kan. Apabila termakan promosi tu, ikut serta.

Jadi sampai bilakah petani-petani, pertanian terkena dengan penipuan-penipuan sebegini rupa. Jadi kita sebagai rakyat negeri Kedah kita kena ambil cakna benda-benda ni supaya pihak petani ni tidak kena di tipu 2-3 kali. Takat 3 tak percaya, tipu lagi tak percaya lagi, tipu sampai ke 5 pun percaya lagi. Pasal untuk mendapatkan pendapatan ekonomi yang lebih. Jadi apa, siapa yang cerita pun, dia akan termakan dengan cerita-cerita untuk menambah pendapatan. Tapi kita, la ni kita kira nak buat bendang supaya hat kita buat tu, "Allahumma Sholli Ala Sayyidina Muhammad" boleh mendapat pendapatan.

Kita buat padi hat kita, kita jual, kita akan dapat pada kita sendiri. Itulah saya mencadangkan supaya kerajaan negeri mencari dana untuk kita melatih beberapa petani-petani yang bersungguh- sungguh minat dengan bendang ni. Hat tak minat kita jangan duk bawa, satgi kita marah dia. Hat mana betul-betul dia minat untuk buat bendang ni, kita cari tok-tok guru yang boleh mengajar budak-budak ni supaya alim dengan bab padi ni, supaya kita bawa dia turun ke tapak padi.

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Speaker boleh celah sikit tak, mintak YB. Pedu. Boleh sikit ja

YB. TUAN SPEAKER

Boleh, YB. Pedu?

YB. TN. HAJI MOHD RADZI BIN MD AMIN

Ayat tak habis lagi tergantung. Kita boleh bawa apa nama budak-budak ni

YB. TUAN SPEAKER

Haha YB. Bayu, duduk dulu.

YB. TUAN HAJI MOHD RADZI BIN MD AMIN

Buat kursus supaya dia ni dapat betul-betul kemahiran, supaya dia dapat balik menurunkan ilmu itu kepada setiap petani yang ada di dalam negeri Kedah ni, insyaAllah. Silakan Bayu.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Bayu!

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Terima kasih YB. Pedu. Cuma saya nak tanya dan juga minta pandangan lah sebab YB. Pedu selalu sebut berkenaan pertanian, sawit dan juga getah. Boleh tak saya syorkan kepada Dewan Yang Mulia ini, setiap kali kita adakan persidangan ini, kita jemput wakil daripada RISDA dan juga LGM sebab yang ni satu perkara yang amat penting di peringkat masyarakat kampung. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Pedu, 2 minit lagi.

YB. TN. HAJI MOHD RADZI BIN MD AMIN

Ok terima kasih YB. Bayu. Berapa minit lagi? 10?

YB. TUAN SPEAKER

2 minit lagi.

YB. TUAN HAJI MOHD RADZI BIN MD AMIN

Baru tak tengok buku lagi hahahaha.

YB. TUAN SPEAKER

Hahaha ringkaskan

YB. TUAN HAJI MOHD RADZI BIN MD AMIN

Jadi apa nama, terima kasih Bayu. Apa nama nak kena tengok sikit di buku ni. Cumanya di sini, kita benih padi duk guna 297, 269, 202. 202 tu duk kata kebai. Kebai pun tak kebai tara mana pun. Jadi, tabung 1 relung 2 beg, tumbuh sebeg, nak kena beli pulak sebeg. Hat ni naik 2 minggu dah, hat ni baru nak tumbuh. Jadi benda-benda ni akan berlaku pengurangan peningkatan benih kita. Apakah kata kita jangan duk kira lah apa nama benda-benda lain kita buat, kalau tak buat benih sendiri. Padi boleh jual. Benih tu yang haram pun, tapi haram yang sah. Tapi padi benih yang sah pun, macam kata tadi, tak tumbuh juga. Jadi beli RM60 ringgit, RM54 ringgit, RM52 ringgit sampai ditapak, ada beroka lagi, ada apa semua, jadi RM70. Jadi serelung RM140, tak tumbuh sebeg. RM70 dah tauk kalau 5 relung, RM350. RM350 boleh kata 3 petak.

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

YB. Pedu…

YB. TUAN HAJI MOHD RADZI BIN MD AMIN

Jadi benda-benda ni kita supaya kita boleh

YB. TUAN HAJI MOHD RADZI BIN MD AMIN

Kita boleh… masa Speaker tambah lagi hah. Jadi…

YB. TUAN SPEAKER

Tak dak, masa dah cukup sebenarnya.

YB. TUAN HAJI MOHD RADZI BIN MD AMIN

Jadi apa nama, tu la kita nak kena supaya benih, benih tu walaupun sah ka tak sah pun, minta jabatan yang berkenaan supaya berilah laluan supaya nak metingkatkan hasil padi dan beras ni. Kalau diharapkan benih yang sah. Tapi daripada dulu sampai ke la, apa tangkai dia masih lagi 6 biji. Duk ada 1 tangkai dah 200 biji. Sampai bila peningkatan kita tak akan mendapat. Jika kita boleh buat benih, walaupun haram tak haram dan apa semua. Tapi dia boleh meningkatkan apa biji padi di tangkai tu. Boleh

500 biji setangkai. Boleh panjang 13 inci ke 12 inci ke 10 inci. Maknanya pendapatan padi tu akan meningkat. Kalau kita duduk tunggu benih yang ada. Sampai bila kita nak tunggu. Nak sah tu buat tu bertahun-tahun daripada satu kajian benih untuk mengesahkan benih.

Makan masa bertahun. Tapi kalau ada orang yang boleh buat walaupun cara haram. Haram benda halal ni, jangan duk kira sangat. Jadi apabila dia boleh buat benih dia. Boleh jadi apa menambah pendapatan daripada 1 relung dapat 800 kilo. Boleh jadi RM1400, RM1200. Duk kira apa haram benih, haram tak benih pun kan. Kita boleh meningkatkan pendapatan negeri dan negara kita. Jadi kalau benar tu kita boleh apa lawan untuk mendapatkan pendapatan negeri. Duk kalut buat apa kan.

Yang terakhirnya YB. Tuan Speaker, Tambah seminit lagi. Terakhirnya nak cerita bab di belah kampung juga lah. Jadi dulu pun duk sebut dah. Di sungai Pedu tu tasik Pedu menyalurkan air untuk semua bendang-bendang di negeri Kedah dan Pulau Pinang. Tapi nasib di Pedu tengok kot depan air lalu tapi di bendang tunggu hujan turun. Jadi minta pihak yang berkenaan supaya cari jalan lah supaya dapat membina apa-apa pun yang boleh menyalurkan air daripada sungai Pedu ni ke sawah di sebelah sana. Sebelah Bukit Buloh, sebelah Padang Setol, sebelah Bukit Kura. Bukit tapi tanah rendah-rendah. Nama ja bukit, Bukit Langsat. Semua bukit kawasan tu, tapi tanah dia lebih kurang pamah.

Yang ada lah ni, saliran Bukit Sena. Itu pun tak relevan lah. Buat masalah ni. Pasal dia gunakan paip PVC. Buka *power* kuat sikit, paip pecah. Tunggu seminggu, 2 minggu baru boleh pasang balik. Jadi padi hat kering tadi, melokoih dah. Jadi kering, kerat apa semua tak naik. Jadi rugi juga apabila kita ada benda. Tapi tak dapat menggunakan sepenuhnya untuk apa saliran. Ada lagi ni nak

YB. TUAN SPEAKER

Ok…

YB. TUAN HAJI MOHD RADZI BIN MD AMIN

Tapi… boleh lagi?

YB. TUAN SPEAKER

Masa sudah lebih? Apa nama lebih 2 minit dah

YB. TUAN HAJI MOHD RADZI BIN MD AMIN

Boleh boleh lagi nah, boleh lagi. Akhir sekali, apa nama terima kasih lah kepada Yang Berhormat Tuan Speaker. Dekat mana hat akhir tadi tau. Haha cari tak jumpa dah Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Hat yang tadi tu…

YB. TUAN HAJI MOHD RADZI BIN MD AMIN

Jadi tak apa terima kasih kepada YB. Speaker dan saya apa nak kata macam mana?

YB. TUAN SPEAKER

menjunjung kasih…

YB. TUAN HAJI MOHD RADZI BIN MD AMIN

Menjunjung penuh, menyokong penuh usul junjung kasih, Tuanku. Sekian, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Menarik Pedu ni. Padi luar jelapang dan macam-macam lagi lah. Dan seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Pantai Merdeka.

YB. USTAZ SHARIR BIN LONG

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin Wassalatu Wassalamu 'Ala-Asyarafil Anbiya'e Wal Mursalin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in Amma ba' du. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan. Hadirin hadirat yang dihormati sekalian. Terima kasih dengan kesempatan ini. Saya ni merujuk pada muka surat ke-8. Titah ucapan Tuanku.

Saya seperti biasalah akan banyak menyentuh soal agama. Soal padi semua dah cakap dah kan, takkan nak cakap bab padi kot. Kehidupan dunia dengan agama tak dapat dipisahkan. Di antara yang disebut "Islam adalah agama rasmi melandaskan pada Undang-undang tubuh Negeri Kedah" Perkara 33A dan begitu juga Lembaga Persekutuan 3(1).

Yang menyebut begitu jelas, Islam adalah agama bagi persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan secara aman dan damai di mana-mana bahagian persekutuan. Jadi, kena faham lah nah hat 3 orang ni. Kena faham elok-elok. Islam agama persekutuan. Hat you pun ada sat lagi kita bagitahu. Jangan buat-buat tak faham. Jadi, jelas. Baik negeri Kedah maupun Lembaga Persekutuan, nasihat Undang-undang. Islam adalah agama baik negeri Kedah maupun Lembaga

Persekutuan. Kemudian, diantaranya disebut oleh Tuanku tentang mengamalkan ajaran agama Islam yang sebenar.

Dalam Quran, Al-Imran ayat 19

إِنَّ ٱلدِّينَ عِندَ ٱللَّهِ ٱلْإِسْلَـٰمُ

"Sesungguhnya agama yang benar lagi diredai di sisi Allah, hanyalah islam".

Saya bercakap ni untuk semua yang Islam lah. Hat bukan Islam, dia boleh dengar sahaja lah dan bila kita sebut ajaran Islam yang sebenar, rujukkan kita hanya 2 sahaja.

Sebagaimana difirmankan oleh Allah di pertengahan ayat 59, An-Nisaa'.

فَاِنْ تَنَازَعْتُمْ فِيْ شَيْءٍ فَرُدُّوْهُ اِلَى اللّٰهِ وَالرَّسُوْلِ اِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُوْنَ بِاللّٰهِ وَالْيَوْمِ الْاٰخِرِۗ ذٰلِكَ خَيْرٌ وَّاَحْسَنُ تَأْوِيْلًا

"Maka apabila kamu bertelingkah di dalam sesuatu perkara, maka kembalilah kamu".

Sebab itu, Titah ucapan Tuanku ini perlu juga kita *elaborate* sikit. *We have to give some explanation*. Supaya lebih jelas. Apabila kamu bertelingkah dalam sesuatu perkara, maka kembalilah kamu merujuk pada Allah. Allah mana? Quran tu. Rasul? Sunnah. Sebagai dalam hadith, Imam Muslim.

فِيْكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَرَكْتُ تَضِلُّوْا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا :كِتَابَ اللهِ وَ سُنَّةَ رَسُوْلِهِ

Aku tinggalkan kepada kamu 2 perkara. Selama mana kamu berpegang teguh dengan kedua-dua perkara ni, selama itulah kamu tidak sesat. Yang ku tinggalkan ialah Al-Quran dan As-Sunnah. Dan kadang-kadang ada di kalangan kita ni. Saya nak kena berhenti pukul apa? Pukul 4 boleh kot. Hat lain cakap sikit-sikit dah lah. Ada di kalangan kita ni yang sebut Islam. Orang Islam. Orang Jabatan Agama pun ada di sini. Yang suka mempertikaikan ajaran Islam. Saya ingin *quote* hadith ke-15. Jilid 1 mastika Hadith keluaran Jabatan Perdana Menteri. Ucapan saya selalu netizen hentam. Awat Tok Lebai ni duk ceramah agama. Agama tak boleh dipisahkan. Manusia baik dengan agama.

مَنْ يُرِدِ اللهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ

Maksudnya: "Barangsiapa yang Allah kehendaki padanya kebaikan, maka Allah akan memberinya kefahaman di dalam agama". Hadith Riwayat Imam al-Bukhari.

Kita tak boleh pisah. Jadi apa pun kita buat, kita kena bersandarkan Al-Quran dan As-Sunnah. Nabi Isa A.S. Saya beritahu nah? Belum wafat. Ali Imran 55. Anisah 158. Termasuk Az-Zukhruf surah ke-43 ayat 61. Beliau akan diturunkan semula. Kita nak kait ni kena amal ajaran Islam yang sebenar. Sebab beliau walaupun Allah anugerah Injil. Kita dengar hadith.

كَيْفَ أَنْتُمْ إِذَا نَزَلَ ابْنُ مَرْيَمَ فِيكُمْ وَإِمَامُكُمْ مِنْكُمْ

YB. Kubang Rotan tengok runung. Bagaimana keadaan umatku ketika Isa anak Maryam diturunkan semula untuk memimpin mereka. Nabi tak berhenti kat situ Yang Berhormat. Kalau berhenti kat situ, *most likely,* Kristian memang seronok. Sebab ada Injil, *Bible*.

فَأَمَّكُمْ بِكِتَابِ رَبِّكُمْ تَبَارَكَ وَتَعَالَى وَسُنَّةِ نَبِيِّكُمْ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Beliau akan memimpin umat. Berpandukan pada Al-Quran dan As-Sunnah. Sebab itu titah ucapan Sultan memang tempat. Kita perlu beramal ajaran Islam yang sebenar. Itu, ringkas saja dan ajaran Islam yang sebenar itu telah digariskan oleh Allah dalam al-Quran. Dia panggil *Divine Revelation.*

Dalam surah yang ke-6 Al-An'am, ni yang kita kena ikut.

وَأَنَّ هَٰذَا صِرَٰطِى مُسْتَقِيمًا فَٱتَّبِعُوهُ ۖ وَلَا تَتَّبِعُوا۟ ٱلسُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِۦ ۚ ذَٰلِكُمْ وَصَّىٰكُم بِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

"Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah, Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertakwa".

Nak buat macam mana? Takdir, *Divine*. Orang panggil apa? *Predestine*. Takdir, *Divine decree*. Allah pilih saya nak jadi wakil rakyat. Pilih pulak ustaz. Dia kena cakap agama. If, walaupun *i was a banker for 16 years.* Nak bagi taulah kot tak tau.nah 16 tahun tu pegawai bank. *English educated*. Tapi itulah transformasi yang kita lakukan, Hijrah. Jadi kembali kepada tadi dan inilah jalanku jalan yang lurus. Dalam semayang, mungkin ada minta.

ٱهْدِنَا ٱلصِّرَٰطَ ٱلْمُسْتَقِيمَ

Bagi salam. Adakah kita ikut jalan yang lurus? Jalan yang lurus dalam surah Al-Isra'. Surah ke-17, ayat 9.

إِنَّ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ يَهْدِى لِلَّتِى هِىَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ ٱلْمُؤْمِنِينَ ٱلَّذِينَ يَعْمَلُونَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا

Kena ikut al-Quran. Inilah jalanku jalan yang lurus. Maka ikutlah jalan ini dan Allah bagitau jangan ikut jalan-jalan lain. Islam *Liberal* kena tolak. *Pluralisme* kena tolak. *Secularism* semua tak boleh. Ikut Al-Quran dan As-Sunnah. Kenapa? Apabila kamu tak ikut jalan yang lurus yang telah dibentangkan oleh Allah diperjelaskan oleh Nabi S.A.W. akan berlakulah perpecahan. Kamu akan berpecah belah. Ini yang berlaku Ahli-ahli Yang Berhormat. Selama mana kita mengikuti jalan yang lurus, kita di landasan yang benar. Moga-moga kita tergolong di dalam golongan orang-orang yang bertakwa.

Kemudian Tuanku menyentuh soal tanpa mengorbankan perpaduan. Ini penting. Semua orang cakap tentang perpaduan, perpaduan. Saya nak baca surah Al-Anbiya' lupa tengok belah kanan. Surah ke-21 ayat 92. Saya ni diberi gelaran Dr. Zakir Naik from Malaysia.

Siapa kata? Saya kata sendiri. Dah Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian tak kata.

إِنَّ هَٰذِهِۦٓ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَٰحِدَةً

i meet him 2 years ago. 20 minit sembang dengan dia.

Allah sebut,

إِنَّ هَٰذِهِۦٓ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَٰحِدَةً وَأَنَا۠ رَبُّكُمْ فَٱعْبُدُونِ

Ini ayat untuk beli rujuk insyaAllah. Tafsir *Professor* Mahmud Yunus. Kalau tak salah saya lah. Nama saya tak rujuk. Muka surat 478. Garis panduan bagaimana nak menyatukan

umat Islam. Ada dalam Quran. Dia berdalikan ayat Al-Anbiya ayat 92. Dia ada 5, saya nak sebut beberapa sahaja. Di antaranya, ya kita kena jaga perpaduan sesama umat

Islam. Yang di antara disebut berpandukan kepada kitab yang sah. Al-Quran dan As-Sunnah. Tak boleh yang lain.

YB. TUAN SPEAKER

5 minit lagi YB.

YB. USTAZ SHARIR BIN LONG

Ha nak habis dah patut reling, satu macam. bagi lah 10 minit. *Injury time*.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Mohon mencelah boleh? Pantai Merdeka mohon mencelah

YB. USTAZ SHARIR BIN LONG

Boleh Boleh..

YB. TUAN SPEAKER

Bukit Lada, bangun.

YB. USTAZ SHARIR BIN LONG

Ya, sila

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Terima kasih kepada Pantai Merdeka, YB. Tuan Speaker. Iaitu berkenaan dengan titah Tuanku Sultan berkenaan dengan amalan ajaran agama Islam yang sebenar. Jadi, apa pandangan YB. Pantai Merdeka berkenaan dengan filem yang terbaru ini. Filem Bid'ah yang menampilkan nama yang sepatutnya ada nama-nama ramai yang buh nama ayah dia sebagai walid ni. Jadi, akhirnya nama yang cantik yang baik ni, jadi tak berapa cantik. Seperti “khulwah”. Nabi S.A.W berkhulwah. Jadi, bila sebut khulwah je, orang akan nampak khulwah ni tak elok. Jadi, apa pandangan Pantai Merdeka tentang keadaan ni?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Pantai Merdeka.

YB. USTAZ SHARIR BIN LONG

Soalan tadi Bukit Lada filem bida'ah? Saya waroq dah, tak tengok dah benda-benda macam tu. Habis, saya nak jawab dengan hadith. Nak ceritanya *very very simple*.
Di dalam riwayat yang lain, bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ عَمِلَ عَمَلًا لَيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ

Maksudnya: “Barangsiapa yang beramal dengan amalan yang bukan berasal dari agama kami, maka amalan itu tertolak.” Hadith Imam Muslim.

Dalam tafsir Ibnu Qodir Al-Bakarah, ayat 111-112, akan bertemu dengan hadith. Apabila sesuatu amalan yang kita kejarkan, pertama, kalau tidak ikhlas, itu syarahan. Yang kedua, tidak menepati petunjuk Al-Quran As-Sunnah, habis. Dan tentang nama-nama pelil-pelik tu yang kita tengok terkini, saya pun baru tahu. Petik-petik TikTok, dia keluar orang tua-tua bagi duit raya pakai menari. Itu Yahudi.

مَنْ تَشَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

Maksudnya: "Sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia termasuk dalam kalangan mereka."

Siapa-siapa yang tiru satu kaum, dia sama seperti kaum Yahudi. Takkanlah nak bagi duit raya pun kena menari, Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian? Apa yang nak ikut sangat? Yahudi Nasara.

وَلَن تَرْضَىٰ عَنكَ ٱلْيَهُودُ وَلَا ٱلنَّصَٰرَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ

"Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak akan sekali-kali reda terhadapmu." Al-Baqarah 120.

Jadi saya jawab macam itulah. Film bida'ah tu memang bida'ah pun. Sebab apa yang kita buat, kalau tidak ikhlas, kata Ibnu Katsir Rahimahullah Ta'ala, dan tidak menepati syarak, ia terpulang. Baiklah. Jangan sapa duk mencelah. Nak habis dah, berapa minit lagi?

YB. TUAN SPEAKER

Boleh *landing* dah YB, 3 minit lagi.

YB. USTAZ SHARIR BIN LONG

Jadi perpaduan ni diantaranya berpandukan kepada kitab yang satu, kata *Professor* Mahmood Nus. Yang kedua, mencontohi Nabi yang satu. Dato' Ismi. Kalau kita nak contohi beliau.

لَّقَدْ كَانَ لَكُمْ فِى رَسُولِ ٱللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُواْ ٱللَّهَ وَٱلْيَوْمَ ٱلْـَٔاخِرَ وَذَكَرَ ٱللَّهَ كَثِيرًا

"Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu contoh teladan yang baik bagi kamu, (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan yang banyak mengingati Allah." Al- Ahzab Ayat 21. Kenapa?

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

"Dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) benar-benar berada di atas akhlak yang agung." Surah ke-68 Ayat 4 Al-Qalam.

Kenapa dikatakan sehingga Allah *acknowledge*. Allah iktiraf Nabi S.A.W. sebagai insan yang cukup sempurna. Akhlaq yang paling agong sebab ditanya pada Aisyah dalam hadith Imam Al- Bukhary. Apakah akhlak Muhammad?

كَانَ خُلُقُهُ الْقُرْآنَ

“Akhlaknya adalah al-Qur'an.”

Sebab beliau mengamal isi kandungan Al-Quran. Kita baca Al-Quran bulan Ramadan. 30 juzuk, masyaAllah.

Al-Baqarah 121.

ٱلَّذِينَ ءَاتَيۡنَٰهُمُ ٱلۡكِتَٰبَ يَتۡلُونَهُۥ حَقَّ تِلَاوَتِهِۦٓ أُوْلَٰٓئِكَ يُؤۡمِنُونَ بِهِۦ

“(Orang-orang) yang membaca Kitab Allah dengan hak tilawah (bacaan yang sebenar-benarnya).”

Kalau sekadar baca, faham makna ayat-ayat ni baca. Mungkin ada tapi tak beramal. Tidak termasuk dalam golongan

حَقَّ تِلَاوَتِهِ

yang membaca Al-Quran dengan sebenar-benar bacaan. Ini rakam ka apa ni? Nak ambil modal saya lah tu? Itu perpaduan. Akhir sekali, disebut pada masa yang sama agama-agama lain bebas untuk diamalkan. Dengar YB. Kota Darul Aman 11(1) Perlembagaan Persekatuan *clearly stated, clearly stated every person has the right to profess and practice his religion.* Kadang-kadang kita bahasa kecil hati juga. Kita orang Islam Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kita nak amal Islam, ada banyak gangguan. Sedangkan ni peruntukan untuk semua. Dalam parlimen saya dengar, nasib baik saya bukan parlimen. Kalau tak saya jawab lah.

Dia kata apa? *If I'm wrong, i apologize.* Tapi saya dengar 2, 3 kali Jitra. Kita ni sabar lama dah dengan orang melayu. Ish jangan cakap macam tu. Hak kamu ada, hak kami ada. Kami nak buat, kami nak amal apa yang hak kami. Dalam Al-Quran pun Islam ajar, *there is no compulsion in religion*. Dengan izin. Lupa dah. Tadi prof banyak cakap orang putih. Tidak ada paksaan dalam agama. Minta maaf Jitra, bukan prof. Cukup jelas. Kamu buatlah apa yang kamu yakini. Janganlah usik hat kami dan untuk kita orang Islam untuk mengakhiri, Allah ajar.

وَلَا تَسُبُّواْ ٱلَّذِينَ يَدۡعُونَ مِن دُونِ ٱللَّ

Surah yang ke-6 Al-An'am, ayat 108, muka surat 195 tafsir Prof Mahmud Yunus.

Menjadi kewajipan kita jangan duk ganggu agama-agama selain daripada Islam. Jangan kamu menghardik. Jangan kamu mencerca. Nanti mereka pula akan menghina kita. Tapi malangnya kita tengok kebelakangan. Apa nak jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian? Kalau pemimpin-pemimpin cakap dalam nada yang boleh menguriskan hati orang. Saya ceramah lama lah. YB. Kota Darul Aman, 34 tahun, 34 *years*. *Sancap sini loh*. Cakap Hokien sikit. Ahli-ahli Yang Berhormat tak boleh Hokein, saya boleh Hokein. Saya tak nak usik orang-orang. Saya tahu dia punya *boundary*. Dia punya limit. Nanti dia pun kacau kita tapi malangnya *lately* kebelakangan ini. Allahu Akbar amat-amat. Jadi saya sokong sepenuhnya. Hak mereka jangan kita usik. Hak kami tolong jangan ganggu. Jadi saya menyokong sepenuhnya titah ucapan Sultan Kedah.

Terima kasih. Aqulu Qauli Haza Wa Astaghfirullah Al-'Azim Li Walakum. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih YB. Pantai Merdeka. Seterusnya dipersilakan yang berhormat YB. Bakar Arang, silakan YB.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Barisan EXCO, Ahli- ahli Berhormat semua. Ketua-ketua jabatan, para hadirin yang hadir ke sidang yang mulia ini dan juga penonton yang mengikuti dalam FB Live.

Selamat sejahtera dan salam madani semua. Pertama kali saya hanya mengucapkan terima kasih kerana beri peluang kepada saya untuk membahas dan juga bawah suara rakyat dari bawah ke dalam dewan yang mulia ini. Sidang ini bukan sekadar tempat berbahas. Ini medan yang membawa mandat dan amanah rakyat. Amanah ini diberikan kepada kita untuk menyuarakan keperluan rakyat serta menuntut tindakan yang adil, pantas dan proaktif daripada Kerajaan negeri. Saya tak datang dengan keluhan kosong. Saya datang dengan data. Saya bawa suara akar umbi. Saya datang dengan permintaan yang realistik.

Saya bukan bercakap sebagai pembangkang semata-mata. Saya bercakap sebagai rakyat Kedah yang mahukan pembangunan dan cintakan ketelusan dan kecekapan. Kedah perlukan pemimpin yang tahu. Dengar dulu, baru buat kerja. Dan bila buat kerja, jangan duk tangguh-tangguh. Kalau rakyat dah lama tunggu, jangan kita dalam dewan ni pula terus bertolak-talik.

YB. Tuan Speaker, isu pertama yang saya nak sentuh adalah isu berkenaan dengan projek Air iaitu Logi Rawatan Air, Bukit Selambau. Projek ini mula pada 6 Jun 2021 dan sepatutnya siap pada Desember 2023. Yang akan mengeluarkan *output* sebanyak 50 milion MLD air.

Tetapi hari ini ia sudah lewat lebih daripada 500 hari. 3 kali EOT dan diberikan. Tapi projek masih tidak siap dan rakyat masih terpaksa tahan air, beli tangki, angkut baldi, tunggu lori tangki. Ini bukan berlaku di kawasan pendalaman. Ini berlaku di daerah terbesar negeri Kedah, daerah Kuala Muda. Dengan kawasan seperti Merbok, Sungai Petani, Sembeling, Tanjung Dawai, Bidong. Taman-taman yang terkesan termasuklah Taman Seribayu, Taman Ria, Taman Nilam, Taman Patanijaya, Taman Keladi dan banyak lagi yang selalu ada masalah dengan gangguan air dan tekanan air rendah.

Gangguan bekalan air ini bukan lagi sekata jangkaan atau ramalan bagi penduduk sekarang. Tetapi telah menjadi satu kenyataan yang berulang yang membebankan kehidupan harian rakyat. Saya di sini ingin tanya, di mana pengawasan kerajaan negeri? Apakah tindakan kepada kontraktor? Bila rumah tiada bekalan air berhari-hari, saya nak tanya, sekarang kita pun tahu, SADA telah mencatat keuntungan. Adakah kerajaan negeri akan bayar ganti rugi? Siapa nak ganti kos beli air mineral? Sewa lori air dan kesusahan harian rakyat? Saya juga ingin memaklumkan di sini juga, projek LRA ini adalah geran yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan. Memberikan kuasa penyeliaan dan pelaksanaan adalah tanggungjawab Kerajaan negeri. Jangan kita setiap kali ada masalah, kita salahkan dengan alasan Covid-19. Persekutuan tak jemput bila masuk kawasan.

Kerajaan persekutuan yang berikan geran. Sekarang kerajaan negeri tak pegi selia projek ini dengan sebaik-baiknya. Kalau kontraktor gagal, kita tukar. Kalau tak ikut jadual, kita penaltikan. Kalau ada penyelewengan, kita siasat. Rakyat tak boleh hidup dengan janji. Mereka mahu air bersih mengalir dari paip. Itu hak, bukan hadiah dan bukan alasan dari dewan ini.

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

Tuan Speaker, saya ingin mencelah.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Tak bagi laluan

YB. TUAN SPEAKER

Tak boleh Bakar Arang ya?

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Saya gesak Kerajaan negeri ambil bertanggungjawab sepenuhnya dalam pemantauan menyelia projek ini dan bentangkan laporan status setiap suku tahun dalam Dun. LRA Sungai Limau sudah gagal, jangan kita bagi LRA Bukit Selambau ni gagal. Cukuplah. Jangan biar projek ini jadi simbol kegagalan pentadbiran.

YB. Tuan Speaker, isu yang kedua saya ingat masuk adalah isu pelancongan dan pengangkutan ke Langkawi. Tahniah kepada Kerajaan negeri. Tahun 2022, sebanyak 6 juta pelancong datang ke Kedah. Antara tertinggi di negara kita dan lebih daripada yang pergi ke Kuala Lumpur pada 2022. Langkawi memang destinasi utama pelancongan negeri. Tapi nak ke sana kita terlalu bergantung kepada feri. Kalau laut bergelora, kalau cuaca buruk, feri akan cancel atau tukar jadual. Pelancong pun juga terpaksa batalkan rancangan pergi ke Langkawi.

Jadi di sini, saya cadangkan, adakah boleh wujudkan satu penembangan terus dari Alor Setar ke Langkawi. Macam kita lihat di Pulau Pinang pun setengah jam sahaja. Dari Pulau Pinang ke Langkawi pun setengah jam. Jadi Alor Setar kalau ikut saya pernah kira pun lebih kurang dalam setengah jam. Harga pun RM60 dari Penang ke Langkawi. Adakah boleh wujudkan satu penembangan? Mungkin...

YB. ENCIK ABDUL GHAFAR BIN SAAD

Bakar Arang, laluan sebentar

YB. TUAN SPEAKER

Beri laluan YB?

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Ya silakan.

YB. ENCIK ABDUL GHAFAR BIN SAAD

Kalau tadi Bakar Arang cadangkan daripada Alor Setar ke Langkawi, jadi mohon Persekutuan luluskan dulu yang Kulim International Airport (KXP). Mungkin dari situ juga kita dapat mengadakan penerbangan langsung. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Bakar Arang.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Terima kasih. Saya dimaklumkan KXP adalah projek lapangan terbang *Aerotropolis* yang untuk logistik, bukannya untuk *passenger*. *So* untuk Alor Setar, Alor Setar ini mungkin lebih kepada *passenger*. Saya sambung, saya fikir sebenarnya inisiatif ini bukan sahaja memudahkan pelancong, tetapi ini boleh memberikan satu peluang kepada pelancong-pelancong yang datang ke Langkawi boleh *stopover* di Alor Setar kalau ada satu penerbangan dari Langkawi ke Alor Setar. Ini memberikan mereka peluang untuk merasai bermalam, berbelanja dan nikmati budaya hotel, restoran dan lokasi bersejarah di Mainland Kedah.

Saya juga mohon kalau Kerajaan negeri boleh pertimbangkan dan berbincang dengan MAHB, MAB, AirAsia, Firefly atau Batik Air untuk wujudkan laluan ini. Sudah tiba masanya kita angkat Kedah Mainland sebagai *stopover tourism state,* bukan sekadar transit ke Langkawi. Tuan Speaker, ini isu yang ketiga. Kita pun semua maklum disebabkan perang dagang antara China dan Amerika Syarikat. Banyak pelabur dari China sekarang mula beralih ke Asia Tenggara dan termasuk ke negeri kita, Kedah.

Sebenarnya kita lihat sejak tarif yang dimulakan oleh Presiden Trump dari Amerika ini. Malaysia dikenakan sebanyak 24% dan banyak-banyak kilang-kilang dari China ini, mereka pun nak cari satu tempat yang baru untuk melabur Malaysia dikira sebagai agak stabil dan dengan banyak info yang sedia ada. Dan soal saya adalah mudah, apabila kilang-kilang dari China ini dibuka di Kedah, apakah jaminan untuk rakyat tempatan?

Untuk anak-anak Kedah yang baru tamat belajar dari Technical and Vocational Education and Training (TVET), Polytechnic dan Universiti, adakah peluang, pekerjaan itu benar-benar terbuka untuk mereka, kalau syarikat-syarikat dari China buka kilang di sini? Apa yang saya bimbangkan adalah sebenarnya, jika kita tidak letakkan syarat dari awal, nanti yang mengisi peluang pekerjaan ini, hanyalah pekerja asing. Anak-anak Kedah pulak hanya jadi penonton, tengok banyak pelaburan masuk saja, tapi tak dapat limpahan.

Saya ingin bertanya kepada kerajaan negeri, jikalau ada perjanjian pelaburannya di meterai, adakah kerajaan negeri Kedah sudah disertakan klausa ada syarat wajib untuk mengambil pekerjaan tempatan? Dan kedua, adakah disediakan pelan latihan kemahiran program penempatan kerajaan atau pemindahan teknologi? Pelaburan ini tidak seharusnya hanya membina bangunan dan kilang, tetapi perlu juga membina masa depan untuk anak-anak negeri Kedah. Kita tidak mahu melihat tanah-tanah kita dibangunkan, tetapi hasilnya dibawa keluar. Kita bukan tuan rumah yang hanya tengok tetamu makan semua. Rakyat Kedah perlu menjadi sebahagian daripada manfaat, bukan sekadar pemerhati dari luar pagar. *Let's make Kedah great again.*

YB. TUAN SPEAKER

5 minit lagi YB.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

So, YB. Tuan Speaker, saya juga ingin menarik satu perhatian Dewan Yang Mulia ini kepada satu isu sosial yang sangat membimbangkan. Mengikut data yang diperolehi, negeri Kedah kini mencatat antara kadar penceraian tertinggi di Malaysia. Pada 2022, kenaikan penceraian di negeri Kedah adalah sebanyak 111%.

Ini bukan sekadar angka statistik. Ini adalah realiti sosial yang memberi kesan langsung kepada struktur keluarga, terutamanya kepada wanita dan kanak-kanak. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan negeri, apakah langkah yang, apakah langkah yang telah atau akan diambil oleh Kerajaan negeri bagi menangani isu ini? Adakah sesi kaunseling perkahwinan disediakan secara percuma dan mudah diakses di setiap daerah? Yang paling penting, apakah bentuk sokongan kepada ibu tunggal selepas penceraian berlaku dari segi kewangan, peluang pekerjaan dan juga sokongan penjagaan anak? Wanita Kedah yang terkesan akibat penceraian tidak boleh terus dibiarkan bersendirian. Mereka

perlu perlukan bimbingan, peluang dan ruang untuk bangkit semula demi kesejahteraan keluarga dan masa depan anak-anak mereka. Saya mohon agar isu ini diberi perhatian serius bukan hanya sebagai statistik tetapi sebagai tanggungjawab bersama untuk membina masyarakat yang lebih stabil dan sejahtera.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sekarang izinkan saya bawa suara rakyat Bakar Arang. Setiap minggu ataupun setiap hari saya turun padang, saya dengar rintihan peniaga ibu bapa beliau warga emas. Sebenarnya mereka tak minta mega projek. Mereka cuma nak jalan elok, lesen senang mohon dan hidup lebih selesa. Kita boleh lihat selepas PKP, masalah trafik di Sungai Petani semakin teruk. Setiap pagi dan petang, penduduk tersekat di Taman Ria Jaya, Bandar Putri Jaya, Bandar Perdana, Taman Keladi, Taman Sejati Indah, Jalan Lencongan Timur, Barat dan Lagenda Heights. Kalau…

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Bakar Arang…

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

YB. Bakar Arang minta laluan boleh?

YB. TUAN SPEAKER

Lunas, bangun

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Bagi saya habis ni dulu, 1 minit lagi.

YB. TUAN SPEAKER

Ada 2 minit lagi YB, Dia tak bagi YB.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Kalau ada program besar-besaran di Sungai Petani seperti *food fest* ataupun *marathon* ataupun perayaan pulak, jem dalam trafik. Jem bukan saja di jalan utama. Jem sampai sehingga ke dalam *highway*. Saya lihat antara punca yang jem ini yang saya rasa adalah pertama adalah lampu isyarat tidak selaras. Banyak simpang yang sempit. Tetapi pembangunan yang begitu banyak tapi jalan masih yang sama. Tiada laluan alternatif, dan juga satu adalah *developer* pun tidak *standardized*. Saya bagi satu contoh seperti di Lencongan Timur, ya Lencongan Timur.

Di sana saja area itu, saya rasa ada 6 *developer* yang berbeza. Bila ada 6 *developer* yang berbeza, setiap *developer design road* dia sendiri. Jadi jalan keluar itu mengakibatkan tempat itu *stuck* dan jem. Jadi saya minta PBT dan JKR buat kajian trafik yang menyeluruh. Tubuhkan satu jawatan kuasa khas trafik Kuala Muda. Dibagai agensi teknikal PBT pakar perancangan bandar dan juga *developer* bila design satu *city planning* dan juga jangan lupakan libatkan juga bersama wakil rakyat. Kita..

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Bakar Arang satgi habis lah.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Kita tak boleh guna plan trafik 10 tahun lalu untuk hadap keesokkan hari.

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Yang Berhormat Speaker…

YB. TUAN SPEAKER

Kalau Lunas bangun, kiranya masa sudah habis.

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Seminit YB. Bakar Arang boleh?

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

YB. Bakar Arang ada tulis surat tak?

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Tak boleh banyak lagi point.

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Tadi sudah *deal* tadi kata mau bagi.

YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN

Aik semua bangun.

YB. TUAN SPEAKER

Okey sila landing, masa sudah habis.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Kedua, isu kawasan perindustrian di Kuala Muda. Tahniah, negeri kedah catat pelaburan tempat tertinggi di Malaysia. Tapi, pelaburan banyak masuk ke Kulim sahaja. Sungai Petani seolah-olah dianaktirikan. (Dewan kesiannn ha ha ha) (YB. Lunas mencelah)

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Yb. Bakar Arang bagilah laluan.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Sedangkan… sedangkan…

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

YB. Bakar Arang bagilah laluan, boleh ha?

YB. ENCIK ABDUL GHAFAR BIN SAAD

Bagilah laluan…

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

1 minit ja 1 minit.

YB. ENCIK ABDUL GHAFAR BIN SAAD

YB. Tuan Speaker tambah lah dekat dia sikit.

YB. TUAN SPEAKER

Ok YB. Lunas.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Bagi laluan, bagi laluan.

YB. TUAN SPEAKER

Ok, YB. Lunas.

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker. Saya amati ucapan YB. Bakar Arang ni daripada awal tadi. Dia bentuk persepsi kepada rakyat kononnya Pentadbiran Yang Berhormat Jereni, gagal. Nanti sat bagi saya dulu. Baik daripada LRA tadi. LRA bukan gagal. Berlaku kelewatan atas banyak faktor. Jadi benda tu masih berjalan seperti biasa. Menteri yang Berhormat pun dah turun beberapa kali. Baik, itu satu LRA. Yang kedua, berkenaan dengan trafik jam. Trafik jam ni takpalah kalau Yang Berhormat kata di Kedah ni, kita gagal menguruskan trafik jam. Saya nak rujuk negeri Yang Berhormat di Selangor. Jalan sampai 5 lapis, 4 lapis, 4 lorong kiri kanan pun jam. Di negeri sahabat Yang berhormat Pulau Pinang, jambatan kini pi balik kiri 3, balik 3 pun jam. Adakah itu nak dikatakan wujud satu persepsi kata kita gagal menguruskan trafik ni kerana Kerajaan negeri ni gagal. Trafik ni Yang Berhormat. Sekejap, sekejap, sikit lagi. Masalah trafik ni Yang berhormat.

Benda yang kita perlu buat perancangan untuk jangka masa panjang. Pelebaran jalan tu penting tapi bukan boleh selesai masalah jangka panjang. Perlu ada satu jaringan sistem dan pengangkutan awam yang tersusun. Itu penyesaian dan jawapan ni patut Yang Berhormat bagi. Bukan salahkan kerajaan. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Sila YB. Bakar Arang 1 minit lagi.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Terima kasih kepada YB. Lunas. Pertama saya rasa untuk LRA Bukit Selambau. Sebenarnya Covid-19 pun sudah lalu begitu lama dan projek itu 2021 sampai 2023 dan sekarang 2023 EOT 3 kali sampai 2025 pun sudah dekat 2 tahun. Tapi progresnya masih 40%. Saya bagi tahu ni adalah untuk memberi satu kritikan yang membina supaya kita tahu apa masalahnya dan macam mana kita nak mengatasinya. Sama juga dengan masalah kesesakan lalu lintas tu. Semua tu adalah kritikan supaya boleh membuat penambahbaikan untuk rakyat di Sungai Petani. Itu yang saya mahu. *So* kedua, tadi saya sambung balik.

YB. TUAN SPEAKER

Sila landing YB.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Ok, ini berkenaan dengan isu kawasan perindustrian di Kuala Muda. Ke-4 tertinggi negeri Kedah mencapai, semua sudah masuk ke Kulim. Sungai Petani seolah dianaktirikan. Sebenarnya di kawasan perindustrian Bakar Arang, Taman Cendana, Taman Ria dan Pinang Tunggal, kawasan industrial kecil dan sederhana ni keadaannya sangat tidak memuaskan. Sebenarnya kalau lihat, dia merupakan kawasan perindustrian yang bermula pada 90-an. Jadi banyak pokok sudah naik dan banyak pokok tidak diselenggara. Jalan berlubang juga, teruk tanpa pembaikan dan naik taraf. Sebenarnya ini adalah kawasan pelaburan, kawasan ekonomi. Tapi bagi pelabur yang datang ingin melabur di situ, dia nampak seperti satu kawasan tebiar.

Jadi saya minta Kerajaan negeri, kalau boleh naik tarafkan infrastruktur segera, sediakan jadual penyelenggaran bekala, jagalah kawasan perindustrian ini sama seperti kawasan pelancongan. Jika kalau kita nak lebih banyak pelabur datang, kita kena jaga imej dan asasnya. Seterusnya, ini adalah isu berkenaan sistem parking yang dilaksanakan di Majlis Pembandaran Sungai Petani. Sebenarnya *app Flexi e-parking* ini telah bermula tahun, akhir tahun lalu, sebenarnya nampak *modern* tapi sebenarnya kena bayar lebih.

Sebenarnya kalau kita bandingkan dengan penggunaan kupon dari tahun-tahun lalu, sekarang waktu charge-nya lebih panjang sampai ke pukul 7 petang dan 7 hari. Dulu kita pakai kupon dia memang masa pendek tak sampai pukul 7, tetapi 5 hari sahaja. Sekarang, kita guna kena pakai sampai 7 hari. Jadi, saya tahu ada dasar telah ditukar di mana beberapa bulan lalu, di mana dikecualikan 1 hari. Okey, itu pada hari Sabtu. Jadi, saya cadangkan di sini, kembalikan pengkecualian parking itu kepada 2 hari seminggu. Dan juga, contohnya Sabtu dan Ahad.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

YB. Tuan Speaker…

YB. TUAN SPEAKER

Sudah lebih 5 minit YB.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Adakah Bakar Arang bersetuju dengan saya bahawa satu penyelarasan seluruh negeri perlu dilaksanakan bagi semua kadar parking dan juga kompaun yang dikenakan dan juga hari yang boleh diperlu bayar *parking*. Sebab Alor Setar 7 hari dan saman kalau lebih beberapa hari 100 ringgit. Jadi, yang ini lebih mahal daripada negeri maju seperti Pulau Pinang dan Selangor.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

YB. Kota Darul Aman, saya setuju. Saya rasa perlu satu *standardized* di seluruh negeri Kedah. Bukan saja untuk kompaun dan juga memudahkan rakyat-rakyat yang menggunakan *parking*, sistem *parking* di negeri kita.

YB. TUAN SPEAKER

Ok, boleh *landing*.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Yang Berhormat Tuan Speaker, kita semua hadir di sini bukan sekadar untuk berdebat tetapi untuk menyampaikan hasrat rakyat yang letih menunggu perubahan. Rakyat tak minta bulan dan bintang. Mereka cuma mahu jalan elok, air dan peluang anak mereka untuk maju dan anak muda senang cari makan, berumah tangga dan hidup selesa. Saya tak minta semua ini diselesaikan dalam sehari. Tapi mulakanlah dengan hari ini. Buktikan bahawa Kerajaan negeri ini bukan hanya pandai janji ketika PRU. Tetapi juga cekap bila mentadbir. Izinkan saya akhiri dengan satu kata-kata.

“Rakyat bukan minta sempurna. Mereka cuma minta kita jangan lupa. Jangan tunggu rakyat turun ke jalan baru nak dengar. Jangan tunggu viral baru nak bertindak. Suara mereka sudah sampai ke sini. Sekarang tanggungjawab di tangan kita semua. ”Saya mohon perhatian dan sokongan semua pihak dan akhir sekali, saya menjunjung kasih kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat Bakar Arang. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Gurun. Kita akan berhenti sehinggah jam 4 setengah. Silakan YB, ada 15 minit lagi.

YB. ENCIK BADDROL BIN BAKHTIAR

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-ahli dewan undangan negeri yang saya hormati. Saya ahli dewan undangan negeri N.22 Gurun dengan penuh takzim berdiri pada hari ini untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al - Amirul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah. Sultan Negeri Kedah Darul Aman berangkat merasmikan mesyuarat pertama penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman yang ke-15, menjunjung kasih Tuanku.

Pertama sekali izinkan saya merafakkan setinggi-tinggi junjungan kasih atas titah Tuanku Sultan yang penuh hikmah menyentuh pelbagai aspek pentadbiran kesejahteraan rakyat dan hala tujuh negeri. Tuanku jelas mencerminkan keprihatinan baginda terhadap pembangunan negeri Kedah ini. Kelesterian alam kepada rakyat serta kemajuan anak muda sebagai generasi pelapis. Sebagai anak jati negeri Kedah ini, saya amat terharu dan berbangga dengan kebijaksanaan Tuanku dalam memperincikan hal-hal berkaitan kesejahteraan rakyat jelata sesungguhnya titah Tuanku menjadi perdoman kepada kita semua dalam melaksanakan amanah yang telah diberikan oleh rakyat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pada sesi sidang yang lalu, pihak kerajaan negeri kedah telah mengumumkan mengembalikan sukan Kedah Darul Aman iaitu SUKDA yang sekian lama tidak dilaksanakan. Saya melihat penganjuran sukan ini dapat membantu kerajaan dalam mengenalpasti bakat-bakat baru untuk diketengahkan bagi mewakili negeri kedah di SUKMA yang akan diadakan pada 2026 nanti di Selangor. Pada hari ini, Kedah mempunyai beberapa atlet yang telah berjaya mewakili negara di peringkat antarabangsa.

Di peringkat atlet pelapis juga tidak kurang hebatnya diizinkan saya mengucap tahniah kepada pasukan berbasikal SUKMA Kedah yang ketika ini berada di tahap yang amat membanggakan. Pada tahun ini, pasukan ini telah menyertai *B-Ways Tour of Vietnam 2025*. Pada 7 hingga 18 2025 dan mendapat kejayaan pada sukan ini nombor 1 terbaik dan terkini pasukan ini sedang menyertai *Junior Cycling Malaysia Track Series 1 Velodrome National* Nilai yang bermula pada 19 hingga 22 April dengan pencapaian pada 19 April 2025 ini dengan 2 emas, 4 perak dan 5 gangsa. Tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Alor Mengkudu.

Sehubungan itu saya ingin memohon pihak kerajaan menyatakan bilakah SUKDA ini akan dilaksanakan dan sukan-sukan yang akan dipertandingkan. Yang Berhormat Speaker, saya juga melihat pembangunan sukan dikalangan orang kurang upaya di negeri ini perlu diberi perhatian oleh kerajaan.

Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak kerajaan kerana cakna dengan pembangunan atlet para dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM50,000 pada bajet 2025 ini. Saya juga, saya rasa peruntukan ini merupakan kali pertama disediakan oleh kerajaan negeri kedah bagi membantu pembangunan sukan dikalangan orang kurang upaya ini. Seramai 12 orang atlet para negeri kedah yang telah berjaya mencipta nama yang membanggakan negeri Kedah dan mewakili negara, Malaysia seterusnya menyertai kejohanan ataupun temasya sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Yang pertama, 2 orang atlet para renang dan yang ke-2, 2 orang atlet para memanah. Ke-3, 4 orang atlet para olahraga dan yang ke-4, 4 orang atlet CP Football. YB. Tuan Speaker yang saya hormati, tema *The Experience Kedah* telah berjaya menarik perhatian ramai. Mungkin sebab inilah yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Bakar Arang tadi, kesetakan lalu lintas. Sebab kita faham sekarang ini pada tahun ini adalah tahun melawat Kedah. Saya, saya sendiri tinggal di Sungai Petani ini dan memang begitu sesak. Yang kita fahamkan sesak itu adalah disebabkan pelbagai *event* ataupun program yang dianjurkan di Sungai Petani dan mungkin mereka ini pergi ke Gunung Jerai. Dan kita paham Gunung Jerai sekarang sudah lain dan mempunyai pelbagai pemandangan yang begitu menarik.

Jadi Yang Berhormat Tuan Speaker, kerjaya ini bukan sahaja menarik pelancong tetapi juga menarik kehadiran ramai Menteri dari pihak Kerajaan Pusat. Mungkin mereka ini tertarik dengan keindahan serta menerokai negeri kita ini. Namun, disebalik kehadiran yang meriah itu, kita harus melihat impak sebenar kepada rakyat.

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

Mencelah…

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB!

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Dalam mensyarat Daerah bulan lepas, Kuala Muda jadi kita daerah, bila ditanya pasal apa Kuala Muda ini ramai Sungai Petani ni, jem selalu. Dia kata itu tanda maju. Kalau tak maju, tak jem. Jadi biar dia kata jem. Jadi, adakah YB. Gurun bersetuju dengan apa yang disebut Kuala Muda daerah?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan, YB. Gurun.

YB. ENCIK BADDROL BIN BAKHTIAR

Terima kasih Tanjung Dawai. Saya setuju apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Tanjung Dawai tadi. Memang kita faham pada tahun ini, Tahun melawat Kedah, memang kita akan mengalami kesulitan. Jadi, saya minta Yang Berhormat yang ada di dewan ini, harap bersabar. Sempena tahun melawat Kedah ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan negeri dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat menjayakan kempen ini.

Terutama sekali kepada pihak syarikat berkaitan kerajaan seperti PKNK yang telah menjadikan Gunung Jerai lokasi yang berjaya menarik pelancongan datang melawat negeri Kedah ini. Ini dapat dilihat dengan kesesakan kenderaan yang apa yang dikatakan oleh YB. Bakar Arang tadi. Yang ingin naik ke atas Gunung Jerai melimpah hingga ke tepi jalan besar. Terima kasih sekali lagi saya ucapkan. Oleh yang demikian, saya memohon agar infrastruktur berkaitan akses kepada Gunung Jerai dapat dibangunkan dengan lebih baik untuk menampung lebih ramai pengunjung. Untuk maklumat YB. Tuan Speaker, sebahagian Gunung Jerai berada di dalam kawasan Dun Gurun serta Guar Cempedak.

Saya ingin menyentuh status sungai yang berada di dalam lot persendirian. Saya mohon pihak kerajaan meneliti perkara tersebut kerana sungai-sungai yang berada dalam lot persendirian ini boleh menimbulkan pelbagai isu serta menyukarkan agensi-agensi tertentu untuk menyelenggara dan sebagainya. Ianya telah menyebabkan banyak sungai-sungai tidak diselenggara dengan baik serta kerap berlaku banjir terutamanya di Dun Gurun.

Yang Berhormat Tuan Speaker yang saya hormati, negeri Kedah yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sangat terbuka dalam menjalinkan kerjasama pentadbiran di antara kerajaan negeri dan pusat. Beliau telah menunjukkan satu contoh *professionalism* dan semangat *federalism* yang tinggi dengan mengenepikan perbezaan pandangan politik dalam hal-hal berkaitan pentadbiran antara dua kerajaan negeri dan pusat. Kami yang berada dalam pasukan beliau mewakili wakil rakyat masing-masing juga mengikut apa yang beliau telah tunjukkan selama ini. Inilah satu contoh Menteri Besar yang patut kita contohi. Oleh itu, mesej yang jelas ingin disampaikan, kami sebagai wakil rakyat Dun negeri kedah terbuka berganding bahu dengan kerajaan pusat berkerjasama, berkhidmat untuk rakyat bagi memajukan negeri kedah ini selaras dengan misi *The Greater Kedah.*

Dalam aspek pelaburan pula, kita tidak boleh menafikan kejayaan yang dicapai yang bernilai RM45.8 bilion saya ulang RM45.8 bilion jumlah keseluruhannya pelaburan yang telah dicapai pada tahun 2024 berbanding RM28.7 bilion pada tahun 2023. Lebih 50% pertumbuhan yang telah dicapai Ini adalah pencapaian yang membanggakan dan menunjukkan keyakinan pelabur terhadap potensi negeri Kedah.

Tahniah saya ucapkan kepada EXCO Pelaburan. Namun persoalannya, bagaimana hasil daripada pelaburan ini diseluruhkan untuk manfaat rakyat. Saya mencadangkan sebahagian daripada hasil pelaburan ini digunakan untuk pembangunan soal termasuk yang pertama semestinya meningkatkan kemudahan sukan di peringkat akar umbi untuk melahirkan atlet tempatan yang berdaya saing. Yang kedua kebajikan memperluas program bantuan kepada golongan kurang berkemampuan termasuk warga emas dan orang kurang upaya. Yang ketiga kerohanian menyokong program keagamaan dan pembinaan pusat ibadah yang kondusif untuk semua lapisan masyarakat. Dengan langkah-langkah ini kita bukan sahaja menarik pelabur dan pelancong tetapi juga memastikan kesejahteraan rakyat Kedah terjamin selari dengan slogan Kedah Sejahtera, Nikmat Untuk Semua.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Kedah suatu masa dahulu adalah sebuah kerajaan yang gah dengan kesertaan kemajuan teknologi dan perkembangan ekonomi. Sebagai lambang tamadun Kedah Tua yang gah suatu ketika dahulu sudah menjadi tugas kita semua rakyat kedah mengembalikan dan meneruskan kegemilangan tersebut. Bahkan

kerajaan Kedah pada zaman dahulu juga menjadi tempat perdagangan pelbagai barangan termasuk rempah ratus. Diantara rempah ratus yang mempunyai potensi tinggi iaitu buah pelaga yang mana hari ini mencecah sehingga RM120 se gram. Secara tidak langsung mampu meningkatkan ekonomi serta mengembalikan pertanian satu peniagaan. Dalam hal berkenaan saya mencadangkan agar Kerajaan negeri ini dapat memperluaskan tanaman rempah ratus di dalam negeri ini.

Langkah ini penting untuk mengurangkan kebergantungan kepada import bahan-bahan ini meningkatkan pendapatan petani tempatan melalui deposifikasi tanaman, mewujudkan peluang pekerjaan baru dalam sektor pertanian. Saya berharap Kerajaan negeri dapat mempertimbangkan inisiatif ini sebagai sebahagian daripada strategi pembangunan pertanian yang mampan.

Selain itu, langkah ini dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada pekerbun kecil dan golongan belia konsep pertanian suatu peniagaan yang telah dipelopori oleh Almahrum Tun Abdullah Ahmad Badawi seharusnya dikembali dan diperkasakan untuk mewujudkan kedaulatan makanan dalam negara kita ini. Usaha belia mentransformasikan Malaysia daripada sebuah negara perindustrian kepada sebuah negara pertanian adalah satu usaha yang mulia. Selain itu, juga Almahrum Tan Sri Ustaz Azizan juga pernah merancang menjadikan Kedah sebagai Belanda Timur. Usaha yang mulia ini perlu kita teruskan bagi mencapai misi dan visi *The Greater Kedah*.

YB. Tuan Speaker, sebagai penutup di kesempatan ini di kesempatan yang ada ini saya ingin memperakamkan ucapan terima kasih kepada semua Anggota Pentadbiran Kerajaan negeri kedah yang telah bertungkus lumus bekerja bagi membangunkan negeri kedah yang kita cintai ini. Terutama sekali kepada pihak pejabat daerah PKNK yang telah melaksanakan projek khidmat sosial yang cukup banyak di dalam negeri ini seperti penerapan jalan kampung, pembaikan infrastruktur sukan dan pembaikan surau kampung. Tidak dilupakan juga kepada pihak swasta yang sama-sama menyumbang kepada pembangunan negeri Kedah ini. Sesuai dengan slogan "Kedah tempat orang miskin berteduh, tempat orang kaya berbakti". Dengan ini saya menyokong Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Al - Amirul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan negeri Kedah Darul Aman.

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Kita ada seminit lagi, jadi saya juga ingin ucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua orang yang terlibat sedia tunggu sehingga ke akhir perbahasan sdang kita pada petang ni dan untuk besok seperti biasa kita akan bermula jam 9 pagi bermula dengan pertanyaan-pertanyaan mulut dan selepas tu perbahasan menjunjung kasih Titah Ke Bawah Duli yang Maha Mulia Tuanku dan kita bercadang untuk setengah hari jawapan-jawapan daripada pihak pekerjaan itu. Sengaja-sengaja diberitahu begitu sajalah, jadi Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian dah cukup masa. Jadi terima kasih kepada semua yang terlibat dan Ahli-ahli yang Berhormat sekalian. Dewan ditangguhkan sehingga jam 9 pagi besok.

[Sidang Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang]

[Sidang Dewan pada 22 April 2025 – Hari Ketiga Persidangan jam 9.00 pagi]

YB. TUAN SPEAKER

Bismillahirahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Pada Ahli-ahli Yang berhormat sekalian, Dewan di sambung semula. Bacaan doa.

Silakan Tuan Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - BACAAN DOA.

Alhamdulillahi Rabbul Samawati Wa'l-Ardi Wa'l-Rabbul Alamin. Wa Salatu Wa Salamu Ala Sayyidina Muhammadin Sayyidil Mursalin. Wa Ala Alihi Wa Sahbihi Ajma'in.

Dengan nama Allah. Tuhan yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang. Segala pujian bagi Allah. Tuhan yang memerintah sekalian langit dan bumi dan Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam atas Rasul kami Nabi Muhammad. Penghulu sekalian Rasul dan diatas keluarga dan sekalian sahabat-sahabatnya. Ya Allah yang Maha Berkuasa. Engkaulah Tuhan yang Maha Adil, Bijaksana dan Pemurah. Tuhan yang telah mengaturkan kewajipan Sultan Pemerintah dan meletakkan tanggungan pertubuhan dewan untuk keselamatan pemerintah dan kesejahteraan rakyat.

Kami hamba-hambamu yang Engkau telah perkenan meletakkan tanggungjawab bagi menyempurnakan segala pekerjaan dalam dewan ini memohon dengan limpah kurniaanmu berkatilah apa jua kiranya amalan-amalan pekerjaan kami dalam dewan ini. Sesungguhnya kami menjunjung perintah dan kebesaranmu maka anugerahkanlah kepada kami taufik dan hidayahmu yang menyeluruh bagi memimpin kami ketika berunding dan menimbang segala perkara yang didatangkan di hadapan kami. Dan kekalkanlah diatas kami sifat-sifat amanah jujur dan bertanggungjawab bagi menegakkan syariatmu dan menambahkan kemakmuran dan kesejahteraan negeri Kedah Darul Aman dan sekalian penduduknya.

Rabbana Atina Fiddunya Hasanah Wa Fil Akhirati Hasanah Waqina Azabannar. Aamin Ya Rabbal Alamin.

YB. TUAN SPEAKER

Aamin ya Rabbal alamin. Ahli-ahli yang Berhormat sekalian, pada hari ini Dewan ada menerima pelawat daripada Institut Kemahiran Mara (IKM) Seberang Prai Utara seramai 25 orang. Selamat datang ke Dewan Undangan Negeri Kedah saya ucapkan.

Urusan seterusnya, Tuan Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Sambungan kepada pertanyaan-pertanyaan mulut.

I. SAMBUNGAN SESI PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YB. Bakar Arang.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Terima kasih kepada Tuan Speaker. Mohon untuk jawapan soalan nombor 8.

8. YB. ENCIK LOH WEI CHAI
[ADUN BAKAR ARANG]

Ramai peniaga mengadu tentang proses Permohonan dan Pembaharuan lesen yang lambat serta denda yang tinggi daripada PBT kawasan. Adakah kerajaan negeri akan memperkenalkan sistem pemprosesan lesen yang lebih pantas dan fleksibel?

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Berhormat.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih YB. Bakar Arang. Soalan yang berbunyi begini, ramai peniaga mengadu tentang proses permohonan dan pembaharuan lesen yang lambat serta denda yang tinggi daripada PBT kawasan.

Adakah kerajaan negeri akan memperkenalkan sistem pengurusan lesen yang lebih pantas dan fleksibel? Betul YB. noh?

Soalan ini agak *general*, Yang Berhormat Tuan Speaker. Dia tidak spesifik kepada tajuk apa lesen tu, noh. Tak spesifiklah. Takpa, takpa. Cukup, jangan tambah. Hahaha. Noh, kan? Tak spesifik. Kita nak lesen apa kan? Lesen nak buka karaoke ka apa taktau kan? Jadi, saya jawab pun spesifik lah, spesifik. Yang lebih *general* kepada urusan-urusan yang berada di dalam PBT. Sebenarnya untuk proses permohonan lesen ini dia tak sepayah sepertimana yang kita sedia maklum. Sebenarnya kalau kita pergi ke setiap PBT memang sudah disediakan borang untuk permohonan lesen. Borang- borang tu memang kena disediakan oleh orang yang memohon lesen lah.

Antaranya, lesen yang kita benarkan untuk dibuat permohonan adalah lesen *trade*, lesen *establishment* makanan, lesen hiburan, rumah tumpangan, kedai gunting, lesen iklan, petroleum, pusat kecantikan. Ini yang saya baca ni adalah yang saya ambil, yang saya perlu Dewan fahamlah. Saya tak ambil semua sekali. Kalau semua sekali, dia panjang cerita dia. Kemudian, siapa yang boleh memohon lesen, kelayakan pemohon dan syarat asas pemohonan iaitu pemohon adalah warga negara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas. Semua pemohonan adalah menggunakan borang pemohonan lesen komposit. Pemohon dikehendaki mengisi borang pemohonan yang lengkap dan menyatakan dokumen asas dan dokumen tambahan jika berkaitan. Antaranya adalah syarikat tunggal, kalau syarikat-syarikat tunggal, pemilik ada, yang memohon adalah pemilik. Kemudian syarikat perkongsian, ahli perkongsian, syarikat berhad ataupun sendirian berhad, pengarah atau wakil pertubuhan berdaftar adalah pengerusi, setiausaha ataupun wakil.

Dan piagam pelanggan yang kita tetapkan di setiap PBT antaranya adalah permohonan baru lesen yang tidak teknikal, 1 ke 14 hari. Yang tidak kritikal lah, ada mungkin gunakan bahan api, bahan senjata atau sebagainya, yang biasa 1 ke 14 hari itu proses dia. Dalam lesen kritikal yang perlukan komen dari jabatan, agensi yang teknikal ada 1 hingga 30 hari bekerja. Pembaharuan lesen juga 1 hari bekerja sahaja, pembaharuan lesen dan pindaan maklumat lesen, 1 ke 14 hari bekerja. Kalau dia dah buat urusan perniagaan, dia nak ubah bentuk itu dia akan ada lah proses dia dan pembatalan lesen dalam 1 hari bekerja.

Dan syarat-syarat keperluan pematuhan sebelum pemohonan. Salinan kad pengenalan permohonan, foto permohonan berukuran passport, salinan daftar perniagaan (SSM), salinan perjanjian jual beli. *So*, ada borang perjanjian jual beli, kalau pemohonan-pemohonan Majlis dia akan buat perjanjian jual beli dengan pihak Majlis borang itu.

Kalau dia ada pemohonan pesendiriannya, dia ada perjanjian jual beli. Salinan bil cukai pintu yang terkini, gambar premis perniagaan (luar dan dalam), pelan ukuran ruang lantai premis perniagaan, pelan lokasi premis dan foto lakaran setiap papan iklan, iklan yang akan dipamerkan.

Antara dokumen-dokumen tambahan, syarat tambahan yang dikenakan oleh PBT pada permohonan-permohonan tertentu ada banyak. Saya ambil sebahagian sahaja. Kalau kita nak buka pusat *snooker, billiard*, mesin video, mesti ada lesen hiburan yang perlu dapat daripada pejabat daerah nah. Yang Berhormat Bakar Arang nah, pejabat daerah nah. PBT bagi premis sahaja. Itu kena dapat daripada pejabat daerah. Kalau kita buka taska, pusat asuhan kanak-kanak mesti dapat borang daripada sekurang-kurangnya JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat). Kalau tak dapat daripada JKM, tak dibenarkan. Kalau penggurup wang berlesen, nak buka *money changer* kena dapat surat kebenaran daripada Bank Negara Malaysia. Kalau nak buat *service* membekal alat pemadam api, menyimpan gas petroleum, benda-benda yang teknikal nilah, kebenaran daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan juga Jabatan Bomba dan Penyelamat. Kalau nak buat percetakan, mesti dapat dari Kementerian

Dalam Negeri. Kalau nak buka restoran, mesti ada suntikan. Suntikan daripada pekerja dan juga pemilik. Mesti ada suntikan, kursus pengendalian makanan mesti ada dan senarai nama maklumat pekerja yang terlibat dalam pemakanan tersebut. Kalau barang lusuh, besi buruk dan sebagainya mesti mendapat surat kebenaran daripada Balai Polis. Sebab kadang ada orang tanya, “kenapa besi buruk mahal sangat?” Sebab kebenaran tentu dapat daripada pihak Balai Polis. Kalau nak buat kilang beras, kilang beras ataupun kedai yang menjual beras mesti dapat kebenaran daripada Kementerian Pertanian.

Yang itu di antara beberapa syarat-syarat yang saya katakan secara khas kepada Yang Berhormat pasal soalan tadi terlampau *general.* Dan kita kelak, perlukan juga komen Jabatan Teknikal. Kalau yang berkaitan, yang tertentu macam gas, pemadam api tadi itu, dia perlukan komen Jabatan Teknikal. Lambat itu, lambat daripada komen Jabatan Teknikal lah. Tetapi walaupun Yang Berhormat katakan benda ini lambat tapi sebenarnya kita sedang proses menuju ke arah e-lesen ataupun lesen elektronik yang lebih *fast lane* dan *fast track*. Usaha ini adalah membantu mempercepatkan proses. Ini sedang kita laksanakan di setiap PBT. Saya rasa yang itulah untuk maklumat Yang Berhormat.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan tambahan, YB. Bakar Arang.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Soalan tambahan. Terima kasih YB. Tuan Speaker. Terima kasih kepada YB. Kuala Ketil.

Soalan tambahan saya ialah katakan beginilah, kalau mereka nak buka kedai runcit, kedai borong. Ini adalah yang paling banyak peniaga yang buka jenis peniagaan seperti inilah. So, apa yang saya sarankan, apa yang mereka fikirkan ialah bila mereka pergi memohon lesen itu, mereka perlu pergi ke contohnya pergi ke Bomba. Contohnya untuk mendapatkan lesen papan iklan kena pergi ke jabatan yang lain. Adakah PBT boleh buat di mana menjadi satu *one stop centre*, pergi ke PBT sahaja dan *apply* untuk semua lesen itu sebab untuk memudahkan mereka tak perlu pergi ke terlalu banyak *department.* Terima kasih.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Terima kasih Yang Berhormat YB. Bakar Arang. Tapi kalau kata pi pun tak jauh sangat. Kalau dalam Sungai Petani, dia dekat-dekat lagi kan? Tak jauh sangat kan? Sebab saya ni pun pun ada mohon permohonan kedai juga, buka kedai, sewa macam itulah proses yang kena buat noh. Proses itu buat sebab apa, bukan karaoke. Itu proses yang kita buat selama ini noh. Walau bagaimanapun, dari segi maklumat yang kita difahamkan mungkin dah ada dah kita buat satu sistem tu, yang mana boleh setiap jabatan akan ambil komen dalam itu. Itu sedang kita rancangkan seperti Yang Berhormat cadangkan tadi. Okay.

YB. TUAN SPEAKER

Okay. Terima kasih.

YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

Sedikit soalan tambahan.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Bukit Selambau, silakan.

YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

Okay.Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan tambahan saya, terima kasih di atas pencerahan berkaitan dengan lesen-lesen. Tapi, di sini kita mungkin terlepas pandang berkaitan dengan peniaga-peniaga makanan. Apakah aspek penilaian kesihatan yang perlu ditekankan kepada peniaga-peniaga makanan? Sekian.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat. Nak dua sekali? Silakan YB. Tokai.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih YB. Kuala Ketil. Di tempat saya, saya nak tanya semasa Covid dulu kita banyak keluarkan lesen-lesen sementara kepada peniaga-peniaga terutama sekali untuk apa mereka meneruskan kehidupan ketika itulah. Jadi, sekarang ini kita tengok masih ada lagi lah yang berniaga di tepi jalan terutama sekali makanan. Terutama sekali mereka kena ada beberapa syarat yang kita tetapkan hari tu ni, dari segi keselamatan dari segi kebersihan, dari segi apa kita kata, tidak mengganggu lalu lintas. Jadi, kita tengok sekarang ini masih ada lagi.

Adakah PBT meneruskan usaha-usaha lesen sementara ini dan sekerap mana kita melakukan pemantauan. Yang keduanya tentang peniaga-peniaga kita kata, nampak kadang-kadang orang Rohingya, orang Bangla, orang apa, kalau hat Patani itu biasalah makanan. Jadi, adakah mereka ini juga diadakan pemantauan terhadap peniaga-peniaga orang asing yang berniaga? Kadang-kadang bukan sementara itu, di kedai. Kita tengok apa Rohingya yang berniaga. Tak percaya? Nanti saya tunjuk.

Terima kasih kepada YB. Kuala Ketil dan juga YB. Tuan Speaker yang memberi kebenaran untuk jawab sekali. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Okay. Silakan, YB. Kuala Ketil.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Kalau YB. Sidam haritu, orang Patani. Kalau YB. Tokai pulak orang mana? Orang Rohingya. Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan terima kasih Yang Berhormat Bukit Selambau. Untuk penilaian makanan ni, memang ada syarat-syarat yang kita tetapkan kepada pengendali-pengendali makanan, restoran-restoran yang sedia ada dan juga peniaga-peniaga di tepi jalan. Khususnya kita amat ambil berat tempoh hari, tempoh bazar Ramadhan. Itu hari pun kita buat garis panduan khas untuk peniaga Bazar Ramadhan. Ini diantara yang kita tekankan adalah program kita buat dengan kesihatan, Jabatan Kesihatan Negeri iaitu kita buat ceramah pendidikan kesihatan, kita keluarkan arahan-arahan kepada semua PBT untuk selaraskan dengan semua peniaga-peniaga yang berkaitan dengan penyediaan makanan, berkaitan dengan risalah, poster, *bunting* dan *banner*, hebahan melalui media cetak dan juga media elektronik dan juga pameran-pameran kesihatan.

Di antara yang kita perlukan, peniaga tersebut adalah meneliti tahap kesihatan dia adalah kita nak mereka menjalani pemeriksaan kesihatan. So, mana sebelum dia mohon lesen untuk berniaga makanan itu, dia mesti menjalani pemeriksaan kesihatan, mendapatkan pelalian Tifoid, suntikan itu, menghadiri kursus asas pengendalian makanan di sekolah latihan makanan yang dikitiraf. Mana nak mohon lesen untuk berniaga bekalan makanan ini, mesti syarat-syarat asas dia mesti ada yang tu lah. Barulah PBT membenarkan untuk dia berniaga dan sebagainya. Mempamerkan lesen peniagaan, kad kesihatan dan juga sijil kursus, pastikan makanan yang sediakan tidak atau yang dimasak itu berada di suhu bilik tidak melebihi 4 jam. Contohnya, dia nak berniaga pagi pukul 10, dia janganlah masak pukul 5 dah masak dah. Dia melebihi 4 jam, makanan tersebut berkemungkinan akan menyebabkan keracunan dan sebagainya.

Mematuhi kehendak perlindungan makanan seperti mengasingkan makanan mentah dan yang telah dimasak. Tidak membiarkan makanan dan minuman yang terdedah. So, mana kalau benda dia menjual tu makanan, kedai makanan tu, dia mestilah tutup lah. Dia tidak terdedah pada habuk dan sebagainya. Perkakas dan peralatan yang digunakan tidak tercemar. Jauhi daripada sumber percemaran dan elakkan makanan terdedah pada suhu bilik melebihi 4 jam.

Ini adalah waktu dia meniaga tadi, dia kena patuhilah peraturan tersebut. Menjaga kebersihan diri dan pengendali makanan. Mengekalkan kebersihan diri pada tahap tinggi termasuklah kebersihan kuku, sentiasa pendek dan bersih. Bermakna orang yang kerja kedai makan ni, kalau kita pergi nak beli tu, kalau perempuan selalunya dia tak potong kuku panjang, Speaker kan? Kuku depa panjang, kuku warna-warni tu. Ha tu tak betul, tak baguslah kan? Dia mesti kuku pendek. Pakai cincin besar macam YB. Kubang Rotan pakai pun tak boleh jugak. Macam YB. Kubang Rotan pakai. Hahaha. Ok, ok. Cincin yang tok ayah pakai dulu hat belah kanan tu ok lah, kalau belah kiri payah sikit. Dia pakai cincin pastu dia pi tandas. Hat tu bahaya jugak tu. Pastu mai tebar roti canai dekat luar. Noh? Contoh. YB. Kubang Rotan jangan marah. Aip tak boleh lah kias dekat Yang Amat Berhomat Menteri Besar, orang lain boleh lah.

Menggunakan penutup kepala ataupun apron yang kita benarkan guna. Basuh tangan sebelum mulakan kerja dan selepas keluar dari tandas untuk mengendalikan makanan. Tidak melakukan apa-apa kelakuan atau tindakan yang boleh menyebabkan pencemaran makanan. Tidak meletakkan barang-barang dalam poket apron, ataupun disentuh. Setengah apron tu ada poket. Tapi kalau yang kita bekalkan '*Experience Kedah'* tu, tak dak poket lah noh. Kita bagitau siap dah, tak dak poket. Tapi setengah dia beli di kedai, apron dia dah poket. Dia suka masuk tangan tu. Dia duduk saja masuk tangan.

Dalam tu ada pencemaran. Banyak bakteria dalam tu. Semua benda tu. Duit, gelang, semua dalam tu. Dan tidak memakai aksesori. Aksesori macam cincin saya kata tadi kan. Cincin, rantai, subang, kerongsang sebab takut masa mengendalikan makanan, benda tu jatuh dalam. Orang makan tercekik. Bukan tercekik makanan, tercekik kerongsang. Kerongsang emas tu ok juga. Boleh jual juga…

Hahaha. Tulah. Kerongsang hat dua ringgit tu teruk lah. Ini syarat-syarat asas untuk Yang Berhormat Bukit Selambau. Bermakna pengendalian makanan ni penting lah untuk dia pamerkan benda-benda yang berkaitan dengan makanan. Ini pun saya ambil contoh waktu bazar Ramadhan baru ni, saya turun daripada 7 PBT lah untuk buat pemeriksaan. Jadi Alhamdulillah, bila kita turun tu kita dapati 90% peniaga-peniaga mematuhi peraturan dari segi kebersihan, segi makanan yang dipamerkan untuk dijual, pakaian dia sendiri, tutup kepala dan juga pakai apron. Jadi, syabas lah pada PBT yang mengeluarkan arahan-arahan, pekeliling kepada peniaga-peniaga yang berkaitan.

Untuk YB. Tokai, yang berkaitan dengan peniaga-peniaga asing. Kita sebenarnya sudah ada garis panduan. Sebelum ni, tak membenarkan kepada peniaga-peniaga asing, bukan warganegara yang meniaga. Sama ada di luar, di pasar malam dan sebagainya. Tetapi kemungkinan yang kita jumpa daripada peniaga-peniaga itu, mereka adalah pekerja kepada tauke yang asal itu. Tauke itu memang berlesen, tapi pekerja itu dia ambil tambahan. Macam nasi kandar yang kita duk makan selalu tu lah. Tauke dia orang tempatan, tapi peniaga itu orang luar. Walaupun orang luar pun, mesti mereka sediakan senarai. Mesti mematuhi peraturan-peraturan yang kita tetapkan dalam pengendalian makanan. Itu yang kita nakkan.

Okay lesen sementara, walaupun berlaku Covid dulu, kita benarkan untuk peniaga-peniaga berniaga sementara di tepi jalan dan sebagainya. Arahan itu masih kita teruskan. Kita tak tarik balik arahan itu untuk tak benarkan meniaga. Dan kita dah maklum kepada semua PBT untuk mengambil kira peniaga yang berada di jalan ini asalkan tempat-tempat peniaga itu tempat yang selamat, tidak mengganggu lalu lintas, tidak membahayakan orang ramai dan sebagainya. Ada peniaga yang terpaksa dipindahkan oleh YDP-YDP atau Datuk Bandar, memindahkan peniaga-peniaga yang sedang berniaga sekarang ni sebab mengambil kira tempat-tempat tersebut untuk dibangunkan. Di tempat parkir, tempat *landscape* dan sebagainya. Dan peniaga-peniaga yang dipindahkan ini juga, bukanlah kita halang mereka terus meniaga. PBT-PBT sediakan tapak yang baru dan peniaga-peniaga ini juga harus faham dari zaman 2021 sampai sekarang ini, dah hampir 4 tahun lebih. Sepatutnya mereka dah keluar daripada zon kita nak bantu mereka.

Dan sebenarnya mereka dah boleh berdikari sendiri dan bila PBT keluarkan mereka untuk dikumpulkan di satu tempat, sepatutnya mereka bersetuju walaupun bukanlah alasan kita untuk nak halang rezeki mereka. Tetapi, inilah pembangunan yang kita rancang. Kita terpaksa buat juga. Kadang-kadang tempat yang meniaga tu, kadang-kadang kenderaan yang *parking*, terpaksa *parking* depan kedai. Kedai yang bangunan PBT sebagainya dan bila *parking* dia akan menghalang kedai-kedai untuk menerima pelanggan. Sedangkan orang yang meniaga di tepi jalan ni, mereka tak bayar apa-apa pun. Tak bayar apa-apa pun dan kadang-kadang faktor kebersihan juga diambil kira dalam setiap meeting. Yang inilah kenapa kita minta sedikit toleransi kepada peniaga-peniaga untuk apabila diselaraskan semua oleh PBT. Mereka terpaksa akurlah sebab PBT merancang pembangunan dalam kawasan tersebut. Sekian

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat Kuala Ketil. Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Derga.

YB. ENCIK MUHAMAD AMRI BIN WAHAB

Bismillahirrahmanirrahim.

Itik salai negeri Sembilan,
Soalan saya nombor Sembilan.

9. YB. ENCIK MUHAMAD AMRI BIN WAHAB
[ADUN DERGA]

Pohon dinyatakan apakah perkembangan pengeluaran benih padi di Kedah yang dirancang oleh YB. EXCO Pertanian?

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Berhormat Suka Menanti.

YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN AB. GHANI

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih YB. Derga. Soalan YB. Derga berbunyi.

Pohon dinyatakan apakah perkembangan pengeluaran benih padi di Kedah yang dirancang oleh YB. EXCO Pertanian?

Pengeluaran padi, pengeluaran benih padi yang sedang dirancang ini masih di peringkat pemilihan jenis benih padi yang bersesuaian untuk digunakan oleh para pesawah di negeri ini. Pengeluaran benih padi yang baru perlu diperkenalkan segera untuk memaksimumkan pengeluaran hasil padi negeri ini. Melalui lawatan kerja ke Pusat Kajian Organik Terpadu (PKPOT) di Nunusia. Yang berhormat Jeneri kata Nunusia. Nunusia. Malang, Indonesia baru-baru ini. Pihak kerajaan negeri telah mengenalpasti beberapa jenis benih padi yang mempunyai beberapa kelebihan berbanding dengan benih padi yang sedang digunakan di negeri ini. Terdapat dua jenis varieti yang akan dibuat kajian lebih mendalam, iaitu HMS700 dan HMS70D bagi dibuat penilaian daripada setiap aspek bagi melihat kesesuaian untuk ditanam negeri ini. HMS700 ini bermakna setiap tangkai dia boleh hasilkan sehingga 700 biji padi berbanding dengan padi di negeri kita, puratanya dalam dua ratus saja. Tu pun penat nak capai dan HMS70D ini bermakna tempoh kita boleh tuai, hanya dalam tempoh 70 hari kita boleh tuai. Tempoh matang dia 70 hari berbanding dengan tempoh matang padi di negeri kita, anggar antara 100 hingga 120 hari.

Selain itu, melalui kerjasama antara kerajaan negeri dengan Agensi Nuklear Kebangsaan dan juga UITM sedang dalam peringkat kajian untuk mengembangkan benih padi sedia ada kepada berapa varieti yang baru yang akan dibuat kajian di tempat benih seluas 25 hektar di kampung Sungai Mati, Tobiak, Pendang. Kawasan tersebut dikelola oleh syarikat persendirian yang bekerjasama rapat dalam menjadikan kawasan tersebut sebagai tempat lahirnya benih padi pertama di Negeri Kedah**.** Pihak Malaysian NPK Fertilizer (NAFAS) juga membantu dalam penyaluran input tambahan pembaikan struktur tanah agar benih padi yang tanam sesuai dan bermutu. Antara usul-usul lain yang telah dirancang untuk dijadikan sebagai tempat penanaman benih padi Kedah adalah seperti bersama-bersama penduduk tempatan mengerjakan tanah-tanah terbiar. Contohnya di Tualang, Pokok Sena seluas 70 ekar. Kubang Sepat, Megat Dewa seluas 288 hektar. Di Langkawi seluas 28 hektar serta Jabatan Pertanian Negeri Kedah. Di Jalan Kota Kedah juga ada kawasan yang akan dijadikan sebagai tempat penanaman benih ataupun ladang benih.

Perbincangan bersama pengkaji-pengkaji benih padi tidak terhad di dalam negara sahaja. Pihak China Agriculture Technology Institute dari Chongqing, China. Kulim, betul dak sebut ni? juga ada menawarkan usaha sama untuk mengenalkan varieti benih padi hibrid yang dikatakan dapat meningkatkan hasil padi sehingga 19 tan per hektar.

Ada negara-negara pengguna beras yang telah menggunakan varieti benih padi hibrid ini yang terbukti dapat meningkatkan hasil padi seperti India, Vietnam, Thailand dan Myanmar. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan tambahan, sekiranya ada.

YB. ENCIK MUHAMAD AMRI BIN WAHAB

Soalan tambahan dia berbunyi, apakah jenis varieti padi yang telah dihasilkan oleh pihak agensi nuklear serta adakah benih terlibat dapat memberikan peningkatan hasil kepada pesawah?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat Exco.

YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN AB. GHANI

Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih YB. Derga. Izinkan saya nak jawab ni dengan pantun sikit.

YB Derga nampak segak pagi ni,
Kita bawak jalan ke sana ke sini,
Duk macamtu pun tanya banyak lagi,
Lepasni kita bawak YB Speaker pulak pi.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih.

YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN AB. GHANI

Soalan tambahan YB Derga berbunyi ‘Apakah jenis varieti padi yang telah dihasilkan oleh pihak agensi nuklear serta adakah benih terlibat dapat memberikan peningkatan hasil kepada pesawah?’.

Agensi nuklear mempunyai satu-satunya benih padi sah yang diperakui oleh MARDI iaitu varieti NMR152 ataupun IS21. Benih tersebut telah memberi hasil yang tinggi bergantung kepada cara penjagaan dan klasifikasi tanah. Sebagai contoh, di kawasan Megat Dewa, Kodiang.

Petani yang mengusahakan sawah menggunakan benih padi NMR152 mendapat hasil antara 8 hingga 10 tan per hektar. Benih padi NMR152 juga menjadi tahap kerintangan yang tinggi terhadap penyakit dan perosak seperti karah, hawar daun. Benah perang dan hawar seludang.

Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, pihak Agensi Nuklear telah melaksanakan ujian *Advanced Line Mutant* terhadap benih padi selama 3 tahun di tapak kajian mereka. Sebanyak 6 kali pemilihan uji kaji benih, ini bermaksud ianya bukanlah lagi sekadar *basic research*. Benih tersebut telah memasuki segi fasa-fasa pemilihan jalur benih yang terbaik. Jalur benih yang terbaik inilah yang akan ditanam di tapak pusat benih padi Tobiar untuk melihat kesesuaian benih tersebut dengan struktur tanah, cara penjagaan, pengairan dan sebagainya. Agensi nuklear juga ada menguji kaji benih padi tanam, tinggal dan tuai untuk kawasan-kawasan yang mengalami masalah tanah tidak subur, tanah jerlus dan kawasan yang kekurangan air. Hasil yang diperolehi adalah meningkat sebanyak 1 tan dari musim sebelumnya. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat Suka Menanti. Silakan Yang Berhormat Bukit Lada.

YB. USTAZ SALIM B. MAHMOOD

Assalamualaikum warahmatullah. Apa jawapan soalan nombor 10?

10. YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

[ADUN BUKIT LADA]

Terdapat banyak institusi pendidikan agama di Negeri Kedah. Bertepatan dengan apa yang disebut oleh YAB. Menteri Besar Kedah juga boleh disebut negeri Jelapang Ilmu.

Pohon dinyatakan adakah silibus sekolah-sekolah agama Islam atau sekolah agama rakyat di Negeri Kedah sama dengan silibus Kementerian Pendidikan atau ada mempunyai silibus sendiri?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan yang berhormat YB. Sungai Limau.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Speaker. Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Terima kasih kepada YB. Bukit Lada. Soalan nombor 10 berkaitan dengan institusi pendidikan agama di negeri Kedah dan juga silibus yang diajar di sekolah-sekolah agama di peringkat negeri Kedah.

Untuk makluman semua hadirin Yang Berhormat dan sidang hadirin sekalian, di negeri Kedah ini kita ada institusi-institusi pendidikan yang pelbagai, mempunyai kurikulum yang pelbagai yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah. Kalau di peringkat sekolah rendah, kita ada dua kategori sekolah agama SABK, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan dan juga SAR, Sekolah Rendah Agama Rakyat. Ada lima buah SABK peringkat rendah dan juga 45 buah SAR peringkat rendah.

Dan kita juga ada di peringkat menengah sekolah-sekolah agama yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah, 10 buah SABK peringkat Maktab Mahmud dan 3 buah Maktab Mahmud sekolah agama negeri, 17 buah SABK dan 36 buah Sekolah Menengah Agama Rakyat. Kita ada 42 institusi pondok yang juga berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah dan kategori yang keempat, 124 buah institusi tahfiz yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah. Dalam keempat-empat kategori sekolah-sekolah ataupun institusi pendidikan ini, di peringkat rendah, kurikulum yang diiktiraf oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah ataupun kurikulum Majlis Agama Islam Negeri Kedah dan juga dimasukkan juga kurikulum KAFA kepada sekolah-sekolah agama rakyat di peringkat rendah ini supaya pelajar-pelajar sekolah agama rakyat ini mereka boleh menduduki peperiksaan KAFA pada darjah 5 dan pada darjah 6. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah juga membuat peperiksaan tersendiri yang juga di bidang agama.

Dan bagi sekolah menengah, kurikulum yang diajar di sekolah menengah agama bagi mata pelajaran akademik sama dengan kurikulum yang diajar di sekolah-sekolah kementerian. Maksudnya seluruh sama ada SABK, Sekolah Menengah Agama Rakyat dan juga di Sekolah Menengah Agama Negeri Maktab Mahmud, kurikulum akademik diajar sepenuhnya dan juga ada kurikulum tambahan yang juga diiktiraf oleh JAKIM dan juga kementerian pendidikan, kurikulum Azhari dan juga kurikulum Tahfiz yang diajar di sekolah-sekolah menengah. Dan di peringkat institusi pondok, hari ini masih lagi pelbagai kitab-kitab turath yang diajar.

Dan di peringkat Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah dengan kerjasama Yayasan Islam Negeri Kedah, juga UNISHAM dan juga UUM, kita menubuhkan jawatankuasa untuk membuat penilaian dan juga merangka kurikulum. Dan InsyaAllah masih lagi di peringkat akhir untuk kita membentangkan di peringkat jawatankuasa dan seterusnya akan dibentangkan kepada institusi-institusi pondok.

Dan bagi Tahfiz yang juga hari ini masih lagi dengan pelbagai, kita panggil pendekatan Tahfiz modul-modul yang ada dan di peringkat Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah masih lagi sedang merangka suatu silibus yang bertepatan dengan sijil Tahfiz Malaysia yang dikeluarkan oleh Darul Quran.

Dan InsyaAllah pada bulan lima nanti, pada bulan depan kita akan bentangkan kepada jawatankuasa dan juga kepada institusi-institusi Tahfiz yang berdaftar di negeri Kedah Darul Aman. Jadi, kita juga di peringkat negeri berusaha sedaya mungkin untuk memperkasa institusi-institusi pendidikan agama ini kerana kita yakin sejarah panjang institusi ini telah pun melahirkan masyarakat yang bertakwa, yang baik InsyaAllah di negeri Kedah Darul Aman. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih yang berhormat YB. Sungai Limau. Soalan tambahan YB. Bukit Lada?

YB. USTAZ SALIM B. MAHMOOD

Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya adalah kerisauan para waris berkenaan dengan yuran yang dikenakan kepada pelajar yang mengambil SPM Sekolah Agama Rakyat. Kalau di Kedah ini mengikut apa yang disebutkan oleh EXCO tadi, ada 36 buah sekolah yang sebelum ini mereka tak perlu bayar pun dan bayaran ini pun nampak banyak juga.

Untuk pelajaran asas RM 20. Untuk mata pelajaran ini bergantung pada pelajaran apa yang mereka ambil. Ada yang RM10. Kalau bahasa Inggeris RM20. Campur-campur main dekat-dekat RM100 yuran yang sebelum ini tak perlu dibayar oleh pelajar-pelajar di sekolah agama rakyat ini.

Jadi rasanya tindakan ini, apa rasional dilakukan perkara ini? Sedangkan mereka mengaji di sekolah dan mereka bayar duit bulan-bulan kepada sekolah dan sebagainya. Jadi, kita pun duk nampak kerajaan yang ada hari ini kui jadi celaru ni. Dia dok cari hat mana kepentingan-kepentingan kita, orang-orang asal yang berada di negara kita ini cuba dicari untuk nak dikurangkan keistimewaan-keistimewaan yang ada ini. Apa pandangan pihak EXCO lah?

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Berhormat EXCO.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Baik, terima kasih YB. Bukit Lada. Yang Berhormat Speaker, memang kalau baru-baru ini pun di peringkat kerajaan pun kita menerima aduan daripada persatuan pengetua-pengetua sekolah agama rakyat tentang surat yang baru mereka terima daripada Lembaga Peperiksaan ataupun Kementerian Pendidikan pada 9 April 2025 yang menjelaskan tentang sekolah-sekolah yang mendapat pengecualian dan juga calon-calon daripada sekolah yang tidak mendapat pengecualian dan perlu membayar.

Sekolah-sekolah termasuklah sekolah-sekolah agama rakyat di negeri Kedah Darul Aman ini. Saya juga difahamkan daripada maklumat pengetua-pengetua sebelum-sebelum ni, sekolah-sekolah agama rakyat kerana mereka berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah, mereka dikecualikan daripada membayar yuran SPM dan pada tahun ini, tiba-tiba sampai surat sekolah-sekolah ni tidak dikecualikan maksudnya calon-calon ni perlu membayar.

Jadi, kerisauan di peringkat waris-waris di peringkat pentadbir sekolah kerana mereka tak masukkan dalam caj kepada pelajar-pelajar ni di peringkat awal tahun kerana surat ni baru sampai pada 9 April yang lalu. Dan di peringkat kerajaan, kita telah hantar surat kepada YB Menteri pada minggu lepas. Kita terima pada hari Ahad yang lepas dan surat kepada YB Menteri kita hantar pada hari selasa yang lepas. Dan kita masih lagi belum mendapat *feedback* dan InsyaAllah kita akan berusaha untuk mendapat pengecualian ini. Kita akan berusaha lah di peringkat kerajaan dan saya difahamkan YB Menteri pun akan mai ke Kedah beberapa hari lagi, mungkin kita akan utarakan kerana ia perlu dijelaskan bayaran ni sebelum 5 Mei. Maksudnya tempoh nak kena bayar tu semakin hampir.

Jadi, kita di peringkat kerajaan, kita berharap supaya kementerian dan juga Lembaga Peperiksaan masih lagi mengecualikan pelajar-pelajar daripada sekolah menengah agama rakyat ni. Mereka ni calon-calon yang nak masuk sekolah agama. SABK ada, Maktab Mahmud ada, sekolah-sekolah menengah agama kementerian pun ada tapi tempat tak cukup. Jadi, Alhamdulillah ada institusi sekolah-sekolah menengah agama rakyat yang jumlah 36 buah ni yaang bukan berasaskan keuntungan. Saya yakin YB. Tanjung Dawai pun tahu, buat sekolah ni bukan untung. Kita terpaksa cari sumbangan luar daripada masyarakat untuk membangunkan institusi ni. Kerajaan negeri pun ada bantu sikit, JAKIM pun ada bantu. Kita mengharapkan supaya pelajar-pelajar yang bersekolah di sekolah menengah agama rakyat ni dapat pengecualian seperti mana tahun-tahun yang lepas. InsyaAllah, kita akan susuli surat yang kita hantar untuk mendapat jawapan sebelum daripada 5 Mei yang akan datang, InsyaAllah.Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Limau.

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

Soalan tambahan.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan tambahan. Silakan.

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

Terima kasih YB Speaker. Saya yakin dengan aura EXCO Pendidikan, permohonan kita akan diperkenankan, InsyaAllah.

Soalan tambahan saya adalah berkaitan dengan prestasi kemahiran baca Quran dan Jawi, di mana ada sekolah-sekolah, sekolah kementerian yang nak cari untuk isi kelas aliran agama di sekolah tu, jenuh cari disebabkan ketidakmampuan pelajar baca Jawi dan juga baca Quran. Jadi, saya nak tanya apakah rancangan pihak kerajaan negeri untuk mengatasi masalah berkaitan kemahiran baca Quran dan juga. Terima kasih.

YB TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat EXCO.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Terima kasih kepada YB. Tanjung Dawai. Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker.

Secara ringkasnya di peringkat kerajaan negeri kita berusaha untuk mempertingkatkan penguasaan penghayatan Al-Quran, bacaan Al-Quran secara umum yang mampu untuk kita laksanakan. Dan sudah pasti pembelajaran secara lebih dekat adalah di institusi-institusi pendidikan di sekolah-sekolah sama ada di sekolah rendah waktu pagi dan juga KAFA di sebelah petang dan juga di institusi-institusi agama rakyat dan juga di masjid-masjid yang melaksanakan program KAFA. Tapi secara umum kerana menyedari hakikat untuk kita nak pastikan bahawa tidak ada rakyat negeri kedah ini yang tak boleh, tidak mengenali Al-Quran.

Maka, program yang telah kita lancarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 8 Januari 2024, program bulan solat dan penghayatan Al-Quran dan kita susuli dengan bacaan Al-Quran di jabatan-jabatan jam 8.30 pagi di wisma. Kita dah mula pada 1 November 2023 berterusan sampai hari ini. Di jabatan-jabatan, kita anjurkan untuk bacaan Al-Quran waktu pagi sebelum mulakan pekerjaan dan pada 4 Ramadhan ataupun bulan lepas, 4 Ramadhan kita telah lancarkan kempen bacaan Al-Quran di sekolah-sekolah institusi, sekolah-sekolah agama di negeri Kedah Darul Aman sebelum memulakan sesi persekolahan mereka membaca Al-Quran selama ataupun 1 muka surat.

Jadi, kempen-kempen untuk bacaan Al-Quran ini kita laksanakan dan InsyaAllah pada 27 dan 28 Jun yang akan datang, Program Festival Al-Quran 2.0 juga akan menjadi program tahunan sebagai program berterusan untuk kita mengajak masyarakat dan juga mengangkat Al-Quran dan juga supaya kempen-kempen ini di Facebook Yang Amat Berhomat Menteri Besar pun setiap pagi. Kalau kita tengok Facebook Yang

Amat Berhomat Menteri Besar setiap pagi, 1 muka surat Al-Quran dah khatam dah, ulang balik dah pun masuk tengah dah. Jadi, kempen berterusan ini dan kita juga mengajak seluruh institusi-institusi agama secara khusus di pondok-pondok, di sekolah-sekolah, di masjid-masjid supaya Al-Quran ini tetap kita jadikan sebagai bacaan Al-Quran sehinggalah tidak ada satu pun rumah umat Islam di negeri Kedah Darul Aman ini yang sunyi daripada bacaan Al-Quran. InsyaAllah pada waktu yang akan datang. Sekian. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Dipersilakan Yang Berhormat Belantek.

YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN

Terima kasih yang berhormat Tuan Speaker. Selamat Hari Raya Aidilfitri.

Makan ketupat daun palas.
Soalan saya nombor sebelas.

11. YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN
[ADUN BELANTEK]

Semenjak pemerintahan Kerajaan Perikatan Nasional.

Pohon dinyatakan berapakah jumlah program yang dilaksanakan melibatkan masyarakat Cina, India dan Siam dan sejauh manakah kejayaan dan impak program berkenaan dalam kehidupan masyarakat berbilang kaum di negeri Kedah.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Berhormat EXCO.

YB. ENCIK WONG CHIA ZHEN

Semenjak kerajaan Perikatan Nasional memegang tampuk pemerintahan kerajaan negeri Kedah, hal-hal masyarakat Cina, India dan Siam tidak pernah dianaktirikan. Pelbagai program yang bersifat keagamaan dan kebudayaan masyarakat Cina, India dan Siam di negeri ini dapat dilaksanakan dengan harmoni. Seperti contoh:

Pada tahun 2024 telah diadakan program-program berkenaan seperti:

i. Sambutan Tahun Baru Cina peringkat Negeri Kedah yang diadakan di Pertubuhan San Sheng, Alor Mengkudu, Daerah Kota Setar.
ii. Sambutan Pesta Songkran Peringkat Negeri Kedah yang diadakan di Wat Landin, Daerah Padang Terap.

iii. Sambutan Loy Kratong Peringkat Negeri Kedah yang diadakan di Wat Kalai, Sik.
iv. Sambutan Pesta Tanglung atau lebih di kenali Perayaan Kuih Bulan Peringkat Negeri Kedah yang diadakan di Sungai Petani
v. Sambutan Deepavali Peringkat Negeri Kedah berada di Rumah Kebajikan Batu Grace Merbau Pulas, Karangan.
vi. Perayaan Thaipusam, Sambutan Thaipusam di Daerah Kuala Muda dan Kulim.

Dan usaha yang sama juga diteruskan pada tahun 2025. Beberapa buah program juga telah diadakan antaranya Sambutan Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Kedah yang diadakan di atas Jambatan Muhibah, Pekan Cina, Alor Setar. Dan turut pada beberapa hari lepas, Sambutan Pesta Songkran Peringkat Negeri Kedah yang diadakan di Wat Thammasiri Vararam, Kg Kura, Mukim Jeneri, Daerah Sik. Dan ada juga Sambutan Thaipusam pada bulan 2 hari itu dan Sambutan Hari Wesak yang bakal akan sambut pada bulan depan, bulan Mei nanti.

Sementara itu, kerajaan negeri turut komited memberi sumbangan kewangan peruntukan kepada persatuan-persatuan penganut dan pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar yang berhasrat untuk menganjurkan program sambutan perayaan keagamaan seperti Perayaan Sembilan Maharaja Dewa, Perayaan Vegetarian, Tokong Veji dan Hari Vaisakhi oleh penganut Sikh. Dan kebudayaan seperti program yang saya sebut tadi di peringkat kawasan ataupun mukim. Ini menunjukkan bahawa kerajaan negeri Kedah sentiasa prihatin terhadap hal ehawal dan kebajikan masyarakat Cina, India, Siam dan lain-lain.

Antara impak yang dapat dilihat daripada penganjuran program-program berkenaan adalah sikap perpaduan sesama kaum. Sebagai contoh, program Sambutan Tahun Baru Cina peringkat Negeri Kedah tahun ini dimana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah, Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Kedah dan Duli Yang Maha Mulia Tunku Puan Mahkota Kedah telah mencemar duli turut hadir menyempurnakan perasmian majlis berkenaan. Majlis gilang gemilang berkenaan telah menarik ramai pengunjung bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Cina, malah turut dihadiri oleh pelbagai kaum dan pemimpin-pemimpin masyarakat di Negeri Kedah. Ini menunjukkan bahawa semangat perpaduan yang sangat tinggi dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negeri Kedah ini. Dengan penganjuran lebih banyak program-program sedemikian akan memberikan peluang kepada masyarakat majmuk di negeri ini untuk mempelajari keunikan sesuatu budaya masyarakat. Sekian terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Soalan tambahan, YB. Belantek.

YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN

Soalan tambahan saya, apakah bentuk penglibatan pemimpin masyarakat ataupun pertubuhan bukan kerajaan dari masyarakat Cina, India dan Siam dalam merancang atau melaksanakan program kerajaan atau program-program yang boleh merapatkan hubungan antara kaum di negeri Kedah? Terima kasih.

YB. ENCIK WONG CHIA ZHEN

Terima kasih. Soalan tambahan daripada YB. Belantek. Penglibatan pemimpin masyarakat atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) daripada kaum Cina, India dan Siam dalam merancang atau melaksanakan program kerajaan atau program merapatkan hubungan antara kaum adalah sangat baik, positif dan aktif. Sebagai contoh, bagi perayaan Pesta Songkran yang saya jawab tadi yang baru dianjurkan beberapa hari yang lepas untuk Pesta Songkran 2025 Peringkat Negeri Kedah. Selain daripada sambutan Peringkat Negeri Kedah yang diadakan di Wat Thammasiri Vararam Kampung Kura Daerah Sik, kerajaan negeri terus meluluskan peruntukan kepada beberapa buah wat dan persatuan masyarakat Siam di daerah Padang Terap, Baling dan juga Pendang. Justeru, ia menunjukkan bahawa pemimpin kaum dan NGO dari kaum-kaum bukan Melayu sangat aktif dan menunjukkan komitmen yang sangat baik dalam menganjurkan program-program yang dapat merapatkan hubungan sesama kaum.

Selain daripada itu, kerajaan negeri pada tahun 2025 telah meluluskan peruntukan kepada masyarakat India, meluluskan peruntukan Sejahtera Kaum kepada masyarakat India dari pelbagai daerah dalam negeri Kedah, seperti Kuil Sri Subramania Swami Devasthanam di Sungai Petani, Kuih Nattukottai Nagarthar Sri Thandayuthapani di Kulim, gabungan NGO-NGO seperti gabungan persatuan-persatuan kaum India daerah Kuala Muda, Malaysia Hindu Sangam dan persatuan kaum-kaum India negeri Kedah yang berada di Sungai Petani bagi tujuan penganjuran sambutan Thaipusam di kawasan dan mungkin masing-masing.

Hal ini menunjukkan bahawa kerajaan negeri sentiasa menyokong dan menyambut baik hasrat persatuan, pemimpin-pemimpin kaum dan NGO-NGO dari kaum bukan Melayu untuk menganjurkan program keagamaan dan kebudayaan yang dapat memupuk semangat perpaduan sesama penduduk dan merapatkan hubungan silaturrahim sesama mereka. Sekian. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Dipersilakan YB. Bukit Selambau.

YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

Soalan tambahan saya, adakah peruntukan tahunan untuk program masyarakat bukan Melayu di Kedah telah meningkat atau menurun sejak pentadbiran Kerajaan Perikatan Nasional dan apakah indikator yang digunakan untuk menilai kejayaan sesuatu program?

YB. ENCIK WONG CHIA ZHEN

Terima kasih soalan tambahan daripada YB. Bukit Selambau, Ayah Perpaduan Negeri Kedah. Peruntukan tahunan untuk program masyarakat bukan Melayu di Kedah telah meningkat sejak pentadbiran Kerajaan Perikatan Nasional dimana pada tahun 2021 peruntukan untuk masyarakat Cina, India dan Siam adalah sebanyak RM300,000. Pada tahun 2022, peruntukan berkenaan telah ditambah dan menjadi sebanyak RM450,000. Pada tahun 2023 dan 2024 pula, peruntukan berkenaan telah dinaikkan sebanyak RM90,000 menjadi peruntukan berkenaan berjumlah RM540,000. Pada tahun 2025, peruntukan untuk masyarakat Cina, India dan Siam di Negeri Kedah di bawah peruntukan Sejahtera Kaum, Integrasi Kaum telah ditambah lagi sebanyak RM60,000 menjadi peruntukan berkenaan berjumlah RM600,000. Jadi, dari tahun 2021 sampai 2025 di bawah pentadbiran Kerajaan Perikatan Nasional telah mencatat rekod peningkatan daripada RM300,000 hingga ke RM600,000. Peningkatan 100% dalam 4 tahun pemerintahan Kerajaan Perikatan Nasional.

Indikator yang digunakan untuk menilai kejayaan sesuatu program adalah dari segi penglibatan masyarakat setempat yang hadir bagi menjayakan program dan perayaan yang diadakan dengan menggunakan peruntukan tersebut. Sebagai contoh, pada tahun 2025 penganjuran sambutan Tahun Baru Cina peringkat Negeri Kedah yang menggunakan peruntukan Sejahtera Kaum dimana telah menunjukkan impak yang sangat besar dengan hampir 5 ribu orang pengunjung yang hadir menyaksikan sambutan berkenaan termasuk juga YB. Sidam dengan YB. Kota Darul Aman turut hadir dan sokong program kerajaan negeri.

Pengunjung yang hadir bukan sahaja dalam masyarakat Cina, malah turut dihadiri oleh kaum Melayu, India, Siam dan lain-lain yang rata-rata menyatakan keterujaan mereka untuk melihat sambutan berkenaan yang jarang-jarang sekali diadakan dalam skala yang besar dan turut dihadiri oleh keluarga Diraja Negeri Kedah. Di samping itu, kejayaan sesebuah program yang dianjurkan bukan sahaja boleh dinilai dari segi kehadiran pengunjung, malah turut dapat dinilai dari segi impak kepada masyarakat setempat.

Sebagai contoh, baru-baru ini penganjuran Pesta Songkran peringkat Negeri Kedah tahun 2025 yang diadakan di Wat Thammasiriwararam, Kampung Kura Daerah Sik. Setiap kali diadakan saya akan hadir bersama dengan kekanda saya, YB Sungai Tiang, siap memberi ucapan dan *puttai* semasa memberi ucapan.

So, yang berada pada 19 April 2025 yang lalu penganjuran pesta berkenaan telah menarik hampir 8 ribu pengunjung. 8 ribu orang pengunjung dari segenap masyarakat siam di negeri Kedah dengan penganjuran sambutan berkenaan sedikit sebanyak telah membuka mata masyarakat setempat bahawa negeri Kedah sendiri berupaya untuk menganjurkan sambutan Songkran secara besar-besaran seperti juga di negara Thailand. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Kuah… (YB. Sidam mencelah) Tuan Speaker, boleh tambah sikit lagi dak?

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Boleh? Baik, terima kasih Tuan Speaker. Saya tertarik dengan apa yang EXCO kata tadi. Di mana satu pengalaman yang saya baru dapat iaitu masa kita ke program Tahun Baru Cina kan? Itu pengalaman yang pertama ialah kita makan tengah jalan. Ini yang pertama.

Makan di tengah jalan, tak pernah ada lagi. Identiti. Jadi, saya harapkan seperti ucapan saya kemarin, kita dah nampak bahawa peruntukan telah dinaikkan jadi saya harap apa yang mohon saya kemarin itu dapat direalisasikan Yang Berhormat. Terima kasih

YB. TUAN SPEAKER

Ringkaskan Yang Berhormat EXCO.

YB. ENCIK WONG CHIA ZHEN

Secara ringkas sahaja. Terima kasih. Nanti saya akan jawab dalam ucapan penggulungan. Terima kasih. Baik.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Yang seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Kuah.

YB. ENCIK AMAR PARED BIN MAHAMUD

YB. Tuan Speaker,

Pelancong Datang Bawa Kamera,
Nak Tengok Langkawi Yang Indah Yang Berseri,
Tetapi, Anjing Liar Pula Buat Drama.
Harap Ada Tindakan Dan Bukan Teori.

YB. Tuan Speaker, soalan saya nombor 12.

12. YB. ENCIK AMAR PARED BIN MAHAMUD

[ADUN KUAH]

Pohon dinyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi menangani isu serangan anjing liar di Langkawi dan memastikan keselamatan penduduk serta pelancong? Saya ingin mencadangkan agar anjing - anjing liar ini dilupuskan dengan kaedah *put to sleep* atau eutanasia kerana anjing bukan kategori haiwan yang pupus ketika ini.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat Kuala Ketil.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Nak pantun taktau. Bab jalan tanya kita, bab anjing pun tanya kita noh. Hahaha. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Kuah yang cukup prihatin tentang perilaku anjing liar ni.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kisah anjing liar ni sangat menarik dalam negeri Kedah ni sebab kita ada kes-kes yang sebelum ni. Dan kes yang terbaru ini pun kalau tidak ada kes letupan gas di Putra Heights tu, sebab itu dia akan jadi kes yang agak besar. Tetapi bagaimanapun, saya akan baca sikit sejarah apa yang berlaku kes-kes ini. Itu hasil siasatan Majlis Perbandaran Langkawi pada kes 1 Mac. Kena pakai spek pulak lani. Hahaha…

Kes serangan anjing liar yang berlaku pada budak yang berumur 5 tahun di Kampung Didi diserang 5 ekor anjing. Anjing ini, anjing yang tidak bertuan di sebuah kampung dan menyebabkan luka yang agak parah di bahagian kepala. Dan saya pun minggu lepas, saya pergi melawat budak ini bersama dengan YB. Kuah dan lihat sekarang parut itu masih ada lagi. Kena kesan yang cukup ini dan dengan budak yang baya umur 5 tahun itu dengan sekeliling dia ada anjing yang banyak, saya rasa dia adalah orang yang cukup berani.

Dan mangsa telah diselamatkan oleh seorang penduduk kampung dan telah dihantar ke hospital untuk terima rawatan. Dan selepas pada kejadian tersebut, pihak PBT Langkawi telah melaksanakan satu operasi mengesan anjing-anjing liar di kawasan tersebut dan telah menangkap 7 ekor anjing di kawasan itu. Tak tahulah anjing mana satu. Tapi, di kawasan itu dapatlah tangkap 3 ekor anjing dan serahkan kepada Jabatan Veterinar untuk tindakan selanjutnya dan pihak Langkawi juga telah laksanakan program-program ini dengan NGO yang di Langkawi tersebut, iaitu Ecomy. Dan telah membuat pemandulan dengan klinik swasta dengan kos hampir RM250-RM300 dan ditanggung oleh Ecomy tersebut. Jadi, saya nak baca sejarah ini juga adalah populasi anjing di Langkawi ini hampir 2,900 ekor. Yang Berhormat Speaker, kawasan Yang Berhormat Speaker tu noh. Noh. Hahaha. Banyaklah populasi anjing liar ni.

Anjing liar maksudnya anjing tidak berlesen. Anjing tidak berlesen yang tidak ada bertuan. Maksud lesen ini kalau dia keluar, dia ada kalung itu, dia berlesen. Kalau tak ada kalung, tidak berlesen. Kalau dia keluar berkalung juga, dia keluar bebas luar, dia juga dianggap anjing yang tidak berlesen. Dia ada cerita-cerita dia noh. Dan jumlah tangkapan anjing di Langkawi saja ikut sejarah ini, 2022, 450 ekor. 2023, 415 ekor. 2024, 369 ekor. 2025 setakat Mac ini, 106 ekor. Punya banyak anjing ni di Langkawi ni noh. Kes-kes serangan anjing pula dalam Kedah ini, kita ambil kira pula di setiap PBT, kita mendapat aduan sebanyak, aduan anjing saja 2024, 2,395 aduan kes anjing saja. Kes serangan anjing,

2024, 56 serangan anjing dan ada kes gigitan, 24 kes gigitan. Pada 2025 kita dapat aduan, kita anjing di semua PBT adalah 552 kes aduan pasal anjing liar. Dan serangan ada 9 kes serangan dan gigitan ada 4 serangan. Ini sejarah yang kita imbas sejarah sebelum jawab soalan Kuah tadi.

Dan seterusnya pada kes di Baling, pada 1 April, April juga berlaku lagi kes yang berbeza daripada kes yang tadi, yang tadi adalah anjing liar, yang ini anjing yang bertuan. Kes

serangan anjing yang bertuan, yang bertuan pada 1 April, raya kedua. Dalam keadaan kita tengah sibuk nak beraya ni, tiba-tiba kita dikejutkan pukul 4 pagi lebih, anjing ni serang, anjing ni gigit orang, 5 orang yang terlibat. Mangsa pertama adalah seorang warga emas, perempuan digigitnya di belakang tengkuk ni, Yang Berhormat Tuan Speaker. Dua ekor anjing *Rottweiler* warna hitam yang ada tuan tapi dilepaskan. Maknanya lepas daripada kawasan rumah. Ini kes yang kita ambil serius dan walaupun berlaku pada 1 April, 2 April tu kita dah laksanakan tugas bersama dengan YDP Baling dan juga beberapa jawatankuasa yang terlibat, iaitu veterinar, MDB, pihak polis. Selesai dengan cara yang elok lah. Selesai dengan cara elok, maksudnya berjumpa dengan tuan rumah, ambil anjing tu, dibawa ke veterinar untuk diambil tindakan proses seterusnya di bawah veterinar.

Dan tuan rumah tu pun bagi kebenaran sebab dia dah ada 2 kes. Kes yang sebelum tu pada 2022 dan ni kes yang kedua lah yang berlaku. Anjing yang sama dan dia isi borang untuk buat perlepasan untuk kita musnahkan anjing tersebutlah. Ini kes-kes yang berlaku hari ni, tuan - tuan.

Jadi, bagi saya sebagai seorang EXCO di PBT, kita mintakan bahawa keselamatan manusia lebih utama daripada keselamatan anjing. Walaupun ada pihak-pihak sana di luar sana yang mempertahankan isu-isu anjing ni, bagi pihak saya sebagai EXCO, saya meletakkan keselamatan manusia lebih penting daripada keselamatan anjing. Jadi, lain macam tepuk tu. Hahaha. Jadi, maksudnya sini kita nakkan bahawa setiap PBT melaksanakan arahan yang termaktub dalam kita punya undang-undang kecil. Jadi menjawab kepada persoalan Yang Berhormat Kuah tadi, pihak PBT telah pun menjalankan rondaan seliaan PBT pada kawasan-kawasan yang terbabit, termasuk kawasan yang ramai pelancong yang mendapat aduan bila anjing ni adalah anjing liar, dia dibagi makan oleh orang tertentu, tetapi selepas tuan itu tak bagi makan, dia bila nampak pelancong lalu, orang naik motor, dia akan terkam lah. Dia akan minta, cari makan dan sebagainya.

Ini juga akan menjadi permasalahan pada pelancong yang akan datang di Langkawi. Termasuklah kita melaksanakan proses kaedah TNR, *Trap* and *Release* bersama

dengan NGO bagi mengurangkan populasi anjing, menjalankan operasi bersepadu tangkapan anjing liar bersama pejabat veterinar dan menjalankan kempen pelepasan anjing atau rumah *medical* anjing dan juga suntikan vaksin *rabies* dengan kerjasama pejabat veterinar dan wakil penduduk setempat. Antara langkah yang diambil untuk menangani isu anjing liar di Langkawi adalah menjalankan program pemandulan anjing liar secara berperingkat sama dengan pihak NGO dan klinik haiwan swasta di Langkawi, menjalankan pensampelan penyakit *rabies* terhadap anjing liar dan menjalankan kajian populasi anjing sebagai *way forward* bagi tujuan pengawalan populasi anjing terbiar dan mengadakan kempen kesedaran kebajikan haiwan kepada orang awam. Ini antara kaedah yang dilaksanakan di Langkawi bagi isu ataupun persoalan yang dibangkitkan oleh YB. Kuah, Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat Kuala Ketil. Adakah dalam sesetengah keadaan kalau anjing gigit kita, kita kena gigit kaki anjing tu balik? Tak payah jawab. Cuma dipersilakan Yang Berhormat Kuah untuk soalan tambahan.

YB. ENCIK AMAR PARED BIN MAHAMUD

Jenuh gigit. Yang Berhormat Tuan Speaker, apakah dengan kes yang berlaku pihak kerajaan menyediakan satu garis panduan kebenaran menyimpan atau memelihara anjing-anjing spesis bahaya dan garang? Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan, Yang Berhormat EXCO.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Yang Berhormat Speaker. Terima kasih Yang Berhormat YB. Kuah atas soalan tambahan tadi. Jadi, merujuk kepada… (pencelahan berlaku). Boleh sambung, Speaker noh?

YB. TUAN SPEAKER

Sila, silakan.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Saya takut ada nak suruh turun, letak jawatan, berhenti ka apa ka… (Yang Berhormat Tuan Speaker ketawa). Tapi hat jawapan Yang Berhormat Tuan Speaker jawab tadi saya gigit anjing tu kalau rasa boleh gigit, gigit lah. Kalau berani. Kalau tangan boleh samak, kalau mulut nak samak macam mana tu. Jenuh tonyoh.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berdasarkan pada perlaksanaan penguatkuasaan berkaitan isu haiwan liar di kawasan pihak berkuasa tempatan negeri Kedah, kerajaan negeri melalui PBT telah pun melaksanakan kaunseling terhadap pemeliharaan dan populasi anjing, berpandukan pada peruntukan sedia ada seperti Akta Kerajaan Tempatan 1976, undang-undang kecil Pelesenan Anjing serta pekeliling dan garis panduan yang telah diluluskan peringkat Negeri dan juga Persekutuan. Untuk Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam undang-undang kecil Pelesenan Anjing yang telah sediakan, yang telah kita ada, sudahpun diambil kira dalam tersebut contohnya adalah tentang perlindungan terhadap penganiayaan anjing sendiri pun ada seksyen 10, sub-seksyen E, F dan G, itu telah pun diambil kira dalam itu. Anjing hendaklah diikat dan tidak dibenarkan berkeliaran.

Ada seksyen dalam itu iaitu seksyen 13(2), serangan anjing. Jika berlaku serangan anjing, seksyen juga telah ada dalam ini, seksyen 14, sub-seksyen 1 dan seksyen 2 dan penangkapan dan pembinasaan anjing berkeliaran. Anjing berkeliaran itu boleh diambil tindakan di bawah seksyen 16, sub-seksyen 5, kurungan A dan 6, 7 dan juga 8. Ini adalah beberapa seksyen yang telah *cover* dalam tugas sebagai PBT untuk mengawal populasi dan juga masalah anjing-anjing liar di kawasan perbandaran kita dan juga peruntukan-peruntukan kepada anjing-anjing liar yang disuarakan oleh YB. Kuah tadi, anjing-anjing yang berbahaya. Anjing-anjing yang berbahaya juga telah ada dalam seksyen anjing berbahaya dalam seksyen 15, kurungan 1, kurungan 2, kurungan 3 dan kurungan 5 dan jenis-jenis anjing yang berbahaya juga ada dalam jadual ke-2 dan jadual ke-4.

Jadi, *lawyer* kita pun ni, kena bukak ni. Boleh YB noh. Ambik pinjam sat. Anjing-anjing yang berbahaya yang tidak boleh diberikan lesen, yang tidak boleh dilesenkan seperti berikut, *Pitbull Terrier*, tak tahu macam mana bentuk dia, *American Bulldog, Neapolitan, Mastiff*, *Japanese Tosa, Akita, Dogo Argentino*, ingat Diego Maradona sat ni dan *Fila Brasileiro*, ini anjing-anjing yang tak boleh diberi lesen. Veterinar faham. Yang Berhormat boleh buka dalam nama web veterinar itu, dia adalah gambar-gambar anjing ini yang tidak boleh dilesenkan. Dan ada anjing-anjing yang boleh diberi lesen dengan kebenaran veterinar. *Rottweiler*. Antaranya adalah *Rottweiler, Doberman, German Shepherd, Bull Mastiff, Bull Terrier, Perro de Presa Canario*. Nama. Ini semua nama-nama luar belaka...

YB. TUAN SPEAKER

Nama Melayu tak ada langsung?

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Tak ada nama Melayu, semua nama pelik-pelik belaka.

Jadi, ini antara yang kita hari ini banyak berlaku di kawasan perumahan, terdapat anjing-anjing yang dibela oleh orang ramai. Orang bela dalam rumah. Walaupun dalam rumah, sepatutnya tak boleh. Dan saya telah pun buat koordinasi dengan pihak PBT tempoh hari selepas kes daripada Langkawi tersebut, kita telah mesyuarat dengan semua PBT dan memberi arahan bahawa dalam undang-undang negeri ini telah termaktub bidang kuasa yang cukup jelas kepada setiap PBT untuk mengambil tindakan. Dan jangan risau dan jangan takut bahawa saya akan berdiri belakang anda untuk pertahankan. InsyaAllah, seorang jeneral dia tak duk depan, seorang jeneral di belakang, yang depan ni perebet.

YB. TEH SWEE LEONG

YB. Tuan Speaker.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Minta maaf nah tu bahasa tentera. Maksudnya, saya nak semua pihak PBT melaksanakan tugas sebab ini adalah melibatkan kekacauan kepada masyarakat. Tadi pun saya baca jadual dan aduan dan sebagainya dia melibatkan orang ramai. Tambahan di Pulau Langkawi, kita akan menghadapi 400 ribu penghujung sempena LIMA ini, sudah tentulah akan menjadikan satu benda yang tak baik. Kalau pelancong berjoging, berjalan, dikejar oleh anjing liar. Baru ni saya pergi pun, masih ada lagi anjing yang tidak bersihkan. Anjing liar ini perlu diambil tindakan cuma kaedah penangkapan anjing ini ada diberikan garis panduan.

Cara-cara tangkapan, gunakan jerut, gunakan jala dan gunakan penjauh. Anjing pun nama anjing liar, dia bukan dia statik. Yang Berhormat Tuan Speaker, anjing ni anjing liar, dia bukan statik. Bukan dia senyap macam tu, mai-mai bertali. Dak. Bila bertali, akan berlaku lah penarikan antara tuan tali dengan anjing tersebut. Dan berlaku lah satu, apa ni, pergelutan sikit. Masa ni lah kadang NGO ni yang sangat simpati pada binatang ni, si anjing ni dia akan ambil gambar. Dia kata berlaku penyeksaan kepada binatang tersebut. Tak, mana nama pun anjing liar. Kalau anjing senyap, dia tak nama anjing liar. Anjing gebu. Anjing yang guna, orang duk peluk tidur atas rumah tu, itu anjing gebu. Itu tak apa. Itu bawa pi tu pun boleh. Yang ni anjing liar memang akan berlaku sikit pergelutan. Sebab tu saya faham, saya tekan pada PBT. Itulah kaedah yang paling minimal kita boleh buat. Itulah cara dia. Kalau berdepan pun, saya sanggup berhadapan. Tak masalah kecuali jangan kita melakukan penganiyaan. Contohnya, nampak anjing tersebut, kita katok dengan kayu. Pukul dengan kayu, katoklah. Pukul dengan kayu. Kan? Lastik. Kita buat, mencederakan anjing yang tanpa kebenaran, itu memang salah lah. Tapi dengan garis panduan yang disediakan oleh PBT, saya rasa tidak masalah. Saya harap semua PBT boleh laksanakan tugas sebut.

Dan kos untuk kita menampung pembiayaan anjing-anjing yang ditangkap ni, kos cukup tinggi dengan Yang Berhormat Tuan Speaker. Lebih tinggi daripada untuk jaga seorang manusia. Seorang manusia mungkin makan pagi, roti nasi lemak. Tengahari mungkin makan nasi, lauk seketul. Petang mungkin tak makan, minum macamtu. Tapi dia ni kena makan 3-4 kali sehari ni. Kos ni tinggi. Semua PBT tak mampu nak tampung kedepan ni. Nak bela ni bukan seekor, banyak ekor. Kalau anjing yang *special*, pergi tempat kurungan kena letak tilam.

Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat semua, kena letak tilam. Sebab anjing tu, kita ambil dari rumah, anjing yang dalam jagaan yang sempurna, tuan dia mesti nak dapat balik yang sempurna selepas 2 minggu ditahan untuk *check rabies* dan sebagainya. Jadi, perlukan yang sempurna. Ada PBT yang sanggup sampai tara tu. Letak tempat yang sempurna, bagi minuman, kena bagi makanan yang elok dan sebagainya. Makan pun mahal.

Jadi, saya mencadangkan dalam Dewan ini, mungkin selepas ni kita akan adakan kerjasama dengan veterinar untuk mungkin mengambil alih dari segi pengurusan tempat simpanan ni sebab segala ubat-ubat dan semuanya adalah melalui veterinar. PBT tidak ada ubat. PBT yang tangkap dan kurung dan tempat-tempat yang NGO ada hari ni pun, tempat-tempat tu ada tempat kawasan yang disediakan oleh PBT. PBT sediakan tempat, PBT sediakan *current*, PBT dia sediakan air dan sebagainya. Kadang-kadang, land cost pun NGO minta pada PBT juga. Ini yang PBT tak mampu nak tampung semua kali. Inilah sikit ketidakupayaan kita.

Kita harap masyarakat di luar sana kena faham bahawa tugas nak menjaga ni, manusia ni lebih penting daripada nak menjaga anjing. Anjing bukan yang sikit, banyak. Anjing-anjing liar ini adalah puncanya, panjang cerita. Boleh YB. Tuan Speaker? Sambung lagi noh. Boleh noh nak bagi fahamkan orang ni. Isu ni sensitif kan? Isu masyarakat.

Anjing ini adalah puncanya daripada orang yang menjaga kebun. Menjaga kebun dan harta rumah kawasan pembinaan. Selepas dia buat pembinaan, dia bela anjing tu untuk jaga harta dia. Selepas siap pembinaan, dia tinggal. Anjing tersebut akan cari kat mana dia nak pi. Dan anjing akan membiak, sekali beranak, 6 ekor. Membiak itu kalau setahun sekali, kadang-kadang setahun dua kali beranak. Yang aktif tu banyaklah. Sekali-kali beranak, populasi dia akan bertambah. Sama juga yang jaga kebun. Selepas habis musim tuaian dan semuanya, anjing tu dibiarkan. Di tempat saya, orang cari babi. Orang Siam lah. Minta maaf nah YB. Sidam. Memang Siam dia cari babi, dia bawa anjing. Selepas dapat babi, anjing tu pi gigit babi. Babi tu tuan dia ambil buh dalam raga dan anjing tu tinggal. Sebab anjing tu banyak kan? Dia biar. Bila biar tu dia akan jadi anjing liar. Ini populasi yang akan bertambah. Dalam persekitaran kita macam ni. Walaupun kita mandulkan, walaupun proses kita mandulkan tapi kita akan bebas balik dalam persekitaran kita. Dia tetap akan mendatangkan satu pandangan yang tidak elok. Anjing tu berkurap dan sebagainya. Masih ada dalam persekitaran kita. Jadi, itu yang kita hadapi hari ni. Sebab tu satu kaedahnya, *put to sleep*. Semua ni akan dibuat oleh bahagian veterinar. Kan, *put to sleep*. Walaupun ada sesetengah NGO tak puas hati mempertikaikan ni. Ini adalah satu kaedah yang terbaik. Sebab kita tak mampu nak halang semua populasi ni, populasi ni cukup banyak.

Jadi, kita harap masyarakat di luar sana faham dengan masalah-masalah yang berlaku. PBT-PBT terpaksa menanggung kos, kerja buat dan sebagainya untuk menjaga ketenteraman masyarakat. Dan juga ada aduan yang diterima termasuk anjing-anjing yang berbahaya dalam persekitaran kita. So, itulah yang tak baik dalam kawasan perumahan kita. Kalau nak bela anjing yang berbahaya, bela di tempat-tempat lain. Maksudnya, di kawasan rumah kampung dan sebagainya. Belalah. Tapi di kawasan perumahan, kita tak benarkan sebab dah sudah ada akta-akta yang telah mencakupi kerja buat kita. Saya harap itulah sedikit penjelasan saya kepada rakyat dan juga masyarakat di luar sana supaya faham tentang isu yang berlaku pada hari ni. Sekian, Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan tambahan.

YB. ENCIK BADDROL BIN BAKHTIAR

Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan tambahan.

YB TUAN SPEAKER

Sikit. Masa dah cukup. Sikit ja.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Terima kasih YB. Tuan Speaker.

Saya menerima satu pertanyaan lah yang di mana anjing yang bela dalam rumah, dia keluar. Lepas itu PBT tangkap. Kalau tak silap, berlaku di Kubang Pasu. Dan bila dia pergi PBT tanya, PBT kata anjing itu telah ditidurkan dan telah ditanam. Jadi, berapakah tempoh yang boleh PBT simpan anjing tersebut bila ditangkap?

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Yang Berhormat Speaker. Aduan itu ada fakta. Ada fakta betul ya? Sebab kita tak mau dia *hearsay* ataupun *rumours*. Tapi kalau ikut anjing, walaupun dia bela dalam hak milik dia, dia bebas di luar, dia tetap akan menjadi anjing yang liar. Macam saya cakap tadi, bila anjing liar, YDP ataupun Datuk Bandar berkuasa penuh untuk tangkap dan membinasakan anjing tersebut. Ini dalam akta kita. Cuma yang tak berlaku itu budi bicara PBT, YDP ataupun Datuk Bandar. Tapi kalau berlaku ditangkap di luar, sebab dia dah bebas di luar. Kalau dia nak bawa keluar, dia kena bertali. Dia mesti ada kalung dan mesti ada tali. Itu kalau tuan dia bawa. Kalau dia bebas tanpa tali, tanpa kalung dan sebagainya, kita menganggap itu anjing liar. Kalau dapat aduan, memang PBT berhak tangkap dan membinasakan dia. Itu dalam peraturan.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Tapi kalau dalam MBAS, kalau tak silap, tujuh hari kan? Tapi di PBT yang lain, adakah tempoh yang standard?

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Ya. Kalau dia nak simpan tujuh hari, boleh. Dia boleh simpan tujuh hari, dia akan beri notis kepada pemilik untuk datang ambil. Kalau pemilik tak datang ambil, dia boleh juga membinasakan dia dan juga boleh kenakan *fee* terhadap apa yang tempoh itu kan, dia kenakan bayaran. Nah.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat Kuala Ketil. Banyak ilmu yang diberi pada hari ini untuk kita bersama. Dan seterusnya, Tuan Setiausaha.

II. SAMBUNGAN PERBAHASAN USUL MENJUJUNG KASIH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH SECARA DASAR.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Sambungan perbahasan usul menjujung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah secara dasar.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Berhormat, Tanjung Dawai. 15 minit Yang Berhormat.

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahi Wassalatu Wassalamu Ala Rasulillah, Wa' Ala Alihi Wa Sahbihi Wa Man Wala.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan dan para tetamu yang dikasihi sekalian.

Terima kasih atas keizinan untuk saya bersama dalam perbahasan menjunjung kasih ucapan Titah Tuanku sempena persidangan DUN kali ini. Saya ingin untuk menarik perhatian daripada ucapan daripada YB. Bakar Arang. Oh, dia takdak. Apa yang disebut berkaitan dengan loji rawatan air Bukit Selambau kemarin adalah maklumat yang bercanggah dengan realiti sebenar. Dan saya kecewa apabila saya minta izin untuk mencelah tidak dibenarkan untuk membetulkan kenyataan yang dibuat kemarin.

Pertama, dia menyebut bahawa loji rawatan air Bukit Selambau dinaik daripada 30 kepada 50 MED. Saya dengar MED, yang betulnya MLD. *Million litres per day*. Maklumat yang disebut 30 ke 50. Tapi sebenarnya projek di Bukit Selambau itu dinaikkan daripada 30 MLD kepada 70 MLD, bukan 50. Yang kedua, dia menyatakan bahawa kelewatan melibatkan 500 hari dan ini adalah satu fitnah. Berdasarkan fakta daripada JKR yang menjadi penyelia dan juga penyelia kepada projek ini bahawa kemajuan kerja hingga 15 April. Baru seminggu lepas, 15 April, jadual adalah 47% dan kerja sebenar telah mencapai 47.1% telah mendahului daripada jadual sebenar. Dan YB. Bakar Arang juga telah menyebut bahawa EOT sebanyak tiga kali telah diberi tapi projek ini gagal untuk disiapkan. Saya juga ingin membetulkan maklumat ini.

Fakta sebenarnya, EOT pertama yang dikeluarkan untuk syarikat untuk kontraktor adalah pada 28 Jun 2024. EOT yang kedua dikeluarkan untuk kontraktor ialah 16 April 2025, seminggu lepas. Dan EOT yang ketiga dilanjutkan 13 November 2025 nanti.

Masih dalam tempoh yang diberikan. Dan projek ini adalah seliaan daripada pihak JKR dan projek ini adalah diputuskan lantikan kontraktornya oleh Lembaga Perolehan Negeri yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri, dululah. Dan anggotanya adalah terdiri daripada Timbalan Setiausaha Bahagian Pembangunan. Dan keduanya pengarah BPEN, ketiganya pengarah JPS dan seterusnya pengarah JKR Negeri.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan kelmarin menyebut beberapa perkara. Antaranya peranan yang perlu dimainkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi penghubung antara kerajaan dan juga rakyat di bawah. Dengan peruntukan yang diberikan oleh kerajaan negeri kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya yakin semua menggunakan dengan sepatutnya kerana ia adalah amanah daripada pihak kerajaan negeri. Tidak boleh walaupun satu sen digunakan untuk hanya membantu ahli parti satu sealiran dengan kita. Tak boleh, itu bukan duit parti kita. Tak boleh untuk kita bagi Beras Sejahtera kepada orang yang sokong kita semata-mata kerana ini adalah peruntukan kerajaan negeri. Kalau duit parti kita sendiri, terserahlah pada kita. Tapi kalau melibatkan peruntukan kerajaan negeri, begitu juga dengan pegawai-pegawai yang lain, ia adalah suatu amanah. Dan orang yang layak untuk terima, bukan semata-mata yang mendukung apa yang kita bawa, tetapi semua rakyat yang duduk dalam DUN kita adalah berhak apabila mereka mengalami kesusahan dan layak untuk memohon.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam tempoh 5 tahun, keprihatinan kerajaan negeri telah meluluskan hampir 10 ribu tanah untuk rakyat. Satu tempoh yang begitu besar dan bagaimana kerajaan telah melancarkan untuk setiap daerah, satu program yang juga akan memberi impak besar kepada rakyat, terutama golongan asnaf, iaitu Desa Sejahtera. Dan telah pun dibuat dan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar beberapa bulan lepas di daerah Padang Terap.

Saya yakin projek-projek ini juga akan dilancarkan di daerah-daerah yang lain dan di Kuala Muda juga sedang dicari kawasan yang sesuai untuk projek daerah Desa Sejahtera ini. Yang Berhormat Tuan Speaker, kita di Kedah, Alhamdulillah dapat bantuan dan keprihatinan daripada Lembaga Zakat. Saya ucap tahniah kepada Lembaga Zakat, prestasi yang amat cemerlang pada 2024 dengan kutipan zakat hampir 305 juta. Satu rekod yang begitu hebat dan jumlah perbelanjaan agihan untuk orang yang layak ialah sebanyak 348 juta. Kutip 305 juta, dia agih sebanyak 348 juta. Sesuatu-sesuatu yang perlu diberikan perhatian.

Kita telah mendengar daripada YB. Suka Menanti hari itu, bagaimana rancangan kerajaan untuk keluarkan padi kedah. Kalau Terengganu ada Beras Ganu, Melaka baru ini pun lancarkan Beras Melaka. Dan kita menanti, Beras Kedah suatu hari nanti menjadi reality dan mungkin kilang beras Lembaga Zakat boleh untuk membantu sehingga zahir lahir Beras Kedah suatu ketika nanti.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin naik perhatian daripada pihak pejabat daerah, moga-moga peruntukan P04 yang disalurkan melalui pejabat daerah. Moga-moga kami ADUN-ADUN juga dipanggil untuk terlibat untuk projek apa yang boleh dibuat di peringkat DUN bagi P04 nanti. Dan Yang Berhormat Tuan Speaker, Tuanku Sultan kita minta ADUN-ADUN supaya prihatin dengan rakyat dan saya yakin wakil rakyat semua tugas tak ada cuti. Kan? Siang malam, saya pun lepas sembah yang subuh tadi di Masjid Busyra, habis-habis sembahyang orang mai sua surat terus. Subuh-subuh tu, wakil rakyat ni. Kalau orang dulu lah sebut wakil rakyat tak boleh naik kereta *tinted* gelap. Orang tak nampak muka. Kalau lambai, kena beri nampak tangan lambai. Kalau wakil rakyat di Aceh terpaksa buh tangan palsu dekat kereta. Nak tunjuk kata dia lambai tangan. Ada wakil rakyat di Kelantan dulu yang mata rabun. Pesan kat *driver*. Kalau orang jumpa selisih orang hon, *driver* tu hon, wakil rakyat rabun ni angkat tangan. Dia lambai tangan.

Satu hari bila *driver* tu hon, wakil rakyat pun angkat tangan. *Driver* kata, lembu tuan. Bukan orang. Nak cerita, wakil rakyat dengar rakyat. Tak pernah. Tak pernah pisah. Wakil rakyat, saya tak tahu sahabat-sahabat. Kan, tengah malam rakyat panggil. Pasal apa ada yang kena rasuk jin. Nak panggil, pelepas saka pun panggil kita. Kalau waktu agih pusaka, dia tak panggil kita. Saka, dia panggil kita.

Yang Berhormat Tuan Speaker, yang kedua berkaitan pelaburan kedah. Kita menyedari bahawa kedah ni tanpa pelabuhan. Tak ada pelabuhan, tak ada *airport* yang boleh untuk kita hebatkan pelaburan kita ataupun eksport kita melalui *airport* kargo. Tapi mengagumkan kita bila pelaburan tetap masuk ke negeri kita ini. Dalam keadaan ekonomi kita, seperti mana IMIDF yang terbaru telah mengeluarkan, IMIDF Research telah mengeluarkan bahawa suku ke suku ekonomi Malaysia ni susut 3.7%.

Dalam keadaan pelabur-pelabur menjual saham-saham mereka di Malaysia. Dalam keadaan operasi kilang diberhentikan di Malaysia. Pindah ke negeri jiran kita. Tapi di Kedah kita, alhamdulillah pelabur mari. Saya ucap tahniah kepada kerajaan negeri, khususnya EXCO-EXCO Pelaburan yang dijemput ke Shenzhen baru-baru ini. Seperti mana yang disebutkan dalam jawapan soalan kelmarin, bagaimana dijemput untuk kita menawarkan apa yang kita sediakan dan moga-moga pihak kerajaan sana tertarik dan sudi datang. Satu perkara yang mungkin kita lupa, kehebatan yang ada di Kedah sehingga negeri lain pun usaha untuk tiru sekarang, iaitu sistem E10, sistem pembinaan pantas. Projek pembinaan kilang ataupun untuk kilang-kilang pelabur dibina dalam tempoh yang singkat. Pelabur kita fahamlah, bagi mereka *time is money*. Mereka tak mahu lama-lama. Mereka ada pelanggan yang sedang menanti dan apa yang mereka cari ada di Kedah kita.

Alhamdulillah, mereka datang dan sehingga kita tidak cukup tanah untuk menyediakan apa yang mereka hajatkan. Sidang Yang Berhormat Tuan Speaker, dan saya yakin orang yang mengikuti perkembangan negara China agak terkejut bila kajian negeri China baru-baru ini telah menyatakan kesediaan untuk memindahkan teknologi pemprosesan REE ke Malaysia. Satu perkara yang mengejutkan.

Teknologi pemprosesan REE Nadir Bumi ini 80-90% dikuasai oleh China dan China sebelum ini tak akan keluarkan teknologi dia. Tapi dia menyebut, mereka sebut mereka nak mari ke Malaysia. Cuma saya ingin tarik perhatian. Kita Kedah, Alhamdulillah antara negeri yang ada anugerah Nadir Bumi ini. Dan Nadir Bumi REE ini dicatatkan di Malaysia kita sekitar RM 1 trilion nilai dia. Lebih daripada RM 16 juta kan? Dan pengguna terbesar ataupun yang memerlukan REE ini ialah pengeluar-pengeluar teknologi. Seperti mana kita maklumi, REE ini kegunaannya untuk buat bateri EV, buat cip elektronik dan sebagainya dan kalaulah mereka pindahkan teknologi mai ke negara kita ini, satu perkara yang perlu kita berhati-hati ialah berkaitan dengan alam sekitar. Kesan toksik yang membawa kesan buruk pada tanah dan air terutamanya. Walaupun kita sememangnya menanti kedatangan pelabur tapi kita tidak mahu menanggung akibat dengan perbelanjaan yang lebih banyak untuk menanggung perubatan ataupun kes-kes yang menyebabkan kecederaan…

YB. TUAN SPEAKER

3 minit YB.

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

Tiga minit. Seterusnya yang ketiga, saya ringkaskan. Tahun Melawat Kedah 2025. Saya ucap kepada EXCO Pelancongan dan kerajaan negeri. Sekarang ni, Kedah disebut-sebut sehinggakan perasmian 'MATTA Fair' terbaru yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita tentunya membuka dan mencelikkan mata semua pihak.

Saya juga mengucap tahniah dengan program Iftar Ramadhan *Experience Kedah* baru-baru ni yang dibuat di depan, di dataran Majid Zahir. Sebagaimana ramai ribuan rakyat Kedah yang hadir untuk berbuka puasa. Saya fikir bukan pasal nak makan nasi Arab ka apa, dak. Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita pun boleh kata tiap hari Jumaat ada situ. Bahkan lebih hebat lagi apabila Tuanku Raja Muda dan Cik Puan Muda pun turun sekali dan berbuka puasa di situ. Satu perkembangan, satu perkara yang hebat. Tahun Melawat Kedah ni dengan berbagai persiapan yang dibuat dan Tuanku juga sebut berkaitan tapak Tamadun Kedah di Lembah Bujang di Merbok. Sekarang ni Yang Berhormat Kubang Rotan, ada tarikan baru di Merbok ni selain daripada MADAD, Busyra, Tanjung Dawai.

Terbaru ni ada dua tanah haram. Ni bukan ajaran sesat. Dua tanah haram ni, hari-hari kereta beratur, orang beratur. Dua tanah haram ni ialah nama nasi Arab. Nasi Arab Dua tanah haram. Kalau orang tak tahu, dia kata nak buat Grab jenuh bayar dua tanah haram ni. Beratur. Suasana dia macam makan bawah pokok kurma bawah pokok kelapa sawit suasana dia. Tapi bayangkan macam duduk tanah haram, makan buah pokok kurma. Hari Jumaat ni depa jemput. Hari depa buat rumah terbuka. Sapa-sapa lapang ni pi lah lepas Jumaat. Saya nak ceritanya kedai dua tanah haram ni, dua kedai nasi Arab tanah haram ni sebelah tapak Tamadun Tua ni. Orang mai ke MADAD, lepas tu nak mai ke Busyra, naik ke Tanjung Dawai. Dia tak singgah tapak Tamadun Tua. Lepas tu, mai pula ada nasi Arab Dua tanah haram, dia boleh singgah. Yang tu kita kena perhati tengok untuk buat supaya mereka boleh singgah di tapak Sungai Batu tu untuk mengetahui apa yang disediakan dan untuk mengetahui sejarah kegemilangan yang ada di Kedah ni.

Yang Berhormat Tuan Speaker, terakhir sekali berkaitan dengan saranan Tuanku agar kita menghayati dan mengamalkan ajaran Islam yang sebenar dan itulah sememangnya kewajipan kita sebagai orang Islam dan inilah sumber kekuatan kita. Apabila orang Islam menghayati agama, mengetahui halal, haram, dosa, pahala, bukan sekadar orang Islam sahaja yang terjamin. Bahkan orang bukan Islam juga akan dapat hidup secara harmoni dalam negara ini dan itulah yang diamalkan sejak daripada kemerdekaan bahkan sebelum ini. Bagaimana toleransi yang ditunjukkan oleh orang Islam kepada orang-orang bukan Islam dan itu ingin kita kekalkan. Dan untuk kita zahirkan dan kita bagi supaya rakyat faham kepentingan untuk mengamalkan Islam secara sempurna seperti yang Tuanku Sultan sarankan. Maka, majlis-majlis ilmu perlu untuk dipergiatkan.

Saya harap moga-moga institut agama membantu dan tidak menyekatlah kalau ada kuliah-kuliah yang dilaksanakan. Lebih-lebih lagi, pengkuliah yang ada tauliah seperti mana yang disebutkan oleh YB. Kupang kelmarin. Membantu. Kita berusaha. Dalam keadaan hari ini, umat Islam saya sebut tadi berkaitan dengan pendidikan. Bagaimana anak-anak kita orang Islam ramai tak mampu baca Al-Quran dan Jawi dan kita harap seperti mana yang dibuat di negeri lain, Selangor, Johor dan negeri lain yang mewajibkan anak-anak kita di peringkat rendah menyertai kelas KAFA. Dan saya yakin kerajaan negeri ada perancangan ke arah itu supaya anak-anak kita dapat menunaikan kewajipan dan memahami agama. Kita kalau kita tak boleh jadi macam pipit yang membantu Nabi, Nabi Ibrahim ketika dibakar, kita jangan jadi cicak yang menghembus supaya api itu makin marak. Ini suasana yang kita kawal. Kita tak mahu supaya generasi ke depan ini sehinggakan mereka tidak mengetahui kewajipan mereka. Tak tahu halal yang haram yang akhirnya menyebabkan keharmonian hidup bermasyarakat dan negara kita ini akan terjejas.

Terima kasih atas peluang dan ruang yang diberikan. Moga-moga apa yang dibangkitkan sepanjang sidang DUN ini bermanfaat dan saya berharap apa yang dirancang oleh pihak kerajaan negeri dan juga Pusat dapat untuk dilaksanakan terutama di DUN Tanjung Dawai berkaitan dengan naik taraf loji rawatan air di Tupah dan juga pembinaan, pemecah ombak di sekampung Sungai Peh hingga ke Tanjung Dawai dapat untuk dipercepatkan demi untuk keselamatan penduduk, InsyaAllah. Akhir sekali, saya menyokong usul titah menjunjung kasih titah ucapan Tuanku. Wallahu'alam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Dawai. Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Derga.

YB. ENCIK MUHAMAD AMRI BIN WAHAB

Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Barisan EXCO Kerajaan Negeri Kedah. Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kedah. Yang Berusaha Ketua-ketua Jabatan Agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Yang diraikan, pemerhati-pemerhati di dalam dan di luar dewan. Semoga kita beroleh kekuatan pada hari, InsyaAllah.

Saya ingin memulakan ucapan dengan menjunjung kasih atas titah Tuanku Sultan Kedah yang penuh berwibawa, berisi panduan dan peringatan penting buat kita sebagai ahli dewan diberi amanah oleh rakyat. Saya menyokong penuh saranan Tuanku agar semua Ahli Dewan Yang Berhormat menjalankan peranan semak dan imbang dengan bijaksana. Berpandukan kepentingan rakyat dan negeri, kritikan membina perlu diraikan bukanlah dipolitikkan dan saya menyeru agar kita semua mengambil titah ini sebagai panduan dan menggubal dasar dan melaksanakan amanah demi kepentingan rakyat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Haji Mohd Salleh bin Saidin, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Negeri Kedah atas kepimpinan dan dedikasi beliau dalam memperkasakan sektor pelancongan Negeri Kedah. MATTA Fair 2025 telah menyaksikan keterlibatan Negeri Kedah secara paling signifikan dalam sejarah penganjurannya bertemakan 'Kedah Destinasi Pilihan Malaysia'. Pavillion Kedah telah berjaya mencuri tumpuan pengunjung sebanyak 62 *booth* telah mewakili negeri Kedah. Penyertaan terbesar setakat ini yang sekaligus mencerminkan kesungguhan kerajaan negeri Kedah dalam merealisasikan kejayaan Tahun Melawat Kedah 2025. Lebih membanggakan lagi, julung kalinya sebanyak 22 *booth* telah disertai penguasa dari tanah besar Kedah.

Ini merupakan satu langkah strategi ke arah merancakkan pembangunan pelancongan di kawasan tanah besar selaras hasrat untuk memastikan limpahan manfaat pelancongan turut dinikmati oleh rakyat di kawasan tanah besar. Usaha ini wajar diberikan perhatian khusus agar penglibatan ekonomi tempatan dapat terus diperkasakan. Sebagai contoh, di kawasan DUN saya sendiri iaitu DUN Derga. Inisatif sebegini ini telah mula menampakkan hasil menerusi sambutan dalam kalangan pelancong dan hadir untuk menikmati keenakan masakan tradisional Kedah dan sambil menyusuri keindahan alam semula jadi dengan menaiki bot sepanjang Sungai Derga ini. Ini bukan saja memperkenalkan budaya dan citarasa tempatan, malah turut memberi impak ekonomi secara langsung kepada penduduk setempat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan ini terhadap satu lagi inisiatif yang cukup membanggakan, iaitu *Lunar Light Wonderland* yang kini sedang berlangsung di Taman Jubli Emas, Alor Setar. Ia merupakan pesta cahaya yang besar di Malaysia dan di Asia Tenggara serta telah menerima pengiktirafan daripada *Malaysia Book of Records*. Lebih 1.6 juta lampu led menerangi kawasan taman menjadikan suasana malam di ibu Negeri Kedah satu pengalaman magikal yang penuh warna-warni dan tarikan luar biasa. Sesungguhnya segala usaha ini mencerminkan iltizam negeri Kedah dan semua pihak berkepentingan dalam menjadikan pelancongan negeri pemacu pertumbuhan ekonomi. Saya percaya melalui perancangan strategik dan pelaksanaan yang menyeluruh, sektor pelancongan negeri Kedah mampu mencipta lonjakan baru sekaligus membawa limpahan manfaat kepada rakyat dan semua lapisan.

Tuan yang di-Pertua, izinkan saya membawa perhatian Dewan ini isu pertama iaitu isu lalu lintas yang kian yang sesak di kawasan Derga. Apabila tiba waktu puncak, masyarakat berdepan keadaan lalu lintas yang menyesakkan terutamanya di Jalan Langgar dan Datuk Kumbar. Satu lagi berkenaan dengan jalan yang berlubang. Saya mohon agar pihak yang berwajib mengambil tindakan secepat yang mungkin. Ini kita duk rasakan tiga kali raya dah, jalan duk macam tu juga. Sebagai contoh, permohonan pemasangan lampu isyarat di Taman Nuri tu sampai lani tak tahu apa status. Tapi masa Yang Berhormat Kuala Nerang main melawat tempoh hari, beliau akui bahawa itu memang perlu sangat untuk kesenangan anak kariah yang ulang yang alik ke masjid atau ke sekolah. Pendapatan pasar pagi pun merosot kerana kenderaan perlu membuat *U-turn* yang agak sangat jauh.

Saya mohon agar satu kajian trafik yang menyeluruh dibuat segera. Kita nak resolusi yang kekal bukan sementara. Kalau boleh pasang lampu isyarat baru, ‘upgrade’ sistem trafik atau tambah lorong. Harap pihak berkaitan ambil serius sebab rakyat dah lama menunggu.

Yang Berhormat Tuan Speaker, minggu lepas saya ada lalu di Jalan Pegawai dan saya perasan jalan kat situ semua dah diturap baru. Cantik, kemas dan berkilat. Tapi yang menjadi persoalan, jalan asal itu sebenarnya masih elok, tak ada lubang yang besar. Tak daklah kerosakan yang kritikal. Sedangkan kalau kita tengok kat kawasan Jalan Datuk Kumbar, banyak jalan yang uzur, berlubang sana sini, bergelombang dah macam ombak. Jadi, saya nak tanyalah apa sebenarnya kriteria atau penilaian yang digunakan untuk ditentukan jalan jalan mana yang patut diberi keutamaan untuk diturap atau dibaiki. Adakah sebab lokasi dia strategik atau sebab ada pihak tentu yang *request* dulu atau macam mana. Rakyat yang duduk kat Derga pun dah bayar cukai jalan juga pakai jalan hari hari untuk pi kerja, hantar anak sekolah, pi ke pasar, pi ke masjid. Bila jalan dah rosak tapi tak dibaiki. Depa rasa macam terpinggir, sedih bila tengok kawasan lain yang masih elok boleh pulak dilapisan baru tapi tempat kita yang lebih memerlukan buat macam tak nampak. Saya mohon pihak yang berwajib buatlah semakan semula sistem penilaian jalan rosak ini bagi keutamaan pada kawasan yang betul-betul yang perlukan. Kita bukan nak *complaint* kosong tapi kita nak keadilan untuk semua kawasan, tak kira di bandar ke dipinggir bandar ke.

Yang Berhormat Tuan Speaker, masalah banjir kilat ini bukan lagi masalah baru malah dah jadi rutin pula. Tiap kali hujan lebat, mesti ada kawasan yang dinaiki air. Di Derga sendiri, ada beberapa tempat yang cukup *familiar* dengan banjir. Contohnya, di Lorong Seri boleh katakan setiap kali hujan lebat, kawasan itu mesti yang pertama akan tenggelam. Penduduk kat sana hidup dalam keadaan risau, trauma setiap kali langit mula gelap. Bukan pasal hujan tu tak *best* atau sejuk ka, tapi sebab takut harta benda yang rosak. Kereta tenggelam, rumah dimasuk ke air sampai mereka dah lali dengan banjir dan air kotor tu. Yang peliknya dah berapa penggal ADUN silih berganti, kerajaan tukar sana sini tapi masalah tetap tak selesai. Kita tak minta yang pelik-pelik, yang kita minta cuma penyelesaian dan pelan tindakan jangka masa panjang yang betul-betul boleh jalan... Yang Berhormat Speaker, boleh mencelah sikit? Boleh dak?

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Yang Berhormat Tuan Speaker, boleh mencelah sikit? Boleh dak?

YB. TUAN SPEAKER

Boleh. Bagi laluan. Silakan YB. Bayu.

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Terima kasih YB. Derga. Berkenaan isu banjir tadi, adakah pihak Derga bersetuju jikalau pembersihan sungai-sungai kecil dilaksanakan di seluruh termasuklah di Derga?

YB. ENCIK MUHAMAD AMRI BIN WAHAB

Terima kasih YB. Bayu. Saya bersetuju sangatlah. Kalau boleh itu dibuat jadual JPS atau pihak-pihak berwajib, MADA buat jadual yang boleh ADUN-ADUN ini sampaikan kepada rakyat setempat. Jadi, isu yang sama di kawasan saya pun sama juga. Tapi, saya ucap terima kasih kepada JPS kerana dua tiga hari yang lepas dah mula korek. Terima kasih semua.

Yang Berhormat Tuan Speaker, justeru saya menyokong penuh segala usaha yang telah akan dilaksanakan demi melonjakkan nama Kedah sebagai destinasi pelancongan utama negara. Semoga momentum ini terus kekal dan dipertingkatkan demi kesejahteraan ekonomi rakyat. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada seluruh barisan pentadbiran negeri Kedah atas usaha berterusan menguruskan negeri ini dengan penuh dedikasi. Namun begitu, saya juga berkewajipan untuk menyampaikan keluhan rakyat, masyarakat yang masih belum menemui penyelesaian tuntas terutamanya dengan isu infrastruktur dan bencana alam. Segala isu isu yang saya bangkitkan ini bukanlah cerita baru. Ia adalah rintihan dalam masalah rakyat yang saban hari menanggung derita kerana pelaksanaan yang tidak tepat bagi menyelesaikan masalah. Jika benar-benar ikhlas mahu bantu dan membela rakyat, maka tindakan perlu dilakukan sekarang. Saya mohon agar semua pihak yang bertanggungjawab seperti JKR, JPS, MADA, PBT dan lain-lain memberi jawapan yang jelas tentang masalah ini dan bagaimana pelaksanaan ini dibuat…

YB. TUAN SPEAKER

Minit lagi YB.

YB. ENCIK MUHAMAD AMRI BIN WAHAB

Sebagai wakil rakyat di kawasan DUN Derga, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, pihak-pihak berkuasa tempatan, Pejabat Daerah Kota Setar dan juga Pejabat Kewangan Negeri Kedah yang atas komitmen mereka mendengar keluhan rakyat serta bertindak menyelesaikan isu-isu yang dihadapi di kawasan Derga. Kerjasama dalam menyelesaikan isu-isu tempatan amat saya hargai bagi memastikan kesejahteraan penduduk DUN Derga sentiasa terpelihara. Terima kasih kerana sudi memberi perkhidmatan yang terbaik. Derga menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Amat Mulia Tuanku Sultan Kedah. Saya akhiri dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Dan seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Pengkalan Kundor.

YB. PUAN MARDHIYYAH BINTI JOHARI

Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, EXCO-EXCO Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan dan Agensi. Seterusnya, sidang dewan sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Menjunjung kasih Tuanku Sultan Kedah di atas perkenan untuk menyampaikan titah ucapan perasmian DUN baru-baru ini dan saya mulakan ucapan perbahasan saya pada pagi ini untuk mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri Kedah di atas pencapaian yang begitu gemilang. Negeri yang kecil tetapi pencapaian yang hebat, cita-citanya besar.

Yang pertamanya, kejayaan Negeri Kedah menduduki tempat ke-4 dari segi pelaburan dalam negara yang mana turut disebut di dalam titah ucapan Tuanku dengan jumlah pelaburan masuk sebanyak 45.8 bilion berbanding 28.7 bilion bagi tahun 2023. RM 28.7 bilion itu banyak dah, tahun 2024 naik lagi dan juga Kedah mencatatkan pelaburan tertinggi dalam sektor pembuatan iaitu RM 32.6 bilion. Tahniah saya ucapkan pada kerajaan negeri pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Seterusnya, saya nak ambil kesempatan dalam sidang dewan pada kali ini untuk mengangkat pengorbanan besar Kedah iaitu yang pertamanya Kedah menyumbang lebih 40% keperluan beras negara yang mana di sebalik sumbangan 40% keperluan beras negara itu iaitu sumbangan terhadap *food security* ataupun keterjaminan makanan negara. Disebaliknya ada pengorbanan, iaitu Kedah mengorbankan keuntungan komersial ke atas tanah 222 ribu hektar yang mana boleh menjana pendapatan yang jauh lebih besar. Ratusan juta, bahkan mungkin bilion jika di*convert* ke sektor komersial. Tetapi, demi keterjaminan makanan negara, kita berkorban menyumbangkan lebih 40% beras negara.

Yang keduanya, sumbangan besar kerajaan negeri Kedah kepada *survival* negara dan juga negeri-negeri berdekatan ialah melindungi kawasan tadahan air di hutan simpan Ulu Muda sebagai jaminan kelestarian air. Dua sumbangan besar ini Tuan Speaker, melibatkan keperluan yang begitu kritikal. Makanan dan juga air. Jadi, sumbangan berterusan kerajaan negeri Kedah ini saya harapkan sampai masanya, sudah tiba masanya untuk diberi perhatian yang sewajarnya dan mendapat perhargaan yang setimpal. Jadi YB. Tuan Speaker, itu mukadimah.

Jadi, saya teruskan perbahasan saya dengan perkara yang pertama, iaitu saya merujuk kepada titah Tuanku Sultan di muka surat lima yang mana Tuanku Sultan memuji keprihatinan kerajaan negeri pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Yang menyediakan rumah kediaman kepada rakyat miskin melalui inisiatif Desa Sejahtera. Bagi saya Yang Berhormat Tuan Speaker, inisiatif Desa Sejahtera ini menunjukkan jelasnya hala tuju kerajaan negeri Kedah dalam soal membantu golongan miskin.

Sebelum ini kita ada, sebelum dan sekarang ini masih berterusan, kita ada inisiatif Beras Sejahtera. Saya ucapkan tahniah kepada EXCO berkenaan, YB. Merbau Pulas yang mana sumbangan Beras Sejahtera diberikan kepada rakyat setiap bulan secara konsisten. Di setiap DUN, tak kira DUN Kerajaan ataupun DUN Pembangkang semua rakyat menikmati sumbangan Beras Sejahtera, yang mana sumbangan Beras Sejahtera. ini adalah usaha kerajaan untuk menyelesaikan isu kemiskinan makanan. desa sejahtera usaha kerajaan inisiatif untuk menyelesaikan isu kemiskinan tempat tinggal. Jadi, semakin nampak jelas hala tuju kerajaan ini.

Saya petik kata-kata Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang mana masyarakat dahulu jika nampak begitu susah sekalipun, mereka sekurang-kurangnya ada tanah untuk dibina rumah. Jadi, paling tidak ada tanah untuk ada rumah, tak perlu menyewa dan sebagainya. Tetapi, pada hari ini jika kemampuan untuk memiliki rumah itu menjadi definisi sama ada seseorang itu miskin ataupun tidak maka ramai sekali golongan muda yang masuk dalam kategori miskin. Berapa ramai golongan B40, golongan muda pada hari ini yang tidak mampu untuk membeli rumah memiliki kediaman sendiri. Jadi, inisiatif kerajaan negeri yang mana di peringkat permulaan ini menyediakan 1,281 lot tanah untuk dimohon oleh rakyat merupakan satu inisiatif yang patut disokong oleh semua pihak. Jadi, saya harapkan di masa akan datang kerajaan negeri Kedah mampu untuk menyediakan pancing pula kepada rakyat, sebagaimana setakat ini kita berikan umpan. Ada masa ketika umpan perlu diberikan, sampai masa pancing pula diberikan supaya rakyat boleh berdikari untuk keluar daripada kemiskinan.

Seterusnya, Yang Berhormat Speaker, saya merujuk kepada titah ucapan Tuanku Sultan yang mana Tuanku menyebut hasrat Tuanku agar kerajaan negeri menyemak semula dasar dan peraturan agar kekal relevan dengan keperluan semasa. Di sini ada keperluan untuk pemegang-pemegang taruh, semua sekali yang berkaitan untuk duduk bersama mengkaji, berbincang mengenai apa sahaja peraturan dasar undang-undang yang berada di bawah kuasa kerajaan negeri perlu disemak semula. Undang-undang lama yang sudah lama tak ada apa-apa pindaan. Sekian lama tidak dipinda perlu dikaji semula, ditambah baik supaya kekal relevan dengan tahun 2025 ini ataupun kita gelar sebagai Undang-undang Lapuk.

Isu Undang-Undang Lapuk ini bukan hanya isu negeri sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Tuanku Sultan di dalam titah ucapan Baginda. Tetapi, isu ini juga merupakan isu nasional yang mana saya memetik ucapan menteri di Jabatan Perdana Menteri Undang-Undang, pada 12 Ogos 2024 pada masa ini sahaja ada lebih 3 ribu Undang-Undang Lapuk dalam negara yang mana perlu untuk dikaji semula dan ditambah baik agar kekal relevan dengan peredaran semasa.

Jadi, bagi menyambut baik titah ucapan Tuanku Sultan ini saya mencadangkan agar kerajaan negeri menubuhkan satu jawatan kuasa khusus bagi mengkaji undang-undang lama peraturan, dasar, apa sahaja yang berada di bawah bidang kuasa negeri yang sekian lama tidak dipinda. Kaji, perbaiki, adakan pindaan supaya sesuai dengan matlamat utama ia digubal.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga ingin memberi perhatian khusus kepada perkataan hak negeri yang disebut di dalam titah ucapan Tuanku Sultan pada muka surat 2 ini yang mana Tuanku berhasrat supaya kita menyemak semula dasar dan peraturan agar kekal relevan dengan keperluan semasa demi kepentingan negeri terutamanya yang melibatkan hak sebagaimana yang termaktub dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Kedah dan Perlembagaan Persekutuan. Dalam konteks negeri ini, saya ingin mengingatkan bahawa perlunya kesungguhan di pihak penguatkuasa undang-undang negeri untuk bertegas sejak daripada awal dalam melindungi tanah-tanah kerajaan negeri daripada diceroboh untuk tujuan keuntungan. Kita kena elakkan situasi di mana tanah kerajaan negeri diceroboh tetapi yang mendapat untung cumalah satu pihak sahaja. Yang mendapat untung cumalah kapitalis tetapi kerajaan negeri rugi dan juga rakyat negeri Kedah lebih, tak dapat apa-apa daripada pencerobohan tersebut. Kita cuba sedaya upaya untuk elakkan situasi yang berlaku di Kedah. Saya yakin dan percaya bahawa penguatkuasa undang-undang di negeri Kedah ini telah melaksanakan yang terbaik. Tetapi tidak salah apabila Tuanku menyebut dalam titah ucapan Tuanku, kita mengambil pengajaran agar situasi yang berlaku di tempat lain tidak berulang di negeri kita. Janganlah sesekali kita menjadi pemerintah ataupun penguatkuasa yang hanya berani bertegas dengan rakyat biasa. Begitu tegas, begitu keras dengan pakcik meniaga petai. Begitu keras, begitu tegas dengan abang meniaga belon. Tetapi, *surrender* hilang taring apabila berhadapan dengan kapitalis penceroboh.

Sidang Dewan sekalian, kita perlu sedaya upaya mengelak daripada perkara ini berlaku. Jangan sampai jadi sebab kita lihat apabila sekali berlaku susah nak diselesaikan. Seolah-olah begitu kebal, seolah-olah tak lut, tak dapat nak dilakukan apa-apa. Akhirnya, di pihak yang menyokong penceroboh pula menawarkan menjadi *mediator* menjadi orang tengah. Jadi, moga-moga saya harapkan situasi yang berlaku di Raub tidak akan sama sekali berlaku di Negeri Kedah.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Speaker, apabila menyebut tentang hak negeri saya berpandangan bahawa hak negeri bukan hanya perlu ditegakkan ataupun didapatkan daripada mereka yang tinggal di dalam negeri Kedah ini, tetapi juga mereka yang tinggal di luar negeri Kedah. Saya merujuk kepada isu pajakan Pulau Pinang. Saya berpandangan bahawa Kedah tidak boleh sama sekali berputus asa menggunakan apa sahaja cara yang ada, sama ada cara diplomasi maupun saluran undang-undang untuk mendapatkan nilai pajakan yang sesuai dengan *value* semasa,

nilai semasa. Yang mana bayaran pajakan ini dibayar sejak 1786 sampai ke hari ini, maka dah tiba masanya. Jika bukan hari ini, bila lagi? Jika bukan sekarang, bila lagi? Untuk dinilai supaya bayaran itu padanlah dengan value tahun 2025 ini. Jadi Yang Berhormat Tuan Speaker, tuntutan ini tidak sewajarnya disalah tafsir sebagai mempertikaikan perlembagaan ataupun nak dapat duit percuma dan sebagainya kerana ini adalah hak negeri dan menjadi tanggungjawab kerajaan negeri yang memegang amanah rakyat untuk menuntut apa sahaja yang menjadi hak negeri untuk dipulangkan kembali kepada rakyat.

Jadi Yang Berhormat Tuan Speaker, seterusnya saya merujuk kepada titah Tuanku Sultan yang mana Tuanku menyebut walaupun wujud perbezaan agenda dan ideologi, namun Tuanku yakin tentu ada persamaan terutama dalam mencorak pembangunan dan kebajikan rakyat bagi membentuk negeri yang lebih makmur. Saya yakin bahawa ucapan ini ada kaitan dengan konsep federalisme. Saya nak memetik ucapan Yang Berhormat Jitra, EXCO Pelaburan, yang mana EXCO mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana menyelesaikan isu yang tertangguh sekian lama berkenaan dengan NOC. Sekian lama, akhirnya dapat diselesaikan, Alhamdulillah. Penantian yang membuang masa begitu lama sampai setahun kerana menteri yang tidak efisien perlu kepada campur tangan Perdana Menteri juga untuk selesaikan. Membuang masa, usaha untuk membangunkan negeri yang sepatutnya boleh dipercepatkan, menteri sepatutnya buat kerja dia tetapi apabila menteri tak buat kerja maka Perdana Menteri perlu masuk campur. Apapun kita ucapkan terima kasih, kita bersikap profesional. Apa yang baik kita hargai dan ini adalah bukti Yang Berhormat Tuan Speaker bahawa apabila kerajaan federal melaksanakan tanggungjawabnya, menunaikan hak negeri, bersikap baik, maka respon negeri juga baik. *It takes two to tango*.

Sudah tiba masanya untuk kita bermuhasabah dan menilai kembali semangat federalisme dan kita meletakkan satu hala tuju yang jelas untuk hubungan ini. Kemana hala tuju federalisme yang kita nak dibawa? Adakah pertembungan politik yang tidak berkesudahan? Ataupun kita nak memanfaatkan federalisme ini sebagai jambatan untuk memberikan manfaat kepada rakyat? Jika federalisme ini difahami hanya setakat ketundukan negeri kepada Persekutuan, diam daripada sebarang kritikan, tidak kira apa sekali perlakuan pusat, perlakuan Persekutuan kepada kita, maka itu adalah satu kefahaman yang pincang terhadap konsep sebenar federalisme yang digariskan dalam Perlembagaan. Dan ia tidak menepati semangat federalisme yang sebenar. Persekutuan ada kerana negeri-negeri dan Persekutuan menikmati hasil daripada negeri-negeri. Jika tidak menikmati hasil daripada negeri-negeri, banyak mana sangat sahaja yang Persekutuan dapat. Bahkan kebanyakan cukai-cukai negeri-negeri ini dikutip oleh Persekutuan.

Jadi, federalisme yang sebenar memerlukan Kerajaan Persekutuan menunaikan haknya kepada negeri. Menunaikan hak-hak negeri. Lalu, negeri menghargai tanggungjawab yang ditunaikan itu. Dan sama-sama berusaha untuk membangunkan negara. Kedua-dua pihak perlukan komitmen dan pengorbanan. Tidak keterlaluan untuk saya membuat penilaian…

YB. TUAN SPEAKER

YB. Pengkalan Kundor. Boleh beri laluan. Silakan…

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih Tuan Speaker. Saya tertarik apabila Pengkalan Kundor menyebut tentang federalisme. Dalam ucapan saya semalam pun, saya dah menyentuh tentang kita sekarang ini perlu beralih daripada *centralize* federalisme kepada *cooperative* federalisme. Maknanya ada *give and take*. Kalau kita, segala cukai daripada kerajaan negeri melalui agensi-agensi Kerajaan Pusat dikumpul di pusat, maksudnya pusat pun janganlah berlengah-lengah. Ikut jadual yang telah ditetapkan dalam Perlembagaan. Bagilah kepada negeri mengikut jadual yang telah ditetapkan ini. Tunggu sampai kena pergi minta, kena hujung tahun baru nak dapat ini. Menyusahkan pentadbiran di dalam negeri. Setuju dak Pengkalan Kundor? Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Tokai.

YB. PUAN MARDHIYYAH BINTI JOHARI

Ini adalah kerajaan persekutuan menunaikan haknya. Jangan menyusah-nyusahkan negeri. Jadi seperti yang saya katakan tadi*, it takes two to tango*. Kedua-dua pihak perlukan pengorbanan. Kedua-dua pihak perlu berlaku baik. Jika federal buat baik dengan kita, kita pun akan respon baik. Di suasana kali ini pun sejuk sikit kan. Dia tak panas macam sebelum ini.

Jadi, Yang Berhormat Tuan Speaker, tidak salah sekiranya kita buat perbandingan. Sebab saya baca berita, Ahli-ahli Yang Berhormat pun baca berita 20 April 2025, saya baca berita berkenaan dengan Sarawak. Perdana Menteri iktiraf Sarawak sebagai penyumbang utama kepada kemajuan ekonomi Malaysia.

Kemudian, saya baca lagi berita, Premier Sarawak menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan bersetuju melaksanakan beberapa projek mega di Sarawak. Seterusnya pada tahun 2024, kita semua tahu tapi kita akan ulang. 2024, Kabinet meluluskan pembesaran lapangan terbang Pulau Pinang dengan kos lebih RM1 bilion.

Ada masalah ke? Tak ada masalah. Bagi lah sebanyak mana pun nak bagi pada negeri-negeri lain. Tetapi jangan lupakan negeri-negeri lain pun ada sumbangan. Kedah ada sumbangan terhadap keterjaminan makanan negara. Terengganu ada sumbangan minyak. Janganlah sampai keterlaluan memberi kepada negeri-negeri lain tetapi ada sebahagian negeri-negeri lain tak bagi langsung ataupun terlalu kurang dan menyusah-nyusahkan pula apa yang menjadi hak negeri.

Jadi Yang Berhormat Tuan Speaker, di negeri Kedah kelulusan KXP antaranya yang patut diberikan hak. Pulau Pinang dapat pelbagai pembesaran lapangan terbang. KXP, Lapangan Terbang Kulim sampai hari ini tak dapat kelulusan antaranya. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, federalisme ini hubungan antara kerajaan negeri Kedah dan Pusat ini perlu dimuhasabah kembali. Perlu ditetapkan kembali hala tuju ini sama ada kita nak menyalakan pertembungan politik yang berterusan ataupun kita nak menjadikan ia sebagai jabatan yang memanfaatkan rakyat. Ini janganlah terlalu berlebihan kepada sebahagian negeri tetapi terlampau kurang dan terlampau jauh pula kepada negeri-negeri lain.

Dan persoalan yang saya nak bangkitkan, adakah adil apabila ada sebahagian negeri yang tidak menerima hak-hak mereka seperti mana yang sepatutnya tetapi kemudian ditampal, dilabel sebagai mundur dan miskin apabila mereka tidak dapat bertanding di padang yang sama rata. Jadi Yang Berhormat sekalian, Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi saya keperluan untuk memperbaiki hubungan federalisme ini adalah untuk kebaikan rakyat negeri Kedah, rakyat Malaysia dan juga untuk kebaikan kerajaan negeri dan juga Kerajaan Persekutuan.

Oleh itu Yang Berhormat Tuan Speaker, saya harap tiga isu yang saya bangkitkan, yang pertamanya berkenaan dengan penyelesaian ekonomi rakyat miskin, yang keduanya berkenaan dengan semakan Undang-Undang Lapuk dan yang ketiga, hala tuju baru federalisme akan membuka ruang kepada penyelesaian penambahbaikan dalam pentadbiran kerajaan negeri. Dengan itu saya menyokong penuh titah ucapan Tuanku Sultan pada kali ini.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih kepada YB. Pengkalan Kundor. Seterusnya, dijemput Yang Berhormat Bukit Lada. Dipersilakan.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih kepada Tuan Speaker. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ADUN-ADUN, khususnya Ketua-ketua Jabatan serta pemerhati yang dikasihi sekalian. Alhamdulillah, saya bersyukur kepada Allah Subhanahu Wa Taala kerana diberikan kesempatan untuk sama-sama memberikan sedikit ucapan dan ulasan berkenaan dengan titah ucapan yang telah dilakukan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dalam perasmian pembukaan persidangan Dewan Undangan Negeri Kedah pada kali ini. Pertama yang saya ingin sebutkan di sini ialah apa yang disebutkan oleh Tuanku Sultan tentang dunia ini adalah hijau dan dunia ini adalah manis yang disebut dan dipetik daripada hadis Nabi SAW.

إِنَّ الدُّنْيَا حُلْوَةٌ خَضِرَةٌ

Manis dan hijau. Kalaulah kita menjadi seorang pemimpin, maka kita perlu ingat supaya apa yang Allah Subahanahu Wa Taala berikan kepada kita ini sebenarnya adalah ujian kepada kita semua. Janganlah terlalu manis. Kalau manis pun masalah juga kerana kemanisan dunia ini akan disoal dan ditanya oleh Allah Subahanahu Wa Taala. Inilah hidayah Al-Quran dan hadis yang dikemukakan oleh Tuanku Sultan. Itu yang pertama.

Yang keduanya ialah kejayaan dan kecemerlangan pelaburan Kedah yang disebutkan oleh Tuanku Sultan, yang disebutkan oleh kebanyakan pembahas. Negeri Kedah mendapat tempat yang keempat. RM 45.8 Bilion pelaburan masuk ke negeri Kedah. Ini suatu kejayaan yang sangat besar dan kita mengharapkan supaya pihak pembangkang dan pihak kerajaan dapat melihat kejayaan-kejayaan ini dan saya tanya dalam soalan dalam buku jawapan dan saya mengharapkan semua pihak dapat membuka dan membelek sebanyak dua, daripada muka surat 23 sehingga muka surat 70, semuanya disebutkan tentang kejayaan selama setahun 2023 dan 2024 yang dilakukan oleh kerajaan kita. Saya nak sebutkan antara kejayaan yang kita berjaya lakukan untuk rakyat ini.

Yang pertama ialah kita dapat membina dan dapat memperbaiki hampir seribu rumah. Kalau tengok dalam data itu sebanyak 967 buah rumah yang kita dapat bina pada tahun dan kita dapat memperbaiki pada tahun 2024. 967 buah rumah, 651 daripada agensi negeri dan agensi pusat, lebih kurang RM 11.9 juta. Kemudian, daripada zakat sahaja 316 buah rumah dan melibatkan kos sebanyak RM 16.4 juta dan kita boleh lihat daripada muka surat 23 sehingga muka surat 27, itulah kejayaan yang telah dicapai oleh kerajaan negeri.

Saya mengharapkan semua pihak dapat membuka mata hati dan janganlah jadi mata lalat seperti yang selalu disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita. Contohnya dalam isu LRA, baru ini YB. Bakar Arang ada sebut yang di Bukit Selambau. Kalau ikut sebenarnya pengeluaran air daripada naik taraf pengeluaran air daripada 30 MLD kepada 70 MLD. Tapi disebutkan tadi 50 MED. Angka pun tak betul, sebut unit pun tak betul. LRA Bukit Selambau ini sediakan 30 MLD. Bila siap naik taraf projek tengah dilakukan dan dapat 70 MLD dikatakan lewat sehingga 500 hari. Tapi sebenarnya JKR telah menyatakan bahawa kemajuan kerja sehingga 15-04-2025 ialah 47% sebenarnya…

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Tuan Speaker.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Sebenarnya 47.1% mendahului jadual 0.1%...

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Tuan Speaker. Mohon celah.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Dan dulu. Haritu depa tak bagi dekat kita. Tak bagi noh…

YB. TUAN SPEAKER

Bagi laluan!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Haritu pun tak bagi. Duduk lah. Kalau kita profesional, kita bagi saja. Saya duk tengok tiga-tiga orang ni, bila orang nak campur dia tak bagi bercakap…

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Semalam ada bagi orang bercakap.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Sepatutnya kalau kita bagi orang lain bercakap, jadi mudah saja kita boleh bercakap…

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Semalam ada bagi Tuan Speaker…

YB. TUAN SPEAKER

Minta maaf YB. Bakar Arang, tak boleh…

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Janganlah kata tiga. Saya bagi.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Ya ya ya. YB. Sidam ok, YB. Sidam ok. Mengkelia. Hahaha. Jadi, kita harapkan kalau kita nak bagi orang lain boleh bercakap, kita pun boleh bagi, tak ada masalah. Jadi, saya nak jawab balik saja.

Jadi, InsyaAllah jadi kita harapkan bahawa kalau boleh fakta yang diberikan itu, janganlah kita ambil fakta daripada mana-mana pihak. Jadi ini fakta daripada pihak kerajaan negeri iaitu lebih kurang 47%, sebenarnya 47.1% mendahului jadual yang sebenar. Jadi InsyaAllah kita harapkan projek-projek yang kita, saya lihat ahli-ahli parlimen yang sepatutnya ahli parlimen kerajaan, pusat, patutnya memperjuangkan hak-hak negeri berada di pusat. Tapi, mereka juga mengeluarkan isu LRA Bukit Selambau, tapi sepatutnya saya harapkan kalau bolehlah kita di peringkat, apa nama, di peringkat negeri ini…

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Tuan Speaker, mohon celah.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Seperti yang dititahkan oleh Tuanku Sultan iaitu kita perlu adil dan benar. Iaitu setiap pandangan…

YB. TUAN SPEAKER

YB. Bukit Lada. YB. Bakar Arang ada mintak laluan, nak bagi ka dak?

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

…mesti bersifat membina. Sat, banyak lagi ini…

YB. TUAN SPEAKER

Okay. Tak mau bagi laluan nah. Minta maaf Bakar Arang. Takdak laluan.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Kalau YB. Bakar Arang bagi lepas ni, okay kita bagi noh. Boleh dak YB. Bakar Arang? Hahaha. Jadi kita harap, kita pakat-pakat bagi orang mencelah. Okaylah kita boleh bangun. Saya tengok YB. Ayer Hitam bangun dua tiga kali, tak bagi. Saya pun boleh bagi sebenarnya.

Jadi, kita perlu adil dan benar. Tuanku Sultan bertitah dalam muka surat 2 setiap pandangan dan kritikan. Mesti bersifat membina, mesti bersifat membina demi kepentingan negeri dan rakyat. Demi kepentingan negeri dan rakyat. Sepatutnya saya mengharapkan di peringkat pihak pembangkang yang mereka menguasai negara pada hari ini, sepatutnya memperjuangkan RTB yang ada di negeri Kedah ini. Yang menyebabkan kita terpaksa belanja lebih daripada RM 10 juta setiap tahun untuk menangani masalah banjir ini. Kita ada 8 RTB yang ada di negeri Kedah ini. RTB Jitra, RTB Anak Bukit, Pendang, Baling fasa pertama, fasa kedua, Sungai Bongkok, Bandar Baru, ada 8 RTB. Dan daripada 8-8 RTB ini, 4 RTB ini semuanya lebih masa. Kalaulah kita marah dengan LRA Bukit Selambau, berjuang, bercakap, kenapa RTB tak bercakap? Sedangkan projek RTB di Sungai Kedah Anak Bukit bermula 9 Mac 2020 dan tarikh siap 2023 tapi masih belum siap dan diberi EOT 26 Oktober 2025. Kenapa tak diperjuangkan 4 kali dah EOT diberikan.

Begitulah juga dengan projek RTB Sungai Pendang Pakej 1 bermula April 2018 sepatutnya siap 29 April 2021. Sampai hari ini EOT diberikan 4 kali dah dan terakhirnya sehingga 29 Oktober 2025. Tapi kenapa tak bercakap? Kenapa kita tak bercakap? Ini menunjukkan bahawa kita hanya nak cari salah kerajaan negeri. Sepatutnya apa yang disebutkan oleh Tuanku Sultan ini iaitulah kita perlu berfikir untuk membina kepentingan negeri dan rakyat. Patutnya asobiah negeri ini kita kena cakap supaya kepentingan rakyat seperti Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita menyebutkan bahawa permohonan kita untuk kita dapatkan RM 200 juta menjadi jelapang negara. Walaupun baru ini pelan Malaysia cadangkan bagi RM 41 juta. Saya cakap syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Kita bercakap-cakap akhirnya dapat RM 41 juta. Itu pun Yang Amat Berhomat Menteri Besar tak mahu, kita nak RM 200 juta. Kita perjuangkan lagi dan ini yang kita harapkan supaya semangat ini ada dalam jiwa semua adun-adun ini. Jangan melihat warna dan *colour* yang ada dalam sewaktu kita berada di dalam DUN kita ini. Itu yang keduanya.

Yang ketiganya ialah Tuanku bertitah agar semua ADUN menyelami masalah keperluan rakyat. dan saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan negeri yang membelanjakan RM10.1 juta untuk mangsa banjir di negeri Kedah yang menghadapi empat kali banjir. Di tempat saya itu empat kali banjir. Tapi saya ucapkan terima kasih juga kepada Kebawah Duli Raja Muda, Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda turun dan tanya kita. Kita duk sembang.

Dia kata ini nak buat macam mana? Nak buat macam mana? Lembut, cakap lembut. Nak buat macam mana ini? Dah empat kali dah banjir ini. Selagi tak selesai tebatan banjir itu, selagi itulah kita akan berada dalam banjir setiap tahun. Dan Pokok Sena sahaja, untuk jamuan makan sahaja, YB. Sungai Limau noh, RM 302 ribu untuk belanja makan di PPS tak termasuk di negeri. Saya tak ingat masuk satu negeri mungkin lebih daripada 3 juta.

Yang keempat, dalam titah Tuanku Sultan, dalam surat 8, "Beta berharap institusi agama di negeri ini dapat mastikan agenda syiar Islam dapat ditegakkan berdasarkan fahaman yang benar". Jadi saya ucapkan syabas dan tahniah kepada pihak-pihak masjid. Jadi kita nak tirulah Masjid Busyra, MADAD yang saya pun duduk besa pi masjid ni. Tapi pergi pula baru ni, masjid tu kecil ja. Masjid Buysra ni kecil ja dalamnya tu. Tapi MasyaAllah, dia punya program hidup. Jadi kita mengharapkan masjid-masjid ni dapat dihidupkan dengan aktiviti-aktiviti yang terbaik. Dalam ucapan saya ni, saya nak ucapkan syabas dan tahniah kepada 3 masjid di DUN saya ni dan saya harap masjid-masjid lain boleh tirulah. Dalam masa setahun sahaja, satu masjid tu dia belanja hampir RM60,000. Nanti YB EXCO boleh pi lah, pi ziarah masjid tu. Masjid Sungai Durian. Masjid Sungai Durian yang membelanjakan RM59,800 setahun untuk kegunaan rakyat, kegunaan masyarakat, orang kampung. Berbagai-bagai program.

Kemudian Masjid Jabi, Fathul Ariffin. RM41,000 dibelanjakan dalam masa setahun. Dan Masjid Ar-Rayyan, Kampung Bukit RM16,000. Masjid-masjid lain campur semua RM219,000 lebih dengan duit orang kampung. Duit sumbangan dibelanjakan untuk rakyat ataupun masyarakat kampung. Jadi ini syabas, kita mengharapkan pihak-pihak dapat macam disebutkan oleh YB. Tanjung Dawai tadi dengan YB. Kupang. Hat ada tauliah pun dia tak bagi mengajar ni, hat ni pelik ni. Saya harap boleh fikirlah kan. Saya mengajar sebelum jadi YB lagi. Tiba-tiba, kita pun tak boleh mengajar. Jadi kita rasa pelik lah. Saya tak pernah cakap bab politik. Tiba-tiba kita tidak dibenarkan untuk belajar. Jadi untuk mengajar, saya tak pernah sebut langsung lah. YB. Ayer Hitam ni pun tak pernah sebut. Tapi tiba-tiba kita yang ada taulih ni pun tak boleh mengajar. Jadi, InsyaAllah kita harap boleh diambil.

Seterusnya adalah dalam kawasan. Boleh lagi YB. Tuan Speaker noh. Kejayaan pentadbiran kawasan Pokok Sena ni yang diketuai oleh Tuan DO. Saya ingat dia tak mai ni sebab ayah dia sakit masuk hospital. Tapi, Tuan DO mai juga. Terima kasih lah bagi semangat untuk kita nak bercakap pada hari ni. Dan saya nampak *teamwork* yang dibina oleh Tuan Tuan DO kita di Pokok Sena ni nampak ada kesan yang sangat baik. Semalam pun saya bila tengok Yang Amat Berhomat Menteri Besar hadir. Oh, kambing golek. Hahaha. Kemudian Datuk SS, Datuk Wira SFO, semua hadir untuk menjayakan program jamuan yang menggabungkan semua pihak termasuk ADUN, ahli parlimen.

Jadi, kita rasa kebersamaan dan saya mengharapkan kebersamaan ini wujud di semua daerah. Dan ada juga kawan-kawan daripada pihak kawan-kawan saya lah, ADUN-ADUN ni mai duduk sembang. Kami DO tak panggil pun. Bagi sumbangan duit RM500 sumbangan. Kita, Alhamdulillah Tuan DO panggil kita bagi juga untuk yang RM 500. Ini *mileage* politik. Yang mungkin pegawai-pegawai daerah ni tak nampak. Dia tak panggil pun takpa kan. Tapi YB-YB ni dia perlu hadir juga. Jadi kita mengharapkan kebersamaan ini wujud dalam semua di peringkat semua DUN, di semua daerah di negeri ini InsyaAllah.

Dan yang seterusnya, saya duk tengok, Tuan DO kita ni dia rapat dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar ni. Saya ucapkan tahniahlah kerana program kadang-kadang mereka main badminton sekali. Yang duk heran, duk baru ni pula ni, tengok Yang Amat Berhormat Menteri Besar duduk main golf ni. Yang Amat Berhormat Menteri Besar duk main golf. Rupa-rupanya mungkin pasal kawan dengan Tuan DO kita lah. Dan pejabat pun ada main golf dalam bilik, DO kita ni. Jadi, mungkin dia tarbiah kot. Ha noh. Kemudian, dalam kawasan juga saya nak ucapkan syabas kepada Muhamad Muiz Ruzaini yang membawa imej Pokok Sena ni dan Malaysia iaitu mewakili Malaysia ke Expo Osaka di Jepun yang dijadualkan bermula daripada bulan April sampai Oktober. Enam bulan atau lima bulan noh Tuan DO berada di sana. InsyaAllah, Tuan DO pun boleh pergi kot. Boleh pi tengok bagaimana persembahan yang dilakukan oleh anak muda berumur 22 tahun ini mewakili Malaysia pi buat roti canai terbang yang baru-baru ini pada bulan 12 hari itu, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda, pergi makan di kedai tersebut.

Kemudian, seterusnya Hard Rock Melon di Pokok Sena yang dijangka akan bermula dalam masa yang terdekat ini. Untuk tahun ini disasarkan 100 ribu pokok. Dan, InsyaAllah kita mengharapkan sasaran YB EXCO kita untuk nak wujudkan untuk setahun satu juta pokok. Sekali tanam 20 ribu. Sekali tanam 20 ribu untuk fasa ini untuk dapatkan 100 ribu dan lepas ini mungkin sekali tanam boleh tanam 100 ribu pokok. Dan setahun, kita menghasilkan sejuta pokok. InsyaAllah, Pokok Sena jadi pokok melon pula hari ini.

YB. TUAN SPEAKER

Bukit Lada boleh bersedia.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Okey okey nak habis. Sikit lagi ja. Dalam kawasan juga saya nak mengucapkan ucapan jutaan terima kasih kepada Datuk Bandar yang baru. Alhamdulillah yang saya tiap-tiap tahun saya minta Datuk Bandar ini kalau boleh pi tengok di Pokok Sena ini, kami tak ada apa-apa. Lampu lip lap apa pun tak ada. Jadi, Alhamdulillah sebelum raya baru ini, Tuan Datuk Bandar dah pasang 23 unit.

Jadi, seronoklah kita jalan malam pun tengok lampu lip lap dan saya harap lepas ini boleh pasang lagi lah kan. Ke depan bagi lawa-lawa lagi. InsyaAllah. Jadi, saya rasa itulah yang dapat saya sampaikan. Masa pun dah cukup. Jadi, dengan ini saya menjunjung kasih titah ucapan Perasmian Pembukaan Persidangan Dewan Undangan Negeri yang disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Wa billahi taufiq wal hidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

YB. TUAN SPEAKER

Khop khun krap, *no*. Seterusnya ini saya menjemput, YB. Ayer Hangat tak bersama kita noh. Saya menjemput YB. Belantek. Silakan.

YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah Darul Aman, ADUN Jeneri. Yang Berhormat Barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Yang Berhormat sahabat-sahabat ADUN-ADUN sekalian. Tuan-puan, Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Pesekutuan. Tuan-puan pegawai-pegawai daerah yang dihormati sekalian. Dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengikuti sidang dewan di mana saja Ahli-ahli Yang Berhormat berada. Dan sudah pasti tak dilupakan sentiasa di hati seluruh warga DUN Belantek yang mengikuti persidangan pada pagi ini. Terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan pada hari ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker. Pertamanya, saya nak menyentuh tentang pelancongan desa dan eko pelancongan. Yang berhormat Tuan Speaker, Belantek memiliki alam semula jadi yang luar biasa. Kawasan hutan, sungai dan air terjun masih belum diterokai sepenuhnya. Ini adalah aset pelancongan luar bandar yang amat bernilai. Kalau Ahli-ahli Yang Berhomat pernah masuk ke kawasan DUN Belantek nun di atas sana masih menghijau. Yang Berhormat Tuan Speaker, oleh itu saya mencadangkan, satu, pembangunan pelancongan komuniti seperti *homestay, eco tour* dan kebun pelancongan. Yang kedua, latihan kepada penduduk tempatan sebagai pemandu pelancong dan pengusaha kecil. Yang ketiga, pemasaran produk pelancongan Belantek melalui agensi pelancongan negeri.

Dan ini kita merujuk kepada titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan di muka surat 7 dan 8. Yang berhormat Tuan Speaker, Tahun Melawat Kedah, kita mengharapkan ia akan, ini Titah Tuanku, kita mengharapkan ia akan menjadi platform terbaik untuk meletakkan negeri Kedah sebagai destinasi pelancongan utama negeri dan negara. Dan para Yang Berhormat sekalian perlu lebih proaktif dalam menjayakan kempen Tahun Melawat Kedah 2025.

Baginda menggesa agar produk pelancongan, sama ada di Tanah Besar atau di Pulau Langkawi ditambah baik dan dinaik taraf di samping mengenalpasti produk-produk pelancongan baru untuk diperkenalkan. Ini yang saya sebut tadi sekiranya ada produk-produk pelancongan yang telah ada dalam perancangan dapat dimajukan, dapat dibuka baru di kawasan Belantek. Dan kita dengar sendiri, Insya Allah, mungkin pintu sempadan akan dibuka semula di kawasan Belantek atau di sebelah timur Kedah. Jadi, ini satu impak motivasi yang cukup tinggi untuk kita meningkatkan ekonomi dan bukan sahaja di DUN Belantek…

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Minta maaf YB. Tuan Speaker. Minta laluan, YB. Belantek.

YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN

…tetapi di DUN Pedu, DUN Belantek dan juga DUN Bayu. Tak sempat saya nak bagi. Takpa, silakan

YB TUAN SPEAKER

YB. Bayu minta sikit tu.

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Terima kasih YB. Belantek. Saya tertarik itu berkenaan dengan apa ini pintu sempadan. Hahaha. Sebab dia bangkit, saya kena bangkitlah. Jadi saya amat bersetujulah, saya mendapat *clue-clue* yang mengatakan, InsyaAllah pintu sempadan itu akan menjadi kenyataan. Tapi tak apa. Gajah pun kami ada bertukar. Kadang-kadang gajah daripada Bayu ke Belantek. Gajah daripada Belantek pun ke Bayu. Tapi, sekarang saya dapat maklumat, perbincangan di antara dua negara ini, dia memilih DUN Belantek. Maklumat yang saya dapat, tepat tak, tak tahu. Bagi saya, tidak ada masalah.

Yang penting, pintu sempadan itu dapat dilaksanakan yang akan memberi manfaat kepada dua-dua DUN. DUN Belantek, DUN Bayu dan semua kawasan sekitar termasuklah Pedu yang akan menambah aktiviti ekonomi dan sebagainya. Dan pelancongan pun akan senang masuk. Kubang Rotan, pelancong daripada Thailand pun senang masuk untuk Tahun Melawat Kedah. Jadi, saya minta kalau boleh minta kerajaan Kedah, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, percepatkanlah pelaksanaan itu. Terima kasih.

YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN

Terima kasih, YB. Bayu. Ya, kita mengharapkan InsyaAllah apabila sempadan dibuka dengan sempadan di Durian Burung yang sudah ada sekarang, dibuka pula di sebelah Belantek dan seterusnya akan memberi impak ekonomi yang cukup baik bukan sahaja kepada daerah Padang Terap, daerah Sik, juga daerah Baling, malah turun ke Kulim dan juga sampai Bandar Baru…

YB. TUAN SPEAKER

Pendang sebut sikit. Pendang pun jiran tu.

YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN

Oh, Pendang.Ya, baik YB. Tuan Speaker. Insya Allah, semoga ini memberi kesan yang cukup baik kepada kerajaan negeri Kedah. Seterusnya, Yang Berhormat Tuan Speaker, saya nak menyebut lagi tentang Belantek Hijau dan Lestari. Pembangunan Belantek mesti dah mengambil kira aspek kelestarian. Kawasan hutan simpan dan sumber air perlu kita jaga. Hutan simpan dan tadahan air di kawasan Belantek dan kawasan hutan memang banyak, Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya mohon agar semua projek pembangunan di kawasan ini diselaraskan dengan garis panduan dan alam sekitar dan mendapat pandangan komuniti setempat terlebih dahulu. Kadang-kadang perbincangan orang kampung perlu dibuat, perlu dibincang, mendapat sedikit idea dan apa-apa masalah di peringkat tempatan yang cukup penting Yang Berhormat Tuan Speaker. Apa yang rakyat mahu ialah keadilan pembangunan. Jalan yang baik, peluang pekerjaan, pendidikan untuk anak-anak mereka dan kehidupan yang aman dan sentosa di seluruh DUN Belantek.

Jadi, moga pelan pembangunan Kedah akan benar-benar menjangkau ke kawasan luar bandar seperti Belantek yang agar tidak ada rakyat yang tertinggal ke belakang. Ini juga kita merujuk kepada titah Tuanku di muka surat 7 bagaimana Tuanku menyebut kerajaan perlu tegas untuk melindungi kawasan tadahan air di hutan simpan Ulu Muda sebagai jaminan kelestarian sumber air yang mencukupi dan selamat di samping menjamin pengekalan pelbagai spesies flora dan fauna dan kepentingan memelihara dan mengekalkan kelestarian alam sekitar seperti mana yang dipetik dalam Titah Tuanku dari sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Sesungguhnya dunia ini hijau dan cantik dan Allah telah melantik kamu sebagai pengurusnya. Dia melihat apa yang kamu lakukan.”

Jadi, yang mana kawasan hijau, tak kira di sebelah mana sekalipun, di sebelah Padang Terap, di sebelah Bayu, di sebelah Pedu, Bayu dan Belantek masih hijau Tuan Speaker. Jadi, kelestarian ini cukup penting dan kita mengambil satu usaha yang penting untuk memastikan bahawa situasi *win-win* dengan izin menang-menang.

Pihak kerajaan negeri mendapat hasil yang sepatutnya, pihak orang kampung, pihak orang biasa, di akar umbi saya juga mendapat manfaat. Sama-sama memberi sumbangan yang terbaik untuk kemajuan negeri Kedah ini, Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya merujuk seterusnya kepada apa yang telah disebut oleh sahabat-sahabat ADUN yang lain iaitu pelaburan. Pelaburan ini cukup menarik saya nak sebut di sini.

Saya nak sebut di sini secara lebih terperinci bagaimana telah disebut oleh sahabat-sahabat tadi. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah menyebut di muka surat 3, Kedah telah berjaya mencatat kedudukan tempat ke-4 dalam negara dengan jumlah keseluruhan pelaburan termasuk berjumlah sebanyak RM 45.8 bilion berbanding tahun 2023 sebanyak RM 28.7 bilion. Lebih jelas, saya nak terperincikan sikit, kita tengok kedudukan tertinggi jumlah dalam semua sektor, iaitu kita dapat nombor empat.

Kedudukan pertama dalam sektor pembuatan iaitu RM 44.1 bilion. Dan komposisi pelaburan negeri Kedah ini, Yang Berhormat Tuan Speaker, pelaburan asing sebanyak RM 42.82 bilion, pelaburan domestik sebanyak RM 2.95 bilion. Bilangan projek sebanyak 223 dan peluang pekerjaan dijana sebanyak 9459 peluang pekerjaan yang dijana. Ini Yang Berhormat Tuan Speaker, menjadikan Kedah menyumbang 30% daripada keseluruhan pelaburan yang diluluskan di Malaysia pada tahun 2024.

Kita tengok sikit lagi Yang Berhormat Tuan Speaker, tadi jumlah pelaburan diluluskan 2023 RM 28.7 bilion, 2024 RM 45.8 billion, menakala dalam sektor pembuatan, 2023 RM 26.82 bilion, tetapi dalam 2024 pelaburan dalam sektor pembuatan sebanyak RM44.1 bilion. Mungkin semua angka-angka ini Ahli-ahli Yang Berhormat dah ambil. Tapi, saya nak sebut di sini, prestasi ini prestasi yang sangat memberangsangkan berpusat para sektor pembuatan. Dan di sini kita lihat lonjakan lebih 59.5% keseluruhan. 59.5% dan 64.4% dalam sektor pembuatan. Ini cukup membanggakan.

Saya harap semoga rakyat negeri Kedah ini dapat mengikuti perkembangan pelaburan ini dengan baik. Paham baik-baik dan kita perlu ceritakan kepada semua rakyat. Jadi sahabat-sahabat kita tak kira, baik dari pihak pembangkang atau pihak kerajaan sendiri. Paham dan InsyaAllah kita turut membantu kerajaan negeri untuk menambah lagi pelaburan ini InsyaAllah. Dan kalau kita bandingkan Ahli-ahli yang Berhormat dengan prestasi negeri-negeri lain bagi semua sektor Kedah tadi RM 45.8 bilion, di bawah kita Pulau Pinang RM 32.0 bilion. Dan dalam sektor pembuatan pula Yang Berhormat Tuan Speaker, pelaburan sektor yang tertinggi bagi Kedah tadi RM44.1 bilion, diikuti oleh Selangor RM 18.8 bilion, ketiga Pulau Pinang RM 17.3 bilion, Johor RM 14.2 bilion dan Sarawak RM 6.0 bilion.

Jadi, usaha ini harus disokong dan diambil perhatian, diambil berat dan kita mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Yang Amat Berhormat EXCO Perindustrian, EXCO Pelaburan sendiri dan seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi kerjasama yang cukup erat untuk memastikan pelaburan ini terus bertambah. Saya masuk sedikit lagi Yang Berhormat Tuan Speaker kepada apa yang telah dititahkan oleh yang Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, iaitu Tuanku bertitah menyuruh supaya rakyat di negeri ini mengamalkan ajaran agama Islam yang sebenar.

Tuanku berharap institusi agama Islam di negeri ini dapat memastikan agenda syiar Islam dapat ditegakkan berdasarkan kepada pahaman yang benar tanpa mengorbankan perpaduan sesama umat Islam. Dan pada masa yang sama agama-agama lain bebas untuk diamalkan. Jadi, di sini saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah kita nak memastikan bahawa apa usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan negeri ini perlu disokong. Perlu diberi sokongan yang baik dari seluruh peringkat rakyat. Dan kempen yang pertama, seperti mana yang kita tahu adanya kempen membaca Al-Quran di Wisma. Di Wisma Darul Aman sendiri pada jam 8.30 pagi diteruskan. Dan usaha ini sepatutnya diturunkan di semua-semua pejabat-pejabat daerah dan pejabat-pejabat di

bawah pentadbiran kerajaan negeri. Seperti mana telah disebut oleh yang berhormat EXCO tadi, usaha ini perlu diteruskan. Kemudian, untuk memastikan syiar Islam ini terus kekal, terus terpelihara baik, kita ingin melihat bahawa kempen sholat jemaah khususnya zuhur dan asar ini di setiap pejabat, di wisma, di pejabat-pejabat mana sekalipun mesti diteruskan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Dan seterusnya ialah kempen subuh berjemaah. Seperti mana kita pernah sebut dulu di sini atau telah pernah dipraktikkan iaitu kempen nak melihat bahawa subuh seperti Jumaat. Maka, usaha ini Yang Berhormat Tuan Speaker, perlu dihidupkan semula, perlu digerakkan semula untuk memastikan InsyaAllah akan diambil bahagian oleh seluruh rakyat negeri Kedah.

Kita tahu apabila kita telah dapat melaksanakan solat subuh berjemaah, tak kiralah orang itu kerja apa, kerja motong ka, kerja pejabat ka, pangkat dia tinggi ka, pangkat dia rendah ka. Kalau dia memulakan hari dia itu dengan solat subuh berjemaah, InsyaAllah, Allah akan memudahkan urusan dia pada hari itu. Jadi, saya meminta sangat-sangat kepada usaha semua untuk sama-sama untuk membantu menjayakan, mengekalkan sampai bila-bila kempen-kempen sesuai dengan titah Tuanku untuk memastikan bahawa syiar Islam di negeri Kedah ini dapat dimartabatkan, dapat ditinggikan. Dan InsyaAllah, kita juga ingin melihat bahawa pentadbiran Islam di negeri Kedah ini tunjang kita adalah kepada pentadbiran Islam. Dan nikmat ini kepada semua termasuk bukan Islam. Kita pernah sebut di sini dalam dewan yang mulia ini,

بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ

Iaitu, negeri yang selaras antara kebaikan alam dan kebaikan perilaku penduduknya.Maka, kita mengharapkan semua dua program-program yang telah dirancang ini akan mendapat manfaatnya semua sekali. Termasuk sekali kepada orang-orang yang bukan Islam. Apabila Islam menjadi bumbung, menjadi payung yang terbaik dalam ciri-ciri pemerintahan di negeri Kedah ini, InsyaAllah apa-apa jua kemudahan, bantuan, syiarannya akan dapat dirasai oleh semua dalam bagi seluruh rakyat negeri Kedah ini InsyaAllah.

Yang berhormat Tuan Speaker, saya juga ingin mengambil perhatian kepada isu perpaduan menjadi asas pada kestabilan dan kesejahteraan negeri Kedah yang kita cintai ini. Tuan Speaker, Negeri Kedah Darul Aman telah sekian lama menjadi contoh kepada keharmonian hidup masyarakat berbilang kaum. Di bandar mahupun di kampung kita melihat masyarakat Melayu, Cina, India dan Siam dan pelbagai etnik lain hidup bersama dalam semangat toleransi dan saling menghormati. Namun, dalam menghadapi cabaran semasa seperti pengaruh media sosial, politik, kebencian dan gejala ekstrem kita tidak boleh berasa selesa. Perpaduan tidak boleh dipandang ringan dan ia mesti dipelihara, dipupuk dan dipelihara dari semasa ke semasa.

Oleh itu, saya mencadangkan yang berhormat Yang Berhormat Tuan Speaker. Pertama, memperbanyak program integrasi belia antara kaum di semua daerah dan di peringkat negeri. Integrasi melibatkan belia, melibatkan beberapa kaum yang ada di negeri Kedah ini. Yang kedua, kita menyokong inisiatif pertubuhan belia dan NGO yang berperjuangkan nilai perpaduan. Bermakna NGO-NGO yang ada mesti bergerak, mesti diberi bantuan untuk mereka memperjuangkan nilai-nilai perpaduan. Dan yang ketiga, menyediakan peruntukan khas untuk program sukan rakyat dan festival budaya berbilang kaum. Mana ada ruang, ada peruntukan yang boleh diberi, maka ini dapat membantu untuk memastikan kejayaan dan keharmonian kaum di negeri Kedah ini, Yang Berhormat Tuan Speaker.

Dan salah satu asas…

YB TUAN SPEAKER

Belantek boleh bersedia untuk tamatkan.

YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN

Baik. Salah satu asas kepada perpaduan yang seimbang adalah keadilan sosial dan pembangunan yang seimbang. Apabila rakyat dari semua kaum merasakan mereka mendapat hak dan peluang yang sama, sama ada dari sisi pekerjaan, pendidikan atau perniagaan, maka kepercayaan dan keharmonian akan mudah dibina.

Jadi, kita mengharapkan InsyaAllah, apabila ada program, ada bantuan baik di semua DUN-DUN yang kita dapat kemudahan. Contohnya, Beras Sejahtera, Kedah Sejahtera yang mana juga melibatkan masyarakat India, Cina dan Siam. Semuanya dapat dibahagi sama rata, semuanya dapat diterima sama rata dan InsyaAllah, dengan ini sama-sama dari kita di seluruh negeri Kedah ini tanpa mengira kaum, sama-sama dapat memberi sokongan yang cukup baik kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah untuk terus memerintah negeri Kedah ini. InsyaAllah, Tuan yang Berhormat Tuan Speaker. Dengan itu, saya ingin menyokong, menjunjung kasih titah ucapan yang telah disampaikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Salehuddin Ibni AlMarhum Sultan Badlishah pada Istiadat Pembukaan Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kedah yang ke-15 2025.

Sekian, Wabillahi At-Taufiq Wal-Hidayah, Wassalamualaikum Wa Rahmatullahi Wabaraktuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Belantek. Seterusnya, YB. Anak bukit. Silakan.

YB. ENCIK RASHIDI BIN RAZAK

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Kedah, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Dato' Wira Pegawai Kewangan Negeri, Yang Berhormat Datuk Penasihat Undang-undang Kerajaan Negeri, Dato'-dato', Pegawai-pegawai Daerah, Pengarah-pengarah, Ketua-ketua Jabatan, Tuan-tuan, Puan-puan yang saya hormati sekalian. Dalam Dewan yang Mulia ini, saya ingin mengambil kesempatan, menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah di atas titah Tuanku di dalam ucapan Majlis Perasmian Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedah Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Kedah yang ke-15 pada hari Ahad 20 April 2025 yang lalu.

Rakyat Negeri Kedah amat beruntung sekali dapat bernaung di bawah payung pemerintahan Tuanku Sultan yang sentiasa mengalami berat terhadap segenap lapisan rakyat dalam negeri ini. Dalam titahnya yang lepas, Tuanku telah menyarankan supaya kami terus sentiasa peka dan proaktif untuk meneliti dan sentiasa menyelami keperluan rakyat jelata, terutama sekali berkaitan dengan bencana banjir telah berlaku di penghujung tahun 2024 yang melibatkan 10,000 mangsa terpaksa dipindahkan dan menjejaskan 16,000 hektar kawasan sawah padi.

Dalam Dewan Yang Mulia ini, saya juga amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah di atas keprihatinan serta usaha dan langkah yang efisien dalam menyalurkan bantuan kewangan sebanyak RM500 kepada setiap ketua isi rumah yang terlibat dalam banjir baru-baru ini. Untuk maklumat Dewan Yang Mulia, kerajaan terpaksa membelanjakan, dalam isu banjir ini kepada mangsa-mangsa banjir iaitulah pada fasa yang pertama dahulu, iaitulah berlaku banjir dalam bulan 9, sebanyak RM3,621,000. Dan untuk fasa yang kedua, berlaku banjir dalam bulan 11, kerajaan terpaksa membelanjakan sebanyak RM6,553,000 yang melibatkan ketua isi rumah 16,727 keluarga. Banyak, Ahli-ahli Yang Berhormat. Kalau tengok dari segi banjir ini, kita belanja ini duk ada 10 juta untuk bagi kepada ketua isteri rumah. Jadi bagi saya, maksud kata banjir ini, terpaksa fikir ataupun kita kena pandang amat serius.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saban tahun kita selalu berdepan dengan banjir. Banjir ini berlaku di semua daerah. Di daerah Padang Terap, daerah Kubang Pasu, daerah Kota Setar, daerah Pendang, daerah Sik, Baling, Bandar Baru. Yang melibatkan semua DUN. Daripada DUN Pedu, DUN Kuala Nerang sampailah ke Bukit Kayu Hitam, sampailah ke Jitra, sampailah ke Bukit Lada, Bukit Pinang, Anak Bukit, Suka Menanti, Kota Darul Aman, Kubang Rotan. Kesemua. Kesemua kita terlibat. Yang melibatkan kerosakan harta benda yang melibatkan jutaan ringgit.

Jadi, semua ini, apabila berlaku banjir ini salah satu penyebabnya adalah semua yang ada ini berdekatan dengan sungai. Dulu ini kita tak pernah dengar di Bukit Kayu Hitam ni banjir. Dulu ini kita tak pernah dengar di DUN Jitra banjir. Tapi sekarang ini, sejak-sejak kebelakangan ini, boleh dikatakan kesemua DUN-DUN yang terlibat itu mengalami banjir yang besar. Jadi bila macam itu, kita perlu fikirlah secara serius tentang banjir yang berlaku dalam negeri kita. Kenapa boleh berlaku macam ini? Kita pun nak kena tanya juga orang yang terlibat dalam sungai. Terutamanya nelayan darat yang turun hari-hari menjala, mencari ikan. Antaranya ialah disebabkan sungai kita ini, sungai Kedah ini, sungai Padang Terap ini, semakin lama, semakin cetek. Dia bukannya lama-lama kui dalam, dak. Makin lama, dia makin cetek. Sebab apa dia cetek? Sebab di antaranya ialah pokok-pokok yang hanyut, yang banyak di tengah-tengah sungai yang menghalang aliran air sungai itu sendiri. Sebab itulah kalau air daripada Pedu turun sekali pun, dia sangkut.

Dia sangkut ke semua. Dan perdu-perdu pokok yang jatuh ke dalam sungai apabila air besar. Jatuh, sampai ke tengah sungai. Tebing-tebing sungai yang runtuh akibat arus deras. Pembuangan sisa-sisa kumbahan dan pencemaran sampah yang banya serta kumbahan daripada ladang ternakan dan loji-loji yang berdekatan dengan sungai. Mendapan lumpur dari pembuangan air sawah padi. Banyaklah ni. Saya ingatlah sepanjang saya lah, saya pun dilahirkan di Anak Bukit berdekatan dengan sungai.

Saya ingat, sungai Kedah ni tak pernah lagi lah ada projek mendalamkan sungai. Sepanjang ingatan saya. Tak ada lagi. Yang kita tahu air bah. Dulu ni, air bah kalau kita tengok di kampung-kampung daripada Bukit Pinang sampailah kepada di muara Kuala Kedah kalau kata ayat sungai tu naik ada kampung yang tak tenggelam. Ada kampung yang tak tenggelam. Pasal dia tinggi. Ada yang tinggi. Tapi sekarang ni, bila sebut kata air hujan, air turun daripada Padang Terap, semua kampung, tak ada satu kampung pun yang berada di tepi sungai yang tak tenggelam. Semua kena. Bermaksud kata, aliran air yang mai ke dalam sungai ni daripada Pedu, daripada sungai Sintok tu sendiri, tak dapat menampung dalam sungai Kedah tu akibat daripada cetek.

Jadi, dalam sidang Dewan Yang Mulia ni, saya nak sebut daripada muara Kuala Kedah, sampailah ke sungai Pelubang yang lebih kurang panjangnya 35 kilometer dan kedalaman sungai yang ada dalam sungai Kedah tu hanyalah di antara 2 hingga 5 meter saja dalam. 2 hingga 5 meter saja dalam. Kalau dulunya sungai Kedah tu dalamnya di antara 10 hingga 12 meter tapi, sekarang ni sungai Kedah tu hanyalah kedalamannya hanyalah 2 hingga 5 meter saja. Kalau tak Ahli-ahli Yang Berhormat turun pergi sempadan antara daerah Kota Setar dan Kubang Pasu, di Kepala Batas. Yang Berhormat Jitra, ukur dalam sungai tu, tak sampai 2 meter Yang Berhormat. Macam mana air nak sampai? Macam mana air boleh turun mai, nak menampung sungai utama dalam negeri Kedah? Yang sepatutnya sungai tu, air tu dia boleh menampung di antara 10 hingga 12 meter dalam. Tiba-tiba dia boleh menampung hanya air dalam 5 meter sahaja. Sebab itulah, bila arus-arus air terlalu banyak, dia terus air ni ke kampung-kampung. Kampung-kampung yang berdekatan. Kan? Sampailah dia melimpah kepada taman-taman perumahan.

Sebab apa? Sebab sungai kita cetek. Kalau dulunya, sungai Kedah yang dalam, tapi sekarang ni sungai Kedah sudah cetek. Air besar daripada sungai Padang Terap dan sungai Sintok tidak dapat lagi menampung air yang alir kepada sungai Kedah tu sendiri. Sebab cetek. Sebab itulah bila berlaku cetek, kita dengar berlakunya bah dalam bandar Alor Setar. Dalam bandar Alor Setar. Jadi macam-macamlah isu lah yang kita dengar berkaitan dengan bandar Alor Setar ni.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam titah ucapan Tuanku ada menyebut hampir 10 ribu mangsa banjir terpaksa dipindahkan dan…

YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM

Terima kasih Tuan Speaker dan YB. Anak Bukit. Saya tertarik dengan hujah daripada Anak Bukit tentang ceteknya sungai. Sekian lama sungai mengalir dengan beban yang tidak di tangani. Setahun lamanya sungai cetek daripada 10 ke 15 meter tinggal 2 ke 5 meter kedalamannya. Kalau 2 meter itu saya lalu itu mungkin tak dalam sangat lah. Kalau 8 meter tinggi, mungkin boleh gagah-gagah jinjat lagi.

Boleh seberang sungai daripada Anak Bukit ke Jitra. Cuma saya nak minta pandangan Yang Berhormat Anak Bukit lah. Cara kita untuk mengatasi ataupun nak menangani ni, kecetekan sungai ni. Saya rasa ada dua cara.

Pertama, kita dalamkan sungai tu kembali dengan satu usaha yang berterusan ataupunber sepadu dengan keadaan pusat dan negeri ataupun pihak yang bertanggungjawab. Yang kedua kita mungkin boleh tinggikan *bank* dia ataupun tebing dia tu. Tebing dia kan. Mungkin payah, mungkin kos tinggi ataupun kita tinggikan tebing dia tu supaya dia, air bila mana dia tak melimpah ke kampung-kampung. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan dua cadangan ni? Ataupun kita cuma fokus satu cadangan sahaja? Untuk dilaksanakan dalam masa yang terdekat supaya masalah banjir ni tidak berterusan di tahun-tahun akan datang yang memerlukan perbelanjaan yang besar untuk menangani.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Pengkalan Kundor minta sedikit.

YB. PUAN MARDHIYYAH BINTI JOHARI

Alang-alang YB. Ayer Hitam cakap tadi. Saya pun nak ambil kesempatan. Tadi, YB. Anak Bukit sebut, antara salah satu punca sungai cetek yang menyebabkan banjir ni adalah sisa kumbahan dan juga sampah sarap. Jadi, saya pernah sertai gotong-royong dengan penduduk ni. Kerusi pun orang buang dalam saliran air ni. Jadi kalau kebiasaan masyarakat buang sampah di merata-rata ni termasuk dalam saliran air ni, mungkin rakyat tak sedar boleh menyebabkan musibah yang lebih besar. Mungkin YB. Anak Bukit setuju dengan saya perlunya satu usaha untuk kesedaran yang berterusan lah untuk masyarakat ubah tabiat tersebut.

YB. ENCIK RASHIDI BIN RAZAK

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya setuju dengan pandangan YB. Ayer Hitam iaitulah di antaranya adalah yang pertama, memperdalam sungai. Yang mana disarankan oleh YB. Ayer Hitam. Dan yang keduanya ialah menjaga tebing-tebing. Membina tebing-tebing yang boleh dikatakan banyak tempat tebing-tebing runtuh. Bila tebing runtuh, dia bawa perdu-perdu pokok jatuh, duduk dalam sungai tak pergi mana-mana. Dan yang ketiganya ialah kualiti air. Kualiti air kita. Kualiti air kita terjejas. Akibat daripada yang mana disebut oleh YB. Pengkalan Kundor tadi, pembuangan sampah sarap dan juga pembuangan sisa-sisa kumbahan. Bila berlaku macam itu, bukan kata takat kerusi meja, tilam, peti ais duduk dalam sungai. Banyak. Kalau tak percaya naiklah bot, tengok macam mana. Kan?

Jadi, untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, sepanjang daripada Ampang Jajar sampailah kepada Pelubang. Sebab saya duduk naik bot, saya tahulah. Kedalaman sungai Kedah ini berbeza-beza. Ada yang dalam, di Ampang Jajar dalam yang lebih kurang dalam lima meter. Di Pumpong, dalam yang lebih kurang dalam empat meter. Di belakang Istana Anak Bukit, dalamnya empat meter.

Tapi makin lama naik-naik, kui jadi empat meter, tiga meter, dua meter. Kedalaman dia. Berbeza. Dia juga berada dalam kelompok-kelompok. Disebabkan oleh salah satunya, perdu-perdu pokok yang jatuh dalam sungai dan juga pokok-pokok hanyut yang menghalang aliran air. Pi lah kalau tengok, inilah di antara sukatan-sukatan itu juga maklumat-maklumat yang kita terima daripada kumpulan-kumpulan nelayan darat. Kalau dulunya kumpulan nelayan dia guna jala, panjangnya sepuluh kaki untuk nak tebar. Nak menjala udang galah, ikan dalam itu semua. Tapi lani tak payah lah pakai sepuluh kaki. Pakai lima, enam kaki dah cukup. Sampai lah ke dasar…

YB. TUAN SPEAKER

Anak Bukit, selain pada sungai ini, ada benda lain lagi tak? Kalau ada benda lain tolong cepat sikit sebab saya nak minta... YB. Anak Bukit berhenti. Selain pada sungai. Ada lagi tak?

YB. ENCIK RASHIDI BIN RAZAK

Ada, ada…

YB. TUAN SPEAKER

Ada? Kalau ada sambung hat lain pulak.

YB. ENCIK RASHIDI BIN RAZAK

Baik, baik. Baik Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Berhormat Tuan Speaker. Dalam titah ucapan Tuanku Sultan ada menyebut, hampir 10 ribu mangsa banjir terpaksa dipindahkan. Dan hampir 16 ribu hektar kawasan sawah padi terjejas. 16 hektar. 16 ribu hektar kawasan sawah padi terjejas itu bukannya sikit. Banyak. Luas tu. Semalam disebut oleh YB. Kota Siputeh. Dia kata di DUN dia sebanyak 15 ribu hektar. DUN Siputeh sahaja.

Kawasan sawah padi dia duduk ada dalam lima belas ribu hektar. Yang ni, 16 ribu hektar. Bayangkan tengok dalam 16 ribu hektar ni, ni bahasa kita lah. Kalau bahasa orang kampung ni, kalau kita tukar ke 16 ribu hektar padi ni ditukar ke relong Kedah sebanyak 55 ribu relong yang terjejas padi. 55 ribu relong yang terjejas. Dan setiap relong tu, kalau tanam padi tu pak tani dapat pendapatan di antara satu hingga dua tan metrik. Jadi, dengan keadaan terjejasnya 55 ribu relong padi ni, maksud kata padi tak boleh dikeluarkan hampir daripada 100 ribu tan metrik.

Sedangkan, beras adalah makanan utama rakyat Malaysia. Kita terkenal dengan negeri Jelapang padi. Hatni ni bukan takat masalah di peringkat, bukan kata kerajaan negeri sahaja, Kerajaan Pusat pun terpaksa ambil serius berkaitan dengan masalah banjir ni juga.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam Dewan Yang Mulia ni saya ingin mencadangkan bagi mengatasi bencana banjir yang semakin parah ni, kerajaan perlu mengadakan satu pelan pemulihan, pemeliharaan dan pembangunan sungai Kedah. Ia perlu diadakan untuk tempoh jangka pendek dan juga jangka panjang. Demi untuk mengelakkan kerosakan harta benda rakyat, tanaman padi dan kerosakan-kerosakan yang melibatkan kerugian berjuta ringgit setiap tahun. Pelan yang menyentuh tentang suatu permulihan, pembersihan, pemuliharaan, penjagaan dan juga pembangunan sungai dengan beriringan dengan pelan pembangunan Kedah 2035.

Yang Berhormat, Tuan Speaker, dalam Dewan Yang Mulia ni juga, apabila disebut oleh YB. Bukit Lada tadi bahawa kita tak lari daripada banjir ni adalah Rancangan Tebatan Banjir yang sampai sekarang tak kesudah. Salah satu dia adalah Rancangan Tebatan Banjir di sungai Anak Bukit. Bayangkan tengok, daripada Jitra sampailah ke Kubang Rotan. Sepanjang lebih kurang dalam 14km kalau tak silap saya. Kalau tak silap. Air bertakung dalam tu. Tak boleh nak alir ke laut. Apa akan jadi kepada orang kampung apabila tebing runtuh. Lama dah. Saya cakap ni berdasarkan pada keselamatan orang kampung. Sebab baru-baru ni berlaku banjir, ada dua tebing runtuh. Dia terbuka di sebelah Alor Melintang. Air turun dengan deras. Air melimpah terus. Sampailah kepada kampung Kubang Teduh yang tak pernah ada sampailah kepada kampung Matang Kong. Jadi, ini melibatkan keselamatan. Keselamatan kedua kampung yang daripada Jitra sampailah kepada Kubang Rotan. Ya YB. Kubang Rotan noh. Itu satu.

Yang kedua projek ni terlalu lama. Yang tak pernah diendahkan. Dan apabila ditanya oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen Kuala Kedah dalam sidang Parlimen tahun 2023 “bila projek ni akan siap?”. Lalu, dijawab dalam Parlimen tu, projek RTB Sungai Anak Bukit ni siap pada bulan 10 tahun 2025. Tapi sekarang ni dan dijanjikan juga jalan Sungai Baru titi tu siap bulan 4, jalan ke Kuala Sungai tu siap bulan 6 dan siap sepenuhnya bulan 10 tahun 2025. Tapi sekarang ni, pekerja pun takda. Jentera berat pun takda. Macam tu lah sekarang, YB. Kota Darul Aman. Inilah yang berlaku. Dan diantaranya adalah tentang keselamatan kampung. Dalam projek ni dia ada tatacara keselamatan. Projek ni ada tepi jalan, dia juga projek ni berada dalam kampung tidak ada konsep keselamatan. Tebuk ataupun kita kata buat tapi tidak ada tanda-tanda keselamatan. Banyak berlaku kemalangan dan ada juga yang kereta jatuh ke dalam sungai. Jadi, saya harap lah …

YB. TUAN SPEAKER

YB. Anak Bukit…

YB. ENCIK RASHIDI BIN RAZAK

Kepada agensi-agensi terbabit tolonglah tengok keselamatan…

YB. TUAN SPEAKER

Waktu kecederaan dah habis. Dah habis dah waktu kecederaan. Okay.

YB. ENCIK RASHIDI BIN RAZAK

Dah habis dah. Sabar sat noh. Yang Berhormat Tuan Speaker. Dalam Dewan Yang Mulia ini jugalah saya mohonlah, kerisauan yang berlaku kepada orang-orang lama iaitulah tentang satu pertandingan permainan warisan. Di negeri Kedah, ia sudah mula dilupakan. Antara yang menarik minat kepada semua pangkat umum iaitulah pertandingan tersebut, pertandingan Perahu Panjang. Banyak duk mai tanya sebab kami orang tepi sungai. Bila nak buat pertandingan Perahu Panjang ni? YB. Alor Mengkudu? Saya sebutlah dalam dewan ni. Yang Berhormat Tuan Speaker. Dalam kesempatan ni, saya menadah tangan memohon doa pada Allah SWT supaya Kedah ni dilimpahkan rezeki yang luas dan mendapat rahmat Allah SWT di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah serta di bawah kepimpinannya Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah serta sama-sama kita dapat mengekalkan negeri ini sebagai sebuah negeri yang berkebajikan.

Saya akhir kata, saya menyokong penuh serta menjunjung kasih di atas ucapan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah dalam Majlis Persidangan Dewan Undangan Negeri Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kedah. Sekian. Wallahualam.

YB. TUAN SPEAKER

Ok. Terima kasih YB. Anak Bukit. Seterusnya, kita menjemput YB. Bukit Selambau.

YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdu Lillahi Rabbil Alamin, Salatu Was Salamu Ala Ashrafi Al Anbiya'i Wal Mursalin Nabiyyina Muhammad Wa Ala Alihi Wa Sahbihi Ajma'in. Rabbishrah Li Sadri, Wa Yassir Li Amri, Wahlul Uqdatan Min Lisani, Yafqahu Qawli. La Hawla Wa La Quwwata Illa Billahi Al-'Aliyyil-'Azim.

Yang saya hormati Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah. Yang berhormat-berhormat Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri. Yang berhormat-berhormat Adun Ketua-ketua Jabatan, kepada pemerhati yang saya hormati sekalian.

Pertamanya, Alhamdulillah saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T pada tengah hari ini tampillah giliran yang diberi peluang oleh speaker untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini…

YB. TUAN SPEAKER

15 minit ya? 15 minit.

YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

Terima kasih. InsyaAllah belum sampai 15, saya akan berhenti. Saya akan beri peluang pada YB. Lunas. YB. Lunas bisik dari pagi tadi sampai tak sat. Bagilah kat dia sikit. Atas sifat kata kawan setia, InsyaAllah walaupun seminit kita bagi…

YB. TUAN SPEAKER

Sikap itu yang kita nak.

YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

Terima kasih. Tadi kita dengar perbahasan di antaranya banyak menyentuh, sebagai contoh YB. Tanjung Dawai dan juga YB. Bukit Lada berkaitan dengan LRA Bukit Selambau. Sedangkan LRA Bukit Selambau tu duk pada saya, dalam kawasan DUN saya tapi YB. Bukit Lada ambil peranan. Terima kasih bantu menjawab kedudukan fakta yang benar. Yang ini amat penting. Oleh kerana dalam keadaan yang sedemikian Tuanku sudah pun bertitah pada hari perasmian, kita berbahas mesti berdasarkan pada fakta yang jelas. Jangan persepsi supaya membuat suatu keadaan yang tidak selesa dan tidak tenang dalam negeri Kedah. Yang ini amat penting. Ini bukan cakap kosong, titah sultan yang perlu kita patuhi InsyaAllah. Daripada awal kita berbahas, berdasarkan kepada ucapan titah sultan sehingga sekarang maka sudah tentulah titah tersebut menjadi satu panduan untuk kita meneruskan perbahasan secara harmoni dan tepat. InsyaAllah. Yang ini benda yang kita rasa kadang-kadang, Dewan Yang Mulia bawa persepsi yang tidak tepat dari sudut fakta membawa pada satu fitnah. Kita maukah dewan ini jadi satu tempat untuk kita menaburkan fitnah kepada yang duk ada pada hari ini…

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Tuan Speaker, mohon mencelah.

Bukan calang-calang orang yang duk ada ni. Pentadbir-pentadbir…

YB. TUAN SPEAKER

YB. Bukit Selambau.

YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

Di antara Yang Amat Berhormat Menteri Besar, EXCO-EXCO, Ahli Dewan menggubal dasar kerajaan negeri. Yang ini kita kena sedar. Tak bagi. Duduk. Beberapa kali kita minta, dia tak bagi maka kita tak bagi. Masa mencemburui dalam perbahasan saya. InsyaAllah. Saya janji nak bagi sikit dekat YB. Lunas. Jangan takut YB. Lunas.

Tapi takkan bagi saja kut. Luar ada kira-kira. InsyaAllah. Jadi apa yang disebut sebentar tadi menunjukkan bahawa pencapaian dalam LRA ini mengikut kaedah dan proses yang sudah ditentukan. Maka, kita di antara rakyat dalam negeri Kedah yang mahu kepada satu perubahan supaya air ini berjalan dengan lancar dengan proses dan peraturan yang sudah ditentukan oleh pihak yang berwajib. Sepatutnya kita rakyat Kedah yang senatiasa akan menerima nikmat daripada kerja tersebut, kita menyokong saja. Jangan duk cari pasal. Macam kata tadi, duk jadi mata lalat. Sepatutnya jadilah mata. Tolong sambung kan mata apa pun. Saya tak mahu sebut. Cerdik belaka duk ada ni.

Jadi sudah tentulah benda-benda yang sedemikian, tak bolehlah kita nak lari daripada kita selaku rakyat Kedah yang mesti menyokong di antaranya kemajuan pembangunan yang akan dilakukan oleh kerajaan dan yang sedang dilakukan oleh kerajaan. Kita rakyat siapa? 02 Ahli-ahli Yang Berhormat. 02 tu Kedah la. Kalau yang hat lama, hat baru baru dia dah 02. Yang Berhormat Tuan Speaker yang saya hormati, rasa macam ada *chance*. Tapi apa pun Ahli-ahli Yang Berhormat, YB-YB sudah memperbahas sekian banyak berdasarkan kepada apa yang sudah pun dititah oleh Sultan. Saya akhir ni tak berapa ada apa-apa dah, YB Speaker. Tapi, saya InsyaAllah sudah pun diberi tugas untuk sedikit ucapan berdasarkan kepada apa yang sudah pun diputuskan iaitu berkaitan dengan perpaduan. Daripada dulu sampai sekarang, tajuk tak pernah berubah. Dia bagi perpaduan juga kali ini pun. Saya duk berasa nak bahas lain tapi tak apa.

Walau bagaimanapun, perpaduan merupakan benda asas kepada keharmonian yang perlu kita realisasi dan menjadi tonggak kepada, InsyaAllah kejayaan sebuah negeri. Ini amat penting oleh kerana kalau kita sebut, InsyaAllah perpaduan kalau betul-betul kita laksanakan dan kita hayati maka tidak akan timbul sebarang kepincangan dalam kerajaan negeri dan rakyat dalam negeri Kedah. InsyaAllah. Jadi, perpaduan bukanlah suatu retorik atau retorik politik ataupun yang hanya dilaungkan ketika krisis semata-mata. Ia adalah tiang seri kepada pembentukan sebuah negeri yang stabil, sejahtera dan juga maju. Dalam konteks Kedah, perpaduan ini bukan hanya antara kaum semata-mata tetapi juga antara daerah serta sosial dan juga pahaman politik.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin menekankan perpaduan nasional bukanlah suatu retorik semata-mata tetapi adalah teras kepada kestabilan pembangunan dan keharmonian sosial Kedah. Dengan anggaran penduduk 2.22 juta orang pada tahun 2024, merupakan negeri yang mempunyai pelbagai etnik yang unik. Walaupun Kedah terkenal sebagai negeri majoriti Melayu dan Islam, realitinya kita hidup bersama dalam sebuah masyarakat yang berbilang kaum. Ada komuniti Cina yang giat dalam sektor perniagaan. Masyarakat India yang cekal dalam perkhidmatan dan perladangan. Serta masyarakat Siam yang menjadi sebahagian daripada identiti budaya dalam negeri ini.

Menurut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, Bumiputra membentuk 80.9% daripada penduduk, kaum Cina 11.8%, India 6.1% dan lain-lain etnik termasuk komuniti Siam dan Orang Asli menyumbang 1.2%. Keamanan ini bukan datang secara automatik dalam perpaduan, ia hasil daripada kepimpinan negeri yang matang, masyarakat sivil yang bertanggungjawab dan nilai agama serta adat yang menekankan toleransi dan kasih sayang dibawah kepimpinan kerajaan negeri hari ini. Kita lihat banyak usaha perpaduan berjalan secara organik, dari program masjid ke program NGO, dari aktiviti kampung ke platform media social. Sebagai contoh, kerajaan telah meluluskan *reserve certificate* iaitu RS untuk tapak 8 buah kuil Hindu di negeri ini. Setelah permohonan dan proses penelitian yang panjang, perkara ini membuktikan bahawa kerajaan negeri tidak meminggirkan hak dan keperluan komuniti bukan Islam. Sebaliknya, mengiktirafkan kedudukan mereka sebagai sebahagian daripada masyarakat majmuk dalam negeri Kedah. Kita tidak lupa di kalangan golongan muda. Golongan muda merupakan aset masa depan. Kita mesti galakkan penglibatan belia dalam aktiviti rentas kaum seperti sukan, ekspedisi alam dan kem kepimpinan agar wujud interaksi yang melangkaui batas kaum dan agama.

Saya mencadangkan agar kempen ‘Kita Anak Kedah’ diterajui oleh NGO dan belia tempatan dengan sokongan penuh kerajaan negeri, kempen ini boleh membawa mesej perpaduan ke sekolah, IPT, pusat komuniti dan media sosial. Dalam era digital, media sosial bukan sekadar hiburan, ia adalah medan naratif. Oleh itu, kisah kejayaan perpaduan seperti perniagaan berbilang kaum, kejiranan yang harmoni dan kerjasama antara komuniti mesti dikongsikan secara aktif. Saya menyarankan agar media tempatan memperkenalkan segmen mingguan khas yang menampilkan kisah budaya, sejarah dan tokoh pelbagai etnik di negeri ini. Ini bukan sekadar mendidik, malah membina empati dan kepahaman saling budaya. Perpaduan bermula dari atas. Kepimpinan negeri dan tempatan mesti tunjuk teladan dengan majlis perayaan semua kaum yang dibolehkan termasuk Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali. Deepavali ini di kalangan masyarakat India, mereka sudah diberi kepahaman bagaimana di kalangan kita selaku wakil rakyat yang beragama Islam boleh menghadiri beberapa acara dan tidak dibenarkan oleh agama kita beberapa acara mereka. Ini sudah pun diberi kepahaman khususnya di Bukit Selambau.

Oleh karena baru ini, di kalangan India yang sudah pun menjemput saya dalam satu program iaitu Thaipusam. Saya kata yang ini *sorry*. *Sorry* saya tak boleh pergi, kalau saya pergi. Bahaya bagi diri saya. "Cukup YB, saya sudah faham". Sudah cukup mereka memahami bila mana satu program yang boleh kita hadiri Bersama, ada program yang tertegah atau melarang untuk kita bersama dari sudut agama.

Yang ini perlu diberi kepahaman kepada masyarakat yang bukan Islam supaya mereka memahami apa yang boleh dan apa yang tidak boleh. Yang bolehnya di antaranya bila kita buat program, depa bagi sumbangan kepada kita, yang tu awal lagi boleh. Belanja RM5,000, dia bagi RM5,100 boleh tak? Boleh? Speaker angguk lah dia pun banyak Siam di sana. Itu di antara benda yang kita rasa, InsyaAllah perpaduan yang akan kita wujud, yang sedang kita lakukan akan diberi kerjasama yang baik. Hormat menghormati antara satu sama lain akan berlaku khususnya dalam negeri kita. Inilah rahsia perpaduan. Ini rahsia, Insya Allah Kedah akan kehadapan bagi negeri-negeri lain bila perpaduan sudah pun dipahami dan dilaksanakan oleh semua rakyat dalam negeri kita. InsyaAllah. Speaker yang saya hormati, sedikit, cukup dak lagi? Nak berhenti dah ni? …

YB. TUAN SPEAKER

Kata nak bagi dekat YB. Lunas.

YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

Pemimpin yang menjejak kaki ke semua komuniti. Walaupun kecil bilangannya akan menjadi lambang kesatuan dan keprihatinan dalam masa yang sama. Dasar kerajaan negeri juga mestilah adil dan saksama kepada semua kaum tanpa ada yang rasa terpinggir, pada masa-masa yang tertentu. Akhirnya. Habis sungguhlah. Nak bagi sungguhlah dekat YB. Lunas? …

YB. TUAN SPEAKER

Lagi satu minit.

YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

Mungkin akhirnya, pada sidang Dewan yang pertama, saya sudah pun menyuara rasa gelisah dan hendak sesuatu daripada keprihatinan, perhatian daripada kerajaan. Saya mempunyai pengundi yang cukup ramai berbanding dengan DUN-DUN yang lain termasuk sahabat saya daripada YB. Lunas. 80 ribu lebih pengundi kami. Peruntukan yang diberi adalah sama. 30 pengundi dalam satu daun dapat peruntukan yang sama. Bagi kami, 82 ribu, sama peruntukan. Yang menyebabkan kami untuk menunaikan tanggungjawab atas nama wakil rakyat, kadang-kadang tidak kesampaian. Supaya sekali lagi, benda tersebut dijadikan perhatian khusus untuk meletakkan kepentingan kepada pengundi yang lebih bagi DUN-DUN tertentu, diberi perhatian khusus.

Yang ini cuma tak terbit air matalah. Nak mai raya, kami pun teruk. Dah mai puasa, kami pun teruk. *Back to School*, kami pun teruk. Tiga program besar bagi tahun, bagi sebelum ini, *Back to School*, Sambutan Ramadan menghadapi raya puasa. Tiga perbelanjaan yang memerlukan kepada peruntukan yang bukan calang-calang. Hat yang 30 ribu pengundi pun rasa teruk, bayangkan 82 ribu pengundi buat masa dan ketika ini, tentu dah lebih azab dalam erti kata sebenar. Bagi perhatianlah sikit dalam kes-kes yang macam ni. Bukanlah kita minta sangat, tapi keperluan. Bukan untuk peribadi. Peribadi cukup dah. Belanja sehari RM100, Insya Allah cukup dah. Belanja rumah RM 50, duit minyak RM 50, RM 100 cukup. Kalau rumah 2 dia Tak dak belanja MKK pagi-pagi tak dak?

YB. TUAN SPEAKER

Lagi satu minit.

YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

Boleh juga. Gagah-gagah “OT”, agak 2 bulan setengah sekali. Tu pun kira jumaat. Boleh. Jadi saya, sebelum saya mengakhiri ucapan, saya mengucap ribuan terima kasih kepada agensi-agensi yang terlibat di antaranya SADA, MPSP, Sungai Petani ini, JKR, yang lagi yang JPS, TNB, yang senantiasa memberi kerjasama ketika mana kita memerlukan sesuatu daripada mereka. Alhamdulillah, kerjasama dapat kita lihat menyelesaikan masalah secara bersama. Alhamdulillah sekali lagi, terima kasih kepada yang terlibat. Sebagai wakil rakyat dan pemimpin masyarakat, marilah kita galas amanah ini dengan ikhlas dan tekad demi menjadikan negeri Kedah bukan sahaja maju tetapi bersatu hati dan harmoni. Akhirnya, saya menyokong dan menjunjung kasih di atas titah ucapan Tuanku pada hari perasmian. Wallahu'alam. Wa aqulu qawli hadha, wa astaghfirullaha li walakum.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Bukit Selambau. Cuma hasrat YB. Bukit Selambau itu nak bagi masa dekat YB. Lunas tak tercapai sebab dah lebih. Jadi, seterusnya saya menjemput YB. Guar Chempedak.

YB. ENCIK ABDUL GHAFAR BIN SAAD

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, nikmat untuk semua. Alhamdulillahi Rabbil Alamin Was Salatu Was Salamu Ala Ashrafin Anbiyai Wal Mursalīn. Wa Ala Alihi Wa Sahbihi Ajmain. Rabbi Shrahli Sadri Wa Yassir Li Amri Wahlul Uqdatan Min Lisani Yafqahu Qawli.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Guar Chempedak. Jap noh. Saya duk perhati tadi. Ada dua tiga di kalangan kita, Yang Berhormat kita yang saya rasa kita perlu buat pembetulan sikit… Bila kita nak *address* Tuanku, kita kena betul-betul. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Kadang-kadang kita duk sebut Tuanku, Sultan, apa semua itu jadi tak berapa nak elok. Kita *address* betul-betul, yang penuh sebab ada dua lagi ni kut. Mungkin kalau nak address dekat Tuanku, address penuh. Kalau nak address kat Raja Muda pun bagi penuh. Ha noh. Saya minta tolong lah.

Kemudian, satu lagi sebab masa kita terhad. Kita akan berhenti jam 1 dan kita ada dua orang lagi. Jadi, nak kena pakat, pakat betul-betul. Kemudian, kalau boleh apa perkara yang dah dibangkitkan oleh YB sebelum ni, kita tak perlu bangkit dah. Kita bangkit yang belum lagi. Nah. Teruskan YB. Guar Chempedak.

YB. ENCIK ABDUL GHAFAR BIN SAAD

InsyaAllah, YB. Tuan Speaker. Terima kasih di atas peringatan yang diberikan.

Yang Berhormat Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan, seterusnya para hadirin yang berada di Dewan Yang Mulia ini termasuk tetamu yang masih setia berada sampai saat ini.

Yang Berhormat Speaker, izinkan saya untuk membahas titah diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah, selaku Raja Pemerintah yang menaungi Negeri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah, telah perkenan menitipkan pedoman kepada Dewan Yang Mulia ini agar terus menyuarakan pandangan yang membina demi kepentingan negeri serta rakyat selain terus memperkasakan peranan semak dan imbang perjalanan pentadbiran kerajaan negeri. Untuk itu, saya akan cuba menjunjung titah tersebut sebaiknya dalam perbahasan saya hari ini.

Yang Berhormat Speaker, bermula 20 Januari 2025 yang lalu, setelah secara resminya Presiden Donald Trump mengangkat sumpah sebagai Presiden Amerika Syarikat yang baru, di dalam ucapan rasmi sulungnya, beliau telah berikrar untuk merombak semula sistem perdagangan global demi kepentingan Amerika Syarikat. Bermula daripada itu, beberapa siri arahan eksekutif, atau dengan izin dikenali sebagai *Executive Order* telah dikeluarkan oleh beliau bagi mengenakan tarif import ke atas barangan yang masuk ke Amerika Syarikat. Ia memang menjadi satu kebiasaan bagi negara-negara mengenakan tarif ke atas satu-satu barangan untuk mengawal ekosistem-ekosistem domestik masing-masing dan agar berdaya saing.

Kebiasaannya, kenaan tarif ini dilakukan dengan kajian yang teliti dan cermat agar membawa kesan menang-menang ke atas ekonomi negara tersebut dan negara yang didagang. Namun, apa yang dilakukan oleh Presiden Trump ini di luar kebiasaan aturan ekonomi dunia atau di luar tabi'i. Tarif yang dikenakan begitu tinggi, melulu, rambang serta buta kawan dan lawan.

Tindakan ini membawa kepada situasi dialami hari ini yang dikenali sebagai Perang Tarif. Tindakan kenaan tarif yang tidak munasabah ini secara langsung bakal mengakibatkan negara sukar untuk berdagang antara satu sama lain. Saya percaya, jika Perang Tarif ini terus menjana momentum terutamanya oleh negara perdagangan utama seperti China dan Amerika Syarikat, tidak lama ianya akan merebak ke seluruh dunia. Negara-negara akan mula mengamalkan dasar tertutup berbanding dasar terbuka yang diamalkan oleh kebanyakan negara termasuk negara kita, Malaysia. YB. Jitra dalam jawapannya semalam menyatakan tahun hadapan Kulim Hi-Tech Park yang menjadi permata perdagangan negara serta negeri akan menyambut ulang tahun yang ke-30. Dan hasil daripada kepentingan perdagangan dunia ini, Kulim Hi-Tech Park menjadi subur dan diburu oleh para pelabur dan dari seluruh pelusuk dunia.

Jika situasi Perang Tarif ini semakin merebak, semakin memburuk, di mana memang kita jangkakan akan menjadi lebih parah, Kedah dengan 29% janaan ekonomi disumbang oleh sektor pembuatan yang amat bergantung kepada import dan eksport akan turut terkesan. Tarif yang dikenakan kepada Malaysia oleh Presiden Trump pada kadar 24% adalah antara terendah selepas Singapore dan pengecualian tarif terhadap barangan elektronik yang diberikan memang ianya memberi sedikit kelegaan. Kita mungkin boleh mendapat manfaat jangka singkat daripada ketentapan ini. Namun, hal ini bersifat sementara, rapuh dan tidak menentu seperti pengumuman tarif yang dibuat oleh Presiden Trump sepanjang 3 bulan yang lalu juga bersifat sementara, rapuh dan tidak menentu untuk Kedah berdaya tahan sebagaimana yang diharapkan oleh gagasan *The Greater Kedah*, kerajaan negeri perlu menyesuaikan diri dengan situasi semasa dan situasi yang akan datang.

Sebagai perumpamaan, bagi saya tidak salah jika seorang nelayan membela ikan di dalam kolam apabila laut bergelora. Apabila lautan ekonomi global sedang bergelora, kita perlu beralih arah kepada ekonomi domestik seperti pertanian, industri perkilangan tempatan, pelancongan domestik serta ekosistem perniagaan yang ditunjangi oleh rakyat tempatan. Mengambil contoh negara Kanada yang dahulunya merupakan sebuah rakan dagangan Amerika Syarikat, kini setelah dikenakan tarif 25 peratus, telah beralih arah dengan pantas mengubah haluan dengan memperkasakan ekonomi domestiknya dengan mengamalkan prinsip *Buy Canadian* iaitu membeli barangan Kanada tersendiri. Iaitu satu prinsip untuk menggalakkan rakyatnya membeli barangan keluaran negaranya sendiri berbanding membeli barangan terutamanya daripada Amerika Syarikat.

Yang Berhormat Speaker, dengan situasi perang tarif ini, persoalan yang perlu kita teliti kini adalah, apakah kita boleh terus selesa dengan ekonomi terlalu bergantung kepada tawaran dagangan negara luar? Apakah akan terjadi apabila negara-negara lain tidak mahu menerima barangan keluaran kita? Apakah akan terjadi jika negara-negara lain tidak mahu terus mengeksport barangan seperti beras dan keperluan asas lain kepada kita? Persoalan ini perlu dijawab bagi menentukan hala tuju dasar ekonomi negeri.

Yang Berhormat Speaker, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada *team* Pelaburan Negeri Kedah yang diterajui oleh YB. Jitra di atas kejayaan mengemudi sektor pembuatan negeri sehingga berjaya mencatat jumlah pelaburan keempat tertinggi dalam negara bagi tahun 2024 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM45.8 bilion. Dan saya ingin mengucapkan terima kasih juga pada YB. Kota Darul Aman yang mengiktiraf, yang menyanjung usaha-usaha yang dijalankan *team* YB. Jitra dan ianya akan lebih rancak lagi atau lebih banyak lagi pelabur-pelabur yang akan datang sekiranya KXP dapat diberi kelulusan dengan cepat. Sekarang, ianya tersangkut kerana *Aerodrome*. *Aerodrome* ini adalah orang kata apa, pengawalan kapal terbang untuk *take-off* atau memulakan penerbangan.

Ini juga telah diubah dan disesuaikan mengikut yang diminta oleh pihak-pihak yang tertentu. Tetapi, ia mengambil masa yang lama sampai sehingga hari ini belum diluluskan. Nak jumpa pun tak mahu. Buat perjumpaan pun sakit. Jadi, disini kita memerlukan kerjasama daripada pihak Persekutuan untuk sama-sama kita membangunkan ekonomi negeri yang mana ia memberi impak kepada negara. Sepertimana yang dikatakan oleh YB. Pengkalan Kundor tadi, dimanakah semangat federalisme yang kita amalkan? Kerana kerajaan negeri Kedah termasuk antara 9 negeri yang mempunyai sultan yang bersetuju memindahkan kuasa untuk pemerintahan kepada pusat. Tetapi, Pusat harus bersikap adil dan jujur untuk sama-sama membela dan memberi peruntukan kepada negeri Kedah. Ternyata kecekapan mengatur langkah serta komitmen jitu ditunjukkan telah membuahkan hasil yang lumayan. Dan kita berharap Persekutuan dapat mempelajari daripada kesungguhan *team* kerajaan negeri Kedah ini dalam mempromosi pelabur-pelabur untuk masuk. Walau bagaimanapun, iklim pelaburan dan perdagangan mulai tahun ini telah berubah hampir 180 darjah berbanding tahun lepas. Untuk itu, strategi pelaburan negeri turut perlu berubah.

Jika kita meneliti prestasi pelaburan domestik negeri dalam tempoh kebelakangan ini, hampir setiap tahun peratusannya tidak menjangkau lebih daripada 5%. Berbanding pelaburan luar yang mendominasi lebih 95%. Keadaan ini adalah baik sekiranya ekonomi dunia mengizinkan dan menyokong perdagangan bebas. Namun, keadaan sebaliknya sedang berlaku. Ini tiba masanya kita beralih arah untuk memperkasakan sektor pembuatan domestik.

Jika kita tidak memberi tumpuan kepada pemain industri dalam negara, besar kemungkinan mereka ini akan kalah dalam persaingan dengan pemain industri antarabangsa yang mempunyai modal yang lebih besar.

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

Guar Chempedak

YB. ENCIK ABDUL GHAFAR BIN SAAD

Silakan.

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

Boleh ya? Baik, YB. Guar Chempedak, Tuan Speaker. Ada dua perkara. Yang pertama sekali yang disentuh berkenaan dengan tarif Trump. Bercakap tentang tarif Trump ni, kita boleh nampak bila mana Perdana Menteri dia banyak menyentuh peranan dalam konteks ASEAN semata-mata. Tapi, kita tak dengar lagi bila mana disebut oleh Perdana Menteri untuk nak memainkan peranan dalam dunia Islam. Untuk tarik OIC (*Organisation of Islamic Cooperation*). Sebab memang kita tahu bahawa kita perlu mencari potensi rakan dagang yang lain. Rakan dagang yang baharu. Kita ada BRICS. Tapi, sebenarnya potensi dunia Islam dengan produk-produk yang ada, yang boleh diketengahkan. Malah untuk kita mengikat emas sebagai satu nilai dagang kita juga dengan hari ini nilai emas dah naik itu adalah perkara yang cukup-cukup baik yang perlu ditinjau. Yang itu yang pertama sekali. Nak tanya pandangan YB. Guar Chempedak.

Yang kedua berkenaan dengan, tadi disebut tentang KXP dan juga pintu *Northern Corridor* ini. Orang kata kedah kita ini sendiri sebagai pintu untuk pelaburan. Kita pun tahu bila sekarang di Thailand mereka dah mula buat, orang kata jalan darat itu. Laluan darat untuk potong segenting Kra itu. Yang mana akan melumpuhkan Singapura sebenarnya. Dan mana dari segi ekonomi juga, kewangan juga kita akan mengambil kesempatan dekat situ. Baru-baru ini, kemarin sahaja Perdana Menteri sekali lagi, ada di Thailand mengumumkan bahawa akan dapat RM 1 bilion pelaburan untuk eksport. Ruang eksport. Tapi, malangnya kita tengok kalau kata KXP ini tak dibuat, tak ada ruang sepatutnya kedah ini menjadi pintu. Akhirnya, kat mana sebenarnya yang tempat kita nak letak ruang pelaburan ini sebenarnya. Itu apa pandangan YB. Guar Chempedak.

YB. ENCIK ABDUL GHAFAR BIN SAAD

Terima kasih YB. Kota Siputeh. Sebenarnya, Perdana Menteri kena mai bincang dengan Kedah dalam isu-isu ini. Sebab kedah juga mempunyai idea-idea yang bernas untuk sama-sama kita membangun. Kita tak kena kedekut. Cuma sekarang ni, orang tak mahu mai berbincang dengan kita. Tu saja. Sebenarnya, di Kedah ini punya ramai

pakar-pakar dari segi ekonomi dan sebagainya. Kalau kita tengok yang menerajui GLC dan sebagainya sebelum-sebelum ni adalah yang mereka-mereka daripada Kedah.Termasuk juga salah seorang itu daripada saya. Mohon maaflah, kemarin YB. Kota Darul Aman sebut pasal continental. Ya, saya bersama continental daripada 2001 hingga 2007 sebelum saya berhijrah ke Indonesia…

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

YB. Tuan Speaker.

YB. ENCIK ABDUL GHAFAR BIN SAAD

Ya, YB. Sidam. Masa tak cukup ni. Seminit. Seminit.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Terima kasih. Sekejap saja. Sikit ja. Terima kasih, YB. Tuan Speaker Speaker. Tadi saya tertarik dengan apa yang YB. Kota Siputeh kata, saya rasa adakah YB. Kota Siputeh dan juga YB. Guar Chempedak setuju kalau mengikut *plan* yang dicadangkan ialah Kedah mempunyai, akan menaikkan pelabuhan Sanglang. Jadi, saya rasa itu walaupun tidak ada dalam perbincangan Perdana Menteri, saya rasa perlabuhan Sanglang itu ada berpotensi. Jadi, adakah Tuan YB. Guar Chempedak setuju dengan kenyataan ini? Terima kasih.

YB. ENCIK ABDUL GHAFAR BIN SAAD

Terima kasih YB. Sidam. Sebenarnya kita bersetuju. Apa yang saya bangkitkan di sini sebenarnya adalah kerjasama yang lebih dan memberi tumpuan dan mempercepatkan proses. Bukan seperti Kulim Hi-Tech, *notice of change* dengan izin NOC (*No Objection Certificate*) mengambil masa satu tahun. Dan kita sudah kehilangan masa. Masa itu emas. Kita tidak mahu ketinggalan. Itu yang kita maksudkan. Sebenarnya, apa yang disetujui atas, di bawah tak berlaku…

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Boleh sikit lagi?

YB. ENCIK ABDUL GHAFAR BIN SAAD

Saya takda masa dah…

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Sikit saja. Nak perbetulkan saja. Berkenaan NOC adalah seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Ekonomi. Rasa-rasa itu adalah berkenaan dengan status tanah saja…

YB. ENCIK ABDUL GHAFAR BIN SAAD

Saya berharap macam ini YB. Sidam. YB. Sidam, cuba buka sikit pandangan lebih luas. Sebab kita tak mahu cakap dia berbohong. Kita menjaga juga…

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Ya, betul lah tu. Jadi, oleh kerana status tanah…

YB. ENCIK ABDUL GHAFAR BIN SAAD

Kita menjaga keaiban apa, status apa kita jaga. Sebenarnya, cerita yang sebenarnya lebih jauh daripada itu. Jadi, saya berharap YB. Sidam dapat *check* fakta yang sebenar. Ok…

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Ini adalah, betul-betul, ini adalah fakta dari Menteri.

YB. ENCIK ABDUL GHAFAR BIN SAAD

Tidak ada masalah bagi kita kalau YB. Sidam juga jadi *bridge*, jambatan untuk antara negeri dengan Persekutuan. Sebab titah Tuanku adalah yang kita junjung. Ok. Kita boleh sambung selepas *lunch*.

Antara strategi yang boleh ditumpukan adalah dengan menyediakan insentif khas kepada pelabur domestik serta menyediakan tanah-tanah industri berskala kecil dan sederhana yang lebih sesuai dengan kehendak industri pembuatan domestik. Bukanlah saya menghalang penumpuan kepada pelaburan luar, namun pelaburan dalaman tidak boleh diketepikan, terutamanya dalam tempoh genting ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, selain sektor pembuatan, sektor pertanian yang merupakan sektor ketiga terbesar bagi negeri Kedah dengan sumbangan sebanyak 10.7% turut perlu diberi tumpuan memandangkan ini adalah kekuatan asas kepada ekonomi negeri dan juga negara. Kalau kita lihat ketika tempoh COVID-19 yang lalu, kita dapat lihat apabila ekonomi semua negeri di Malaysia mengalami penguncupan. Kedah menguncup pada kadar yang paling minima. Hal ini ekoran sektor pertanian yang bertumpukan kepada pengeluaran makanan iaitu beras terus berjalan tanpa henti berbanding sektor lain yang dikenakan sekatan. Begitu juga apabila dunia mengalami kekacauan global dan dikenakan sekatan, kita perlu memperkasakan sektor pertanian dan makanan negeri. Pertama, agar ianya bertindak sebagai *safety net* ekonomi negeri dan kedua sebagai *food security* apabila negara lain tidak mahu mengeksport beras kepada Malaysia. Jika rombakan aturan perdagangan dunia sedang dibuat, kita juga tidak boleh berdiam diri dan turut perlu melakukan rombakan besar-besaran terhadap industri padi negeri.

Saya percaya dibawah jawatankuasa tetap pertanian yang diterajui oleh YB. Suka Menanti sedang rancak memperkasakan agenda padi dan beras negeri dengan didukung kuat oleh gagasan *The Greater Kedah* serta agensi seperti Jabatan Pertanian, Lembaga Zakat Negeri Kedah dan lain-lain agensi. Saya menyokong penuh usaha ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, di dalam titah diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah turut menyentuh program Tahun Melawat Kedah 2025. Jika dalam sektor pembuatan, Kulim Hi-Tech Park menjadi mahkota negeri, manakala dalam sektor pelancongan, Langkawi juga merupakan mahkota. Sejak akhir-akhir ini, kita dapat perhatikan terdapat satu macam onar yang dibawa oleh sesetengah pihak untuk memburukkan Langkawi dengan pelbagai persepsi. Kononnya, Langkawi tidak mesra pelancong dan juga mahal berbanding tempat lain sebagai contoh negara seberang, Thailand dan Indonesia. Saya percaya ini tidak benar sama sekali. Namun, kita tidak dapat melawan api dengan api. Persepsi hanya boleh dipulihkan dengan pembuatan dan tindak tanduk yang strategik, bukan melalui petikaman lidah.

Untuk itu, saya menyokong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah yang menggesa agar Pulau Langkawi dan Tanah Besar terus diperkasakan melalui peningkatan tahap kecekapan infrastruktur dan juga jaringan pembuatan pelancongan. Saya ingin mengucapkan penghagaan kepada *Kedah Tourism* dan bahagian perancang ekonomi negeri, BPEN yang dilihat berusaha keras untuk mempromosikan Kedah sebagai destinasi pilihan pelancong… (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Guar Chempedak.

YB. ENCIK ABDUL GHAFAR BIN SAAD

Saya cari tempat nak *landing*. *Billboard Experience Kedah* boleh dikatakan ada di merata penjuru setiap daerah. Saya turut teruja apabila semua jabatan mula mengenakan cetakan *Experience Kedah* di dalam surat rasmi serta cetakan lain seperti kain rentang, baju dan sebagainya…

YB. TUAN SPEAKER

YB. Guar Chempedak, tolong bagi laluan kepada Yang Amat Berhormat, Menteri Besar.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan di bawah Peraturan 12(1)(a), Peraturan-Peraturan Masyarakat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman supaya sidang pada pagi ini disambung semula pada jam 2.30 petang selepas ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' USTAZAH HAJAH SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pun menyokong cadangan itu.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya setuju dengan usul yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Menteri Besar tersebut. Sekian, terima kasih. Teruskan, YB. Guar Chempedak sehingga pukul 1 dan kita akan tangguhkan sehingga pukul 2 petang. Terima kasih.

YB. ENCIK ABDUL GHAFAR BIN SAAD

Usaha yang bersifat *Low Cost, High Impact* ini patut disokong oleh semua pihak. Syabas saya ucapkan. Sebagai tambahan, saya ingin mencadangkan agar pejabat Kedah Tourism masa kini yang terletak dalam compound INSPIN dinaiktaraf tempat tersebut menjadi selain pejabat, turut bertindak sebagai pusat informasi pelancongan negeri Kedah sebab kedudukan yang begitu strategik.

Yang berhormat Speaker, sebagai penutup bicara tak cukup 5 minit, sebenarnya tadi dah skip dah. Nak pi balik macm duk kata lah. Sebagai penutup bicara dan cadangan penyelesaian kepada kekacauan ekonomi global yang sedang melanda dunia, suka ingin saya ketengahkan prinsip Kedah Untuk Malaysia. Prinsip Kedah Untuk Malaysia adalah prinsip yang mengutamakan ekonomi domestik. Ekonomi domestik negeri perlu diperkasakan dengan menjadikan negeri Kedah sebagai pengeluar kepada keperluan dalaman negeri dan juga negara. Sebabkan itu salah satu soalan saya kepada YB. Kubang Rotan berkenaan dengan beberapa usahawan-usahawan yang telah berjaya kita bawa hingga ke pasaran dunia. Ini soalan bertulis, YB. Kubang Rotan.

Dalam pelancongan, kita sediakan langkawi dan tanah besar. Dalam industri, kita sediakan tapak kepada pemain industri tempatan. Dan dalam pertanian, kita sediakan keperluan makanan segera negara. InsyaAllah, dengan keikhlasan jentera pentadbiran kerajaan negeri dan berkat doa seluruh rakyat negeri Kedah, Kedah akan terus kekal berdiri di bumi ini. Dengan itu akhir sekali, saya dengan ini menjunjung kasih titah diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah sempena perasmian persidangan Dewan Undangan Negeri Kedah Masyarakat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman yang ke-15.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Guar Chempedak. Seterusnya, saya menjemput YB. Lunas. Tetapi, saya akan hentikan pada jam 1 dan YB. Lunas boleh sambung balik dalam 2.30. Silakan.

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah, Nahmaduhu Wa Nasta'inuhu, Wa Nusallimu 'Ala Rasulihil Karim, Wa Mani Ittaba'ahu Bi Ihsanin Ila Yaumiddin. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

Saya rasa ini ucapan paling ringkas, 3 minit sebelum kita berhenti untuk berehat. Baik.

Naik ke balai membawa berita,
Bertitah Tuanku di singgahsana,
Menjunjung kasih titah bermakna
Jadi pedoman rakyat jelata.

Yang Berhormat Speaker, terlebih dahulu saya menjunjung kasih ke hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Darul Aman kerana telah berkenan menyampaikan titah ucapan perasmian sempena pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kedah yang ke-15. Titah Tuanku amat bernilai tinggi dan penuh hikmah. Ia menjadi panduan dan pedoman kepada seluruh ahli dewan dalam mengubal dasar, membahas isu-isu rakyat serta memastikan kemajuan dan kesejahteraan negeri tercinta.

Yang Berhormat Tuan Speaker, menjunjung titah Tuanku saya ingin menegaskan bahawa peranan Ahli-ahli Yang Berhormat bukan sekadar hadir dalam dewan, tetapi juga membawa suara rakyat di peringkat akar umbi. Titah Tuanku mengingatkan kita agar semua perbahasan dilakukan secara ilmiah, melandaskan fakta dan tata susila serta mengutamakan kepentingan rakyat melebihi kepentingan peribadi. Justeru itu, wakil rakyat yang telah diberikan amanah dan tanggungjawab ini perlulah selalu turun bertemu dan mendampingi rakyat. Kita tidak boleh dilihat menjadi wakil rakyat secara bermusim. Hanya ada pada waktu-waktu tertentu dan hilang selepas itu. Kita tidak boleh menjadi sebegitu kerana kita dibayar elaun ataupun dibayar menggunakan wang hasil cukai dan dibayar secara tetap setiap bulan dan bukan dibayar bermusim. Hanya dibayar, baru kita turun.

YB. TUAN SPEAKER

Yang Berhormat Lunas akan diberi peluang pada pukul 2.30 nanti…

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Terima kasih. Saya dengan ini menangguhkan dulu sidang kita dan akan disambung pada jam 2.30 petang.

[Sidang Dewan disambung pada jam 2.30 petang]

YB. TUAN SPEAKER

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat petang. Dewan disambung semula dengan usul menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Tuanku Sultan Kedah. Dipersilakan Yang Berhormat Lunas.

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah Nahmaduhu Wa Nusalli Ala Rasulihil Karim Wa Man Tabiahu Bi Ihsanin Ila Yaumiddin.

Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker. Sambung balik kepada perkara yang saya utarakan tadi. Tentang titah Kebawah Duli Tuanku Baginda Sultan Negeri Kedah.

Ada beberapa perkara yang Tuanku gariskan dalam titah tersebut. Antaranya melibatkan soal peranan dan tanggungjawab wakil rakyat itu sendiri. Sebagai wakil rakyat, kita diberikan amanah oleh rakyat. Apabila kita menang sahaja dalam pilihan raya, tanggungjawab kita adalah meliputi keseluruhan rakyat yang kita wakili dalam Dun tersebut. Tak kira sama ada mereka mengundi kita ataupun tidak. Sebelum ini, kita perlu laksanakan tanggungjawab, menjalankan amanah, menyelesaikan, berusaha menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku di kawasan yang kita wakili. Wakil rakyat tidak boleh hanya, wujud apabila ia ataupun sesuatu isu itu berlaku secara bermusim. Wakil rakyat perlu berkhidmat secara terus dan sentiasa berada dalam kawasan Dun dan juga membawa isu-isu serta memperjuangkan isu-isu yang melibatkan rakyat di kawasan yang diwakili.

Kadang-kadang, mungkin kita terlepas pandang soal tanggungjawab ini ataupun kita mungkin berasa selesa. Saya ingatkan ini juga kepada diri saya. Sebagai wakil rakyat yang diberikan amanah, kita tidak hanya bertanggungjawab kepada rakyat. Kita perlu menjawab setiap perbuatan, setiap amanah yang ditugaskan kita ini, yang ditugaskan kepada kita apabila kita kembali menghadap Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Menginsafi akan tanggungjawab tersebut, maka kita perlu mengambil tanggungjawab bersama. Wakil-wakil rakyat di bawah kerajaan pimpinan yang Amat Berhormat Jeneri, perlu proaktif untuk turun ke bawah menyelami segala masalah yang berlaku dalam kawasan masing-masing.

Kalau kita bekerja daripada awal, bermula dengan memberikan servis dan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat, insyaAllah jangan bimbang, jangan khuatir. Sampai masa rakyat akan angkat dan sokong kita untuk terus mewakili mereka di sesuatu kawasan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam ucapan perbahasan Tuanku juga, Tuanku ada menyatakan soal mengembangkan Syiar Islam. Antara tempat yang kebiasaannya, umum memahami bahawa tempat yang selalu digunakan untuk mengembangkan Syiar Islam, ini adalah institusi masjid dan surau. Tetapi yang keutamaannya diberikan adalah surau. Walaupun kita harus bersyukur, kerana kebelakangan ini semangat umat Islam untuk membangunkan masjid semakin terserlah, namun bagi saya sebenarnya potensi institusi masjid ini telah tidak kita gunakan secara optimum. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh kefahaman masyarakat bahawa masjid adalah rumah ibadah semata-mata.

Maka untuk mengimarahkan masjid, cukuplah dengan solat berjemaah dan kuliah-kuliah oleh tuan-tuan guru sahaja. Tak lebih daripada itu. Maka inilah cabarannya, yang harus digalas oleh para pendakwah dan juga pentadbir masjid, pada hari ini.

Kita harus mentransformasikan pemikiran masyarakat, dan yang lebih penting para pentadbir masjid bahawa peranan masjid itu, jauh lebih besar dan jauh lebih hebat sebenarnya. Melalui sirah, kita dapat melihat bahawa Nabi Muhammad SAW bukan sahaja menjadikan Masjid An-Nabawi sebagai pusat ibadah, malah juga menjadikan pusat pemerintahan dan pentadbiran negara Islam Madinah. Masjid An-Nabawi juga, berperanan menjadi pusat kebajikan dan gedung ilmu. Masjid bukan sahaja menjadi tempat hubungan antara manusia dan Allah, tetapi juga menjadi tempat hubungan manusia sesama manusia. Melalui pendekatan inilah, Rasulullah SAW telah berjaya menggambarkan kesempurnaan dan keindahan Islam sebagai cara hidup melalui peranan yang dimainkan oleh institusi masjid itu sendiri.

Bagi memastikan institusi masjid itu berjalan dengan baik, ada beberapa perkara yang perlu kita berikan penekanan. Yang pertama, struktur jawatankuasa masjid itu sendiri, yang mana organisasi itu adalah pusat pentadbiran. Dalam kontek ahli jawatankuasa masjid itu sendiri, jawatankuasa yang dilantik perlulah berkaliber dan dinamik yang dapat merancang, mengurus dan mentadbir dengan baik. Walaupun tidak ada kelulusan yang tinggi, namun ada kesanggupan untuk melaksanakan amanah ini. Sebab itu kita boleh ambil contoh, dua masjid yang menjadi model dan ikutan dan menjadi tempat rujukan umat Islam khususnya Kedah, salah satunya ‘Madad dan salah satunya Masjid Al-Busyra’.

Masjid ini dipimpin oleh orang-orang muda, yang mempunyai pemikiran dan berpandangan jauh. Pemikiran mereka cukup matang dalam membuat keputusan-keputusan tanpa membelakangkan kepentingan umat Islam di kawasan tersebut.
Kalau jawatan kuasa masjid yang ada, di setengah tempat tidak mampu melantik atau melibatkan golongan-golongan yang berfikiran jauh ataupun mempunyai potensi untuk bangunkan masjid, ini adalah satu kerugian kepada umat Islam khususnya di kawasan itu. Yang kedua, elemen yang perlu ada ialah menghidupkan semangat bermusyawarah. Menjadikan masjid tempat bermusyawarah bukan sahaja sesama ahli jawatankuasa, tetapi juga sesama jemaah masjid itu sendiri. Segala keputusan yang dibuat, yang diputuskan dalam mesyuarat ataupun bermusyawarah dalam jawatan kuasa masjid itu sendiri, perlulah disampaikan kepada anak-anak jemaah supaya mereka memahami apa masalah, apa juga penyelesaian dan apa juga perancangan yang ingin dibuat oleh pihak masjid dengan satu hasrat memastikan Syiar Islam itu dapat diperkembangkan lagi.

Yang Berhormat Speaker, seterusnya masjid juga perlu menjadi pusat pendidikan kemasyarakatan dan kebajikan. Ianya perlu diwujudkan bukan dalam konteks yang terhad. Yang berhormat Sungai Limau ada nyatakan program-program yang disebutkan, yang telah dirancang, yang telah dilaksanakan tetapi itu perlu diperluaskan lagi, disebarkan lagi ke seluruh masjid yang ada dalam negeri Kedah. Barulah kesannya dapat dirasai khususnya kepada anak-anak kariah yang ada dalam sesatu kawasan kariah itu.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kemudian elemen yang perlu ada mengikuti perkembangan teknologi maklumat sesuai, dengan perkembangan teknologi maklumat pada hari ini. Jawatankuasa masjid, anak-anak kariah perlu didedahkan dengan teknologi semasa, yang mana mereka boleh menggunakan elemen-elemen yang ada ini untuk menambah maklumat, mencari ilmu dan tidak hanya tertumpu semata-mata kepada kuliah-kuliah di masjid sahaja, yang disampaikan oleh Tuan Guru sahaja. Tapi banyak lagi cabang-cabang maklumat yang sebenarnya kalau dimanfaatkan, ianya sejajar dengan titah Ke Bawah Duli Tuanku untuk menjadikan, menegakkan Syiar Islam insyaAllah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebenarnya ada banyak lagi elemen-elemen yang nak disebutkan tetapi saya gariskan yang penting-penting dahulu. Apapun, nak menjadikan semua ini berjaya, nak memperkemaskan pentadbiran, yang perlu kita beri perhatian kebajikan pegawai-pegawai masjid. Kita ada akta gaji minimum RM1,700 tapi pegawai masjid, Tok Imam gajinya RM1,200. RM1,200 ini, Tok Imam berada di bawah paras kemiskinan.

Kalau Tok Imam itu, dia ada kerja lain tak apa. Tapi kalau dia hanya bergantung kepada pendapatan dia, dengan menjadi Imam RM1,200. Tanggungjawab Imam kalau kita di Kedah ini, bukan sekadar jadi Tok Imam. Kahwin pun dia. Nak kahwin lagi pun kena jumpa dia. Berkelai pun dia. Tapi bila depa berbaik balik, depa jumpa Tok Imam. Itu agak menyedihkan.

YB. TUAN SPEAKER

Memang menyedihkan.

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Jadi saya nak mintalah pentadbiran Yang Amat Berhormat Jeneri ini, dibarisi dengan EXCO-EXCO, supaya kita mempertimbangkan, supaya ada satu tangga gaji ataupun elaun, mengikut kepada akta gaji minimum RM1,700 kepada imam-imam ini. Kerana tanggungjawab mereka besar. Bukan mudah untuk mentadbir kariah itu dengan pelbagai kelaku, pelbagai masalah. Tangkap basah pun Tok Imam kena pergi. Takut-takut Tok Imam pun kena tangkap sekali dia pi dulu terlupa orang nu belakang. Ini itu benda yang kita kena beri perhatian dalam memastikan kebajikan imam ini terjaga. InsyaAllah, doa imam-imam ini berkat. Kita ada lebih kurang 600 masjid dalam dalam Negeri Kedah. Kalau setiap hari mereka mendoakan kesejahteraan pimpinan, yang menaikkan, menjaga kebajikan mereka. InsyaAllah, kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Jeneri. Bukan sahaja dua penggal, 10 penggal pun boleh bertahan insyaAllah.

YB. TUAN SPEAKER

3 minit lagi.

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Baik, Yang Berhormat Tuan Speaker. Dalam titah Tuanku juga, Tuanku ada menyebutkan soal infrastruktur. Ini penting kerana infrastruktur ini perlu diberikan perhatian yang serius. Bertepatan kalau di kawasan lunas ini, lunas ini dia adalah salah satu pintu masuk kepada Kulim Hi-Tech Park. Kita memuji kejayaan pentadbiran yang Amat Berhormat Jeneri bersama dengan YB. Jitra mencari pelabur. Tetapi dalam nak buat masuk pelabur ke kawasan kita, mesti disediakan kemudahan infra yang cukup, yang lengkap, yang memudahkan mereka masuk ke kawasan Kulim Hi-Tech. Dan antara benda yang saya nak minta dalam Dewan ini diberikan perhatian, terutama sekali kepada pihak JKR.

Yang pertama, saya mohon laluan yang perlu diberikan perhatian untuk kerja-kerja pelebaran jalan. Bermula daripada Pekan Padang Serai sehinggalah ke Pekan Lunas. Saya nak ucap terima kasih juga kepada Kementerian Kerja Raya dan pihak JKR, Kedah dan juga Daerah Kulim. Yang baru ini, beberapa hari lepas baru selesai turap jalan baru. Terima kasih. Tapi saya minta, selepas ini ada peruntukkan yang diluluskan untuk lebarkan lagi jalan ini. Yang kedua, laluan daripada Trafik Light Simpang 3, Kampung Batu 8 ke Sungai Seluang. Itu juga akses yang menghubungkan Kulim Hi-Tech. Yang ketiga, laluan daripada *Traffic Light* Simpang 3, Kampung Batu 8 Lunas ke Sungai Seluang. Laluan daripada Taman Sejahtera ke Pekan Lunas. Pekan Lunas ini sempit. Kalau boleh kita jadikan dia jalan sehala ataupun ada alternatif lain yang memudahkan orang keluar masuk terutama di waktu puncak. Seterusnya, pemasangan lampu jalan daripada Taman Kucai sehinggalah ke Taman Cili, Lobak. Itu kawasan itu gelap, itu antara juga laluan-laluan masuk ke Hi-Tech. Kemudian, penurapan semula kawasan industri Kulim. Iaitu melibatkan kawasan sekitar dan juga persimbangan Taman PKNK.

Saya ucap terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Elmi Yang Di-Pertua Majlis Perbandaran Kulim. Kerana apabila isu ini dibangkitkan, dia awal-awal mohon peruntukan kepada MIDA. Jumlahnya dikatakan 1.6 juta. Kita nak minta wang cukai yang dikutip oleh MIDA itu dikembalikan sikit dalam jumlah yang dimohon untuk pihak Majlis Perbandaran Kulim menurap kembali kawasan industri di kulim itu. Yang berhormat Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan, masa sudah mencukupi.

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Tuan Haji Muhammad Zaini bin Haji Ramli, Pegawai Daerah Kulim di atas segala jasa dan khidmat bati yang beliau curahkan kepada negeri Kedah dan daerah Kulim selama lebih 30 tahun. Tuan Haji Zaini akan bersara bulan Julai tahun ini. Walaupun nama ayah kami sama Ramli, tapi kami adik-beradik sesama Islam. Budi dan jasa Tuan Haji akan kekal dalam ingatan rakyat khususnya daerah Kulim dan Dun Lunas. Saya mendoakan, semoga Tuan Haji terus diberikan kesihatan yang baik serta dalam rahmat dan lindungan Allah SWT. Nak gulung dah, gulung.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan.

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Kesimpulannya, saya menyeru kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, agar kita semua berganding bahu menjunjung amanah rakyat dengan penuh keikhlasan dan tanggungjawab. Marilah kita sama-sama mengangkat gagasan 'Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua'. Sebuah negeri yang mana, yang miskin mendapat perlindungan dan yang kaya berbakti menyumbang kembali kepada masyarakat. Ketepikan perbezaan politik. Jangan ianya menjadi penghalang untuk kita mencari titik persamaan demi masa depan negeri dan rakyat yang lebih sejahtera.

Berpadu Suara Sepakat Bicara,
Demi Kedah Yang Kita Cinta.
Daulat Tuanku Junjung Sentiasa,
Negeri Sejahtera Rakyat Sejahtera.

Terima kasih. Saya menjunjung titah Kebawah Duli yang Maha Mulia Tuanku Sultan Negeri Kedah Darul Aman. Sekian. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat Dun Lunas. Urusan seterusnya Tuan Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Sesi penggulungan usul, menjunjung kasih kepada Kebawah Duli yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah secara dasar oleh pihak kerajaan.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Berhormat Kulim. 25 minit, boleh? Cukup?

YB. ENCIK WONG CHIA ZHEN

Cukup. Terima kasih. Yang Berhormat, Tuan Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah. Yang Amat Berhormat Jeneri, Menteri Besar Kedah. Yang Berhormat Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri. Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Ahli-ahli yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Pesekutuan. Seterusnya, sidang hadirin yang dikasihi sekalian.

Salam Sejahtera. Selamat petang. Salam Kedah Sejahtera diucapkan kepada semua. Wanshang hao. Vanakam. Sawasdee khap.

Burung Mepati Terbang Ke Awan,
Singgah Sebentar Di Dahan Ceri.
Kita Hidup Dalam Perpaduan,
Aman Sejahtera Sepanjang Hari.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker. Pertama sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat dan sidang hadirin yang beragama Islam.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat dan sidang hadirin sekalian. Merafak sembah dan menjunjung kasih atas titah Diraja sempena pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kedah ke-15 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah, Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah. Patik sangat kagum dengan kebijaksanaan dan keprihatinan baginda Tuanku sebagai Raja Pemerintah Negeri Kedah yang sangat memahami denyut nadi rakyat, berwawasan dalam pentadbiran dan memiliki keterbukaan dan ihsan terhadap seluruh rakyat tanpa mengira batas kaum dan agama.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, dalam mengemukakan soalan lisan dan bertulis, serta mensarankan saranan yang bernas untuk dijadikan sebagai nilai tambah bagi penggubalan dasar-dasar kerajaan negeri untuk jangka masa panjang. Terutamanya yang melibatkan portfolio sumber manusia hal ehwal masyarakat Cina, India, Siam dan NGO. Yang berhormat Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat dan sidang hadirin sekalian. Terima kasih kepada Yang Berhormat Sidam di atas pertanyaan berkaitan *allowance* untuk Ketua Sami WAT Siam di Negeri Kedah. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat yang diterima daripada Setiausaha Persatuan Ketua Sami Siam Negeri Kedah dan Perlis, terdapat 45 buah WAT Siam di seluruh negeri Kedah. Jadi, saya ingin betulkan baliklah info yang diberitahu oleh YB. Sidam adalah 38 buah.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Sikit saja. Mungkin WAT baru naik itu. WAT yang baru dinaikkan daripada, dia ada dua status-status yang belum ada ‘ubosot’ dipanggil sebagai ‘samnak’. Macam surau. Yang ada ‘ubosot’ itu dipanggil WAT. Itu mungkin info yang tak berapa ….

YB. ENCIK WONG CHIA ZHEN

Baik! Terima kasih. Terima kasih kepada YB. Sidam. Takpa, lebih banyak lebih baik daripada kurang. Terima kasih nah. Kerajaan negeri ingin menegaskan bahawa kebajikan masyarakat Siam di negeri Kedah tidak pernah dipinggirkan. Sebaiknya, pelbagai usaha telah dan akan terus dilaksanakan bagi memastikan komuniti ini sentiasa mendapat perhatian sewajarnya dalam aspek pendidikan, ekonomi, kebajikan dan pembangunan komuniti. Antaranya, kerajaan negeri akan mengadakan perbincangan bersama Persatuan Ketua Sami Siam Negeri Kedah dan Perlis berhubungan isu pemberian *allowance* kepada Ketua Sami. Sebab bukan semua wad Siam ada lantikan rasmi Ketua Sami noh. Jadi, perlu ada perbincangan yang selanjutnya. Jadi, perkara ini boleh dipertimbangkan dan diteliti dan akan diberitahu sekiranya terdapat perkembangan yang lanjut.

Sempena sambutan perayaan Songkran tahun ini, kerajaan negeri telah meluluskan peruntukan kewangan kepada 8 buah wad Siam di Daerah Sik, Pendang, Padang Terap dan Baling bagi menyokong penganjuran pesta Songkran yang merupakan sebahagian penting daripada adat dan budaya masyarakat Siam. Selain itu, bagi menyokong pendidikan agama dan budaya kerajaan negeri turut meluluskan, bantuan kewangan bagi pelaksanaan perperiksaan kelas pertama tahun 2025 yang telah berlangsung di Wat Teluk Wanjah pada bulan Februari yang lalu.

Turut diberikan ialah bantuan kepada tabung pendidikan bahasa Siam sebagai langkah memelihara bahasa dan waris budaya masyarakat Siam agar terus hidup dan berkembang. Segala usaha ini mencerminkan komitmen berterusan kerajaan negeri untuk memastikan bahawa kebudayaan dan warisan masyarakat Siam di negeri Kedah terus dipelihara dan tidak pupus di telan arus masa, serta dapat diwarisi oleh generasi yang akan datang nanti.

Yang Berhormat Tuan Speaker Ahli-ahli Yang Berhormat dan para hadirin yang saya hormati sekalian. Saya ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Sidam dan Tokai, berkenaan permohonan rumah ibadat bukan islam. RIBI untuk tapak RIBI" dan pemantauan pembinaan RIBI yang tidak sah.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, maklumat berkaitan Rumah Ibadat Bukan Islam atau RIBI yang dibina tanpa kelulusan yang sah, sememangnya di bawah pemantauan pihak berkuasa tempatan di negeri Kedah. Antara daerah yang paling banyak mengemukakan permohonan RIBI adalah daerah Kuala Muda dan daerah Kulim. Tidak dapat dinafikan terdapat juga beberapa buah RIBI yang tidak sah di kedua-dua daerah ini.

Hal ini dalam pemantauan dan kita akan biarkan pihak kerajaan negeri untuk menyelaras dan menyelesaikan isu-isu berbangkit di kawasan berkenaan. Hal ini perlu dilakukan dengan teliti kerana ia melibatkan sensitiviti kaum dan undang-undang yang sedia ada.

Usaha ini ibarat 'menarik rambut di dalam tepung'. Rambut tidak putus, tepung tidak berselerakan. Peribahasa ini mengingatkan kita yang usaha apabila menangani isu-isu yang rumit dan sensitif ini kita perlu berhati-hati, bijaksana dan penuh empati. Seperti dalam masyarakat majmuk yang saling kita berinteraksi ini, setiap keputusan dan dasar harus mengambil kira perasaan dan kepentingan semua pihak. Hanya dengan cara ini kita dapat memelihara keharmornian dan perpaduan masyarakat Kedah, serta memastikan negeri kita ini terus maju dalam suasana yang aman dan sejahtera.

Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri mengambil pendekatan yang lebih harmoni dan berhemah dalam menganani isu-isu berkaitan RIBI yang sedia ada. Pendekatan ini dilaksanakan tanpa mengambil tindakan keras secara langsung. Sebaliknya menawarkan ruang, rundingan dan penyelesaian secara baik serta teratur bagi kemaslahatan kedua-dua pihak.

Pejabat saya selaku EXCO Hal Ehwal Masyarakat Cina, India dan Siam sentiasa terbuka serta bersetia untuk menjadi permudah cara dalam menyelesaikan isu ini khususnya antara pihak persatuan, penganut dan pemilik tanah serta pihak berkepentingan yang berkenaan.

Kerajaan negeri juga sentiasa cakna terhadap isu pembinaan RIBI tanpa kebenaran yang sah. Saya diberikan amanah sebagai pengerusi tetap Hal Ehwal Masyarakat Cina, India dan Siam secara konsisten mengadakan mesyuarat serta memainkan peranan proaktif dalam mendengar aduan dan keluhan dari kedua-dua belah pihak serta bertindak sebagai permudah cara bagi proses perbincangan dan negosiasi agar jalan tengah dapat dicapai.

Peranan ini digalas dengan rasa penuh tanggungjawab selaku seorang wakil rakyat, juga sebagai *defender of the law* dan juga *defender of the people* iaitu mempertahankan undang-undang sedia ada sambil memastikan kebajikan dan keharmonian rakyat pelbagai kaum dan agama terus terpelihara. Selain itu, kerajaan negeri juga turut memberi penekanan kepada pembinaan RIBI baru yang memenuhi, sepenuhnya garis pantuan serta peraturan yang telah ditetapkan. Hal ini bagi menjamin keseimbangan antara pembangunan fizikal dan keharmonian sosial di negeri ini, sebagai bukti komitmen tersebut.

Dalam Mesyuarat Jawatankuasa, RIBI yang telah diadakan pada 13 hari bulan April 2025, yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri. Kerajaan negeri telah meluluskan sebanyak 5 permohonan tapak tanah kerajaan untuk RIBI. Empat kelulusan secara pengrizaban dan satu kelulusan secara pemberi milikan, yang permohonan-permohonan melibatkan di daerah Kuala Muda.

Kesemua usaha ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Kedah sentiasa komited dalam menyantuni keperluan masyarakat majmuk tanpa mengetepikan aspek perundangan, perancangan dan keharmonian antara agama. Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat dan sidang hadirin sekalian. Berkenaan tentang pertanyaan Yang Berhormat Kota Darul Aman kepada kerajaan negeri berkaitan status berkenaan isu Kuil Sri Veerama Kaliaman di Kuarters Jabatan Kerja Raya (JKR) Tongkang Yard**.** Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Kedah bilangan 1 tahun 2020-2025 yang telah diadakan pada 13 hari bulan April dan telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Haji Norizan bin Khazali. Salah satu perkara utama yang telah dibincangkan dalam mesyuarat tersebut ialah proses pemindahan Kuil Sri Veerama Kaliaman di Kuarters Jabatan Kerja Raya (JKR) Tongkang Yard. Berdasarkan hasil perbincangan, mesyuarat telah mencadangkan agar rumah ibadat tersebut dipindahkan ke lokasi yang lebih sesuai, bagi menjamin keselesaan, keselamatan dan juga bagi memenuhi keperluan perancangan tanah yang lebih tersusun.

Saya akan bersama Pegawai Khas Masyarakat India kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah akan mengambil tindakan susulan dengan menyelaras langkah-langkah pelaksanaan seterusnya berkaitan proses pemindahan ini. Untuk maklumat Dewan Yang Mulia ini, beberapa lokasi cadangan telah dikemukakan oleh pihak jawatankuasa kuil, persatuan penganut dan kini dalam proses penilaian kesesuaian oleh pihak Pentadbiran Tanah Negeri Kedah. Segala usaha ini dilaksanakan secara inklusif dan penuh rasa hormat terhadap sensitiviti masyarakat setempat, selaras dengan hasrat kerajaan negeri untuk memastikan keharmonian antara kaum dan agama terus terpelihara di Negeri Kedah Darul Aman ini.

Jadi, saya berharap perkara ini dikendalikan dengan penuh berhemah. Saya menjamin akan membuat yang terbaik untuk perkara yang berkaitan dengan RIBI dan pada masa yang sama saya juga harap perkara ini tidak dijadikan modal politik.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat dan sidang hadirin sekalian. Untuk maklumat Yang Berhormat Kota Darul Aman dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Kedah menerusi bajet tahun 2020-2025 telah mengambil langkah proaktif dengan mencarung Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri, (SKSPS)

di bawah kepada seluruh Pengerusi Majlis Ketua Kampung dan Setiausaha Majlis Ketua Kampung di seluruh negeri. Jumlah keseluruhan yang terlibat adalah seramai 2,480 orang dengan kos keseluruhan berjumlah RM173.600 bagi tempoh setahun. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Ustazah sebagai EXCO yang menguruskan, Yang Berhormat Merbau Pulas sebagai EXCO yang menguruskan Majlis Ketua Kampung sudi mengambil inisiatif ini untuk membayar caruman SKSPS kepada pengerusi dan setiausaha MKK.

Skim ini memberi perlindungan keselamatan sosial kepada individu yang bekerja sendiri khususnya daripada bencana pekerjaan termasuk penyakit pekerjaan dan kemalangan semasa menjalankan tugas. Takrif bencana pekerjaan sendiri merujuk kepada sebarang kecederaan yang dialami oleh orang berinsurans semasa menjalankan aktiviti pekerjaan sendiri termasuk semasa dalam perjalanan yang berkaitan dengan aktiviti tersebut. Selain itu, penyakit pekerjaan merujuk kepada penyakit yang berpunca atau lebih daripada pekerjaan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kelima Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan 1969.

Skim ini menyediakan pelbagai bentuk pelindungan dan faedah, antaranya faedah tunai kepada orang yang berinsurans dan tanggungannya rawatan perubatan, pemulihan jasmani serta latihan vokasional. Kerajaan Negeri juga menyambut baik cadangan Ahli Yang Berhormat Kota Darul Aman untuk memperluaskan pelaksanaan skim ini kepada golongan penjaja dengan perlibatan pihak berkuasa tempatan sebagai agensi pelaksana. Saya sendiri akan mengambil inisiatif ini untuk berbincang bersama YB. Mejar, YB. Kuala Ketil, EXCO Kerajaan Tempatan bagi melihat kaedah terbaik untuk merealisasikan cadangan ini demi memastikan golongan penjaja terus mendapat perlindungan yang sewajarnya.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Tuan Speaker, mencelah sikit, pendek saja.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan.

YB. ENCIK WONG CHIA ZHEN

Silakan.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Saya mengucapkan terima kasih atas inisiatif kerajaan untuk mencarum kepada MKK, pada semua lantikan MKK. Jadi, saya mencadangkan supaya skim ini diperluaskan kepada semua ADUN-ADUN yang berada dibelakang saya untuk sebab bagi saya kos untuk menganggung, kerajaan menanggung kos tu agak rendah. Saya sendiri telah carum tapi untuk memikirkan semua yang belum ada caruman, kerajaan carum untuk mereka sebab tugas mereka juga agak penting. Dan saya berharap kerajaan dapat mempertimbangkan permohonan ini. Terima kasih.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Boleh sikit?

YB. TUAN SPEAKER

YB. Sidam bangun. Bagi laluan.

YB. ENCIK WONG CHIA ZHEN

YB. Sidam pun nak?

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Nak jugak!

YB. ENCIK WONG CHIA ZHEN

Oh, nak jugak ya?

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Sikit ja, sikit ja.

YB. ENCIK WONG CHIA ZHEN

Tapi tadi you bukan dalam antara kelompok tiga, masa pergi YB. Bukit Lada….

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Aiii, saya bukan! Bukan dalam kelompok.

YB. TUAN SPEAKER

Bagi laluan YB. Kulim.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Ok! Saya ingin bertanya sedikit tentang tanah runtuh di Kampung Kuat Lengkuas. Jadi, saya dapat dipahamkan daripada pihak JPS, peruntukan tak cukup. Jadi bolehkah kerajaan negeri Kedah tambah sedikit runtukan itu untuk menahan…menahan tanah runtuh itu terus berlaku. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat EXCO.

YB. ENCIK WONG CHIA ZHEN

Terima kasih. Saya jawab yang Amat Berhormat Kota Darul Aman dulu, saya akan berbincang dengan pegawai kewangan negeri nanti. Terima kasih. Dan berkenaan Yang Berhormat Sidam, saya akan mengambil maklumat yang lebih lanjut daripada Tuan D.O Baling dulu oh ok. Terima kasih. Sudah lulus. Ok baik. So, langkah ini untuk caruman SKSPS selari dengan hasrat kerajaan negeri untuk memelihara kebajikan semua lapisan rakyat, khususnya golongan yang bekerja sendiri dan terdedah kepada risiko pekerjaan harian.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan sekalian, seterusnya saya ingin menyentuh berkenaan pelaburan dan ekosistem ekonomi kerana inilah ruang yang paling dekat dengan komuniti bukan Melayu. Khususnya mereka yang aktif dalam sektor perusahaan, peruncitan, keusahawanan serta bidang profesional.

Dalam titah Baginda Tuanku, konsep ekosistem pelaburan disebut secara khusus. Ekosistem di sini bukan sekadar kawasan industri atau infrastruktur fizikal tetapi meliputi peraturan yang jelas dan telus, persekitaran perniagaan yang mesra, sokongan daripada agensi yang berkaitan, sumber tenaga kerja yang berkualiti dan persekitaran sosial yang stabil. Ia adalah satu sistem yang saling melekapi di mana pelabur bukan hanya melihat potensi keuntungan tetapi juga kecekapan dan kestabilan dalam negeri.

Kita perlu teruskan kejayaan yang ada, Negeri Kedah kini berada di kedudukan keempat tertinggi dalam negara dari segi penerimaan pelaburan. Ini adalah hasil usaha pergembelingan tenaga seluruh pentadbiran negeri yang merangkumi wakil

rakyat yang bekerja untuk rakyat dengan ikhlas, penjawat awam Kedah KCS yang cekap, agensi- agensi kerajaan yang memberi tumpuan kepada bidang masing-masing. Dalam aspek tenaga kerja dan modal insan, kerajaan negeri akan terus komited, memperbanyak program peningkatan kemahiran dan kerjasama rapat dengan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) bagi memastikan kesediaan bakat dan tenaga mahir dapat disediakan seiring dengan keperluan industri.

Sejarah telah membuktikan negara seperti negara China tidak kekal dengan pendirian asal mereka. Pemimpin negara China yang membawa kepada pembukaan ekonomi China, Deng Xiaoping, pernah menyebut, tidak kira sama ada kucing itu putih atau hitam, selagi ia menangkap tikus, ia adalah kucing yang baik. Prinsip ini melambangkan pendekatan pramatik dalam memacu pembangunan, kita juga perlu berfikiran sedemikian berani berubah apabila keadaan menuntut.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan sekalian, perpaduan dan fabrik keharmonian dalam titah baginda Tuanku ditekankan bahawa agenda memartabatkan agama rasmi negeri tidak sepatutnya mengorbankan perpaduan dalam masyarakat. Malah baginda menegaskan bahawa agama-agama lain bebas untuk diamalkan. Saya melihat ini sebagai panduan utama dalam negeri majmuk seperti Kedah. Kita semua Ali, Ah Wong, Mutu dan Anong berdepan cabaran hidup yang sama. Perbezaan latar belakang tidak seharusnya menjadi titik perbalahan, tetapi asas untuk kerjasama yang lebih kukuh. Realitinya rakyat pelbagai kaum telah sekian lama hidup bersama dan saling hormat menghormati. Namun masih ada segelintir pihak dari luar yang sering bertanya soalan-soalan seperti berikut. Bolehkah orang bukan Melayu makan daging khinzir? Bolehkah pakai seluar pendek? Seolah-olah tidak memahami bahawa kita di negeri Kedah sudah lama ada persefahaman yang harmoni. Terus terang saya pun sudah letih nak layan soalan seperti ini. Jawapannya jelas, kita hidup dalam suasana saling menghormati hak dan budaya masing-masing, sebagaimana yang diperakui dalam perlembagaan dan dititahkan oleh baginda Tuanku.

Baru-baru ini, ada juga pihak mempertikai pendirian kerajaan negeri tentang penganjuran Pesta Songkran. Walaupun mereka ini telah mentadbir negeri ini dengan berpuluh-puluh tahun tapi mereka masih tidak memahami keadaan situasi di negeri Kedah ini. Pada saya kita tidak perlu melayan perkara sentimen sedemikian. Yang penting kita teruskan seperti biasa dengan menganjurkan Pesta Songkran dengan hati yang ikhlas dan pastikan ia berlangsung dengan berjayanya kepada komuniti Siam di negeri Kedah.

YB. TUAN SPEAKER

5 minit lagi YB.

YB. ENCIK WONG CHIA ZHEN

Thaipusam merupakan cuti peristiwa di negeri Kedah dan tahun ini kita juga akan mengajukan sambutan hari Wesak peringkat begeri Kedah pada bulan Mei nanti. Dengan kerjasama Persatuan Buddhism Kedah, ini bukti jelas bahawa kita bersetuju dan menyambut titah baginda bahawa semua agama lain bebas untuk diamalkan dalam negeri ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan sekalian, Baginda Tuanku menyentuh tentang Tamadun Kedah Tua yang perlu diketengahkan sebagai produk pelancongan yang mempunyai nilai peradaban yang tinggi. Terutamanya dari segi kemajuan teknologi, kebudayaan dan perdagangan antarabangsa sehingga membawa kepada kegemilangan warisan tamadun yang bertunjangkan agama Islam. Ini bukan sahaja membanggakan, malah memperlihatkan betapa terbukanya pemerintah negeri dalam mengiktiraf sejarah dengan tulus dan berani. Tamadun Kedah Tua bukan sekadar tinggalan sejarah tetapi cerminan kepada satu peradaban yang lengkap mempunyai sistem pentadbiran, pelabuhan dagang, jaringan antarabangsa, teknologi binaan serta unsur budaya yang *sophisticated*. Ia menjadi bukti bahawa rantau ini sudahpun maju dan mempunyai tamadun yang kompleks, sebelum kedatangan kuasa kolonial mahupun globalisasi moden. Dengan tapak sejarah yang begitu bernilai, kita bukan sahaja berbangga malah boleh memanfaatkan ia sebagai pemangkin pelancongan negeri Kedah. Kedah boleh menjadi destinasi pelancongan sejarah dan kebudayaan bertaraf antarabangsa.

Pengiktirafan ini menunjukkan pemerintah yang mempunyai jiwa besar, berpandangan jauh serta berani mengangkat warisan negeri ke pentas dunia, pentas antarabangsa. Sebagai mana kata pepatah dengan izin, “Taishan Bu Rang Turang, Gu Neng Cheng Qi Da”. Yang bermaksud gunung tidak menolak ketulan-ketulan tanah kecil, justeru itu ia menjadi agung. Keterbukaan kepada sejarah dan unsur-unsur kecil yang membina sebuah bangsa itulah kunci kepada kemajuan yang sebenarnya. Tahun ini juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan serta keluarga DiRaja berkenan mencemar duli berangkat ke Majlis Sambutan Tahun Baru Cina Peringkat Negeri. Sambutan ini diadakan di lokasi yang cukup simbolik iaitu di antara pekan Cina dan pekan Melayu yang telah melambangkan keharmonian dan hubungan erat antara kaum sejak sekian lama.

Lokasi ini kini berpotensi menjadi tarikan pelancongan yang mempamerkan keterbukaan masyarakat Negeri Kedah kepada dunia luar.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan sekalian, beberapa hari sebelum Hari Raya baru-baru ini, berlakunya kejadian bencana ribut yang melanda mukim Junjong Kulim di kawasan Dun Kulim. Saya bersama anggota Pusat Wakil Rakyat Dun Kulim menurun untuk meninjau keadaan dan mendapati bahawa terdapat 31 buah rumah terpencil dan sebuah gereja terjejas. Selain daripada bantuan yang saya berikan, saya ingin berterima kasih juga kepada Tuan Pengawai Daerah Kulim, turut bertindak pantas dan menyelaras bantuan bencana serta sumbangan kepada mangsa-mangsa yang terkesan dengan begitu efisien dan prihatin. Saya mewakili mereka yang menerima bantuan untuk menzahirkan perhargaan kepada Pejabat Tanah dan Daerah Kulim dan agensi-agensi penyelamat serta agensi-agensi utiliti. Sesungguhnya jasa dan sumbangan beliau akan sentiasa dikenang.

Selamat bersara nanti Tuan Haji Zaini Ramli. Walaupun nama bapak kita tak sama tapi kita sama-sama adalah anak Negeri Kedah yang berkhidmat kepada Negeri Kedah. Terima kasih Tuan Haji.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Dengan nasihat yang diberi melalui titah perasmian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, saya menyokong penuh dan bersama-sama kerajaan negeri dalam melaksanakan dasar-dasar pembangunan yang sejajar dengan pelan pembangunan Kedah 2035 dan GagasanThe Greater Kedah. Kita tidak boleh memilih kepada siapa kita dilahirkan tetapi kita boleh memilih bagaimana untuk berkhidmat kepada negeri yang kita cintai.

Saya sebagai satu-satunya EXCO bukan Melayu dalam kerajaan ini, ingin menegaskan bahawa selagi diberikan amanah saya akan terus berdiri bersama-sama kerajaan negeri untuk membina Kedah yang inklusif, harmoni dan maju untuk semua! Kekuatan kita terletak pada kepelbagaian. Negeri Kedah terdiri daripada pelbagai kaum, budaya dan agama yang masing-masing membawa nilai tersendiri kepada masyarakat. Kepelbagaian ini bukan satu kelemahan malah inilah kekuatan sebenar kita yang membolehkan kita saling melengkapi dan memperkaya antara satu sama lain. Dalam perbezaan, wujud ruang untuk persefahaman. Dalam perbezaan kita temui kebijaksanaan untuk membina dasar yang adil, membela semua dan memastikan tiada siapa yang tertinggal di belakang.

Kerajaan Negeri akan terus menjadi pemudah cara bukan penghalang kepada keharmonian ini. Akhir kata, saya dengan penuh takzim menjunjung kasih dan menyokong sepenuhnya titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah yang amat kita kasihi. Saya sudahi ucapan penggulungan saya dengan serangkap pantun lagi.

Bunga mawar kembang berseri,
tumbuhnya indah di tepi perigi,
pelbagai kaum hidup sahati,
aman sejahtera membawa rezeki.

Sekian sahaja ucapan penggulungan saya pada hari ini. Terima kasih. Xiexie Ta Jiao. Nanri Varakam, Khon Khun Khrap.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat Kulim. Dan seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Alor Mengkudu.

YB. TUAN HAJI MUHAMMAD RADHI BIN HAJI MAT DIN

Terima kasih YB. Tuan Speaker, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillahirrahmanirrahim Was Salatu Was Salamu Ala Asyrafil Anbiya'I Wal Mursalin, Waa Ala Alihi Wa Sahbihi Ajma'in. Subhanaka La Ilma Lana Illa Ma Allamtana Innaka Anta Alimul Hakim. Wa La Hawla Wala Quwwata illa Billahil Aliyyil Azim. Rabbi Shrah Li Sadri, Wa Yassir Li Amri, Wahlul 'Uqdatam Min Lisani, Yafqahu Qawli.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Pesekutuan. Seterusnya sidang hadirin yang dirahmati Allah sekalian. Saya ingin memulakan penggulungan saya pada hari ini dengan dua rangkap pantun.

Ramadhan Berlalu Pasti Dirindui,
Aidilfitri Disambut Syukur Dirasai.
Jiwa Bersih Segar Jasmani,
Sihat Mental Hati Nurani.

Kuih Samprit Cair Di Lidah,
Duit Raya Pun Habis Sudah.
Ayuh Kita Ke Tasik Yang Indah,
Nak Badan Sihat Kena Rajin Beriadah.

YB. Kuala Ketil tengok kita ni, kita ajak beriadah. Besyukur kita diberi kesempatan untuk kita bertemu dan berkumpul dalam Dewan Yang Mulia ini. Bagi menghadiri mesyuarat pertama penggal ketiga Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman yang ke 15 pada petang ini untuk membawa amanah dan tanggungjawab rakyat Negeri Kedah Darul Aman. Terlebih dahulu patik ingin merafak sembah dan menyunjung kasih di atas titah DiRaja bagi perasmian pembukaan persidangan Dewan Undangan pada kali ini oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Darul Aman. Sesungguhnya di bawah naungan pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang adil lagi bijaksana, Negeri Kedah terus menikmati suasana aman, makmur dan harmoni. Kebijaksanaan Tuanku dalam memberikan nasihat dan panduan kepada pentadbiran negeri amatlah dihargai dan menjadi sumber inspirasi dalam rangka dasar serta pelaksanaan agenda pembangunan, khususnya dalam memartabatkan pembangunan sukan Negeri Kedah Darul Aman.

Secara kesimpulannya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menitahkan semua aspek bidang tugas bagi rakyat dalam melaksanakan semua imbang semak, imbang kerajaan, mengubah dasar dan undang-undang negeri, mengawal belanjawan negeri dan mewakili suara rakyat dalam menghubungkan antara kerajaan dan rakyat. Di samping itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga telah melahirkan perasaan sukacita di atas Kerajaan Negeri yang diketuai oleh Dato' Seri Menteri Besar telah meningkatkan pelaburan negeri dan hasilnya dapat dinikmati oleh rakyat jelata. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga telah melahirkan penghargaan, dan tidak melupakan juga jasa-jasa kepada Agensi-Agensi Kerajaan Negeri dan juga Persekutuan yang telah memberi khidmat dan komitmen yang baik yang telah membantu merancakkan ekonomi dan juga politik di Negeri Kedah Darul Aman.

Yang Berhormat Speaker, izinkan saya juga merakamkan terima kasih yang tak terhingga kepada semua Ahli Yang Berhormat, yang mengambil bahagian dalam perbahasan serta mengemukakan soalan lisan dan bertulis pada sidang Negeri Kedah pada tahun 2025 yang saya kira menjadi medium perancangan dan pembangunan Negeri Kedah yang tercinta ini. Saya yakin dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan dibantu oleh pentadbiran kerajaan Negeri Kedah, maka hasrat ini akan dapat direalisasikan dengan jayanya insyaAllah. Tidak dilupakan ucapan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam mengemukakan saranan bernas, untuk dijadikan penambah nilai bagi dasar-dasar negeri jangka panjang terutamanya yang melibatkan portfolio saya.

Dalam perbahasan oleh ADUN Gurun, suka saya maklumkan berkenaan isu SUKDA (sukan). Untuk maklumat tuan-tuan, Ahli Dewan semua, sukan ini telah lama tidak diadakan. Untuk makluman, saya rasa kali terakhir diadakan pada tahun 2017, dan tujuan asalnya adalah untuk mencari bakat baru dalam sukan yang berpotensi.

SUKDA kali ini dirancang untuk menfokuskan kepada acara-acara terpilih yang berpotensi menawarkan pingat kepada negeri-negeri. Selain itu SUKDA juga sebagai platform pemilihan atlet bagi menyertai sukan kejohanan SUKMA. Bagi edisi kali ini, SUKDA 2025 dicadang akan dilaksanakan pada bulan September 2025 bertempat di Universiti Utara Malaysia. Untuk makluman semua, cadangan untuk mengadakan sukan SUKDA ini telah pun dihebohkan di peringkat semua daerah saya rasa. Semua dah dimaklumkan. Dan hasil daripada perbincangan dan juga apa yang telah dibuat oleh pegawai sukan di peringkat daerah adalah kita telah memutuskan terdapat enam jenis sukan yang akan dipertandingkan iaitu sukan olahraga, sukan pencak silat, sukan sepak takraw, sukan memanah, sukan bola jaring dan sukan bola sepak.

Untuk makluman semua Ahli Dewan, pemilihan ini berdasar kepada sukan-sukan yang memang telah diamalkan di peringkat daerah. Jadi kadang-kadang ada sukan-sukan tertentu yang saya rasa tidak dijalankan secara aktif di peringkat daerah. Contohnya, macam bowling. Kemudahan bersukan di daerah Padang Terap mungkin tak ada kemudahan itu. Jadi mungkin itulah antara faktor-faktor yang mungkin kita tak boleh terima walaupun ada pandangan pandangan tertentu yang bowling itu boleh dilaksanakan. Contohnya macam di kawasan Alor Setar ni, kita ada di kawasan Kota Setar ni. Tapi di kawasan lain tak ada. Jadi kita terpaksa tolak sukan-sukan itu. Begitu juga pemilihan sukan ini berdasarkan kepada pungutan pingat yang telah kita lakukan di SUKMA. Itu antara medan, antara platform yang kita rasa kita nak jadikan sebagai satu SUKDA ni sebagai satu platform untuk kita nak dapat pungutan pingat pada 2026 di Selangor.

Pelaksanakan kejayaan SUKDA ini dapat membantu kerajaan negeri mencungkil bakat baru dan seterusnya dapat merealisasikan GagasanThe Greater Kedah terutama dalam bidang sukan. Mengikut rekod Majlis Sukan Negeri Kedah, seramai 12 orang atlet Kedah telah mewakili negara sepanjang tahun 2024. Manakala atlet di Kedah yang terpilih mewakili pasukan kebangsaan bermula 1 Januari 2025 hingga 31 Mac 2025 adalah seramai 20 orang, iaitu melebihi sasaran yang telah ditetapkan oleh dalam The Greater Kedah iaitu seramai 15 orang. Kita bagi tepukan kepada atlet-atlet kita yang berjaya. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Kedah sentiasa komited dalam melahirkan atlet-atlet yang berdaya saing dan mampu menjadi aset yang berharga. Kalau boleh saya nak sebut di sini nama atlet-atlet yang telah mewakili negara di peringkat kebangsaan.

Yang pertamanya dalam sukan silat, ada 2 atlet kita iaitu Nur Inata Khairuniyah binti Wira bertanding di kejuaraan dunia silat ke-20 Abu Dhabi. Yang keduanya, Nur Syafiqah binti Norwan, kejuaraan dunia silat yang sama juga di Abu Dhabi juga. Untuk acara bola jaring, atlet kita telah mewakili Malaysia iaitu Nur Azrin Aizy binti Ahmad Yani, di kejohanan *30th Asian Netball Championship 2024* di India.

Yang keempat, yang seterusnya angkat berat Muhammad Haris bin Hasrul, bertanding di kejuaraan *EGAT King Cup Junior Weightlifting Championship* 2024 Thailand. Nur Syazwani binti Razi angkat berat juga di kejohanan di *Fiji IWF Weightlifting Commonwealth Championship* 2024 Fiji. Begitu juga dengan Muhammad Amin Hakimi bin Muhammad Syukri di Fiji juga. Muhammad Muaz bin Muhammad Fisol tenpin bowling di Singapura Open, Thailand Open, Sarawak International Open, Kuala Lumpur International *Open*, *Sonic International Classic*. Banyak *tournament-tournement* yang telah dilaluinya. Sama juga dengan Nurul Anis Nabilah binti Muhammad Nizam. Juga Muhammad Syazirul bin Samsuddin. Bagi sukan rugby, Muhammad Ammar Syamim bin Nur Hirman bertanding di *Asian Rugby Emirates Under-18 Sevens*.

Dalam sukan bola sepak juga kita tak berjaya dalam sudut lelaki, kita tak hantar wakil. Ada Muhammad Syafiq, saya rasa kemungkinan masih lagi wakil. Minta pandangan daripada YB. Gurun kot ada daripada Gurun kot ada maklumat. Saya ingat dalam masa sekarang ni tak ada pemain-pemain kita yang mewakili negara. Tapi harini ini dimasukkan nama pemain, bola sepak wanita kita, saya pun tak dapat nak kesan ni. Di *International Friendly Match Dubai* 2024, *SEA Games Cambodia* 2023. Oh! ni hebat ni depa main ni, AFA Indonesian Under-20 2023, masih di peringkat remaja. Dan juga *International Friendly Match* Arab Saudi 2023. Dan yang terakhirnya juga Nurul Farisyahanim binti Muhammad dalam dunia bola sepak juga. Dalam kejohanan yang sama dan yang termasuk juga di Indonesia *Under-20* 2023.

Senarai nama-nama atlet juga yang mewakili Kedah untuk di Peringkat Kebangsaan. Saya ingat saya sentuh secara rambang untuk acara memanah, seorang Nur Aini Atilah binti Adri. Acara olahraga kita ada tiga orang, Guru Parasat Al-Sigar, Muhammad Hafiz Raiz Qamaruddin dan juga Huzma Nur Amini binti Nurizan. Untuk pelayaran kita ada enam orang, campur dengan dua orang yang bertanding di tempat-tempat yang berbeza. Di Langkawi dan juga di Singapore *Youth Sailing*. Untuk ping pong, kita ada seorang atlet kita Wong Ki Shen. Untuk berbasikal kita ada yang seperti disebut oleh YB Gurun kemarin dalam perbahasan dia kita ada empat di peringkat *Asian Championship* Thailand. Dan yang paling menariknya salah seorang daripada atlet kita iaitu Nur Izzah Izzati Muhammad Asri telah pun bertanding di *Olympic* kalau tak silap saya. Dan yang terbarunya dia telah memenangi di kejohanan Asian Track di Melaka baru baru ni. Alhamdulillah noh! Ni antara atlet-atlet kita termasuk juga Darwish Putra Sanusi yang juga turut bertanding di *Asian Track Cycling Championship* 2025, Malaysia.

YB. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, suka saya memaklumkan dalam Dewan Yang Mulia ini bahawa terdapat pembahagian keurusetiaan pembangunan sukan berprestasi tinggi dan Sukan Para. Sukan berprestasi tinggi, SUKMA biasa diuruskan oleh Majlis Sukan Negeri Kedah dan pembangunan Sukan Para-OKU ada di bawah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kedah. Pengasingan keurusetiaan ini adalah sama seperti di negeri-negeri yang lain. Walau bagaimanapun, pembangunan Sukan Para ini sentiasa diberi perhatian oleh kerajaan negeri kerana atlet yang bertanding membawa satu bendera imej negeri di peringkat kebangsaan.

Oleh sebab yang demikian, pada tahun ini kerajaan negeri telah menyediakan peruntukan khas bagi tahun ini sebanyak RM50,000 bagi program pembangunan seperti yang disebut oleh YB. Gurun kemarin. Sebenarnya ini adalah antara program peruntukan yang lama dah yang tidak pernah diberi kepada Sukan Para ini. Saya ucap terima kasih kepada pihak kerajaan negeri dan juga khususnya kepada sahabat saya sebelah ini YB. Dato' Wira yang telah sudi untuk melabur, walaupun penilaiannya agak kecil tetapi kita yakin dalam peruntukan yang kecil itu dapat membantu untuk melaksanakan latihan pusat sebagai persediaan awal kepada atlet untuk menghadapi temasya Para SUKMA pada tahun 2026 di Negeri Selangor.

Peruntukkan ini juga, orang kata apa disamping digunakan untuk melaksanakan latihan dan juga disamping itu aktiviti-aktiviti secara khusus. Pertamanya, latihan secara fizikal. Latihan pusat ini akan dilaksanakan bermula pada bulan *Ogos sehingga Desember 2025* di mana atlet akan menjalani latihan bagi enam jenis sukan iaitu sukan olahraga, *powerlifting*, memanah, renang, badminton dan tenpin bowling. Kedua, kem motivasi sesi peningkatan sendiri, kendiri melalui kem motivasi bagi meningkatkan semangat kendiri atlet untuk menghadapi cabaran semasa temasya Para SUKMA 2026 nanti. Yang ketiganya, peruntukan ini juga digunakan untuk sesi brainstorming antara jurulatih, sesi perbincangan di antara jurulatih setiap sukan untuk membincangkan dan berkongsi pandangan ke arah untuk meningkatkan lagi prestasi atlet agar lebih cemerlang.

Latihan pusat ini dapat membantu atlet untuk meningkatkan prestasi mereka dalam sukan dan secara tidak langsung mereka juga akan lebih bersemangat dan lebih bersedia untuk menghadapi temasya Para SUKMA pada tahun 2026 nanti, berbanding sebelum-sebelum ini. Kita mengharapkan latihan pusat ini dapat dijalankan sebaik mungkin agar tidak ada alasan lagi selepas ini bila kita menuntut tentang kejayaan insyaAllah. Pasukan Para SUKMA ini akan menjadi satu yang terbaik untuk kita. Kita….

YB. TUAN SPEAKER

10 minit lagi YB. 10 minit lagi.

YB. TUAN HAJI MUHAMMAD RADHI BIN HAJI MAT DIN

10 minit lagi?

YB. TUAN SPEAKER

Ya ya.

YB. TUAN HAJI MUHAMMAD RADHI BIN HAJI MAT DIN

Uih! Banyak lagi ni. Kena jalan laju ni. Latihan pusat ini juga dapat melahirkan atlet baru sebagai pelapis untuk atlet para SUKMA yang akan datang menaikkan had umur untuk menyertai temasya Para SUKMA yang dah terhad sehingga 45 tahun sahaja. Bagi pembangunan sukan para Jabatan Belia Sukan Negeri Kedah dan akan melaksanakan program Liga Sukan OKU di SOCU iaitu sebuah program berbentuk pertandingan sukan yang terdiri daripada sukan bola tampar, bola tampar duduk futsal dan tenpin bowling bagi memberi peluang golongan OKU bersaing secara sihat dalam aktiviti sukan. Latihan berterusan dan dengan sokongan kerajaan negeri dalam memperkasakan sukan OKU ini lebih signifikan ke arah mempertingkatkan prestasi atlet OKU.

Untuk maklumat Ahli-ahli yang Berhormat, kerajaan negeri sentiasa bersama dengan Jabatan Belia Sukan Negeri Kedah turut mengambil langkah proaktif dalam pembangunan Para-OKU ini dengan cadangan mewujudkan sebuah pusat kecemerlangan OKU dan sukan untuk semua. Pusat kecemerlangan ini akan menempatkan infrastruktur yang mudah, yang moden dan lengkap untuk digunakan khusus kepada atlet-atlet kurang upaya. Antara cadangan infra yang akan dilaksanakan antaranya gimnasium angkat berat untuk atlet-atlet OKU, gimnasium angkat berat untuk atlet normal dan orang awam, gimnasium rakyat, radio dan latihan kekuatan pentas simulasi pertanian atau majlis rasmi dan lain-lain kerja yang berkaitan dalam apa aktiviti Sukan Para ini.

YB. TUAN SPEAKER

YB, Ada sebut bola tampar?

YB. TUAN HAJI MUHAMMAD RADHI BIN HAJI MAT DIN

Ya!

YB. TUAN SPEAKER

Bola tampar duduk?

YB. TUAN HAJI MUHAMMAD RADHI BIN HAJI MAT DIN

Bola tampar duduk.

YB. TUAN SPEAKER

Ada noh?

YB. TUAN HAJI MUHAMMAD RADHI BIN HAJI MAT DIN

Untuk makluman, itu Para. Para dia duduk bawah.

YB. TUAN SPEAKER

Ooo…

YB. TUAN HAJI MUHAMMAD RADHI BIN HAJI MAT DIN

Dia tak main macam kita yang normal ni. Ini untuk Para ja. Inisiatifnya juga dijangka mampu memanfaat dan memberi kemudahan besar kepada rakyat Negeri Kedah melalui peruntukan naik taraf kemudahan sukan dan membina baharu kemudahan sukan berskala kecil. Projek ini akan dilaksanakan pada tahun 2025 ini melalui peruntukan RMK12 RP5 2020-2025. Pembangunan pusat kecemerlangan sukan OKU sebagai satu langkah yang membuktikan jabatan dan kerajaan negeri serius dalam mempertingkatkan jumlah atlet dan prestasi atlet OKU Negeri Kedah.

Beberapa atlet Para Negeri Kedah juga telah menempa kejayaan di Peringkat Antarabangsa *ASEAN* dan sukan *KOMANWEL* yang lalu dan kejayaan ini akan menjadi pendorong untuk pihak kerajaan memastikan atlet-atlet berkualiti seperti ini dapat dilahirkan. Maksudnya disini bukan sahaja kita fokus kepada atlet-atlet yang normal, tetapi kita juga dalam ihsan kerajaan negeri kita fokus kepada kerajaan pada pasukan atlet-atlet yang kurang bernasib baik.

Untuk pertama kalinya, Kerajaan Negeri Kedah telah mengadakan program pemberian ganjaran kepada atlet SUKMA dan Para-SUKMA dalam satu majlis yang disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah baru-baru ini. Dan ini adalah antara program pertama yang kita jalankan secara bersekalilah, dan sebelum ini berasingan. Jadi, ini adalah antara langkah baik untuk menunjukkan bahawa sukan ini adalah satu sukan bukan memisahkan tapi sukan ini lebih berkonsepkan, menyatukan. Jadi, kita ambil konsep itulah.

Untuk makluman Ahli Dewan semua, dalam program ganjaran itu kita telah membelanjakan hampir RM316,450 untuk atlet-atlet yang telah berjaya. Atlet SUKMA sebanyak RM192,000, Para SUKMA RM108,400, Para-ASEAN Combodia RM11,000, Olimpik Paris 2024, iaitu Lee Zii Jia sebanyak RM5,000 dan keseluruhannya RM316,450. Jadi, saya nak menyahut balik apa yang telah disaran oleh YB. Gurun kemarin tentang harapan dan juga orang kata apa, sukan ini sebab memerlukan dana yang besar. Jadi, antara cadangan daripada YB. Gurun kelmarin, mengharapkan apabila pelaburan dah masuk banyak, tolong alirkan sikit jumlah pelaburan dan nikmat yang telah dimasuk pada kerajaan itu kepada sukan lah. Jadi, itulah yang saya ingat YB. Jitra amat maklu soal-soal yang macam itu. InsyaAllah.

YB. TUAN SPEAKER

5 minit lagi YB.

YB. TUAN HAJI MUHAMMAD RADHI BIN HAJI MAT DIN

Baik, insyaAllah sikit. Saya nak jawab balik apa yang telah dibangkitkan oleh ADUN Kuah berkenaan dengan masalah sosial di Langkawi.

Pada tahun 2025, Jabatan Belia dan Sukan Daerah Langkawi telah merangka 14 program. Antaranya, Kem Belia dan Rakan Prihatin, Rakan Muda *Skill for Life*, Hari Sukarelawan Belia dan lain-lain bagi bertujuan membentuk belia di daerah tersebut. List program-program itu ada di sini. Saya ingat saya tak sempatlah baca dah. Cuma saya mengharapkan bahawa program-program seperti Rakan Muda, Rakan Muda Masjid, Rakan Muda Hari Belia dan juga program-program tersebut, YB. Kuah dan juga tempat lain tolong semak dan insyaAllah ini antara langkah-langkah kita yang telah kita wujudkan supaya masalah isu belia apa yang berlaku di apa Langkawi dapat kita tangani sepenuhnya, insyaAllah.

Untuk ADUN Belantik, memelihara dengan mempromosi sukan tradisional, Kerajaan Kedah telah bersama-sama dengan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian yang berperanan menyemarakkan seni, warisan budaya sentiasa menganjurkan pertandingan atau mengadakan demonstrasi sukan tradisional dalam program-program anjuran kerajaan negeri. Jabatan JKKN Kedah atau lain-lain jabatan dan agensi sebagai contoh program Temasya Orang Kedah untuk 2024 yang lalu, Kerajaan Negeri Kedah melalui JKKN Kedah telah menganjurkan pertandingan sepak raga ratus, pertandingan congkak, pertandingan batu seremban. JKKN Kedah juga telah menganjurkan sesi interaktif sukan tradisional seperti congkak, dam haji dan batu seremban di khemah pameran JKKN semasa Program Pesona Langkawi sempena LIMA 2023 di Dataran Lang, Kuah Langkawi. Selain itu, Majlis Bandaraya Alor Setar juga telah menganjurkan karnival sukan yang mengangkat sukan tradisional congkak dan batu seremban bagi menarik minat kakitangan MBAS untuk menjadikan sukan tradisional sebagai salah satu aktiviti mengisi masa lapang. Terima kasih Dato' Bandar, ka tak dak? Ada wakil, setiausaha ada di belakang.

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah juga telah menganjurkan pertandingan sukan tradisional sempena Pesta Buku Kedah pada 25 September 2024 bertempat di Village Mall, Sungai Petani, Kedah. Di samping itu, program sukan tradisional adalah salah satu kategori di bawah Sukan Massa yang juga dilaksanakan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri. Penganjuran program sukan tradisional masih dilaksanakan sepertimana yang baru dilaksanakan di Sintok sempena sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Negeri 2024. Namun demikian, peruntukan yang disediakan oleh kementerian untuk sukan tradisional tidak seperti jumlah peruntukan bagi sukan masa yang lain. Ini berdasarkan kerana sukan tradisional ini tidak termasuk dalam senarai keutamaan seperti senarai sukan masa yang lain. Begitu juga dengan kekerapan perlaksanaan profil program arahan berserta bajet untuk perlaksanaan masih tidak menjadi sukan tradisional sebagai acara yang popular lah.

Namun demikian, pihak kerajaan negeri sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan Jabatan Belia dan Sukan Negeri, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian atau pihak-pihak lain bagi merancang serta melaksanakan program sukan tradisional dengan peruntukan sedia ada dari pihak jabatan serta sokongan kewangan dan pengurusan kerajaan negeri serta tenaga pakar dari Persekutuan sukan tradisional. Semua pihak boleh terlibat untuk merancang bagi merangka satu penganjuran sukan tradisional peringkat negeri dengan melibatkan semua daerah untuk menghantar penyertaan.

YB. TUAN SPEAKER

Satu minit lagi YB.

YB. TUAN HAJI MUHAMMAD RADHI BIN HAJI MAT DIN

Seminit lagi noh! Sat kalau seminit nak pilih-pilih sat. Seterusnya, bagi perancangan ke depan mungkin boleh dipertimbangkan peruntukan ini terserahkan kepada setiap daerah melalui pejabat belia dan sukan dan insyaAllah usaha-usaha ini akan menambahbaikkan lagi, apa merancakkan lagi sukan ini dapat dilaksanakan. Bagi menggalakkan perancangan sukan tradisional juga, boleh dianjurkan dalam segmen pada hari berlangsungnya Hari Sukan Negara di atas kekuatan penglibatan penyertaan yang maksimum pada hari tersebut. Sebenarnya, secara tidak langsung dapat mempromosikan sukan tradisional sebagai sebahagian warisan budaya negeri serta menarik minat generasi muda untuk menjadi sebahagian daripada yang terlibat.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Tuan Speaker, boleh celah sikit?

YB. TUAN SPEAKER

Boleh, sila.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Sedikit pertanyaan saja, berkenaan dengan KDFC. Adakah EXCO Sukan sedar bahawa 30 April ni, jika KDA tidak selesaikan tunggakan sebanyak RM7 juta tu, dia akan disingkirkan dari MFL. So, nak tanya kepada kerajaan negeri. Apakah tindakan pelan kecemasan kerajaan negeri dalam menangani isu KDA ini?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat.

YB. TUAN HAJI MUHAMMAD RADHI BIN HAJI MAT DIN

Saya ingat wakil YB. Bakar Arang dah tanya atau saya ingat ada salah satu daripada depa tu soalan bertulis kan? Tapi apa pun sebab dah ditanya kita jawablah nah. Isu KDA FC seperti yang dimaklum dan saya ingat dalam sesi yang lepas telah juga saya dah bercakap dah tentang suasana ataupun kedudukan KDA FC dengan kerajaan negeri. Tapi apa pun untuk makluman, di pihak kerajaan negeri kita sentiasa memantau dan untuk makluman juga, pihak pembangkang dan Ahli Dewan dalam tempoh semasa nah, dalam tempoh semasa kita sedang membayar untuk membantu KDA FC ini sebanyak hampir RM200 ribu sebulan, KWSP tunggakkan KWSP.

Jadi, itu sebahagian daripada untuk membolehkan pasukan KDA FC bertanding pada tahun ini. Untuk makluman, YB. Bakar Arang, jadi soal pembahagian kedudukan orang kata apa KDA FC dengan KFA dah tidak orang kata kita dah *separate* lama dah. Cuma untuk makluman, saya pun kepil juga di sini nah. Sebab kita selalu ulang bahawa tanggungjawab khususnya isu gaji, isu gaji ini adalah hak kepada *owner* yang mengurus pasukan KDA FC. Sebab itu kita berulang kali tapi soalan-soalan sentiasa bangkit, cuma di sini saya kepilkan dua. Dua daripada Kerajaan Negeri Perak kalau Ahli Yang Berhormat tengok di sini nah. Yang pertama, 2022, kerajaan negeri tidak boleh sewenang-wenang melunaskan tunggakan gaji pemain Perak FC. Ini jawapan daripada MB Perak, 2022 noh. Yang keduanya, yang terbaru pada 21 April 2025 pukul 2.26 pm, 21 bila, kemarin noh. EXCO sukan, gaji Perak FC bukan di bawah kerajaan negeri. Jadi, bukan sekadar menjadi satu kehairanan kepada pihak pembangkang, tapi semuanya dasar ini telah difahami sepenuhnya di semua peringkat di Malaysia.

Jadi, saya ingat bukan satu benda yang pelik. Tapi apapun, di pihak kerajaan negeri sepertimana yang telah YB. Bakar Arang tanya tadi, kita sentiasa peka dan sentiasa memberi bantuan secara tidak formal, tidak secara langsung. Contohnya, di sudut penggunaan infra, stadium. Itu antara bentuk-bentuk yang telah kita sumbang noh. Kadang-kadang ada sampai peringkat kita tak boleh nak *training* ka, so kita sediakan tempat yang itu untuk kemudahan latihan, untuk kemudahan apa perlawanan. Jadi, tak timbul lah kalau kata kerajaan kita tidak membantu, jadi saya menafikan itu. Tapi untuk ke depan, insyaAllah. Saya rasa saya tak boleh kata iya, sebab ini tanggungjawab adalah KDA FC. Dan pihak pentadbiran KDA FC pun tak pernah berjumpa dengan kita untuk mengetahui keadaan sebenar, sebab saya dapat maklumat dalam tempoh yang terdekat ini, kata ada sesetengah pihak yang cuba untuk membantu KDA FC. Jadi, itu adalah urusan KDA FC. Jadi, itulah saya ingat jawapan saya untuk petang ini.

Jadi, pengakhiran saya tentang sukan apa, sukan. Apa dok cakap tadi ni.

YB. TUAN SPEAKER

Panjang lagi ka YB.?

YB. TUAN HAJI MUHAMMAD RADHI BIN HAJI MAT DIN

Dak, nak habis dah nak habis dah.

YB. TUAN SPEAKER

Ha, ok!

YB. TUAN HAJI MUHAMMAD RADHI BIN HAJI MAT DIN

Oh, sukan tradisional ni lah! Yang terdekat ni untuk makluman, YB. Kubang Rotan duk tengok saya, saya akan maklum YB. Kubang Rotan, insyaAllah. Baru ini saya pi rasmi sukan karom Ini adalah antara kerjasama di bawah EXCO Pelancongan, kita jadikan sukan sebagai sukan *sport tourism.* Jadi, kehadiran Alhamdulillah, waktu itu YB. Kubang Rotan duk ada di Kuala Lumpur bersama dengan MATTA dalam program itu. Jadi, saya pergi wakil YB. Kubang Rotan dan kita merasmikan dan kehadirannya Alhamdulillah noh, kehadirannya hampir 700 orang bagi peserta untuk 2 acara beregu dan 1,000. YB. Kubang Rotan kata 1,000 nah. Jadi, itu antara program-program sukan tradisional yang telah kita laksanakan. InsyaAllah bertepatan dengan TMK untuk 2025 ini.

Jadi, yang terakhirnya saya nak jawab berkenaan dengan isu cadangan perahu panjang ini. Saya ingat daripada YB. Anak Bukit noh. YB. Anak Bukit takdak pulak. Untuk makluman, saya dapat selami apa yang ditanya itu, isu berkenaan dengan cadangan perahu panjang ini biasanya kita buat di dalam Alor Setar tu, sempena dengan Hari Keputeraan tu. Tapi kita tak buat lama dah. Tapi untuk makluman, di UniSHAMS dan juga di Pendang. Pendang akan berlangsung, *Dragon Boat* ini pada 17 hingga 18 ni. Jadi, yang tu, tu. Tapi di peringkat kerajaan negeri dan juga di peringkat EXCO, saya ingat kita boleh masukkan, kita mungkin akan ada perbincangan dengan EXCO Pelancongan. Mungkin kita akan adakan semula. Sila-sila! YB. Anak Bukit tengah dok jawab ni! Jadi, kita nak habaq kata akan ada, InsyaAllah. InsyaAllah untuk tahun ini kita akan cuba, kita akan buat perbincangan sebab sukan ni dah lama kita dah tak mainkan dan insyaAllah kita akan cuba bertanding dan kita yakin sambutan daripada sungai, sambutan daripada ahli-ahli yang terlibat dalam sukan ni, ramai. Dan sambutannya memang meriah noh. Jadi, saya ingat tak terbabitlah dengan isu-isu sungai banjir tu tak terbabit insyaAllah. Kita kayuh pun tak sampai air tak keluar ke kampung-kampung lah, insyaAllah. Jadi…

YB. TUAN SPEAKER

Panjang lagi YB.?

YB. TUAN HAJI MUHAMMAD RADHI BIN HAJI MAT DIN

Baik, baik. Sebagai penutup lah. Untuk hari ni, saya ucap terima kasih semua. Dalam usaha untuk memacu negeri ke arah kemajuan dan kemakmuran pihak kerajaan negeri yang dimimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sentiasa bersiap siaga dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik meliputi pelbagai aspek, termasuklah dalam hal ehwal kos sara hidup rakyat, pembangunan infra, kebajikan

serta pelbagai isu-isu yang berkaitan. Oleh yang demikian, pelbagai rangka strategi dan kaedah akan dan telah dilaksanakan bagi menangani masalah sekaligus merealisasikan hasrat yang terbaik untuk kesejahteraan dan kemakmuran rakyat. Ucapan terima kasih semua kepada agensi yang terlibat dalam membantu khususnya dalam bidang sukan seperti Majlis Sukan Negeri Kedah, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kedah, PKNK, MBAS dan semua pihak-pihak yang tak dapat saya sebut di sini.

Negeri Kedah ini bukan sekadar tanah tumpah darah. Ia adalah warisan hati, tempat kita membesar dan tanah yang akan mewariskan kita kepada sejarah. Maka jadilah rakyat yang cinta akan negeri bukan hanya dengan kata tapi dengan tindakan dan pengorbanan.

Akhir kata, sebelum saya menamatkan penggulungan, saya dengan penuh takzim menjunjung kasih dan menyokong sepenuhnya titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Tuanku Sultan Negeri Kedah Darul Aman. Wallahualam, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat Alor Mengkudu. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Kubang Rotan.

YB. DATO' HAJI MOHD SALLEH BIN SAIDIN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Alhamdulillahirrahhirabila'lamin Wassolatu' Wassalamu' Ala Asyrafil Anbiya'I Wal Mursalin, Waa Ala Alihi Wa Sahbihi Ajma'in.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, Yang Berhormat Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri, Perancang Undang-Undang Negeri, Ketua-Ketua Jabatan, seterusnya, hadirin yang saya hormati sekalian.

Kedah dengan modal alam semula jadinya yang cantik dan unik akan menggabungkan teknologi tinggi dalam pelancongan hijau. Akan ada Eco Resort Pintar, *AI Tour Guide*, *Drone View Tour*, dan Realiti Maya untuk tapak-tapak bersejarah. *Immersive Heritage Experience* akan menjadi perkara biasa. Pasang saja headset, pelancong dan pelawat akan terus hidup misalnya semasa era kegemilangan Kerajaan Kedah Tua.

Langkawi akan menjadi *Smart Island* sehebat Bali dan Phuket atau lebih hebat lagi dan ia bukan lagi pulau yang biasa-biasa tetapi berasas Hi-Tech Eco dengan pengangkutan mesra alam, kereta terbang, sistem solar seluruh pulau, resort-resort pintar dan hotel bawah air dan tidak ada lagi masalah feri lambat, feri itu, feri ini. YB. Kuah tengok saya, bulat biji mata! Itu bukanlah petikan daripada mana-mana cerita *science fiction*.

Bukan juga ramalan oleh mana-mana pawang dan dukun. Ia juga khayalan atau angan-angan saya. Sebaliknya, itulah gambaran yang diberi oleh *Chatgpt* apabila diminta menggambarkan keadaan pelancongan di Kedah 25 tahun yang akan datang. Dia jawab panjang lebar tapi saya ambil sikit sahaja. Saya ambil 25 tahun itu, insya Allah 25 tahun lagi saya boleh rasa. Kalau 50 tahun lagi, saya tak tahulah.

Apa yang digambarkan oleh *Chatgpt* itu sesungguhnya adalah manifestasi harapan saya dan saya yakin harapan kita semua walaupun sukar untuk kita bayangkan bagaimana konsep dan bentuk pelancongan pada masa hadapan, namun asas dan paksinya tetap satu. Iaitu kita mahu melihat Kedah berada dalam senarai teratas dalam senarai destinasi pelancongan berkelas dunia dan Tahun Melawat Kedah 2025, TMK 2025 adalah pembuka jalan ke arah laluan itu. Saya katakan demikian kerana dalam sejarah sektor pelancongan di Negeri Kedah. Inilah julung-julung kalinya kerajaan negeri mempromosikan negeri ini secara begitu bersungguh-sungguh, sebagai destinasi pelancongan. Memang benar, pada tahun 2016 pernah dilancarkan Program Tahun Melawat Kedah. Ia tidak gagal, cuma skalanya lebih kecil dan pelaksanaannya dipengaruhi oleh beberapa faktor semasa ketika itu.

Kini dalam iklim sosiopolitik yang lebih baik, di bawah kestabilan kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, di bawah teguhnya kerjasama Perikatan Nasional, Alhamdulillah kita diberikan oleh Allah SWT ilham dan kesempatan untuk menggerakkan semula agenda Tahun Melawat Kedah. Dan insyaAllah seperti mana yang saya pernah tegaskan di Dewan ini pada penggal yang lalu. Dan dalam bentuk ucapan serta kenyataan lain, peluang ini kita akan manfaatkannya dengan sebaik-baiknya.

Yang Berhormat Speaker dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum meneruskan penggulungan ini, izinkan saya merafak sembah dan menyunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Darul Aman yang dalam titah ucapan baginda sempena Istiadat Perasmian Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Kedah yang ke-15 yang mahukan TMK 2025 menjadi platform terbaik untuk meletakkan Negeri Kedah sebagai destinasi pelancongan utama negara kita ini.

Dalam titah ucapan itu, baginda turut menggesa agar produk pelancongan sama ada di Tanah Besar ataupun di Langkawi ditambah baik dan dinaik taraf di samping mengenal pasti produk-produk pelancongan baru untuk diperkenalkan serta memperkasakan jaringan perhubungan dan pengangkutan terutamanya perkhidmatan feri ke Pulau Langkawi.

Perkara lain yang disentuh oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku ialah perlunya Tamadun Kedah Tua ditonjolkan sebagai produk pelancongan yang mempunyai nilai peradaban yang tinggi. Terutamanya dari segi kemajuan teknologi, kebudayaan dan perdagangan antarabangsa sehingga membawa kepada kegemilangan warisan tamadun yang bertunjangkan agama Islam. Sesungguhnya, keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku itu, merupakan pendorong dan pembakar semangat untuk pihak saya menggandakan lagi usaha bagi memastikan sektor pelancongan di Kedah ini benar-benar bersemarak sebagaimana yang dihasratkan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, semenjak melangkah masuk ke tahun 2025, usaha untuk menjayakan TMK 2025 berjalan pantas tanpa mengenal koma dan titik, apa juga yang telah dirancang dan dimulakan sejak pelancarannya pada Ogos tahun lepas, diteruskan dengan fokus yang jelas iaitu untuk terus menambahkan kegemilangan Pulau Langkawi dan menggilap segala potensi yang ada di Tanah Besar ini. Alhamdulillah, sepanjang tempoh 4 bulan pertama ini boleh dikatakan setiap minggu ada sahaja program yang mempunyai hubung kait dengan TMK 2025. Skalanya mungkin berbeza-beza, ada yang kecil dan ada yang besar. Namun, kesemuanya bergerak atas teras yang sama, atas nama “Experience Kedah” Frasa yang menjadi tema TMK 2025, frasa yang ingin kita sematkan dalam minda dan dalam hati sanubari setiap pelancong dan pelawat ke negeri ini.

Hampir setiap hari juga, saya bertemu dengan pihak-pihak yang berminat untuk membantu menjayakan TMK 2025, sama ada melalui penganjuran acara, mempromosi produk sedia ada, mengangkat produk baru dan sebagainya. Permohonan-permohonan secara rasmi ataupun tidak, juga tidak terkira banyaknya. Bagi saya, semua ini adalah petunjuk positif bahawa TMK 2025 telah mencapai sebahagian daripada matlamatnya. Minat yang ditunjukkan itu membuktikan ia berjaya mencetuskan fenomena di kalangan pemain-pemain industri dan orang ramai. Apatah lagi apabila di sana sini orang mula bercakap mengenainya.

Semua itu bukanlah usaha pihak saya bersendirian. Sebaliknya hasil daripada komitmen secara kolektif oleh pelbagai pihak daripada pucuk pimpinan kerajaan negeri, sahabat-sahabat para YB. di Dewan ini termasuk rakan-rakan di barisan pembangkang, jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan, pihak swasta,

NGO-NGO, orang perseorangan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan industri ini. Apakah perkataan yang lebih baik untuk saya ucapkan atas segala sumbangan dan kerjasama yang diberikan, melainkan setinggi-tinggi perhargaan dan juga jutaan terima kasih saya ucapkan.

Barangkali perlu saya maklumkan kepada Dewan Yang Mulia ini, bahawa selain memberi tumpuan kepada mempromosi destinasi-destinasi pelancongan sedia popular dan destinasi-destinasi baru yang berpotensi, kita juga memberi tumpuan pada segmen pelancongan acara, kerana ia merupakan kaedah yang berkesan untuk menarik kehadiran pelancong dan pelawat. Itulah sebabnya kita menyenaraikan sebanyak 170 acara dalam kalendar acara penganjuran Tahun Melawat Kedah 2025. Kita juga berusaha memperlebagaikan acara-acara ini seperti yang menepati kehendak semua peringkat khalayak, bukannya terbatas kepada kumpulan tertentu sahaja. Ini termasuklah memberikan penekanan terhadap segmen-segmen contohnya yang berteraskan agama, pendidikan dan kesukanan. Sebagai contoh, sepanjang bulan Ramadhan lalu, sebagaimana disebut oleh YB. Pantai Merdeka, kita berjaya menganjurkan program “Iftar Perdana Experience Kedah 2025” dengan kerjasama Yayasan Islam Negeri Kedah bertempat di Dataran Medan Bandar Alor Setar. Selama empat Jumaat berturut-turut program itu diadakan dan ianya berjaya menarik ribuan orang ramai dengan jumlahnya meningkat dari seminggu ke minggu, dari minggu ke minggu.

Keadaan itu bukan sahaja mendorong pihak saya berhasrat untuk mengadakan lagi program yang sama pada tahun hadapan, malah jika boleh mahu melihat ia diadakan di setiap bandar-bandar utama dalam Negeri Kedah kita ini. Program itu juga menginspirasikan saya, untuk melihat masjid-masjid di seluruh Kedah ini menjadi hub komuniti di mana hub itu sendiri nanti boleh diangkat sebagai satu sumber daya pelancongan. Alangkah manisnya jika pelancong dan pelawat dapat menimba sebahagian daripada Experience Kedah itu, dengan melihat dari dekat akrabnya hubungan komuniti kita di Negeri Kedah ini dengan masjid. Mungkin sahabat saya, YB. Sungai Limau boleh tengok-tengokkan perkara ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada banyak lagi yang hendak saya kongsikan tentang apa yang telah, sedang, dan akan pihak saya buat. Walau bagaimanapun saya nak bagi laluan kepada diri sendiri untuk menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh sahabat-sahabat kita semasa sesi perbahasan. Pertamanya, mengenai saranan sahabat saya dari YB. Bayu, yang berpandangan bahawa pelepasan benih ikan ke sungai ini bukan sahaja dapat membekalkan sumber makanan, tetapi juga apabila sungai bersih dan terkawal ianya berpotensi menjadi salah satu produk pelancongan yang dapat menarik minat pelancong.

Saranan YB. Bayu itu bertepatan dengan usaha kerajaan negeri sekarang, yang sedang meneliti beberapa kawasan sungai yang sesuai untuk dibangunkan aktiviti pelancongan seperti *river cruise*, berkayak, memancing dan juga tapak rekreasi keluarga. Kita juga sedang menggalakkan penglibatan komuniti tempatan untuk terlibat secara langsung contohnya melalui *homestay*, penyediaan makanan tradisional dan jualan produk tempatan. Bayangkanlah kalau benih-benih ikan yang

YB. Bayu cadangkan itu, membesar dan hidup subur tentu ia boleh menjadi sumber baru yang boleh diketengahkan kepada pelancong dan pada masa yang sama dapat menambah sumber pendapatan penduduk setempat.

Untuk makluman, pada masa yang sama kita juga akan terus bekerjasama dengan agensi berkaitan seperti JPS, pihak berkuasa tempatan dan juga NGO untuk memastikan aspek kebersihan, keselamatan dan kelestarian sungai sentiasa terjaga. InsyaAllah, sungai di Kedah bukan sahaja menjadi tempat riadah, tapi juga mampu menjadi tarikan pelancong yang membawa manfaat ekonomi kepada rakyat di negeri ini. Cadangan Yang Berhormat Kuah, supaya ditubuhkan jawatankuasa pelaksana TMK 2025 di peringkat Pulau Langkawi juga, saya ambil perhatian dan amat dialu-alukan. Begitu juga dengan saranan supaya kerajaan negeri menyediakan perkhidmatan feri bagi mengatasi masalah pengangkutan ke Pulau Langkawi. Saya mengambil maklum cadangan itu dan melihat kewajaran ia diberikan pertimbangan. Walau bagaimanapun, banyak perkara yang perlu diambil kira.

YB. Kuah sendiri sedia maklum bahawa suatu masa dahulu pihak LADA pernah mengadakan perkhidmatan feri dengan harapan ia akan meningkatkan keupayaan sektor pelancongan dan memudahkan pergerakan penduduk setempat. Walau bagaimanapun, projek tersebut tidak mencapai matlamat yang disasarkan, apabila feri-feri yang dibeli, gagal beroperasi secara optimum dan berterusan. Beberapa isu teknikal serta kelemahan dalam aspek penyelenggaraan dan pengurusan operasi telah menyebabkan feri-feri tersebut tidak dapat digunakan seperti yang dirancang. Akibatnya, pelaburan yang dibuat, tidak memberikan pulangan yang sewajarnya kepada agensi dan telah menimbulkan implikasi kewangan serta reputasi kepada pihak LADA dan anak-anak syarikatnya. Sahabat kita dari YB. Bakar Arang juga senada dengan YB. Kuah, yang mencadangkan supaya diwujudkan penerbangan terus dari Alor Setar ke Langkawi. Dan saya bersetuju dengan YB. Bakar Arang bahawa kewujudan perkhidmatan itu akan membolehkan Alor Setar menjadi *stopover* kepada pelancong dan pelawat, bukannya setakat laluan untuk ke Langkawi.

Secara umumnya, kerajaan negeri menyambut baik cadangan itu dan sebarang cadangan yang bertujuan memperluas aksesibiliti ke destinasi pelancongan utama, khususnya Langkawi yang merupakan ekonomi pelancongan bertaraf antarabangsa. Walau bagaimanapun, perlu diambil maklum bahawa jarak antara Alor Setar dan Langkawi ini yang sekitar 100 km sahaja, menjadikan laluan ini kurang kompetitif dari segi operasi penerbangan komersial berbanding laluan darat yang sedia ada. Namun begitu, Kerajaan Negeri Kedah melalui portfolio pelancongan bersedia untuk berbincang lebih lanjut dengan pihak Kementerian Pengangkutan, *Malaysia Airport Holding Berhad* dan syarikat penerbangan bagi menjalankan kajian kebolehlaksanaan laluan ini.

Terima kasih kepada YB. Bakar Arang atas cadangan konstruktif ini dan sekali lagi memberi jaminan bahawa perkara ini akan diteliti dengan sewajarnya demi manfaat bersama rakyat dan pembangunan negeri. Saya juga berterima kasih atas saranan Yang Berhormat Gurun supaya infrastruktur di Gunung Jerai terus ditambah baik agar menarik lebih ramai lagi pelancong. Seperti yang pernah dimaklumkan di Dewan ini pada November lalu, Kerajaan Negeri melalui PKNK telah menaik taraf kemudahan-kemudahan yang terdapat di Gunung Jerai, antaranya dengan penambahan tempat letak kereta, penurapan jalan ke kawasan resort, menaik taraf tandas awam, menyediakan tandas untuk OKU, selain menaik taraf kemudahan letak kereta dan perkhidmatan di kaki gunung tersebut.

InsyaAllah kerja-kerja penambahbaikkan lain akan terus dilakukan secara berterusan berdasarkan keperluan dan tentunya juga kemampuan. Kepada sahabat saya dari YB. Pantai Merdeka, terima kasih atas perhatian dan keprihatinan terhadap tapak Sejarah Sungai Batu, sebuah khazanah ekologi yang bukan sahaja penting bagi Kedah, tetapi juga bagi sejarah termadun dunia. Ia merupakan warisan sejarah kita yang amat berharga. Namun begitu, sebagai mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kita berdepan cabaran dari segi menjadikan tapak ini sebagai lokasi pelancongan ekologi yang aktif dan mampan. Sebagai maklum balas kepada isu yang dibangkitkan, kerajaan negeri akan mengambil beberapa langkah strategik, bagi memastikan Sungai Batu tidak hanya dilawati oleh penyelidik, tetapi juga oleh pelancong umum dan pelajar. Antara langkah yang sedang dan akan dilaksanakan termasuk, mewujudkan pusat interprestasi Sungai Batu, memperkenalkan pakej lawatan edu pelancongan, meningkatkan infrastruktur sokongan, mengadakan festival warisan Sungai Batu secara tahunan dengan penglibatan komuniti setempat, aktiviti kebudayaan, persembahan sejarah dan jualan produk tempatan yang boleh memeriahkan kawasan ini dan menarik kunjungan berulang.

Kerajaan negeri juga sedang berusaha mendapatkan perakuan tapak warisan dunia UNESCO untuk komplek ekologi Lembah Bujang secara keteruhan, termasuklah Sungai Batu sebagai komponen utama. Ini akan meningkatkan nilai tapak ini di peringkat antarabangsa sekaligus membawa limpan pelancong dan penyelidik dari seluruh dunia.

YB. TUAN SPEAKER

Yang Berhormat Kubang Rotan, laju sangat tu. Ada 10 minit lagi.

YB. DATO' HAJI MOHD SALLEH BIN SAIDIN

Ya, biasanya dok buat slow tu takdan perabih, tulis teruk ni. Kami percaya dengan strategi promosi yang berterusan, sokongan komuniti setempat dan usaha pemeliharaan yang serius, Sungai Batu akan menjadi satu daripada permata pelancongan sejarah Kedah yang mampu menjana manfaat ekonomi, pendidikan dan identiti negeri.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga ingin berkongsi dengan Dewan Yang Mulia ini beberapa perkembangan mutakhir dalam usaha kita untuk menjayakan TMK 2025. Pertama, kita dalam proses untuk mewujudkan sebatang jalan yang akan dikenali sebagai Jalan Pelancongan. Jalan ini akan berupa laluan pelancongan rasmi yang menghubungkan lokasi-lokasi menarik untuk memberikan maklumat dan pengalaman terancang dan menyeluruh kepada masyarakat setempat dan juga pelancong. Jalan yang dicadangkan akan bermula dari Jalan Anak Bukit berhadapan Wisma Daru Aman dan berakhir di Maktab Mahmud di Jalan Pegawai atau sekarang ini dikenali sebagai Persiaran Sultan Abdul Hamid. Anggarannya 5.2km, kerana di sekitar laluan ini terdapat lebih 14 tempat-tempat yang menjadi tarikan pelancong. Kita juga pada masa ini sedang dalam proses membangunkan sebuah destinasi pelancongan baru iaitu kawasan tepi laut Padang Garam….

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kubang Rotan…YB. Bayu…

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

YB. Kubang Rotan, sahabat. Sahabatku YB. Kubang Rotan. Minta laluan sat nah.

YB. TUAN SPEAKER

Bagi laluan dekat dia. Silakan.

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Yang pertama saya nak ucap tahniah terima kasih banyaklah di atas YB. Kubang Rotan yang memberi perhatian terhadap cadangan yang saya berkenaan ikan tu. Yang kedua, saya nak minta kalau boleh sebab kita ada perancangan untuk buka nak pintu sepadan. Kena masuk Perlis, perlu pintu sempadan la. Pintu sempadan tu kalua jadi sebab kami di peringkat Dun Bayu, itu kawasan-kawasan ekopelancongan. Kalau boleh saya minta YB. Kubang Rotan, beri perhatian kepada produk-produk baru di Dun Bayu dan juga Dun Belantik, sahabat saya. Sebab akan menjadi, jikalau menjadi kenyataan pintu sempadan itu dibuka, kita boleh tarik pelancong daripada Thailand masuk ke sini sempena tahun melawat. Hat keluar tak keluar, kita ada cara untuk nak sekat itu. InsyaAllah.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan, Yang Berhormat Kubang Rotan…

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Speaker... YB. Tuan Speaker, sebelum apa…

YB. TUAN SPEAKER

YB. Tokai.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Sebelum EXCO meneruskan apa ucapan, dan Speaker kata terlalu laju, nak pergi slow sikit la nah. Tadi sebut tentang Kedah Tua, saya cukup minat, saya dok *run on* apa YouTube taksat ini, dia tunjuk sejarah apa Kedah Tua dan juga gambaran-gambaran apa sejarah Kedah Tua tu. Jadi kalau sekiranya kita mempunyai apa teknologi komputer yang ada audio visual, sama ada di YouTube ini seterusnya ataupun di tempat tu sendiri, daripada sejarah permulaan 2,700 tahun sebelum itu,

sampailah apa kita kata mencapai kemerdekaan dan juga teknologi terkini kita gunakan untuk membangunkan apa pembangunan secara komputerized di sejarah Kedah Tua di Sungai Batu ini. Saya rasa itu akan menarik minat kepada pelancong-pelancong di luar untuk sampai ke situ. Terima kasih.

YB. DATO' HAJI MOHD SALLEH BIN SAIDIN

Baik

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat EXCO.

YB. DATO' HAJI MOHD SALLEH BIN SAIDIN

Baik, terima kasih. Yang Berhormat Tuan Speaker, itu pasal saya sangat laju. Biasanya saya tak habis saya punya baca ni, sebab nanti kawan-kawan akan, akan mencelah. Baik, saya nak jawab kepada YB. Bayu insyaAllah. Kerajaan negeri sentiasa aktif, sentiasa orang kata menggalakkan wujudnya produk-produk baru dalam negeri Kedah kita ini, termasuklah di DUN Bayu. Bayu ni berada dalam Baling. Banyak produk-produk pelancongan berasaskan orang kata ekopelancongan diwujudkan di Daerah Baling ni. Terima kasih lah kepada semua orang Baling. Jadi, saya sentiasa mengalu-alukan sekiranya boleh jumpa dengan yang pertamanya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan juga Kedah *tourism*. Duduk bersama bagi membincang untuk terus mempromosikan. Kalau ada peluang untuk kita membantu segi peruntukan, insyaAllah kita akan bantu. Sebab kita galakkan, untuk kita sama-sama bangunkan produk pelancongan dalam negeri Kedah kita ini. Tak tinggal yang ada saja, nak juga yang baru. Itu yang pertama.

Berbalik kepada YB. Tokai, saya boleh jawab macam ni, dalam masa dekat ni, pihak saya akan berjumpa dengan Jabatan Warisan. Mungkin ada benda-benda ataupun perkhabaran baru, yang akan diumumkan. Bukan masa la, saya tak boleh umum lagi. Sebabnya, sekarang ini insyaAllah Jabatan Warisan sendiri dalam usaha bersama-sama Kerajaan Negeri untuk membangunkan secara serius Sungai Batu ini. Walau bagaimanapun, apa yang ada pada sekarang ini sebelum ni kita Sungai Batu ini dibantu oleh satu persatuan, persatuan. Tapi baru-baru ini, mereka ditimpa kemalangan apabila ribut dan sebagainya ini habis semua. Mereka punya khemah dan sebagainya, rosak. Jadi pun, saya nak usaha untuk membantu mereka. Itulah serba sikit serba halangan. Kadang-kadang ada beberapa perkara yang kita tiap-tiap selesaikan benda tu dalam masa sekelip mata. Makan masa.

Apapun, saya sambut baik saranan YB. Tokai. Saya sambut baik saranan daripada YB. Bayu. InsyaAllah kita buat yang terbaik lah untuk *set-up* pelancongan dalam Kedah dah kita ini. Nak sambung sikit?...

YB. TUAN SPEAKER

3 minit YB.

YB. DATO' HAJI MOHD SALLEH BIN SAIDIN

Ha, tu dia. Keh tu, dok pederas tu. Habis la, 3 minit terus jadi jem. Jem. Okey. Okey, sekali lagi saya ulang balik lah. Kita juga pada masa ini sedang dalam proses membangunkan sebuah destinasi pelancongan baru iaitu kawasan tepi laut Padang Garam, di Kuala Kedah. Ia sebuah kawasan yang menarik dan berpotensi bukan sahaja untuk aktiviti riadah warga setempat, tetapi juga untuk mengundang kehadiran pelancong dan pelawat. Setakat ini, pembangunan fasa pertamanya telahpun siap dilaksana dan telah mula menjadi tumpuan umum. InsyaAllah kita berharap pembangunan bagi fasa berikutnya akan dapat dimulakan tidak lama lagi.

Di Gunung Keriang ada *lift* tetapi telah sekian lama tersadai. Alhamdulillah, kita telah berusaha mendapatkan peruntukan dan telahpun diluluskan untuk membolehkan *lift* itu beroperasi semula. Kita berharap juga usaha ini akan disambut oleh pihak-pihak lain termasuklah daripada Majlis Bandaraya Alor Setar, bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif dan suasana yang meransang kehadiran pelancong dan juga pelawat ke daerah itu.

Usaha menaik taraf bagi mencantikkan lagi Jambatan Tok Pasai yang merupakan ekon Kuala Kedah juga telah berjalan di satu peringkat, di mana ia kini dimandikan dengan cahaya pada setiap malam. Akan menyusul nanti adalah langkah penambahbaikkan peringkat seterusnya. Sementara itu di Pulau Langkawi, pihak saya sedang mengusahakan sebuah dataran khusus untuk menempatkan para peniaga bagi tujuan memberi nilai tambah kepada sektor pelancongan di pulau itu. Ini yang saya maksudkan tadi di Pekan Kuah.

Demikianlah, seperti yang saya katakan awal-awal tadi kita tidak pernah berhenti dalam usaha memberikan yang terbaik kepada TMK 2025 khususnya dan sektor pelancongan di Kedah ini umumnya. Dalam menggerakkan semua usaha itu, Kerajaan Negeri tetap memberi penekanan terhadap aspek perniagaan alam sekitar dan kelestariannya. Kita tidak mahu hanya memberi fokus pada menarik sesetengah pelancong namun pada masa yang sama membiarkan rumah kita berkeadaan bersepah dan tidak terurus.

Sebab itulah, pada penghujung tahun lepas kita lancarkan program 'Gotong Royong Perdana' yang melibatkan semua Dun di seluruh negeri. Sebab itu juga di kawasan saya sendiri aktiviti-aktiviti gotong royong kerap diadakan. Mesej kita jelas, iaitu untuk mewujudkan persekitaran yang bersih dan lestari. Sambil pada masa yang sama menegakkan semula tradisi gotong royong yang menjadi sebahagian daripada warisan kita. Sebagaimana tahun lalu, tahun ini juga saya menetapkan harapan yang sama, jika boleh biarlah pelancong datang semula ke negeri kita kena terpukau dengan kebersihannya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebagaimana yang dimaklumkan oleh Dewan ini peruntukan untuk promosi TMK 2025 adalah sebanyak 3 juta sahaja. Ada juga suara-suara nakal yang bertanya saya cukupkah peruntukan sebanyak itu? Jawapannya mudah. Yang menentukan cukup atau tidak bukanlah jumlah peruntukan itu semata-mata, tetapi bagaimana kita menggunakannya. Saya suka melihat perkara ini daripada perspektif orang berniaga kerana saya ada sedikit pengalaman dalam perniagaan ini walaupun sekadar perniagaan kecil-kecilan. Di samping itu, kerana usahawan juga di bawah portfolio saya maka saya nak jadikan ia sebagai sedikit motivasi kepada usahawan-usahawan muda dan bakal usahawan-usahawan di luar sana. Ingatlah duit ini sebenarnya berhantu. Sebab itu selalunya, semakin banyak kita dapat semakin kita rasa sedikit. Bawa mai banyak mana pun duit dok rasa tak cukup situ lah YB. Tuan Speaker.

Dalam hal peruntukan ini, perkara yang paling penting kita ambil kira adalah mengukur baju di badan sendiri. Tidak kira sebesar mana pun keperluan kita mesti sesuaikan dengan kemampuan. Kena ingat kejayaan tidak diukur dengan berapa banyak modal yang dilabur, tetapi dengan keupayaan kita mengembangkan modal itu. Dengan peruntukan yang terhad, kita akan lebih cermat dan lebih berhemat. Saya cakap ni ikhlas ni YB. Tuan Speaker. Tak nak lah setakat ni makan diri mai budget hujung tahun ni.

YB. TUAN SPEAKER

Masa kecederaan dah.

YB. DATO' HAJI MOHD SALLEH BIN SAIDIN

Okay! saya juga berulang alik ke MOTAC bagi mendapatkan peruntukan tambahan. Alhamdulillah usaha itu berjaya apabila kita diberi peruntukan sebanyak RM1 juta. Selain peruntukan menambah baik pulih produk yang memerlukan penambahbaikan dan sampai ke peringkat ini usaha untuk mendapatkan peruntukan seterusnya terus berjalan.

Terima kasih saya ucapkan kepada pihak MOTAC atas kerjasama, atas sokongan, atas peruntukan yang telah diberikan kepada negeri Kedah. Ahli-ahli Yang Berhormat, apa yang sedang berlangsung sekarang sesungguhnya hanyalah permulaan. Seperti saya sebutkan tadi ini merupakan kali pertama kita mempromosikan sektor pelancongan di Kedah ini terutamanya di Tanah Besar secara *all out*. Kelemahan dan kekurangan tentunya ada namun kita sentiasa berusaha melakukan yang terbaik.

Saya dan rakan-rakan dalam pasukan saya tidak ada lampu aladin atau cincin hikmat. Yang kami ada hanya niat yang ikhlas, matlamat yang jelas, dan usaha yang bersungguh-sungguh untuk memajukan industri ini. Kami mungkin tidak boleh menunjukkan hasilnya secara mengejut dan dengan mendadak kerana tahun ini hanya tahun permula. Dengan segala kudrat yang ada kami fokuskan semua usaha demi pelancongan di negeri tercinta, semoga masyhurnya ke merata dunia. Insya Allah, hasil sebenar akan dapat dilihat dalam masa-masa mendatang dan saya yakin Kedah akan dapat mengiringi negara dalam menjayakan Tahun Melawat Malaysia 2026 nanti dengan langkah yang bergaya. Tetapi, pra-syaratnya bagi semua itu adalah kerjasama dan sokongan berterusan daripada semua pihak. Kata pantun orang tua-tua…

Kalau Rotan Sudah Diikat Kuat Dan Kukuh,
Tidak Akan Patah,
Kerja Bersama Membawa Berkat,
Segala Yang Susah Menjadi Mudah.

Akhir sekali, saya dengan ini menyokong dan menjunjung titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Sekian Wa Bilahi Taufiq Wahidayah. Wassalamualaikum Wa Rahmatullahi Wa Barakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih yang berhormat YB. Kubang Rotan.

Seterusnya yang berhormat YB. Suka Menanti. Dipersilakan. Kita akan tamat 4.30 petang Yang Berhormat.

YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN AB. GHANI

InsyaAllah. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi bin Md Nor, Menteri Besar Kedah, Yang Berhormat Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Dato' Wira Pegawai Kewangan Negeri, Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah, dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kedah. Ketua-ketua jabatan kerajaan Persekutuan dan Negeri, barisan pengamal media cetak dan media elektronik, Ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian. Terlebih dahulu kita panjatkan kesyukuran terhadap Allah SWT kerana kita diberi kesempatan untuk bersama-sama berkumpu di dalam Dewan Yang Mulia ini sekali lagi untuk membawa amanah dan tanggungjawab dari rakyat negeri Kedah kepada kita semua.

Buah Di Gurun Buah Pelaga Buah Berangan,
Boleh Tanam Di Samping Padi,
Mai Kita Jangan Dok Berangan,
Kita Buat Sampai Jadi.

InsyaAllah. Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Negeri Kedah merupakan sebuah negeri yang unik. Kaya dengan berbagai sektor-sektor yang menyumbang kepada perhasilan ekonomi kepada negeri. Di antara sektor ekonomi yang sejak sekian lama menjadi penyumbang kepada negeri ialah sektor pertanian. Sektor pertanian yang utama negeri Kedah ialah pengeluaran beras yang menjadi teras dan asas keselamatan atau *security* makanan negeri serta negara. Ianya membawa maksud yang mendalam dan perlu diberi perhatian serta difahami dengan baik oleh semua pihak. Sektor-sektor padi dan beras adalah merupakan tanggungjawab bersama di antara negeri dan Persekutuan. Peranan dan kebersamaan di antara pihak swasta juga adalah sangat perlu bagi memastikan isu berkaitan keselamatan makanan terutama yang beras, adalah berada di tahap yang tidak membimbangkan rakyat keseluruhannya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah, berkenaan peranan hakiki setiap Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu dalam melaksanakan semak dan imbang dalam pentadbiran kerajaan ini, kami di pihak Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sentiasa terbuka untuk bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dalam mendepani apa jua permasalahan, mendengar pandangan, dan kritikan yang membina demi kepentingan rakyat tanpa mengira latar belakang politik.

Patik juga menjunjung kasih di atas keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku ke atas sektor pertanian dan seluruh masyarakat petani dan pesawah, penternak di seluruh negeri Kedah ini.

Di antara lain yang dititah oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku ialah perkenaan sokongan terhadap padi lima kali dua tahun. Berikut ialah pelan projek padi lima kali dalam tempoh dua tahun. Bagi Jabatan MADA Dalam Jelapang, projek penanaman padi lima kali dua tahun telah dilaksanakan pada tahun 2023 di kawasan sawah seluas 169.2 hektar, yang melibatkan seramai 111 orang pesawah. Lokasi yang terlibat adalah Kampung Titi Gajah A, Titi Baru.

Direkodkan bahawa purata hasil tuaian, keseluruhan projek bagi musim tambahan tersebut adalah pada 4.39 tan per hektar. Pencapaian musim tambahan ini telah meningkat sebanyak 5.8% berbanding purata hasil dua musim sebelumnya hanya pada kadar 4.15 tan per hektar sahaja. Projek SMART SBB bersama Syarikat Advansia Sdn. Bhd. dilaksanakan di lima lokasi iaitu Tempayan Pecah (PPK F-II Jerlun), Sungai Baru Tengah (PPK I-II Kuala Sungai), Kuala Sungai (PPK I-II Kuala Sungai), Lubuk Pinang (PPK C-II Kerpan) dan Kangkong (PPK C-IV Kangkong) dengan jumlah keluasan 74.61 hektar. Purata hasil yang dipenuhi bagi musim 2 2022 dan musim 1 2023 masing-masing adalah 6.06 tan per hektar dan 6.60 tan per hektar. Projek SMART SBB ala Sekinchan, InsyaAllah Yang Amat Berhormat, kita buat lepas ini ala Kedah. Pihak MADA telah menjalankan projek ini di kawasan Tok Mengkula (Kerpan), Gulau (Titi Haji Idris), Batu 17 (Sungai Limau Dalam) dan Batu 17 (Guar Chempedak) dengan keluasan berjumlah 127.181 hektar. Projek ini mula dilaksanakan pada musim 2, tahun 2023 dengan kerjasama PLS Marketing Sdn Bhd.

Bagi pihak Jabatan Pertanian Negeri Kedah iaitu kawasan di luar jelapang, projek padi lima musim 2 tahun, projek kelompok padi Kampung Rantau Panjang seluas 110 hektar dan melibatkan 105 orang petani dalam kawasan Skim JPS Kota 2. Dalam bulan Januari hingga Mac pihak Jabatan Pertanian telah menaik taraf kemudahan yang sedia ada dan bina baru bagi sistem pengairan dan saliran serta menjalankan perataan tanah sawah supaya memberikan kemudahan dan kelancaran untuk menjayakan pelaksanaan projek tersebut.

Bagi penanaman musim 5 kali 2 tahun, dimulakan dalam bulan April 2023, dituai dalam bulan August 2023, hasil keseluruhan 588,111 kilogram. Nilai hasil hampir 1 juta, potensi hasil 5,346 tan per hektar. Kurang lebih ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, perancangan di pihak jawatankuasa Pertanian Negeri Kedah untuk mewujudkan kawasan bagi tujuan penyelidikan berkaitan padi, sedang berjalan di kawasan seluas 20.5 hektar di Kampung Sungai Mati Tobiar, Pendang serta di beberapa kawasan terbiar lain yang mendapat sokongan dan usaha sama penduduk tempatan.

Terdapat beberapa syarikat swasta dan GLC yang mengujikaji produk berkaitan pertanian di tapak-tapak tersebut. Antaranya Malaysian NPK Fertilizer NAFAS, Eco Way Organic dan Syarikat Racun Bayer.

Tujuan diadakan *test plot,* ataupun tapak ujian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti teknologi dan cara pertanianan yang terkini yang dapat dikongsi bersama-sama petani dan pesawah kita semua. Berhubung titah Kebawah Duli… (YB. Tokai minta laluan)

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

YB. Tuan Speaker? Tuan Speaker?

YB. TUAN SPEAKER

Teruskan.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih Tuan Speaker, YB. Suka Menanti, bila sebut Sungai Mati itu saya ter ter tergerak sebab Sungai Mati ini adalah kawasan banjir setahun 3 kali 4 kali macam itu nah, jadi apakah ini sudah dibuat pengkajian yang begitu teliti terhadap area untuk tadi, pagi tadi sebut penyediaan benih kawasan penyediaan benih, itu yang pertama yang keduanya isu yang selalu dibangkitkan oleh petani adalah tentang 5 kali 2 tahun ini tentang subsidi dan juga bantuan-bantuan yang lain, jadi yang ke keterusnya bila 4 kali ok dapat, kalau yang 5 kali itu daripada pengalaman yang telah lalu itu apakah dia mempunyai masalah ataupun memberi masalah kepada petani musim yang di luar itu. Terima kasih YB. Suka Menanti.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat.

YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN AB. GHANI

Baik terima kasih YB. Tokai. Untuk kawasan yang kita adakan ujian, kawasan tapak asal memang benar ia mengalami beberapa masalah terutamanya banjir. Jadi oleh itu kita telah pun kenal pasti beberapa tapak lain di luar MADA juga untuk jadikan *test plot* dan pun tapak ujian. Contohnya di Tualang, kita ada 70 ekar. Di Langkawi Yang Berhormat Speaker, kita ada hampir 100 ekar untuk menjadikan tapak-tapak ujian. Inilah usaha-usaha yang dijanjikan.

Kita usahakan supaya kita dapat menjalankan ujian ini dengan baik dan bagi hasil kepada seluruh masyarakat petani kita. Terima kasih YB. Tokai. Dan juga untuk soalan kedua iaitu mengenai dengan 5 kali 2 tahun, memang ia masih lagi peringkat awalan beberapa ujian kita sedang jalankan lagi.

Terutamanya kita juga mendapat, kita mengharap peruntukan yang lebih daripada pihak Kerajaan Persekutuan untuk menyempurnakan saliran air kerana 5 kali 2 tahun ini memerlukan saliran ataupun infrastruktur yang sempurna, untuk ia betul-betul dapat berjaya.

Tentang subsidi ini, YB. Tokai tak sembang pasai subsidi ni, YB. Kota Siputeh dok bangkit tadi bab duit raya pun tak dapat lagi. Itu janji sebelum bulan puasa ya dak. Jadi saya rasa tak perlu saya nak ulas bab subsidi ni kot, YB. Tokai faham siap dah. Baik Tuan Speaker…

YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM

Sikit boleh dak? Saya mencelah sikit.

YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN AB. GHANI

Ya!

YB. TUAN SPEAKER

Silakan.

YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM

Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih YB. Suka Menanti. Saya cuma nak sambung apa yang disebut oleh apa nama YB. Tokai tadi tentang yang dijawab oleh apa nama YB. Suka Menanti tentang apa perlunya perairan yang sempurna untuk membantu, menjayakan program lima kali dua tahun ni. Dalam perbahasan saya semalam saya sebut tentang peruntukan yang berkurang ataupun dikurangkan dari tiga billion ke sebillion seperti yang telah diluluskan dalam belanjawan 2024 berbanding dengan belanjawan 2025 Kerajaan Persekutuan. Satu perkara yang kita kena beri perhatian ialah projek di Jeniang. Apa *Jeniang transfer* yang belum lagi mendapat kelulusan dari pihak pusat untuk melaksanakan fasa kedua untuk menyalurkan air daripada Jeniang sana tu ke kawasan Pendang untuk menampung keperluan air. Jika berlaku penanaman padi lima kali dua tahun ni secara meluas, air yang perlukan itu banyak.

Jadi, *Jeniang transfer* belum dipersedia untuk diproses ataupun dijayakan. Saya rasa akan jadi satu kekurangan lah ataupun kekangan kepada kejayaan projek penanaman padi lima kali dua tahun ni. Sebab air ni penting sekarang pun dalam dua kali setahun ni pun masalah air ni pun ni ada kekangan di setengah-setengah tempat. Apatah lagi kalau berlaku lima kali dua tahun, air yang banyak tak dapat disediakan jadi projek tu akan bukan terbengkalai akan jadi terencat lah perjalanan penanaman apa nama depa habaq semua tu.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kota Siputeh.

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

Aaa.. *last*.

YB. TUAN SPEAKER

Bangun. Bagi laluan ka YB.?

YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN AB. GHANI

Bagi saya jawab sat hat yang….

YB. TUAN SPEAKER

Jawab dulu, cuma ada lebih kurang tiga minit dan besok YB. boleh sambung penggulungan. Silakan.

YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN AB. GHANI

Baik, terima kasih Tuan Speaker. Untuk soalan YB. Ayer Hitam tadi, yang mana faktor utama untuk menjayakan program lima kali dua tahun ni adalah untuk struktur saliran air yang sempurna. Kita mula ni disebut-sebut untuk mendapat peruntukan sejumlah lima bilion kalau tak silap saya. Untuk keseluruhan ya program tali air, kita orang Kedah panggil tali air lah kan. Lepas tu turun tiga bilion lepas tu baru-baru ni diumumkan satu billion. Itulah nak kata nasib kita macam mana Allahu a'lam tapi itulah yang, YB. Ayer Hitam apapun pihak kerajaan Negeri tak berdiam diri. Contohnya kita dah ambil inisiatif untuk memperkenalkan menguji-kaji satu benih beraji padi yang apa tempoh matangnya pendek, yang agak bersesuaian untuk program lima kali dua tahun tu, tempoh matang yang hanya memerlukan antara 70 dengan 80 hari sahaja.

Jadi, dengan usaha-usaha ni diharap dapat menjayakan program lima kali dua tahun kita lah. Selain pada kita masih lagi mengharap agar peruntukan yang dijanjikan oleh kerajaan Persekutuan tu benar-benar ditunai dalam tempoh yang terdekat ni tu nak kata. Terima kasih. Sila.

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

Baik.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan.

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

Terima kasih Yang Berhormat EXCO Suka Menanti. Alang-alang nak tanya ni dan untuk YB. Suka Menanti nanti sambung juga esok, sebab semalam tak dan untuk nak ni kan, YB. Suka Menanti nanti boleh bantu. Iaitu pertama sekali tadi bercakap pasal padi benih ni lah. Padi benih ni, bila depa benda naik ataupun depa tak buat apa-apa kan? depa tak tunai janji mereka senyap tapi turun dua ringgit sahaja pun benih macam tak serupa tak turun depa bersorak-sorai padahal pak tani punya angin pak tani punya marah terasa. Sebab kalau kita congak balik, dengan satu tan metrik benih padi, mampu menghasilkan sekitar 50 kampit 20 kilo. Nilai jualan benih pada harga RM56 ini, yang depa umum ni, mencecah RM2,800 per tan berbanding harga lantai belian padi RM1,500 per tan. Jurang keuntungan pengilang dan pemborong benih jauh lebih besar daripada margin pendapatan pesawah. Itu pun, pengilang dapat lagi, subsidi tambahan. Maka kat sini nak bela Pak Tani kah nak bela pengilang ni? Itu kita nak tanya. Maka hari ni sampai sekarang tak berjawab perkara ni.

Jadinya, sebab itulah kita nak tanya dan kita puji usaha EXCO, yang berhormat EXCO dan juga kerajaan negeri Kedah, kita nak buat benih sendiri. Tapi bila nak buat benih sendiri ni, macam mana soal lesen dan juga *mekanisme* kita nak jual ni dan berapa harga? Adakah kita nak ikut harga depa nak tetap kah? Ataupun kita nak jual harga kita murah dan kita harap kita boleh bagi Pak Tani Kedah saja. Dan depa ni kalau tak mahu bela Pak Tani Kedah, depa ni tak fikir kita ni sampai rugi tadi apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ayer Hitam, kita ni berkorban tanah bendang kita, berkorban air kita, pasal itu kita tuntut balik RM200 juta tu, pasal kita tak boleh nak untung banyak perkara.

Akhirnya, kita harap yang mana kat sini, pihak kerajaan Persekutuan pedulilah tentang kita dan tu *mekanisme* tadi dan terakhir sekali tambahan untuk Yang Berhormat jawab sekali lah, kot kot boleh sambung esok ka. Saya dah bercakap tentang ni daripada sidang yang pertama iaitu nak mohon tapak untuk nak pengumpulan buah-buahan. Kota Siputeh ni ada banyak bahan hasil-hasil pertanian tapi tak tahu nak letak kat mana hasil-hasil pertanian kami. Itu saja, Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih. Cuma yang Berhormat EXCO masa pun sudah cukup, kalau Yang Berhormat nak jawab pakat nak balik semua dah ni. Tinggai Yang Berhormat sorang sorang. Jadi untuk itu, apa nama EXCO Yang Berhormat EXCO akan sambung jawapan pada esok. Dan seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan ditangguhkan sehingga jam 9:00 pagi esok.

[Sidang Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang]

[Sidang Dewan disambung pada 23 April 2025, jam 9.00 pagi]
Hari Keempat Persidangan

YB. TUAN SPEAKER

Dewan di sambung semula. Bacaan doa.

BACAAN DOA

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - DOA

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, suka saya nak mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekali lagi, sekiranya Ahli Yang Berhormat ingin *address* kepada Tuanku, maka kena sebut penuh Ke Bawah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Sultan. Jangan kita ringkas-ringkaskan. Yang ni kena ambil perhatian sebab semua benda ni di rekod dan kita tak mahu ada yang tersilap dan sebagainya.

Kemudian, satu lagi peringatan daripada saya adalah tentang ketepatan masa. Ketepatan masa, jadi sekiranya YB.-YB. diberikan masa 15 minit, cuba habiskan dalam 15 minit dan insyaAllah akan ada waktu kecederaan tu akan ada, tetapi jangan panjang sangat. Jangan ambil waktu kecederaan tu lebih daripada waktu asal. Yang ni tolong bagi perhatian. Kemudian, jawapan-jawapan ataupun soalan-soalan mestilah tidak bertindih.

Jangan diulang-ulang perkara yang sama. Sebab saya melihat juga kadang-kadang diulang, kita ulang perkara-perkara yang sama berkali-kali dan mengambil masa. Jadi, tumpu kepada soalan.

Urusan seterusnya. Sambungan kepada pertanyaan mulut. Saya menjemput YB. Ayer Hangat. Silakan YB. Ayer Hangat.

I. SAMBUNGAN SESI PERTANYAAN – PERTANYAAN MULUT

YB. SHAMSILAH BINTI SIRU

Terima kasih YB. Speaker, izinkan saya untuk membacakan soalan nombor 7.

7. YB. SHAMSILAH BINTI SIRU
[ADUN AYER HANGAT]

Pohon dinyatakan sejauh manakah perkembangan projek pertukaran paip bawah laut yang sedang diusahakan oleh SADA bagi mengatasi masalah bekalan air di Pulau Langkawi?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. EXCO.

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Speaker, terima kasih Yang Berhormat Ayer Hangat, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat kepimpinan EXCO dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum saya menjawab soalan ini, izinkan saya memaklumkan bahawa sejak SADA (Syarikat Air Darul Aman) mengambil alih daripada syarikat *teleworks* pada 1 November 2020 untuk kerja baik pulih kebocoran ini, sebanyak 42 poin kebocoran telah diperbaiki secara *in-house* oleh SADA dengan kaedah *underwater clamping* dan kos keseluruhan itu ialah sebanyak RM3.1 juta. Dan pada masa kini, juga sebelum ini pun, apabila dibuat kerja pembaikan itu tak boleh dibuat setiap hari tapi dibuat setiap dua minggu sekali bergantung kepada keadaan cuaca dan keadaan gelombang di laut.

Hasil daripada kerja buat yang telah dilakukan oleh SADA itu telah dapat menjimatkan atau menurunkan kadar kehilangan air di sana sebanyak 16 MLD (Million Liter Per Day) atau 27% daripada jumlah yang begitu banyak asalnya 55% atau 33 MLD kehilangan yang dibawa daripada LRA (Loji Rawatan Air) Sungai Baru di Perlis, dibawa ke Penarak sebanyak 60 MLD dapat dikurangkan kepada sebanyak 27%. Baik, berbalik kepada soalan ini. Saya nak jawab ringkas saja Yang Berhormat Speaker sebab hasrat saya untuk mengulas lebih panjang dalam jawapan soalan nombor 18 yang mungkin lebih banyak maklumat yang kita perlu sampaikan dan juga mungkin lebih menarik.

Baik, berhubung dengan soalan tadi, untuk makluman, SADA (Syarikat Air Darul Aman) akan melaksanakan projek pembaikan dasar laut ini bagi meningkatkan kestabilan air terawat ke Pulau Langkawi dan projek ini insyaAllah akan diberikan SST pada bulan 5 nanti dan iInsyaAllah akan dimulakan. Kemudian dijangka siap insyaAllah selewat-lewatnya pada awal tahun depan bulan Februari 2026. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. EXCO. Ada soalan tambahan? Silakan.

YB. SHAMSILAH BINTI SIRU

Sikit soalan tambahan. Apakah skop kerja pembaikan paip dasar laut ini dengan wang pinjaman yang bernilai 50 juta itu? dan apakah manfaat yang akan diperolehi apabila projek ini selesai kelak?

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Berhubung dengan skop kerja yang terlibat ialah yang pertama, membekal dan memasang sebanyak 19 unit *pressure steel clamp* yang dipasang di paip tersebut sebanyak 19 tempat. Yang ini biasanya untuk paip yang bocor secara memanjang, mungkin lebih panjang tetapi kalau paip yang bocor secara spot, berlubang, akan dibuat pembaikan. Skop yang kedua, dibekalkan dan pasang sebanyak 6 unit *rubber patch stopper* untuk menghalang air daripada keluar daripada paip tersebut. Dan yang ketiga ialah untuk mengelakkan daripada kakisan ataupun karat. Skop yang

ketiga ialah *cathodic protection,* kaedah untuk mencegah daripada karat. Itu skopnya. Dan dari segi manfaat yang dapat tentunya akan insyaAllah memberikan bekalan yang lebih sempurna kepada lebih kurang 3,500 akaun yang ada di sana yang kurang mendapat bekalan hari ini yang terpaksa SADA (Syarikat Air Darul Aman) menghantar lori tangki dan juga menbuat beberapa buah rumah pam untuk meningkatkan tekanan air. Dan insyaAllah sekaligus akan mengurangkan NRW (Non-Revenue Water) di sana. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

YB. Tuan Speaker, peraturan mesyuarat.

YB. TUAN SPEAKER

Ya, silakan.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Saya nak bawa peraturan mesyuarat nombor 22 tentang pertanyaan. Saya nak tau petua daripada YB. Tuan Speaker adakah menjadi amalan kita di DUN ni, kerana pengalaman saya di Parlimen, kalau sekiranya soalan-soalan itu telah berlalu. Maknanya soalan-soalan itu telah berlalu, maknanya tidak boleh diulang semula. Macam ini soalan nombor 7 kan, dia telah berlalu. Jadi apakah petua daripada Tuan Speaker boleh kita ulang semula ketika sekiranya ahli itu tidak hadir pada hari semalam? Saya minta petua sajalah. Soalan tentang pertanyaan nombor 22, bahagian 6. Kalau sekiranya tak sempat jawab, dia boleh jawab secara bertulis. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Maaf, saya nak kena rujuk kepada peraturan.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Jawab ke depanlah. Sidang yang akan datang, jawab.

YB. TUAN SPEAKER

Jawapan saya, petua saya mudah saja. Peraturan 22 betul, apa yang dikemukakan oleh YB. Tokai. Tetapi Speaker mempunyai kuasa, kuasa untuk menimbang semula perkara ini. Dan dalam perbincangan tadi, saya pun dah berjumpa dengan Yang Berhormat Ayer Hangat, Yang Berhormat EXCO dan juga Setiausaha Dewan. Dan kita rasa perkara ini perlu kita kemukakan balik soalan itu. Terima kasih. Teruskan, YB. Kota Darul Aman.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Soalan tambahan saya, apakah anggaran kos yang diperlukan untuk penggantian paip yang baru? Sebab bila tiap-tiap kali kita repair, kita belanja sangat banyak. Jadi, apakah cadangan untuk pertukaran paip yang baru untuk sambung ke Langkawi?

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Terima kasih. Yang Berhormat Speaker, soalan daripada YB. Kota Darul Aman. Maksudnya tukar paip keseluruhan ka? Oh! Kalau yang itu lagi berbilion harga yang diperlukan. Sebab itu kita cuma belanjakan lebih kurang RM50 juta termasuk kos untuk *consultation* dan sebanyak lebih kurang RM10 juta yang selebihnya adalah kos pembaikan penukaran dalam skop yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. EXCO. Seterusnya, saya menjemput YB. Anak Bukit. Soalan nombor 13.

YB. ENCIK RASHIDI BIN RAZAK

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya mohon jawapan soalan ke 13. Terima kasih.

13. YB. ENCIK RASHIDI BIN RAZAK
[ADUN ANAK BUKIT]

Pohon dinyatakan :-

a) Apakah cabaran utama yang dihadapi dalam menguruskan permohonan Bantuan Sejahtera Pesakit Terlantar Negeri Kedah, termasuk dari segi proses kelulusan, penyelarasan dengan agensi berkaitan, serta keberkesanan penyampaian bantuan?

b) Agensi manakah yang terlibat dalam pelaksanaan program ini, dan apakah bentuk bantuan yang diberikan kepada pesakit terlantar, sama ada dalam bentuk kewangan, perubatan, atau sokongan lain?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. EXCO.

YB. DATO' USTAZAH HAJAH SITI ASHAH BT. HAJI GHAZALI

Terima kasih YB. Tuan Speaker dan YB. Anak Bukit. Sebelum menjawab soalan,

Minum air dalam gelas,
Minum bersama pulut hitam,
Saya jawab soalan tiga belas,
Mewakili ADUN Bukit Kayu Hitam.

Boleh tera tu?

YB. TUAN SPEAKER

Perempuan sama perempuan takpa.

YB. DATO' USTAZAH HAJAH SITI ASHAH BT. HAJI GHAZALI

Soalan, apakah cabaran yang dihadapi dalam menguruskan permohonan bantuan sejahtera pesakit terlantar? Yang kedua, Agensi manakah yang terlibat dalam pelaksanaan program ini?

Jawapan (a) Pengurusan permohonan Bantuan Sejahtera Pesakit Terlantar Negeri Kedah berjalan dengan lancar tanpa sebarang cabaran kritikal. Proses kelulusan, penyelarasan dan agensi berkaitan, serta penyampaian bantuan dilaksanakan secara efisien dan berkesan mengikut prosedur yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, cabaran program ini bergantung kepada kewangan dan kebergantungan bajet tahunan kerajaan Negeri Kedah serta ketiadaan sistem bagi membantu semakan permohonan baru dan permohonan berganda. Semakan data hanya dapat diakses oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui mekanisme yang dibangunkan sendiri menggunakan *google drive.*

Jawapan (b), setiap permohonan Bantuan Sejahtera Pesakit Terlantar yang diterima melalui semua Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) akan diangkat untuk dipertimbangkan akhir dalam Jawatankuasa Bantuan Sejahtera Pesakit Terlantar. Jawatankuasa ini yang dipengerusikan oleh YB. Dato' Hjh. Halimaton Saadiah Binti Saad, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Wanita, Keluarga & Masyarakat Perpaduan selaku EXCO yang terbabit turut dianggotai oleh agensi-agensi tetap seperti berikut; Pejabat Pegawai Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah, kedua Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah,Lembaga Zakat Negeri Kedah, Baitulmal Negeri Kedah, yang kelima PERKESO Negeri Kedah dan yang keenam Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) selaku urus setia.

Jawatankuasa BSPT (Bantuan Sejahtera Pesakit Terlantar) berperanan mengadakan sesi lawatan turun padang ke setiap daerah dan DUN bagi lebih mendekati para penerima BSPT. Tidak hanya agensi-agensi di dalam Jawatankuasa BSPT sahaja akan terlibat, bahkan akan turut melibatkan beberapa pihak-pihak lain yang turut menyalurkan bantuan tambahan seperti Pejabat Ahli Parlimen, Pejabat Menteri Besar, MBI Incorporated, UPDA (Urus Setia Penerangan Darul Aman) dan pihak-pihak lain yang memiliki niat dan iltizam yang sama bagi membantu golongan sasar tersebut. Sebagai contoh, penerima BSPT tidak hanya menerima bantuan tunai secara sekaligus RM500, tetapi dengan inisiatif lawatan turun padang yang dianjurkan setiap bulan, para penerima akan mendapat insentif ini turut menikmati sumbangan tambahan berbentuk tunai dan barangan seperti berikut; Pejabat EXCO (Sumbangan Tunai, Kit Makanan & Keperluan Harian) yang kedua Lembaga Zakat Negeri Kedah (Sumbangan Tunai, Katil Khas, Baiki Rumah); yang ketiga Baitulmal Negeri Kedah (Sumbangan Tunai) yang keempat MBI (Sumbangan Tunai); dan yang kelima

PERKESO Negeri Kedah; (Semakan dan penyaluran bantuan berkaitan pencen elat dan lain-lain manfaat yang berkaitan kepada yang berkelayakan).

Maka dengan ini dapat dirumuskan, melalui insentif BSPT ini manfaat yang dapat diperolehi oleh penerima bantuan BSPT bukan hanya melalui bantuan tunai secara sekaligus sahaja, malah impak sampingan yang turut dirasai hasil kolaborasi rentas agensi dan pihak-pihak yang berkaitan dapat diterjemahkan melalui konsep "Kedah Sejahtera, Nikmat Untuk Semua". Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Kita tiada soalan tambahan untuk soalan ini sebab tuan tubuh tak dak. Jadi, kita teruskankan kepada soalan seterusnya. Saya menjemput YB. Ayer Hitam. Silakan.

YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Saya mohon jawapan untuk soalan nombor 14.

14 YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM
[ADUN AYER HITAM]

Pohon dinyatakan: -

a) Berapakah kutipan hasil negeri Kedah bagi tahun 2024?

b) Sejauh manakah kutipan ini menepati hasrat kerajaan untuk mencapai kutipan hasil negeri RM1 bilion menjelang tahun 2018?

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Berhormat Ayer Hitam. Soalannya, kutipan hasil tahun 2024 dan sejauh manakah kutipan ini menepati hasrat kerajaan mencapai RM1 bilion menjelang tahun 2028, bukan 2018 ini, *typing error*. Bagi tahun 2024, kutipan hasil bagi Negeri Kedah keseluruhannya adalah RM769,533,926.33. Kutipan hasil kerajaan menunjukkan peningkatan yang konsisten saban tahun bermula 2018, RM559 juta, 2019 ini *special* sikit Yang Berhormat Speaker, pasal Tun jadi PM pada masa itu dia bagi RM200 juta 'cemey'. Jadi, catatan 2019 ini dengan peruntukan khas PM pada masa itu RM200 juta menjadikan hasil kerajaan negeri RM778 juta, tinggi lah. Sebab dapat duit itu lah, dapat RM200 juta kalau tak dapat itu RM578 juta lah. Ini yang PH (Pakatan Harapan) duk syok ni, pasal dia kata zaman dia hasil tinggi, mau tak tinggi dapat 'cemey'.

YB. TUAN SPEAKER

Kita pun kalau PMX bagi RM200 juta itu tinggi lah.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Oh! Lega lah! (sambil ketawa)

YB. TUAN SPEAKER

Doa! Doa!

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Tahun 2020 RM560 juta, ini perpuluhannya saya tak baca lah YB. Speaker. 2021 RM688 juta, 2022 RM596 juta, 2023 RM629 juta, 2024 RM769 juta. Meningkat pada tahun 2023 ini RM629 juta kepada RM769 juta pada 2024. Peningkatan ini mencerminkan usaha berterusan kerajaan untuk mengukuhkan hasil negeri bagi mencapai sasaran RM1 bilion pada tahun 2028. Untuk capai hasrat ini, kerajaan sedang giat melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk mengenal pasti sumber hasil baru. Antara sumber hasil baru yang telah dikenal pasti tapi tak boleh mula adalah galian REE (Rare Earth Element). Lama dah pasal REE ni pun saya pun sebut di Dewan ni berkali-kali dah tetapi oleh kerana SOP tak dak. Semua galian REE ni ada di hutan simpan tapi Kementerian buat dasar, hutan simpan tak boleh melombong. Lepas tu nak buat macam mana? Pernah berkali-kali sesi libat urus saya suruh batal buang dasar nombor 12 tu. Dasar nombor 12 tu tak boleh melombong dalam hutan simpan.

Walaupun kita bagi lesen eksplorasi, dia boleh eksplor tapi bila nak melombong dia kena ada EIA (Environmental Impact Assessment). Bila pergi untuk EIA dia tak proses sebab ada dasar dalam kementerian nombor 12, tidak dibenarkan melombong dalam hutan simpan jadi stop kat situ lah. Jadi, semua pemuda-pemuda yang telah memulakan kerja eksplorasi REE di seluruh negara kecuali di Perak yang dibuat pilot projek untuk tanah kerajaan untuk hutan simpan tak dak jalan lagi. Tapi saya dengar ada jalan juga. Ada. Kita saja kena, orang lain tak kena pun. Ada 23 lombong haram tapi kita saja depa *attack,* senyap sudah la (sambil ketawa).

Kita akan terus beri kerjasama dan menantilah SOP yang akan dikemukakan oleh Kerajaan Persekutuan berkaitan dengan hasil baru REE. Kita juga buat semakan hasil Tanah Negeri Kedah menguatkuasakan kutipan duti hiburan bagi aktiviti yang belum

dikenalkan duti. Mengenal pasti hasil baru serta semakan semula kadar sedia ada bagi Jabatan Pemungut Hasil di negeri ini. Usaha ini perlu pendekatan yang sistematik serta pelaksanaan yang berkesan bagi pastikan pertumbuhan hasil yang mampan. Selain itu, kejayaan dalam merealisasikan dasar ini bergantung kepada kerjasama menyeluruh daripada semua pihak termasuk jabatan dan agensi kerajaan. Komitmen dan usaha kolektif daripada semua pihak amat diperlukan bagi memastikan hasrat kerajaan mencapai kutipan hasil RM1 biilion menjelang 2028 dapat direalisasikan. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YAB. Soalan tambahan YB. Ayer Hitam.

YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM

Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas jawapan yang jelas dan mudah faham. Cuma saya pun tak faham bagaimana orang di luar tak faham. Bila kita tuntut RM200 juta sebagai pampasan kepada penggunaan tanah kita, bila pemberita tanya dia, dia kata dah beri RM1 billion kepada Kedah. Tanya kura-kura, dia jawab arnab, mungkin dia tak sama. Saya hairan, mungkin dia tak faham. Jawapan yang dia bagi mudah ja.

Soalan tambahan saya Yang Berhormat Tuan Speaker ialah bila sebut tentang semakan Lembaga Hasil tentulah dia akan menimbulkan kegusaran kepada pihak di bawah dan saya juga mendengar rungutan jugaklah tentang kenaikan kutipan premium tanah ni. Jadi, kalau boleh Yang Amat Berhormat Jeneri bagi ulasan tentang hal ini. Terim kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YAB. Jeneri.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Terima kasih YB. Ayer Hitam. YB. Speaker dan YB. Ayer Hitam, nak memahami sesuatu perkara yang datang di depan kita, orang putih panggil *subject matter*. Memahami *subject matter* bahawa kita boleh *deal* isu itu dengan tepat. Masalah orang ni dia tak faham *subject matter*. Bukan kawan tu sahaja dia tak faham. Banyak orang tak faham. Sekarang ni oleh kerana kita dapat pelaburan yang tinggi, masuk ratus-ratus bilion. Lebih RM100 bilion masuk dalam tempoh 5 tahun ni.

Orang kata Kedah dapat duit banyak. Yang ni pun tak faham juga. Lepas tu dia habaq kata kenapa Kedah tak boleh bayar gaji pemain bola, dapat duit banyak. Jadi saya kata, "koi duk bodoh, koi duk bodoh kan"? Lepas tu dia membodohkan orang lain pula. Dia tulis di sana, dia tulis di sini. Dia jadi orang-orang yang menyeru kepada kesesatan. Dia sesatkan orang ramai. Pasai dia pun tak faham, dia buat macam dia faham. Lepas tu dia cakap. Orang pun ada yang percaya juga. Jadi, kalau kita dah bodoh, janganlah membodohkan orang lain pula.

Pelaburan, investment yang datang puluh-puluh bilion tu, bukan dia bagi duit kat kita. Kalau duit bagi kat kita, syok banyak tu (sambil ketawa). Dia melabur di sini, dia buat kilang dia, dia beli mesin, dia bangunkan teknologi, dia sediakan sistem dia. Itulah pelaburan kalau satu-satu syarikat daripada China, daripada US bawa mai RM78 bilion macam AT&S bangunkan kilang dia RM11 bilion. Termasuk dengan teknologi, bangunan, sistem yang dibangunkan, pajakan tanah, semua termasuk. Investment bukan dia bawa mai bagi kat Dato' Wira ni SFO ni, kalau tidak jenuh kandaq duit la, bilion-bilion (sambil ketawa). Sama dengan projek-projek. Ada juga orang faham kata projek LRA (Loji Rawatan Air), Kerajaan Persekutuan dah lulus, duit dah dapat, kerja tak siap. Ini pun bodoh juga. Dia orang Kedah ni kalau tak kata bodoh, nak kata apa YB. Tuan Speaker?

YB. TUAN SPEAKER

Tak dak benda lain, bodo dengan bangang.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

(Sambil ketawa) Tambah lagi nampaknya? Sungai Tiang dengan Jeneri sebelah-sebelah saja. Kelulusan projek-projek LRA tu bukan dia bawa mai duit seketul. Tidak! Kita bayar dulu. Dasar Persekutuan sekarang ni, walaupun duit tu geran ataupun pinjaman, bukan dia hantar duit mai. Buat kerja dulu, *State* bayar dulu. Kita bayar dulu dekat kontraktor, baru boleh *claim* dekat Persekutuan. Itulah projek-projek dalam LRA yang sedang berjalan sekarang ni. Depa kata oleh kerana projek Sungai Limau ka apa, sakit kan no? Duit sudah bagi mana pergi duit tu? Dia buat macam tu. Tak betul. Duit tu ada sana. Dia tak bagi duit tu kat kita. Duit tu ada sana, selepas kontraktor buat ikut *progress* berapa-berapa persen, dia hantar *claim* dekat kita, kita bayar dulu. Lepas tu baru kita boleh *claim*.

Sekarang ni ada satu-satu ketika kita bayar dulu kepada kontraktor untuk projek-projek ni sampai RM40 juta, RM50 juta. Sangkut situ. Jadi, *cashflow* kita pun kadang-kadang terganggu juga. Padahal perjanjian pinjaman tu dengan Persekutuan tapi s*tate* kena *advance* dulu. Yang ni orang tak tau.

Orang duk faham kata Kedah dapat duit RM931 juta Persekutuan bagi untuk buat projek ini. Pasai apa projek tak siap? Duit tu tak ada di sini, duit ada di Kementerian Kewangan. Untuk dipahami oleh penyeru-penyeru kepada kesesatan ni lah. Dalam istilah agama dipanggil "*ruwaibidhah"*. *Ruwaibidhah* ni dia tak 'qeti' tapi dia cakap dan dia cakap, dia ajak orang jadi silap macam dia juga. Jadi, jangan jadi *ruwaibidhah*. *Wadhallu*, sesat dan menyesatkan. Boleh 'teqa' tu YB. Speaker?

YB. TUAN SPEAKER

Saya tak campur bab tu.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Boleh mencelah sikit?

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Haii, duduk jawab soalan ni! (sambil ketawa)

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Sikit.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Soalan tadi apa dia tak tau? Ooo hasil tanah.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Baiklah. Terima kasih. Boleh noh?

YB. TUAN SPEAKER

Dak! Kita bagi YAB. jawab dulu nanti saya akan buka ruang untuk soalan tambahan.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Sat! Sat! Saya nak habaq hat ni YB. Ayer Hitam tanya pasal apa premium? Ada sedikit isu lah tentang *complain*t orang, dia kata premium tanah naik. Jawapan dia macam ni, premium tanah ni, dia berasaskan kepada nilaian tanah tu.

Percentage dia tak lari, nilaian tanah tu. Dulu-dulu, pak kita pi minta tanah, pi pejabat tanah, nak nilai tanah tu. Kawan pejabat tanah tu saja yang nilai. "Tanah Pak Long kampung apa?" "Kampung Sungai Pau". "Kut tu orang duk jual berapa duit?" "Serelung RM20 ribu". "Tanah Pak Long?" "2 relung". "Ha, RM40 ribu".

Nilaian RM40 ribu tu, dia ambil *percentage* 10%. Jadi, premium Pak Long kena bayar, RM4 ribu. Contoh lah. Sekarang ni tak berlaku macam tu dah. Semua nilaian tanah tak dibuat oleh pejabat tanah, dibuat oleh JPPH, (Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta). Kena *submit* kat sana, JPPH akan kemukakan penilaian dia berdasarkan kaedah-kaedah penilaian yang dilaksanakan. Jadi, kita punya premium ni, bagi pemohon yang berpendapatan di bawah RM1,700, kita kenakan 10% daripada nilaian JPPH. Untuk pemohon yang berpendapatan RM1,700. Ini barunya pasal kita ambil gaji minimum, RM1,700 hingga RM5,000, 20% daripada nilaian JPPH. RM5,001 hingga RM7,000, 25%, RM7,001 hingga RM10,000, 30%, lebih daripada RM10,000, 40%, atau apa-apa keputusan yang diputuskan oleh pihak berkuasa negeri-negeri.

Masalah pemohon-pemohon tanah ni YB. Ayer Hitam, dia kontraktor, duit berkepuk-kepuklah. Masalah dia memohon tanah tu, dia buh nama bini dia, suri rumah. Hat ni pihak pejabat tanah (SO) akan buat siasatan. Pergi jumpa, pergi tengok. Dia akan kemukaan siasatan yang benar. Dia kata, "suri rumah, suri rumah lah, tapi laki dia Alphard 8 biji". Contoh. Kaya, projek macam-macam. Jadi, kita kena nilai balik benda tu. Jadi saya harap, pemohon ni jujurlah. Sebab tiap-tiap pemohonan tu akan disiasat, akan dikemukakan laporan. Betul ka tak betul hat hang habaq ni. *Trend* dia ialah buh nama isteri atau pasangan yang tidak bekerja. Jadi, dia duduk di bawah RM1,700 tu. Duduk di bawah RM1,700 murah lah. Kita pun tak mau lah kita kehilangan hasil tu akibat daripada maklumat yang tidak benar. Tapi bukanlah semua. Ada hat betul-betul yang orang tua-tua duk mohon ni, Alhamdulillah.

Saya habaq dekat Dato' Seri SS, untuk orang miskin memohon tanah, harga RM10.00 pun saya bagi. Untuk orang miskin, bagilah. Dia ada hak atas tanah tu. Moga dengan tanah tu dia dapat ubah kehidupan keluarga dia. RM10.00 pun tak apa. Kalau orang kaya pi buat-buat susah, pasal nak kena bayar ni ataupun dia pi pakat dengan kawan-kawan dia, "hang toksahlah buh nama hang, hang orang kaya, buh la nama anak bini". Benda ni tak benar. Jadi, sekarang ni dunia dah terbuka, orang dah boleh cek dah hang betul tak betul. Hanya di hujung jari saja. Jadi, saya tidaklah berhasrat untuk kata kesemua. Saya harap pemohon-pemohon pun jujur. Bila dia dapat tanah tu, kalau selepas dari 10 tahun, dia boleh buat transaksi tanah tu, boleh jual beli. Dalam tempoh 10 tahun dia boleh buat gadaian tanah tu bila di*value* oleh JPPH selepas dia dapat tanah tu. Tanah tu *value* dia ratus-ratus ribu pula. Dia pi buat gadaian ataupun dia jual tanah lepas tu dia bayar premium RM5,000, RM6,000, dia pi jual RM500 ribu.

Ini saya rasa tak *fair* untuk negeri. Sebab negeri ni hanya akan dapat kutip premium atas tanah yang sama selepas 99 tahun. Wajib dah tak dak YB. Pantai Merdeka! YB. Pantai Merdeka pi dululah, saya kemudian (sambil ketawa). Selepas 99 tahun baru dapat premium sekali lagi. Sekali seumur hidup ni, sekali tu sajalah kita pun. Itulah premium tanah. Jadi, dia kena jujur untuk urusan permohonan tanah.

Cuma ada 1, 2 kes yang datang kepada saya, tanah serelung di Charok Pelanduk di Sik nu kena RM30,000 lebih. Jadi saya pun minta kaji semula. Pasal apa kena RM30,000? Tanah tu serelung saja tapak rumah. Bila dikaji semula, nilaian Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, tanah tu harganya RM111,000 tanah tu. JPPH buat harga lagu tu, bila letak 10%, RM30,000. RM10,000, ada lah harga-harga lain lagi. Nilaian JPPH tu, kemungkinan perlu diperhatikan semula. Kita hantar balik. Betulkah nilaian ni RM111,000? Berdasarkan nilaian tu lah. Kita pun nak bersandar di mana, bukan boleh buat ikut suka macam dulu-dulu dah. Sekarang ni kalau pergi ke mahkamah pun, kita kena kemukakan butiran-butiran tu. Agensi yang layak untuk buat penilaian harta ni iaitu JPPH lah. Itulah dasar yang telah diguna pakai.

Saya harap rakyat Kedah memahami bahawa itulah kaedah untuk menentukan premium tanah. Tapi saya nak maklum kat Dewan yang mulia ini, pemohonan tanah pun tak banyak dah. Tanah-tanah kerajaan ni kebanyakannya telah dilupuskan, telah dimiliki oleh orang. Sama ada secara pajakan terutamanya. Sekarang ni, yang lulus baru ni cuma pajakan 99 tahun. Kalau pelabur-pelabur tanah-tanah bandar ni 60 tahun. Tak dak dah tanah yang boleh mohon besar-besar ni YB. Speaker. Kut Sungai Tiang hat duk menebas apa semua tu, tanah rizab. Rizab hutan tak boleh. Tanah kerajaan boleh mohon, tanah hutan tak boleh. Kita pun tak tak bagi dah. Kita pun menghadkan jumlah tanah yang boleh dimohon. Mula tahun 2024, 5 ekar saja. Dulu 10 ekar sekarang ni 3 ekar. 3 ekar, maaf 3 ekar. Kemungkinan pada masa depan kena diturunkan lagi. Jadi, toksah lah duk pi menebas luas-luas, (sambil ketawa) boleh mohon setakat 3 ekar saja. Terima kasih, YB Speaker.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Speaker, soalan tambahan.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Tokai. YB. Tokai dulu tadi.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Saya ada dua persoalan di sini. Kita ada banyak ubah syarat daripada kampung ke perumahan. Saya rasa banyak juga tempat tu. Jadi, saya nak tanyalah, apakah bentuk cukai tanah orang yang menerima perubahan ini sanggup untuk membayar daripada kampung ke perumahan terutama yang dah jadi pekan-pekan lah. Dulu mungkin kampung, la jadi pekan. itu yang pertama.

Yang keduanya tentang tanah-tanah yang dicagarkan ke bank. Pihak mana yang sepatutnya lah kena bayar? Di sini syarikat-syarikat perumahan ni dia nak buat, dia pergi cagar ke bank. Jadi, siapa sebenarnya yang kena bayar? Adakah mereka ini culas untuk bayar cukai-cukai setiap tahun tu kalau projek tu dia jadi *delay*? Kadang-kadang 5 tahun, 6 tahun tak jalan lagi, padahal dia dah pergi dapat duit daripada bank dah. Jadi, tanah-tanah yang dicagarkan begini ni? Sekian, YB. Tuan Speaker. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Okay YB. Tuan Speaker. Saya ingin memohon berapakah anggaran jumlah tambahan *Capitation Grant* yang bakal dikerima oleh kerajaan negeri bagi tahun 2025? Berdasarkan populasi kita *Capitation Grant* iaitu pemberian mengikut bilangan orang yang telah diluluskan oleh Perdana Menteri. Saya rasa YAB. Menteri Besar dah masuk dalam mesyuarat tersebut juga, pemberian mengikut bilangan orang.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Ya, bantuan per kapita hari tu. Mengikut dalam perlembagaan dia kena bagi lah, lagi ramai lagi bagus. Sekarang ni pun, jawab hat ni dulu lah sebab ni spesifik sikit kena tunggu angka daripada SFO. MB tak boleh hafal semua, MB hafal yang penting-penting sahaja. Itu kita tak jangka soalan tu nak mai kan. Tapi semua negeri di Malaysia sekarang ini pohon kaedah pengiraan dan jumlah itu ditambah. Bukan Kedah sahaja tau, semua negeri mohon tambah bantuan per kapita itu sesuai. La ni RM12 berapa kupang lah untuk satu kepala. Kita minta ditambah lagi lah jumlah itu.

YB. Tokai tanya tadi, siapa nak kena pergi bayar cukai tanah tu kan? Yang depa sandar di bank tu. Saya pun tak dak pengalaman, YB. Tokai sendiri ada pengalaman tanah dia ada banyak (sambil ketawa). Yang kena bayar cukai tanah tu tuan tanah. Walaupun tanah tu ada di mana-mana lah, cukai tanah tuan tanah kena bayar. Jadi, kalau ada tanah bank cagar tu, cagar di bank pi bayar (sambil ketawa). Tukar syarat? Banyak. Tukar syarat ni dimohon oleh pemilik tanah tu.

Yang kita tukar dia tak tau ni *zoning*. Untuk kawasan-kawasan kita *rezoning*, itu kerajaan buat. Cukai tak berubah lagi. Cukai berubah selepas tuan tanah tu pergi mohon untuk tukar syarat. Itu berubah lah. Dia tau lah dia mohon kan, dia lah pergi bayar. Untuk *zoning* dia tak kena bayar cukai *zone* baru. Syarat baru, baru kena cukai tanah. *Zoning* tak payah, yang kerajaan duk buat ni *zoning.*

Kata lah bendang, bendang tu depa tak mau bayar RM200 juta. Kita tukar zon pertanian ke zon komersial, yang tu dia tak kena bayar cukai komersial lagi. Esok ni lepas dia nak *develop* tanah tu, *rezoning* pun sesuai dah, dia pun mohon untuk dibangunkan dengan supermarket, mega mall ka apa ka. Hat tu dia kena bayar cukai tanah berdasarkan syarat baru tu lah, untuk *zoning* tak perlu. Yang kerajaan duk buat ni *zoning.* Terima kasih.

Soalan YB. Kota Darul Aman ni spesifik. RM100 ribu orang pertama, kadar semasa RM72, bukan RM12 per orang. Kadar kenaikan yang dicadangkan ni RM100 seorang. 500 ribu orang berikutnya RM10. Haa.. duk tang ni RM10.20. Dicadangkan kenaikan RM13.26 daripada RM10.20. Formula-formula dia lah. Untuk 500 ribu orang berikutnya, YB. tolong beranak ramai sikit lah pasal nak bagi ramai ni. Kalau rakyat sikit rugi lah. Rakyat ramai dapat banyak lah. Bilangan orang selebihnya RM11.40. Dicadangkan juga lah kenaikan. Ini semua negeri sokong untuk bantuan per kapita dinaikkan. Terima kasih.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Saya tanya ni sebab kita dah mohon lama tapi tak diluluskan.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Banyak kali, saya pun ingat 5 tahun jadi Menteri Besar ni tiap-tiap kali pergi Mesyuarat Majlis Kewangan Negara dibangkitkan hal ni. Bila nak naik? Saya harap benda-benda ni akan jadi *prioriti* Kerajaan Persekutuan lah. Negeri-negeri ni dia korbankan banyak, bukan Kedah saja, semua negeri berkorban menyerahkan kuasa negeri untuk menubuhkan Persekutuan. Perjanjian penubuhan Persekutuan Tenah Melayu ni 1957. Kemudian tu masuk lagi, Persekutuan Tanah Melayu 1948, 1957. Masuk lagi Perjanjian Malaysia 1963. Semua negeri serah kuasa dia kepada Persekutuan. Kalau tidak kuasa-kuasa kutip-kutip cukai ni semua kita. Kita pergi kutip ikut suka kita lah kan. Tapi dah kita serah kepada Persekutuan hal ni. Negeri tinggal kuasa air, tanah, agama. Selain daripada tu, semua bagi kepada Persekutuan. Sebab tu orang susah nak faham, depa *compare state* dengan *federal.* Pasal apa *federal* boleh buat, state tak boleh buat? Memang *state* tak boleh buat, *state* tak dak bidang kuasa tu.

Kuasa tu telah diserahkan kepada Persekutuan menjelang Perjanjian Persekutuan ni tahun 1957 dan 1963. Jadi kena faham benda-benda tu elok, baru bercakap. Masalah depa, banding kita dengan orang yang ada kuasa lain. Tak betul lah macam tu. Kita boleh mohon saja. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. MB. Seterusnya, soalan seterusnya saya menjemput YB. Ayer Hangat. Silakan.

YB. SHAMSILAH BINTI SIRU

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan saya nombor 15. Terima kasih.

15. YB. PUAN SHAMSILAH BINTI SIRU
[ADUN AYER HANGAT]

Kerajaan negeri memperuntukan sejumlah dana yang besar kepada pengurusan Majlis Ketua Kampung setiap tahun.

Pohon dinyatakan apakah kursus atau bentuk kemahiran pengurusan yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri bagi memantapkan jawatankuasa MKK untuk mereka memahami tugas dan peranan sebagai orang tengah antara kerajaan dan rakyat dan aktif melaksankan tugas setiap masa?

YB. DATO' USTAZAH HAJAH SITI ASHAH BT. HAJI GHAZALI

Terima kasih YB. Speaker.

Bawa pinggan untuk makan,
Makan bersama kuah pengat,
Angka 15 nombor soalan,
Dijawab untuk Ayer Hangat.

Ini soalan sendiri. Ini soalan jawapan kepada saya sendiri dan soalan daripada Ayer Hangat. Peruntukan telah diperuntukkan untuk Majlis Ketua Kampung dan mohon nyatakanlah kursus dan bentuk kemahiran pengurusan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi memantapkan Jawatankuasa MKK untuk mereka memahami tugas dan peranan sebagai orang tengah antara kerajaan dan rakyat dan aktif melaksanakan tugas setiap masa?

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah dana yang besar setiap tahun bagi menyokong pengurusan Majlis Ketua Kampung. Dana ini digunakan untuk pelbagai tujuan. Termasuklah pembangunan infrastruktur di kampung, program kesejahteraan masyarakat dan latihan kepada pengerusi dan setiausaha Ketua Kampung untuk mereka dapat menjalankan tugas dengan cekap dan berkesan. Kerajaan Negeri ada menyediakan kursus-kursus dan bengkel-bengkel yang berkaitan dengan kemahiran pengurusan dan pentadbiran. Saya ucapkan jutaan terima kasih kepada seluruh pejabat daerah yang telah menjalankan kursus-kursus di semua daerah. Kepada Ketua Kampung, di bawah seliaan penghulu dan juga daripada ADUN untuk memberi kursus pengurusan dan pentadbiran sehingga ada Ketua Kampung yang cekap. Kadang-kadang tidak ada pengalaman pun cekap untuk menguruskan apa-apa suatu arahan daripada peringkat negeri untuk mereka uruskan.

Kursus dan bengkel seumpama ini dapat membantu MKK untuk memahami dengan lebih mendalam berkenaan tugas, peranan, tanggungjawab sebagai pemimpin di peringkat komuniti. Maksudnya Ketua Kampung ini pemimpin, masyarakat memandang Ketua Kampung ini, MKK ini sebagai orang yang ada autoriti untuk memberi apa-apa keputusan kepada penduduk setempat. Ini secara tidak langsung dapat mengasah kemahiran pengurusan dan kepimpinan yang berkesan untuk menjadikan kepimpinan yang berkualiti dan berkaliber. Melalui kursus dan bengkel yang disertai ini, MKK dilihat dapat meningkatkan keberkesanan dalam melaksanakan tugas sebagai penghubung antara kerajaan dan rakyat. Pada masa yang sama juga, kursus dan bengkel kemahiran pengurusan dan pentadbiran ini dapat membantu MKK untuk mencetuskan idea-idea yang kreatif dan inovatif yang dapat meningkatkan kesejahteraan masyarakat di kampung.

Selain itu, MKK juga turut didedahkan dengan kursus dan taklimat berkenaan pengurusan bencana dan keselamatan persekitaran. Kursus sebegini membantu MKK untuk memahami dengan lebih mendalam berkenaan prosedur pengurusan bencana di peringkat daerah. Secara tidak langsung, MKK selaku wakil kepada masyarakat di kampung, dapat menyalurkan maklumat atau info yang tepat dan telus sekiranya berlaku sebarang bencana agar tiada masyarakat kampung yang tercicir terutama dari segi aspek keselamatan dan bantuan yang diperlukan oleh mereka yang terlibat. Seumpamanya, macam contoh banjir baru-baru ini, sumbangan banjir yang kita bagi baru-baru ini adalah terlibat itu semua yang terkena banjir, sama ada dia pindah ataupun tak pindah. Inilah yang kita perlukan kepada kecekapan ketua kampung yang memantau setiap kawasan yang terlibat dengan banjir, sebab semua orang dapat sumbangan sejahtera daripada kerajaan ini. Inilah kita memohon kepada MKK untuk memainkan peranan yang sebaiknya.

Jangan pula kalau kata tak kena sikit, mungkin kita kata kawasan tak kena kerana adik-beradik kita, kita bagi. Tak boleh. Mesti kita meletakkan suatu amanah dengan kepimpinan yang ada. Mesti orang itu terlibat dengan apa yang tertetapkan oleh kerajaan.

Di samping itu, MKK juga didedahkan dengan langkah-langkah persiapan dan persiapsiagaan untuk berhadapan dengan situasi kemungkinan bencana yang tidak menentu. Sekarang ini memang cuaca tidak menentu. Kita tengok hujan, pagi tadi hujan. Tapi tengok air sungai makin surut. Hujan disebut dikatakan akan adakan kemarau yang panjang 2025 sehingga 2035 akan berlaku perubahan cuaca. Ini juga kita akan beri taklimat kepada MKK.

Taklimat daripada jabatan dan agensi pengurusan bencana juga turut diadakan bagi memastikan MKK sentiasa bersedia dan memiliki ilmu pengetahuan yang secukupnya untuk membantu masyarakat kampung yang memerlukan. MKK juga diberi kursus untuk pengukuhan peranan MKK sebagai penghubung antara rakyat dan kerajaan. MKK menjadi mata telinga kepada kerajaan dan MKK tidak boleh menjadi *informer* kepada orang lain. Kadang-kadang MKK menjadi *informer* kepada orang lain. Ini perlu kita pastikan, bukan informer untuk orang lain. MKK adalah mata, telinga kepada kerajaan yang membayar kepada mereka elaun setiap bulan. Pertuntukan untuk setahun sahaja hampir 12 juta elaun kepada pengerusi dan setiausaha.

MKK diberi pendedahan berkaitan dengan penyaluran maklumat dari segi masalah dan aduan masyarakat agar disalurkan dengan lebih cepat dan efisien kepada pihak kerajaan. Ini bagi memastikan komunikasi jenis *bottom-up* dapat dilakukan supaya masyarakat di peringkat kampung atau luar bandar tidak berasa ketinggalan dan dipinggirkan dari segi suara dan keperluan mereka sebagai rakyat. Kita mendapat maklumat juga, sebahagian daripada kepimpinan yang kerajaan ini, kerja dengan kerajaan tetapi menjadi mata telinga kepada orang lain. Memberi info kepada orang lain yang menyebabkan serangan-serangan begitu hebat kepada kerajaan. Ini juga kita perlu beri perhatian. Selain itu, MKK juga memainkan peranan utama sebagai ejen dalam memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat setempat. Dengan adanya semangat penyatuan sesama kaum yang dititik-beratkan oleh MKK dalam kalangan masyarakat di kampung, semestinya keharmonian sebuah kampung itu akan terjamin kesejahteraannya. Dalam pada itu, antara kursus yang anjurkan oleh MKK, Kursus Asas Pengurusan Kewangan serta manfaat perlindungan sosial oleh Kumpulan Wang Amanah Pekerja (KWSP) dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Kursus umpama ini memberi pendedahan kepada MKK berkenaan dengan perancangan dan pengurusan kewangan yang lebih efektif dan memberi pulangan yang lebih baik pada masa hadapan.

Di samping itu, MKK juga telah diberi kursus isu asas tanah. Hal-hal tanah, lot lidi dan isu-isu tanah yang acap kali berlaku dalam masyarakat kampung. Dah jadi ejen jual tanah lot lidi. Ada juga yang berlaku, bila ketua kampung jual ini, orang panggil, orang kata, "bolehlah ketua kampung mendapat maklumat, dia tahu pun dia pun jadi ejen jual tanah lot lidi". Akhirnya masyarakat setempat akan terkesan dengan apa yang berlaku bila beli lot itu nak buat rumah tak boleh masuk air, tak boleh masuk elektrik mai lah berduyun pula kat pejabat YB. pula nak kena menyelesaikan masalah itu. Ini juga suatu masalah kepada MKK. Pastikan apa yang kita nak salurkan kepada masyarakat itu satu saluran yang betul dan perkara yang betul daripada kerajaan.

Bukan kita boleh reka sebab kita boleh, aku dah jadi MKK, ada cop, aku boleh buat apa saja. Itu bukan. Ini satu arahan juga, amaran kepada mereka jangan buat sesuatu yang menyusahkan Yang Berhormat, menyusahkan pejabat daerah, menyusahkan kerajaan itu sendiri. Kursus umpama ini dapat memberi pencerahan berkaitan permasalahan tentang isu-isu tanah yang sering kali dihadapi oleh masyarakat di kampung. Memandangkan golongan sebegini kurang pengetahuan dan ilmu berkaitan ilmu tanah dan menjadikan mereka mudah ditipu oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Dengan adanya kursus sebegini, sedikit sebanyak MKK dapat membantu masyarakat di kampung untuk mendapatkan khidmat nasihat dan pandangan supaya permasalahan berkaitan isu penipuan tanah dapat dielakkan pada masa-masa akan datang. Antara kursus, bengkel, program dan taklimat lain yang dianjurkan oleh adalah seperti berikut; Program Komuniti Polisi dengan Kerjasama Polisi Raja Malaysia. Kedua Taklimat senario penagihan dadah Agensi Antidadah Kebangsaan. Ini perlu MKK melihat sebab kita nampak di kampung inilah tempat sasaran dan pot-pot. Baru ini disebarkan penagihan dadah tinggi di Daerah Pendang.

Macam inilah YB. Speaker, kita ini duduk saja-saja, kita tak periksa kesihatan kita, kita rasa kita sihat. Bila kita periksa kesihatan kita, jumpa doktor, dia ambil darah kita, dia saring darah kita, oiii banyaknya penyakit. Begitulah yang berlaku. Bila kita banyak kita buat siasatan, banyak kita turun ke bawah, kita cari pot-pot yang tak ini, tinggilah kenaikan itu berlaku dan disebarkan. Sebenarnya begitulah prosesnya. Kita tak tahu kita nampak kita sihat saja, kita periksa tengok kanser *stage* 4. Kita tak tahu, kita tak pernah *check.* Begitulah juga dengan keadaan penagihan dadah yang berlaku ini. Taklimat berkaitan perkhidmatan dan bantuan komuniti JKM, Kursus Penulisan Surat Rasmi dan Minit Mesyuarat, Kursus Verifikasi Indikatif Sempadan Pentadbiran Majlis Ketua Kampung bersama Pelan Malaysia baru-baru ini.Itulah salah satu lah yang Pelan Malaysia nak menetapkan, meletakkan kampung-kampung yang sepatutnya. Serta bermacam-macam lagi perancangan kerajaan untuk memantapkan lagi institusi MKK di Negeri Kedah. Itu jawapan.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Merbau Pulas. Soalan tambahan?

YB. SHAMSILAH BINTI SIRU

Terima kasih YB. EXCO di atas jawapan lebar yang diberikan. Sikit soalan tambahan daripada saya. Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk meletakkan KPI kepada setiap pengerusi MKK ini sebelum dibuat lantikan semula yang akan datang? Terima kasih.

YB. DATO' USTAZAH HAJAH SITI ASHAH BT. HAJI GHAZALI

Terima kasih soalan tambahan. KPI (Key Performance Indicator) lah. Untuk makluman semua, pelantikan MKK adalah pelantikan politik. Bila berlaku pelantikan politik ini sudah pastilah pimpinan politik mana-mana parti yang terlibat telah mengenal pasti orang yang selayaknya diangkat menjadi pengerusi dan setiausaha dalam kampung yang berkenaan dan mereka mampu membuat satu tugasan. Tetapi tidak terkecuali, saya sebutkan awal, tidak terkecuali sekiranya kita nampak kita dah bimbing, bagi kursus, ajar buat surat-menyurat, kita bagi maklumat tak sampai kepada masyarakat, kita minta senarai nama Beras Sejahtera tak boleh, apa pun tak boleh diberikan kerjasama kepada pejabat daerah, penghulu mukim ataupun kepada pejabat ADUN, boleh kita senaraikan tapi untuk kita pertukaran, ini adalah pertukaran, ada beberapa syarat yang boleh ditukarkan MKK ini. MKK ini hanya dua tahun sekali pelantikan mereka. Sampai 2026 habis untuk pelantikan ini dan akan disambung lantikan ataupun dilantik yang baru.

Tetapi sebenarnya untuk makluman Ahli Dewan, setiap minggu dalam Mesyuarat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ini, ada saja pertukaran Majlis Ketua Kampung. Ini kita tengok, kita tidak pernah melarang, menghadkan mengikut keadaan di tempat yang berkenaan dan perkhidmatan yang mereka berikan kepada masyarakat ini, ada hak boleh bertukar, menukarkan MKK. Tetapi kita mohon kepada setiap ADUN, penghulu mukim, ataupun pimpinan-pimpinan politik, mereka itu baru pegang jadi ketua kampung, tak sampai lagi setahun, duduk syok, duduk pegang, duduk cop itu, tau-tau kena tukar dah. Bila kena tukar, dia kena tukar bubuh orang lain. Dia ada satu perasaan yang elaun pun tak banyak RM500 saja. Tapi bila kita tukar mereka, dia ada satu perasaan yang sensitif. Kalau dia boleh berlapang dada, Alhamdulillah. Kalau dia tidak berlapang dada, dia mulalah mereka-reka. Inilah yang menyebabkan kita amat-amat sangat melihat secara lebih terperinci untuk berlaku pertukaran.Sebab ini lantikan politik, akan mencacamerbakan kepimpinan. KPI memang kita letak KPI, kalau dia tidak boleh, tak mampu, dan dia pun mungkin tidak ada kemampuan dari

segi... bila kita lantik MKK, mestilah orang yang boleh menulis, membaca, menyampaikan maklumat, dan boleh memberi penerangan yang jelas kepada masyarakat. Kalau tidak ada kemampuan itu, boleh kita lihat semula. Sebab lantikan-lantikan ini semua lantikan politik. Dan saya harap semua MKK memberi kerjasama kepada penghulu mukim dan penghulu mukim juga. Penghulu mukim juga janganlah… minta maaf YB. Dato' SS nak sebut penghulu mukim. Penghulu mukim juga kadang-kadang berilah kerjasama kepada MKK. Kita ada dua sekarang ini kepimpinan masyarakat. Satu MKK, yang satu lagi, JPKKP (Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan). Ada sesetengah, dia suka pi dekat JPKKP. Sedangkan dia berkhidmat di Kedah ni.

Yang inilah yang kita rasa MKK ni duk lapor macam-macam dah dekat kita. Berilah kerjasama, di sana pun kita perlu pergi, kat sini pun kita perlu beri perhatian. Jangan tengok sorang-sorang, kena tengok dua-dua orang. JPKKP pun kena, MKK pun kena supaya kita seimbang untuk membuat program-program pembangunan di peringkat kampung. Wallahu a'lam.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

YB. Tuan Speaker, soalan tambahan.

YB. TUAN SPEAKER

Ya, silakan.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Berdasarkan lantikan tersebut, berapakah peratusan pembahagian antara tiga parti? Sebab dia lantikan parti kan? Jadi PAS dapat berapa? Bersatu dapat berapa? Gerakan dapat berapa? Terima kasih.

YB. DATO' USTAZAH HAJAH SITI ASHAH BT. HAJI GHAZALI

Terima kasih Kota Darul Aman. Saya tidak boleh bagi secara *figure* ini. Boleh kita bagi, sebab lantikan ni sampai kepada Mesyuarat EXCO, dia tak tulis dah parti mana. Parti-parti tu akan sampai di peringkat ADUN sahaja. Lepas tu di peringkat daerah pun tak tahu mana parti. Sampai di peringkat BPEN (Bahagian Perancang Ekonomi Negeri) pun tak tahu parti mana. Cuma senarai nama yang kami terima. Tapi kalau sekiranya ada kemampuan untuk kita sampaikan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Apa tujuan Yang Berhormat nak nama tu?

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Bukan, nak tahu sama ada pembahagian sama rata. Terima kasih.

YB. DATO' USTAZAH HAJAH SITI ASHAH BT. HAJI GHAZALI

InsyaAllah sama rata.

YB. TUAN SPEAKER

Yang Berhormat Merbau Pulas, kebiasaannya lah. Kerajaan yang ada ni dia adil, pembahagian tu elok. Sebab kita berbincang, bukan kita buat keputusan sorang-sorang

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Yang Berhormat Speaker, minta laluan.

YB. TUAN SPEAKER

Masa mencemburui kita, YB. Bayu.

YB. SHAMSILAH BINTI SIRU

Jawapan kepada soalan tu ada dalam jawapan bertulis penggal lepas. Saya dah tanya dah. Boleh rujuk penggal lepas.

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Yang Berhormat Speaker, boleh bagi laluan. YB. Merbau Pulas.

YB. TUAN SPEAKER

Saya minta maaf YB Bayu. Masa dah tak mengizinkan. Jadi saya nak teruskan kepada soalan yang ke-16. Dipersilakan YB. Tanjung Dawai. Minta maaf YB. Bayu.

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

Terima kasih Tuan Speaker. Mohon jawapan bagi soalan nombor 16.

16. YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI
[ADUN TANJUNG DAWAI]

Kejayaan Kedah meraih pelaburan bagi tahun 2024 adalah sebanyak RM45.8 bilion amat membanggakan.

Pohon dinyatakan :-

a) Apakah daya penarik kepada pelabur yang ditawarkan oleh Kedah?

b) Berapa peratus anak Kedah yang dijangka mendapat peluang pekerjaan melalui limpahan pelaburan ini?

YB. TUAN SPEAKER

Yang Berhormat Jitra, suka saya nak mengingatkan masa kita terhad. Jadi, kalau ada keperluan daripada Yang Berhormat Jitra untuk memanjangkan soalan-soalan ini kita nak jawab, jadi masukkan dalam penggulungan nanti. Saya akan hentikan sesi soalan mulut ini insyaAllah dalam 10:15. Jadi, cuba *adjust* masa.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Terima kasih YB Speaker. Yang saya hormati sahabat kita YB. Tanjung Dawai. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam Kedah Sejahtera, Nikmat untuk Semua. Soalan yang diutarakan adalah Kerajaan Kedah meraih pelaburan bagi tahun 2024 sebanyak RM45.8 bilion amat membanggakan. Apakah yang menyebabkan kita menjadi destinasi pilihan pelabur?

Izinkan saya Yang Berhormat Speaker dan Ahli Dewan semua, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, saya ingin menyatakan di sini bahawa kita telah menunjukkan satu gerak kerja yang cukup ampuh yang mana seluruh jentera negeri dan juga agensi-agensi peringkat Pusat telah dapat bekerja sebagai sebuah pasukan yang membolehkan kita menjadi *prefer investment destination* di negara kita, Alhamdulillah.

Jadi dengan kata lain, kalau boleh saya rumuskan disini *the crown jewel for our country* adalah Kulim Hi-tech Park. Tiada siapa dapat menafikan walaupun ada pihak-pihak cuba untuk mengambil segala kredit akan kewujudan Kulim Hi-tech Park ini. Tapi marilah kita berjua besar dan berlapang dada. Tidak akan ada *federal* tanpa adanya negeri. Jadi, kita menyumbang kepada pembentukan negara dan di sinilah sebenarnya bermula titik sebuah usaha yang mana dibangunkan Kulim Hi-tech Park ini.

Saya tidak berniat untuk menyatakan bahawa kepimpinan terdahulu ataupun usaha-usaha para pemimpin dahulu tidak membawa kepada kegemilangan atau kejayaan luar biasa. Mungkin pada ketika itu banyak isu dan cabaran yang tidak dapat ditangani dengan sempurna. Kerana apa saya berkata demikian YB. Speaker, untuk tempoh daripada 1996 tertubuhnya Kulim Hi-tech Park *sehingga* 2024, jumlah keseluruhan pelaburan yang masuk di KTPC (Kulim Technology Park Corporation) ini adalah sebanyak RM181.5 bilion.

Namun demikian, untuk tempoh 24 tahun terawal sebelum kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengambil alih iaitu pada tahun 2021 sehinggalah tahun 2024 di mana tempoh 24 tahun yang awal itu hanya RM50 bilion pelaburan yang masuk ke Kulim Hi-tech Park dan tempoh 5 tahun terkini RM132.5 bilion. Ini r*eality*, kita tak ambil semua kredit ini sebab kita tahu kita bekerjasama dengan MIDA (Malaysian Investment Development Authority), kita bekerjasama dengan bomba, kita bekerjasama dengan kastam, kita bekerjasama dengan semua agensi, jabatan-jabatan dan GLC (Government-Linked Companies) untuk membolehkan ini menjadi realiti. Jadi dengan kata lain, Alhamdulillah usaha dan kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita yang membolehkan kita berada di sini hari ini menjadi bukan kebanggaan negeri, tetapi kebanggaan negara kita. Jadi, saya mengharapkan usaha ini dapat diterus, dikembangkan dan baru-baru ini kita telah didatangkan satu polemik yang hampir merugikan negara, yang hampir membuatkan kita berasa kecewa tentang kegagalan pemimpin-pemimpin kita untuk duduk bersama dan menyelesaikan isu-isu.

Jadi, saya berharap perbezaan di antara kita kerajaan negeri dan Pusat sewajarnya diambil sebagai satu rahmat buat kita untuk lebih teliti dan lebih bersungguh dalam melakukan gerak kerja. Jadi, isu NOC (No Objection Certificate) yang kita hadapi untuk membolehkan KTPC mengambil alih Fasa 5 telah berlarutan lebih satu tahun dan saya di sini tidak berniat untuk memanjangkan polemik, saya hanya ingin menjelaskan bagi pihak kerajaan negeri kita, bagi pihak rakyat Kedah, sepertimana yang diamanahkan oleh YAB. Menteri Besar kepada saya, agar kita terus melangkah ke depan tanpa melihat isu-isu yang boleh mengguriskan hati sesiapa. Tapi pengajarannya luar biasa, setahun lebih kita tidak memperoleh NOC yang kita pohon. Kerana apa kita tidak memperoleh? Kerana peringkat awal kita telah mengenal pasti tanah untuk diambil alih, peringkat awal. Dan pada ketika itu harga tanah itu mengikut nilaian JPPH adalah lebih kurang RM7 sekaki persegi. Dengan harga RM7 sekaki persegi ini, kalau 450 ekar, kita boleh memperoleh tanah tersebut dengan harga lebih kurang RM137 juta. Namun demikian, kebijaksanaan kepimpinan kita, pastinya pihak penjual tanah akan berfikir ataupun membuat tawaran baru untuk harga lebih tinggi. Jadi, kita membuat antisipasi daripada apa yang telah diberikan oleh JPPH pada harga RM10.

Sebab itulah kita, apabila kita mengumumkakan permohonan kita kepada Kementerian Kewangan, kita memohon untuk mendapatkan dana yang mencukupi pada harga tersebut. Kalau harga sekaki persegi RM10, maka nilainya untuk 450 ekar ini adalah sebanyak RM165 juta. Jadi, cukuplah duit itu dan apabila berlaku pertelingkahan ataupun semakan di mahkamah, dan di situ kita melihat bahawa pemilik tanah tidak bersetuju pada harga, bukan RM7 yang disebut oleh JPPH, malahan harga kita RM10 pun mereka tidak bersetuju, sedangkan kita bersandar kepada JPPH, satu agensi yang berautoriti. Tidak mengapa, kita santuni dan kita fahami akan kepentingan pemilik tanah, maka kita telah mengusulkan NOC untuk mengambil alih tanah lain atau membeli tanah lain, iaitu tanah boustead. Isu di sini, apabila kita telah melakukan segala yang termampu kita bagi membolehkan pengambil alihan atau pembelian ini berlaku, ianya tidak berlaku seperti diharapkan. Malahan, setahun lebih permohonan NOC kita tidak dijawab. Boleh, tak boleh! Dan kita juga tidak boleh menunggu lagi sebab geran yang diberikan ini ada tarikh tempoh dia sebab ia diberikan dalam RMK-12 dan kita dah nak masuk RMK-13, masih tidak digunakan. Jadi kita mengambil langkah, walaupun NOC itu tidak dijawab, kita membatalkan NOC tersebut dan kita berpindah kepada tanah asal tadi. Namun tanah asal ini, harganya tidak lagi pada harga RM15 ataupun berapa harganya sekarang RM18.30 sekaki. Jadi atas sebab harga tersebut, maka berlakulah peningkatan harga keseluruhan untuk mengambil alih tanah seluas 450 hektar itu. Jadi, daripada *loan* yang diberikan sebanyak RM195 juta, jadi kita akan *top up* lagi duit negeri.

Duit negeri ini, duit negeri inilah daripada kantung kewangan kita ataupun pendekatan kewangan kita untuk menampung lagi sekitar RM182 juta. Jadi, apa yang dapat kita katakan di sini ialah kerana kita peringkat negeri dan Pusat tidak dapat duduk bersama dan melihat secara baik, mengambil masa dan merugikan. Tapi saya ingin menyatakan di sini, Dewan Yang Mulia ini, satu sosok tubuh yang harus diberikan ucapan terima kasih adalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, kerana dalam satu pertemuan di antara Yang Berhormat Menteri Besar dengan beliau dalam tempoh 30 minit sahaja menyatakan akan perkara ini dan beliau telah mengarahkan MOF dan Menteri Ekonomi untuk menyelesaikan masalah ini dan Alhamdulillah, isu ini dapat diselesaikan. Jadi tidak berbangkit isu Kerajaan Kedah menambah hutang untuk pengambilan tanah ini sebanyak RM182 juta. Kerana apa? Kerana kita mempunyai kekuatan kewangan kita. Bagaimana kita menguruskannya adalah bergantung kepada kebijaksanaan pengurusan kewangan kita.

YB. TUAN SPEAKER

Yang Berhormat Jitra, saya nak bagi laluan kepada soalan tambahan sikit. Kemudian yang selebihnya Yang Berhormat Jitra masukkan nanti dalam penggulungan. Saya buka kepada soalan tambahan sekiranya ada.

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan YB. Jitra. Soalan tambahan saya, kita telah pun dijemput ke Shenzhen baru-baru ini. Daripada dua buah negeri yang terpilih, Kedah salah satunya dan kita telah pun diberi peluang untuk mengemukakan apa yang ada di Negeri Kedah untuk mereka datang dan saya yakin pihak kerajaan negeri berjaya untuk meyakinkan. Jadi, apakah hasil daripada kunjungan dan pembentangan yang dibuat oleh pihak EXCO, pihak kerajaan negeri berkeyakinan bahawa mereka akan hadir dan juga melabur di Kedah ini? Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Yang Berhormat Jitra, yang ini pun jawab pendek sahaja dan masukkan dalam penggulungan nanti. Sebab saya akan hentikan pada 10.17 pagi.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Okay, seminit saja. Baik, saya cuba meringkaskan agar dapat menjawab soalan yang telah diutarakan. YB. Speaker dan YB. Tanjung Dawai, antara sebab mengapa kita menjadi destinasi pilihan ialah pertama *political stability and good governance*. Kerajaan kita hari ini tidak ada isu nak jumpa EXCO, nak jumpa MB kena ada itu dan ini. Semua orang *transparent*, semua orang bekerja dalam keadaan yang jelas akan kita sedang bergerak memacu negeri kita, pertama. Kedua, kita *open economic policy* walaupun selalu orang pakai peringkat negara tapi *state* juga, kita mesra pelabur, kita tak bermain sentimen, kita profesional, kita membuka laluan-laluan kepada siapa yang punya *interest* dan kita faham pelaburan itu baik untuk negeri kita. Ketiga, kita bersedia mendokong segala pembangunan prasarana dalam kemampuan negeri dengan kerjasama agensi-agensi Pusat. Kita laksanakan untuk menyediakan prasarana tersebut. Kita ada komitmen untuk *environment sustainability.* Kita lihat bagaimana di Kulim Hi-tech Park malahan, di Bukit Kaya Hitam kita akan bangunkan *renewal energy zone* dan kita akan usahakan pembangunan pembekalan *green energy* sebanyak 2 gigawatt, insyaAllah.

Jadi, usaha ini memberi gambaran kepada mereka bahawa kita bersungguh-sungguh untuk mendokong agenda berkaitan dengan persekitaran yang baik. *Strong education system*, *talent* yang mana kita usahakan, di mana kita ada *Kedah Investment Team* yang membentuk iaitu satu *center* dipanggil *Kedah Talent Center.* Yang mana kita telah bekerjasama, bergerak bersama industri-industri dan institut pengajian tinggi untuk membekalkan *talent* yang mencukupi.

YB. Speaker, satu lagi perkara yang ingin saya kongsikan di sini ialah setiap pelabur yang datang atau menunjukkan hasrat kepada kita, kita santuni mereka tanpa melihat berapa banyak jumlah pelaburan mereka. Kita memberikan perkhidmatan profesional, kita memberikan nasihat, kita memberikan mereka segala keperluan maklumat yang mereka memerlukan. Inilah yang membuatkan hari ini bukan hanya Kulim Hi-tech Park tapi Padang Meha, sedang maju dan berkembang dan yang terbaru KRC (Kedah Rubber City) telah ada pelabur yang akan masuk menjadi *anchor investor* di KRC dan juga di Delapan SBEZ di mana baru-baru ini di Shenzhen, saya telah membentangkan negeri kita, insyaAllah sekiranya kita terpilih difahamkan sekitar RM100 bilion pelaburan, RM100 bilion pelaburan akan masuk ke Malaysia dan antara *preferred destination* mereka adalah Negeri Kedah, insyaAllah doakan. Terima kasih YB. Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Jitra, mudah saya nak mengawal YB. Jitra ni sebab dia faham.

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Yang Berhormat Speaker, saya kurang faham. Dia macam ni, sebenarnya ada satu soalan lagi yang penting. Kalau boleh sambung sikit. Sebab tu YB. Jitra ambil lama sangat. Kalau boleh lain kali jawapan macam YB. Speaker bagitau kena gulung tu panjang sikit tak pa, yang jawapan ni ringkas-ringkas, dia mengambil masa yang soalan saya. Penggal lepas pun sama juga, hat hujung sekali dia tahan saya.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Bayu. Yang lain-lain yang belum sempat dijawab, kita minta Yang Berhormat EXCO akan menjawab dalam penggulungan. Tuan Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Sambungan penggulungan di atas usul menjunjung kasih kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah secara dasar oleh pihak kerajaan.

II. SAMBUNGAN PENGGULUNGAN DI ATAS USUL MENJUNJUNG KASIH KEPADA KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH SECARA DASAR OLEH PIHAK KERAJAAN.

YB. TUAN SPEAKER

Dijemput YB. Suka Menanti, dipersilakan. Ambil masa yang berbaki kelmarin saja na. 15 minit.

YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN AB GHANI

Terima kasih YB. Speaker. Amboi, dia bagi amaran awal. Hat kelmarin kira tak aci lah? Tak boleh?

YB. TUAN SPEAKER

Tak boleh! Nanti YB. Bayu marah.

YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN AB GHANI

Baik. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi Md Nor, Menteri Besar Kedah, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua- ketua jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Berhubung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah, berkenaan saranan agar pihak MADA (Lembaga Kemajuan Pertanian Muda) dan MARDI (Malaysian Agricultural Research and Development Institute) meningkatkan usaha dalam melaksanakan kajian dalam penghasilan benih padi yang berkualiti. Pihak Jawatankuasa Pertanian Negeri Kedah telah mengorak langkah dengan menyusun atur bekerjasama dengan Agensi Nuklear dan ATM untuk menjalankan uji kaji benih yang bakal dilaksanakan. Beberapa pertemuan dan lawatan tapak telah adakan bersama-sama pihak Agensi Nuklear dalam mengenal pasti ciri-ciri benih padi yang bakal digunakan nanti. Benih padi tersebut haruslah mempunyai ciri-ciri benih yang berkualiti seperti tahan penyakit, akar pokok padi yang kuat untuk mengelakkan mudah rebah serta berkualiti dari segi penghasilan berat padi tersebut. Setakat ini benih padi varieti NMR152 sahaja yang keluarkan oleh Agensi Nuklear yang sesuai dengan kebanyakan jenis dan struktur tanah sawah padi di Negeri Kedah ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, menjawab soalan YB. Kota Siputeh dalam soalan tambahan kemarin ini beliau mencelah, "apakah mekanisme penjualan benih padi? Perlukah lesen dan adakah kita perlu mengikut harga benih padi yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan? Terima kasih YB. Kota Siputeh. Menjawab soalan pertama mekanisme penjualan benih sah hanya melalui syarikat pengeluaran yang dilantik oleh pihak kerajaan melalui KPKM iaitu Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan Bahagian Kawal Selia Padi Beras. Syarikat yang dilantik akan tetapkan kuota untuk pengeluaran benih padi yang sah. Ini kerana subsidi benih padi akan dibayar oleh kerajaan kepada syarikat pengeluar yang dilantik sahaja selain pengeluar benih yang dilantik adalah tidak boleh menjual benih padi sah.

Dalam hal ini, Yang Berhormat Speaker dan Yang Berhormat Kota Siputeh, saya telah pun mencadangkan di peringkat Kerajaan Pusat untuk mengkaji semula sistem pembiayaan ataupun subsidi benih padi yang disalurkan kepada pihak kilang dan sebagainya supaya diubah. Subsidi ini diberi terus kepada pesawah-pesawah agar pesawah-pesawah mempunyai *option* (pilihan) untuk mendapatkan benih yang berkualiti untuk mereka tanam. Sekarang ini, rungutan ramai daripada pesawah-pesawah mengenai dengan kualiti benih padi yang kurang bermutu. Merujuk kepada harga jualan benih padi Kedah yang bakal dijual kelak, pihak Jawatankuasa Pertanian Negeri Kedah, belum lagi menentukan jenis mekanisme penjualan. Ianya masih lagi diteliti dengan terperinci, serta perlu mengambil kira beberapa aspek antaranya adalah perbincangan bersama pemilik *pattern* dan varieti benih tersebut. InsyaAllah, selepas kerajaan menentukan prestasi benih tersebut nanti, pihak kami akan memaklumkan kepada umum.

Seterusnya menjawab soalan kedua, Yang Berhormat Kota Siputeh juga mengenai Pusat Pengumpulan Ladang ataupun PPL. Pusat Pengumpulan Ladang merupakan tempat pengumpulan hasil-hasil pertanian di sekitar kawasan pengeluaran. Selain daripada aktiviti pengendalian selepas tuai seperti pengedaran, pembungkusan dan perlebelan ataupun GPL (General Public License), aktiviti pemasaran juga boleh dilakukan di PPL (Pusat Pengumpulan Ladang) bagi tujuan hasilan pertanian di situ dapat dipasarkan secara terus kepada pengguna yang secara langsung dapat membantu meningkatkan pendapatan serta keterjaminan pemasaran melalui interaksi secara terus antara pengeluar, pemasar dan pengguna. Di antara syarat-syarat pertama setelah mendaftar sebagai peserta ladang kontrak atau Rakan Pemasar Kontrak Pemasaran atau RPKP, warganegara Malaysia berumur tidak kurang 18 tahun dan tidak melebihi 60 tahun. Kita tak boleh dah YB. Speaker, lepas dah. Pemohon adalah individu atau kelompok Persatuan Koperasi, wakil agensi yang telah mengusahakan aktiviti pengumpulan hasil ladang sama ada daripada pengeluaran padi sendiri ataupun daripada pengeluaran yang lain.

Beberapa lagi syarat yang perlu dipenuhi oleh pemohon, untuk makluman YB. Kota Siputeh, terdapat dua Pusat Pengumpulan Ladang atau PPL di sekitar Jerlun dan Kota Siputeh iaitu di PPL Kampung Pering, Padang Sera, Kodiang dan PPL Kampung Pida 3 Baru, Jalan Sanglang. Ianya meliputi projek kelompok tanaman jagung manis dan projek tanaman mangga harum manis.YB. Kota Siputeh jika ada masa jom kita pi tengok. Nanti buat jamuan sikit, YB. Speaker pun nak ikut juga. Disebabkan masa, insyaAllah kita akan bagi jawapan yang selebihnya dalam jawapan bertulis.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berikutan lawatan saya bersama dengan Jabatan Pertanian, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Kedah Pedu dan juga Derga baru-baru ini di Malang, Indonesia telah mengenal pasti varieti benih padi yang baru, boleh kita guna pakai dan dikaji demi kepentingan petani, pesawah untuk menghasilkan hasil mereka dengan lebih baik. Usaha untuk menguji kaji benih tersebut akan bakal dilaksanakan tidak lama lagi, insyaAllah. Inilah antara usaha yang sedang dilaksanakan demi menjadikan sub-sektor pertanian iaitu padi, agar terus kekal *relevan* untuk diusahakan. Ramai petani dan pesawah perungut dah, mereka letih dah, tapi inilah kita bersungguh-sungguh untuk membantu dan memartabatkan industri serta pesawah dan pertani kita.

Yang Berhormat Tuan Speaker, YB. Kuah ada menyentuh berkenaan pemohonan mengadakan undang-undang untuk pendaftaran ternakan dan keperluan penandaan kepada ternakan yang dipelihara. Untuk makluman YB. Kuah, pendaftaran ternakan seperti lembu dan kerbau telah dilaksanakan melalui peruntukan undang-undang sedia ada di bawah Enakmen Pendaftaran Kerbau Lembu Pindaan Pertama 1990. Kerajaan Negeri mengambil maklum akan keperluan tanda pengenalan terhadap ternakan yang dipelihara melalui proses penambahbaikan enakmen tersebut yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterina Negeri Kedah.

Terima kasih YB. Kuah atas pandangan yang sangat *relevan* dan pandangan yang jauh berkenaan kebergantungan kepada satu *operator* feri sahaja. Untuk makluman, sekarang ini sudah ada pilihan dari Syarikat Sunny Express. Namun, Kerajaan Negeri juga mengintai akan peluang-peluang untuk bekerjasama dengan pihak-pihak swasta atau mana-mana pihak yang berminat untuk kita menyemak sama ada pihak kerajaan negeri dapat menubuhkan satu syarikat GLC dan sebagainya untuk kita buat niaga feri pula, feri *service* pula. Sebab dulu-dulu kalau kita ingat kita boleh pergi ke Langkawi balik hari, pergi pagi, petang kita boleh balik ataupun boleh ambil pagi, malam. Sekarang tak dak dah. Kalau pergi sana kena tidur lah satu malam, lebih-lebih lagi, kesian juga kepada penduduk Langkawi khususnya kalau ada sakit demam nak kena mai sini ataupun nak mai melawat adik beradik sakit demam nak kena mai tidur di Alor Setar, baru boleh balik pagi esok.

Jadi, inilah antara rungutan penduduk Langkawi khasnya tentang jadual feri yang ada masa kini. Saya juga ada berbincang dengan pihak *operator* feri, antara keresahan mereka adalah isu air ataupun paras laut. Itu sebab usaha-usaha dijalankan untuk korek pasir-pasir apa semua tu di Kuala Perlis. Juga di Kuala Kedah, usaha-usaha sedang dijalankan tentang pembaikan, menaik taraf jeti baru. Tapi pada masa itu pihak Kerajaan Negeri ada bincang dengan pihak MOT (Ministry of Transport) nak cadangkan jeti baru Kuala Kedah tu jangan buat tempat sekarang ini, pindah pi tengah laut nu. Bila pindah pi Tengah laut nu, selesai masalah yang dihadapi sekarang ini. Tapi nak pi buat di situ juga. Kita tengoklah apa nak jadi pula selepas ni. Kalau kita buat tengah laut tu, selesai masalah air pasang surut, yang pertama.

Yang kedua, sekarang ni laluan dalam jeti duk ada ni dah mula sibuk dah, dengan perahu nelayan. Kalau buat di sana kita boleh buat bukan sahaja tempat jeti baru tetapi tempat pelancongan baru. Ini untuk sahabat saya YB. Kubang Rotan. Tapi dah depa buat di situ, belanja hampir RM240 juta, nak buat macam mana, dah buat dah pun. Itulah antara cadangan kerajaan negeri sebabnya pengangkutan ini di bawah kuasa penuh Kerajaan Pusat. Yang Berhormat Speaker, namun kita juga mengambil kira bahawa sebarang penubuhan syarikat feri milik negeri ini memerlukan kajian yang teliti dari sudut kos operasi, daya saing komersial, faktor pengurusan dan sokongan teknikal agar ia benar-benar mampu beroperasi secara mampan dan tidak menjadi beban kewangan kepada kerajaan negeri. Ini masih lagi dalam kajian YB. Speaker. InsyaAllah, sekiranya kajian ini dapat memberi satu gambaran yang positif mungkin ia dapat membantu untuk penduduk Langkawi khususnya dalam hal feri tak cukup.

Berkenaan cadangan pelepasan benih ikan ke sungai yang dibangkitkan oleh YB. Bayu, (keluar pula dah). Untuk makluman YB. Bayu dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, program pelepasan benih ikan di sungai-sungai oleh pihak Jabatan Perikanan Negeri Kedah telah dilaksanakan dalam beberapa siri sepanjang tahun. Sebagai contoh, Sungai Kedah dan Sungai Anak Bukit menerima hampir lebih 10 siri program pelepasan benih ikan dan benih udang galah sepanjang tahun 2024. Kita juga telah adakan program ini di Bandar Baharu kalau tak silap saya, awal dulu ni. Jabatan Perikanan Kedah akan terus giat melaksanakan program pelepasan benih ikan di sungai-sungai seluruh Negeri Kedah, insyaAllah.

Berkenaan cadangan YB. Pedu, penyediaan dana oleh kerajaan negeri untuk latihan kepada petani dan pesawah, insyAllah saya akan berbincang dengan Dato' Wira kita lah. Tengok macam mana, nak cari duit tang mana untuk kita nak bantu supaya petani-petani kita dapat pendedahan bagaimana teknik dan pengurusan sawah yang telah dilangsungkan ataupun dilaksanakan di negara-negara jiran kita.

Baru-baru ini lawatan kita ke Malang, Indonesia melihat bagaimana petani, pesawah sana menyelenggara dan dapat hasil yang begitu memberangsangkan dan pihak sana pun juga sanggup menerima kunjungan ataupun dapat kita hantar pergi bakal-bakal petani, pesawah dan anak muda kita ke sana untuk dapat nikmat bagaimana mereka melaksanakan ataupun mengurus padi atau bendang depa hingga mendapat hasil sehingga 15 tan per hektar. Saya rasa ini satu pandangan yang baik yang perlu, insyAllah saya bincang, tengoklah bagaimana Dato' Wira PKN kita.

YB. TUAN SPEAKER

Ya, YB. Suka Menanti, saya menyokong benda tu, saya setuju. Cuma bila YB. Suka Menanti duk bercakap, kata pergi tengok di Malang apa semuanya, saya tak boleh nak bayangkan macam mana keadaan di sana tu. Jadi, untuk seterusnya tu, saya rasa untuk nak memudahkan, saya nak mengendalikan Sidang Dewan, saya nak faham apa yang YB maksudkan tu, elok kita jemput Speaker sekali.

YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN AB GHANI

Saya faham. Betul, kalau kelmarin YB. Speaker faham pantun saya tu, macam YB. Derga duk cakap banyak sangat, bawa pi sana sini, balik tanya banyak lagi. Lepas ni kita bawa YB. Speaker pula pi. Itulah jawapan saya YB. Speaker, InsyaAllah.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih! Terima kasih! Masa ada 3 minit lagi.

YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN AB GHANI

Haa… Tudia lah, duk ajak pi Malang pula dah. Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, perancangan guna tanah bagi sumber makanan dan pembangunan lain perlu diteliti dengan sebaiknya agar ia memberi manfaat yang menyeluruh pada rakyat Kedah khususnya serta rakyat Malaysia amnya. Ianya perlu dan wajar diberi perhatian agar negeri ini dapat berkembang dan mendokong keperluan negara Malaysia dan menjadi negeri pengeluaran padi utama negara juga menjadi negeri gedung makanan negara, insyaAllah.

Berkenaan Program Keterjaminan Makanan (KPKM) mengoptimumkan penggunaan tanah terbiar melalui kerjasama kerajaan negeri melalui BPEN (Bahagian Perancang Ekonomi Negeri) yang telah memohon sebanyak 19 projek berjumlah RM33 juta telah diperhalusi di peringkat kementerian, kelulusan sebanyak 7 projek bernilai RM11.21 juta diberikan dan peruntukan tersebut telah disalurkan melalui Pejabat

Kewangan Negeri Kedah baru-baru ini. Ucapan terima kasih kepada pihak kementerian dan pihak Dato' Sri KSU (Ketua Setiausaha) yang sudi membantu negeri ini untuk memajukan sektor pertanian hari ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kita sedar dan faham bahawa teknologi atau arus komponen akan datang bersama kos yang tinggi. Disebabkan itulah usahasama bersama kerajaan dan syarikat awam, swasta adalah sangat diperlukan. Kita mempunyai tanah dan tenaga kerja, insyaAllah selama ini akan dirancang dengan sebaiknya agar membawa manfaat kepada semua pihak. Contoh projek yang sedang dilaksanakan ialah Pemerkasaan Taman Kekal Pengeluaran Makanan atau (TKPM) kepada SME Agro Park di Gajah Mati, Pokok Sena, di mana kita akan menjadikan Pusat Pertanian Kedah, insyaAllah dengan fokus kepada tanaman *rockmelon* yang kita sasarkan pengeluaran hasil satu juta biji *rockmelon* setahun, Insyaallah.
Yang Berhormat Tuan Speaker, menyentuh kembali sektor padi dan beras, dalam Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah, nasib pesawah yang merupakan tunjang kepada sektor pertanian padi dan beras perlu diberi perhatian yang serius. Dengan kos input pertanian yang tinggi, hasil pendapatan yang sangat rendah, keringat yang mereka keluarkan dirasakan tidak setimpal. Harga belian padi meningkat tapi jelas ianya hanya akan menjejaskan rantaian pasaran.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sektor pertanian inilah sangat luas dan ianya bukan sahaja berkaitan cucuk tanam, padi beras dan agro pelancongan sahaja bahkan gastronomi agro juga termasuk sekali. InsyaAllah, program seperti Hari Perternak dan Peladang yang akan dianjurkan tidak lama lagi dan tahun ini akan diperkasakan penganjuran tersebut akan diharap menjadi *world class exhibition* (dengan izin) kerana bakal menampilkan pemain-pemain industri berkaitan pertanian dari luar negara seperti Thailand, Indonesia dan lain-lain lagi Insyaallah, selain pemain-pemain industri berkaitan pertanian yang sedia ada dalam negara.

Tanaman utama lain seperti mempelam harum manis juga giat diperluaskan ataupun diusahakan. Pada awal bulan Mei insyaAllah, iaitu pada tanggal 1 hingga 4 haribulan akan berlangsung Festival Mempelam Kedah di Pusat Mempelam Kedah di Sala, Yan. Jadi, saya mempelawa seluruh para hadirin bersama-sama kita pergi ke Pusat Mempelam Kedah di Sala, Yan, tanggal 1 hingga 4 Mei untuk menikmati kemanisan Harumanis D'Aman Kedah dan insyaAllah, selepas tamat Sidang DUN ini pun, pakat-pakat boleh rasa sikit kut. Pakat-pakat tengok di luar lah. Sebelum saya menamatkan penggulunggan ini YB. Tuan Speaker, industri burung walit juga kita sedang membantu dengan perbincangan yang telah diadakan dengan pihak Persatuan Burung Walit Kedah. Saya rasa YB. Tokai ada bangkit kut soalan ini dalam soalan bertulis. Mungkin selepas ni nak pi China pula. Cadang la YB. Speaker kut teringin nak pi.

YB. TUAN SPEAKER

Setuju! Setuju!

YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN AB GHANI

Nak pi tengok pasaran. Saya ingin juga mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan penghargaan kepada semua agensi kerajaan sama ada Pusat ataupun negeri dan badan-badan berkanun serta semua pihak terlibat yang membantu saya untuk terus berkhidmat sebagai EXCO Pertanian, Perladangan dan Pengangkutan juga sebagai ADUN Suka Menanti sehingga ke hari ini. Juga saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak JKR, MADA dan juga Datuk Bandar serta pihak JKR terutamanya yang telah meluluskan RM5 juta untuk baik pulih parit di Taman Wira ini yang selalu terkena banjir kilat, Alhamdulillah. InsyaAllah, projek itu akan dilaksanakan pada bulan ini dan dijangka siap dalam tempoh 4 atau 5 bulan.

Akhir kata YB. Tuan Speaker, saya dengan penuh takzim menjunjung kasih dan menyokong sepenuhnya Titah Ucapan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah yang amat disayangi. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih kepada YB. Suka Menanti. Seterusnya dijemput YB. Kuala Ketil. Dipersilakan. Masa yang diberikan 25 minit sahaja.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alḥamdulillhi rabbil-'alamin Waṣ-ṣalatu was-salamu 'ala asyrafil-anbiya'i wal-mursalin, wa 'ala alihi wa ṣaḥbihi ajma'in. Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker, seterusnya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Dato Pegawai Kewangan Negeri, Yang Berhormat Penasihat Undang-undang, seterusnya Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Negeri, Yang Berhormat- Yang Berhormat ADUN, ketua jabatan dan agensi dan seluruh para hadirin yang dirahmati Allah sekalian.

Pertamanya, marilah kita merafakkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia serta rahmat-Nya kita diberi berkesempatan berkumpul di dalam sidang kali ini. Terima kasih Yang Berhormat Speaker kerana beri ruang kepada saya untuk menggulung atas apa yang telah dibahaskan oleh semua

Yang Berhormat berdasarkan Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah dalam majlis Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Ke-15 pada Ahad yang lalu.

Sebelum saya melanjutkan penggulungan pada hari ini, saya ingin menyampaikan sokongan penuh saya terhadap Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah yang telah disampaikan pada Ahad yang lepas.

Yang Berhormat Speaker, sebelum saya teruskan kepada beberapa jawapan persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat, sepanjang perbahasan pada sidang kali ini, izinkan saya menjelaskan beberapa perkara yang telah menjadi keutamaan kepada portfolio saya sepanjang tahun lepas dan juga tahun ini di bawah Portfolio Perumahan, Kerajaan Tempatan dan juga Kesihatan.

Yang pertamanya adalah membuka tirai membuka tirai 2025. Kita telah mengadakan kerjasama dengan semua daerah, PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) dan juga EXCO Pelancongan, iaitu bagi Program Gotong-royong Perdana bagi menyambut tahun 2025 ataupun Tahun Melawat Kedah. Yang keduanya kita telah pun mengeluarkan arahan menghentikan perniagaan pasar malam bila masuknya waktu Maghrib. Ini kita telah arahkan kepada semua PBT untuk mengambil tindakan kepada arahan-arahan ini. Meneruskan program Kedah Bersih, iaitu pada tahun ini, iaitu satu program gotong-royong di semua PBT dengan kerjasama semua jabatan, agensi, SWCorp, ketua-ketua kampung dan juga pusat-pusat khidmat wakil rakyat.

Menambah baik papan iklan, *billboard* iaitu meletakkan tulisan rumi sebagai tulisan yang utama, tulisan rumi atau tulisan bahasa Malaysia sebagai tulisan yang utama manakala tulisan Jawi adalah tulisan yang digalakkan. Serta tidak membenarkan mengeksploitasi gambar wanita seksi di papan *billboard* untuk tujuan tertentu dan juga tidak membenarkan mengiklan bahan-bahan terlarang ataupun perkataan-perkataan yang boleh menggugat kepada perpaduan dan juga keharmonian kaum.

Seterusnya Kerajaan Tempatan juga melalui Pegawai Undang-undang sedang dalam fasa membuat semakan Undang-undang Kecil yang mana boleh dikategorikan sebagai undang-undang yang lama kita sedang membuat semakan tersebut. Yang keenam, semua PBT juga melaksanakan program kemasyarakatan di semua PBT-PBT. Yang ketujuh, semua PBT juga diarahkan memberikan khidmat dan bantuan ketika Kedah dilanda banjir ataupun musibah atau bencana.

Yang kelapan, mengenakan pada tahun ini adalah sukan PBT iaitu akan dilaksanakan bulan Jun 2025 sebagai satu daripada kaedah untuk mengeratkan hubungan silaturahim dan ukhwah di kalangan semua kakitangan PBT seluruh Kedah. Pada kali ini, Baling akan menjadi tuan rumah pada sukan tersebut. Tahniah Baling! Baling lagi depa kata, permulaan. Dulu ada merata, Yang Berhormat Speaker, sukan bola ni berada di tempat lain, takraw berada di tempat lain. Jadi payah. Kali ini saya himpun setempat, 3 hari 2 malam di satu tempat.

YB. TUAN SPEAKER

Itulah, kalau ada ruang tengok-tengok YB. Bayu sama.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Haa… Sekali kawasan Bayu lah tu. Bayu dalam Baling lah YB. Tuan Speaker. Bukan adik beradik lain, tak dak. Tahun ini juga program yang kesembilan. Tahun ini juga saya telah melaksanakan lawatan ke bazar-bazar Ramadan di setiap beberapa daerah iaitu di antaranya adalah di Pasar Billion, di Bandaraya Alor Setar, Pendang, Jitra, di Baling dan juga di Padang Terap. Ini adalah sebagai satu sokongan kepada PBT-PBT yang telah menyediakan infra yang terbaik kepada peniaga-peniaga kita di sepanjang tempoh bulan Ramadan. Jadi kita harap, para peniaga yang berniaga bukan saja mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri, malah memberikan kerjasama yang sangat baik kepada PBT untuk memberikan perkhidmatan kepada mereka untuk mencari rezeki pada bulan Ramadan tersebut.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

YB. Tuan Speaker!

YB. TUAN SPEAKER

Ya, YB. Kuala Ketil beri laluan kepada YB. Tokai, boleh?

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Saya mencelah YB. Kuala Ketil. Saya nak minta lah, lain kali kalau nak pi tu jangan terjah terus. Hello-hello lah sama kepada tuan rumah. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Tuan rumah tak tau noh?

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Ooo… Kes pi Pendang ka? Pendang pi luar negeri pada masa tu. Seterusnya ialah "Langkawi Bersih". Baru ni kita telah melaksanakan satu Program Gotong Royong Perdana dan pelancaran "Langkawi Bersih" sempena menyambut LIMA 2025 iaitu akan bermula pada 20 hingga 24 Mei 2025. Ini adalah rentetan daripada kes denggi yang amat tinggi di Langkawi iaitu mencecah kepada 203 kes berbanding sebelum-sebelum ni. Jadi dalam Kedah ni, Langkawi paling tinggi. Jadi, kita mengambil berat kes ini sebab untuk mengelakkan pelancong-pelancong ataupun pemain-pemain industri dalam LIMA ini tergugat. Jadi, tujuan kita membuat program bersih ni supaya memastikan semua jabatan, agensi, kampung-kampung yang terlibat membuat persiapan awal sebagai tuan rumah serta memastikan supaya tidak berlaku kecacatan kepada program LIMA nanti. Dan saya ucapkan terima kasih pada Tuan DO Langkawi yang telah memberi kerjasama sepenuhnya dalam program tersebut.

Seterusnya kita juga pada tahun ini akan mengadakan satu seminar kenderaan terbiar iaitu pada bulan Julai nanti dengan semua PBT di seluruh negara akan hadir di Kedah. Kita akan buat di Raia Hotel iaitu kita mengambil pendirian sekarang terdapat banyak kenderaaan terbiar dalam kawasan PBT yang tidak dapat diuruskan secara baik. Jadi, mungkin dengan seminar ini yang akan disertai oleh Jabatan Pengangkutan Jalan sendiri, kita akan memudahkanlah urusan-urusan di setiap PBT untuk tarik setiap kenderaaan tersebut dan lupuskan dengan cara yang sistematik.

Seterusnya juga kita sedang merangka satu garis panduan hiburan di tempat terbuka bagi kita mengengkang perkara yang tidak baik berlaku. Sebelum ni beberapa hiburan ataupun program yang diadakan di tempat terbuka banyak sangat mendapat tentangan daripada rakyat dan juga orang ramai. Jadi, kita sedang sediakan garis panduan tersebut di peringkat akhir yang mungkin melibatkan libat urus dengan beberapa jabatan dan agensi dan kita akan kenalkanlah supaya tidak akan ada lagi perkara-perkara yang boleh mencacatkan kepada program tersebut.

Seterusnya untuk makluman hadirin juga adalah tentang Bandar Diraja. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah ataupun Plan Malaysia Kedah telah menyediakan Pelan Pembangunan Bandar Diraja Anak Bukit pada tahun 2022 dan ianya juga telah diangkat untuk pemakluman dasar dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri Kedah Kali Ke-165 bilangan 2023 pada 28 Mac yang lalu. Sepanjang penyediaan pelan pembangunan ini melibatkan kerjasama rapat dengan pihak BPEN (Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Kedah), JKR (Jabatan Kerja Raya), JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) dan MBAS (Majlis Bandaraya Alor Setar) termasuk rujukan dan persetujuan di peringkat Pengelola Bijaya Diraja.

Berdasarkan definasi dalam Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Bandar Diraja, bandar ini adalah bandar yang dimasyurkan sebagai Bandar Diraja yang mempunyai karektor, budaya dan sejarah tersendiri. Sempadan kawasan Bandar Diraja Anak Bukit adalah bermula dari persimpangan Ibnu Sina iaitu di hospital lama sehinggalah ke tepi persimpangan Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim iaitu sepanjang 7 km dan keluasan lebih kurang 1,407.87 ekar iaitu berdasarkan kepada sempadan fizikal sungai di sebelah timur dan landasan kereta api di sebelah barat. Ini saya nak maklumkan supaya semua rakyat dalam Bandar Raya Alor Setar sendiri memahami tugas dan peranan Datuk Bandar untuk menyusun atur beberapa perkara yang melibatkan sempadan Bandar Diraja ini. Kadang-kadang tertimbul persoalan contohnya peniaga akan rasa terkesan apabila ada program-program yang diatur semula oleh Datuk Bandar. Saya harap rakyat faham inilah tujuan kita mengangkat sebagai Bandar Diraja ini satu-satunya adalah sebagai 'kartel' pelancongan bagi Negeri Kedah ini.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kuala Ketil, YB. Tokai minta laluan.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Bila nak habis ni. Tunggu sat.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Masa kecederaan YB. Speaker boleh bagi. Terima kasih YB. Kuala Ketil. Memang Bandar Diraja ini kita dah bincang lama dah, dan apa yang menjadi masalah kepada penyusunan Bandar Diraja ini adalah rumah-rumah yang duduk di tepi jalan sekitar, kita kata daripada *airport* itu sampai kepada persimpangan Ibnu Sina ni. Pembaikan depan-depan rumah mereka ataupun pagar-pagar rumah mereka itu perlu diberi perhatian juga lah. Kerana kadang-kadang yang telah terlalu lama itu perlu kita tambah baik bagi nampak cantik. Kemudian, kerjasama dengan JKR ini. Saya rasa masalah dari dulu lagi, JKR hanya memberikan sumbangan untuk pembersihan perabot-perabot jalan ini. Saya tak ingat setahun dua kali saja kot. Jadi, kita harap peruntukkan itu perlu ditambah terutama sekali di Bandar Diraja di Negeri Kedah ini supaya pembersihan dilakukan dengan lebih kerap agar ia menjadi sejuk mata memandang lah. Jangan rumput itu sama tinggi dengan orang sudah lah. Saya harap benda ini perlu diberi perhatian oleh pihak yang terbabit. Terima kasih, YB. Kuala Ketil dan YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Teruskan YB. Kuala Ketil.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Terima kasih Yang Berhormat Tokai. Saya ambil maklum tentang cadangan oleh YB. Tokai tadi dan juga untuk pembersihan jalan itu, sebenarnya telah pun ada perbincangan antara pihak Datuk Bandar dan juga THB serta juga JKR. Dan seterusnya adalah pembangunan koridor Utiliti Infra Darul Aman ataupun UiDA. UiDA ini kita telah diberikan kebenaran untuk pemetaan izin lalu kepada utiliti-utiliti dalam perbandaran kita. Dan baru-baru ini kita telah mengadakan perbincangan tentang bagaimana kesan kepada letupan gas di Putra Height. UiDA juga akan ada peranan ini untuk *remapping* semula laluan gas dalam Negeri Kedah ini.

Dan yang terakhirnya adalah untuk semperna Tahun Melawat Kedah ini juga, PBT di semua daerah ataupun kawasan akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Tahun Melawat Kedah 2025 ataupun program-program yang dianjur oleh kerajaan negeri untuk merancakkan lagi program-program berkaitan dengan sambutan Kedah 2025 ini ataupun Tahun Melawat Kedah 2025, insyaAllah.

Seterusnya saya akan sentuh sikit tentang pencapaian-pencapaian oleh setiap PBT sepanjang tempoh ini. Yang pertama adalah daripada Datuk Bandar sendiri iaitu ASEAN Clean Tourist City 2024 hingga 2026. Yang kedua adalah Dataran Medan Bandar Alor Setar dipilih sebagai pemenang Anugerah Dataran Warisan Islam Berprestij 2024 dan MBAS juga terima Anugerah Bandar Mampan 2024. Tahniah kepada Datuk Bandar.

Seterusnya Majlis Perbandaran Sungai Pertani, Bandar Mampan oleh Pelan Malaysia dan juga Malaysia Landscape Architecture Award 2025. Yang ketiga, tempat pertama Anugerah Penarafan Kedah Cashless di peringkat PBT Negeri Kedah tahun 2024. Seterusnya adalah Majlis Perbandaran Langkawi, Bandar Mampan 2024 peringkat Negeri Kedah dan Anugerah Bandar Rendah Carbon Majlis Perbandaran Langkawi. Majlis Pembandaran Kulim telah menerima The Champion of East Doing Business dan yang keduanya adalah Bandar Mampan Tahun 2024 peringkat Negeri Kedah. Majlis Daerah Baling, Anugerah Bandar Mampan tahun 2024 peringkat Negeri Kedah Darul Aman dan Anugerah 5 bintang, iaitu Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2024.

Majlis Daerah Pendang, penganugerahan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan iaitu 5 bintang, Anugerah Pihak Berkuasa Tempatan Terbaik, Best PBT Award Tahun 2024 bagi pelaksanaan Pembayaran Tanpa Tunai oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan penganugerahan Bandar Mampan tahun 2024. Majlis Daerah Yan, Anugerah Bandar Mampan bagi pelaksanaan program Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar Luar Bandar Malaysia. Majlis Daerah Sik, Penyata Kewangan Terbaik Tahun 2023, pencapaian Jabatan Perancangan Pembangunan dan Landskap 2024. Majlis Daerah Padang Terap, iaitu Anugerah Bandar Mampan bagi pelaksanaan program Jaringan Penunjuk Pembangunan Bandar Mampan, Bandar Luar Bandar dan Anugerah 5 bintang dalam Penarafan Bintang PBT 2024. Majlis Daerah Bandar Baharu, Anugerah 4 Bintang Sistem Penarafan Bintang PBT, Anugerah Bandar Paling Bahagia. Tahun ni baru dapat, Anugerah Bandar Paling Bahagia.

Siapa yang nak bahagia pi duduk di Bandar Baharu. Kalau duduk di Pendang tak berapa nak bahagia sikit la noh? Anugerah Bandar Mampan 2024, Anugerah Bandar Sederhana Mampan iaitu pada 2023. Majlis Daerah Kubang Pasu, Anugerah Pihak Berkuasa Tempatan Terbaik bagi Pelaksanaan Pembayaran Tanpa Tunai 2024 dan Anugerah Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2024. Dan *last* sekali adalah Hi-tech, Anugerah Bandar Rendah Karbon 2024 dan Pemenang Tempat Kedua kategori Pihak BerkuasaTempatan dalam Majlis Apresiasi Kedah Cashless Tahun 2024. Seterusnya, saya akan pergi kepada bahagian perumahan. Panjang lagi Speaker, 20 minit lagi dan kut noh?

YB. TUAN SPEAKER

6 minit lagi!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

6 minit? Untuk dasar perumahan Negeri Kedah, insyaAllah kita telah pun laksanakan satu dasar perumahan yang baru iaitu melibatkan dua zon sahaja. Dulu kita bagi kepada tiga zon, sekarang kita telah tetapkan kepada dua zon. Zon pertama adalah Tanah Besar, yang keduanya zon di Pulau Langkawi. Bagi jenis rumah pemilik, dulu ada tiga kategori, sekarang kita telah tetapkan untuk dua kategori sahaja ya YB. Tuan Speaker. Kategori A bagi harga rumah RM160,000 sehingga RM220,000. Ini rumah mampu pemilik. Kategori B adalah rumah nilai RM60,000 sehingga RM160,000. Bermakna lebih daripada 100 unit, mesti kena buatkan rumah mampu milik ini. Komposisi pembinaan rumah pemilik, 40% daripada keseluruhan pemohonan perumahan mampu milik perlu dibina perumahan mampu milik iaitu bagi rumah mampu milik kategori A adalah 30%, rumah mampu milik B adalah 10%.

Ini adalah perubahan yang kita baru buat untuk diperkenalkan dalam dasar perumahan kita yang melibatkan perumahan swasta. Bagi kategori yang bawah 100 unit, kita akan kenakan *pocket development*, iaitu 1% hingga 3% kita akan caskan kepada pemaju untuk bayar kepada kerajaan. Manakala sasaran rumah mampu milik yang kita perjelaskan dalam manifesto 2030 adalah 15 ribu unit. Pencapaian sekarang adalah 3,378 unit rumah pemilik telah kita sediakan. InsyaAllah dengan baki lagi 7 tahun, kita akan capai untuk manifesto ini.

Bagi portfolio kesihatan adalah sedikit tentang peruntukan pembangunan yang kita telah perolehi daripada kementerian untuk kita jayakan agenda-agenda pembangunan di dalam Negeri Kedah ini. Pada 2024 peruntukan untuk pembaikan klinik daif, kita telah dapat peruntukan sebanyak RM13 juta pada 2024 dan pada 2025 kita telah pun dapat peruntukan sebanyak RM26 juta. Ini menunjukkan bahawa komitmen yang tinggi daripada pejabat kesihatan negeri dan Kerajaan Pusat untuk membantu Negeri Kedah. Bagi peruntukan pembangunan E42 yang diagih kepada JKN (Jabatan Kesihatan Negeri) Kedah adalah sebanyak pada 2024 sebanyak RM249 juta dan pada 2025 setakat bulan April ini adalah RM182 juta. InsyaAllah pada tahun ini juga kita akan dapat pembangunan tambahan Hospital Kulim, bajet lebih kurang RM500 juta akan mula dilaksanakan.

Seterusnya saya akan tumpukan kepada beberapa persoalan Dewan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat…. (YB. Tokai mencelah)

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kuala Ketil, YB. Tokai minta laluan.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Pasal khusus untuk... Terima kasih YB. Kuala Ketil, terima kasih YB. Tuan Speaker. Khusus untuk yang dianjurkan oleh Kedah ni ataupun perubatan sejahtera. Terutama sekali kita di PKWR (Pusat Khidmat Wakil Rakyat) sering menerima keluhan daripada pesakit-pesakit bahawasanya mereka nak dapat bantuan daripada hospital ataupun pusat kesihatan ini macam seolah-olah tidak ada hebahan daripada hospital.

Jadi, saya harap pihak hospital ataupun pusat kesihatan yang ada kemudahan ini berilah hebahan kepada pesakit-pesakit yang betul-betul memerlukan. Hat mai YAB. Menteri Besar kata, "naik Alphard sampai 7 biji di rumah tu", yang tu tak payahlah. Yang betul-betul memerlukan, kerana kita di PKWR memang selalu terima. Dia kata, "tak tau pun cara mana nak dapat" dan ada setengah pegawai kerja sosial di hospital ataupun pusat kesihatan ini seolah-olah tak mahu bagi duit itu. Sebab itulah bila habis tahun kita tengok, ada lagi baki-baki yang di hospital itu masih banyak duit itu tertangguh untuk diberikan kepada pesakit. Terima kasih Tuan Speaker dan YB. Kuala Ketil, harap ambil perhatian.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Tokai. Teruskan YB. Kuala Ketil.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Terima kasih Yang Berhormat Tokai atas pertanyaan tadi. Ya, kita sedia maklum bahawa pernah banyak kali dah kita ulang dalam Dewan dan juga di luar bahawa kita memang ada peruntukan untuk Tabung Bantuan Sejahtera di semua hospital. Termasuk yang tahun ini kita akan tambah di Hospital Baling dan Hospital Pendang sebelum ini kita letak kepada PKD (Pejabat Kesihatan Daerah) Pendang dan kita tarik duit ini daripada PKD dan akan letak di Hospital Pendang. Jadi, itulah peruntukan yang ada di setiap hospital yang boleh digunakan untuk rakyat. Bukan duit Tabung Bantuan Sejahtera saja ada di hospital, banyak lagi duit lain, duit zakat pun banyak lagi. Kadang-kadang program tu dia tengok kalaulah bajet lain tak cukup barulah dia akan pergi kepada Tabung Bantuan Sejahtera. Limit kita untuk peruntukan itu adalah RM3,000 untuk satu orang. Kecuali pakej tertentu saya luluskan juga RM4,000 ataupun RM5,000. Tapi limit dia adalah untuk pengguna biasa ini adalah RM3,000. Saya harap rakyat boleh mengambil manfaat. Termasuklah paling mudah adalah untuk katil hospital dan juga kerusi roda. Boleh juga dimohon menggunakan Tabung Bantuan Sejahtera. Sekiranya pesakit itu duduk di hospital, dia nak keluar hospital, dia perlukan katil, dia boleh buat permohonan dengan Pegawai Kerja Sosial di setiap hospital tersebut. Tak perlu lagi nak menyusahkan wakil rakyat, keluar nak minta katil dan sebagainya. Itu salah satu cara lah yang boleh.

Seterusnya, saya pergi kepada persoalan Dewan, yang pertama saya pergi kepada Bandar Baharu. Yang Berhormat Bandar Baharu ada bertanyakan tentang industri, kawasan industri sepertimana di*highlight* dalam titah Tuanku. Kawasan industri kita dapati dalam Bandar Baharu ni, kita telah gazetkan iaitu Rancangan Tempatan 2035, 619.64 hektar untuk kawasan industri. Ini adalah bagi tujuan untuk merancakkan pembangunan di kawasan Bandar Baharu.

Yang keduanya adalah tentang cadangan untuk orang Bandar Baharu bersalin di Bandar Baharu. Ramai lagi yang nak bersalin ni. Setakat saya bincang ni, insyaAllah kita akan adakan perbincangan dengan Pengarah Kesihatan Negeri untuk naik taraf klinik yang ada di Bandar Baharu ni untuk membolehkan orang yang bersalin di Bandar Baharu. Kebanyakan orang kita ni, dia tak mau bersalin di klinik, dia takut. Dia nak bersalin di hospital, dia nak pergi juga di hospital. Termasuk dulu kes di Hospital Jitra. Dia orang tak nak bersalin di Hospital Jitra, dia sanggup pergi di Hospital Kangar dan sebagainya. Saya melawat Hospital Jitra, saya melihat peralatan di Hospital Jitra itu cukup baik, selesa untuk orang bersalin. Tapi mungkin sebab orang tak mahu bersalin di situ, dia nak pergi bersalin ke Hospital Kangar. Hospital Kangar itu dapat nombor IC dia lain lah. Dan Hospital Jitra pun bagitau sebulan, 3 hingga 4 orang saja yang bersalin di situ. Tak ramai. Sedangkan *facilities* yang kita sediakan, *complete.* Saya pun risau, takut di Bandar Baharu esok, kita naik taraf dengan kos yang tinggi, klinik dan sebagainya supaya boleh bersalin, akhirnya orang tak mau bersalin di situ. Dia pi bersalin juga di Parit Buntar dan sebagainya. Tapi tak palah, permohonan daripada YB. Bandar Baharu itu saya dah berbincang dengan Pengarah Kesihatan Negeri mungkin kita boleh... (YB. Ayer Hitam mencelah)

YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM

Sikit saja.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Ayer Hitam minta laluan.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Masa tak cukup YB. Ayer Hitam.

YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM

Terima kasih Yang Berhormat Kuala Ketil, Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya cuma nak sentuh sikit sepertimana YB. Kuala Ketil sebut pasal hospital Jitra ni. Orang tak mau pi bersalin. Saya rasa dia ada persepsi yang tak berapa elok. Bukan sebenar, persepsi masyarakat di Jitra sana tu. Hospital Jitra ini dia rasa servisnya tak bagus. Perasaan itu, persepsi. Jadi, saya rasa pihak jabatan kesihatan terutamanya boleh mengubah persepsi masyarakat ini dengan menganjurkan apa-apa program yang boleh mengembalikan kembali kenyakinan rakyat untuk pergi mendapatkan perkhidmatan di Hospital Jitra.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kuala Ketil, sekarang masuk waktu kecederaan. 3 minit lagi.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. InsyaAllah saya usahakan. Seterusnya soalan daripada YB. Tokai juga berkaitan dengan isu laluan Petronas yang telah diceroboh. Kita dah dapatkan sedikit gambaran daripada pihak Petronas bahawa dia punya kawasan laluan paip *right of way* itu telah diceroboh oleh pihak luar dan mereka ada kuasa untuk mengambil tindakan daripada pihak yang telah menceroboh laluan tersebut.

Ini telah dimaklumkan oleh pihak Petronas sendiri dan insyaAllah pihak kerajaan juga akan mengadakan libat urus dengan pihak Petronas untuk memastikan jajaran-jajaran paip gas Petronas ini yang sudah sekian lama. Hari ini baru timbul isu ini dan kita akan cuba kenal pasti semula dan kita akan *remap* balik dengan Koridor Utiliti Darul Aman supaya benda difahami oleh pembangunan masa hadapan. Kita tak nak lepas ini ada pemaju-maju yang memohon TM dan sebagainya dibuat pembinaan di atas kawasan paip gas tersebut. InsyaAllah kita akan usahakan ini.

Seterusnya yang dibangkitkan oleh YB. Sidam berkaitan dengan bantuan peniaga kecil, elektrik dan tandas, isu peniaga Bandar Puteri Jaya, status Pekan Baru dan naik taraf lorong. Apa yang saya suka maklumkan kepada Yang Berhormat, di Bandar Puteri Jaya dah ada Laman Niaga. Saya pun dah pergi tengok dah Laman Niaga ini tempat yang luas. Memang boleh menempatkan kepada semua perniagaan di situ. Timbul juga persoalan di setiap peniaga-peniaga ini dia ada ketua-ketua dia. Kadang-kadang nak himpun ketua-ketua ni yang *organise* dalam Bandar Puteri Jaya ni, depa tak mau duduk sekali. Kalau Yang Berhormat boleh satukan semua kepala-kepala ni, duduklah setempat, saya rasa selesai. Tempat tu cantik, dah dibangunkan oleh pihak Perbandaran Sungai Petani dengan kos yang cukup tinggi. Di situ pun disediakan ada tandas, ada elektrik dan semua sekali. Termasuk di Pekan Rabu ni, sekarang ni masih dalam perbincangan dari pihak Majlis Pembandaran dengan pihak pemaju. Kita akan bangkitkan dalam Jawatankuasa Pelaburan nanti sebab masih dalam status masih belum selesai lagi dan juga naik taraf lorong-lorong di pekan Sungai Petani. Itu kita ambil maklum dan kita berterima kasih banyak lah kepada Yang Berhormat Ahli Parlimen kerana membantu naik taraf lorong tersebut, menjadi tempat-tempat yang dikunjungi oleh peniaga, orang ramai dan juga menjadi sebuah tempat pelancongan.

Mengenai permasalahan di Flat Paya Nahu, ada dibangkitkan juga kelmarin kan? Jadi, untuk maklumkan kepada Yang Berhormat, Flat Paya Nahu ini adalah *hotspot* segala-galanya. Dia *hotspot* segala-galanya, dadah pun di situ, penggi pun di situ, pencerobohan pun di situ, banyak sangat. Dan saya telah buat beberapa lawatan di situ dan yang terakhir bulan lepas, sebelum bulan puasa, kita ada Gotong Royong Perdana di situ. Kita bersihkan banyak juga lah benda yang kita bersihkan. Termasuk rumah yang tidak diduduki itu, kita tutup dengan simen supaya tak diceroboh oleh orang yang bukan pemilik dia. Sebahagian besarnya diceroboh oleh orang-orang luar. Jadi, kawasan itu kita dah bersih dan Alhamdulillah pada bacaan kali ini untuk denggi di Kuala Muda, turun. Turun yang agak drastik. Penyumbang kepada bacaan denggi itu, kebanyakan datang daripada kawasan Flat Paya Nahu. Jadi, kita harap Yang Berhormat pun juga bantu kita. Untuk kawasan-kawasan itu kita dah bersihkan semak samun, sampah sarap. Kadang-kadang di situ ada orang bela anjing, orang bela ayam sabung, orang bela burung, orang bela kucing.

Semua ada di kawasan perumahan itu. Perumahan itu adalah perumahan kerajaan. Bukan perumahan awam, perumahan swasta tapi perumahan kerajaan. Rumah itu hanyalah untuk orang duduk transit, RM90, RM120 sahaja. Itu pun sebahagian besar tak bayar Yang Berhormat. Elektrik kebanyakan kena curi. Baru-baru ini terbakar kedai *repair* motor di bawah tu, terbakar bawah bangunan itu. Alhamdulillah, tak terbakar semua kali. Jadi kecurian elektrik berlaku, kecurian air berlaku. Banyak sangat masalah di situ. Nak selesaikan semua sekali, ambil masa yang panjang. InsyaAllah, saya cuba dalam masa yang terbaik untuk selesaikan permasalahan itu dan rasanya ia akan menjadi satu unit yang terbaik lah selepas ini.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Terima kasih YB. Tuan Speaker dan YB. Kuala Ketil. Ada satu masalah lagi lah yang saya tak *highlight*kan kemarin iaitu sistem paip air yang telah lama usang. Jadi bocor sana, bocor sini. Bila kita *report* dekat SADA, memang SADA tak *repair* lah. Dalam kawasan itu adalah tanggungjawab pihak kerajaan negeri, Bahagian Perumahan. Jadi bocor banyak. Jadi, kita rasa macam rugilah, rugi banyak air tu. Jadi, harap-harap dapat perhatian daripada pihak kerajaan. Terima kasih.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Saya setuju Yang Berhormat, bukan sekadar bocor, *overflow* pun banyak. Dia macam hujan dah. Hat dia bocor, *overflow* dan juga yang curi pun banyak. Saya pergi jumpa sendiri, kedai makan bawah tu, dia guna paip air tu. Saya tanya, “guna paip air ni? Dia kata, “guna air ni, percuma”. Saya kata, “percuma tak boleh, salah. Abang berniaga, guna air curi, tak boleh”. Dia senyum saja lah.

YB. TUAN SPEAKER

Okey, YB. Kuala Ketil boleh tamatkan penggulungan.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Macam tu la na? InsyaAllah dengan Bahagian Perumahan kita akan tolong bantu. Seterusnya Yang Berhormat Kota Darulaman, tentang isu di Flat Simpang Kuala, dan juga penanaman pokok oleh MBAS. Memang MBAS telah mengambil langkah yang positif tentang penanaman pokok ni. Mengenai isu pemanasan global dari aktiviti penanaman pokok di kawasan pentadbiran. Iaitu penanaman secara sistematik oleh MBAS dan juga Pelan Tindakan Rendah Karbon 2035 ini oleh MBAS sendiri dan beberapa pokok yang spesifik yang kita perkenalkan seperti pokok Tekoma tu. Pokok Tekoma ni, waktu musim bunga, bunga dia lebat, dia cantiklah untuk pemandangan, untuk diambil gambar dan sebagainya. Pokok Jati dan pokok Angsana dan juga penyelenggaraan dan pemangkasan oleh pihak MBAS. Tetapi, seperti kita sedia maklum pokok ni pada amnya memang untuk mencantikkan bandar raya tetapi bila bertambah besarnya ia akan mendatangkan bahaya kepada orang ramai semula, tumbang dan sebagainya. Kadang-kadang ini memerlukan kos yang tinggi juga lah untuk di pihak Bandaraya untuk nak buat penyenggaraan dan sebagainya.

Berkaitan dengan di Flat Simpang Kuala berkenaan lampu dan sebagainya, saya pun dah maklum kepada Bahagian Perumahan, Bahagian Perumahan pun dah buat semakan dan sebahagiannya kita dah buat pembaikan dan sebahagian lagi kita akan usahakan lah. Sama juga di Flat Paya Nahu, Flat Simpang Kuala ni adalah flat kerajaan. Sama juga penghuninya ramai yang tak bayar. Pada amnya kita akan baiki setelah duit kita yang ada tu, duit tabung yang kita dapat tu, itulah pembaikan yang kita kena buat. Tapi kalau ramai yang tak bayar, kita nak baiki macam mana? Kan? Kita terpaksa minta kepada kerajaan, kerajaan kena tampung, KPKT (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan) kena tanggung. KPKT pun bukan tanggung sepenuhnya. Jadi, inilah kita nak juga minta jasa baik Yang Berhormat untuk boleh war-war kepada rakyat di situ supaya bila duduk rumah tu, tolonglah bayar kan? Bayar ni rumah dia duduk. Ni sampai dia duduk sampai bertahun-tahun ni, sampai 15 tahun, 20 tahun tak bayar ni. Jadi tu yang jadi masalah kepada kita lah. Kita harap bila depa boleh bayar tu, ada sikitlah duit tabung daripada kita yang boleh kita bantu pembaikan-pembaikan di situ.

YB. TUAN SPEAKER

Ok, boleh buat penggulungan.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Sikit lagi, boleh sikit lagi? Berkenaan Yang Berhormat Bakar Arang ada isu pasal parking. Saya dah semak skala parking yang keluarkan MPSPK (Majlis Perbandaran Sungai Petani) ni. Sebenarnya hari Ahad sampai Jumaat. Dalam jadual ni, Ahad sampai Jumaat 8.00 am sampai 7.00pm. Itulah nilai parking dan 30 minit yang pertama 30 sen sahaja, sejam 60 sen, sehari RM3, sebulan RM60. Ini ialah yang dikeluarkan oleh jadual lah. Saya rasa tak timbul isu pergi ke hari lain yang kena *charge* mahal. Saya tak pasti, tapi yang dikeluarkan oleh jadual ni, macam tu. Seperti juga tempat-tempat lain. Yang hanya mahal sikit pun di MBAS saja, yang lain tu lebih kurang sama. Langkawi sendiri pun di Pekan Kuah 20 minit, 20 sen, sejam 60 sen, sehari RM3. Jadi, sebulan RM90. Dia lebih kurang sama saja lah. Jadual dikeluarkan oleh setiap PBT ni lebih kurang sama.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Apa yang saya mohon adalah pengecualian *charge* daripada 2 hari dari satu minggu tu. Jumaat atau Sabtu.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Yang kita hanya Ahad sampai Jumaat saja. Sabtu tak dak.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Bukan, dia tambahan sehari. Sebab Jumaat tak kerja kan? Jadi, kita nak menggalakkan ekonomi tu. Tambah satu hari dan selaras untuk semua PBT dan juga pengurangan kompaun. Macam MBAS *charge* RM100 untuk kompaun parking.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Nak tambah lagi tu saya kena bincang dengan PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) sebab kita pun kos yang tinggi kan. Duit inilah duit untuk penyelenggaraan. Kalau kita kurangkan lagi hari, bermakna kutipan kita semakin kurang lah. Duit inilah untuk bantu penyelenggaraan. Kalau kita nak, maksud Yang Berhormat nak pergi sampai Sabtu sekali? Jumaat dan Sabtu ataupun Sabtu dan Jumaat tu kurang kan?

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Sebab sebelum ni pakai kupon Jumaat dan Sabtu diberikan pengecualian. Cuma sekarang bagi infleksi tu, hanya Sabtu saja.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Tak pa lah kita akan kaji tengoklah. Sebab nak pengecualian tu dia akan melibatkan kos yang tinggi juga kan. Dan yang terakhir ni Yang Berhormat Speaker, terakhir! Terakhir!

YB. TUAN SPEAKER

Saya pun duk tunggu yang tu.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Yang terakhir adalah tentang sistem pengurusan sisa pepejal di Langkawi yang bangkitkan oleh Yang Berhormat Kuah. KPKT (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan) melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal telah melantik Syarikat Bumi Segar Indah Sendirian Berhad sebagai operator loji melalui kontrak perkhidmatan pengoperasian dan penyelenggaraan insinerator Pulau Langkawi selama 6 tahun bermula 3 Mei 2024 sehingga 2 Mei 2030. Skop kontrak ni meliputi perkhidmatan pengoperasian loji, penyelenggaraan aset loji, servis dan juga pemasangan Line B untuk tempoh 2 tahun bermula tarikh lantikan kontrak. Kontrak ni juga telah mendapat perjanjian tambahan untuk tempoh setahun bermula 3 Mei 2030 sehingga 2 Mei 2031 berikutan kerosakan aset Line A yang mengakibat loji tidak dapat berfungsi.

Kontrak pembaikan aset Line A telah ditawar kepada operator loji untuk tempoh 6 bulan bermula 3 Mei 2024 sehingga 2 Mei 2025. Kerja-kerja pembaikan aset Line A masih berjalan dengan peratusan kemajuan direkodkan sehingga 3 Mac 2025 mencapai 43% berbanding 49% mengikut perancangan iaitu kelewatan sebanyak 14 hari. Manakala kemajuan semasa bagi penjadian reka bentuk dan pemasangan Line B adalah 32% berbanding 42% mengikut perancangan iaitu kelewatan sebanyak 52 hari. Kelewatan ini berpunca daripada proses memuktamadkan pindaan reka bentuk asal yang mengubah operasi loji insinerator kepada cadangan Waste to Energy ataupun WTE. Sebagai maklumat tambahan, perkara ini bawah pemantauan teliti pihak JPSPN (Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara) selaku jabatan yang bertanggungjawab dan Kempen Langkawi Bersih SWCorp telah komited dalam menjalankan Kempen Langkawi Bersih.

Selain memastikan syarikat konsesi Idaman melaksanakan tanggungjawab sebagai penyedia perkhidmatan, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, SWCorp juga bersama Idaman turut serta dalam setiap aktiviti gotong royong pembersihan kawasan anjuran pelbagai pihak termasuk pejabat daerah, Majlis Perbandaran Langkawi Bandar Pelancongan, Pejabat Kesihatan, LADA ataupun mana-mana NGO.

Pada masa yang sama, SWCorp juga telah merangka beberapa program tahun 2025 antaranya Transformasi Minda, Waste to Waste dan Art PPR Anggerik Lestari, Program Pemerkasaan Komuniti PPR Taman Dahlia, Program Inisiatif Chenang Sifar Sisa dan pemasangan kamera tertutup CCTV di *hotspot* sampah haram. Itu beberapa jawapan yang saya boleh berikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Akhir sekali YB. Tuan Speaker, saya menghargai semua cadangan, teguran dan pandangan yang telah diberikan khususnya berkaitan dengan isu-isu di bawah portfolio saya yang merangkumi perumahan tempatan dan kesihatan berdasarkan isu-isu yang telah dibangkitkan. Saya berharap perkara-perkara tersebut akan diberi perhatian sewajarnya dan tindakan yang sesuai oleh pihak-pihak yang berkaitan. Semalam saya bangkitkan isu tentang anjing liar dan anjing berlesen dan tidak berlesen. Sebahagiannya telah dimuat naik dalam akhbar, sama ada akhbar Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris atau Bahasa Cina. Bahasa Cina saya tak berapa nak faham, jadi tolong *translate*. Tapi saya nak *highlight* kepada mereka semua bahawa kita bukan lah buat perkara yang bertentangan dengan undang-undang, kita buat perkara yang mengikut undang-undang. Dalam mana-mana yang ada undang-undang, kita buat. Saya nak fahamkan kepada semua, boleh melaksanakan tugas tersebut berdasarkan kepada undang-undang tersebut. Itu yang kita nak *highlight*kan. Saya tak naklah di*spin* ataupun dilencongkan maklumat oleh mana-mana wartawan atau media, mengatakan kita ini tujuan kita hanyalah untuk membunuh binatang dan sebagainya. Yang itulah yang saya nak sampaikan.

Akhir sekali, sebelum akhir bicara saya menyeru seluruh Dewan agar dapat merancakkan lagi *Eksperience Kedah* sempena Tahun Melawat Kedah 2025. Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah saya menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Tuanku Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah. Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Kuala Ketil. Jawapan yang lengkap. Seterusnya saya menjemput YB. Kuala Nerang. Dipersilakan.

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah Wassala Tuwassala Mu'ala Rasullillah Wamantabiahu Wanasarohu Walwalah Ammabaq. Yang Berhormat Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Penasihat Undang-undang, Yang Berhormat Pegawai Kewangan, Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Exco, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Syukur Alhamdulillah. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker beri ruang pada saya untuk menggulung dan juga menjawab beberapa persoalan. Saya mohon maaf sekiranya tak dapat menjawab semua kalau masa tidak mengizinkan, InsyaAllah kita akan menjawab secara bertulis. Saya akan ambil perkara-perkara yang penting untuk diketengahkan. Sementara yang dah disebut oleh kawan-kawan, saya tidak akan mengulanginya.

Terbih dahulu, saya ingin merafakkan sembah menjunjung kasih serta menjunjung tinggi dan penuh penghormatan ke atas Titah Ucapan Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan pada pembukaan Sidang DUN kali ini. Bagi patik, titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan adalah menunjukkan keprihatinan yang sangat tinggi untuk menyantuni kehendak dan keperluan rakyat.

Yang Berhormat Speaker, Kerajaan Negeri sedang giat melaksanakan projek seperti program tebatan banjir, pemulihan dan pemuliharaan sungai, program kajian kejuruteraan, program pemulihan kerosakan banjir, program pemuliharaan muara sungai, program mencegah hakisan pantai, program meningkatkan sistem pengairan dan saliran, program pemodenan peralatan mekanikal dan elektrikal tebatan banjir dan program pembangunan kolam takungan serta pembangunan atau pejabat pusat operasi JPS sebagai langkah menghadapi bencana banjir dan juga mitigasi perubahan iklim dengan jumlah untuk tahun 2020 sehingga 2024 sebanyak RM60.2 juta.

Selain itu, hasil kerjasama yang baik dan erat antara kerajaan negeri dan Persekutuan secara berterusan khususnya PETRA (Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air) telah mendatangkan pelbagai manfaat, menurunkan pelbagai projek terutamanya rancangan tebatan banjir, projek keselamatan empangan, naik taraf infrastruktur banjir, program pemuliharaan pengairan sungai, kerja pemuliharaan akibat banjir, pembangunan denai sungai kebangsaan sebagai kawalan pencemaran sungai dan risiko banjir, projek pemuliharaan pantai, peningkatan kapasiti infrastruktur, fasiliti taman laut, program pembangunan punca air bumi, membaiki

kerosakan jambatan, projek jeti nelayan, projek perolehan tanah sistem perparitan, Skim Pemindahan Air Jeniang Fasa 1 dengan jumlah keseluruhan bagi tempoh 2020 hingga 2024 sebanyak RM357.6 juta. Terima kasih kepada Kerajaan Pusat.

Selain itu, kerajaan negeri turut melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah merancang pembangunan infrastruktur Sabo Dam 2035, PICK2035 dengan sasaran untuk kita menambah pembinaan ini sebanyak 8 buah struktur sabo yang melibatkan kerjasama dan pertukaran kepakaran dan perkongsian teknologi Jepun bagi menghadapi bencana pada masa akan datang. Dan kita mohon berlindung supaya dielakkan daripada bencana dan perkara yang tidak diingini.

InsyaAllah, program ini akan diatur bersama kementerian agar hasrat kerajaan negeri dapat direalisasikan. Yang Berhormat Speaker, bagi mendokong pembangunan koridor di sempadan Malaysia-Thailand, kerajaan negeri telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kerja Raya bagi melaksanakan projek membina jejambat melintasi pekan Changlun berjumlah RM80 juta serta pembinaan laluan jalan raya bagi menghubungkan ICQS Bukit Kayu Hitam Kedah ke CIQ Sadao di Thailand dengan kos berjumlah RM210 juta.

Yang Berhormat Speaker, sebagai langkah bagi menjamin kelestarian sumber air yang mencukupi, kerajaan negeri melalui Lembaga Sumber Air Negeri Kedah dengan kerjasama bahagian atau Jabatan Bekalan Air (JBA) telah melaksanakan kajian pembangunan Baros Pantai Perai berserta dengan taps kakungan air pinggiran sungai, Kampung Terat Batu di Daerah Kulim, kajian pembangunan kolam TAPS (Takungan Air Pinggiran Sungai) Kampung Sungai Sedim, kajian pembangunan kolam TAPS Kampung Kota Mengkuang serta projek pembinaan TAPS Kampung Kuala Lesung, Daerah Kuala Muda dengan kos projek RM65 juta. InsyaAllah Yang Berhormat Tuan Speaker, segala yang dirancang dapat direalisasikan demi manfaat rakyat negeri ini.

Yang Berrhormat Speaker, kelestarian alam sekitar amat penting dalam ekosistem kehidupan semua makhluk di atas muka bumi ini. Usaha menjaga memelihara kelestarian alam sekitar ini amat dititikberatkan dalam Islam. Dunia kita hari ini berdepan dengan realiti perubahan iklim yang tidak boleh dipandang enteng. Negeri Kedah sebagai salah satu negeri utama pertanian dan sumber air negara, telah menyaksikan sendiri impak perubahan iklim daripada musim kemarau yang berpanjangan, fenomena El Nino sehinggalah kepada banjir luar biasa yang berlaku pada tahun 2024 yang lalu yang melanda pelbagai daerah, yang mencatatkan jumlah mangsa tertinggi 10,000 ARR. Telah dipindahkan dan kerosakan pelbagai infrastruktur utama yang menjejaskan hampir 16,000 hektar kawasan sawah padi seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan.

Yang Berhormat Speaker, oleh yang demikian adalah menjadi tanggungjawab kita bersama baik kerajaan negeri, agensi mahupun rakyat untuk melaksanakan langkah persediaan yang menyeluruh dan berkesan seperti pembaikan infrastruktur dan sistem amaran awal dan penubuhan pusat pemindahan sementara oleh agensi yang berkaitan. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua barisan hadapan termasuk Angkatan Pertahanan Awam, Jabatan Bomba Penyelamat, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Sukarelawan, Rela, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan semua sukarelawan NGO khasnya Khidmat Malaysia dan juga Jabatan Amal Malaysia yang sentiasa bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan.

Perubahan iklim dan persediaan yang awal untuk menghadapi bencana ini perlu ditekankan dan juga berkaitan dengan pemeliharaan dan kebersihan alam sekitar. Dan kita menyaksikan sendiri bagaimana pencemaran di kawasan perairan seperti pembuangan sampah secara tidak terkawal telah menjadi salah satu sebab faktor yang menyumbang kepada pencemaran air. Justeru itu, beberapa langkah proaktif demi menjamin kebersihan kawasan perairan negeri ini seperti penguatkuasaan undang-undang alam sekitar, pemuliharaan dan pembersihan berkala, pengurusan sisa yang lebih mampan dan pendidikan serta kesedaran masyarakat sedang, telah dan akan dilaksanakan. Kita tidak mahu warisan sungai dan laut hanya tinggal dalam lipatan sejarah dan gambar lama. Anak-anak cucu kita juga berhak menikmati sungai yang bersih, laut yang indah, hasil laut yang segar. Yang Berhormat Speaker, kerajaan negeri sedang bekerjasama dengan jabatan dan agensi berkaitan untuk bergerak seiring dan proaktif dalam mengukuhkan pelaksanaan pemeliharaan kepelbagaian biodiversiti dalam usaha untuk selaras dengan Dasar Kepelbagaian Biodiversiti Negara 2020 - 2030.

Yang Berhormat Speaker, kerajaan negeri juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah membekalkan peruntukan EFT berjumlah RM7.4 juta bagi fasa pertama tahun 2025 dalam usaha pemeliharaan bagi aspek biodiversiti. Sebagai makluman, Yang Berhormat Speaker dan semua Ahli Berhormat dan Dewan, menerusi Program Penghijauan Malaysia, Rancangan Malaysia Ke-12, tahun 2021 Kempen Tanaman 100 Juta Pokok, kerajaan negeri telah berjaya menanam pokok sebanyak 2,808,728 pokok, melebihi target yang disasarkan kepada Kerajaan Negeri Kedah sebanyak 1,125,000 pokok. Dan kali ini kita lihat bagaimana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan telah pun menyambut baik program penanaman 2 juta pokok yang diterajui oleh Jemaah Datuk-Datuk Negeri Kedah yang turut dikendalikan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Kedah.

Pada 21 Januari 2025 yang lalu, jabatan perhutanan bersama dengan Jemaah Datuk telah melancarkan Program Penanaman 2 Juta Pokok di seluruh Negeri Kedah yang kita harap dapat dicapai pada tahun 2030 nanti. Dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah sendiri telah menanam pokok tampoi pada tarikh tersebut.

Kerajaan Negeri sentiasa memastikan kehijauan dan kelestarian alam terpelihara di samping kerancakan pembangunan di seluruh Negeri Kedah seperti titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Negeri Kedah. Oleh yang demikian, saya mengambil peluang ini untuk menyeru semua Ahli Yang Berhormat, jabatan, agensi dan juga orang perseorangan supaya sama-sama kita dapat melabur baik dalam bentuk fikiran, wang ringgit dan sebagainya dalam kita memastikan keadaan Negeri Kedah ini yang lebih lestari untuk generasi yang akan datang. Sama-sama kita berganding bahu untuk mengekalkan khazanah biodiversiti Negeri Kedah.

Yang Berhormat Speaker, undang-undang tanpa penguatkuasaan ibarat pedang yang tumpul. Kita tidak boleh hanya bergantung kepada dasar dan kertas, sebaliknya kita mesti buktikan melalui tindakan bahawa Negeri Kedah serius dalam menjaga kelestarian alam. Bagi menangani pencemaran kawasan perairan Negeri Kedah, Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengambil langkah pencegahan antaranya pertama, pindaan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. JAS perketatkan hukuman orang yang mencemarkan sungai dengan menaikkan denda sehingga RM10 juta dan hukuman mandatori penjara tidak lebih 5 tahun bagi kesalahan di bawah Seksyen 25 Akta tersebut.

Yang kedua, tindakan undang-undang dalam tahun 2021 hingga 2024 sebanyak 15 premis telah dibawa ke mahkamah dan didenda dengan jumlah lebih kurang RM359,000. Kemudian diadakan kajian semula Stesen Pemantauan Kualiti Air dan juga yang keempat kerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan. Selain itu, Jabatan Alam Sekitar juga mengambil langkah proaktif dengan mencadangkan mitigasi terhadap beberapa aspek keperluan bagi setiap projek yang tertakluk di bawah Penilaian Alam Sekitar atau EIA (Environmental Impact Assessment) di mana pelaksana projek perlu menyenaraikan impak yang dijangka akan berlaku semasa dan selepas projek bagi mengurangkan dan menghapuskan kesan negatif kepada alam sekitar.

Yang Berhormat Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Negeri Kedah kini sedang bergerak aktif dalam meneroka potensi pasaran kredit karbon sebagai sebahagian daripada strategi pembangunan ekonomi hijau dan pemuliharaan alam sekitar. Awal 2025, kerajaan negeri dan beberapa agensi swasta dan jabatan telah bersama-sama berganding bahu dalam Bengkel Eksplorasi Pembangunan Projek Rangka Kewangan REDD+, *Reducing Emission from Deforestation and Forest Degradation* di Kelab

Cinta Sayang, Sungai Petani dan bengkel tersebut dikendalikan oleh Malaysia Forest Fund (MFF), iaitu sebuah anak syarikat di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NREST) untuk membimbing dan beri kefahaman secara menyeluruh kepada semua jabatan dan agensi pelaksana yang berkaitan untuk memahami konteks pelaksanaan dan pembangunan carbon kredit ini. Kerajaan negeri juga dalam kerangka menjalankan penyediaan sumber dan potensi carbon kredit melalui kajian rujukan stok carbon baseline projek di hutan-hutan seluruh Negeri Kedah dengan kerjasama MFF dan di samping itu, kerajaan negeri juga sedang membangunkan rangka kerja polisi dan peraturan berkaitan *carbon credit* berdasarkan pasaran karbon kebangsaan dan Rang Undang-Undang Perubahan Iklim.

Yang Berhormat Speaker serta Ahli Yang Berhormat, kerajaan negeri sentiasa komited untuk memperkukuhkan agenda kelestarian alam di seluruh negeri termasuk di peringkat daerah. Selaras dengan itu, sebagai usaha kempen kesedaran portfolio ini telah mengadakan pelbagai program karnival air dan alam sekitar. Antaranya yang telah dan akan dilaksanakan pada tahun ini ialah di Baling, di Langkawi, Pokok Sena, Padang Serai, Kulim, Sik dan Padang Terap menyambung program-program yang telah dilaksanakan pada tahun yang lalu. Sehubungan itu, kerajaan negeri juga amat mengalu-alukan penyertaan sektor swasta, industri pendidikan dan NGO bagi memperluaskan jangkauan program dan kerjasama ini ke seluruh masyarakat dan semua ini adalah kunci kejayaan kepada kelestarian alam sekitar insyaAllah.

Yang Berhormat Speaker, dalam kekangan masa yang terhad ini saya juga akan memberikan sedikit sebanyak ulasan berhubung apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Yang pertama, Yang Berhormat daripada Sidam telah menyebut tentang beberapa isu berhubung dengan LRA dan juga berhubung dengan infrastruktur jalan raya. Sebahagian daripada apa yang disebut oleh Yang Berhormat dalam proses dan telah pun sebahagiannya dikemukakan untuk permohonan peruntukan dan insyaAllah, apabila peruntukan diluluskan akan dilaksanakan sebahagiannya ialah melalui permohonan kelulusan program tahap 2026. Demikian juga ada yang disebut berhubung dengan kesesakan lalu lintas dan seumpamanya dan itu sebahagian daripadanya InsyaAllah akan dilaksanakan melalui *Smart Traffic Light* yang akan dilaksanakan juga. InsyaAllah, kita harap dapat mengurangkan kesesakan. Di samping itu ada juga dalam perancangan dan permohonan untuk kita membina laluan baru yang kita harap mendapat kelulusan khususnya daripada Kerajaan Persekutuan.

Satu isu yang menarik yang selalu disebut di dalam Dewan ini, walaupun telah diterangkan berbanyak kali berhubung dengan LRA. Yang Berhormat Speaker, izinkan saya menyebut sepertimana yang dipohon oleh Yang Berhormat Bukit Arang, maaf Bakar Arang. Alhamdulillah, Yang Berhormat Timbalan Menteri dah turun dan kita lihat beliau telah memberikan kerjasama dan faham apa yang berlaku. Kelewatan bukan disebabkan oleh kelemahan pengurusan kerajaan negeri, bukan kerana SO bukan kerana pegawai penguasa atau JKR dan sebagainya, tetapi ialah kerana kontraktor sendiri, masalah di pihak kontraktor. Yang Berhormat pun sedia maklum, Yang Berhormat pun turun bersama dalam lawatan tersebut. Dan kita yakin insyaAllah, sekiranya mereka dapat mengatasi masalah dalaman mereka, boleh diselesaikan. Saya percaya insyaAllah boleh diselesaikan. Sebab, itu hanya satu projek, sementara projek yang lain yang juga dikendalikan oleh JKR dan pegawai penguasa yang sama oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri, projek umpamanya di Pelubang. Loji Rawatan Air Pelubang yang sehingga 15 April 2025 telah dimaklumkan kemajuannya mencapai 59.8% kemajuan semasa. Mendahului jadual sebanyak 0.39%, dia boleh buat. Demikian juga di Lubuk Buntar. Di Lubuk Buntar jadualnya 91.5%, sebenar 92%. Juga mendahului jadual sebanyak 0.5%. Ya.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

YB. Tuan Speaker. Mohon mencelah.

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Tak kut, bagi habis dulu kut, satgi saya bagi. Saya tak macam YB. Bakar Arang, tak bagi laluan kepada kawan-kawan saya. Saya bagi, tapi dengan syarat ada masa sat lagi, insyaAllah. Jenun baru, walaupun belum siap sepenuhnya yang YB. Bakar Arang sebut tak nampak lagi impak. Sebenarnya Yang Berhormat Speaker, walaupun loji rawatan di Pelubang dan juga di Jenun Baru dan juga beberapa projek yang lain yang belum siap tetapi manfaatnya telah dirasai. Boleh dirasai apabila JKR dan SADA telah membuat *bypass* sehingga boleh memberikan bekalan air. Contoh di Loji Rawatan Air Jenun Baru. Skop pemasangan paip 400mm sepanjang 4km, ya, dah siap dan kawasan yang terlibat di Kampung Bahagia, Gelam, Kampung Pisang Sungai Dedap, Matang Kecil, Sungai Limau, Yan, Sungai Kering, Jemerlang. Lebih kurang 3,000 akaun telah mendapat manfaat, disahkan oleh Yang Berhormat Sungai Limau. Jadi, kenyataan kita tak nampak impak, memanglah dia tak sampai ke Bakar Arang, tapi dia sampai di Sungai Limau.

Yang kedua, Loji Rawatan Air Pelubang yang saya sebut tadi mendahului jadual. Apabila telah disiapkan pemasangan paip ke Kubang Rotan sepanjang 4km, ia telah memberikan manfaat kepada 2,000 akaun di Kampung Keluncur, Kampung Batin,

Kampung Bakar Kapur, Teluk Talipon, Jalan Kubang Rotan, LKIM dan Kota Nelayan. Ini belum siap. Kalau insyaAllah dah siap nanti, umpamanya di kawasan Pida, siap tangki dan siap dengan pam dan seumpamanya, kita yakin insyaAllah bekalan air akan bertambah baik di tempat-tempat yang sedemikian. Yang berhormat… (YB. Bakar Arang minta laluan)

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

YB. Tuan Speaker, Boleh mencelah?

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Nanti sat dulu!

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Sikit saja! Sikit saja! Sikit saja.

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Takpa! Takpa! Satgi dia kona pi kut lain, tak sampai apa saya nak habaq.

YB. TUAN SPEAKER

Takpa, YB. Bakar Arang sabar sat, sebab YB. Kuala Nerang akan bagi laluan nanti.

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

InsyaAllah. Saya nak habaq juga sebab dibangkitkan banyak kali projek ni lewat. Lewat ni sebenarnya kalau nak kira lewat, ada projek di bawah kendalian pihak lain yang bukan JKR dan bukan di bawah kerajaan negeri, SO bukan daripada Setiausaha Kerajaan Negeri tapi pihak lain. Umpama yang saya boleh bagi contoh, Jabatan Perkhidmatan Pembentungan. Projek yang dibuat itu pada tahun 2018, 1/2/2018 yang sepatutnya siap ialah pada tahun 2022, 31 Januari 2022. Tapi apa jadi Ahli-ahli Yang Berhoramat sekalian? Dengan beberapa alas an, dengan beberapa sebab-sebab teknikal yang dibenarkan, EOT (Extension of Time) telah disambung, bukan hanya 2 kali bukan hanya 4 kali tetapi sehingga 6 kali, sehingga 31/5/2025. Sambung 6 kali, bukan saja-saja sambung, yang mengendalikan tu ialah orang yang profesional. Disambung sehingga 31 haribulan Mei dan hari ini kemajuan kerja ialah sebanyak 95%, saya yakin insyaAllah boleh siap.

Sebab itulah jalan di Datuk Kumbar Yang Berhormat, Derga. InsyaAllah, hari tu cadang saja pada mula-mulanya EOT 5 sampai 31 Disember yang lepas, sepatutnya jalan itu telah diturap pada hujung tahun lepas. Tapi oleh kerana ada benda yang tak selesai lagi dan insyaAllah akan dibuat selepas ini dan akan selesai sebelum ini. *Point* yang saya nak habaq ialah, EOT diberikan dengan alasan-alasan yang tertentu yang dibenarkan, bukan saja-saja bagi dan ada denda, macam projek ini denda RM44,000 sehari, bukan sebulan dan tarikh lewat itu tak boleh kira sebagai lewat daripada tarikh yang siap tahun 2022. Kalau nak kira itu maknanya sudah 1,276 hari. Bayangkan 1,276 hari kali dengan RM44,000, berapa juta kena denda kontraktor itu? Jadi, tarikh yang dikira lewat ini ialah apabila dapat EOT, tarikh yang terakhir, kalau selepas itu dia tak boleh siap maka dia akan didenda mulai tarikh dia tidak dibenarkan lagi untuk dapat EOT. Jadi, jangan ambil angka yang sedemikian, tak adil. Dan JKR serta JPS ada juga projek yang telah siap mendahului jadual.

Saya ada senarai yang lengkap, berbelas projek yang dah siap awal mendahului jadual. Demikian juga ada projek JKR dan JPS yang telah ditamatkan, yang dah lewat pun ada, macam RTB yang disebutkan tadi. Tapi insyaAllah itu boleh siap, cumanya lewat daripada tarikh asal yang telah janjikan. Dengan alasan-alasan yang tertentu, maka RTB tersebut lewat daripada tarikh yang dijangkakan pada peringkat awal, tapi setelah diberi EOT, dia boleh insyaAllah siap pada masa yang dibenarkan.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Sat, sat.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kuala Nerang, YB. Kota Darulaman dan YB. Bakar Arang duk minta laluan. Boleh bagi ka?

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. YB. Kuala Nerang, tadi kata akan ambil tindakan terhadap kontraktor. *So* saya nak tanya adalah, apakah tindakan yang telah dilakukan terhadap kontraktor untuk LRA Bukit Selambau? Itu soalan saya. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Okay, silakan YB. Kuala Nerang.

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Terima kasih YB. Bakar Arang, terima kasih YB. Tuan Speaker. Tindakan pemantauan ini sebenarnya telah dilakukan secara begitu kerap. Bermula dengan mesyuarat tapak sebulan sekali, mesyuarat teknikal dua minggu sekali. Bila dia gagal mematuhi apa yang diarahkan, notis amaran dikeluarkan, notis amaran dikeluarkan kepada kontraktor. Jadi, ini antara tindakan-tindakan yang kita buat untuk memastikan kontraktor ini dia mematuhi, memenuhi jadual yang dirancangkan. Tapi sampai akhirnya kalau dia gagal juga, dia gagal juga buat sepertimana yang ditetapkan, dijadualkan itulah langkah terakhir kita terpaksa kita *terminate*, terpaksa kita batalkan dan proses penamatan ini pun bukan dibuat secara sesuka hati, dia perlu melalui proses yang tertentu, melalui CCP (Contract Coordination Panel) di peringkat negeri kemudian angkat kepada PETRA, dipersetujui, diluluskan baru boleh ditamatkan secara rasmi sebab ia melibatkan beberapa SOP yang tertentu dan juga akan memberikan kesan. Kalau tak kena gaya, tindakan undang-undang. Sebab itu, kita berhati-hati dan mengambil tindakan yang proaktif dan selamat untuk manfaat. Cumanya saya percaya, memang dia akan makan masa, makan masa yang panjang bila ditamatkan dan projek ini pun seperti mana yang kita sedia maklum, rancangan idea asalnya saya sebut dah dulu dalam Sidang DUN yang lepas, idea Almarhum Tan Sri Ustaz Azizan Abdul Razak (*Allahummaghfilahu warhamhu*) bagaimana menyedari ketika itu rizab simpanan air kita sebenarnya bawah daripada kosong. Tak dak rizab, tak dak air, air memang tak cukup dah disedari, bukan masa itu sebelum itu pun dah tak cukup. Jadi sebab itu dibuat kajian, dia suruh buat kajian. Buat kajian tahun 2008 masa itu, selepas itu 2016, 2016 baru dapat kelulusan. Mai 2016 dapat kelulusan, dah siap dengan *design*, tiba-tiba pada tahun 2018 ditangguhkan projek itu kerana nak dibuat kajian oleh kerajaan pada masa itu. Bila tangguh, tak buat. Mai kerajaan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor tahun 2020, 17 Mei angkat sumpah, kemudian pada Jun 2021 kita mula SST dan mula buat projek LRA kelima-lima projek ini. Jadi sebab tang tu pun dah *drag.* Kalau nak kira sepatutnya lewat u, lewat daripada dulu ni, kan? Tak masuk kira Covid lagi, bukan nak cipta, nak bagi alasan, nak helah, nak kona pi kut lain, itu *reality* yang kita semua mesti hadapi. Projek JPP tadi yang saya sebut, Jabatan Perkhidmatan Pembentungan, yang lewat…. (YB. Kota Darul Aman minta laluan)

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Bagi EXCO jawab dulu.

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Dengar dulu, duduk dulu, sat saya bagi. Jangan bimbang, saya bagi. YB. Speaker bagi masa, insyaAllah saya bagi. Projek JPP, Jabatan Perkhidmatan Pembentungan, yang sepatutnya siap pada tahun 2022, tertangguh juga disebabkan lewat kerana Covid! Jadi kita tak boleh menafikan, bukan kita nak cipta, nak reka alasan, pasal ni tak siap, pasal ni tak siap. Sebab-sebab yang, yang muhasabah, yang dibenarkan mengikut peraturan-peraturan yang ada. Sila Yang Berhormat Kota Darulaman.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Kota Darulaman.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Bagi saya bila siapa jadi kerajaan pun sama, tapi kita duk salahkan ni, salahkan tu. Tapi yang penting tu apa tekad politik kita bila kita berhadapan dengan segala projek kerajaan yang selalu tertangguh, EOT 1 sampai 6, ataupun lagi lama tamat. Jadi, apakah tekad politik untuk kita menggubal satu dasar yang boleh menggubal undang-undang supaya kita dapat melaksanakan. Ada kontraktor yang lebih pakar dan melaksanakan semua projek ni dalam jadual yang diberikan. Sebab yang ni memang merugikan satu kerajaan. Bila semuanya tertangguh dan memang saya rasa satu kerajaan negeri dan juga Persekutuan kena bekerjasama supaya ada satu reformasi dalam dasar kerajaan.

YB. TUAN SPEAKER

Yang Berhormat, saya tambah sikit, saya pun nak jawab juga. Saya nak minta YB.-YB. kita kena bagi perhatian kepada perkara ni. Kita nak kena berlaku adil dalam untuk kita nak komen tentang projek-projek sama ada daripada kerajaan negeri ataupun Kerajaan Persekutuan, jangan kita tumpu kepada satu. Macam sekarang ni kita nak mengelakkan pembaziran duit rakyat, kita tak mahu projek-projek tu *delay*. Jadi saya nak, kalau kata projek negeri pun kita komen, kita nak kena tengok juga kalau kata ada projek-projek Persekutuan di mana yang disebut oleh EXCO tadi ni, yang jarang kita dengar, yang ni pun YB.-YB. kena ambil peranan. Kita kena bangkitkan supaya perkara ni kita dapat selesaikan dan tidak membazirkan wang rakyat. Teruskan YB. EXCO.

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Terima kasih Yang Berhormat Speaker atas pencerahan, penegasan, terima kasih. Ya, saya amat bersetuju bahawa memang kita kena ada sikap yang tegas dan bersungguh-sungguh. Pada saya dalam kes ini, kita tidak meletakkan salah itu kepada pihak pengurusan sama ada SOnya ataupun pihak yang mewakili SO ataupun agensi-agensi yang berkenaan sebab kita percaya projek-projek yang dikendalikan oleh konsultan, oleh kontraktor ramai yang boleh buat, ramai yang boleh siap, tapi juga ada sebahagian yang tidak boleh siap. Ibaratnya kalau kita dalam kelas Yang Berhormat, cikgu mengajar kan, ada pelajar-pelajar yang cemerlang, ada yang boleh siap, tapi kebanyakannya mungkinlah ada satu dua yang tercicir, atas sebab-sebab yang tertentu, dia malas belajar umpamanya, jadi dia *fail* lah kan? Hat, ini mungkin ada masalah yang tertentu yang menyebabkan dia gagal *perform,* gagal untuk melaksanakan projek itu dengan sempurna. Baik, Yang Berhormat Speaker, boleh pi tang lain dah kut?

Yang Berhormat Speaker, saya ingin beralih kepada apa yang dibangkitkan oleh YB. Anak Bukit dan juga YB. Bayu. Untuk makluman, projek-projek RTB oleh JPS ini merupakan projek berskala besar dan ia dilaksanakan berdasarkan pada kajian, bukan boleh buat begitu saja. Kajian-kajian yang telah pun dianalisis dan dibuat untuk mengelakkan kejadian banjir berlaku dan berulang. Sebagai contoh, kejayaan projek RTB (Rancangan Tebatan Banjir) di Negeri Kedah ini di Lembangan Sungai Muda berjumlah RM1.5 bilion. RM1.5 bilion yang siap pada tahun 2015.

Waktu bina, waktu buat itu pun memang ada banyak masalah walaupun pada masa itu kita bukan kerajaan tetapi memang agensi kerajaan ada maklumat ini, banyak masalah. Tapi Alhamdulillah, setelah selesai projek itu dilaksanakan, semasa banjir hujung tahun lepas kawasan yang berkenaan di Lembangan Sungai Muda tiada laporan kejadian banjir. Betul na, disahkan? Jadi, ini antara kesannya. Sebab itu RTB yang sedang dibuat, RTB Jitra, RTB Anak Bukit antaranya ialah untuk mengalihkan aliran air sungai yang banyak itu bukan hanya ke laut tapi juga kepada terusan-terusan yang sedia ada di tempat yang lain.

Jadi, Yang Berhormat Speaker, kita perlu beri penjelasan, kefahaman bahawa banjir yang berlaku di semua daerah yang baru-baru ini berlaku antaranya seperti yang disebut ialah kerana terhalangnya aliran sungai dan pembuangan sisa dan seumpamanya. Antara puncanya yang kita mesti akui juga ialah kerana berlakunya hujan lebat, hujan lebat selama tiga hari, 200mm lebih kurang 70% daripada hujan yang turun dalam tempoh sebulan. Tiga hari, 200mm itu sama dengan tempoh sebulan.

Jadi hujan lebat, di hulu dan banyak tempat itu salah satunya bila air mai banyak begitu, keadaan berlaku. Bulan November 2024, jumlah hujan 300mm dalam masa tiga hari, lagi banyak 300mm dalam masa tiga hari. Kalau ikut purata sebelum itu, sebulan 275mm dan ketika berlaku itu pula berlaku air pasang besar, air pasang tinggi. Jadi air memang tak boleh pergi, dia sebak, dia tak boleh pergi ke laut.

Di bawah pelaksanaan RTB sungai Kedah dan Anak Bukit telah dilaksanakan kerja mendalamkan sungai iaitu projek RTB Sungai Kedah, Anak Bukit Pakej 3 tahun 2021. Yang Berhormat Anak Bukit, cuma mungkin kesan dia tak sehebat seperti yang diharapkan oleh YB. Anak Bukit. Kita harap selepas ini apabila siap RTB di kawasan tersebut akan selesai masalah ini. Sebenarnya penyelesaian kepada masalah banjir di Sungai Kedah tidak hanya semata-mata dengan mendalamkan sungai sebab masalah paras air laut yang makin tahun dia makin meningkat. Selain daripada itu, jumlah lumpur, enapan yang dibawa ketika banjir juga boleh menyebabkan sungai menjadi cetek. Sebab itu projek RTB Sungai Kedah/Anak Bukit dilaksanakan supaya jumlah air dari hulu akan dilencongkan keterusan yang baru dibina.

Bila projek ini siap nanti, insyaAllah aliran air dari hulu tidak semuanya akan lalu masuk ke bandar Alor Setar. Projek Tebatan Banjir Sungai Kedah Pakej 2 telah bermula sejak September 2013 dan terhenti pada 2018 sebab masalah kontraktor asal tidak dapat menyiapkan projek dalam tempoh yang disiapkan. Yang ni pun berbalik lebih kurang cerita LRA tadi juga lah. La ni, buat masa ini, kontraktor penyelamat Kim Khod Engineering Sendirian Berhad telah dilantik oleh JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) bukan JPS Negeri Kedah, JPS Peringkat Persekutuan. Projek RTB ni di bawah kawalan terus PETRA dan diuruskan oleh JPS Peringkat Persekutuan. Kontraktor ini telah masuk pada Mac 2020 dan sedang dibuat. Kalau diikutkan jajarannya lebih kurang seperti yang disebut oleh YB. Anak Bukit, 12.6km dan dia tak longgok setempat, Panjang. Jadi, ada tempat yang ada pekerja, ada tempat yang tiada pekerja. Kerja sedang berjalan, walaupun diakui dari segi peratus kemajuan agak lewat, kita terima hakikat itu.

YB. TUAN SPEAKER

Panjang lagi YB.?

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Bolehlah kalau nak perabis, tapi takdan jawab banyaklah.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Kota Darulaman.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

YB. Tuan Speaker, saya cuma minta sama ada kerja-kerja pendalaman sungai boleh dibuat dari sepanjang sungai sebab yang itu akan meringankan beban sebab selut terlalu banyak dan jika projek itu boleh dijalankan maka banjir kilat akan kurang di seluruh Bandaraya Alor Setar.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat EXCO, ringkaskan.

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

InsyaAllah, ada duit boleh. Ada bajet insya Allah kita buat.

YB. BRIG. JEN. (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

YB. Tuan Speaker, boleh saya kemukakan sedikit soalan?

YB. TUAN SPEAKER

Boleh? Boleh bagi laluan YB.? Silakan.

YB. BRIG. JEN. (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Saya nak dapat sedikit maklumat daripada YB. Kuala Nerang tentang kedudukan titi Kampung Tanjung. Adakah masih lagi dalam projek RTB ataupun saya dipahamkan dah hilang daripada skrin dah sekarang.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat EXCO, ringkaskan sebab masa kecederaan yang lama. Dipersilakan YB. EXCO

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Terima kasih Yang Berhormat Speaker, terima kasih Yang Berhormat Kupang. Baik, bagi masa untuk saya semak dan kita akan bagi jawapan selepas ini, apa yang berlaku yang menyebabkan dia hilang daripada radar.

Yang Berhormat Speaker, demikian juga apa yang dibangkitkan oleh YB. Bayu berhubung dengan bencana banjir. Untuk makluman, tahun 2024 JPS telah menerima dua projek RTB pembinaan infrastruktur sabo di Daerah Baling, RTB Fasa 1 untuk memfokuskan kerja-kerja menaik taraf Sungai Kupang, melebar dan mendalamkan, menaik taraf struktur lintasan dan pembinaan ban sungai yang terlibat. Projek RTB Baling adalah seperti Sungai Ketil serta anak sungai seperti Sungai Baling, Sungai Charok, Sungai Pendiat, Sungai Pegang, Charok Batu Sebelah, Sungai Teduri dan Sungai Kupang. Ketiga-tiga projek ini dijangka akan dapat mengurangkan risiko banjir dan kerugian harta benda yang telah berlaku, ataupun kita harap dapat dielakkan. Untuk kes ini, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Bayu, masalah pasir, JPS sendiri mengalu-alukan kalau ada pengeluaran pasir untuk kerja mencuci sungai. Cumanya kita harap berlaku mengikut proses yang tertentulah, memohon melalui JPS, diangkat kepada MMK untuk kebenaran sebab kena mengambil kira dan mematuhi SOP yang tertentu supaya tidak menjejaskan struktur tebing dan juga kepada struktur yang mungkin ada yang berdekatan.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Jitra duk tengok lama dah, YB. ambil masa dia panjang.

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Akhir sekali, akhir dah. Saya juga mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada CEO SADA dan pasukannya yang bukan hanya seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat dalam sesi yang lepas telah mencatat keuntungan, tapi masa yang sama telah memulangkan keuntungan itu kepada rakyat dengan memberikan perkhidmatan yang saya percaya antara lain ialah telah menghantar bekalan lori air ni. Kalau tahun 2018 cuma RM setengah juta, tetapi bila mai tahun 2024 sampai RM16 juta. Bagi saya, bukan menunjukkan akaun itu makin bertambah, akaun lebih kurang banyak itu juga kita di Negeri Kedah ni. Untuk makluman semua, akaun SADA di Negeri Kedah ni ialah 665,774 akaun. Yang terjejas, yang tak dak air ni cuma 3,868 akaun yang terjejas di 164 kawasan. Kalau ikut peratus, cuba bahagi tengok cuma 0.58% yang terjejas. Jadi, hat ini yang SADA duk hantar ni, duk hantar berulang kali, kadang-kadang sampai 12.00 pagi, 3.00, 4.00 pagi hantar lori air ni.

Betul na Yang Berhormat Pantai Merdeka? Sanggup sepa hantar, itu yang kos meningkat. Bukannya maknanya bilangan akaun yang terjejas itu meningkat. Kalau dalam sidang yang dulu kita laporkan cuma lebih kurang 1% hingga 2% yang terjejas. Tapi Alhamdulillah, melalui tindakan dalaman projek SADA, projek-projek kecil SADA. Kecil-kecl pun jumlah tahun lepas pun sampai hampir RM50 juta, buat rumah pam, tukar paip dan sebagainya. Itu tak termasuk RM16 juta hat hantar air tu. Itu antara inisiatif yang kita buat sementara menunggu LRA kita siap. Jadi, bukan kita hanya melihat sahaja, setiap aduan yang disampaikan kita ambil tindakan segera, mana yang tak dak air, kita hantar air sebab memang tanggungjawab SADA kepada pengguna akaun dia bila tak ada air, SADA wajib hantar air walaupun pukul 13, 14 pagi.

Jadi tuan-tuan kita lihat, lori air hantar pada tahun 2024 kos dia RM16 juta ringgit. Tapi Alhamdulillah, pada bulan Januari hingga Mac yang lepas, kos itu telah menurun berbanding dengan bulan Januari tahun yang dulu. Pasal apa? Pasal tahun lepas masa itu kemarau agak kuat, berbanding dengan kemarau tahun ni. Jadi, kurang sikit lah kalau tahun lepas Januari hingga Mac RM4.9 juta, tahun ni Januari hingga Mac cuma RM1.71 juta. Jadi Yang Berhormat Speaker, yang lain-lain yang saya tak sempat jawab saya mohon berbanyak maaf dan insyaAllah kita akan berikan jawapan secara bertulis.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dengan penekanan yang diberikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tunku Sultan, saya percaya semua yang kita hasratkan ni bukan mudah untuk dicapai dengan semangat semata-mata sebaliknya memerlukan segenap cara, segenap komitmen, yang saya percaya insyaAllah dengan kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang kita kasihi dibantu kuat oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Pegawai Kewangan, Yang Berhormat Penasiahat Undang-undang, Barisan EXCO dan para pegawai, ketua-ketua jabatan baik peringkat negeri atau Persekutuan, saya amat yakin dan insyaAllah kita akan dapat mencapai apa yang kita cita-citakan. Mudah-mudahan usaha ini diberkati, dirahmati Allah dan diterima sebagai ibadah di sisinya.

Saya menyokong sekali lagi menjunjung kasih ke atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tunku Sultan yang telah merasmikan persidangan sidang pada kali ini, sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumsalam Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerang (EXCO) dan seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Jitra.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Terima kasih YB Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Kedah Sejahtera, Nikmat Untuk Semua. Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin, Wassolatu wassalamu 'ala Asyrafil Anbiya'i wal Mursalin, Sayyidina Muhammadin wa 'ala alihi wa sahbihi ajma'in. Rabbi syrahli sodri, Wayassirli amri, Wahlul 'uqdatam millisani, Yafqahu qawli. Yang saya hormati dan kasihi Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Dato' Wira Pegawai Kewangan Negeri, Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri, Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, para pegawai kerajaan negeri dan Pusat, para pengamal media, para pemerhati sekalian dan juga kepada seluruh warga Jitra yang bersama dalam sidang ini.

Yang Berhormat Speaker, bersyukur kita kepada Allah SWT dapat kita bersama dalam sidang ini untuk menyatakan bahawa saya secara peribadinya menjunjung kasih akan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tunku Sultan Kedah sempena Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedah, Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kedah Yang Ke-15 ini. Saya yakin dan percaya segala nasihat, peringatan dan harapan dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan adalah suatu panduan yang amat berguna buat kita semua. Kita mungkin orang biasa di negeri kita Kedah, tetapi kita sebenarnya sudah melontarkan diri kita dalam gelanggang yang luar biasa. Jadi untuk itu, marilah kita siapa juga baik kita sebagai penjawat awam, kerajaan negeri maupun Pusat dan kepimpinan negeri yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita memberikan segalanya yang termampu bagi membolehkan negeri ini akan melonjak tinggi dan menjadi kebanggaan semua. Jadi, dalam ucapan penggulungan saya ini saya akan menyentuh aspek-aspek berkaitan dengan portfolio saya iaitu industri dan pelaburan, pengajian tinggi, sains, teknologi dan inovasi.

Yang Berhormat Speaker, tahun 2024 adalah satu tahun yang cukup bermakna buat kita. Sebuah "Negeri Jelapang Padi" yang biasa-biasa, kadangkala sepi dan sunyi daripada *limelight* dari pihak mereka di Putrajaya. Tetapi kita tidak pernah memikirkan itu semua, kita terus buat kerja dan kita usahakan sedaya mungkin. Alhamdulillah, rekod menunjukkan bahawa kita adalah destinasi pelaburan utama negara apabila kita berkedudukan nombor 1 dengan RM44.1 bilion pelaburan masuk pada tahun 2024. Saya yakin dan percaya segala aspirasi daripada ucapan atau Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah dan juga kesungguhan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga barisan pentadbir negeri di bawah kepimpinan Yang Berhormat Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri, seluruh kita bekerja sebagai

sebuah pasukan dan saya di peringkat EXCO telah menggerakkan satu pasukan dipanggil *Kedah Investment Team* bagi membolehkan setiap perkara dari setiap sudut yang mungkin kita dulu lemah dan tidak mampu telah kita baiki bagi membolehkan kita menjadi sebuah pasukan yang mantap insyaAllah, dalam menarik seramai mungkin pelaburan. Alhamdulillah pada tahun 2024 hasil daripada usaha kita semua, kerajaan negeri dan Pusat, kita telah mampu mencipta peluang pekerjaan hampir 10,000 peluang pekerjaan untuk anak Kedah.

Dan suka saya menyatakan di sini bahawa seramai 45,000 pekerja yang sedang bekerja di Kulim Hi-Tech Park hari ini, 75% daripada mereka adalah anak Kedah dan ini adalah satu pencapaian dan kesungguhan kita untuk mencipta peluang pekerjaan buat anak Kedah. Tapi kita tidak menafikan anak-anak negeri lain untuk mencari rezeki di negeri kita kerana kita tahu, abang, kakak kita dan keluarga kita, ramai dahulu telah berhijrah ke kota-kota bagi mendapatkan pekerjaan di sana. Kita berlapang dada tetapi pada masa yang sama kita mengusahakan agar anak negeri mendapat ruangnya bagi membolehkan dia mendapat manfaat atas pembangunan negerinya.

Yang Berhormat Speaker, izinkan saya menyatakan di sini bukanlah untuk mendabit dada, apatah lagi untuk menunjuk kita lebih baik daripada sesiapa tetapi sekadar rekod agar Dewan Yang Mulia ini mencatatkannya dalam tinta emasnya, mencatatkan akan sejarah untuk tempoh 29 tahun penubuhan Kulim Hi-Tech Park, pada tahun yang terkini ini jumlah keseluruhan daripada 29 tahun itu nilai pelaburan yang telah direkodkan adalah RM181.5 bilion dan pada 5 tahun terkini di bawah kerajaan kita, di bawah pentadbiran dan kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kita telah merekodkan jumlah tertinggi iaitu dengan jumlah sebanyak RM132 bilion. Tahniah kepada semua.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

YB. Tuan Speaker. Boleh mencelah.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Nanti dulu. Kita juga berharap dan kita sedang menggerakkan usaha untuk mengangkat Kedah Rubber City menjadi sebuah lagi kejayaan buat semua. Kita tahu kita anak penoreh getah, kita dahulu anak orang miskin yang kita tahu jerih perihnya ibu ayah. Hari ini kita datangkan usaha untuk membangunkan sebuah Rubber City yang boleh mengangkat daripada mungkin pandangan rendah masyarakat kepada penoreh getah kepada tingginya pandangan dunia kepada satu industri yang harus kita bangunkan bersama.

Ini bukan panggilan biasa, ini sebuah perjuangan dan KRC harus dijadikan kenyataan bagi membolehkan semua pakar-pakar dunia, semua pengkaji-pengkaji terkemuka dunia, semua syarikat-syarikat besar dunia akan datang ke negeri kita dan bersama membangunkan Kedah Rubber City ini.

Saya yakin dan percaya, ia dapat dilakukan dengan kesungguhan. Mungkin tidak semudah yang dikata, tapi usahakan. Marilah sama-sama, kita jangan berpolemik untuk mencari salah siapa. Kita harus mewariskan negeri yang baik dan maju serta berjaya untuk anak cucu kita. Jadi, saya juga mengharapkan agar Kerajaan Pusat yang mungkin ada pegawai-pegawainya di sini pada hari ini dan juga di luar sana agar memikirkan supaya agensi-agensi kerajaan berkaitan getah seperti RRI, RISDA FELDA, FELCRA dan semuanya perlulah mempunyai *office*nya di Kedah Rubber City ini agar ditempatkan di satu tempat bagi membolehkan kita membangunkan industri ini secara menyeluruh dalam konteks negeri dan negara kita. Ini bukan cerita Kedah, ini bukan cerita Kedah ingin mendahului yang lain. Ini cerita perjuangan bangsa yang mana majoriti penoreh getah adalah orang Melayu. Jadi, di sinilah sebuah perjuangan yang harus kita gerakkan dan tegakkan bersama. Jadi, ia akan menceritakan kebangkitan seluruh petani, penoreh getah di seluruh negara apabila terbinanya sebuah kota yang mana dipanggil Kedah Rubber City.

Jadi, Ahli Dewan yang dikasihi, YB. Speaker, di masa yang sama kita akan mengusahakan untuk mencipta lebih kurang 15,000 peluang pekerjaan dengan nilaian pelaburan sekitar RM15 bilion ke RM20 bilion dalam tempoh 10 tahun akan datang. Dan suka saya menyatakan di sini telah ada syarikat tayar yang bersetuju untuk masuk melabur. Tapi tidaklah saya kongsikan namanya di sini. Perjanjian telah ditandatangani atas keperluan-keperluan tertentu tidak saya kongsikan. InsyaAllah, ia akan menjadi *anchor tenant* yang akan mengembangkan industri getah ini dan saya berharap sepertimana YB. Bayu ada menyatakan bagaimana untuk membantu para penoreh getah kita. Kita akan cuba untuk gerakkan gagasan, semua daerah-daerah kita yang menanam getah, yang ekonominya adalah daripada getah akan menjadi pembekal getah latex kepada kilang ini. Ini harus dibangunkan, kajian harus dibangunkan agar apa yang kita bekalkan memenuhi, mematuhi piawai syarikat ini InsyaAllah. Jadi kita usahakan bersama.

Pada masa yang sama izinkan saya YB. Speaker, untuk menyatakan bahawa Bukit Kayu Hitam Special Border Economic Zone yang kita telah usahakan beberapa tahun lalu. Secara asasnya sekitar tahun 2016, kita mula secara agresif menggerakkan agenda membangunkan Bukit Kayu Hitam Special Border Economic Zone. Dengan keluasan 11,800 ekar, baru-baru ini di Shenzhen saya telah berkesempatan membentangkan akan Bukit Kayu Hitam Special Border Economic Zone ini dan lain-lain *industrial park* yang ada di negeri kita. Kita telah dipanggil bersama sebuah

negeri lagi yang juga sebuah negeri yang kompetitif dan maju di negeri kita. Namun demikian, itu bukan halangan untuk kita mempersembahkan yang terbaik buat negeri kita. Kita menyatakan Bukit Kayu Hitam Special Border Economic Zone ini, prasarananya telah tersedia dan kita bersedia menanti kemasukan pelabur-pelabur. Marilah kita sama-sama berdoa dan berharap agar jumlah pelaburan yang difahamkan akan keluar daripada Shenzhen City sahaja iaitu sekitar RM100 bilion dan kita mengharapkan sejumlah yang besar dapat sampai ke negeri kita Kedah. Bukan hanya di Bukit Kayu Hitam, tetapi juga di Kulim Hi-Tech Park, mungkin juga di Gurun Heavy Industrial Park, di Padang Meha dan di lain-lain *industrial park* yang kita ada.

YB. Speaker dan Ahli Dewan yang saya muliakan, kita juga berusaha untuk memastikan *industrial park-industrial park* kita yang lain juga berada pada kedudukan terbaik untuk menawarkan diri kita bagi membolehkan kita bersaing secara kompetitif. Kita juga telah mengenal pasti tanah seluas 17,000 ekor iaitu dipanggil Kulim Industrial Corridor. Jadi, kita akan usahakan dan telah pun ada pelabur-pelabur masuk ke Kulim Industrial Corridor ini di Padang Meha secara khususnya dan mereka membawa pelaburan bernilai berbilion-bilion ringgit. Disinilah yang sedang kita garapkan satu usaha menyeluruh di mana Invest Kedah sebagai *investment arm* kepada Negeri Kedah, sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk menyantuni setiap pelabur yang datang. Maka kita telah gerakkan pasukan kita dengan segala perancangan rapi. Bukan sahaja dalam konteks menarik mereka melabur, tetapi kita juga ingin memastikan bahawa apabila mereka datang ke negeri atau ke negara asing, mereka merasakan kitalah sahabat sejati mereka yang sudi menyantuni mereka, memahamkan mereka dan membantu mereka dalam segala perkara. Atas kesungguhan Invest Kedah inilah dan juga agensi-agensi lain yang memberi sokongan dan dokongan yang luar biasa. Cabarannya bukan sedikit, banyak dan bertimpa-timpa tetapi saya menyatakan di sini, agensi-agensi kita, majlis perbandaran kita, pejabat daerah kita, agensi-agensi Pusat dan juga negeri, semuanya menghulurkan tangan mereka untuk membolehkan sesuatu yang kadangkala berat untuk kita selesaikan sendiri dapat kita atasi dengan baik dan berjaya, Alhamdulillah. Jadi, Yang Berhormat Speaker, dalam usaha kita untuk meneruskan kelangsungan negeri kita ini, kita menawarkan tanah perindustrian ataupun yang telah kita *zoning*kan dengan jumlah yang cukup besar iaitu seluas 40,000 ekor untuk ditawarkan kepada dunia.

Dalam usaha kita untuk menggerakkan agenda kita ini, kita telah merangka satu gagasan dipanggil 'The Greater Kedah'. The Greater Kedah ini bukanlah impian seorang Menteri Besar, bukanlah harapan seorang yang mengharapkan sesuatu luar biasa berlaku, ia adalah semua harapan, harapan semua kita, harapan anak cucu kita untuk melihat negeri ini akan berjaya. Jadi, The Greater Kedah digagaskan dan dibangunkan dan kita menyasarkan pada tahun 2050 kita dapat menjana GDP

(Keluaran Dalam Negara Kasar) negeri kita pada jumlah RM576 bilion. Hari ini kita jauh daripada jumlah itu, tapi percayalah tiada yang mustahil kalau kita terus melangkah dan yakin dan saya menyeru sahabat saya daripada barisan pembangkang, mari kita satukan hati kita, kita menzahirkan satu tinta perjuangan bersama bagi membolehkan negeri ini berjaya. Jadi, dalam gagasan The Greater Kedah kita yakin dan percaya... (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kota Darulaman bangun. Bagi laluan YB.?

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Ada lagi. Sekejap, nanti saya bagi.

YB. TUAN SPEAKER

Belum lagi YB. Kota Darulaman.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Jadi, untuk membolehkan kita bersaing secara kompetitif, saya ingin masuk kepada perkara yang sangat penting iaitu kita memerlukan *inland port* di Kulim. Kita memerlukan *inland port* di Kulim kerana apa? Saya telah merujuk kepada Jabatan Kastam dan mereka memaklumkan segala eksport daripada syarikat-syarikat, kilang-kilang di Kulim dan di mana juga di Negeri Kedah yang melalui pelabuhan Pulau Pinang, direkodkan sebagai eksport Pulau Pinang, bukan eksport Kedah dan inilah yang menjadi punca kepada rendahnya GDP negeri kita. Maka kita harus berjuang untuk mendapatkan hak kita, paling tidak mempunyai *inland port*nya. Dan saya suka menyatakan bahawa kita juga harus bergerak untuk memiliki pelabuhan kita sendiri. Jadi saya percaya, usaha harus terus digembeling dalam konteks *Special Border Economic Zone* yang juga turut mencakupi akan *silvia* di belah Perlis dan juga di selatan Thailand. Sanglang Deep Sea Port adalah satu lagi perkara yang harus diberi pertimbangan serius oleh Kerajaan Pusat untuk membolehkan ia menjadi pelabuhan di belah utara tanah air. Hari ini bukan lagi cerita tentang Kedah, Pulau Pinang YB. Speaker. Hari ini kita mengusulkan agar negara melihat ini cerita strategiknya Malaysia di peta dunia dalam menarik pelabur, bukan lagi cerita negeri di antara Pinang dan juga Kedah. Kita lebih berjiwa besar, saya yakin sahabat kita di Pinang juga, maka marilah kita usahakan agar *inland port* dapat disegerakan di Kulim Hi-Tech Park atau di Kulim bagi membolehkan eksport dilakukan dan direkodkan dengan baik di negeri kita.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kota Darulaman bangun YB.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Sebab sentuh Pulau Pinang, saya terus bangun. Boleh ya?

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Silakan!

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Setahu kita, apabila KHTP (Kulim Hi-Tech Park) telah lama ditubuhkan dan limpahan pelaburan yang masuk disebabkan Pulau Pinang setelah tempatnya penuh dan Kedah merupakan tempat jiran yang paling sesuai untuk kita kembangkan. Dan daripada pelaburan, kita tengok MITI dan MIDA merupakan agensi yang paling penting untuk menarik pelabur. Jadi, daripada RM45.8 bilion berapa angka ataupun peratusan yang benar-benar ditarik oleh kerajaan negeri melalui MOU semasa lawatan ke luar negara? Jika majoriti pelaburan ini merupakan angka yang dibawa ataupun ditarik oleh MIDA dan MITI, jadi bagaimana kita nak satukan bahawa yang ini merupakan satu kejayaan Kerajaan Persekutuan? Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat Jitra.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Saya kasihan dengan YB. sahabat saya, YB. Kota Darulaman, masih terikat dengan MIDA dan negeri. Ini adalah kerjasama 2 parti, '*its take two to thank go',* dia bukan cerita MIDA sahaja. MIDA boleh mempromosi negara kita tetapi bila datang ke pelaburan, pelabur ini dia ada *strategic investment team* dia, akan membuat *assesment* semua destinasi pelaburan dan mereka memilih kita. Di sinilah bagaimana kita berperanan, kita melengkapkan ekosistem MIDA untuk membolehkan kita dapat menarik sebanyak mungkin pelabur ke negara kita dan dalam konteks di negeri kita. Jadi, saya berharap agar YB. dapat bertenang, jadi bagi membolehkan untuk kita sama-sama faham bahawa…. (YB. Kota Darulaman minta laluan)

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Tak bagi laluan YB. Belum bagi laluan lagi.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Sikit saja, sikit saja.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Ini bukan polemik antara MIDA dan MITI. MIDA dipertanggungjawabkan mempromosi Malaysia. Jadi, kita juga berperanan untuk membantu dalam konteks bila MIDA ada *lead*s kita akan terus *support*. Ada ketikanya kita yang ada *lead*s dan MIDA akan *facilitate*, dia begitulah pendekatan kita. Kita tidak mengatakan hanya *from one party* tetapi dia adalah kombinasi di antara dua agensi, *federal* dan juga negeri kita Invest Kedah.

Jadi Yang Berhormat tidak mengapa, jangan bimbang, yang penting kerja dicipta untuk anak-anak kita, mungkin *one day* anak Yang Berhormat menjadi CEO *one of the MNC* di negeri kita Kedah. Jadi, kita harus kerja sungguh-sungguh untuk persiapkan itu semua. Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa kita perlu ada *inland port* kita bagi membolehkan kita mempunyai satu, ini perancangan jangka panjang negara, ini bukan cerita 5 tahun, ini cerita the *next 30 years,* ini cerita *the next 50 years* bagaimana untuk menyusun negara ini untuk 50 tahun akan datang, infrastruktur ini perlu dibangunkan. Jadi kita juga berharap, kita memerlukan KXP.

YB. Speaker, kita memerlukan KXP bagi membolehkan dunia akan lebih dekat apabila teknologi terus bergerak laju. Mungkin suatu hari nanti melalui *sea freight* tidak lagi menjadi pilihan utama. Apabila semua komponen dan chip menjadi begitu kecil dan sangat ringan, maka *the best mode to transport, to export* adalah melalui *air freight*. Jadi untuk itu hari ini, Lapangan Terbang Pulau Pinang sudah tidak mampu lagi, sebenarnya kapasiti telah sampai ke tahap tertinggi. Namun, kerana kesempitan pemikiran dan kependekan akal untuk melihat jangka panjang, maka akhirnya diusahakan juga untuk membangunkan Airport Pulau Pinang. Marilah, saya menyeru kepada Kerajaan Pusat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pengangkutan, berjiwa besarlah untuk melihat masa depan negara bukan lagi daripada sudut-sudut pandang politik yang sempit dan merugikan kita kerana kita hari

ini dipertanggungjawab untuk menjadi pemimpin, baik kami di peringkat negeri dan kalian di peringkat negara, bangunkanlah prasarana ini untuk masa depan negara kita. Harus lihat Kedah adalah *the best destination*. Bukan untuk Kedah, tetapi untuk *northern region for Malaysia and southern region for Thailand and Southeast Asia.* Ini sebenarnya kita, kita jangan melihat dalam *boundary* negeri, kita harus melihat kedudukan kita dari sudut *regional*, barulah kita nampak betapa strategiknya Kedah untuk diangkat menjadi sebuah destinasi yang perlukan *mega investment* dalam bentuk pembangunan prasarana.

YB. TUAN SPEAKER

10 minit lagi YB.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

YB. Tuan Speaker, mencelah sikit.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Banyak gangguan ni. Boleh? Nanti YB Speaker bagi masa tambahan boleh?

YB. TUAN SPEAKER

Ada! Ada! YB. Sidam bangun YB. Boleh bagi laluan kepada YB Sidam?

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Terima kasih Yang Berhormat Speaker, saya rasa tuntutan daripada YB. Jitra tadi nampak macam ada lah. Tapi apa yang kita rasa lebih menguntungkan dan juga menjimatkan perbelanjaan ialah kita naik taraf lapangan terbang di Alor Setar. Jadi nampak macam ada lebih berfungsi. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat EXCO.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Kita sebenarnya melihat, kenapa kita katakan di Sidam itu *the best place?* Kerana kita melihat Pulau Pinang itu sebagai *feeder* kita. Walaupun dalam greater Penang kita

dianggap *feeder* kepada Pulau Pinang, tapi dalam pemikiran negeri hari ini dalam masa 20 tahun akan datang Pulau Pinang akan menjadi *feeder* kepada negeri kita. Jadi, sebab itulah *the best location* adalah di sana. Tapi tidak mustahil untuk menjadikan Airport Alor Setar sebagai *passenger airport*, apabila kita punya *special border economic zone* menjadi satu kawasan perindustrian yang berjaya. Berbalik kepada cerita ini YB Sidam, saya nak usulkan kepada dalam konteks YB. boleh bercakap dengan menteri-menteri di sebelah sana. Marilah kita melihat bagaimana kita boleh menjadikan Pulau Pinang sebagai *financial hub* sepertimana Hong Kong menjadi *financial hub* dan Shenzhen menjadi tempat-tempat syarikat-syarikat *multinational corporation*, *giant-giant corporation* itu berada. Jadi di Pulau Pinang *financial hub, manufacturing and everything* di sebelah Kulim dan di Kulim, Bandar Baharu yang mana insyaAllah akan dibangunkan pula satu lagi kawasan perindustrian dalam kerangka segitiga emas itu iaitu Kulim, Bandar Baharu.

Jadi, YB. kena bawa usul ini. Jangan *compete with us*, *we are too big to be competed.* Jadi, dengan kata lain *focus on something, now* apa yang berlaku Pinang, *extension* tambak laut, *this is not good and costly* kita ada *land*, kita boleh tawarkan tanah kita, *we are not talking about Kedah per say we are talking about our country*, Malaysia. Jadi, gunakan Kedah untuk menjadi hab kepada pembangunan industri-industri mega ini. Jadi YB. Speaker… (YB. Sidam minta laluan)

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Boleh minta laluan

YB. TUAN SPEAKER

Ringkas saja YB. Sidam.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Berkenaan dengan naiknya KXP ni, yang masalahnya datang kepada kita ialah pengambilan tanah. Jadi, tanah-tanah orang kampung ni depa duk mai bising, tanah depa kena dan sebagainya. Jadi, masalah itu yang lebih banyak kepada kita. Kita nak selesaikan itu pun nak kena jawab balik lah, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. EXCO.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Terima kasih YB. Sidam, soalan yang baik. YB. Sidam, kalau kita mempunyai mekanisme yang baik, pendekatan yang teratur dan telus yang adil, saya yakin rakyat bersedia memberikan. YB. tahu cerita bagaimana Shenzhen, bukanlah sebab saya balik dan Shenzhen terus cerita pasal Shenzhen banyak. Tapi saya tanya macam mana sebuah perkampungan nelayan boleh menjadi sebuah kota metropolitan luar biasa, bagaimana pengambilan tanah, sehinggakan dikisahkan, dia kata, masyarakat di sana, kata dia orang hari-hari doa minta negara ambil alih tanah dia. Sebab kalau negara ambil alih tanah dia mereka akan jadi kaya. *So* kita harus gerakkan usaha, janganlah seperti di Kampung Baru, yang mana orang-orang Kampung Baru menderita dan Kampung Sungai Baru menderita. Kita harus datang ke mekanisme pengambilalihan yang adil, yang baik, pemilik tanah merasa tidak terpedaya atau dipedaya dan mereka merasakan inilah sumbangan mereka untuk memajukan negeri dan negara. Jadi, YB. jangan bimbang, kita akan usahakan kiranya kerajaan ini terus memerintah Negeri Kedah ini, maka keadilan menjadi tunjang kepada sebarang perbincangan dan keputusan.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Sikit! Sikit saja boleh ka? Boleh na? Ada sikit la berkenaan dengan pengambilan tanah ni. Boleh na? Ok, cerita dia macam ni, mungkin Yang Berhormat bagi contoh dekat China sana, jadi di sana saya rasa tidak ada Akta Tanah Melayu, Tanah Simpanan Melayu. Jadi di Sidam ni, orang Siam mana yang terkena rampasan tu, dia nak beli kat mana ni? Semua tanahnya telah dijadikan… Faham no? Tanah Simpanan Melayu ni menjadikan satu perenggan…. (YB. Jitra mencelah)

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Baik! Baik! Saya faham dah. YB. Sidam, masalah yang sebegini adalah masalah yang baik untuk kita tangani, *in order for us to progress*, kita perlu menghadapi cabaran ini dan saya yakin dan percaya kerajaan kita, kerajaan hari ini akan menyantuni sebaik mungkin setiap rakyatnya apabila proses pengambilan tanah itu dilakukan.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Stop dulu, tak bagi laluan untuk YB.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Saya rasa saya paling *generous* lah dalam sidang ni, bagi ruang kepada sahabat-sahabat daripada pembangkang.

YB. TUAN SPEAKER

Okay, silakan Yang Berhormat, kita tambah masa sikit. Silakan.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Jadi, untuk kita meneruskan kelangsungan kita, saya ditanya oleh sahabat kita daripada Bakar Arang. Dia tanya, "YB., apa akan berlaku kepada syarikat-syarikat tempatan apabila pelabur-pelabur besar ini datang?" Betul, saya juga terfikir, perkara ini tidak mudah kerana mereka datang dengan kecekapan, teknologi tingg,i efisiensi dan segalanya, mereka bukan biasa-biasa, mereka ini *world class corporation*, sebab itu mereka menjadi pemimpin dunia.

Jadi di sinilah, setelah saya semak akan apa yang diberikan oleh MIDA kepada syarikat tempatan dalam Skim Pembangunan Vendor Tempatan (*Local Vendor Development Program)* saya dapati bahawa pakej yang ditawarkan oleh MIDA, *which is beyond our capability*, ini adalah agensi Pusat, tidak begitu memberangsangkan. Dan di sini saya ingin menyarankan agar dilihat kembali agar geran atau bantuan yang sewajar diberikan supaya syarikat-syarikat tempatan dapat menjadi sebahagian daripada *supply chain* kepada syarikat-syarikat besar ini apabila mereka masuk melabur ke negara kita. Ini sangat perlu diberi kajian khusus, bukan lagi cerita berapa bilion masuk ke negara kita, cerita berapa banyak *local vendors* dapat dibangunkan dan mereka ini dalam tempoh 20 tahun akan datang, 30 tahun akan datang, akan menjadi MNC (Multinational Corporation) yang akan menjadi kekuatan kita pula dengan teknologinya dan akan menguasai dunia. Perancangan ini harus dibangunkan di peringkat negara dan kita di peringkat negeri bersedia menyumbang tenaga. Jadi dengan kata lain, usaha kita ini juga akan bergerak seiring dengan pembangunan modal insan, YB Speaker.

Di mana kita dalam kes ini ingin saya nyatakan, kita negeri kecil, tidak negeri seperti Selangor dan yang lain-lain yang punya dana yang banyak mungkin untuk pembangunan modal insannya. Tapi negeri kita ada universiti sendiri. Saya pernah mengesyorkan ketika mana dalam pertemuan dengan menteri ekonomi agar diusahakan satu gerak kerja, kerjasama di antara universiti awam dengan universiti negeri.

Malahan saya menyatakan adalah tidak adil untuk menjadikan universiti negeri ini sebuah IPTS, sedangkan ia dibayai oleh negeri, duit negeri, tapi dalam pendaftarannya adalah IPTS. Apa beza negeri dan negara? Mengapa IPTA yang biaya oleh negara dipanggil IPTA, tidak dikenakan cukai dan seumpamanya tetapi sebagai institusi pengajian tinggi milik negeri diklasifikasikan, didaftar sebagai swasta dan perlu bayar cukai dan seumpamanya.

Namun demikian, ini satu perkara yang harus kita di Dewan Undangan Negeri Kedah ingin memberikan mesej kepada Kerajaan Pusat agar melihat perkara ini, jadikan universiti negeri sebagai IPTA negeri. Jadi, ini boleh memberi perubahan landskap dan kerjasama. Jadi, kita berusaha untuk membangunkan Kedah, telah digerakkan dan telah dipilih, UniSHAMS sebagai sekretariat untuk pembangunan Cordoba of Kedah, di mana kita ingin membekalkan pelajar-pelajar atau *workforce* kepada industri ini mengikut keperluan industri.

Hari ini, saya rasa duka cita apabila saya melihat di luar sana masih berlaku, apabila pelajar-pelajar yang memohon ke university, mereka ini ada sebahagiannya terperangkap dalam apa yang dipanggil sebagai program lelong. Ini berlaku, di mana program lelong ini adalah program-program tak laku, tak ada *takers,* tapi pelajar-pelajar ini nak belajar di universiti mereka mungkin nak ikuti program-program yang mereka sukai, *accounting, finance, business or engineering* tapi kerana CGPA tidak sampai ke *cut-off* yang ditetapkan mereka rendah daripada itu datang dari kampung, tapi tetap ada cita-cita dan ada PTPTN menanti. Apa yang berlaku YB. Speaker? Mereka terperangkap dan memilih program yang dipanggil program lelong yang tidak punya *demand* dalam pasaran. Itulah yang menyumbang kepada pengangguran dan itulah yang menyumbang kepada pekerja-pekerja yang ada hari ini dipanggil *overqualified underpaid.*

YB. TUAN SPEAKER

Tambahan masa, tambahan masa untuk YB. 10 minit.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Ooo... Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Tinggal 5 minit saja lagi.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Ooo… tinggal 5 minit, ingat 10 minit baru. Okay, jadi maksud dia, anak-anak kita ini, mereka ini bersemangat untuk belajar, bersemangat untuk menjadi orang berjaya dan pandai, mengikuti program di universiti, malang apabila keluar, tiada pekerjaan dalam bidang itu. Untuk itu, kita telah menyusun *at least* di peringkat kita, memadankan keperluan industri dengan *qualification* yang ada yang sedang diambil oleh anak-anak kita. Saya ingin menyarankan di sini, agar kita dapat bekerjasama erat dengan Kementerian Pengajian Tinggi, MIDA dan MITI, bergerak bersama untuk menyusun keperluan industri dengan graduan-graduan yang ditawarkan ke dalam sektor pekerjaan. Ini sangat penting, jadi kita boleh sebagai contoh, kita ambil pengalaman kita di Kedah, sebuah syarikat nak masuk, dia kata dia nak 1,000 pekerja, daripada 1,000 pekerja itu, dia kata dia nak 400 orang *engineer* dan dia akan masuk dalam tempoh 2 tahun, 3 tahun. Jadi kita dah boleh buat perancangan dengan universiti-universiti ini, untuk membekalkan *engineer* sedemikian jumlahnya dan berapa ramai *technician*, daripada kolej mana dan semua. Hari ini zaman big data, zaman AI semua ini boleh dilakukan dengan mudah, bukan zaman tahun 70-80an, yang kita guna *spreadsheet* yang jauh ketinggalan. Jadi, saya mencadangkan agar… (YB. Kota Darulaman minta laluan)

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

YB. Tuan Speaker, boleh mencelah?

YB. TUAN SPEAKER

Tak bagi laluan lagi YB.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Jadi saya mencadangkan agar Kerajaan Pusat melihat usaha ini sebagai satu usaha yang sangat serius perlu diberi perhatian. Janganlah biarkan anak-anak kita, khususnya anak-anak orang susah, orang miskin yang mungkin latar belakangnya tidak seberapa, ingin dan berharap untuk mengikuti program-program baik di universiti-universiti awam. Mereka tak mampu nak pergi universiti-universiti swasta yang mahal yurannya. Mereka mengharapkan universiti awam, tapi apabila sampai ke universiti awam, program-program ditawarkan kepada mereka bukanlah program-program yang dapat menjamin peluang kerja yang baik. Ini adalah satu penganiayaan kepada anak-anak kita. Jadi Kementerian Pengajian Tinggi harus melihat perkara ini dan tidak ada konsep program lelong lagi sepatutnya berlaku dalam dunia moden hari ini.

YB. TUAN SPEAKER

3 minit lagi YB. Jitra.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Di samping itu YB. Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang usaha kita membangunkan satu kawasan dipanggil *Renewable Energy Zone* yang mana kita merancang untuk menghasilkan sekitar 2 ke 3 gigawatt *renewable green energy* daripada solar. Jadi, *Renewable Energy Zone* ini adalah satu inisiatif kerajaan negeri yang telah diusulkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kita ada anak syarikat yang dipertanggungjawabkan untuk tujuan ini iaitu KESTER di bawah Invest Kedah, yang akan memacu agenda ini. Apa yang ingin saya nyatakan disini, telah sampai masanya dan waktunya negeri tidak lagi boleh bergerak dan membiarkan mereka yang datang dari Putrajaya mengatur kita semahunya. Kita harus menjadi sebahagian dan mempunyai equiti dalam setiap pembangunan strategik yang mereka lakukan di negeri kita ini. Jadi dengan kata lain, kita harap ke depan ini semua projek-projek pembangunan infrastruktur yang boleh menjana pendapatan dan kekayaan kepada negeri, ada kepentingan negeri di dalamnya, ada equiti negeri di dalamnya, yang inilah yang sedang kita usahakan, yang dipanggilkan *non-tax revenue* yang harus menjadi agenda kita untuk meningkatkan kekayaan kita, kerana *tax revenue* adalah sesuatu yang mungkin membebankan pengguna, membebankan rakyat. *The non-tax revenue* ini adalah usaha baru kita bagi membolehkan kita memacu ekonomi kita.

Jadi, akhir kata YB. Speaker, di penghujung ini saya juga ingin seperti sahabat-sahabat lain, walaupun saya tidaklah arif sangat dalam berpantun, saya sebelum pantun itu, saya nak kata, YB. Speaker, kita mungkin anak petani penoreh getah dan apa jua. Kita datang dari latar belakang yang cukup daif dan ada ketika kadangkala menitis air mata untuk cerita. Tapi hari ini kita berdiri di sini, di dalam Dewan Yang Mulia ini, di bawah kepimpinan Menteri Besar kita dan sahabat-sahabat semua, ini masa kita untuk memberikan yang terbaik buat negeri ini agar apabila kita bersara kita rasa puas dan bahagia bahawa kita telah melakukan yang luar biasa walaupun kita orang biasa pada pandangan mata semua. Jadi usahakan semua untuk kita menjadi sebahagian daripada cerita kebangkitan negeri kita, The Greater Kedah yang kita impikan pada tahun 2050 kita mencapai GDP RM576 bilion dan *journey* ini akan disambung oleh anak cucu kita sehingga tahun 2125, 100 *years from today* untuk membina sebuah negeri yang berjaya dan maju. Jadi saya sudahi akan kata-kata saya dengan sedikit pantun, iaitu;

Pohon jati akar berlengkar,
Di tepi sawah tempat bertemu,
Kita bersatu jangan bertengkar,
Negeri sejahtera, rakyat maju.

Biarlah kelak sejarah mencatat bahawa kita adalah generasi pemimpin yang bangkit membina dan bukan mereka yang meruntuhkan harapan ketika mana kami menghulurkan tangan dan semua kita harapkan memberi sokongan bagi membolehkan sebuah agenda besar negeri, The Greater Kedah menjadi kenyataan. Bangsa Kedah, bangsa berjaya. Akhir kalam, saya dengan ini menjunjung kasih dan menyokong akan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah. Wabillahitaufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Jitra. Seterusnya Yang Berhormat Sungai Limau. Dipersilakan.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin, Wassolatu wassalamu 'ala Rasullillah Hil Amin, Waala Alihi wa sahbihi ajma'in, Rabbi syrahli sodri, Wayassirli amri, Wahlul 'uqdatam millisani, Yafqahu qawli, Amma baq.
Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri, seluruh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan peringkat Persekutuan dan juga negeri, barisan pengamal media, tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian. Alhamdulillah syukur kepada Allah SWT kerana diberikan peluang untuk sama-sama menghadiri Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman pada pagi ini hari yang terakhir yang sudah pasti kita semua akan melaksanakan tanggungjawab yang telah diberikan amanah kepada kita dalam setiap posisi yang semua amanah-amanah itu akan disoal dan ditanya oleh Allah SWT.

Sebelum itu, izinkan saya untuk merakamkan penghargaan ucapan jutaan terima kasih serta menjunjung kasih atas titah ucapan perasmian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah pada hari pertama Pembukaan Sidang Dewan kita. Kita gulung selepas daripada YB. Jitra ni payah, dengan nada tinggi kita cakap *slow.*

Tapi insyaAllah, sebelum saya meneruskan ucapan penggulungan ini, kalau kita melihat kepada Ucapan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, banyak meyentuh tentang peranan dan fungsi Ahli-ahli Yang Berhormat, juga meyentuh tentang Islam sebagai ataupun agama rasmi, Undang-undang Tubuh Negeri dan juga Perlembagaan Persekutuan tentang bagaimana Kedah ini yang pernah suatu ketika dahulu maju. Maju bukan sekadar kebendaan tetapi maju kerana melaksanakan Islam sebagai ajaran.

Jadi, bersempena apa yang telah pun dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, saya mengajak kepada kita semua dalam soal dasar dan pelaksanaan gerak kerja yang kita laksanakan. Izinkan saya untuk menegaskan bahawa perkara asas yang cukup besar dan maknanya iaitu untuk kita melahirkan insan yang beriman yang berpegang teguh dengan ajaran Islam dalam setiap urusan pentadbiran, kepimpinan dan juga dalam usaha kita melahirkan modal insan yang kita sebut mereka itu semuanya khususnya rakyat Negeri Kedah Darul Aman. Ayat yang seringkali diulang-ulang untuk kita baca. Firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala dalam Suratun Nisa Ayat 58;

إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُكُمۡ أَن تُؤَدُّواْ ٱلۡأَمَٰنَٰتِ إِلَىٰٓ أَهۡلِهَا وَإِذَا حَكَمۡتُم بَيۡنَ ٱلنَّاسِ أَن تَحۡكُمُواْ بِٱلۡعَدۡلِۚ إِنَّ ٱللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُم بِهِۦٓۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ سَمِيعَۢا بَصِيرٗا

"Sesungguhnya Allah SWT menyuruh kamu untuk menyampaikan amanah, melaksanakan amanah kepada yang berhak menerimanya, dan apabila kamu menjalankan hukum sesama manusia, hendaklah kamu menghukumnya dengan adil. Sesungguhnya Allah sebaik-baik yang memberi pengajaran kepadamu. Sesungguhnya Allah maha mendengar, lagi maha melihat."

Amanah Yang dipikul oleh setiap kita, kalau seluruh kita melaksanakan amanah tersebut mengikut garis panduan sama ada garis panduan tugas ataupun garis panduan dari sudut agama, sudah pasti kita akan melaksanakan bukan hanya sekadar untuk mendapat pujian daripada ketua, bukan hanya sekadar untuk menyampaikan dan melaksanakan amanah yang akan dinikmati oleh orang lain, tetapi juga pelaksanaan kita dalam setiap pekerjaan kita. Ia akan dinilai oleh Allah SWT dan Allah akan berikan ganjaran atas apa yang kita laksanakan. Inilah tuntutan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan supaya kita pastikan bahawa ajaran Islam bukan hanya kita laksanakan dari sudut pemahaman kita, ia merupakan amalan peribadi, urusan peribadi tetapi sebenarnya semua yang kita laksanakan dalam kehidupan kita adalah mengikut apa yang diperintahkan oleh Allah SWT. Itulah tuntutannya.

Sesungguhnya Yang Berhormat Speaker dan Ahli Sidang Dewan yang mulia sekalian, antara punca utama sesebuah negara atau negeri bergelut dalam membina pentadbiran yang benar-benar berteraskan nilai Islam ialah kerana kita masih dibelenggu oleh warisan pemahaman sistem pentadbiran yang ditinggalkan oleh penjajah. Satu sistem yang secara halus dan terancang telah mengasingkan agama daripada urusan pentadbiran dan pemerintahan. Penjajah bukan sekadar datang merampas tanah dan hasil bumi kita, tetapi lebih daripada itu mereka berusaha merobohkan sistem nilai dan pemikiran kita dengan menjauhkan Islam daripada ruang kuasa pentadbiran dan juga undang-undang. Seolah-olah Islam dianggap asing dalam kehidupan kita seharian, sedangkan Allah SWT menegaskan di dalam Al-Quran; *Inna dina'inda Allahil-Islam*. "Sesungguhnya agama ataupun cara hidup yang diredai oleh Allah SWT adalah Islam" dan Allah SWT juga telah meletakkan garis panduan untuk kita pastikan bahawa semua yang kita laksanakan berpandukan kepada agama, kita akan mendapat keberkatan, kita akan mendapat kebaikan, ganjaran daripada Allah SWT.

Bayangkan kalau di kalangan kita seluruh pegawai-pegawai, Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga rakyat jelata seluruhnya, kita menganggap bahawa semua yang kita laksanakan sama ada dalam urusan pekerjaan kita sebagai contoh, tak kiralah apa jua pekerjaan yang kita buat kita menganggap pekerjaan itu kerana melaksanakan perintah Allah, bukan sekadar bekerja untuk mencari rezeki tetapi kerana melaksanakan perintah Allah. Allah memerintahkan kita untuk mencari rezeki yang halal maka kita bekerja. Sepanjang kita keluar daripada rumah, sehinggalah kita balik rumah, sepanjang waktu itu, itulah ibadah kita, *ubudiyyah* kepada Allah SWT. Kalau setiap daripada kita beranggapan sedemikian, kita keluar bekerja, kita sedang beribadah, kita keluar bekerja, Allah melihat apa yang kita buat, kita keluar bekerja, setiap yang kita buat, dikira, dihisab oleh Allah sama ada kebaikannya ataupun dosa yang kita buat semuanya dinilai oleh Allah SWT.

Mana mungkin dalam tengah kita beribadah kepada Allah mempunyai niat yang baik itu, kita akan melakukan perkara-perkara buruk, amalan-amalan yang dimurkai oleh Allah SWT, rasuahnya, tipunya, menganiaya orangnya, mana mungkin kalau kita melaksanakan sifat ihsan yang disebut dalam hadis baginda Rasullullah SAW:

أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ، فَإِنَّهُ يَرَاكَ

"Engkau menyembah Allah seolah-olah engkau melihat-Nya; sekiranya engkau tidak dapat melihat-Nya, maka (ketahuilah bahawa) sesungguhnya Dia melihatmu."
(Hadis Riwayat Imam Muslim)

Sifat ihsan yang disebut iaitu kita melaksanakan sesuatu urusan. Ubudiyyah kita kepada Allah SWT, seolah-olah kita melihat Allah. Kita ambil perumpamaan contoh, kita dengan manusia pun kalau orang besar di hadapan kita, sudah pasti kita akan buat kerja bersungguh-sungguh supaya pekerjaan itu dinilai baik tetapi sudah pasti di dunia ini kita tidak akan melihat Allah, tapi satu keyakinan yang mesti ada pada kita. Sesungguhnya Allah SWT sentiasa melihat apa yang kami kerjakan. Inilah yang perlu kita bawa dalam setiap urusan kita Khususnya pekerjaan dan generasi inilah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan sekalian tuan-tuan, puan-puan yang mengikuti secara langsung untuk kita nak bina generasi inilah yang takut kepada Allah SWT yang melaksanakan sungguh-sungguh pekerjaannya kerana Allah. The Greater Kedah yang kita ungkapkan, yang kita ucapkan untuk bukan hanya mengembalikan kegemilangan Negeri Kedah yang pernah kita capai dulu untuk masa depan kita nak menjadikan negeri kita ini negeri yang maju. Sejarah telah membuktikan bahawa dulu kita pernah maju dan Tuanku Baginda Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Contoh, Tuanku Sultan sebut dalam muka surat 8, Tamadun Kedah Tua juga perlu ditonjolkan sebagai produk pelancongan yang mempunyai nilai peradaban yang tinggi terutamanya dari segi kemajuan teknologi, kebudayaan dan perdagangan antarabangsa sehingga membawa kepada kegemilangan warisan tamadun yang bertunjangkan agama Islam.

YB. TUAN SPEAKER

5 minit lagi YB. Sungai Limau.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Islam pernah maju dulu di negeri kita dan di zaman baginda Rasulullah S.A.W, penubuhan negara Islam Madinah pada waktu itu Madinah rakyatnya majmuk, bukan hanya semua Islam tetapi di kalangan bukan Islam juga ditadbir dalam negara Islam Madinah. Kegemilangan Islam selepas baginda Rasulullah S.A.W, Khulafa Ar-Rasyidin juga semuanya berteraskan Islam. Jadi, marilah kita mengembalikan keyakinan kita, pemikiran kita, pentadbiran kita dalam segala yang kita laksanakan dengan memastikan bahawa Islam tetap menjadi ajaran dan rujukkan kita. Sudah tiba masanya untuk kita keluar daripada belenggu warisan kolonial. Kita perlu membina semula sebuah sistem pentadbiran yang bukan sahaja cekap dan berkesan tetapi juga berteraskan nilai Islam yang sebenar, adil, amanah, berintegriti, sejahtera dan membawa rahmat kepada seluruh rakyat. Nabi S.A.W juga bersabda;

مَا مِنْ وَلٍ يَلِي رَعِيَّةً، وَهُوَ عَسَى لَهُم، إِلَّا حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ

"Tidak ada seorang pun pemimpin yang bila diberikan amanah dia menipu rakyatnya. Maka yang Allah SWT sediakan untuknya di hari akhirat dia dijauhkan daripada Syurga".

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Inilah yang perlu kita pegang supaya kita akan melaksanakan tanggungjawab kita dengan penuh sungguh-sungguh apa yang Allah S.W.T. perintahkan. Kita bangkit bukan hanya untuk membetulkan system, tetapi untuk menyambung kembali hubungan kita dengan Allah melalui pentadbiran yang berasaskan Islam.

YB. TUAN SPEAKER

Pohon laluan untuk YB. YAB. Jeneri mengemukakan usul.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan di bawah Peraturan 12(1)(a) dibaca dengan usul di bawah Peraturan 12 (Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman) supaya Sidang Dewan pada hari ini diteruskan sehingga selesai atur cara Mesyuarat Dewan. Terima kasih.

YB. DATO' USTAZAH HAJAH SITI ASHAH BT. HAJI GHAZALI

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan ini.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Merbau Pulas. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya bersetuju dengan usul yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar tersebut. Sekian, terima kasih. Silakan sambung YB. Sungai Limau, tinggal seminit lagi. Tak pa, lajak sikit tak pa.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Saya minta 3 minit saja YB. Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

InsyaAllah, saya sebut dalam jawapan kepada YB. Lunas, soalan. Ada 7 gagasan yang telah pun kerajaan letakkan untuk Hal Ehwal Agama dan Pendidikan Islam iaitu untuk merealisasikan hala tuju Kedah 2035, yang pertama menjadikan pengurusan agama di Negeri Kedah sebagai rujukan dunia. Yang kedua menjadikan seluruh daerah di Negeri Kedah subur dengan pemberdayaan ilmu. Kita ada Raudatul ilmi, kita ada program Nur ala Nur di jabatan-jabatan dan juga program sokongan kita, penghayatan Al-Quran untuk kita bacakan di awal pagi dan kita harap ia dikembangkan kepada seluruh jabatan-jabatan, institusi-institusi pendidikan sehinggalah Al-Quran ini dibaca di rumah-rumah kita.

Yang ketiga memperkasa agenda kewangan Islam sebagai instrumen pembangunan. Kita berbangga dengan Zakat. Alhamdulillah, Zakat telah pun banyak untuk membantu masyarakat kita. Alhamdulillah hari ini, GLC-GLC Kerajaan, PKNK, KHDP dan juga anak-anak syarikat kerajaan, CSR yang dibuat juga untuk membantu masyarakat dan kita juga di peringkat Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah akan menyelaras maklumat-maklumat, sumbangan-sumbangan, program-program yang telah pun dilaksanakan di masjid-masjid supaya kita tahu nilai dia dan ini juga merupakan antara instrumen pembangunan Islam melalui kewangan Islam.

Yang keempat, mengangkat usaha dakwah merentasi gender dan peringkat umur masyarakat. Yang kelima memperkasa undang-undang syariah dan penyelesaian isu kekeluargaan. Keenam mengangkat martabat institusi pondok dan sekolah agama rakyat dan yang ketujuh kemenjadian pelajar daripada sekolah-sekolah seluruh negeri Kedah Darul Aman.

Kita meletakkan perkara ini dan kita telah melaksanakan program dan agenda-agenda untuk melaksanakan apa yang telah pun kita letakkan. Yang menjawab beberapa isu yang telah pun dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sentuh secara *direct.* Pertamanya, ketua pembangkang tentang cadangan sistem solar. Alhamdulillah, masjid-masjid sebenarnya bukan pembiayaan kerajaan tetapi ia merupakan pembiayaan swasta. Bukan negeri yang keluarkan duit, masjid pun tak keluarkan duit. Syarikat swasta yang berkehendak nak tempat, jadi Majlis Agama Islam membenarkan beberapa masjid.

Yang seterusnya, Bukit Pinang tentang IOCC Langkawi dan kertas telah pun dikemukakan oleh Telekom Malaysia kepada kerajaan beberapa cadangan sebab ia memerlukan kos yang tinggi dan kita akan angkat kepada Kementerian Digital pada waktu yang terdekat, insyaAllah.

Berkaitan dengan penerangan, program-program di RTM, memang sampai hari ini masih tak boleh tapi kita akan cuba sebab tadi pun Yang Berhormat Pembangkang, menyebut kerjasama negeri dan Persekutuan. Negeri, kita bersedia untuk bekerjasama tapi kalau YB. Menteri mai pun tak jumpa kita, tak jemput kita hadir program, mesyuarat pun tak buat, bagaimana kerjasama itu dapat kita jalankan. Dan juga kita mengharapkan institusi-institusi di bawah kerajaan negeri lah untuk melaksanakan program-program yang telah pun dirancang di peringkat negeri dan kita juga mengharapkan semua seluruh jabatan-jabatan berkaitan penerangan ini untuk kita sampaikan maklumat kepada masyarakat. Jadi, ada beberapa lagi soalan dibangkitkan oleh YB. -YB. Pantai Merdeka, Bakar Arang dan juga Bukit Lada yang saya tak sempat untuk jawab tapi insyaAllah kita akan sampaikan secara bertulis dan apa yang boleh kita kongsi kita di peringkat negeri berusaha untuk melaksanakan perkara-perkara yang menjadi agenda negeri untuk mensejahterakan rakyat di Negeri Kedah Darat Aman dan kita juga mengharapkan supaya di peringkat Persekutuan 'federal' dia juga memahami tugas federalisme yang kita sebut dan semua pakat faham tanggungjawab. Negeri serah kuasa, tapi bukan serah semata-mata, ada hak-hak negeri yang perlu diberikan kepada negeri oleh Persekutuan. Kita harap ia akan dipulangkan kembali antaranya kerjasama yang disebut oleh YB. Bakar Arang tadi. Tapi kalau kita minta seeemua tak layan, duk layan negeri sebelah sahaja bagi 'cemey' pun bagi. Jadi, itu juga kita nampak tidak adil kepada negeri yang kita cintai. Jadi terimalah dua rangkap pantun;

Madrasah ilmu surau diseri,
Anak watan di asuh rapi,
Agama disemai dalam diri,
Agar hidup diredhai Ilahi.

Bersama memimpin Kedah tercinta,
Menjaga amanah tak pernah leka,
Biar berbeza dalam pandangan kita,
Tujuan sama untuk rakyat sejahtera.

Dengan ini saya menyokong Ucapan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman. Alkholu qauli haza wa astaghfirullhalaẓim liwalakum. wassalamualaikum waraḥmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Limau. Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Merbau Pulas.

YB. DATO' USTAZAH HAJAH SITI ASHAH BT. HAJI GHAZALI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumussalam Wabarakatuh.

YB. DATO' USTAZAH HAJAH SITI ASHAH BT. HAJI GHAZALI

Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin, Wassolatu wassalamu 'ala Asyrafil Anbiya'i wal Mursalin, Sayyidina Muhammadin wa 'ala alihi wa sahbihi ajma'in. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang saya kasihi Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Yang Berhormat Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Yang Berhormat Dato' Wira Pegawai Kewangan Negeri Kedah, Yang Berbahagia Penasihat Undang-undang Negeri Kedah, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, ADUN-ADUN, Pegawai-pegawai daerah yang saya kasihi, Ketua-ketua Jabatan Persekutuan, seterusnya hadirin yang dihormati sekalian. Saya mulakan penggulungan saya ini dengan surah As-Sajidah ayat 5;

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يُدَبِّرُ ٱلْأَمْرَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ إِلَى ٱلْأَرْضِ ثُمَّ يَعْرُجُ إِلَيْهِ فِى يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُۥٓ أَلْفَ سَنَةٍ مِّمَّا تَعُدُّونَ

"Dia mengatur segala urusan dari langit ke bumi, kemudian urusan itu naik kepada-Nya dalam satu yang kadarnya (lamanya) adalah seribu tahun menurut perhitungan kamu."

Syukur Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah SWT, kerena dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita masih lagi dapat menjalankan tanggungjawab dan amanah rakyat dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri ini dengan penuh tertib, semangat demokrasi dan rasa bertanggungjawab yang tinggi. Terlebih dahulu izinkan patik mengambil kesempatan

ini untuk merafak sembah dan menjunjung kasih kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Darul Aman di atas titah ucapan sempena Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kedah Yang Ke-15 pada 20 April yang lalu. Titah Ucapan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah telah memberi panduan serta arah tuju yang jelas kepada patik semua, khususnya dalam urusan memperkukuhkan dasar pentadbiran, mempercepatkan pembangunan negeri dan memperkasakan kesejahteraan rakyat.

Seterusnya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Kedah di atas kepimpinan yang berwawasan serta komitmen yang tidak berbelah bahagi dalam memperjuangkan agenda pembangunan negeri dan kesejahteraan rakyat. Tidak lupa juga kepada semua Ahli Yang Berhormat yang sangat prihatin dan semangat yang ditunjukkan amat dihargai dan menjadi bukti bahawa kita semua komited dalam melaksanakan amanah rakyat dengan sebaik mungkin. Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada jentera Pentadbiran Kerajaan Negeri yang diketuai oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, bersama pegawai-pegawai kerajaan negeri dan Pesekutuan yang selama ini banyak membantu dan bertungkus- lumus memberi kerjasama dan komitmen yang tinggi demi memastikan rakyat Negeri Kedah mendapat bantuan dan manfaat yang sewajarnya yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Pesekutuan. Saya berharap semangat kerjasama ini akan terus dikekalkan demi memastikan segala dasar dan inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lancar, efisien dan memberi manfaat yang menyeluruh kepada seluruh rakyat Negeri Kedah.

Merujuk kepada Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah, Kerajaan Negeri melalui portfolio Ahli-Ahli Majlis Masyarakat Kerajaan akan terus mempergiatkan pelaksanaan dasar yang digariskan sejajar dengan Pelan Pembangunan Kedah 2035 dan Gagasan The Greater Kedah demi kelangsungan ekonomi negeri dan kesejahteraan rakyat Negeri Kedah.

Bagi menggulung perbahasan berkaitan kesejahteraan masyarakat, saya ingin menegaskan bahawa kerajaan negeri sentiasa komited dalam memastikan setiap dasar program dan inisiatif yang dilaksanakan benar-benar menyentuh keperluan rakyat di setiap lapisan masyarakat. Pelbagai langkah diambil oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat, termasuk penambahbaikan sistem kebajikan, pembangunan ekonomi setempat, pemerkasaan pendidikan, kesihatan dan perumahan rakyat. Seperti Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah yang menekankan bahawa kesejahteraan rakyat adalah nadi penting bagi sebuah kerajaan yang baik dan stabil.

Yang Berhormat Speaker, saya ingin menjawab soalan yang dibangkitkan oleh YB. Bayu, iaitu mengenai Ketua Kampung, MKK. Setiap MKK di Daerah Baling, di DUN Bayu, yang disebut oleh DUN Bayu, satu kampung 3,000 penduduk yang berada di bawah satu kampung yang disebut oleh DUN Bayu. Sebenarnya MKK ini adalah berkhidmat di luar kampung, di luar kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan. Bukan dalam kawasan taman, dalam kawasan kampung sahaja dan di dalam Parlimen luar bandar. Namun sekiranya terdapat kampung yang terletak di luar kawasan operasi PBT, di dalam Parlimen bandar, kampung tersebut akan diambil kira sebagai MKK. MKK boleh ditubuhkan di kampung mana-mana dilantik yang mempunyai bilangan penduduk 1,000 orang. Bayu, 1,000 orang! 200 buah rumah bagi kampung di Semenanjung Malaysia. Jadi, Tuan Pengawai Daerah dengan Penghulu, tengok baliklah yang dirungut oleh YB. Bayu.

Bagi penubuhan MKK yang kurang daripada 1,000 orang ataupun kurang daripada 200 buah rumah, perlulah menyediakan justifikasi kepada pejabat daerah untuk penilaian. Ada kampung yang tak sampai, apa semua tu, perbincangan di peringkat anak-beranak lah, diperingkat daerah dengan penghulu. Pembahagian, mungkin kawan itu saya rasa macam ni, dia duduk kampung nu, beradik-beradik dia banyak kampung ni, lepas tu dia nak ambil kampung itu juga sebagai dia penyelia. Ini anggapan saya, tapi insyaAllah kita percaya, yakin penuh kepada semua pegawai-pegawai daerah dapat menangani insyaAllah, apa yang telah ditimbulkan oleh Bayu itu. Jumlah kampung di Kedah ni sebanyak, yang terbarulah 1,100 kampung yang didaftarkan di bawah Pelan Malaysia. Jadi kalau ikut yang ni, kita ada 1,240 ketua kampung. Mana satu ketua kampung, satu kampung. Tapi ini jumlah yang telah dibuat oleh Pelan Malaysia dan mungkin ada kampung-kampung kecil yang tak masuk daftar tu. Kadang-kadang naik bukit sikit, kampung lain, dia panggil kampung gon, turun bukit, kampung turun bukit, tepi sungai, kampung tepi sungai. Sedangkan kampung yang besar tu, kampung yang lain. Mungkin itu juga berlaku, kampung-kampung dalam Kawasan, dalam DUN yang kita ada. Seterusnya, tak mahu jawab banyak tentang MKK sebab MB kata, “kena jawab sikit-sikit saja”. Dia kata, “*man kasura kalamun, kasura zambun”.* “Siapa banyak cakap, dia kata banyak dosa”. Itu saya pun tak mahu banyak cakap. MB pesan (sambil ketawa). Jadi saya akan jawab secepat mungkin. Itu disebut sikit lah, YB. Sidam sebut infra. Kalau kita lihat di Kedah ni, kalau dalam bandar tu mungkin saya rasa infra tu sudah agak kesesuaian, mencukupilah untuk masyarakat bandar.

Cuma dari segi sampahnya sikit, sampah tu kita yang buat dia. Kita yang tak buang, kita yang tak ada siviknya. Kita lempar sampah ikut suka kadang-kadang. Tapi dari segi peraturan bandar tu saya rasa dah agak selesa lah di Kedah ni. Dan yang saya sebutkan di sini adalah antaranya luar bandar. Luar bandar ni memanglah, dalam bandar ni hebat. Dan orang bandar, orang luar bandar lah yang kadang-kadang

banyak berlaku kekurangan infra di luar bandar. Antara inisiatif kerajaan yang disediakan adalah dari segi kerja-kerja penyelenggaraan jalan, kampung dan jambatan di kawasan kampung, luar bandar, penurapan jalan minitar, serta banyak lagi projek-projek kecil yang memberi manfaat kepada kesejahteraan penduduk di kawasan kampung-kampung. Secara tak langsung, berikutnya adalah jumlah bagi keseluruhannya bagi fasa 1 tahun 2025, sebanyak 309 projek yang melibatkan peruntukan kerajaan negeri sebanyak RM38 juta telah diperuntukkan kepada 12 daerah bagi perbelanjaan projek-projek berkaitan. Iaitu projek-projek mengenai jalan tar, parit, semuanya untuk luar bandar. Daerah Kuala Muda saja 28 projek RM7.2 juta, Baling 21 projek RM31 juta, Kulim RM34 juta, Bandar Baharu RM24 juta, Langkawi RM1.8 juta, Pendang RM2.3 juta, Yan RM2.2 juta, Kubang Pasu RM3.2 juta 24 projek. Keseluruhannya 309 projek berjumlah RM38.18 juta termasuklah Sik 23 projek RM21 juta.

Jadi, ini diantara sebahagian kerajaan telah mengambil inisiatif untuk memastikan penduduk luar bandar juga dapat menikmati pembangunan yang ada dan sebagai pembangunan yang mereka memudahkan urusan mereka untuk berurusan ke urusan-urusan harian mereka. Yang lain saya tidak nak sebut dah tentang sosial, tidak nak sebut sebab tak banyak ditimbulkan cuma kita berdoa kepada Allah S.W.T semoga kita akan diberkati dan dimurahkan rezeki, dimudahkan segala urusan kita untuk kita menjalankan tugas kita dan seterusnya saya akan menjawab sedikit bagi pihak adinda saya ADUN Bukit Kayu Hitam dan kita berdoalah kepada Allah S.W.T semoga Yang Berhormat terus kembali sihat seperti sediakala dan dapat meneruskan tugasan yang telah diamanahkan dengan segera, insyaAllah.

Dalam Portfolio Kebajikan Wanita Keluarga dan Masyarakat yang dibangkitkan oleh YB. Bandar Baharu, insentif kerajaan negeri kepada sukarelawan-sukarelawan membantu mangsa banjir. Untuk makluman YB Bandar Baharu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah telah meluluskan pelaksanaan Skim Elaun Kewangan Sukarelawan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah dengan menggunakan peruntukan sedia ada B.15 Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah tahun 2024. Program sukarelawan dan khidmat sosial yang melibatkan ahli komuniti sebagai sukarelawan diwujudkan sejajar dengan strategi yang telah ditetapkan dalam Dasar Kebajikan Negara 1990 yang memberi penekanan kepada membina dan memupuk semangat tolong-menolong, saling membantu ke arah masyarakat yang Sejahtera. Peranan sukarelawan menjadi semakin penting bukan sekadar sebagai mata dan telinga Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kerajaan Negeri Kedah, tetapi juga sebagai ejen perubahan dan pembangunan masyarakat setempat. Sehingga bulan Julai 2024, seramai 606 orang telah berdaftar sebagai sukarelawan JKM Negeri Kedah dan yang aktif seramai 224 orang melibatkan sukarelawan program khidmat bantu di rumah.

Selain itu, lebih 5,000 sukarelawan NGO kebajikan dan seluruh Negeri Kedah telah menjadi Rakan Strategik JKM Kedah dan terlibat dalam pelbagai aktiviti sukarelawan kemasyarakatan, termasuk digerakkan dalam misi bantuan banjir. Ini pun juga nak ringkaskan Yang Amat Berhormat Dato' Seri. Objektif pelaksanaan Skim Elaun Kewangan ini adalah satunya, memupuk semangat sukarelawan dalam kalangan sukarelawan. Dua, memberi penghargaan berbentuk token tunai dalam usaha meningkatkan kemahiran dan motivasi. Yang ketiga, melahirkan barisan sukarelawan Negeri Kedah yang berdaya tahan, bermotivasi. Pelaksanaan program melibatkan kuota 10 orang sukarelawan dalam pertubuhan sukarelawan kebajikan masyarakat bagi setiap 12 daerah dalam tempoh 12 bulan yang akan melibatkan seramai 120 orang sukarelawan.

Selain itu, penglibatan sukarelawan ini akan diatur secara penggiliran. Elaun kewangan tersebut dipertimbangkan secara himpunan mata di atas kerja-kerja sukarelawan yang dilaksanakan. Sebagai contoh, setiap program, satu program RM2 lima mata *points* dia. Yang kedua, maksimum yang dibenarkan 50 mata sahaja. Yang seterusnya, RM2 kali 50 mata dia akan dapat sekali program dapat RM100. Itu yang diberi lah. Program yang dianjurkan merupakan insentif kepada Pertubuhan Sukarelawan Kebajikan Masyarakat Daerah.

Seterusnya, saya akan memberi sedikit penjelasan mengenai Kuah yang disebut oleh YB. Kuah, masalah sosial dan keharmonian penduduk Langkawi, cadangan pemerkasaan Kawasan Rukun Tetangga. Untuk makluman YB. Kuah, Kawasan Rukun Tetangga berperanan sebagai ejen yang membantu menjadikan mekanisme perantaraan dan pendamai dalam komuniti dan boleh bertindak sebagai mata telinga kepada pihak yang berautoriti. Jadi, di sini disebut fungsi dia menjalankan apa-apa aktiviti bagi meningkatkan dan mengukuhkan semangat kejiranan, perpaduan, muhibah, keharmonian, keselesaan, keamanan, Kerjasama, keselamatan, kebajikan, kesihatan, kesejahteraan ekonomi dan kualiti hidup. Kedua, menerima maklumat untuk memerhati dan menyiasat semua isu mengenai konflik masyarakat di dalam kawasan. Yang ketiga, mengambil apa-apa langkah yang perlu atau wajar untuk membolehkan pemastautin melindungi diri mereka terhadap apa-apa aktiviti jenayah.

Empat, menyediakan pengantaraan dalam masyarakat bagi maksud pendamaian atau selain menyelesaikan apa-apa pertikaian. Lima, menjalankan apa-apa fungsi atau tugas lain yang diarahkan oleh ketua pengarah dari semasa ke semasa.

Terdapat 27 Kawasan Rukun Tetangga di Daerah Langkawi yang ditubuhkan sejak 1996. Kalau nak semua ini kita akan bagi, tapi cuma nak sebut saja kat sini dan juga untuk pengetahuan YB. Kuah juga di Langkawi ada 20 Skim Rondaan Sukarela (SRS) yang melibatkan jumlah keanggotaan peronda seramai 1,031 orang.

Berikut adalah senarai skim, saya tak nak bagi senarai skim ni banyak, senarai ni banyak sehingga 20. Akhirnya itulah jawapan yang saya boleh beri, mewakili adinda saya, YB. Bukit Kayu Hitam.

Jadi, terusnya sebagai penutup ucapan penggulunggan saya pada hari ini, izinkan saya sekali lagi merakamkan setinggi penghargaan kepada semua Ahli Dewan yang telah mengambil bahagian secara aktif dalam perbahasan yang penuh berhemah demi kesejahteraan, kemakmuran rakyat Negeri Kedah di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Segala pandangan, cadangan dan kritikan yang telah dikemukakan akan diambil maklum, diberi perhatian dan diambil tindakan selanjutnya oleh pihak kerajaan negeri demi memastikan setiap dasar program dan inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan serta memberi infak positif kepada rakyat dan pertimbangan negeri. Dan saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berbahagia DO Kulim, sebab dia akan bersara tidak berapa lama lagi. Saya ucapkan terima kasih, tahniah pada semua kerjasama yang baik diberikan kepada pihak, sebagai ADUN Merbau Pulas dan juga kepada Yang Dipertua MPKK, Yang Dipertua PBT Hi-Tech, dulu saudara Encik Halim, dan sekarang ni Puan Sunita, saya ucapkan jutaan terima kasih kepada JKR, JPS, semua agensi yang membantu, sebab Merbau Pulas ni KHTP itu adalah Merbau Pulas itu ada dalam DUN Merbau Pulas dan sebahagiannya Lunas sedikit. Jadi, kami kedua-dua ni memohonlah kerjasama yang baik semua agensi yang ada di situ melihat dan memantau kampung-kampung yang kecil di kawasan-kawasan MPKK dan juga PBT Hi-Tech, semoga mereka tidak terpencil dan terus terpencil daripada arus pembangunan.

Inilah yang kita nak dapat pihak Majlis dan juga pejabat daerah dan juga PBT Hi-Tech melihat kampung-kampung ini. Antaranya Kampung Padang Cina, Kampung Padang Meha, itu kampung-kampung yang agak tersepit, Kampung Baru, tersepit dalam pembangunan arus perdana yang hebat dengan industri yang begitu hebat. Jadi, masyarakat di situ selalulah merayu, memohon supaya apa-apa, kadang-kadang berlaku banjir kilat, kadang-kadang berlaku kesesakan, pengorbanan-pengorbanan dilakukan kepada mereka itu sepatutnya diberi penghargaan yang setimpalnya kepada mereka, insyaAllah.

Akhir kata, saya doakan agar kita semua sentiasa diberi kekuatan, keikhlasan dan kebijaksanaan dalam meneruskan khidmat kepada rakyat dan negeri yang kita cintai ini. Semoga segala usaha kita mendapat keberkatan dan dipemudahkan oleh Allah S.W.T. "Rabbana ighfir lana dhunubana, wa kaffir ‘anna sayyi’atina, wa tawaffana ma ‘al-abrār." Izinkan saya sudahi penggulungan saya dengan serangkap pantun;

Laksa Kedah kuah pekat dan pedas,
Makan sekali dengan timun muda,
Sekian gulungan saya yang ringkas,
Kalau terlebih mohon maaf dipinta.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya menyokong Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat Merbau Pulas, memberi masa yang lebih kepada Yang Amat Berhormat Jeneri. Bermakna hadam sungguh ayat yang baca awal tadi itu, cuma YAB. Jeneri itu gempar saja, dia nak ambil masa.

Seterusnya, dipersilakan Yang Amat Berhormat Jeneri**.**

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih YB. Speaker. Yang Berhormat rakan-rakan di belakang saya, Yang Berhormat Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Penasihat Undang-undang, Yang Berhormat Dato' Wira Pegawai Kewangan dan pasukannya, Yang Berhormat Dato'-Dato' Ahli Yang Berhormat EXCO, ADUN-ADUN, Ketua Pembangkang, rakan saya kelmarin masuk bilik saya, lepas ni dia langkah mai sebelah sini pulak (sambil ketawa).

Terima kasih pada rakan-rakan yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Perbahasan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, bermula dari hari kedua sampailah kemarin. Tidak banyak isu-isu besar yang dibangkitkan pada persidangan kali ini, tapi banyak depa duk kacau YB. Jitra (sambil ketawa). Kalau suara deras depa kacau. Kita cakap pelan-pelan sudah na? Pertama sekali saya nak betulkan satu fakta yang telah dibangkitkan dalam jawapan soalan lisan kelmarin dulu.

Saya sebutkan tentang KAGUMN (Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara) yang telah menghasilkan satu cadangan yang dikemukakan dalam MPFN (Majlis Perancang Fizikal Negara), RM41 juta. Tau-tau surat khabar tulis saya tolak. Saya tak tau, surat khabar ni mengaji sekolah mana tak tau? (sambil ketawa) Pi sekolah mana? Tengok balik video itu YB. Sidam, bila saya kata saya tolak. Tak dak! Saya kata, "kita kemukakan maklum balas kita, kaedah pengiraan kita, beberapa mekanisme yang kita ambil kira untuk kita buat tuntutan

RM200 juta". Bukan kita tolak RM41 juta. Tapi tajuk kan no? Dia buat cerita bagi sensasi, macam kita ni berlagak lah, dia nak buat seolah-olah kita ni berlagak. Oh! bagi dah RM41 juta tak mau, nak RM200 juta, sombong kan no? Haaa…macam tu. Daaakkk!!! RM41 juta itu pun tak bayar pun, cuma dibangunkan sistem, dibuat kiraan, dicadangkan kepada MPFN. Kita pecahlah, kita kemukakan kita punya pula, itu dipanggil perundingan. Tak selesai lagi, sebab perundingan tak selesai, selama perundingan masih boleh berjalan di atas muka bumi ni kita akan guna lah kaedah tu. Dengan harapan, cadangan kita tu diterima pakai, capai satu konsensus antara kedua pihak dan dipertimbangkan.

Selepas itu depa kona pi lagi, kata bagi dah RM1 billion. Kata, "kut mana pulak dah RM1 bilion?" RM1 bilion tu bukan duit untuk ganti rugi kos melepas yang telah kita korbankan, RM1 billion tu buat projek "parit gila", bukan Mail parit gila, dah aihh! Ini pun satu pasal juga. Oh! Kedah dapat dah RM1 bilion, minta apa lagi? Tak dapat pun, duit tu buat parit gila, bukan ganti cukai tanah yang kita hilang tu, bukan. Pun bukan RM1 bilion. Bagi kat MADA, buat parit gila, RM526 juta, RM235 juta lagi *repair* Empangan Pedu, *butterfly bath* tu. Kedua-dua tu RM761 juta, bukan RM1 bilion, bukan dapat kat *state*. Projek tu pula dibuat secara PFI, dibangunkan oleh PFI, MMC buat. Depa duk faham kata depa bagi kat kita RM1 bilion. Mai kut mana pulak? Ni saya keluar ayat tadi (sambil ketawa), sabar! Sabar! Kalau tak dak YB. Dato' Seri Setiausaha ni, lama dah saya akan pi (sambil ketawa). Pasal benda tak betul, dipalitkan kepada kita supaya kita menjadi hitam, walaupun kita putih, taklah putih sangaaattt (sambil ketawa) cerah dah. Tapi sentiasa dipalit untuk kita menjadi hitam, pasal ni *trend* politik yang tidak sihat. Benda hat tak elok semua nak palit kat kita kan? Kalau projek tu kita dah ikut sistem, ikut prosedur, ikut SOP, ikut kontrak yang telah dipersetujui antara kita dengan pihak kontraktor yang menang tender terbuka, salah tu semua mai kat kita. Kata tak betul ni, seolah-olah kita yang buat projek tu. Bila pulak aku duk pi bawa 'backhoe' kut dalam tapak LRA tu? Tak ada, semua sistem tu telah mengikat, sistem kita ni telah mengikat kita. Kita *follow* lah sampai lah, sampai hujungnya ada penyelesaian, tamatkah, sambungkah. Walau bagaimanapun, ikut dalam sistem itu lah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tidak pernah terlupa untuk mengingatkan kita tentang sejarah supaya kita ambil sejarah tu sebagai pedoman dan pengajaran dan sejarah tu jugalah ilmu untuk kita memahami senario semasa. Daripada latar belakang sejarah senario semasa inilah kita merancang untuk kita pergi ke depan. Itulah ilmu sejarah diajar, memahami masa lalu, memahami keadaan masa lalu, memahami keadaan semasa dan merancang untuk masa depan. Sebab itulah saya kata kegemilangan Kedah ini perlu dikembalikan oleh anak-anak Kedah, sebab itulah perjuangan kita ni tak pernah berhenti.

Jangan depa duk pi usik kita, suruh kita senyap. Kita tak akan senyap dan kita tak akan diam, perjuangan akan terus berjalan sampai kita mati, sampai kita menang, sampai kita mati. Kalau tak berjaya di zaman saya, mungkin berjaya di zaman generasi selepas saya. Mungkinlah selepas ini siapa-siapa yang mai duduk tang ni kan, duduk-duduk jadi EXCO, dia akan meneruskan usaha ni. Saya harap begitulah semangat kita, kecintaan kita. Kita buktikan kecintaan kepada negeri ni, dengan memperjuangkan nasib negeri ini. Jangan kita kata kita cinta negeri ni, tapi kita pejuang nasib orang lain. Bila kita cakap tentang negeri ini, ada sahaja ayat nak bantah, nak madamkan cahaya yang sedang kita nyalakan. Ada di negeri ini, oleh kerana ketaksuban kepada *political master* dia di tempat lain, dia duk sokong kawan tu. Padahal dia sedang memadamkan cahaya yang sedang kita usahakan. Saya kata, "itu bukan kecintaan kepada negeri, itu ketaksuban kepada fahaman politik". Lagu mana kita tak taulah, dia ada hutang duit kawan tu ka, saya tak tau, tapi nampak macam tu.

Pemimpin-pemimpin politik yang mengaku kata mencintai negerii ni, duk nyanyi lagu Negeri Kedah kan, cinta akan Kedah, kena sokong benda-benda baik yang sedang kita bawa. Janganlah kerana kepentingan politik, semasa duduk di sini sokong, langkah pi duduk sana tak sokong pulak. Macam KXP (Kulim International Airport), semua yang duduk di belah sini dulu, tak ada siapa yang bantah KXP. Saya konsisten, saya semasa duduk di tempat YB. Sidam, Ketua Pembangkang, saya sokong KXP, sampai la ni terpacak sokong, tak berganjak langsung. Itu ahli politik yang ada prinsip, benda baik, sokong, kut mana pun tak apa. Tapi nampak kawan-kawan yang tak dak dalam Dewan ni dah, dulu depa duduk sini mereka yang bawa, kita sambungkan hat depa. Depa pi luar, depa hentam kita balik. Projek tu projek depa yang bawa, kata pelik hampa ni. Mengaji sekolah mana tau tau? Dunia ni dihiasi aksesori-aksesori yang tidak perlu. Kerat tauk buanglah orang jenis tu, aksesori yang tidak perlu. Tuan-tuan sekalian, kita pernah jadi negara industri…YB. Sidam nak cakap ka? Tunggu sat dulu. Baru *introduction* tu.

YB. TUAN SPEAKER

Tak bagi lagi YB. Sidam.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Muqaddimah! Muqaddimah! Kita boleh pi sampai pukul 3.00 pasal ada usul dah, sampai selesai. YB. Sidam bukan kena sembahyang Zohor (sambil ketawa). Kita ada sejarah panjang, 2,000 tahun dulu kita terkenal sebuah negara industri, negara industri besi di sepanjang laluan perhubungan, semasa tu pakai sungai saja dengan laut. Sepanjang-panjang jalan perhubungan kita, kita ada industri besi.

Di sepanjang tu juga, di samping industri besi kita ada barangan setempat, rempah-ratus, bahan-bahan hutan yang didagangkan bersama kekuatan maritim kita pada masa itu. Pusat kita di Lembah Merbok itulah, di kaki Gunung Jerai, semua seluruh dunia. Kelmarin Pesuruhjaya Tinggi India mai, cerita tentang kegemilangan dulu yang perlu dibangkitkan semula. Dia pun mengikuti sejarah kita. Dia kata, "orang India dulu mai belayar, tengok Gunung Jerai itulah sebagai rumah api". Nu di India. Orang India pun nampak, orang di sini tak nampak, pelik sungguh. Selepas berlaku perubahan iklim, jalan-jalan perhubungan yang kebanyakan memakai aliran sungai mula tertimbus. Maka industri besi semakin perlahan, pelabuhan-pelabuhan menjadi cetek. Sama dengan yang dibangkitkan oleh Kuala Kedah. Kita sedang berubah YB. Anak Bukit, alam ni Allah cipta memang macam tu, pada masa suatu ketika dalam, lama-kelamaan menjadi cetek, tapi orang saja, pada satu masa kurus, lama-kelamaan menjadi kembung. Bukan YB. Anak Bukit, orang lain! Orang lain!

Tu perubahan yang berlaku, baik kepada sungai, baik kepada tubuh kita. Dulu saya kecil, sekarang ni besar dah. Saya lah saya sebut tadi tu. Perubahan! Perubahan berlaku ribuan tahun dulu, akhirnya pelabuhan kita tertimbus. Maka Kedah daripada sebuah negara industri yang berdagang di sungai dan laut, telah berubah menjadi negeri pertanian, mula berpindah pusat pemerintahan di Lembangan Sungai Merbok ke Kota Siputeh. Daripada pentadbiran Tuanku Sultan Kedah yang gemilang ribuan tahun ini, menggagaskan perubahan ekonomi, beralih daripada industri kepada pertanian, mula diusahakan sawah padi. Sebab itulah sawah padi kita di Kota Siputeh banyak. Kota Siputeh, di sanalah pusat kegemilangan pemerintahan untuk menggagaskan ekonomi pertanian. Masa berubah, pusat pemerintahan berubah, sampai Kuala Kedah kena serang dengan Siam, kena kecoh dengan Inggeris, kena kerat Pulau Pinang curi bawa lari, potong sana, potong sini. Waktu kita di bawah kuasa lemah, depa kuasai kita, waktu kita kuat, kita lawanlah balik! Pasal apa nak mengalah?! Saya pun hairan, semasa kita kuat, tak mahu lawan, duk senyaaap, takut. Takut apa tak tau? Waktu itu kita tak berupaya kerana Inggeris pakat dengan Siam pekena kita, terpaksa akur dengan keadaan kita pada masa itu. Bila kita mendongak semula, baliklah tengok keadaan itu, betul ke tak betul, keadilan sudah telah terlaksanakah kepada kita atau telah dianiaya. Kalau telah dianiaya, pada masa ini, anak cucu mesti bangkit lawan balik! Itu *basic* saja dalam kehidupan ini, janganlah kata kita melampau nak ambil negeri orang. Tak! negeri kita.

Kena mengaku hat tu dulu, baru kita boleh berjuang. Hat tu tak berani mengaku dah. Dia kata, "ini nak langgar perlembagaan". Bukan, perlembagaan itu kita yang tulis! Yang tak boleh ubah di dunia ini Al-Quran dengan Hadith saja, yang lain semua boleh ubah dan kita akan ubah benda itu berdasarkan peraturan yang ada ni, dalam sistem ni juga. Bukan saya balik pi Sik tubuh Askar Melayu pergi perang tu. Dak aihh! (sambil ketawa) Duk lagu tu juga, dalam sistem yang sama.

Selama mana sistem ni membenarkan, undang-undang membenarkan kita bergerak, kita akan jalanlah. Kita tak akan buat benda pelik-pelik, luar daripada kebiasaan, cuma perjuangan ini mesti diteruskan. Ada YB. Pengkalan Kundur bangkit pasal isu dengan Pulau Pinang. Saya nak tegaskan di sini bahawa isu tu tidak pernah kita anggap telah berakhir dan perjuangan untuk menuntut apa yang telah menjadi hak kita akan diteruskan oleh kerajaan ini. Kalau nak suruh perjuangan ini berhenti, sila kalahkan kami semua dalam pilihanraya yang akan datang! Larat ka? Rakyat Kedah, kalau sayangkan perjuangan ni, kekalkan mereka ni semua! Jangan bagi orang lain mai sini, orang lain tu semua akan menghentikan perjuangan ini, orang yang akan tunduk kepada desakan dan tekanan menggantikan gerombolan penjajah Inggeris dan Siam yang telah menekan kita sekian lama. Puak tu akan main ganti, kalau hampa biar puak ini akan kembali sebagaimana kita lemah pada masa lalu. Untuk menjadi kuat, pertahan depa ni semua. Hampa pun jangan lemah, jangan takut, dengan gentar kat siapa-siapa, lawan! Bukan suruh nikah dua, lawan! (sambil ketawa) Sikit lagi. Kita telah menyelesaikan kajian penting kepada dokumen-dokumen sejarah berkaitan hubungan dengan Pulau Pinang.

Saya ada sebutkan di Dewan ini bahawa lebih daripada 20 ribu helaian telah dikaji, telah dibukukan dan telah dibuat pembentangan, saya ingat dokumen dia sama tinggi dengan saya berdiri, dokumen. Yang kita tak pernah tengok pun kita ada, yang tak pernah didedah pun kita jumpa, lalu dokumen-dokumen inilah yang akan memandu hala tuju kemana kita nak pergi. Kita tengok dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan yang sedia ada, sama ada Perjanjian Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu Perkara Lima, Jadual Keempat Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu atau Perkara 167 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, Perkara Satu Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, semua itu akan diperhalusi selumat-lumatnya untuk kita bawa perjuangan ini sampai kita capai titik yang hendak kita tuju. Di sinilah kami akan berhenti, kami telah berpuas hati. Pada masa itu semua hak kita yang telah hilang telah pun kembali. Kena ada semangat macam itu YB. Sidam, baru boleh duduk dalam Dewan ini, mewakili rakyat negeri ini berjuang untuk negeri ini! Jangan berjuang untuk negeri lain, jangan berjuang untuk puak lain yang nak tekan kita. Dalam geopolitik, walaupun dalam peringkat nasional mesti ada persaingan ini dan kita duduk dalam Dewan ini hendaklah berdiri bersama negeri dan rakyat Kedah Darul Aman.

Kalau semangat bersama negeri lain, berasa lekeh negeri ini, hampa keluar Dewan ini, pi duk tang lain. Balik Perlis! YB. Sidam tak apa la balik Olak Madu. KXP, banyak dibangkitkan oleh rakan-rakan. KXP pun akan terus berjalan, cuma saya senyap sikit sebab dia *trigger* banyak hal dan kita sedang menguruskan yang terakhir, permohonan Aerodrome. Aerodrome di Utara Semenanjung ini diuruskan oleh TUDM dan kita akan buat sesi libat urus untuk memperjelaskan. Komen dulu semasa kita

punya *runway* nak naik pi kut tu, dia tak selari dengan Butterworth. Selepas kita tamatkan konsultan ADPI (Aéroports de Paris International) di Perancis tu kita buat design baru, kita telah *parallel*kan, selarikan *runway* antara Butterworth dengan *runway* cadangan kita di KXP. Sekarang ni kapal terbang akan naik pi kut tu (sambil tunjuk arah), tak dak duk 'senerih' sayap dah aihh, angin pun tak tempuh dah. Jadi, komen itulah akan kita buka untuk dapat komen teknikal daripada TUDM, sedang diusahakan perkara itu. Dan saya ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mengarahkan KSN (Ketua Setiausaha Negara) pada masa itu untuk memasukkan hal KXP ni dalam Mesyuarat Kabinet. Terima kasih Kerajaan Persekutuan. Hat kena cakap terima kasih, kita kata terima kasih, hat tak betul, kita habaq tak betul, lagu tu saja kita ini, bukannya ada lebih-lebih. Hat betul, kita kata betul, hat tak betul, kita mengaku tak betul. Simple saja, kalau kita duk pertahan hat tak betul, kita kata betul, sampai kiamat pun orang hentam kita. Pasal, sekarang ni bukan boleh tipu dah, bukan boleh kecoh-kecoh macam dulu. Dulu TV tak dak *colour*, bukanlah pasal *colour*, dak. Tekan saja keluar. Gambar YB. Sidam pun boleh keluar, buat AI (Artificial Intelligence) kan? Boleh, tuan-tuan *simple* saja pengurusan kita ni, hat betul, kata betul, hat tak betul, kata tak betul. Hat boleh, kata boleh, hat tak boleh, tak boleh lah.

Kemudian kita berunding, macam kita tuntut bayaran untuk tanah-tanah bendang. Kita akan teruskan, pasal itu kita fikir itulah hak kita dan semua rakyat Negeri Kedah berdiri di atas tuntutan itu. Mana ada orang nak lepas, kita kena tolong pertahan. Kulim Hi-tech Park, saya nampaklah kecenderungan ahli-ahli politik, pembangkang di negeri inilah. Oh! Dia kata, "tu projek *federal* bukan *state* punya". KTPC, Kulim Hi-Tech Park tu, Federal. Masa dia duduk di sini, dia kata tu state punya (sambil ketawa). Hampa ni tak konsisten sungguh. Tak boleh lagu tu, kena konsisten. Semasa duduk di sini, kata *state* punya, semasa duduk sana kata *state* punya juga lah. Pasal hakikat dia memang kerja tu *state* buat, yang YB. Jitra sebut tadi tu. Kita buat loan, kita buat pinjaman, lepas tu kita bayar balik. Kita pinjam duit YB. Sidam pergi beli motor, selepas tu duit pinjam tu kita bayar balik habis dah dekat YB. Sidam. Motor tu hak YB. Sidam ka hak saya? Masalah depa kata, motor tu pun hak YB. Sidam juga, pasal pinjam duit Sidam. Pening hampa ni. Duit aku bayar dah, motor takkan hat hang juga, duit motor hat aku lah, aku bayar dah hutang hang. Masalah orang tak reti ni, lagu tu kita pinjam duit *Federal* melalui PKNK, kita tubuhkan KTPC (Kulim Technology Park Corporation), yang menguruskan taman tu. Mereka inilah yang urus, ada 80 orang lebih pegawai yang mengendalikan taman tu. Satu-satunya projek yang berkait dengan Kulim Hi-Tech Park dan dibiayai sepenuhnya oleh Persekutuan adalah BKE (Butterworth-Kulim Expressway), *highway* daripada Butterworth pi Kulim, sambung lagi pi ke Baling. Tu *Federal* punya projek, lain daripada tu semua duit loan dan bila kita loan satu pengambilan balik tanah buat fasal 1, 2, 3, *Federal* bagi geran untuk infra.

Kita tak pernah sembunyi benda tu. Bersama dengan loan RM195 juta ni, ada geran RM131 juta untuk infra. Pasal apa dia kena bagi duit infra? Pasal semua cukai industri kilang di situ, pergi *Federal.* Kalau semua bangun dengan duit *loan*, dia tak bagi duit apa langsung, ooii.. untung banyak, modai tak kena. La ni sama-sama bawa keluar modal, kita hutang RM195, dia bagi duit infra RM131 juta, pakat lagu tu jadilah benda tu. Tapi yang tak tak berlaku ialah fasa 4A, hutang *Federal* pun dak, *Federal* infra pun tak bagi. Kita bangunkan 249 ekar, fasa 4A. Itu nak kata duit projek *Federal* juga kah? Semua duit aku, duit *roadtax* ka, brek ka, kulit gear ka, apa semua duit aku. Takkan nak kata moto hang jugak? Haa.. macam mana tu? 4A 100% duit kita, itu projek *state.* Fasa 5, pinjam RM195 juta, dia bagi duit infra RM131 juta. RM195 juta tu dengan perkembangan semasa, tak cukup! Tapi saya pun hairan, kawan saya ni, dia suka main Tiktok. Dia menguruskan sebuah kementerian penting, kena jadi s*tatesman,* jangan kona-kona. Kalau duduk dalam ekonomi, kena ada fakta. Kita kata, kita pinjam duit hang RM195 juta, hang *charge* kami 4% setahun, ada *collecteral,* ada jaminan. Kita gadai tanah PKNK buat jaminan, buat cagaran, pada pinjaman tu. Dulu tak ada, sekarang ada, cagaran tanah-tanah PKNK untuk buat pinjaman RM195 juta.

Oleh kerana perkembangan semasa ni, duit tu tak cukup dah untuk dapatkan tanah tu kerana dulu JPPH (Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta) *value* RM7, RM8, kita minta RM10, tak cukup, harganya dah jadi RM18 lebih. Kita minta NOC (No Objection Certificate), ni YB. Jitra dah cerita tadi. Kalau dia minta surat, tak apa, kita boleh bagi surat tu. Dia balik duk senyap setahun, lepas tu dia kata kita surat tak bagi. Dah hang tak minta, cuba hang minta. Tak dak mulut ka dia ni ha? Saya pun hairan, tapi Tiktok pandai, sampai Rumah Terbuka Menteri Besar pun dia komen. Tak dak sangkut paut dengan Kementerian Ekonomi langsung. Tunjuk saya menyanyi, dia kata, hat dia tak hebat, hat saya hebat. Memang pun semua orang tau! (sambil ketawa) Tak dak sapa tak tau, semua orang tau kata hang formula sahaja, kerja tak jalan. Tak habaq pun orang tau, tapi pi duk komen benda-benda lagu tu, dia kata kita tak bagi surat sebab tu dia tak sign NOC. Setahun, takkan tak boleh buka mulut, “surat mana?” Kita hantarlah surat.

Proses dia, NOC kena lulus dulu, baru kita boleh *deal* dengan pembelian tanah tu. Kita dah *lock* secara rundingan RM7.66, tanah *Boustead (Holdings)*, lock dah, ok uruskan NOC. NOC lulus, baru boleh bawa keluar surat, dia pun syarikat di bawah LTAT, bukan orang lain pun. Tapi dah nak main politik juga, kata kita tak bagi surat, surat sekeping, minta kita bagi la, bukan susah pun. Surat sekeping tu jadi alasan, *hold* setahun. Saya tabik *spring* kepada PMX yang menguruskan hal ni 30 minit saja! 30 minit jumpa PMX, selesai! Tapi oleh kerana kita pi jumpa PMX, janganlah kecik hati pula. Dah aku bagi masa hang setahun untuk urus, hang tak *settle*, kita pergi jumpa bos hang. Bos hang boleh selesai, hang jangan kecil hati kat bos hang pula.

Sekarang ni tengah pemilihan parti kan? Mungkin ada orang lawan dia, tak taulah siapa lawan dia, saya sokonglah. Kita taruh api sikitlah, kasi panas. Pemilihan mesti panas baru rancak.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, proses dia macam tu, kita tambah dana dalaman kita. Dia pi habaq kata, kita terpaksa berhutang pula kerana kita tak bagi surat sepucuk tu. Dak aihh! Kita tak hutang aihh! Hang tau mana? Kami tak tau kata kami berhutang, hang pulak pi tau. Tu kata pelik dia ni, buka mulut saja, haaa… buka mulut saja… (sambil ketawa) tak boleh lagutu, tak boleh. Kami tak berhutang, kami ada dana dalaman untuk menampung kekurangan RM360 juta kos tanah tu. Oleh kerana *loan* tu tinggal RM180 juta lebih kita dah guna sikit untuk buat pengambilan 12 ekar sebelum ni, kita tampung dengan dana dalaman, tak dak pinjam pun. Macam mana dia boleh kata pinjam, YB. Sidam, tolong pi perbetul. Bos awak kan?

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Sepatutnya hari tu yang menteri mai tu, Yang Amat Berhormat la tanya, kan benda tu hari tu dah mai duduk depan-depan dah, tapi pakat senyap pula hari tu.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Duduk depan-depan cakap elok, balik-balik sana baru tak elok (sambil ketawa). Saya hairan jugak dia ni pun, masa depan tak berani cakap, balik sana baru berani. Kunyit ka apa tak tau. Tarik balik YB. Speaker, 'kunyit'.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Kunyit tu apa pun saya tak tau. Depan-depan tak cakap, mai duduk elok, makan 'darai' apa semua kan no? Makan kuih 'darai' habis berbakul-bakul, balik-balik buat TikTok, pelik juga dia ni pun. Tak boleh berkawan lagutu, sekali kita berkawan, kita berkawan sampai mati. Bergaduh tak macam tu, bergaduh sat dah selesai habislah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Tuanku telah menitahkan untuk diberi perhatian kepada pembangunan Bandar Baharu. Saya telah berbincang dan kita akan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas Pembangunan Ekonomi Daerah Bandar Baharu untuk melaksanakan titah ini. Buat masa ini, ada 1,600 ekar akan dimajukan oleh pihak swasta merangkumi kawasan industri, perumahan dan komersial dijangka

memacu pertumbuhan Bandar Baharu pada ketika ini yang dah ada. Jawatankuasa khas yang akan ditubuhkan oleh negeri untuk melaksanakan titah Tuanku Sultan ini, akan melihat lebih jauh keperluan-keperluan Bandar Baharu untuk dibangunkan bersesuaian dengan lokasi yang strategik tapi tak tahu di mana silapnya terlepas pandang, Bandar Baharu tak ada apa.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Bandar Baharu juga kita telah pelan negeri ini. Sebelum saya ada di sini, telah disebut tentang NCH dulu nama macam-macamlah, Northern Corridor Highway, dulu nama lain sebuah jajaran *highway* baru daripada Bandar Baharu keluar di Sungai Petani. Saya sokong projek itu, daripada dulu sampai la ni. Tak ada ubah punya walaupun tukar tempat kerana kita faham keperluan jajaran NCH untuk menjadi katalis kepada pertumbuhan Bandar Baharu. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dulu telah saya difahamkan EPU (Unit Perancang Ekonomi) telah buat tender. Jadi kerana jajarannya disambung daripada Changkat Jering sampai Padang Besar, ada *spot-spot* tertentu, trafik kurang. Bila trafik kurang, orang tak berapa minat. Trafik kurang ni contohnya daripada Sungai Petani pi ke Padang Besar, trafik dia kurang, orang jarang pi. Tapi trafik yang tinggi ni alirannya, Bandar Baharu sampai Sungai Petani. Itu satu pakej yang patut dilaksanakan. Saya harap, Dewan yang mulia ni merekodkan permohonan kita supaya Kerajaan Persekutuan melalui EPU meneruskan rancangan bagi pakej Bandar Baharu sampai Sungai Petani. Bukan saja dapat menjadi katalis kepada pembangunan Daerah Bandar Baharu, tapi dapat menyelesaikan penyuraian trafik di Seberang Jaya dan Juru.

Sekarang ni Kerajaan Persekutuan dah dimaklumkan meluluskan pembinaan jalan bertingkat di Juru dan Seberang Jaya untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas. Saya dah hujah dalam mesyuarat yang sama bahawa untuk pemandu-pemandu kenderaan-kenderaan yang nak bergerak lebih daripada Seberang Jaya, khususnya nak mai ke Kedah, mereka perlu ada alternatif daripada jalan bertingkat tu yang saya yakin tetap akan jem, sebab kalau pergi Bangkok, jalan tujuh tingkat duduk jem situ juga. Mesti ada penyuraian baru dan penyuraian trafik yang paling munasabah adalah Bandar Baharu keluar Sungai Petani, tak gaduh lintas Seberang Jaya dan Juru dah. Saya harap perkara ni diberi pertimbangan khusus dan kita bagi pihak kerajaan negeri menanti-nantilah sejak 10 atau 11 tahun yang lalu untuk projek jajaran *highway* baru, Bandar Baharu ke Sungai Petani menjadi realiti, insyaAllah.

YB. Tokai sebut pasal pembangunan Kota Putra, Durian Burung. Kebanyakan tanah-tanah di Durian Burung dan Kota Putra ni adalah milik syarikat swasta, ada syarikat Tradewind, ada syarikat macam-macam lah. Dan bila swasta, dia bergantung kepada bisnes, tanah-tanah dia, dia kena nilai daripada perniagaan dia, baru dia nak laksanakan projek tu.

Kalau dia buat, pastu rugi, tak dak syarikat yang beroperasi macam tu, untung dia buat lah, rugi dia tak buat, dia kena nilai benda tu, dan kita telah bantu untuk tukar syarat-syarat tanah yang berstatus petanian ni, untuk jadi tanah industri di sekitar Kota Putra ni supaya ia juga dapat membantu kemasukan industri ke Daerah Padang Terap khususnya di Kota Putra untuk bangunkan bandar sempadan. Kita tukar syarat, kita luluskan dalam SPC (Surat Penyelesaian Cukai) untuk ditukar syarat tanah ini. Di mana swasta dia macam tulah doktor, kalau klinik tak dak orang mai tak payah buka lah. Buka buat apa, orang tak mai. Macam tulah, di Kota Putra pun, kena tengok *business assessment* untuk dibangunkan, saya rasa macam tu.

KXP (Kulim International Airport) saya sudah sebutkan tadi kita akan teruskan usaha untuk menjayakan projek ini. Untuk peruntukan RM1 bilion yang diberi kepada MADA dan pembaikan *butterfly valve* di Pedu, kita rakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah turun merasmikan projek itu di Ayer Hitam. Tapi depa tak jemput YB. Ayer Hitam ya? Kesiaaaan… Pejabat dia dekat tu saja, depa tak jemput dia. Tak berapa manis la noh? Lain kali kalau buat program besar-besar tu ada wakil-wakil rakyat kita jemput lah. YB. Sidam tolong habaq kat depa. Tulis! Tulis!

Lot lidi, lot lidi ni pun jadi hantu juga (sambil ketawa). Banyak kali dah kita habaq jangan beli lah lot lidi walaupun murah, pasal masa ke depan dia jadi payah. Buat apa jimat duit pada masa ni, pada masa depan dia jem, tak boleh buat. Mati pemilik tu, nak pusaka tak boleh. Anak-anak duk dalam tu, nak pusaka macam mana? Siapa nak pegang geran tu? Bukan ada geran pun, geran nama orang lain. Buh nama, kalau buh nama pun esok, nak genjak pi, nak genjak mai, tak boleh. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya nak ulang sekali lagi kepada bakal-bakal pembeli tanah dan nak bina rumah, tak usah beli lot lidi. Saya mungkin menjadi musuh kepada orang jual lot lidi, memang tak boleh beli, dan tak usah jual lah dekat orang, naya orang tu. Dia ada undang-undang yang berkaitan permohonan memecah satu lot besar menjadi lot-lot kecil akan melalui proses ubah jenis kegunaan tanah UJKT (Urusetia Jawatankuasa Kerja Tanah) serentak dengan proses pecah sempadan daripada pertanian kepada bangunan. Kena ubah macam kita mohon buat taman tu, baru dia jadi laku, perlu disah. Kemudian barulah tanah-tanah yang dipecah tersebut dapat dipindah milik kepada pembeli, pun tertakluk kepada KM (Kebenaran Merancang). Kos dia mungkin lebih, tapi masalah tak akan berbangkit di kemudian hari.

Masalah kita ni nak jimat la ni, nak rugi kemudian, lot lidi. Tak usah buat begitu.
Lot lidi adalah pecah lot yang dibuat tanpa merujuk kepada peruntukan undang-undang, maka pembeli tidak dapat didaftar dan dapat hak milik, hakikat terdapat permintaan yang menggalakkan dari kalangan pembeli. Ni pun susah juga, orang nak juga, mai masalah dia cari wakil rakyat.

Kebanyakannya kawasan bendang ni kerana tanah mahal, depa nak beli lot nak buat rumah kecil, dia pi hat tu juga. Saya kata tak usah beli, tolonglah tak usah beli. Untuk kes lot lidi yang sedia ada, kerajaan ambil maklum situasi ini, pemilik tanah boleh buat serahan keseluruhan tanah dan dipohon semula atas kategori bangunan oleh pembeli-pembeli lot kecil berkenaan. Serah balik kepada kerajaan semua, mohon balik. Tapi dia akan tolak lah, akses, parit, jalan, semua kena tolak daripada lot tu. Kalau lot lidi tu tanah petak, tak dak parit, tak dak jalan. Namun pembeli tertakluk menjelaskan premium tanah kategori bangunan sebelum hak milik dapat dikeluarkan. Sekarang ni tanah tu pertanian, bila serah, mohon balik, dia jadi syarat bangunan, barulah dapat ditadbir dengan berlunaskan undang-undang. Suka untuk saya sarankan pihak PBT dan Pelan Malaysia mengkaji dan *facilitate/legalize* untuk membenarkan lot lidi ini tapi kena ikut proses yang benar.

Dalam keadaan sekarang ini, pindah milik tanah kategori pertanian tertakluk kepada Sekyen 205(3) yang tidak membenarkan pindah milik tanah pertanian kurang daripada satu ekar. Sungai dalam lot tanah, kalau ikut undang-undang, sungai-sungai yang dimasukkan dalam geran adalah pemilik, milik tuan tu lah, sungai tu dia punya secara sah oleh mana-mana badan yang dilupuskan kepadanya tanah berkenaan, sungai tu hak dia. Ini bukanlah isu maraan sungai secara semula jadi, sungai makan lot sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 49 KTN (Kanun Tanah Negara). Ada kesilapan-kesilapan dulu-dulu, kita tak tau di situ ada sungai, contoh di Langkawi dikeluarkan, dilupuskan satu tanah 1,000 ekar kepada satu syarikat, dalam tu ada sungai, ada jalan, semua jadi dia punya dan terjadi juga di Sungai Ular di Kulim, sungai tu duk dalam geran, tapi geran tu geran PKNK, geran BDB, geran syarikat, sungai tu dia punya. Untuk isu sungai dalam lot antara langkah yang boleh diambil oleh tuan tanah adalah menyerah semula sebahagian tanah kepada kerajaan dan tanah tersebut akan diukur semula untuk dikeluarkan hak milik sambungan.

Ada kemungkinan tanah yang terlibat dengan keadaan ini di mana sungai berada di tengah lot akan terpisah dua dan dua hak milik akan didaftarkan atas nama tuan asal. Jadi dua geran. Masalah dia, ada orang suka sungai dalam tanah dia, dia boleh buat chalet, dia boleh buat apa guna sungai tu. Ada dia tak suka kalau sungai tu kembang, bila banjir mai, sungai tu melimpah, tanah dia banjir, selepas tu dia kena bayar cukai tanah, termasuk cukai tanah dengan sungai tu. Itulah dua pertimbangan yang perlu dibuat, tuan-tuan boleh serahkan untuk dibuat geran baru.

Pencerobohan tanah Kerajaan. Kerajaan memandang serius isu-isu ini akan dipantau dari semasa ke semasa, sekarang ni dibuat operasi bersepadu agensi PDRM, Perhutanan, PTG (Pejabat Pengarah Tanah& Galian), JMG (Jabatan Mineral & Geosains), Perhilitan dan lain-lain untuk mengatasi masalah pencerobohan.

Kepada soalan YB. Tokai berkenaan dengan Kedah Aerotropolis akan dikemukakan secara bertulis, panjang isu Aerotropolis ni dia agak teknikal. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, itu saja isu-isu yang saya nak bangkitkan dalam penggulungan ini. Takdan sampai pukul 3.00 juga noh? Cadang tadi nak tahaq sampai pukul 3.00 (sambil ketawa). Saya rakamkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Saya ucap terima kasih kepada rakan-rakan EXCO yang telah membuat penggulungan berdasarkan portfolio masing-masing. Ahli-ahli Berhormat sekalian, kalau tengok EXCO dulu dengan EXCO sekarang ni jauh berbeza. Setiap orang ada fungsi, yang telah berfungsi dengan baik, saya ucap terima kasih dan saya bersaksi kepada Allah Ta'ala anda semua telah bekerja dengan bersungguh-sungguh. Satgi depa tak tolong saksi kita sama, jahanam kita (sambil ketawa).

Islam ni lagu tu, bila ada orang mati, bila selesai sembahyang mayat, orang yang hadir tu akan tanya, “apa kamu bersaksi kepada mayat ini?” Orang semua tu akan bersaksi baik, biar ada pengakuan kepada orang ramai bahawa dia ni baik. Ni Allah ambil kira juga, sama macam kerja buat kita hari inilah. Kalau semua orang kata baik kan, insyaAllah akan dicatit sebagai baik. Kalau kita duk berasa kita baik, orang lain semua hentam, (sambil ketawa) mungkin orang tanya, “apa pandanganmu kepada mayat ni?” Orang senyap tak kata apa, pasal jahat (sambil ketawa).

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya habiskan dengan satu doa yang akan jadi pedoman dan pegangan kita semua. Semoga Allah terus beri kekuatan kepada kita mentadbir dan memberi pandangan-pandangan berdasarkan fungsi masing-masing. Saya minta maaf kepada rakan-rakan di sana, tiga orang. Semua tu rakan saya, tuan-tuan pun bercakap kerana tuan-tuan ada di situ. Kalau tuan-tuan ada di sini, mungkin sokong saya terpacak juga lah kan? Tapi oleh kerana ada di situ, kena becakap juga lah sebagai pembangkang, baru ada semak dan imbang. Saya faham benda tu semua. Cakap-cakap saya ni hanya gurauan untuk menghidupkan suasana di Dewan ni. Saya menghormati fungsi tuan-tuan tiga orang ni, insyaAllah bilangan tuan-tuan tidak akan bertambah lagi (sambil ketawa). Tak dak pun tak syok juga, ada ramai pun susah kan, cukuplah tiga.

Firman Allah S.W.T

رَبَّنَا إِنَّنَا سَمِعْنَا مُنَادِيًا يُنَادِي لِلْإِيمَانِ أَنْ آمِنُوا بِرَبِّكُمْ فَآمَنَّا ۚ رَبَّنَا فَاغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَكَفِّرْ عَنَّا سَيِّئَاتِنَا وَتَوَفَّنَا مَعَ الْأَبْرَارِ
رَبَّنَا وَآتِنَا مَا وَعَدتَّنَا عَلَىٰ رُسُلِكَ وَلَا تُخْزِنَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۗ إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ الْمِيعَادَ

(Surah Ali 'Imran, ayat 193-194)

"*Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah mendengar seorang penyeru yang menyeru kepada iman, (iaitu) 'Berimanlah kamu kepada Tuhan kamu!' lalu kami pun beriman. Wahai Tuhan kami! Ampunilah dosa-dosa kami, dan hapuskanlah daripada kami kejahatan-kejahatan kami, serta matikanlah kami bersama orang-orang yang berbuat baik. Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kepada kami apa yang telah Engkau janjikan kepada kami melalui Rasul-rasul-Mu, dan janganlah Engkau hinakan kami pada hari kiamat. Sesungguhnya Engkau tidak memungkiri janji."*

Dengan doa ini supaya hati kita menjadi lembut, sejuk untuk kita bekerja walaupun gaya kita mungkin kasar, *robust,* tetapi kalau Allah tetapkan hati kita dalam keadaan tenang sejuk istiqamah, berdiri di atas jalan benar sedaya upaya tanpa terpesong dengan apa-apa, insyaAllah, Allah akan matikan kita semua dalam Dewan ini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli EXCO, saya sendiri, para pegawai, para ketua-ketua agensi Negeri dan Persekutuan, rakan-rakan yang menyaksikan persidangan ini, Allah matikan kita sebagai orang yang memiliki hati yang tenang, jiwa yang tenang. "*Ya ayyatuha an-nafsul-mutma'innah Irji'i ila rabbiki radiyatan mardiyyah Fadkhuli fi 'ibadi Wadkhuli jannati"* dan masuk syurga dengan tenang InsyaAllah. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Amat Berhormat Jeneri. Speaker juga bersaksikan Yang Amat Berhormat Jeneri cukup menghayati ayat yang dibaca oleh YB. Merbau Pulas tadi. Kalau tidak kita pukul 3.00 juga.

Jadi, untuk seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan di hadapan Dewan yang perlu diputuskan sekarang ialah satu usul yang berbunyi;

"Patek-patek sekalian, Speaker dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman dalam persidangan ini dengan penuh hormat dan takzimnya menjunjung kasih Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah di atas perkenannya Tuanku menyampaikan titah ucapan sempena Perasmian Pembukaan Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman bagi Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Yang Ke 15".

Ahli-ahli Yang Berhormat yang setuju dengan cadangan ini minta kata "setuju" dan yang tidak kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. TUAN SPEAKER

Usul ini diluluskan.

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya Tuan Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-Undang Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2025.

III. RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH (KEDAH DARUL AMAN) (PINDAAN) 2025

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-Undang Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2025 dibacakan bagi kali yang pertama

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk bacaan kali pertama.

YB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya kemukakan cadangan saya berkenaan dengan Rang Undang-Undang tersebut, dukacita dimaklumkan ianya tidak sempat disiarkan di dalam Warta Kerajaan menurut Peraturan 65, Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman. Oleh kerana Rang Undang-Undang ini mustahak diadakan dengan segera, maka kebenaran Yang Berhormat Tuan Speaker telah pun diambil menurut sepertimana yang dikehendaki oleh Peraturan Dewan. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang bernama "Satu Enakmen untuk meminda Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM ABD. SAMAT

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

"Satu Enakmen untuk meminda Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014. Bacaan kali pertama.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk menerangkan rang undang-undang tersebut.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon memberitahu bahawa saya hendak mencadangkan supaya rang undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua pada persidangan ini juga.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang kedua dan dengan ini sukalah saya menjelaskan sedikit sebanyak mengenai Rang Undang-Undang Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2025 seperti berikut:

1. Dalam usaha menambah baik perundangan Syariah di Negeri Kedah Darul Aman, Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman yang bersidang pada 25 sehingga 26 Ogos 2024 telah meluluskan beberapa rang undang-undang seperti yang berikut:

    (i) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah (Pindaan) 2024;

    (ii) Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2024;

    (iii) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2024;

    (iv) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2024;

(v) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2024; dan
(vi) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2024.

2. Tujuan pindaan undang-undang yang dinyatakan di atas secara umumnya adalah bagi memperuntukkan lapisan mahkamah baharu yang tertinggi iaitu Mahkamah Utama Syariah dan memperuntukkan penubuhan mahkamah syariah dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah Darul Aman yang secara tidak langsungnya pindaan dalam enakmen yang berkaitan perlulah dilaksanakan.

3. Bagi memastikan kelancaran pengurusan pentadbiran dan kehakiman empat (4) lapisan Mahkamah Syariah, Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014 juga perlu dipinda.

4. Tujuan pindaan Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014 adalah untuk menyelaras beberapa peruntukan undang-undang sedia ada enakmen tersebut agar selari dengan peruntukan dalam Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2024.

5. Peruntukan yang dicadangkan untuk dipinda adalah tafsiran hakim, mahkamah dan pendaftar. Tafsiran yang sedia ada adalah merujuk kepada Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008 yang akan dimansuhkan apabila Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2024 dikuatkuasakan.

6. Rang Undang-Undang ini mempunyai tiga (3) Fasal sebagaimana yang dinyatakan dalam huraian kepada Rang Undang-Undang yang telah diedarkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dengan ini saya mohon mencadangkan agar Rang Undang-Undang ini diluluskan oleh Dewan Yang Mulia ini. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER - PERBAHASAN

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang Dewan dibuka untuk perbahasan.

[Tiada Perbahasan]

YB. TUAN SPEAKER

Tidak ada.

YB. TUAN SPEAKER - PENGGULUNGAN

Dipersilakan pihak Kerajaan untuk menggulung Rang Undang-Undang tersebut.

YB. TUAN SPEAKER

Tidak ada.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan di hadapan Dewan sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang berbunyi "Satu Enakmen untuk meminda Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. TUAN SPEAKER

Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang kedua.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

"Satu Enakmen untuk meminda Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014. Bacaan kali kedua.

YB. TUAN SPEAKER

Dewan sekarang bersidang sebagai Jawatankuasa.

TUAN SETIAUSAHA - FASAL 1

YB. TUAN PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN PENGERUSI

Fasal 1 ditetap menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA - FASAL 2

YB. TUAN PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN PENGERUSI

Fasal 2 ditetap menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 3

YB. TUAN PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 3 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN PENGERUSI

Sekarang Dewan kembali kepada persidangannya.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YAB. Dato’ Seri Menteri Besar untuk bacaan kali ketiga.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah ditimbangkan oleh Jawatankuasa Dewan dan dipersetujui dengan tiada apa-apa pindaan. Dengan itu, saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang ketiga sekarang dan diluluskan.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. TUAN SPEAKER

Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang ketiga sekarang dan diluluskan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2025.

Adalah dengan ini diperbuat Undang-Undang oleh Majlis Undangan Negeri Kedah Darul Aman seperti berikut. Bacaan Kali Ketiga.

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya Tuan Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-Undang Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2025.

IV. RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN TATACARA JENAYAH SYARIAH (KEDAH DARUL AMAN) (PINDAAN) 2025

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-Undang Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2025 dibacakan bagi kali yang pertama.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk bacaan kali pertama.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya kemukakan cadangan saya berkenaan dengan Rang Undang-Undang tersebut, dukacita dimaklumkan ianya tidak sempat disiarkan di dalam Warta Kerajaan menurut Peraturan 65, Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman. Oleh kerana Rang Undang-Undang ini mustahak diadakan dengan segera, maka kebenaran Yang Berhormat Tuan Speaker telah pun diambil menurut sepertimana yang dikehendaki oleh Peraturan Dewan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang bernama "Satu Enakmen untuk meminda Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM ABD. SAMAT

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

"Satu Enakmen untuk meminda Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014. Bacaan kali pertama.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk menerangkan Rang Undang-Undang tersebut.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon memberitahu bahawa saya hendak mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang kedua pada persidangan ini juga.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang kedua dan dengan ini sukalah saya menjelaskan sedikit sebanyak mengenai Rang Undang-Undang Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2025 seperti berikut:

1. Dalam usaha menambah baik perundangan Syariah di Negeri Kedah, Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman yang bersidang pada 25 sehingga 26 Ogos 2024 telah meluluskan beberapa rang undang-undang seperti yang berikut:

   (i) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah (Pindaan) 2024;
   (ii) Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2024;
   (iii) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2024;
   (iv) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2024;
   (v) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2024; dan
   (vi) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2024.

2. Tujuan pindaan undang-undang yang dinyatakan di atas secara umumnya adalah bagi memperuntukkan lapisan mahkamah baharu yang tertinggi iaitu Mahkamah Utama Syariah dan memperuntukkan penubuhan mahkamah syariah dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah Darul Aman yang secara tidak langsungnya pindaan dalam enakmen yang berkaitan perlu dilaksanakan.

3. Bagi memastikan kelancaran pengurusan pentadbiran dan kehakiman empat (4) lapisan Mahkamah Syariah, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014 juga perlu dipinda.

4. Tujuan pindaan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014 adalah untuk menyelaras beberapa peruntukan undang-undang sedia ada enakmen tersebut agar selari dengan peruntukan dalam Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2024.

5. Peruntukan yang dicadangkan untuk dipinda adalah tafsiran hakim, mahkamah pendaftar, seksyen 5 dan seksyen 168. Tafsiran yang sedia ada adalah merujuk kepada Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008 yang akan dimansuhkan apabila Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2024 dikuatkuasakan.

6. Rang Undang-Undang ini mempunyai lima (5) Fasal sebagaimana yang dinyatakan dalam huraian kepada Rang Undang-Undang yang telah diedarkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dengan ini saya mohon mencadangkan agar Rang Undang-Undang ini diluluskan oleh Dewan Yang Mulia ini.

Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER - PERBAHASAN

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang Dewan dibuka untuk perbahasan.

[Tiada Perbahasan]

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan pihak Kerajaan untuk menggulung Rang Undang-Undang tersebut.

YB. TUAN SPEAKER

Ada? Silakan YB.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Yang Berhormat Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat sebentar tadi, Rang Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) (Pindaan) adalah bertujuan untuk menyelaras beberapa peruntukan undang-undang sedia ada dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2014 agar selari dengan peruntukan Enakmen Mahkamah Syariah Kedah Syariah 2024 yang kita telah pun buat pindaan.

Jadi, beberapa perkataan hakim, perkataan mahkamah dan perkataan pendaftar yang sebelum ni merujuk pindaan ini dibuat kepada seksyen 5 dan seksyen 168 dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2024. Tafsiran yang sedia ada untuk perkataan hakim, mahkamah dan pendaftar itu merujuk kepada Enakmen Mahkamah Syariah Kedah Darul Aman 2008. Jadi, sedangkan Enakmen 2008 ini akan dimansuhkan, apabila Enakmen Mahkamah Syariah Kedah 2024 dikuatkuasakan. Dan untuk seksyen ini juga ada lagi tambahan iaitu seksyen 168, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2014 yang sebelum ini memperuntukkan tempoh had masa untuk memfail kebenaran merayu di mahkamah rayuan syariah adalah sebulan, sedangkan subseksyen 25(1) Enakmen Mahkamah Syariah Kedah Darul Aman 2024 hanya memperuntukkan tempoh masa selama 14 hari. Jadi, inilah pindaan yang perlu dibuat supaya tidak menimbulkan kekeliruan apabila enakmen ini dikuatkuasakan. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Limau.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan di hadapan Dewan sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang berbunyi “Satu Enakmen untuk meminda Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN SPEAKER

Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang kedua.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

“Satu Enakmen untuk meminda Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014”. Bacaan kali kedua.

YB. TUAN SPEAKER

Dewan sekarang bersidang sebagai Jawatankuasa.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Tuan Setiausaha Dewan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 1

YB. TUAN PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN PENGERUSI

Fasal 1 ditetap menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Tuan Setiausaha Dewan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 2

YB. TUAN PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN PENGERUSI

Fasal 2 ditetap menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Tuan Setiausaha Dewan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 3

YB. TUAN PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 3 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Tuan Setiausaha Dewan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 4

YB. TUAN PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 4 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Tuan Setiausaha Dewan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 5

YB. TUAN PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 5 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN PENGERUSI

Sekarang Dewan kembali kepada persidangannya**.**

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YAB. Dato’ Seri Menteri Besar untuk bacaan kali ketiga.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah ditimbangkan oleh Jawatankuasa Dewan dan dipersetujui dengan tiada apa-apa pindaan. Dengan itu, saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang ketiga sekarang dan diluluskan.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhomat Sungai Limau.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. TUAN SPEAKER

Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang ketiga sekarang dan diluluskan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2025.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Adalah dengan ini diperbuat Undang-Undang oleh Majlis Undangan Negeri Kedah Darul Aman seperti berikut. Bacaan Kali Ketiga.

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya Tuan Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Tangguhan Sidang Dewan.

V. TANGGUHAN SIDANG DEWAN

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YAB. Jeneri.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum membacakan bait-bait ayat penangguhan Dewan, sekali lagi saya mengambil kesempatan di hujung-hujung ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pada persidangan dewan kali ini dengan sempurna. Sedaya upaya untuk melontarkankan pandangan, cadangan kepada Dewan ini supaya diambil perhatian oleh semua pihak yang ada *authority* dan tanggungjawab untuk melaksanakan apa yang telah diputuskan.

Saya ucapkan terima kasih juga kepada YB. Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri dan pasukannya yang memimpin pentadbiran kerajaan dengan baik selama beliau berada di sini. Kita harap beliau dipanjangkan usia untuk terus berada di sini. Pasai nampak muda, depa tak tau kata…. (sambil ketawa). Muda memang muda, insyaAllah akan terus berkhidmat untuk kita semua. Terima kasih juga kepada ketua-ketua jabatan agensi negeri dan Persekutuan yang telah memberi sokongan tidak berbelah bahagi kepada kerajaan untuk melaksanakan tanggungjawab masing-masing, insyaAllah.

Kita akan bertemu lagi pada Dewan akan datang, saya harap sebelum kita dapat bertemu lagi, jaga kesihatan masing-masing. Kalau ada aktiviti tu bolehlah pi katok-katok golf, pi *driving range*, tak reti main tak pa, pi la katok, bola tu seraga sepuluh ringgit, *driver* boleh pinjam. Saya pinjam *driver* pengarah air ni, Pengarah Lembaga Sumber Air. *Driver* tu dia punya, bola tu sepuluh ringgit. Saya pi melawat, saya Presiden Kedah Royal Club tu, saya presiden. Kerja saya duk pi melawat pi duk tengok. Kebetulan kenalan saya dia ambik *driving range* tu. Dia yang kendalikan. *Time* pi melawat tu dia kata, "*try* la bos". Kita pun hayunlah (sambil ketawa). Orang ambil gambar, saya bukan main golf. InsyaAllah akan datang, akan cuba sebab seboleh-bolehnya dalam hidup kita ni, kita cuba semua benda yang tak salah, kita menguasai.

Sebab itulah ada dalam kalangan *golfer-golfer* ni yang baik-baik kan noh, kalau depa tengok saya hayun pun depa tau, ni 'mangkuk hayun' punya…. (sambil ketawa). Depa tau dengan 'cengkoi', dengan pegang tak betul kan noh, ini 'mangkuk hayun', bukan main golf. Tapi oleh kerana depa tak dak modal nak kembalikan kita dengan

kehitaman tadi, sebab depa kata, "saya ni kerja buang masa, main golf". Bukan main golf lagutu cek oooiiii, main golf di padang. Hat tu *driving range*, tempat orang *training.* Saya pun sempena lawatan tu saya hentam pi tengok, jadi lagu mana kan? Pecah juga la ibu jari ni, tak pandai buat. Tu la…. Kawan ni teruk sungguh (sambil ketawa). Lepas tu depa ungkitlah, dulu kata tak main golf, main rugby. Memang saya tak main golf lagi, insyaAllah pada masa depan belum tentu lagi. Kalau saya main saya ajak YB. Sidam sekali. Haaa…. Kita pi tengok siapa masuk tasik (sambil ketawa). Pakat-pakat jadi 'mangkuk hayun' dah. Sepuluh ringgit saja bola tu satu raga, berapa puluh biji saya pun tak tau. Hayun pi lah. Adoi… Meriahnya Negeri Kedah ni (sambil ketawa), macam tu pun orang buat isu, tak dak isu lain, tak dak. Bukannya kita duk pelari anak dara orang pun, katok bola golf saja (sambil ketawa).

Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, oleh kerana perkara-perkara di dalam Agenda Persidangan Dewan pada kali ini telah pun selesai dibincangkan, maka saya pohon mencadangkan di bawah Peraturan 16(3) Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman supaya persidangan ini ditangguhkan sehingga ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak. Yang Berhormat Speaker, saya telah menceburi bidang sukan baru, yang akan saya pamerkan pada malam esok di satu tempatlah di Malaysia ni. 'Chingay', haa… Kita akan saksikan 'chingay' pada malam esok, insyaAllah. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat YB. Merbau Pulas.

YB. DATO' USTAZAH HAJAH SITI ASHAH BT. HAJI GHAZALI

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu. Tak dak 'chingay' la yang ni.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas kerjasama yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sehingga perjalanan urusan mesyuarat dapat berjalan dengan sempurna dan teratur. Kerjasama yang begini diharap dapat diteruskan dengan baik lagi pada masa-masa yang akan datang.

Dewan dibuka penuh istiadat diraja,
Ditutup pula dengan gembira.
Sekian sahaja Dewan kita,
Moga berjumpa di lain masa.

Di atas dahan burung tempua,
Melihat rusa di tepi perigi.
Salam perpisahan untuk semua,
Di lain masa bersua lagi.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Sidang Dewan kali ini ditangguhkan sehingga ke suatu masa yang akan diberitahu kelak. Sekian Wallahu Alam. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

[Dewan ditangguhkan pada jam 1.40 petang]